JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN BERTULIS

I. **Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji)** bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah sebabnya tindakan-tindakan penguatkuasaan oleh MPPP tidak diambil ke atas penjaja, gerai-gerai haram serta pengubahsuaian bangunan serta tambahan haram kepada bangunan walaupun terdapat banyak aduan sejak kebelakangan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Buat masa ini, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mengamalkan konsep penguatkuasaan berhemah. Para penjaja tanpa lesen akan diberi nasihat demi nasihat berhubung pelaksanaan dan keperluan lesen serta memaklumkan mengapa mereka tidak boleh berniaga di sesuatu tempat.

   Setelah nasihat diberi, MPPP akan mengeluarkan notis rasmi memaklumkan pelanggaran undang-undang berkaitan. Jika perniagaan masih diteruskan, maka notis Pemberitahu Tentang Kesalahan (PTK) akan dikeluarkan kepada penjaja-penjaja tersebut.

   Tindakan rampasan dan perobohan hanya akan dilakukan ke atas kes-kes yang serius dan melibatkan kes aduan awam, kesesakan lalu lintas dan kacau ganggu awam.

   Bagi struktur-struktur binaan haram yang dibina di atas tanah persendirian, notis di bawah Sek. 72, Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 akan dikeluarkan. Sekiranya kehendak notis-notis tidak dipatuhi, maka tindakan penguatkuasaan atau mahkamah akan diambil terhadap struktur haram yang berkaitan.

   Terdapat juga kes-kes tertentu yang tindakan penguatkuasaan tidak dapat diteruskan dan terpaksa ditangguhkan.

   Bagi struktur haram yang dibina di atas tanah milik Kerajaan, Pejabat Tanah Daerah Timur Laut/Daerah Barat Daya (DTL/DBD) akan mengambil tindakan di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara, 1965.

   Sepanjang tahun 2008, sebanyak 303 kes rampasan/perobohan penjaja haram dan 27 kes ke atas bangunan dan tambahan haram telah diambil tindakan oleh MPPP.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Adakah benar bahawa pengambilan pekerja baru telah dibekukan di Pihak Berkuasa Tempatan sejak satu (1) tahun ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Pengambilan pekerja baru bagi memasuki Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri telah dibuat secara berhemah dalam tempoh setahun ini. Jabatan-jabatan lebih berhati-hati dalam membuat pengisian memandangkan keperluan melaksanakan langkah-langkah berjimat cermat dalam perbelanjaan Kerajaan Negeri. Justeru, pengisian hanya dibuat berdasarkan keperluan semasa bagi jawatan-jawatan yang kritikal dengan mengambil kira kekangan kewangan Jabatan berkenaan dan bukannya berpandukan jumlah keseluruhan kekosongan yang ada.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Mengapakah terdapat ketidaksanggupan oleh pihak Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengubahsuai dan mempertingkatkan gerai-gerai makanan di hadapan Blok C, Taman Tun Sardon, Gelugor, Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan sebarang pembangunan yang ingin dijalankan di Perumahan Taman Tun Sardon. Untuk makluman, gerai-gerai makan di hadapan Blok C, Taman Tun Sardon merupakan gerai-gerai haram yang telah dibina di atas tapak tempat letak kereta Blok C. Bahagian Perumahan kini sedang di dalam proses permohonan hak milik strata untuk Rancangan Perumahan Taman Tun Sardon. Memandangkan permohonan untuk mengubahsuai dan mempertingkatkan gerai-gerai makanan tersebut melibatkan struktur konkrit, ulasan teknikal perlu diperoleh daripada pihak Pejabat Tanah dan Galian terlebih dahulu. Kini, kerja-kerja ukur telah pun selesai dan menunggu proses pengeluaran hak milik strata. Dengan pembinaan gerai-gerai ini dikhuatiri akan mengganggu kelancaran proses pengeluaran hak milik strata tersebut.

   Melalui mesyuarat pada 27 Februari 2009 bersama YB RSN Rayer di Dewan JKKK, Taman Tun Sardon, perkara yang melibatkan proses pengeluaran hak milik strata tersebut telah diperjelaskan. Di samping itu juga, pihak MPPP juga memaklumkan bahawa setiap binaan yang ingin dibina perlu mendapat kelulusan daripada pihak MPPP. Bagi menyatakan tersebut pembinaan gera-gerai tersebut adalah dicadangkan di atas tapak sedia ada iaitu di atas tapak tempat letak kereta.

   Dari segi peraturan, MPPP memaklumkan bahawa pembinaan tersebut perlu kelulusan kerana terdapat perubahan ke atas gunaan tapak tersebut iaitu daripada tempat letak kereta menjadi gerai. Kajian berkaitan keperluan tempat kereta di kawasan tersebut juga perlu dilihat kerana dengan adanya pembinaan gerai ini maka jumlah tempat letak kereta akan berkurangan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Bolehkah kerajaan negeri memperuntukkan bantuan kewangan untuk menyediakan infrastruktur dan mekanisme pencegahan dan pembanterasan jenayah seperti kamera CCTV di semua DUN?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerajaan Negeri telah memasang sebanyak 31 buah kamera CCTV di lokasi-lokasi di sebelah pulau yang dikenal pasti oleh pihak Polis mengikut statistik kekerapan berlakunya jenayah. Selain daripada itu, PBT juga telah menyediakan kamera mudah alih kepada pihak Polis yang boleh dipasang di mana-mana lokasi mengikut keperluan. Pihak Polis sering menjalankan operasi unit kamera bergerak ini untuk pemantauan lokasi-lokasi di mana kadar jenayah meningkat.

   Di samping itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga bercadang untuk memasang sebanyak 24 buah kamera lagi di bahagian pulau, Pulau Pinang dan 24 di Seberang Perai yang dijangka dapat beroperasi pada akhir tahun 2009.

Kerajaan Negeri bercadang untuk memasang sebanyak 164 buah kamera CCTV tambahan di lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti oleh pihak Polis di seluruh pulau. Dokumen tender telah disediakan dan tender terbuka akan dipanggil. Pada masa sekarang, MPPP bersama pihak Polis sedang memuktamadkan pemerolehan jalur frekuensi yang mencukupi daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta penggunaan rangkaian *fibre optics* Telekom Malaysia. Adalah dijangka bahawa kerja-kerja pemasangan dapat dimulakan pada bulan Ogos 2009 dan disiapkan sebelum penghujung tahun 2009.

Kerajaan Negeri berhasrat untuk meluaskan lagi liputan sistem CCTV secara berperingkat mengikut kemampuan. Bantuan kewangan Kerajaan Pusat telah dipohon pada September 2008. Sejumlah RM43.65 juta dipohon untuk pemasangan sebanyak 485 CCTV di premis-premis awam bagi tempoh 5 tahun.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Bagaimanakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk mengatasi masalah ketidakseimbangan dan kekurangan kakitangan Cina dan India dalam Majlis Kerajaan Tempatan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Pulau Pinang mengamalkan sistem pengambilan secara terbuka kepada semua kaum bagi mengisi kekosongan jawatan PBT berkenaan. Pengambilan dibuat berdasarkan kepada syarat-syarat kelayakan masuk ke dalam skim perkhidmatan yang telah ditetapkan.

   Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai memaklumkan mengenai kekosongan jawatan melalui penyiaran iklan melalui akhbar-akhbar utama tempatan termasuk akhbar berbahasa Inggeris, Cina dan Tamil serta di laman web "penang.gov.my".

   PBT berkenaan sentiasa memberi peluang yang sama kepada semua kaum iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain kaum untuk memohon jawatan-jawatan yang sesuai dengan kelayakan mengikut jenis pekerjaan yang dipohon. Hanya calon-calon yang memenuhi kriteria seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan sahaja akan dipilih dan pemilihan calon-calon yang layak juga tidak dibuat berdasarkan kaum.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Bagaimanakah kerajaan bercadang untuk mengatasi masalah pembinaan Gurdwara bagi masyarakat Sikh di tanah RIBI yang boleh disediakan di Bayan Baru, Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Tanah RIBI yang dimaksudkan merupakan tanah milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), iaitu di atas Lot 1760, 9650, 9563 & 8156, Bayan Baru, Pulau Pinang.

   Mengikut Pelan Dasar dan Perancangan serta Kawalan Pemajuan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), tapak ditunjukkan sebagai kegunaan keagamaan/ kebudayaan. Tapak tersebut adalah untuk kegunaan secara bersama rumah ibadat di situ.

Kerajaan negeri telah membentuk satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Y.B. Tuan Abdul Malik bin Abul Kassim untuk menyelesaikan masalah permohonan tanah oleh Gurdwara tersebut. Setakat ini mesyuarat pertama telah diadakan pada 9 Januari 2009 lalu bersama dengan pihak Gurdwara. Beberapa cadangan telah dibincangkan untuk diteliti lebih lanjut iaitu :

(a) Mengadakan perbincangan antara ADUN-ADUN kawasan bersama PDC, agensi-agensi dan jabatan-jabatan berkaitan;

(b) Sekiranya perlu, perbincangan juga akan diadakan dengan pihak kuil, gereja dan tokong Cina di kawasan RIBI di Bayan Baru; dan

(c) Merancang semula tempat letak kereta dan kawasan berhampiran tapak RIBI.

Dengan cadangan-cadangan tersebut, kerajaan negeri akan meneliti dan seterusnya memastikan kemudahan asas yang disalurkan untuk agama masing-masing dalam masyarakat majmuk yang berbilang kaum dan agama dapat diguna pakai serta dapat hidup dalam keadaan harmoni.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji): bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Bilakah kontrak parking di seluruh Pulau Pinang akan tamat kerana terdapat banyak keluhan bahawa kontrak parking ini masih dikendalikan oleh pengusaha- pengusaha lama?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Bagi kawasan pulau, tender tempat letak kereta/motosikal telah tamat pada 31 Mac 2009 kecuali satu (1) kes yang akan tamat pada 15 April 2009. Untuk kes-kes yang telah tamat pada 31 Mac 2009, ianya telah diluluskan untuk disambung atas dasar bulan ke bulan sehingga Sistem Letak Kereta yang baru diperkenalkan. Terdapat tujuh (7) tempat letak kereta yang telah tamat lebih awal daripada 31 Mac 2009 dan telah disambung atas dasar bulan ke bulan sehingga sistem yang baru diperkenalkan.

Di Seberang Perai pula sehingga kini, MPSP tidak pernah menawarkan tender kepada mana-mana pengusaha untuk menguruskan tempat letak kereta bagi menjalankan kutipan di kawasan pewartaan tempat letak kereta MPSP. Pada masa ini, tempat letak kereta yang diwartakan diuruskan sendiri oleh MPSP.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Bolehkah kerajaan negeri sekarang menggubal satu dasar baru supaya semua rumah berhala dan kuil Hindu di Pulau Pinang walaupun didirikan tanpa kebenaran pihak berkuasa dapat disahkan kedudukannya bermula sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan Negeri telah menetapkan satu dasar yang berkaitan di dalam Rancangan struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020 yang telah diwartakan pada 28 Jun 2007, iaitu:

(i) Semua cadangan pembinaan serta tukar guna bangunan kepada rumah-rumah ibadat perlu mengemukakan permohonan kebenaran merancang dan mendapat kelulusan dari pihak berkuasa.

(ii) Sebarang pembinaan struktur adalah tertakluk di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974. Bagi pembinaan rumah berhala dan kuil Hindu, ianya akan dirujuk ke satu jawatankuasa di peringkat Kerajaan Negeri, iaitu Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam untuk pertimbangan dan kelulusan terlebih dahulu.

Sehubungan itu, kerajaan negeri belum lagi bercadang untuk menggubal satu dasar baru mengenai perkara ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Apakah sebabnya masalah penempatan semula nelayan di kawasan Sungai Gelugor masih tidak dapat diselesaikan sehingga sekarang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Penempatan semula nelayan di kawasan Sungai Gelugor masih tidak dapat diselesaikan kerana nelayan-nelayan yang terlibat yang sepatutnya berpindah tetapi enggan berpindah ke jeti kekal yang telah disediakan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Parcel C3, Jelutong. Alasan yang diberikan mereka ialah:

(i) Jeti tersebut terletak agak jauh dari penempatan mereka dan tiada kemudahan pengangkutan awam ke kawasan tersebut;

(ii) Masalah keselamatan di jeti baru nelayan dan tempat simpanan pukat yang kurang sesuai dan kecil; dan

(iii) Kawasan persekitaran jeti yang berbau busuk.

Mengikut persetujuan asal, mereka bersetuju berpindah dan pampasan telah pun dibayar oleh kerajaan negeri.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Mengapa kerajaan lama tidak mengambil berat langsung tentang nasib para nelayan kawasan Sungai Gelugor di DUN Seri Delima semasa membincangkan konsesi dengan pemegang konsesi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Setelah menimbang dan mengambil kira semua faktor berkaitan pembinaan Lebuh Raya Jelutong dalam beberapa siri perbincangan dan mesyuarat yang telah diadakan dengan pemegang konsesi dan golongan yang terlibat (termasuklah nelayan di kawasan Sungai Gelugor di DUN Seri Delima), kerajaan negeri telah memutuskan perkara berikut iaitu:

(i) Pihak pemegang konsesi perlu menyediakan sebuah jeti kekal untuk menempatkan semua nelayan yang terlibat, termasuklah nelayan-nelayan dari kawasan Sungai Gelugor;

(ii) Kerajaan Negeri akan membayar wang ihsan sebagai pampasan kepada nelayan dan awak-awak yang terlibat;

(iii) Pihak pemaju akan membina 1,500 unit rumah kos rendah dan 4,000 unit kos sederhana rendah;

(iv) Pihak pemegang konsesi tidak diberikan kepada pihak pemegang konsesi bagi mengutip tol;

(v) Pihak pemegang konsesi diberikan hak menebusguna dan membangunkan projek pembinaan bercampur di atas "Tanah Pembangunan" seluas 324.9 ekar di kawasan berhampiran JEWay untuk dijual kepada orang ramai ; dan

(vi) Pihak pemegang konsesi perlu menanggung keseluruhan kos reka bentuk dan pembiayaan JEWay sepanjang 4.7 km melalui pembiayaan sendiri.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Mengapakan terdapat kelewatan dalam kelulusan peruntukkan kewangan bagi semua projek dan majlis di semua DUN berbanding dengan masa lampau semasa pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Tidak terdapat kelewatan dalam kelulusan peruntukan kewangan bagi pelaksanaan projek-projek di DUN. Setelah Kerajaan Baru diwujudkan pada Mac 2008, kerajaan negeri telah mengeluarkan Surat Pekeliling bertarikh 8 April 2008 kepada semua Y.B. ADUN bagi mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Projek-projek di bawah Maksud Pembangunan P.16 Jabatan Kewangan Negeri, Butiran (02) dan (03) tahun 2008.

Selanjutnya, majlis penerangan kepada semua Y.B. ADUN berkaitan Bajet 2008 untuk tujuan Pelaksanaan Projek KADUN telah diadakan sebelum dikeluarkan Waran Peruntukan Kecil kepada Pejabat-pejabat Daerah untuk pelaksanaan projek-projek kecil KADUN. Waran Peruntukan Kecil kepada semua daerah dikeluarkan pada 5 Jun 2008 yang lalu.

Bagi tahun semasa iaitu tahun 2009, Waran Peruntukan Kecil telah dikeluarkan kepada semua pejabat Daerah untuk tujuan pelaksanaan projek kecil KADUN pada 7 Januari 2009.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Bolehkah dicadangkan bahawa kawalan keselamatan peribadi ke atas YAB. Ketua Menteri dan ahli keluarganya dipertingkatkan dan diperketatkan kerana semenjak kebelakangan ini terdapat berita disiarkan dalam surat khabar bahawa wujudnya ancaman nyawa terhadap YAB Ketua Menteri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kawalan Keselamatan ke atas YAB Ketua Menteri serta ahli keluarganya sememangnya amat dititikberatkan. Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak polis telah menyediakan seorang Juruiring untuk bertugas dan mengiringi beliau pada setiap masa dan ke mana sahaja YAB Ketua Menteri bergerak. Juruiring ini terdiri daripada kalangan anggota polis yang terlatih.

Kediaman rasmi YAB Ketua Menteri iaitu Seri Teratai sentiasa dikawal 24 jam oleh anggota polis. Malah, skuad rondaan anggota polis turut membuat rondaan dengan lebih kerap untuk memastikan keselamatan YAB Ketua Menteri dan ahli keluarganya terpelihara.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji): bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Bolehkah kerajaan negeri mendirikan klinik desa di kawasan Taman Tun Sardon dan Sungai Gelugor supaya kemudahan-kemudahan kesihatan dapat di kecapi penduduk-penduduk di kawasan tersebut terutamanya warga emas?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Isu-isu berkaitan kesihatan terutamanya projek/pembangunan adalah di luar bidang kuasa kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri dalam memastikan kesihatan rakyat berada di tahap yang terbaik. Jabatan Kesihatan Negeri pada masa ini tidak mempunyai perancangan untuk mendirikan Klinik Desa di kawasan Taman Tun Sardon dan Sungai Gelugor memandangkan kawasan ini telah pun mempunyai Klinik Ibu dan Anak Taman Tun Sardon dan Klinik Desa Sungai Gelugor serta Klinik Kesihatan Sungai Dua yang terletak 4 kilometer dari Taman Tun Sardon. Dengan perkhidmatan Kesihatan Keluarga yang diberikan melalui ketiga-tiga kemudahan ini termasuk Klinik Kesihatan Sungai Dua, ia dapat memberikan perkhidmatan yang komprehensif untuk semua golongan umur termasuk kepada warga emas di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang tetap mempunyai perancangan untuk menaik taraf Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Taman Tun Sardon kepada Klinik Kesihatan Taman Tun Sardon di masa hadapan.

II. **Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan A/L Autherapady)** bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Bilakah kereta kabel untuk membawa pelancong ke Bukit Bendera yang telah diumumkan akan dibina dan berapakah kos pembinaannya serta pihak manakah akan menanggung kosnya?

Y.A.B Ketua Menteri:

1. Pembinaan Kereta Kabel Bukit Bendera melalui tawaran tender terbuka ini akan mula dilaksanakan setelah kertas cadangan yang diperolehi daripada pembida-pembida dinilai dan ditawarkan kepada pembida yang berjaya. Tarikh akhir bagi penyerahan kertas cadangan dari pembidas adalah pada 15 Mei 2009.

   Melalui konsep penswastaan secara kaedah *Build Operate Transfer* (BOT), keseluruhan kos projek ini akan ditanggung oleh pihak pembida yang berjaya dan akan mengendalikannya bagi suatu tempoh konsesi serta dibenarkan untuk mengutip caj perkhidmatan. Kemudahan berkenaan akan diserahkan kepada kerajaan secara percuma selepas tamat tempoh konsesi. Tempoh konsesi pula adalah bergantung kepada daya maju projek.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan A/L Autherapady): bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk meninggikan prestasi kerja pegawai-pegawai Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)? Mengapakah seorang Pengarah MPSP yang dalam siasatan terhadap dakwaan menyalahgunakan kuasa telah meletakkan jawatan dan apakah keputusan siasatan terhadap beliau?

Y.A.B Ketua Menteri:

2. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mempunyai kaedah-kaedah tertentu dalam usaha untuk meningkatkan prestasi atau mutu kerja para pegawai MPSP yang dilaksanakan seperti berikut:-

(a) Perancangan dan Pelaksanaan Jadual Latihan Tahunan

MPSP akan merancang dan melaksanakan latihan untuk kakitangan. Kakitangan akan diberi latihan dalam bidang keperluan tugas masing-masing bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam melaksanakan kerja-kerja seharian. Selain daripada latihan dalaman, MPSP juga menghantar kakitangan menghadiri latihan anjuran agensi luar yang diadakan dari semasa ke semasa yang turut mempunyai kaitan ke arah peningkatan mutu kerja.

(b) Pelaksanaan beberapa program kualiti yang merupakan pengukur kepada pencapaian MPSP seperti berikut:-

(i) Pelan Tindakan Jabatan dan Sasaran Kerja Tahunan Pegawai (SKT)

- Pelan Tindakan ini merupakan kelangsungan daripada Pelaksanaan Pelan Strategik MPSP 2001-2010. Berdasarkan Pelan Strategik MPSP yang telah digubal, jabatan-jabatan berkaitan akan mewujudkan Pelan Tindakan masing-masing sebagai langkah untuk mencapai sasaran-sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Strategik MPSP. Berasaskan Pelan Tindakan berkenaan yang ditetapkan setiap tahun, setiap Ketua Jabatan menetapkan sasaran yang perlu dicapai setiap akhir tahun. SKT Ketua Jabatan diterjemahkan melalui Laporan Pencapaian Pelan Tindakan Jabatan. Untuk tujuan ini juga, setiap pegawai perlu menetapkan SKT masing-masing berdasarkan fungsi dan hala tuju jabatan. Pencapaian SKT ini diterjemahkan dalam Borang Penilaian Prestasi yang dinilai setiap tahun. Pegawai atasan akan membuat penilaian sebenar ke atas pencapaian pegawai berkenaan pada hujung tahun berkenaan sama ada pegawai telah dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Pegawai yang mendapat pencapaian cemerlang akan dianugerahkan dengan Anugerah Khidmat Cemerlang dan mempunyai peluang untuk kemajuan kerjaya. Ianya merupakan satu persaingan sihat untuk menunjukkan pencapaian mutu kerja mereka.

(ii) Piagam Pelanggan

- Ianya merupakan satu kaedah untuk mengukur prestasi jabatan khususnya dan pegawai amnya di mana Piagam Pelanggan ini merupakan janji bertulis MPSP kepada pelanggan berkaitan perkhidmatan yang disediakan atau diberikan oleh MPSP. Ianya merangkumi tempoh masa (hari/minggu/bulan) bagi pelaksanaan sesuatu perkhidmatan. Pengukuran pencapaian dibuat setiap tiga bulan.

(iii) ISO

- MPSP mula mendapat pensijilan ISO buat pertama kalinya pada 17 Disember 1999 dengan *standard* pensijilan ISO 9002:1994. Ianya kemudian diluluskan untuk dinaiktarafkan kepada MS ISO 9001:2000 pada 3 Januari 2003 oleh Sirim Qas International Sdn. Bhd sehinggalah sekarang. Skop Pendaftaran melibatkan semua Aktiviti Teras *(Core Business)* seperti berikut:-

(a) Kelulusan dan Kawalan Pembangunan, Penilaian Harta Berkadar dan Penyelenggaraan Pembersihan dan Landskap

(b) Pelesenan, Kursus Pengendali Makanan dan Pemeriksaan Daging

- Bagi pelaksanaan ISO sedia ada, satu Sistem Pengurusan Kualiti diwujudkan untuk memastikan perkhidmatan yang diberi sentiasa mematuhi keperluan, peraturan dan tempoh masa mengikut prosedur-prosedur yang didokumenkan. Melalui prosedur-prosedur yang diwujudkan merangkumi skop sokongan, Objektif Kualiti bagi jabatan yang terlibat akan ditentukan dan pencapaiannya diukur setiap bulan. Laporan pencapaian bersama dengan analisa perlu dikemukakan oleh jabatan kepada Wakil Pengurusan (MR) setiap tiga (3) bulan. Pelaksanaan sistem kualiti ini akan diaudit oleh Pasukan Audit Dalaman ISO MPSP sebagai langkah pemantauan atau pengawasan.

- Setiap tahun juga pelaksanaan Audit Luaran oleh SIRIM akan turut dilaksanakan untuk memastikan pencapaian PSP dalam memastikan sistem pengurusan kualiti dilaksanakan dengan berkesan, mencapai Objektif Kualiti yang telah ditetapkan serta sentiasa berusaha untuk penambahbaikan kualiti perkhidmatan.

(iv) 5S (Sisih, susun, sapu, seragam, sentiasa amal)

- 5S adalah salah satu alat pengurusan daripada Jepun dan memberi fokus kepada mewujudkan persekitaran bekerja yang berkualiti. Selain daripada itu, ia juga memupuk kepada penambahbaikan kerja yang berterusan. Pelaksanaan 5S pada masa kini oleh MPSP secara tidak langsung dapat menilai keberkesanan mutu kerja pegawai kerana ianya melibatkan cara pelaksanaan kerja, penyusunan tempat dan peralatan kerja serta penggunaan peralatan secara sistematik. Dengan pelaksanaan sistem ini, ianya memudahkan pengesanan, penggunaan, penyimpanan, penyusunan dan pembuangan peralatan kerja termasuk fail dan dapat mengurangkan pembaziran kos.

- Pengukuran pencapaian setiap zon (bahagian kecil daripada jabatan yang dibahagi-bahagikan untuk memudahkan ianya disusun atur) yang dianggotai oleh ahli-ahli yang terdiri daripada pegawai MPSP dibuat melalui Audit Dalaman 5S yang diadakan secara berkala. Pemarkahan yang diberi kepada zon menjadi salah satu kayu ukur kepada pematuhan sistem kerja yang efektif oleh pegawai yang terlibat.

(v) Kaunter Berpusat

- Pelaksanaan Sistem Kaunter Berpusat yang *Multi-Skill* (menyediakan pelbagai perkhidmatan) menghasilkan pegawai yang mempunyai pengetahuan dalam pelbagai bidang jabatan. Hampir semua perkhidmatan di MPSP boleh diperoleh melalui Sistem Kaunter ini.

- Pegawai yang terlibat telah dilatih untuk memahirkan diri dalam membekalkan pelbagai maklumat yang diperlukan oleh pelanggan. Pelanggan tidak perlu ke jabatan yang tertentu untuk berurusan. Hanya dengan hadir di Kaunter Berpusat, pelbagai perkhidmatan dapat diperoleh dalam masa yang singkat. Melalui kaunter ini juga pelanggan dapat menterjemahkan kepuasan mereka melalui Sistem Kepuasan Pelanggan, di mana mereka hanya perlu menekan butang "QOS" untuk memberi pemarkahan tahap kepuasan hati mereka ke atas perkhidmatan yang telah diberikan oleh petugas-petugas kaunter. Untuk tujuan ini, semua pegawai yang berkaitan perlu memastikan mereka memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan, kerana di sini pelanggan dapat melahirkan tahap kepuasan mereka secara langsung sebaik berurusan dengan pihak MPSP.

- Salah satu langkah yang telah diambil untuk meninggikan mutu kerja pegawai-pegawai MPSP adalah dengan mewujudkan kaunter Pusat Setempat/*One Stop Center* (OSC). Dengan adanya kaunter ini, pegawai-pegawai akan melaksanakan tugas mengikut *checklist* dan mematuhi tempoh yang telah ditetapkan. Cara ini telah dapat mewujudkan ketelusan di peringkat penerimaan permohonan pelan-pelan pembangunan dan pematuhan tempoh masa yang akan memerlukan komitmen yang tinggi daripada pegawai-pegawai yang terlibat. Ini secara langsung telah dapat meningkatkan mutu kerja pegawai-pegawai MPSP. Pelaksanaan kaunter OSC di MPSP bermula pada 13 Jun 2007.

Berhubung dakwaan terhadap Pengarah MPSP yang dikatakan menyalahgunakan kuasa, tidak ada jawatankuasa siasatan ditubuhkan oleh MPSP bagi menyiasat sebarang dakwaan penyalahgunaan kuasa tersebut. Pegawai tersebut telah meletak jawatan untuk menguruskan perniagaan isterinya.

III. Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang yang menjadi semakin teruk. Apakah kerajaan negeri akan memberi apa-apa insentif kepada orang awam untuk mengguna pengangkutan awam. Adakah langkah untuk tidak menggunakan kenderaan persendirian mereka sebagai satu cara untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri dalam menangani masalah kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

(i) Menyediakan perkhidmatan yang lebih efisien iaitu dengan menambah baik sistem pengangkutan awam sedia ada serta mewujudkan sistem pengangkutan bersepadu yang efisien, berkualiti, mudah diperoleh, mesra alam dan meliputi sepelusuk negeri;

(ii) Membina jalan-jalan baru dan menaik taraf jalan sedia ada untuk mengawal kesesakan, mengagih dan menyurai aliran lalu lintas serta meningkatkan keselamatan jalan raya. Projek Pembinaan Lintasan Kedua Pulau Pinang telah bermula dan dijangka akan siap pada tahun 2012. Dengan adanya projek-projek pembinaan dan menaik taraf jalan seperti Butterworth Outer Ring Road yang telah siap dan beroperasi. Ia telah mengurangkan kesesakan lalu lintas di Seberang Perai terutama di kawasan Butterworth;

(iii) Dari segi pengurusan sistem lalu lintas setempat (*localised traffic management plan*), sistem jalan sehala dan sistem kawalan lampu isyarat berkomputer akan diperluaskan. Di samping itu, langkah-langkah sedang diambil untuk melicinkan aliran lalu lintas dan mengurangkan gangguan di jalan-jalan utama yang sering mengalami kesesakan lalu lintas dengan mengadakan larangan-larangan, mengeluarkan petak letak kenderaan di tepi jalan serta meningkatkan penguatkuasaan. Di samping itu pelebaran jalan sentiasa diberi perhatian di dalam pelan-pelan kebenaran merancang yang diluluskan;

(iv) Laluan-laluan pejalan kaki akan dibina dan dinaiktarafkan selaras dengan rancangan kerajaan untuk menambah baik sistem pengangkutan awam dan mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian. Kemudahan pengangkutan awam juga akan dipertingkatkan. Di samping itu, laluan dan kemudahan untuk penunggang basikal juga akan diperluaskan;

(v) Liputan sistem kawalan CCTV akan diperluaskan lagi dari semasa ke semasa dengan menambah bilangan kamera. Sistem CCTV telah digunakan dengan berkesan untuk pemantauan lalu lintas dan mengawal kesesakan, dan

(vi) Lorong-lorong khas kenderaan awam juga akan diadakan untuk memendekkan masa perjalanan.

(b) Insentif kerajaan negeri kepada orang awam untuk menggunakan pengangkutan awam adalah seperti berikut:

(i) Kemudahan pengangkutan awam dan laluan pejalan kaki sedang dan akan dipertingkat bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam;

(ii) Perkhidmatan Bas Central Area Transit (CAT) dalam kawasan pusat bandar George Town yang disediakan secara percuma; dan

(iii) Menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang selesa dengan sistem hawa dingin, mudah diperolehi, rangkaian yang luas dan meliputi laluan sosial, berkualiti, selamat serta tambang yang berpatutan.

(c) Langkah untuk tidak menggunakan kenderaan persendirian merupakan satu cara untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas. Dalam jangka masa sederhana dan panjang, kerajaan negeri sedang meneliti kesesuaian mengadakan kawalan, larangan dan sekatan (*traffic restraint measures*) untuk mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian di kawasan yang mengalami kesesakan yang serius seperti bayaran letak kenderaan yang tinggi, larangan masuk ke kawasan tertentu serta membenarkan kenderaan dengan penumpang penuh sahaja dalam kawasan pusat bandar dan sebagainya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkenaan isu penebus-kegunaan tanah di bahagian pulau? Sila nyatakan semua projek penebus-gunaan tanah yang telah dilaksanakan sehingga kini dan permohonan untuk projek penebus-gunaan tanah yang telah diterima sehingga kini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2 Pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengenai isu penebusan tanah di bahagian pulau adalah seperti termaktub dalam Rancangan Struktur Negeri yang diwartakan pada 28 Jun 2007 yang memerlukan setiap pemaju mematuhi garis panduan *Intergrated coastal zone management* (ICZM). Projek penebusan guna tanah yang telah diluluskan sehingga kini adalah seperti berikut:-

(i) Pesisir Lebuh Raya Bayan Lepas untuk tujuan pelebaran jalan/rekreasi awam dan pembinaan jambatan kedua;

(ii) Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas dan penempatan setinggan yang terbabit;

(iii) Menara Sungai Perai – Kuala Juru untuk tujuan perindustrian;

(iv) Projek pembangunan perumahan dan perdagangan di Tanjong Tokong Fasa I seluas 240 ekar; dan

(v) Pembangunan perumahan dan perdagangan di Jelutong seluas 342 ekar.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sila nyatakan sama ada Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan meneruskan dengan Fasa 2 dan Fasa 3 projek Tanjung Seri Pinang di Tanjung Tokong? Sekiranya ya, sila berikan sebab-sebabnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Untuk makluman, Projek Seri Tanjung Pinang di Tanjung Tokong adalah projek yang dibangunkan secara penswastaan oleh syarikat E & O Property Sdn. Bhd. Pihak pemaju akan meneruskan pemajuan Fasa 2 dan 3 projek berkenaan. Walau bagaimanapun, kerja-kerja tebus guna tanah bagi Fasa 2 dan 3 projek berkenaan masih belum dilaksanakan memandangkan pihak pemaju kini sedang menyediakan Kajian EIA berserta pengemaskinian pelan induk.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh): bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Sila nyatakan sebab-sebab perjanjian asal Fasa 1 projek Seri Tanjung Pinang tidak mematuhi keperluan untuk membangun projek rumah/pangsapuri kos rendah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Perjanjian di antara pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan pemaju Tanjong Pinang Development Sdn. Bhd. telah diadakan pada 7.10.1999. Butir-butir perjanjian menunjukkan bahawa peruntukan perumahan kos rendah 30% dibuat di Fasa 2 dan perumahan kos sederhana rendah 60% di Fasa 1.

Berdasarkan Pelan Induk Struktur Cadangan Pembangunan Perumahan dan Perdagangan di atas kawasan tebus guna tanah Tanjong Tokong (Fasa 1) untuk pemaju Tanjong Pinang Development Sdn. Bhd. yang diluluskan oleh kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Perancang Negeri pada 1 Julai 2003 menunjukkan bahawa pemaju telah mematuhi syarat dalam menyediakan perumahan kos rendah sebanyak 180 unit.

Pembinaan rumah kos rendah ini telah siap dan telah memperoleh sijil layak menduduki. Selain dari itu, 998 unit perumahan kos sederhana rendah telah diluluskan dan 512 unit telah siap dibina dan telah memperoleh sijil layak menduduki.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sila nyatakan sama ada konsep pembangunan rumah/pangsapuri kos rendah masih diamalkan di Pulau Pinang? Sila nyatakan projek-projek di mana konsep tersebut dikecualikan ataupun ditangguhkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Konsep pembangunan rumah kos rendah/pangsapuri oleh kerajaan negeri adalah mengenakan syarat 30 peratus pembinaan rumah kos rendah oleh pemaju swasta yang membina lebih daripada 100/150 rumah mengikut kawasan pembangunan.

   Pada masa ini, terdapat 3 projek yang diberi penangguhan pembinaan rumah kos rendah kepada fasa yang berikutnya. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:-

   (a) Gemilang Budaya Sdn Bhd, Mukim 2, Seberang Perai Selatan.

   (b) PJD Eastern Land Sdn Bhd, Seksyen 4 Jalan Assumption, Butterworth, Seberang Perai Utara.

   (c) Wistana Realty Sdn. Bhd., lot 1585, Taman Pauh, Mukim 6, Seberang Perai Tengah.

   Penangguhan ke fasa berikutnya dibenarkan memandangkan ketidaktentuan ekonomi serta memudahkan kerja-kerja dari segi kesinambungan dan faktor projek terbengkalai yang diselamatkan. Walau bagaimanapun, pihak pemaju dikehendaki menghantar laporan kemajuan fizikal bagi tujuan pemantauan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan meneruskan cadangan supaya satu keperluan untuk pemaju menyalurkan dana kepada satu tabung khas sekiranya pemaju tidak dapat melaksanakan pembangunan kos rendah? Sekiranya ya, sila beri laporan terkini tentang cadangan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) yang telah diwartakan pada 28 Jun 2007 telah menetapkan wang sumbangan perlu dikenakan kepada pemaju yang membina rumah untuk saiz pembangunan antara 5 unit hingga 99 unit bagi kawasan pembangunan dan saiz pembangunan antara 5 unit hingga 149 unit bagi luar kawasan pembangunan. Kerajaan negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Wang Sumbangan untuk mencari formula pengiraan wang sumbangan tersebut. Satu kertas makluman sedang disediakan untuk mendapatkan pandangan awal mengenai formula ini sebelum ianya dimuktamadkan dan diguna pakai.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membaik-pulih Padang Kota Lama di mana penganjur acara *Kings of Tennis* telah menyebabkan kerosakan kepada padang tersebut? Sekiranya tiada langkah yang telah diambil sila beri sebab-sebab mengapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Langkah-langkah untuk membaik pulih kerosakan Padang Kota Lama akibat daripada pembatalan acara *King of Tennis* ialah kerajaan negeri melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah memanggil sebut harga pada 16 Februari 2009 dan tarikh tutup menerima sebut harga tersebut ialah pada 2 Mac 2009. Jawatankuasa Sebut Harga pada 16 Mac 2009 telah bersetuju untuk menerima sebut harga daripada Tetuan Mutiara Alam Enterprise dengan harga tawaran RM52,930.00. Syarikat ini dipilih kerana telah membida dengan tawaran harga yang terendah dan mempunyai pengalaman dalam skop kerja berkaitan. Surat tawaran telah dikeluarkan pada 16 Mac 2009 dan kerja-kerja pembaikan telah bermula pada 23 Mac 2009. Kerja pembaikan dijangka siap pada 19 April 2009.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Memandangkan projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang Fasa 2 akan mengambil masa yang lama untuk dilaksanakan, apakah langkah-langkah jangka masa pendek yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi kejadian banjir kilat yang berlaku di kawasan berdekatan Sungai Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Langkah-langkah jangka pendek yang akan dilaksanakan untuk mengatasi banjir kilat berdekatan Sungai Pinang adalah dengan mendalam dan melebarkan beberapa bahagian di hulu Sungai Pinang iaitu di kawasan Masjid Negeri, Taman Lumba Kuda, *Dhoby Ghout* dan menaik taraf saluran Sungai Jelutong di bahagian Kampung Dodol. Kerja-kerja di kawasan Masjid Negeri dan Taman Lumba Kuda telah siap dilaksanakan pada bulan Mac 2009 dan kerja-kerja di kawasan *Dhoby Ghout* dan Sungai Jelutong akan dilaksanakan pada bulan Jun 2009.

   Dengan siapnya projek-projek ini, berkemungkinan besar, kejadian banjir kilat tidak berlaku di kawasan berdekatan Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh): bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Sila nyatakan usaha-usaha yang sedang diambil untuk membaik-pulih keadaan semua sungai-sungai yang begitu tercemar terutamanya Sungai Pinang di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Untuk langkah jangka panjang bagi memulihkan Sungai Pinang, satu kajian reka bentuk terperinci Projek Rawatan dan Pemulihan Sg Pinang Fasa 2 telah pun disiapkan pada tahun 2008 yang melibatkan komponen utama projek iaitu mengalihkan semua saliran yang masuk ke Sungai Pinang ke dalam satu sistem *interceptor drain* yang akan dirawat terlebih dahulu sebelum di alir keluar ke laut. Peruntukan bagi melaksanakan Projek Pemulihan Sungai Pinang Fasa II dipohon dalam RMKe-10 sebanyak RM 150 juta.

Selain itu, kawalan-kawalan pencemaran dari punca sedang dilaksanakan dengan pemasangan perangkap sampah (*Gross pollutant trap, GPT*) di saluran-saluran keluar utama ke Sungai Pinang. Kerajaan Negeri juga melalui *Penang Government Initiative PGI-EM* sedang merancang untuk menggunakan kaedah *Effective Microorganism, EM* sebagai satu langkah merawat air sungai pada tahun ini.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh): bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Apakah justifikasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang di dalam cadangan membina satu Tiger Park di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Penubuhan Taman Harimau yang dicadangkan penubuhannya di Relau masih di peringkat perbincangan. Taman Harimau atau *Tiger Park* ini adalah hasil daripada buah fikiran Y.A.B Ketua Menteri untuk menjadikannya sebagai salah satu produk baru pelancongan negeri ini. Justifikasi kerajaan negeri terhadap penubuhan taman ini adalah berdasarkan keperluannya untuk menarik minat pelancong luar terutama kepada mereka yang berkeluarga. Taman Harimau yang dicadangkan ini juga merupakan produk pelancongan dimensi baru yang lebih menarik di negeri ini.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat mencadangkan pembinaan satu akuarium ala Langkawi di Pulau Pinang memandangkan Pulau Pinang adalah satu pulau? Sekiranya tidak, sila nyatakan sebab-sebabnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Setakat ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang belum menerima cadangan untuk pembinaan akuarium ala Langkawi daripada mana-mana pihak. Namun bagi memastikan sektor pelancongan terus kekal sebagai penggerak ekonomi negeri, Kerajaan Negeri akan mengambil beberapa langkah bagi memastikan produk pelancongan seperti Hutan Lipur, Bukit Bendera, Taman Botani, Pusat-pusat Membeli Belah dan lain-lain di Pulau Pinang terus menjadi pilihan pelancong. Sebaliknya, kerajaan negeri ada menerima kertas cadangan awal bagi membangunkan kawasan pelancongan yang baru di Pulau Pinang iaitu membina *marine park/aqua park*. Beberapa faktor perlu dikaji sebelum pelaksanaan projek-projek seumpama ini. Antaranya ialah isu tanah, peruntukan kewangan serta daya tahan *(viability)* projek. Ini adalah bagi memastikan sebarang projek yang dilaksanakan benar-benar memberi impak kepada pembangunan Pulau Pinang di samping melihat kepada keperluan penduduk secara keseluruhannya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Sila nyatakan kedudukan Penang Water Sports Centre di Tanjung Bungah sama ada tapaknya sah ataupun sebaliknya? Memandangkan begitu banyak aduan berkenaan gangguan yang telah disebabkan olehnya, nyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasinya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Bangunan Penang Water Sports Centre telah didirikan di atas tanah kerajaan negeri (rizab pantai) bagi kegunaan Majlis Sukan Negeri sebagai pusat kegiatan dan latihan sukan air Negeri Pulau Pinang. Dengan itu, status bangunan tersebut adalah sah sebagai bangunan milik kerajaan negeri kerana ianya bukan sahaja terletak di atas tanah kerajaan negeri tetapi kos pembinaannya juga disediakan oleh kerajaan negeri dan diuruskan oleh agensi kerajaan negeri iaitu Majlis Sukan Negeri.

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah aduan berkenaan gangguan yang telah disebabkannya adalah seperti berikut :

(a) Mengehadkan aktiviti-aktiviti kepada acara-acara *team building*, program perkhemahan, hari keluarga, karnival sukan dan program-program berbentuk riadah dan rekreasi.

(b) Pihak pentadbiran Pusat Kegiatan Sukan Air juga akan memantau segala tempahan pada waktu malam supaya mematuhi segala syarat-syarat kegunaan yang ditetapkan demi untuk keselamatan dan keselesaan semua pihak.

(c) Pihak pentadbiran Pusat Kegiatan Sukan Air juga akan menggalakkan lebih banyak aktiviti-aktiviti serta program berbentuk riadah dan rekreasi dijalankan di situ. Penganjuran Karnival Pantai Pulau Pinang yang berkonsepkan sukan pantai dan air akan dirancang oleh pihak pentadbiran Pusat Kegiatan Sukan Air untuk dilaksanakan. Sukan-sukan air dan pantai yang akan dijalankan adalah seperti berikut :

(i) Futsal pantai
(ii) Bola tampar pantai
(iii) Bola sepak pantai
(iv) Tarik tali pantai
(v) Beach marathon
(vi) Sukan kenu / kayak
(vii) Optimist
(viii) Wind surfing
(ix) Memancing
(x) Ski boarding

(d) Pihak pentadbiran Pusat Kegiatan Sukan Air juga akan menggalakkan lebih banyak persatuan-persatuan sukan dan rekreasi menggunakan pusat ini untuk aktiviti *team building*, bengkel, seminar dan hari keluarga persatuan.

IV. Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kenapakah tahap kebersihan di kawasan Sungai Dua begitu teruk, berapa kalikah MPSP menjalankan kerja-kerja pembersihan di kawasan tersebut dalam tempoh seminggu dan berapa kalikah kerja-kerja memotong rumput dan mencuci longkang dijalankan dalam tempoh sebulan? Sila beri tarikh-tarikh pembersihan cuci longkang, potong rumput dan parit di kawasan berkenaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pemotongan rumput di kawasan Sungai Dua adalah melibatkan jalan negeri dan juga di dalam kawasan taman perumahan. Pemotongan rumput yang merangkumi jalan negeri telah dikontrakkan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (P.P.K.) Penaga untuk tempoh 3 tahun mulai 16 Januari 2007 hingga 15 Januari 2010. Kekerapan pemotongan adalah 3 minggu sekali pusingan dan terdapat sebanyak 17 pusingan dalam setahun. Skop pemotongan rumput yang telah ditetapkan adalah seperti di bawah :

   (i) Memotong rumput di rizab jalan
   (ii) Memotong/mencabut/membuang segala tumbuhan/ pokok yang menjalar/ menjurai masuk ke rizab jalan
   (iii) Mencakar dan membersihkan sisa rumput / tumbuhan / pokok dan sampah sarap ringan yang terdapat di rizab jalan.

   Jadual pemotongan yang terbaru adalah seperti berikut :

   (i) Pusingan Ke-5 mulai 01-04-2009 hingga 21-04-2009
   (ii) Pusingan Ke-6 mulai 22-04-2009 hingga 12-05-2009
   (iii) Pusingan Ke-7 mulai 13-05-2009 hingga 02-06-2009
   (iv) Pusingan Ke-8 mulai 03-06-2009 hingga 23-06-2009

   Pemotongan rumput di kawasan taman perumahan dan pembersihan parit adalah di bawah bidang tugas pekerja MPSP. Jadual pembersihan parit adalah seminggu (1) sekali dan jadual pemotongan rumput pula adalah tiga (3) minggu sekali. Jadual pembersihan parit jalan negeri ialah sekali (1) dalam sebulan.

   Pembersihan di taman perumahan yang meliputi jalan dan parit ialah pada hari Isnin, Selasa dan Rabu manakala pembersihan parit jalan negeri ialah pada hari Khamis, Jumaat dan Sabtu. Walaupun kerja-kerja pembersihan telah dilaksanakan oleh MPSP dan kontraktor pembersihan, namun sikap penduduk yang masih membuang sampah / sisa makanan ke dalam parit dan di tempat yang tidak sepatutnya menyebabkan masalah kebersihan sentiasa timbul.

Ahli Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah projek-projek kecil yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri dalam kawasan DUN Sungai Dua setelah setahun memerintah? Sila nyatakan projek, tempat pelaksanaan dan kos projek berkenaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Projek-projek kecil yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri dalam kawasan DUN Sungai Dua setelah setahun memerintah adalah projek-projek kemasyarakatan yang dapat dimanfaatkan oleh penduduk setempat. Bagi tahun 2009 ini, beberapa projek kecil kemasyarakatan dalam KADUN Sungai Dua yang telah diluluskan untuk pelaksanaan.

   Senarai projek yang telah dilaksanakan dalam tahun 2008 serta senarai projek yang telah diluluskan untuk dilaksanakan dalam tahun 2009 adalah seperti di Lampiran I dan II.

   Selain itu, kerajaan negeri juga telah meluluskan peruntukan RM 20,000 kepada Pejabat Tanah dan Daerah Seberang Perai Utara untuk membaiki dewan bagi dijadikan surau sementara, menggantikan Surau Permatang Sireh dalam DUN Sungai Dua yang terlibat dengan kebakaran.

Terdapat juga kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan oleh MPSP bagi kawasan DUN Sungai Dua. Butiran kerja-kerja tersebut adalah seperti berikut :

(i) Kerja-kerja penyelenggaraan parit tepi jalan dan kerja-kerja yang berkaitan dengannya di kawasan SPU. RM3,000.00

(ii) Cadangan untuk kerja-kerja melukis garisan jalan dengan menggunakan termoplastik SPU. RM3,034.01

(iii) Cadangan kerja-kerja menampung jalan (*patching*) dan kerja-kerja berkaitan dengannya di Kawasan Parlimen Tasek Gelugor SPU. RM11,193.80

(iv) Cadangan kerja-kerja menampung jalan (*patching*) dan kerja-kerja berkaitan dengannya di Kawasan SPU. RM2,161.88

(v) Cadangan membina bonggol jalan *(road hump*) di jalan-jalan dalam taman perumahan SPU. RM20,000.00

(vi) Cadangan membekal dan memasang paip *skupper* di bahu jalan dalam taman perumahan SPU. RM13,678.78

(vii) Cadangan melaksanakan kerja-kerja membaiki kerosakan jalan dan lain-lain kerja yang berkaitan dengannya di Lorong Murni 1, Taman Desa Murni SPU.RM79,706.00.

(viii) Menaik taraf parit di Lubuk Meriam, SPU. RM30,000.00

(ix) Menaik taraf parit di Taman Desa Murni, SPU. RM49,417.36

(x) Kerja-kerja penyelenggaraan lampu jalan dan taman di seluruh kawasan Sg. Dua bagi tahun 2008. RM34,287.90

JUMLAH: RM246,479.73

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Dalam kegawatan ekonomi ketika ini, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri bagi mengatasinya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Di dalam usaha untuk menghadapi kemelesetan ekonomi dunia, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil beberapa langkah-langkah seperti berikut:

(a) Di samping menawarkan insentif-insentif sedia ada untuk menggalakkan pelaburan asing, Kerajaan Negeri juga sedang mempertimbangkan beberapa insentif lain untuk ditawarkan kepada pelabur asing iaitu:-

(i) Skim harga tanah perindustrian Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang kompetitif ditawarkan kepada pelabur asing yang ingin melabur dalam projek-projek yang strategik.

(ii) Fleksibiliti dalam skim pembayaran bagi tanah perindustrian PDC untuk membantu industri tempatan yang sedang menghadapi masalah dalam pemasaran dan operasi perniagaan mereka.

(iii) Pemberian diskaun untuk pembayaran cukai tanah dan caj air sepanjang tempoh kemelesetan ekonomi.

(iv) Bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan pakej insentif istimewa seperti *"Matching Grant", "Soft Loan"* dan *"Industrial Building Subsidy"* untuk terus menggalakkan pelaburan asing.

(v) Membolehkan pihak ketiga membeli tanah industri dan membangunkan bangunan industri.

(b) Menggalakkan pembangunan Enterprise Kecil dan Sederhana (EKS) tempatan

Pada masa yang sama Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga mengambil beberapa usaha untuk memastikan pembangunan Enterprise Kecil dan Sederhana (EKS) tempatan tidak terjejas akibat daripada kemelesetan ekonomi yang melanda dunia. Antara usaha-usaha kerajaan negeri ialah:

(i) Program Bimbingan EKS;

- Program ini disokong oleh SMIDEC dan dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC). Program ini memberi bimbingan dan pementoran perniagaan kepada syarikat-syarikat EKS yang dikenal pasti bagi meningkatkan daya saing syarikat-syarikat EKS ini.

(ii) Program Intervensi EKS;

- Kemahiran teknologi maklumat, penekanan kepada budaya berdaya kualiti dan pengurusan perniagaan yang berkesan merupakan bidang yang diberi fokus di bawah program ini untuk memperkembangkan EKS tempatan.

(iii) Penubuhan Pusat Kemudahan Kongsi Sepunya;

- Pusat Latihan dan Reka Bentuk Barangan Kemas telah berjaya ditubuhkan khas untuk meningkatkan kualiti industri pembuatan barangan kemas melalui infrastruktur perisian.

(iv) Mengadakan seminar dan dialog kepada EKS;

- Seminar dan dialog yang dilaksanakan memberi fokus kepada strategi dan langkah-langkah untuk mengatasi krisis kemelesetan ekonomi.

(v) Memulihkan klaster-klaster industri yang sedia ada;

- Klaster-klaster industri yang sedia ada seperti PAC (Penang Automation Cluster), SCoPe (Software Consortium of Penang), PRFC (Penang Radio Frequency Cluster) dan techBiz Penang akan dipulihkan dan diperkembangkan peranan mereka bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan ekonomi mapan bagi Pulau Pinang.

(vi) Mengadakan dialog dengan institusi-institusi kewangan, badan-badan kerajaan dan EKS;

- Memandangkan kesulitan beberapa EKS untuk memperoleh bantuan kewangan, pihak Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk mengadakan dialog antara institusi-institusi kewangan, badan-badan kerajaan dan EKS untuk membuka jalan perundingan bagi menjamin dana.

(c) Mengurangkan kesan pengangguran;

Dalam menghadapi krisis ekonomi, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah pro-aktif untuk mengurangkan kesan pengangguran yang akan berlaku di negeri ini. Semasa pembentangan Bajet 2009 dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada bulan November 2008, Kerajaan Negeri telah mencadangkan dana sejumlah RM10 juta bagi tujuan mengurangkan kesan krisis ekonomi dengan menyediakan pekerjaan, pekerjaan sementara, peluang latihan serta peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur.

Oleh yang demikian, pada bulan Januari 2009, Kerajaan Negeri telah mengumumkan penubuhan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang (*Penang Career Assistance and Training Centre*) atau nama singkatannya CAT yang telah dirasmikan oleh Y.A.B Ketua Menteri pada bulan Mac 2009.

Pusat CAT ini bertanggungjawab untuk:-

(i) Memadankan pekerja yang telah diberhentikan kerja dan para penganggur dengan peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan pusat CAT;

(ii) Memadankan pekerja yang telah diberhentikan kerja dan para penganggur dengan program latihan yang telah dikenal pasti; dan

(iii) Bekerjasama dengan ahli-ahli pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan.

Pusat CAT diuruskan oleh investPenang dengan sokongan daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Sehingga 24 Mac 2009, seramai 851 orang telah berdaftar dengan pusat CAT. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 2,683 jawatan kosong telah didaftar di pusat ini. Kebanyakan jawatan kosong tersebut ialah untuk sektor perkilangan. Lanjutan dari itu, seramai 471 pendaftar yang berkelayakan telah dipadankan dengan jawatan-jawatan kosong daripada syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Sehingga kini, sila senaraikan kilang-kilang yang telah memberhentikan pekerja mengikut pecahan kaum? Kenapakah pekerja tersebut diberhentikan dan adakah pekerja asing akan diberhentikan dan digantikan dengan pekerja tempatan yang dibuang kerja?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Senarai kilang-kilang yang telah memberhentikan pekerja sepanjang tempoh Januari 2008 sehingga penghujung Mac 2009 adalah seperti yang dikepilkan di Jadual A. Untuk makluman, senarai pecahan mengikut kaum tidak dapat disediakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang.

Pemberhentian pekerja dalam sektor perkilangan merupakan satu strategi pengukuhan atau penstrukturan semula operasi yang dilaksanakan bagi meminimumkan kos operasi kilang kesan daripada krisis ekonomi global. Dengan penstrukturan semula kilang-kilang tersebut, pekerja asing yang diberhentikan bagi mengurangkan kos operasi dan pengambilan pekerja tidak berlaku. Ini bermakna pekerja tempatan juga tidak diambil.

JADUAL A

Senarai kilang yang memberhentikan pekerja pada tahun 2008 dan 2009.
TAHUN 2008

BIL	NAMA MAJIKAN	DAERAH
1	URC Snack Goods (M) Sdn Bhd, Mak Mandin	Seberang Perai Utara
2	Maica Maminates Sdn Bhd, Mak Mandin	Seberang Perai Utara
3	Paradigma Eng Sdn Bhd, Kepala Batas	Seberang Perai Utara
4	SEC Techno Sdn Bhd, Butterworth	Seberang Perai Utara
5	Sadasanwa Engineering (M) Sdn Bhd, Butterworth	Seberang Perai Utara
6	Goh Electrical Appliances Sdn Bhd, Sg. Bakap	Seberang Perai Selatan
7	Taigene Metal (M) Sdn Bhd, Sungai Bakap	Seberang Perai Selatan
8	ZDGP Technology Sdn Bhd , Prai	Seberang Perai Tengah
9	ZD Tech Corporation Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
10	Danisco (M) Sdn Bhd , Prai	Seberang Perai Tengah
11	Sanled Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
12	Solectron Technology Sdn Bhd, Bukit Minyak	Seberang Perai Tengah
13	BCL Packaging Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
14	E-Green Technology Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
15	Tai Ohm Electronics (M) Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
16	May Farbentech (M) Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
17	Nikko Electronics Bhd , Prai	Seberang Perai Tengah
18	MBM Global Sdn Bhd, Bukit Minyak	Seberang Perai Tengah
19	Centurion Wireless Components, Prai	Seberang Perai Tengah
20	Seapack Food Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
21	Sunrock Steel Centre (M) Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
22	Kah Hong Trading Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
23	Kah Hong Plastic Industries Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
24	Taiyo Technology (M) Sdn Bhd, Bukit Minyak	Seberang Perai Tengah
25	SMPC dexon Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
26	Trim Technologies (M) Sdn Bhd, Seberang Jaya	Seberang Perai Tengah
27	Taigene Metal (M) Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
28	Mattel (M) Sdn Bhd, prai	Seberang Perai Tengah
29	Konzen Eng Prod. Sdn Bhd, Bukit Mertajam	Seberang Perai Tengah
30	Motorola Technology Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
31	ASE Electronics Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
32	Permanis Sandilands Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
33	Applied material Sea Pte. Ltd, Bayan Lepas	Barat Daya
34	Renesas Semiconductor (M) Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
35	Robert Bosch (M) Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
36	AEM Microtronics (M) Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya

37	Jabil Circuit Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
38	Lednium Sdn Bhd , Bayan Lepas	Barat Daya
39	Yikon Jewellery Industry Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
40	Avago Technologies, Bayan Lepas	Barat Daya
41	IQ group Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
42	WD Media (M) Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
43	Motorola Technology Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
44	Advanced Micro Devices Export Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
45	Sincere Apparel Mfg. Co. Sdn Bhd, Patani Road	Timur laut
46	Benchmark Electronics (M) Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
47	Hitega Technologies Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
48	OE Design Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
49	RC Precision Engineering Sdn Bhd, Damar Laut	Barat Daya
50	AP-Techpro Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
51	Pentamaster Engineering (M) Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
52	Excel Technology Asia Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya

TAHUN 2009

BIL	NAMA MAJIKAN	DAERAH
1	Nta Machining (M) Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
2	Canon Electronics (M) Sdn Bhd , Prai	Seberang Perai Tengah
3	Molex (M) Sdn Bhd , Prai	Seberang Perai Tengah
4	Sortisu Technology (M) Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
5	Ccb Metal Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
6	Amphenol Tcs (M) Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
7	Fairon Aluminium Sdn Bhd, Bukit Minyak	Seberang Perai Tengah
8	Selekta Inovatif (M) Sdn Bhd, Juru	Seberang Perai Tengah
9	Mainteq Sdn Bhd, Seberang Jaya	Seberang Perai Tengah
10	Trim Technologies (M) Sdn Bhd, Seberang Jaya	Seberang Perai Tengah
11	Ultimate Manufacturing Solutions , Juru	Seberang Perai Tengah
12	Laird Technologies (M) Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
13	Ip Softcom (M) Sdn Bhd , Bayan Lepas	Barat Daya
14	Rc Precision Engineering Sdn Bhd, Damar Laut	Barat Daya
15	Brady Technology Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
16	Bend Weld Engineering Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
17	Philips Lumileds Lighting Company Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
18	Oe Design Sdn Bhd, Bayan Baru	Barat Daya
19	Fairchild Semiconductor (M) Sdn Bhd, Bayan Baru	Barat Daya
20	Avago Technologies (M) Sdn Bhd, Bayan Baru	Barat Daya
21	Lis Tec Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
22	Fastron Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
23	Penang Seagate Industries , Bayan Lepas	Barat Daya
24	TPC (M) Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
25	Sumitomo Metal (Sm) Electronics , Bayan Lepas	Barat Daya
26	Venture Electronics (M) Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
27	Trumeter (M) Sdn Bhd, Nibong Tebal	Seberang Perai Selatan
28	Taigene Metal (M) Sdn, Bhd , Sg. Bakap	Seberang Perai Selatan

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Bagi tahun 2009, berapakah jumlah pelaburan asing yang melabur di negeri ini? Nyatakan syarikat-syarikat berkenaan. Berapakah jumlah pelaburan bagi setiap syarikat dan peluang pekerjaan yang dapat diwujudkan hasil dari pelaburan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Pihak *invest*Penang memperoleh semua data dan maklumat berhubung jumlah pelaburan asing yang melabur di Pulau Pinang daripada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Walau bagaimanapun, pihak *invest*Penang tidak mempunyai atau menyimpan rekod tersendiri maklumat tersebut. Begitu juga dengan maklumat berkenaan dengan jumlah syarikat serta peluang pekerjaan yang diwujudkan. Bagi tahun 2009, maklumat pelaburan asing mahupun domestik masih belum diumumkan oleh pihak MIDA.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed)) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk menyediakan terminal bas kepada Syarikat RapidPenang sepertimana yang diminta oleh syarikat berkenaan? Jikalau ada, di manakah lokasi-lokasi yang dicadangkan dan berapa luaskah setiap satu terminal?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Ya, Kerajaan Negeri berhasrat untuk menyediakan sebuah lagi tapak terminal bas iaitu di Pengkalan Weld. Pada masa sekarang, sudah terdapat terminal bas yang telah disediakan kepada Rapid Penang Sdn. Bhd. iaitu di Balik Pulau dan Tanjung Bunga.

   Tapak baru seluas 0.95 ekar ini terletak di tepi masuk laluan Pengkalan Raja Tun Uda, Pengkalan Weld (di belakang tandas awam sedia ada). Pada masa sekarang, pihak Rapid Penang Sdn. Bhd. sedang menyediakan pelan konsep untuk terminal yang dicadangkan ini.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed)) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Janji kerajaan negeri untuk menghapuskan miskin tegar di negeri ini sebelum akhir Mac 2009. Sehingga kini bagaimanakah kedudukannya? Berapakah bilangan miskin tegar yang telah dihapuskan dan berapa lagi yang berbaki? Berapakah jumlah peruntukkan yang telah dibelanjakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang berhasrat untuk menghapuskan miskin tegar di negeri dalam jangka masa setahun yang berakhir pada Mac 2009. Jumlah keseluruhan yang tersenarai dalam kategori miskin tegar di Negeri Pulau Pinang adalah seramai 869 orang. Setelah penelitian dan siasatan semula dilakukan didapati senarai yang benar-benar termasuk dalam kategori miskin tegar adalah seramai 728 orang sahaja. Sebanyak RM213,385.00 telah diperuntukkan untuk diagih kepada golongan ini.

Walau bagaimanapun, bilangan penerima bantuan ini akan berubah mengikut keadaan semasa kerana kerajaan negeri dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan akan sentiasa membuat pemantauan, pemerhatian dan siasatan dari masa ke semasa bagi mengenal pasti senarai baru, keciciran mahupun yang telah berjaya terkeluar daripada kepompong miskin tegar ini.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed)) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Dalam tahun 2008 berapakah jumlah peruntukkan pembangunan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri? Nyatakan perbelanjaan bagi setiap jabatan mengikut kepala peruntukan yang disediakan? Nyatakan projek-projek yang dilaksanakan mengikut setiap jabatan berkaitan mengikut KADUN.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Pada tahun 2008 kerajaan negeri telah menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM162,527,330.00 juta. Ianya meliputi peruntukan kepada 9 jabatan iaitu:

(i) Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri;
(ii) Jabatan Pengairan dan Saliran;
(iii) Jabatan Perhutanan;
(iv) Jabatan Taman Botani;
(v) Jabatan Kerja Raya;
(vi) Jabatan Agama Islam Pulau Pinang;
(vii) Jabatan Kewangan Negeri;
(viii) Jabatan Perkhidmatan Veterinar; dan
(ix) Jabatan Pertanian.

Daripada jumlah tersebut sebanyak RM151,943,975.11 atau 93.49 peratus telah dibelanjakan. Baki peruntukan yang tidak dibelanjakan adalah sebanyak RM10,583,354.89 sahaja.

Perbelanjaan untuk setiap jabatan adalah seperti berikut:-

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN MENGIKUT JABATAN

Bil.	**Maksud Pembangunan**			**Perbelanjaan (RM)**
1.	P.01	-	Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan	111,561,088.57
2.	P.08	-	Jabatan Pengairan & Salinan	9,972,825.86
3.	P.09	-	Jabatan Perhutanan	2,882,549.13
4.	P.10	-	Jabatan Taman Botani	998,979.54
5.	P.12	-	Jabatan kerja Raya	6,874,838.18
6.	P.13	-	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	4,929,147.71
7.	P.16	-	Jabatan Kewangan Negeri	8,737,807.04
8.	P.17	-	Jabatan Veterinar	1,998,449.22
9.	P.18	-	Jabatan Pertanian	3,988,289.86
			JUMLAH	**151,943,975.11**

Projek-projek yang dilaksanakan mengikut jabatan bagi setiap KADUN adalah seperti di

LAMPIRAN SOLAN NO. 8 YB. JASMIIN

149 - 179

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Berapakah jumlah lawatan ke luar negara yang dibuat oleh kerajaan negeri bagi tahun 2008? Berapakah perbelanjaan setiap satu dan siapakah anggota rombongan lawatan-lawatan berkenaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerajaan Negeri telah mengadakan sebanyak 16 lawatan rasmi ke luar negara bagi tujuan promosi dan galakan pelaburan dan juga pelancongan di sepanjang tahun 2008. Maklumat terperinci mengenainya adalah seperti berikut:-

LAWATAN KE LUAR NEGARA

BIL	TARIKH	TUJUAN	ANGGOTA ROMBONGAN	PERBELANJAAN
1	*19/3 hingga 15 /4/2008*	Medan Fair- Program *Business Matching*	YB Tuan Muhamad Fairus bin Khairuddin, YB Tuan Abdul Malik bin Abul Kassim, YB Tuan Law Heng Kiang dan 15 orang pegawai.	RM 164,222.00
2	*5 hingga 9/5/2008*	Penyertaan mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang di " Arabian Travel Market 2008" di Dubai	YB Tuan Law Heng Kiang dan 2 orang pegawai	RM 18, 997.00
3	*30/5 hingga 7/6/2008*	Misi Pelaburan informal (soft mission) ke Korea dan Hong Kong	YAB Tuan Lim Guan Eng dan 4 orang pegawai	Ditanggung oleh Penganjur
4	*24 hingga 25/6/2008*	Penyertaan di "World Peace Forum" di Jakarta .	YAB Tuan Lim Guan Eng	Ditanggung oleh Penganjur
5	*30/6 hingga 1 /7/2008*	Menghadiri Seminar "The Shared Societies Project" di London	YB Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy	Ditanggung oleh Penganjur
6	*6 hingga 8/7/2008*	Lawatan Kerja YB Timbalan Ketua Menteri Ke Medan, Indonesia	YB Tuan Muhamad Fairus bin Khairuddin dan 2 orang pegawai	RM 10,000.00
7	*12 hingga 13/8/ 2008*	Penyertaan dalam Misi Perdagangan & Pelaburan Malaysia ke Singapura	YB Jeff Ooi dan 4 orang pegawai *invest*penang.	RM10,300.00
8	*7 hingga 12/9/2008*	Lawatan Rombongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Xiamen, Negara China	YB Tuan Chow Kon Yeow dan 19 peseta delegasi dan pegawai	RM26,186.30 (Kerajaan Negeri) RM8,052.00 (MPPP)
9	*16 hingga 25/9/2008*	Lawatan Rasmi ke Dubai dan Arab Saudi.	YB Tuan Abdul Malik bin Abul Kassim	RM24,927.00
10	*26 hingga 29/10/2008*	Delegasi Perdagangan ke Banda Acheh oleh IMT-GT Joint Business Council dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia.	YB Tuan Abdul Malik bin Abul Kassim dan seorang pegawai	RM3,840.00
11	*7 hingga 12/11/ 2008*	Lawatan rasmi ke Dubai dan Abu Dhabi bagi mempamerkan produk Pulau Pinang.	YB Tuan Abdul Malik bin Abul Kassim	RM16,090.00
12	*10 hingga 13/11/2008*	Penyertaan Pulau Pinang Di "World Travel Market" (WTM) di London	YB Tuan Lim Hock Seng dan 2 wakil PDC	RM 17,320.00
13	*28 /10 hingga 2/11/2008*	Misi Perdagangan & Pengalakan pelaburan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Negara Korea serta Penyertaan dalam Persidangan Pelaburan Pelancongan Asia Pacific	YAB Tuan Lim Guan Eng, YB Tuan Mohamad Fairus b Khairuddin, YB Tuan Danny Law Heng Kiang,YB Tuan Jeff Ooi,YB Tuan Liew Chin Tong dan 5 orang pegawai	RM33,053.00
14	***24 hingga 27 /11/2008***	Lawatan rasmi YAB Ketua Menteri ke Xiamen,China.	YAB Tuan Lim Guan Eng, YB Tuan Muhamad Fairus bin Khairuddin, YB Tuan Abdul Malik bin Abul Kassim dan 5 orang pegawai	**RM46,551.49**
15	***29/11 hingga 1/12/2008***	Penyertaan Ahli MMK ke Shanghai sempena 24th World Chinese Basketball Invitation Championship 2008.	YB Puan Ong Kok Fooi	**RM5,053.00**
16	***22 hingga 25 /12/ 2008***	Menyertai Pameran Islam Antarabangsa Ketiga (IIF 2008) di Dubai, Emiriah Arab Bersatu.	YB Tuan Muhamad Fairus bin Khairuddin dan seorang pegawai	**RM20,040.00**

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Dasar Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPS) dalam bidang saliran adalah seperti berikut:

    (i) Membina parit-parit di dalam kawasan pengairan untuk tanaman padi dan lain-lain tanaman;

    (ii) Membina parit-parit utama sahaja di dalam kawasan bandar; dan

    (iii) Membina saluran air keluar *(outlet)* bagi semua kawasan bandar dan luar bandar.

    JPS tidak terlibat dalam pembinaan parit-parit kecil di dalam bandar dan juga luar bandar. Namun, pihak JPS bersedia membantu membina parit dalam kampung dengan syarat mendapat kebenaran bertulis dari tuan-tuan tanah yang terlibat.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Sila senaraikan nama Ahli Lembaga Pengarah PBAPP dan senarai ahli jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang dibentuk. Berapakah elaun yang diberi kepada setiap seorang Ahli Lembaga Pengarah berkenaan dan juga elaun jawatankuasa kecil berkaitan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Berikut adalah senarai Ahli Lembaga Pengarah PBAPP:

YAB Tuan Lim Guan Eng (Pengerusi)

YB Prof Dr Ramasamy a/l Palanisamy (Pengarah)

YB Tuan Lim Hock Seng (Pengarah)

YB Dato Supiah binti Md Yusof (Pengarah)

YB Puan Faiza binti Zulkifli (Pengarah)

Tuan Haji Shahawai bin Awang (Pengarah)

YB Tuan Raveentharan a/l V.Subramaniam (Pengarah)

YB Tuan Tan Cheong Heng (Pengarah)

YB Tuan Lau Keng Ee (Pengarah)

Elaun yang diberikan kepada Ahli Lembaga Pengarah PBAPP :

Jawatan	**Elaun Mesyuarat**	**Elaun Tetap**
Pengerusi	RM 300.00	RM 3000.00
Timbalan Pengerusi	RM 300.00	RM 1500.00
Pengarah	RM 300.00	RM 1000.00

(b) Jawatankuasa kecil PBAPP adalah terdiri daripada Jawatankuasa Perjawatan PBAPP dan Jawatankuasa Lembaga Tawaran PBAPP.

Berikut adalah senarai Ahli Jawatankuasa Perjawatan PBAPP dan Ahli Jawatankuasa Lembaga Tawaran PBAPP beserta elaun yang diberikan kepada setiap Ahli Jawatankuasa kecil PBAPP :

Jawatankuasa Perjawatan PBAPP:

YB Prof Dr Ramasamy a/l Palanisamy (Pengerusi)
Ir Jaseni Maidinsa (Pengurus Besar, PBAPP)(Pengarah)

Jawatan	**Elaun Mesyuarat**
Pengerusi	RM 300.00
Pengarah	RM 300.00

Jawatankuasa Lembaga Tawaran PBAPP:

YAB Tuan Lim Guan Eng (Pengerusi)
YB Dato Supiah binti Md Yusof (Pengarah)
Tuan Haji Shahawai bin Awang (Pengarah)
Ir Jaseni Maidinsa (Pengurus Besar, PBAPP)(Pengarah)

Jawatan	**Elaun Mesyuarat**
Pengerusi	RM 300.00
Pengarah	RM 300.00

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Sila senaraikan Ahli Jawatankuasa PBA Holding Berhad. Berapakah elaun yang dibayar kepada Ahli Lembaga PBAHP dan berapakah jawatankuasa kecil yang dibentuk serta siapa ahli-ahli jawatankuasa ini dan elaun yang dibayar?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Berikut adalah senarai Ahli Jawatankuasa PBA Holding Berhad:

(i) Ahli Lembaga Pengarah PBAHB:

Y.A.B Tuan Lim Guan Eng (Pengerusi)
Y.B. Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy (Pengarah-Tidak Bebas)
Y.B. Tuan Abdul Malik bin Abul Kassim (Pengarah-Tidak Bebas)
Y.B. Dato Supiah binti Md Yusof (Pengarah-Tidak Bebas)
Y.B. Puan Faiza binti Zulkifli (Pengarah-Tidak Bebas)
Y.Bhg. Dato Chew Kong Seng (Pengarah-Bebas)
Y.Bhg. Dato Hj Adlan bin Hj Mohamed Daud (Pengarah-Bebas)
Y.Bhg. Dato Dr. M. Shanmughalingam (Pengarah-Bebas)
Y.B. Tuan Lim Hock Seng (Pengarah-Bebas)
Y. Bhg. Dato Syed Mohamad Bin Syed Murtaza (Pengarah-Bebas)
Tuan Haji Mohamad Bin Sabu (Pengarah-Bebas)

(ii) Elaun yang diluluskan kepada Ahli Lembaga Pengarah PBAHB seperti berikut:-

Jawatan	Elaun Mesyuarat	Elaun Tetap	Elaun Luar Kawasan
Pengerusi	RM300.00	RM500.00	-
Timbalan Pengerusi	RM300.00	RM500.00	-
Pengarah (Tidak Bebas)	RM300.00	RM500.00	-
Pengarah (Bebas)	RM300.00	RM1,500.00	RM1,500.00

(b) Jawatankuasa kecil yang diwujudkan adalah Jawatankuasa Perjawatan PBAHB, Jawatankuasa Audit PBAHB dan Jawatankuasa ESOS PBAHB. Berikut adalah senarai Ahli Jawatankuasa Perjawatan PBAHB, Ahli Jawatankuasa Audit PBAHB dan Ahli Jawatankuasa ESOS PBAHB:-

(i) **Ahli Jawatankuasa Perjawatan PBAHB:**

Y.B. Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy (Pengerusi)
Y.Bhg. Dato Hj Adlan bin Hj Mohamed Daud (Pengarah-Bebas)
Ir. Jaseni Maidinsa (Ketua Pegawai Eksekutif, PBAHB)- (Pengarah-Tidak Bebas)

(ii) **Ahli Jawatankuasa Audit PBAHB:**

Y.Bhg. Dato Chew Kong Seng (Pengerusi)
Y.B. Dato Supiah binti Md Yusof (Pengarah-Tidak Bebas)
Y.Bhg. Dato Hj. Adlan bin Hj Mohamed Daud (Pengarah-Bebas)
Ir. Jaseni Maidinsa (Ketua Pegawai Eksekutif, PBAHB)-(Pengarah-Tidak Bebas)
Y.Bhg. Dato Syed Mohamad Bin Syed Murtaza (Pengarah-Bebas)

(iii) **Ahli Jawatankuasa ESOS PBAHB:**

Y.Bhg. Dato Chew Kong Seng (Pengerusi)
Y.B. Dato Supiah binti Md Yusof (Pengarah-Tidak Bebas)
Y.Bhg. Dato Hj. Adlan bin Hj Mohamed Daud (Pengarah-Bebas)
Ir. Jaseni Maidinsa (Ketua Pegawai Eksekutif, PBAHB)-(Pengarah-Tidak Bebas)

(iv) Elaun yang diluluskan kepada ahli jawatankuasa kecil adalah seperti berikut:

Jawatan	Elaun Mesyuarat
Pengerusi	RM 300.00
Pengarah (Tidak Bebas)	RM 300.00
Pengarah (Bebas)	RM 300.00

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sila senaraikan Ahli-ahli Lembaga PDC serta jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang dibentuk. Berapakah elaun-elaun yang dibayar kepada Ahli Lembaga dan jawatankuasa kecil ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (i) Senarai Ahli-Ahli Lembaga PDC adalah seperti berikut:

(a) YAB Tuan Lim Guan Eng
(b) YB Tuan Mohammad Fairus bin Khairuddin
(c) YB. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy
(d) YB Dato' Supiah Bt. Md. Yusof
(e) YB Tuan Phee Boon Poh
(f) YB Tuan Abdul Malik bin Abul Kassim
(g) YB Tuan Tanasekharan a/l Autherapady
(h) Yg. Bhg. Dato' Lee Kah Choon
(i) Yg. Bhg. Dato' Hj. Mohammed bin Ismail (Wakil Kerajaan Persekutuan dari Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri)
(j) Yg. Bhg. Datin Naimah binti Ramli (Wakil Kerajaan Persekutuan dari Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi)
(k) Yg.Bhg. Dato' Hj. Za'ba bin Hj. Che Rus (Wakil Kerajaan Persekutuan dari Kementerian Kewangan Malaysia).

(ii) Jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang dibentuk adalah seperti senarai di bawah ini:

(a) Jawatankuasa Perjawatan
(b) Jawatankuasa Lembaga Tawaran
(c) Jawatankuasa Lembaga Kewangan
(d) Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan Sokongan
(e) Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan Pengurusan & Profesional

(iii) Elaun-elaun yang dibayar kepada Ahli Lembaga PDC dan jawatankuasa kecil adalah seperti berikut:

- Elaun Tetap Tahunan - Pengerusi (RM10,000/setahun)
- Elaun Tetap Tahunan - Ahli-Ahli Lembaga (RM8,000/setahun)
- Elaun Mesyuarat Lembaga - (RM500/setiap mesyuarat)
- Elaun Mesyuarat Jawatankuasa -(RM300/setiap mesyuarat)
- Elaun Pakaian - (RM500/setahun)

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Berapakah gaji dan elaun yang diterima oleh YAB Ketua Menteri, YB Timbalan Ketua Menteri I dan YB Timbalan Ketua Menteri II bagi setiap bulan termasuk elaun-elaun yang diterima sebagai menganggotai mana-mana Lembaga Pengarah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Gaji dan Elaun yang diterima oleh Ketua Menteri adalah seperti berikut:

	JUMLAH (RM)(SEBULAN)
(i) Gaji	14,175.15
(ii) Elaun Khas Anggota Pentadbiran	4,000.00
(iii) Elaun Rumah Anggota Pentadbiran	4,000.00
(iv) Elaun Keraian	5,500.00
(v) Elaun Kakitangan Isi Rumah	3,000.00
(vi) Elaun ADUN	4,112.79
Jumlah	**34,787.94**

Gaji dan Elaun yang diterima oleh Timbalan Ketua Menteri 1 dan 2 adalah seperti berikut:

	JUMLAH RM
i) Gaji Ahli MMK	3,993.00
ii) Elaun Khas Jawatan Timbalan Ketua Menteri	1,331.00
iii) Elaun Khas Anggota Pentadbiran	1,500.00
iv) Elaun Rumah Anggota Pentadbiran	2,000.00
v) Elaun Keraian	2,000.00
vi) Elaun Kakitangan Isi Rumah	500.00
vii) Elaun ADUN	4,112.79
Jumlah	**15,436.79**

Elaun yang diterima oleh YAB Ketua Menteri, Timbalan Ketua Menteri 1 dan Timbalan Ketua Menteri 2 sebagai Ahli Lembaga Pengarah PDC adalah seperti berikut :

(a) YAB Ketua Menteri (Pengerusi PDC) :

- Elaun Tetap Tahunan - (RM10,000/setahun)
- Elaun Mesyuarat Lembaga - (RM500/setiap mesyuarat)
- Elaun Mesyuarat Jawatankuasa - (RM300/setiap mesyuarat)
- Elaun Pakaian - (RM500/setahun)

(b) Timbalan Ketua Menteri 1 dan Timbalan Ketua Menteri 2 :

- Elaun Tetap Tahunan - (RM8,000/setahun)
- Elaun Mesyuarat Lembaga - (RM500/setiap mesyuarat)
- Elaun Mesyuarat Jawatankuasa - (RM300/setiap mesyuarat)
- Elaun Pakaian - (RM500/setahun)

Elaun yang diterima oleh YAB Ketua Menteri, Timbalan Ketua Menteri 1 dan Timbalan Ketua Menteri 2 sebagai Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah PBA adalah seperti berikut :-

Jawatan	Elaun Mesy.	Elaun Tetap Bulanan
Pengerusi	RM 300.00	RM 3000.00
Timb.Pengerusi	RM 300.00	RM 1500.00
Pengarah	RM 300.00	RM 1000.00

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sila senaraikan nama Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa JKKK dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Dua. Nyatakan alamat masing- masing dalam senarai berkenaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Senarai nama Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa JKKK dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Dua seperti di lampiran.

Laporan Persidangan

PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
MESYUARAT PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEDUA BELAS

Hari	***:***	***20 April 2009 (Isnin)***
Tempat	***:***	***(Dewan Undangan Negeri, Lebuh Light, Pulau Pinang)***
Jam	***:***	***9.30 Pagi.***

HADIR

Speaker (Y.B. Tuan Abdul Halim bin Hussain)
Ahli Kawasan Air Putih (Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng) – Ketua Menteri
Setiausaha Kerajaan Negeri (Y.B. Dato' Zainal Rahim bin Seman)
Penasihat Undang–undang Negeri (Y.B. Puan Faiza bt. Zulkifli)
Pegawai Kewangan Negeri (Y.B. Dato' Supiah bt. Md. Yusof)
Ahli Kawasan Perai (Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy) – Timbalan Ketua Menteri II.

" Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow)
" Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim)
" Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng)
" Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang)
" Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh)
" Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang)
" Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai)
" Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi)
" Machang Bubuk (Y.B. Tuan Tan Hock Leong) – Timbalan Speaker
" Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai)
" Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee, AMN)
" Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady)
" Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd Rahman)
" Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik)
" Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin)
" Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu)
" Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh)
" Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng)
" Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee)
" Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen)
" Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin)

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji)
“ Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan)
“ Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee)
“ Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat)
“ Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam)
“ Penaga (Y.B. Dato’ Haji Azhar bin Ibrahim)
“ Telok Bahang (Y.B. Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya)
“ Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato’ Hajah Jahara bt. Hamid)
“ Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato’ Syed Ahmad)
“ Sungai Dua (Y.B. Dato’ Haji Jasmin bin Mohamed)
“ Pinang Tunggal (Y.B. Dato’ Haji Roslan bin Saidin)
“ Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah)
“ Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya)
“ Sungai Acheh (Y.B. Dato’ Mahmud bin Zakaria)
“ Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab)

TIDAK HADIR

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad)

TURUT HADIR

Encik Baharuddin bin Ahmad Suri - Setiausaha Dewan Undangan Negeri.

Dewan mula bersidang pada jam 10.00 pagi

Setiausaha:

Doa.

Pengumuman oleh Tuan Speaker.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah menetapkan hari ini 20 April 2009 sebagai hari permulaan Mesyuarat Yang Pertama Penggal Yang Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Kedua belas melalui perisytiharan bertarikh 16 Februari 2009 yang diwartakan pada 26 Februari 2009. Tuan Yang Terutama Tun akan tiba di Dewan ini sebentar lagi untuk menyampaikan ucapan kepada Dewan.

Setiausaha:

Ketibaan Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Y.A.Bhg. Toh Puan. Ucapan Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri.

Y.B. Tuan Speaker:

Jurugambar dari media dibenarkan mengambil gambar selama 2 minit.
Setiausaha Dewan :

UCAPAN OLEH TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera

Bismillahirrahmanirrahim,

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Halim bin Hussain
Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Profesor Dr. Ramasamy
Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang

Yang Ariff Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Ahli-Ahli Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Sahibus Samahah Dato' Mufti

Y.Bhg. Dato'-Dato' dan Datin-Datin

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekelian

Alhamdulillah, ingin saya melafazkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia dan restuNya dapat saya menyampaikan ucapan di majlis yang mulia ini bersempena Mesyuarat Pertama bagi Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Kedua belas.

Di kesempatan ini, saya bagi pihak kerajaan negeri ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Bin Tun Razak di atas pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-6. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng dan barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kerana berjaya menerajui sebuah kerajaan negeri yang telah berusia satu tahun dengan jayanya. Dedikasi, keikhlasan dan kejujuran Ahli-ahli Yang Berhormat dalam memikul tugas, tanggungjawab dan amanah berlandaskan prinsip CAT iaitu cekap, akauntabiliti dan telus amat disanjung tinggi. Demi memastikan negeri yang kita sayangi ini maju ke hadapan, sewajarnya ketepikanlah unsur perbalahan sebaliknya memberi tumpuan kepada aspek pembangunan bagi kemakmuran negeri. Kita seharusnya menekankan kepada kesejahteraan Malaysia tanpa memperlihatkan perbezaan fahaman. Wawasan Kerajaan negeri masih bertekad menyamakan transformasi yang boleh menjadikan Pulau Pinang dengan negeri bertaraf antarabangsa yang menjadi pilihan utama untuk pelabur dan pelancong serta habitat terpilih untuk penghuni yang mahukan pembangunan yang mampan.

Suasana ekonomi dunia yang tidak menentu, merupakan satu cabaran utama Pulau Pinang. Kini, Pulau Pinang telah mula merasai impak kemerosotan permintaan dunia dengan adanya situasi penutupan beberapa buah kilang dan pemberhentian kerja yang semakin meningkat. Bagi menangani masalah ini, kerajaan negeri mengatur strategi yang komprehensif bagi menstabilkan keadaan ekonomi semasa. Dengan pelancaran Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Pulau Pinang pada 5 Mac 2009 yang memang tepat pada waktunya adalah bertujuan untuk menyelesai dan menguruskan isu-isu ekonomi seterusnya memastikan kestabilan dan kemakmuran ekonomi negeri Pulau Pinang terus terjamin. Hasilnya, tiga buah jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah majlis ini iaitu Panel Penasihat Industri Pulau Pinang dan Panel Penasihat Perkhidmatan Pulau Pinang di bawah naungan InvestPenang, Penang Global Tourism Sdn. Bhd. dan Pasukan Petugas Hub Halal Antarabangsa Pulau Pinang yang menjadi badan penasihat akan sentiasa pro-aktif dalam menangani krisis ekonomi di negeri ini. Panel Penasihat Industri Pulau Pinang dan Panel Penasihat Perkhidmatan Pulau Pinang bertindak sebagai pemudah cara bagi menyediakan peluang dan kemudahan kepada ahli perniagaan dan perindustrian untuk sama-sama mengambil bahagian dan menyumbangkan idea bagi memacu pertumbuhan ekonomi negeri. Manakala Penang Global Tourism Sdn. Bhd. bertujuan menjadi jentera dan pemangkin ke arah pembangunan sektor pelancongan berikutan keputusan Kementerian Pelancongan membatalkan memorandum persetujuan berhubung kegiatan pelancongan di Pulau Pinang di antara Penang Tourism Action Council (PTAC) dengan kerajaan negeri.

Selain itu, dengan pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua berjumlah RM60 bilion baru-baru ini, adalah diharapkan agar peruntukan yang disediakan dapat diagih secara seimbang. Di kesempatan ini juga, kerajaan negeri ingin melahirkan ucapan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan di

atas peruntukan yang disediakan bagi pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang dianggarkan bernilai RM250 juta di bawah pakej rangsangan berkenaan.

Penubuhan Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (Chief Minister Incorporated) akan memberi dimensi baru kepada aktiviti pelaburan di Pulau Pinang. Dengan wujudnya Perbadanan ini, akan memfokuskan kepada apa-apa aktiviti pelaburan dan promosi pelaburan yang berpotensi untuk dimajukan bagi menjana ekonomi Negeri Pulau Pinang. Penubuhan Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang akan merancakkan lagi aktiviti pelaburan di Pulau Pinang dalam semua sektor, iaitu sektor hartanah, perumahan, pembuatan, pelancongan dan lain-lain. Yang penting sekali ia juga memberikan fokus kepada komitmen kerajaan untuk memelihara, melindungi dan mempromosi nilai warisan di George Town khususnya selepas George Town disenaraikan sebagai Tapak Warisan UNESCO. Bagi memastikan aktiviti ekonomi terus berkembang, usaha dan kerjasama daripada semua pihak amatlah diperlukan. Pelaksanaan projek-projek di bawah Northern Corridor Economic Region (NCER) haruslah disegerakan. Bagi tujuan ini, kerajaan negeri telah pun menerima pakai Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687). Justeru, kerajaan negeri berharap agar semua perancangan di bawah NCER dapat terus dilaksanakan. Status Negeri Pulau Pinang sebagai hab logistik dan pengangkutan seperti di dalam perancangan NCER sememangnya bertepatan kerana Pulau Pinang mempunyai infrastruktur yang baik dalam sektor pengangkutan dan logistik, perindustrian, perdagangan dan pelancongan.

Walaupun dalam keadaan kegawatan ekonomi, masih terdapat syarikat-syarikat korporat yang sudi tampil ke hadapan bersama-sama dengan kerajaan negeri untuk berjuang membasmi kemiskinan tegar. Hasrat murni kerajaan negeri tersebut telah dikongsi bersama oleh syarikat-syarikat seperti Hunza Properties Berhad, IJM Properties Sdn. Bhd., YMCA, Lions Club of Penang dan beberapa badan bukan kerajaan yang lain merupakan rakan-rakan di bawah program Rakan Anti Kemiskinan (RAK). RAK merupakan usaha murni kerajaan negeri untuk menggemblengkan tenaga membasmi miskin tegar menerusi – 3P – ”Public Private Partnership”. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri atas kejayaan melepaskan Pulau Pinang daripada belenggu kemiskinan tegar sifar. kerajaan negeri sehingga kini telah berjaya mengumpul dana melebihi RM2 juta bagi membolehkan sumbangan diberi kepada golongan miskin tegar. Di samping itu, kerajaan negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. telah memberi wang ihsan RM100 dalam bentuk air percuma sehingga 30,000 liter sebulan kepada keluarga miskin tegar. Usaha murni kerajaan negeri untuk meminimumkan perbezaan kualiti hidup penduduk bandar dan luar bandar dengan hasrat untuk memberi faedah kepada 170,000 keluarga berbanding kini memberi manfaat kepada seramai 155,642 keluarga sahaja.

Di samping itu, program sosial kerajaan negeri telah berjaya mencatat suatu kejayaan yang membanggakan rakyat dan mengharumkan nama kerajaan negeri di seluruh Malaysia iaitu menjadi negeri pertama yang bebas daripada kemiskinan tegar di Malaysia. Kemiskinan tegar ditakrifkan sebagai keluarga yang menerima pendapatan kurang daripada RM400 sebulan. Berasaskan maklumat terdahulu, terdapat 324 keluarga miskin tegar dan di bawah kerajaan baru petunjuk sebenarnya ada sekurang-kurangnya 728 buah keluarga. Demi memastikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang benar-benar bebas daripada miskin

tegar, maka sasaran yang lebih tinggi daripada RM400 sebulan ditetapkan iaitu menetapkan matlamat setiap keluarga akan memperolehi sekurang-kurangnya RM500 sebulan di Pulau Pinang. Hasil keprihatinan dan kerjasama erat antara pelbagai pihak ini telah menyaksikan kejayaan Negeri Pulau Pinang sebagai negeri pertama di Malaysia yang mencapai status Miskin Tegar Sifar pada 30 Mac 2009. Adalah menjadi hasrat kerajaan negeri agar setiap keluarga di Pulau Pinang memiliki rumah sendiri berdasarkan konsep 'Satu Keluarga Satu Rumah' terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah dan tidak berkemampuan. Bagi mencapai hasrat tersebut, kerajaan negeri telah mengambil langkah untuk memperbaiki dan menambahbaikkan sistem tawaran perumahan yang sedia ada melalui Sistem E-perumahan mulai Mac 2009. Dengan peningkatan ke atas sistem pendaftaran ini, kerajaan negeri berharap pengagihan permohonan perumahan akan menjadi lebih telus.

Dalam usaha kerajaan memperbaiki mutu perkhidmatan pengangkutan awam di Pulau Pinang, RapidPenang akan membekalkan sejumlah 200 buah bas sebagai tambahan daripada 150 buah bas sedia ada untuk memberi perkhidmatan di bahagian Pulau dan di Seberang Perai. Penambahan bas yang dilengkapi dengan kemudahan bagi orang kurang upaya ini akan bermula secara berperingkat mulai Jun 2009.

Di samping itu, kerajaan negeri juga telah mewujudkan semula perkhidmatan bas percuma kepada rakyat Pulau Pinang khususnya di bahagian Pulau yang dinamakan Central Area Transit (CAT), yang telah mula beroperasi pada 23 Januari 2009. Kini, terdapat 3 buah bas CAT yang memberikan perkhidmatan percuma dan kerajaan negeri berharap boleh menambah 3 buah bas CAT lagi. Perkhidmatan bas ini dilihat dapat membantu dalam meringankan beban rakyat dalam menghadapi krisis ekonomi global masa kini. Dalam usaha mempelbagaikan ekonomi Pulau Pinang, kerajaan negeri berhasrat untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai Hab Produk Halal Antarabangsa. Kawasan Balik Pulau telah dipilih dan dirancang untuk dijadikan sebagai kawasan pembangunan peranginan berkonsepkan halal dan pelancongan perubatan.

Selain dari itu, Pulau Pinang juga bersedia untuk menjadi pemain utama dalam industri pembuatan produk halal dengan pewujudan tapak Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang seluas 131 ekar di kawasan perindustrian Bukit Minyak. Persetujuan dua syarikat iaitu Halagel (M) Sdn. Bhd. dan Granulab (M) Sdn. Bhd. untuk melabur di negeri ini dilihat sebagai keyakinan pihak swasta terhadap hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai hub halal bukan sahaja di Malaysia malah di peringkat dunia. Pelaburan kedua-dua syarikat ini membuka peluang pekerjaan baru kepada lebih 500 orang di negeri ini.

Visi kerajaan negeri adalah melalui pemasaran dan promosi pelancongan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah destinasi kelas dunia dengan memfokuskan kepada peningkatan kualiti produk dan perkhidmatan pelancongan. Penyenaraian George Town sebagai tapak Warisan Dunia oleh UNESCO pada awal bulan Julai 2008 merupakan satu lonjakan kepada sektor pelancongan di Pulau Pinang. Kini, Pulau Pinang memang terkenal sebagai destinasi pelancongan perubatan di kalangan pelancong Indonesia. Kejayaan Mt. Miriam Cancer Hospital memperolehi peralatan yang terkini dan termoden di Asia Tenggara iaitu Image Guided Radiotherapy Treatment (IGRT) Machine

berharga lebih RM10 juta untuk merawat penyakit kanser akan menaikkan imej negeri ini sebagai sebuah bandar perubatan bertaraf antarabangsa. Hanya ada 4 buah GRT di dunia yang kini beroperasi. Pulau Pinang amat berbangga kerana salah satunya bertapak di Pulau Pinang.

Pada masa ini, kerajaan negeri sedang berusaha menambah beberapa produk pelancongan baru di Pulau Pinang. Antaranya, ialah cadangan Projek Kereta Kabel di antara Taman Botani ke Bukit Bendera dengan jarak sejauh 2.7 km dan projek Auto City Theme Park di Juru. Kejayaan memperbaiki Kereta api Bukit Bendera dengan kaedah sendiri dengan penawaran harga lebih rendah daripada tawaran tender bukan sahaja membolehkan ia beroperasi tetapi dapat ditadbir urus selaras dengan urus tadbir CAT iaitu Cekap, Akauntabiliti dan Telus. Di samping itu, keputusan kerajaan negeri untuk mewujudkan Perbadanan Pembangunan Bukit Bendera dilihat mampu menggiatkan lagi potensi pelancongan di tempat peranginan tersebut memandangkan Bukit Bendera mempunyai banyak produk pelancongan yang boleh dimajukan.

Kerajaan negeri juga akan meningkatkan usaha untuk mencari dan mewujudkan produk unik dan eksklusif kepada Negeri Pulau Pinang. Dengan ini, pelancong-pelancong akan lebih bertumpu kepada destinasi yang menawarkan kepelbagaian dan keunikan produk-produk pelancongan. Perhatian akan terus diberikan kepada pelancongan berasaskan ekopelancongan dan agro-pelancongan, serta sosiobudaya tempatan sesuai dengan Pulau Pinang yang kaya dengan kawasan-kawasan alam semula jadi dan tinggalan warisan budaya yang unik serta “kelip-kelip“ atau *“firefly watching”* di sepanjang Sungai Kerian di daerah Seberang Perai Selatan. Penubuhan Penang Global Tourism Sdn. Bhd., yang merupakan sebuah anak syarikat milikan penuh PDC, akan dipertanggungjawabkan untuk mempergiatkan aktiviti promosi dan pemasaran di Negeri Pulau Pinang. Melalui unit ini, kerajaan negeri akan meneruskan usaha promosi dan pemasaran di dalam dan luar negara melalui penyertaan dalam pameran-pameran pelancongan antaranya World Travel Mart, AIME dan MATTA Fair.

Selain itu, aspek keselamatan tidak diabaikan. Ianya akan dipertingkatkan bagi meyakinkan para pelancong bahawa Pulau Pinang merupakan destinasi selamat untuk dikunjungi. Bagi tujuan itu, kerajaan negeri telah mewujudkan Unit Polis Pelancong dan merancang pemasangan sistem CCTV di kawasan tumpuan pelancong. kerajaan negeri masih menunggu pemasangan 48 CCTV di Pulau Pinang dan bercadang menambahkan lebih banyak lagi CCTV untuk menangani kes-kes jenayah. Dengan usaha yang dilaksanakan ini, kerajaan negeri yakin kes-kes jenayah yang melibatkan pelancong akan dapat dikurangkan dan imej Pulau Pinang adalah sebagai destinasi yang selamat.

Dalam aspek keselamatan, kerajaan negeri berhasrat menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang selamat yang membolehkan setiap orang bukan sahaja selamat tetapi rasa selamat. Demi menjayakan usaha ini, kerajaan negeri telah meminta tambahan anggota polis dan mengadakan sistem Pasukan Peronda Sukarelawan (PPS) bersama dengan Rakan Cop. PPS ini membabitkan masyarakat dan kerajaan negeri. Untuk tujuan ini, kerajaan negeri telah memperuntukkan RM1 juta untuk melicinkan operasi PPS.

Sebagai langkah pro-aktif untuk membantu pekerja dari sektor pembuatan yang telah kehilangan sumber mata pencarian disebabkan oleh permintaan global yang berkurangan, kerajaan negeri telah mewujudkan Pusat Bantuan Kerjaya dan Latihan, atau lebih dikenali sebagai “Penang Career and Training (CAT) Center”. Pusat ini berperanan untuk memadankan pekerja yang telah diberhentikan kerja atau melantik pekerja baru melalui program-program latihan yang akhirnya menyediakan peluang pekerjaan atau perniagaan kepada mereka. Sehingga 14 April 2009, seramai 1303 orang telah mendaftar diri di Pusat CAT. Terdapat 3028 kekosongan dan seramai 873 orang pendaftar telah berjaya dipadankan dengan kerja ataupun kekosongan yang setara dengan kelayakan akademik serta pengalaman mereka.

Pusat ini akan sentiasa bekerjasama dengan investPenang, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP). Pusat CAT di KOMTAR telah beroperasi mulai 4 Mac 2009 yang lalu. Selanjutnya, untuk menjadi sebuah negeri maju dan kekal di tahap tersebut, pembangunan modal insan tetap diutamakan. Dengan itu, kerajaan negeri amat serius dalam usaha melahirkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran, berdaya saing, berinovatif, perlu bersikap proaktif dan progresif tanpa mengetepikan nilai etika dan moral. Sebagai usaha kerajaan negeri untuk meningkatkan mutu pendidikan di Pulau Pinang, bantuan kewangan berjumlah RM8.5 juta telah disalurkan kepada sekolah-sekolah bantuan modal iaitu di Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dan Sekolah Missionary.

Kerajaan Persekutuan telah bersetuju menjadikan Pulau Pinang sebagai hab logistik di bawah Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) disebabkan adanya infrastruktur seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Pelabuhan Pulau Pinang. Tambahan pula kedudukan Pulau Pinang yang strategik di dalam IMT-GT akan dapat menggiatkan hubungan ekonomi dengan Sumatera dan Selatan Siam. Dengan adanya kemudahan logistik seperti pelabuhan dan lapangan terbang antarabangsa di negeri ini menjadikan menjadikan Pulau Pinang amat sesuai sebagai pusat memproses, mengedar dan mengeksport produk-produk tempatan. Kerajaan negeri ingin melahirkan ucapan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan di atas persetujuan Kerajaan Persekutuan untuk membesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sebanyak RM250 juta. Kerajaan negeri amat menghargai komitmen Kerajaan Persekutuan kerana meluluskan semula peruntukan untuk pelaksanaan Projek Pembesaran Empangan Mengkuang yang telah ditangguhkan ke Rancangan Malaysia Ke Sepuluh. Projek berharga RM1.3 bilion amat penting disegerakan bagi menjamin sumber bekalan air mentah yang dijangka berkurangan pada tahun 2010. Projek kini berada pada peringkat akhir pengambilan balik tanah dan penyediaan dokumen tender. Apabila siap dapat meningkatkan kapasiti simpanan empangan dari 22 juta meter padu kepada 78 juta meter padu iaitu peningkatan simpanan sebanyak 56 juta meter padu. Dengan itu, kapasiti simpanan akan mengalami peningkatan sebanyak 254 peratus. Pelaksanaan kerja-kerja pembinaan akan dimulakan pada bulan Jun 2009 dan dijangka mengambil tempoh selama 4 tahun untuk siap.

Dalam aspek ini, rakyat Negeri Pulau Pinang harus mengurangkan penggunaan air sebanyak 285 liter seorang sehari yang merupakan kadar tertinggi di Malaysia. Adalah disasarkan pengurangan 10% kepada 257 liter sehari seorang pada tahun hadapan. Ini bukan sahaja akan menjimatkan wang, tetapi sumber air dan memelihara alam sekitar. Pada tahun 2009, kerajaan negeri melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Pulau Pinang telah diberi peruntukan berjumlah RM120.5 juta bagi melaksanakan Projek Tebatan Banjir (RM114.9 juta), Projek Kawalan Hakisan Pantai (RM0.8 juta), Pengurusan Sungai (RM4.2 juta) dan Saliran Bandar (RM0.6 juta). Projek utama dalam pelaksanaan tahun 2009 ialah Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Bertam-Kepala Batas yang dijangka siap pada penghujung tahun ini. Selain itu, kerajaan negeri juga telah memperuntukkan sejumlah RM6.0 juta bagi melaksanakan projek-projek Rancangan Pemeliharaan Sungai, Mendalam dan Membaiki Sungai-sungai, Pencegahan Banjir, Pencegahan Hakisan Pantai dan Muara Sungai, Projek Laluan Ban, dan lain-lain projek bagi seluruh negeri Pulau Pinang. Kerajaan negeri amat berharap, dengan terlaksananya projek-projek ini, masalah banjir yang sering melanda Negeri Pulau Pinang akan dapat diatasi.

Hubungan perdagangan tukar barang atau lebih dikenali sebagai aktiviti Barter Trade telah lama dijalankan antara Malaysia khususnya Negeri Pulau Pinang dengan negara lain seperti Thailand, Myanmar, Indochina dan Indonesia. Perdagangan yang dijalankan melalui Dermaga Perai Pulau Pinang menumpukan perdagangan yang melibatkan hasil pertanian seperti getah, sayuran, kopi, hasil perikanan, kayu bergergaji dan gula. Aktiviti perdagangan ini diwujudkan sebagai suatu platform kepada peniaga dan pedagang kecil untuk terlibat dalam perdagangan wilayah sebelum bergiat dalam perdagangan antarabangsa. Selain itu, perdagangan tukar barang ini akan dapat mengelakkan barangan daripada tidak terjual kerana ianya ditukar ganti dengan produk lain. Usaha kerajaan negeri juga diperhebatkan melalui mesyuarat Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT) yang kerap diadakan. Pada masa ini, satu persetujuan telah dicapai dengan pihak Kerajaan Acheh yang membolehkan kapal dagang NV Marlisa berlabuh di Pelabuhan Pulau Pinang setiap hari.

Bagi sektor pertanian pula, walaupun kadar pertumbuhan sektor pertanian Pulau Pinang dijangka 2.3 peratus bagi tempoh 2007 – 2010, sektor ini tidak diabaikan. Kerajaan negeri sangat prihatin terhadap sektor pertanian dan menjadikan sektor ini bergerak maju seiring dengan pembangunan sektor lain di Pulau Pinang. Bagi tujuan ini, transformasi sektor pertanian daripada sektor yang dilaksanakan secara kecil-kecilan kepada sektor yang berteraskan perniagaan atau komersil terus diberi keutamaan. Antara projek yang disediakan ialah projek pertanian berkelompok dan projek pembangunan kawasan tumpuan pertanian baru.

Selain itu, kerajaan negeri juga berhasrat untuk mengoptimumkan penggunaan tanah pertanian yang terhad melalui program pembangunan tanah terbiar. Untuk tujuan ini, kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian dan PDC telah mengenal pasti beberapa tanah rizab TNB dan rizab sungai untuk ditanam dengan tanaman seperti nanas dan pala. Buat permulaan, satu projek perintis di bawah rentas TNB di Bukit Minyak sedang dirangka dan pengusaha akan dipilih daripada kalangan pekerja yang menerima tawaran pemberhentian kerja dari majikan akibat kegawatan ekonomi. Usaha kerajaan negeri untuk memajukan

bidang pertanian dipertingkatkan dengan membangunkan Kuala Juru sebagai pusat penternakan, pemprosesan dan pemasaran hasil ternakan lembu dan kambing setempat dengan kemudahan infrastruktur seperti rumah penyembelihan dan bilik sejuk. Melalui program ini, hasil sektor ini akan dapat dipertingkatkan dan sumber bekalan makanan yang berkualiti akan lebih terjamin dan berterusan di Pulau Pinang. Kerajaan negeri sentiasa proaktif dalam memastikan perkembangan sukan dan belia seiring dengan pembangunan sukan negara. Masa depan dan kelangsungan kemajuan negeri ini adalah bergantung kepada kemampuan kita untuk mendidik dan membimbing golongan belia masa kini untuk menerajui kepimpinan pada masa hadapan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjadikan aspek Kepimpinan, Kesukarelaan dan Keusahawanan sebagai fokus untuk membangunkan golongan belia di negeri ini. Tiga aspek tersebut merupakan kunci utama menjadikan seseorang belia berupaya menghadapi cabaran masa akan datang. Dalam masa yang sama, kerajaan negeri akan memastikan setiap perancangan dan bantuan untuk golongan belia diteruskan walaupun ekonomi kini dalam keadaan gawat dan mencabar. Di antaranya ialah pembaikan Stadium Batu Kawan iaitu lebih RM1 juta telah pun diperuntukkan dan pembinaan Bangunan Majlis Belia Negeri Pulau Pinang yang kini sedang dalam proses pembinaan dan dijangka siap pada pertengahan tahun ini yang akan menjadi mercu tanda sokongan kerajaan negeri terhadap pertubuhan belia. Saya berharap dengan siapnya bangunan tersebut nanti, maka usaha pembangunan golongan belia ini akan terus bersemarak dan cemerlang. Negeri Pulau Pinang akan mengambil bahagian di dalam 18 jenis sukan wajib dan 7 jenis sukan di dalam Sukan Malaysia XIII 2010 di Negeri Melaka, Bandar Bersejarah. Pada tahun ini juga, kerajaan negeri dengan kerjasama persatuan-persatuan sukan negeri akan menganjurkan dua acara sukan bertaraf kebangsaan dan antarabangsa di Pulau Pinang iaitu Sukan Pulau Pinang atau SUKPEN 2009 pada 30 Mei hingga 4 Jun 2009 dan Festival Sukan Kombat Antarabangsa atau FESKOM 2009 pada 16 Disember hingga 20 Disember 2009. Dengan penyertaan atlet dari negeri ini membolehkan mereka bersaing di persada kebangsaan dan antarabangsa.

Kerajaan negeri sentiasa peka terhadap isu dan masalah alam sekitar. Sungguhpun kerajaan negeri berpandangan bahawa pembangunan perlu diteruskan, namun ianya perlu dilaksanakan berteraskan kepada pembangunan lestari *(sustainable development).* Usaha pencegahan dan pengawalan pencemaran dan pemuliharaan alam sekitar perlu terus diberi perhatian serius bagi memastikan keseimbangan antara pembangunan dan pemuliharaan alam sekitar. Segala tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri dalam membangunkan negeri ini perlu mengambil kira permasalahan alam sekitar kerana ianya bukan sahaja memberi implikasi ke atas generasi masa kini malah kepada generasi masa depan.

Kerajaan negeri akan menggerakkan penanaman pokok “Cherry Blossom” secara berperingkat mengikut kawasan dalam tempoh dua tahun mulai tahun 2009. Kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti untuk ditanam sepanjang program ini ialah di *Eco Stream*, sebanyak 200 pokok, di Facade Pintu Masuk Utama, 400 pokok, di Taman Rekreasi Kuari, 100 pokok dan di Taman Botani sebanyak 100 pokok. Sehingga kini, jumlah keseluruhan penanaman pokok di kawasan Taman Botani adalah sebanyak 800 pokok.

Kebersihan perlu dijadikan amalan hidup dan program-program keindahan pantai, tempat awam, tapak makanan dan kawasan riadah perlulah dilaksanakan secara menyeluruh. Adalah diharapkan rakyat negeri akan bekerjasama untuk menukar imej Pulau Pinang sebagai di antara negeri yang paling bersih. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam meningkatkan keupayaan dari segi pembangunan wakaf telah merancang untuk mengadakan program bersepadu yang melibatkan tiga buah masjid iaitu Masjid Kapitan Keling, Masjid Melayu Lebuh Acheh dan Masjid Alimsah Walley. Dengan adanya program ini akan meningkatkan penyertaan lebih ramai umat Islam di negeri ini. Tahun 2009 merupakan ulang tahun ke-15 penubuhan Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, maka dengan itu pelbagai usaha dan kempen akan terus dipergiat untuk meningkatkan pungutan zakat demi kepentingan umat Islam seluruhnya. Kempen dan program akan dilipatgandakan lagi khususnya pada bulan Jun dan Julai iaitu bersempena dengan tarikh penubuhan Pusat urus Zakat dan juga pelancaran "Bulan Zakat Kebangsaan". Dalam mengharungi kemelut kegawatan ekonomi semasa, pelbagai usaha telah dirangka untuk mengenal pasti sumber-sumber baru pendapatan Baitulmal oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri. Salah satu sumber yang dikenal pasti adalah berkaitan penyaluran wang syubhah daripada pelaburan dana Islam ke Baitulmal Negeri.

Kemajuan dalam ICT membolehkan Persidangan Dewan yang mulia ini ditonton oleh seluruh rakyat Pulau Pinang khususnya dan Malaysia amnya. Justeru, saya ingin menasihati Ahli-ahli Yang Berhormat agar memperlihatkan peri laku yang baik di dalam dewan yang mulia ini. Memang benar dewan adalah tempat untuk kita berbahas dan berbincang mengenai isu-isu yang berkaitan dengan rakyat. Tetapi bahaslah dengan penuh semangat dan pada masa yang sama mematuhi peraturan, adab dan tata susila dewan yang mulia ini. Saya juga ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua kakitangan kerajaan atas sumbangan perkhidmatan, khususnya kepada pasukan keselamatan, polis, tentera dan bomba kerana menjaga keselamatan awam. Tahniah juga kepada kerajaan negeri di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Lim Guan Eng yang mendukung urus tadbir CAT di bawah prinsip 5K – Kebebasan, Keadilan, Kebajikan, Kebenaran dan Ketakwaan kepada Tuhan.

Akhirnya, saya sekali lagi menyeru semua Ahli-ahli Yang Berhormat agar menjalankan tugas yang diamanahkan oleh rakyat dengan cekap, telus dan akauntabiliti demi kepentingan rakyat dan negeri yang kita cintai.

Sekian, terima kasih. Wabillahi taufik Walhidayah. Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, para hadirin sekalian Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagian Toh Puan akan meninggalkan Dewan ini sebentar lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput untuk bergambar bersama-sama dengan Tuan Yang Terutama Tun.

Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.00 petang.

Setiausaha:

Tuan Yang Terutama Tun dan Y.A.Bhg. Toh Puan meninggalkan Dewan Persidangan.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 2.10 petang.

Setiausaha:

Pengumuman oleh Y.B Tuan Speaker.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli-ahli Y.B. pada sesi ini kita akan menimbangkan 67 Soalan Lisan dan 419 Soalan Bertulis, 3 Rang Undang-undang dan 1 usul. Mesyuarat akan bersidang sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

Setiausaha:

Pembentangan risalah-risalah. Y.B. Tuan Speaker, saya mohon membentangkan di atas meja dewan risalah-risalah bilangan 1 dengan 3 tahun 2009 seperti yang tersenarai dalam susunan urusan mesyuarat.

Setiausaha:

Soalan-soalan A, soalan lisan.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Pengkalan Kota

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

Y.B. Tuan Speaker, soalan saya soalan no 1. Y.B. Tuan Speaker.

1. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menaik taraf kawasan-kawasan pelancongan yang sedia ada untuk menarik kedatangan pelancong asing? Jika ada, sila huraikan. Jika tiada, mengapa?

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Saya mengambil bahagian untuk menjawab soalan 1. Negeri Pulau Pinang amat bertuah kerana dikurniakan dengan kekayaan dari segi kepelbagaian produk pelancongan. Produk pelancongan ini termasuk tempat

yang menarik yang terletak di persisiran pantai, bukit-bukit, pulau-pulau yang kecil di sekeliling dan keindahan semula jadi di samping bangunan warisan. Kepelbagaian budaya dan makanan enak. Pada tahun 2008, Pulau Pinang telah dikunjungi lebih kurang 6.3 juta pelancong berbanding 5.1 juta pelancong pada tahun 2007, ini menunjukkan peningkatan sebanyak 21%. Kerajaan negeri sentiasa berusaha menarik kedatangan pelancong ke negeri ini. Memandangkan pelancongan merupakan aset penting yang mampu membawa Pulau Pinang di mata dunia. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri ialah pelaksanaan projek-projek pembangunan pelancongan. Di antara projek-projek yang telah dilaksanakan sebagai produk pelancongan di Pulau Pinang adalah seperti Batu Feringhi, Taman Botani, Bukit Bendera, taman-taman rekreasi, hutan lipur dan juga sebagainya. Selain itu, kerajaan negeri sentiasa memelihara kawasan-kawasan ini dengan menaik taraf infrastruktur dan memperindah kawasan pelancongan yang sedia ada.

Y.B. Tuan Speaker, pengiktirafan taraf tapak warisan sedunia UNESCO, kerajaan negeri amat berbangga dengan penganugerahan UNESCO kepada George Town sebagai tapak warisan dunia pada Julai 2008. Di antara tempat-tempat yang dikategorikan sebagai produk pelancongan ialah projek Little India, Penang Golf Plaza, Lebuh Acheh, Lebuh Union, Lebuh Pantai, Penang Road dan menaik taraf Padang Kota Lama. Sejajar dengan status tersebut, kerajaan negeri juga telah merancang untuk mempertingkatkan pemuliharaan dan menambah baikkan bangunan warisan dalam zon yang terlibat. Selain itu, dalam rancangan struktur Negeri Pulau Pinang 2020, kawasan selatan pulau kelak dikenal pasti sebagai zon pelancongan dan pemeliharaan pantai iaitu bermula daripada Batu Maung sehingga ke Gertak Sanggul, ianya bertujuan untuk menambah produk pelancongan yang sedia ada di negeri ini. Pulau Jerejak juga telah diwartakan sebagai Taman Negeri, di mana segala pembangunan di masa hadapan adalah menjurus kepada aktiviti pelancongan, produk mesti beli di Pulau Pinang. Kerajaan negeri turut bercadang untuk menjadikan 12 barangan sebagai produk yang harus dimiliki oleh pelancong yang mengunjungi Pulau Pinang. Produk tersebut adalah seperti biskut tambun, buah pala, jeruk, batik, capal, songkok, rojak, kuih baulu, sangkar burung, belacan, kasut terompah dan barangan porselin.

Y.B. Tuan Speaker, bagi tahun 2009, kerajaan negeri berharap agar dapat menarik lebih kurang 6.5 juta pelancong melalui kepelbagaian program dan aktiviti menarik di Pulau Pinang namun demikian, tumpuan juga akan diberi kepada menaik taraf kawasan-kawasan pelancongan yang sedia ada. Bukit Bendera, merupakan salah satu tempat tarikan utama Pulau Pinang. Banyak pelancong mengunjungi Bukit Bendera untuk menikmati udara yang nyaman serta pemandangan Pulau Pinang dari segi dari puncak setinggi 735 meter dari arah laut, para pengunjung boleh menaiki kereta api kabel dari Air Itam atau meredah hutan melalui trek yang tersedia ada dari Taman Botani Pulau Pinang untuk sampai ke puncak Bukit Bendera. Di situ, para pengunjung boleh menjamu selera di restoran, gerai-gerai makanan dan warung teh sambil menikmati keindahan Bukit Bendera.

Selain itu, pengunjung juga boleh melawat Taman Burung, masjid dan kuil yang dibina untuk komuniti Bukit Bendera. Mereka yang berminat bermalam di Bukit Bendera juga boleh menyewa bilik ataupun banglo. Tambahan pula, di puncak Bukit Bendera juga mempunyai sebuah meriam bermuatan 32 paun, adalah dipercayai yang meriam ini merupakan salah satu daripada 4 meriam

yang terbaik di dunia. Dan dibuat sekitar tahun 1796…(dengan izin), sehingga kini meriam tersebut berada dalam keadaan yang baik dan bebas daripada karat. Kerajaan negeri juga bercadang untuk mempelbagaikan dan memperbaharui lagi kemudahan untuk menjadikan ia sebagai pusat ekopelancongan.

Kota Cornwallis adalah antara salah satu daripada projek yang sedang diteruskan di mana fasilitet-fasilitet dan aktiviti kebudayaan di Kota Cornwallis akan di naik taraf dari masa ke semasa. Kota lama yang berbentuk bintang yang terletak di timur laut Pulau Pinang dan dibina oleh Francis Light dengan menggunakan kayu nibung tanpa binaan kekal yang meliputi kawasan seluas 417.6 kaki persegi. Pada tahun 1804, kota ini dibina semula dengan batu-batu, batu bata dan batu siap sepenuhnya pada tahun 1810. Ia bertujuan bagi mempertahankan kepentingan British dari serangan Perancis. Pada asalnya, ia dibina bagi kegunaan tentera namun fungsi lebih kepada pentadbiran berbanding pertahanan dan ia tidak pernah terlibat dalam sebarang pertempuran selain digunakan oleh Pasukan Arteri Diraja United Kingdom. Kota ini pernah diduduki oleh polis Negeri-Negeri Selat pada tahun 1020-an. Ia kini merupakan tumpuan pelancong di George Town dan ia di sana terdapat galeri sejarah, kedai cenderahati dan meriam seri rambai.

Y.B. Tuan Speaker, kajian negeri telah bercadang untuk mengadakan persembahan tradisi mingguan di Kota tersebut. Lokasi serta infrastruktur Cornwallis amat bersesuaian dan ini juga berfungsi untuk meningkatkan kesedaran orang ramai serta para pelancong akan masyarakat majmuk Pulau Pinang, di samping menyediakan lebih hiburan sihat untuk para pelancong. Y.B. Tuan Speaker, Pulau Aman juga merupakan sebuah pulau kecil yang terletak di dalam daerah Seberang Perai Selatan. Para pengunjung perlu menaiki bot selama 5 minit untuk pergi dari jeti Gua Musang atau dari jeti Bukit Tambun ke jeti kepulauan yang indah dan tenteram itu. Antara aktiviti-aktiviti para pengunjung biasanya ialah memancing, meredah hutan dan aktiviti sukan air di Pulau Pinang. Di Pulau Aman terdapat tempat yang bersejarah seperti telaga emas dan batu perompak yang masing-masing mempunyai sejarah atau cerita yang menarik. Suatu masa dahulu, kawasan batu perompak merupakan kawasan persembunyian lanun dan di situ juga terdapat sebuah kubur yang dipercayai adalah kubur ketua lanun yang bernama Panglima Garang. Pulau Aman lengkap dengan lebih daripada 10 *chalet-chalet*, kediaman …(dengan izin), dan 20 pengusaha *home stay* …(dengan izin). Para pengunjung gemar tinggal bersama-sama penghuni *home stay* kerana ianya merupakan pengalaman yang unik terutamanya bagi para pelancong dari barat.

Y.B. Tuan Speaker, para pengunjung juga dapat menikmati mee udang yang enak dan juga makanan laut yang segar telah menjadi tarikan para pengunjung dari dalam dan luar negara. Memandangkan Pulau Aman merupakan destinasi ekopelancongan dan menjadi pilihan para pengunjung yang lebih menikmati suasana tenang dan keindahan semula jadi alam maka tumpuan yang perlu diberi ialah kepada memastikan Pulau Aman kekal bersih dan bebas daripada pencemaran dan juga untuk mempertingkatkan kemudahan yang sedia ada. Jawatankuasa MMK Pembangunan, Pelancongan, Kebudayaan akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mempromosikan ekopelancongan di Pulau Aman dengan lebih giat lagi.

Y.B. Tuan Speaker mengenai hutan lipur, pembangunan kemudahan infrastruktur dan aktiviti rekreasi Hutan Lipur di Teluk Bahang, Bukit Mertajam dan Bukit Panchor juga turut dilakukan. Di samping itu, agensi-agensi kerajaan turut memberi kerjasama seperti Jabatan Perhutanan telah menyiapkan kerja-kerja pembangunan iaitu seperti membaiki laluan pejalan kaki di kawasan tersebut. Taman Negara Pulau Pinang bagi para pengunjung yang gemar akan persisiran pantai yang bersih dan alam semula jadi yang masih terpelihara. Taman Negara Pulau Pinang merupakan pilihan yang terbaik sebagai tempat berkunjung. Taman Negara Pulau Pinang juga merupakan satu-satunya Taman Negara yang terkecil dan terletak paling dekat dengan pusat bandar. Tasik *Micrometric* di Taman Negara Pulau Pinang juga merupakan tasik yang unik dan tidak terdapat di lain-lain tempat di Malaysia dan Asia. Sejak Taman Negara Pulau Pinang dirasmikan pada 05 Januari tahun lepas, Taman Negara Pulau Pinang ini lengkap dengan pelbagai kemudahan asas seperti pos kawalan, renjer, tandas, dewan, tapak perkhemahan, tempat memasak dan jeti. Bagi memastikan pengunjung selesa, pihak pengurusan Taman Negara Pulau Pinang kini juga sedang menaik taraf tandas, pondok, wakaf dan tapak perkhemahan. Tarikan terbaru Taman Negara Pulau Pinang adalah titian udara iaitu *canopy walk* atau yang berukuran 200 meter panjang. Mengikut perancangan titian udara ini akan dibuka secara rasminya pada bulan Mei. Yuran masuk ke titian tersebut bagi orang dewasa adalah RM5.00 dan para pelajar yang berpakaian seragam sekolah dan budak-budak di bawah 12 tahun perlu membayar yuran masuk sebanyak RM3.00 setiap orang. Projek pembangunan sedang dalam fasa terakhir iaitu mendirikan papan tanda, di samping itu kerja-kerja naik taraf galeri dan *auditorium* telah pun siap, pelawat ke Taman Negara Pulau Pinang akan diberi taklimat ringkas mengenai Taman Negara Pulau Pinang sebelum di bawa melawat galeri Taman Negara. Taklimat ringkas dan galeri ini akan memberikan pengunjung lebih banyak maklumat mengenai flora dan fauna yang terdapat di Taman Negara Pulau Pinang. Jabatan Perhilitan juga dalam proses menjalankan latihan kepada kakitangan Taman Negara Pulau Pinang. Oleh kerana tumpuan para pengunjung adalah untuk aktiviti ekopelancongan seperti meredah hutan, memerhati burung-burung serta penyu dan pelbagai lagi flora dan fauna, lebih tumpuan akan diberikan kepada mempromosikan negara sebagai tempat yang mesti dikunjungi pelancong.

Y.B. Tuan Speaker, kelip-kelip Nibong Tebal. Populasi kelip-kelip yang terdapat di sepanjang Sungai Kerian merupakan satu produk ekopelancongan yang penting di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan membantu dengan menyalurkan peruntukan kewangan berasaskan cadangan membaik pulih atau meningkatkan kemudahan kawasan tarikan pelancong untuk mengekalkan keindahan tarikan pelancong ini lebih banyak pokok merendang yang merupakan habitat utama kelip-kelip akan ditanam di sepanjang Sungai Kerian untuk memperbesarkan lagi populasi kelip-keli. Di samping itu, kawasan perkampungan nelayan Sungai Udang mempunyai potensi menjadi tempat tuju bagi para pelancong dengan makanan laut yang segar dan sedap. Selain itu, produk tempatan juga boleh menjual barangan tempatan seperti keropok udang dan lain-lain pada para pelancong. Cadangan pembinaan sebuah kaunter di Dermaga Sungai Udang adalah agar para pelancong mempunyai satu akses yang sesuai dan selamat. Mengenai Taman Botani, Taman Botani telah berkembang dari segi keluasan pada beberapa tahun yang lalu melalui pelan pembesaran Taman Botani dan projek taman rekreasi kuari untuk tahun 2009 dan 2010, Jabatan Taman Botani agar akan melaksanakan beberapa projek seperti *pavilion* pelancongan yang merupakan pusat informasi pelancong fasa baru pintu masuk utama Taman

Botani. *Eco-stream walk* dan *bamboo stand* yang terdiri daripada koleksi pokok-pokok buluh yang berlainan jenis dan sebuah perkampungan yang diperbuat daripada buluh. Selain itu, kerja-kerja naik taraf produk ekopelancongan sedia ada dan kemudahan am di Taman Botani akan dilaksanakan secara berperingkat pada tahun 2009 ini termasuklah penambahan tempat letak kereta dan bas pelancong di Taman Botani untuk tahun 2010. Kerja penyelenggaraan kawasan sungai akan dilaksanakan untuk menjadikan kawasan tersebut tempat terindah, beriadah dan tempat rekreasi air.

Di samping itu, Jabatan Botani juga akan menyediakan satu tempat pameran bunga-bungaan untuk program pelancongan tahunan seperti pesta bunga. Mengenai pelan jeti, sepanjang pinggir laut Pengkalan Kota terdapat beberapa perkampungan kaum cina yang dibina lebih daripada 100 tahun dahulu, pelan jati …(dengan izin), merupakan salah satu warisan Pulau Pinang, ramai pengunjung dari negara asing mengunjungi perkampungan tersebut untuk melihat sendiri keunikan kawasan perkampungan tradisi dan kebudayaan penduduk perkampungan tersebut. Salah satu acara tahunan di perkampungan tersebut adalah pada hari ke-9 Tahun Baru Cina di mana rakyat cina akan mengadakan acara pemujaan dewa secara besar-besaran termasuk persembahan tarian singa dan naga. Pengunjung juga boleh makan malam di perkampungan tersebut sambil mengalami cara hidup penduduk tempatan tersebut.

Y.B. Tuan Speaker, kerajaan negeri telah mencadangkan untuk melaksanakan program *home stay* dan untuk menawarkan perkhidmatan bot untuk membawa pelawat mengelilingi Pulau Pinang dari Jeti Chew. Kami yakin pemandangan yang indah mengelilingi Pulau Mutiara ini juga akan menjadi antara tarikan bagi pelancong terutamanya mereka yang gemar akan ekopelancongan. Y.B. Tuan Speaker, sekian, terima kasih.

Y.B Tuan Speaker:

Soalan tambahan. Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Terima kasih Y.B Tuan Speaker. Saya nampak tumpuan berkenaan dengan naik taraf kawasan-kawasan pelancongan yang sedia ada ini lebih kepada kawasan pulau.

Jadi, saya rasa kerajaan negeri harus juga mengambil inisiatif supaya kawasan-kawasan sebelah Seberang pun banyak lagi kawasan harus diambil tindakan. Jadi, apakah yang akan diambil tindakan supaya kawasan-kawasan di sebelah Seberang juga dapat di naik taraf? Termasuk bagi kawasan Penang *Bird Park* di Seberang Jaya. Sebenarnya kalau dibantu. Baru ini ia ada buat permohonan untuk membesarkan, membantu untuk dinaiktarafkan, saya rasa Penang *Bird Park* ini juga boleh jadi satu lagi ikon pelancongan yang baik untuk negeri ini. Juga deretan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang berada di Seberang Jaya ini sesuatu keunikan. Kalau kata hendak naik bukit bendera, hendak tengok tokong tetapi Seberang Jaya ada tiga, empat, lima, enam, tujuh, tokong. Jadi banyak, begitulah juga kalau boleh pengindahan kawasan Taman Tuanku yang ada, banyak kali sudah cakap termasuk pengindahan sungai-sungai yang ada dekat rumah Y.B. Bagan Jermal di Siakap. Satu lagi ialah

berkenaan dengan Pasar Rabu, sebenarnya ini satu minat juga kepada orang-orang tertentu untuk mencari barang-barang seni dan sebagainya termasuk di Seberang Jaya yang akan dibina selepas ini. Jadi saya hendak tahu apakah langkah yang diambil untuk menaik taraf? Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah seperti jawapan tadi, saya telah menyentuh beberapa tempat di Seberang Perai iaitu di Pulau Aman juga dan di Nibong Tebal dan seperti *Bird Park* dan juga kawasan tokong. Kawasan penarikan ini telah diadakan dalam risalah-risalah pelancongan dan juga termasuk di dalam laman web kita. Jadi, kita memang agak mementingkan kawasan pelancongan di Seberang Perai bukan saja di tempat Pulau sahaja.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Soalan tambahan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Tuan Speaker:

Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Y.B. Tuan Speaker, tadi kalau tidak salah saya dengar tadi, kasut trauma. Saya pun tidak pernah dengar sebelum ini, trauma tapi terompah kot. Trauma yang masuk hospital tahu saya. Trauma tidak pernah dengar. Mungkin saya ingat kasut terompah. Soalan saya Y.B. Tuan Speaker, berapakah kos yang telah dan akan diperuntukkan kerajaan negeri untuk naik taraf kawasan-kawasan pelancongan sedia ada? Kedua, apakah bentuk kerjasama yang telah disepakati dengan Kerajaan Persekutuan untuk *upgrade* .....(dengan izin), projek pelancongan ini? Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Mengenai kos ini, seperti Taman Botani kita mendapat peruntukan daripada Kementerian Pelancongan sebanyak RM7 juta untuk menaik taraf di Taman Botani dan juga mempunyai RM40 juta untuk menaik taraf kabel kereta api Bukit Bendera. Kita juga meminta peruntukan yang lain seperti di kawasan Seberang Perai untuk menaik taraf tempat-tempat yang lain.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Y.B. Tuan Speaker, boleh kerajaan negeri nyatakan *figure* ini. Saya ingat dalam Dewan yang lepas diumumkan. Jadi, berapakah perbelanjaan kerajaan negeri untuk projek-projek ini?

Y.B. Tuan Speaker:

Boleh tolong jelas.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Boleh tolong jelas, Y.B. Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Memang ada. Sesetengah kemudahan-kemudahan yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri, kita akan maklumkan dengan statistik.

Y.B. Tuan Speaker:

Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, dari jawapan Y.B. Tuan Law Heng Kiang tadi, saya nampak lebih kepada fizikal set *up* ...(dengan izin), tempat-tempat pelancongan. Jadi adakah apa-apa usaha ataupun langkah diambil untuk mempromosikan tempat-tempat pelancongan? Contohnya menyertai pameran pelancongan dan sebagainya dan kalau ingatan saya masih segar iaitu terdapat satu tema telah diperkenalkan dalam usaha untuk mempromosikan industri pelancongan iaitu Penang *has it all*. Jadi, adakah tema atau pun slogan ini membantu dalam usaha untuk mempromosikan industri pelancongan di Pulau Pinang? Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Jawapan tadi saya telah pergi kerana ini penambahan 21 peratus pelancong yang datang untuk tahun lepas telah membuktikan peningkatan dari segi bukan saja fizikal. Kita juga mempromosikan pelancongan melalui pameran di dalam Negeri seperti pameran di Matta *fair* Kuala Lumpur, di Johor kita akan pergi, di Singapura. Di luar negara kita telah pergi ke Singapura, London dan juga Dubai dan akan datang pada bulan Mei dan juga Berlin dan Australia. Jadi, kita kena buat promosi di luar negara kerana kalau tidak kita akan diketepikan. Seperti Negeri Sabah di mana-mana ada promosi di luar negara mereka akan pergi dengan besar-besaran. Jadi, Sabah telah mendapat tingkat yang ketiga di mana Pulau Pinang hanya dapat tempat yang keempat dari segi menarik pelancongan.

Y.B. Tuan Speaker:

Soalan seterusnya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Tuan Speaker:

Kita telah tiga soalan tambahan kena bergerak ke soalan seterusnya. Ahli Kawasan Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Y.B. Tuan Speaker, soalan saya No. 2.

2. Senaraikan Langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri dalam menghadapi kemelesetan ekonomi dunia. Perincinkan pakej rangsangan ekonomi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, selain pakej yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Saya mohon keizinan untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan nombor 33, Y.B. Tuan Tan Beng Huat.

Y.B. Tuan Speaker, dalam usaha untuk menghadapi kemelesetan ekonomi dunia Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil beberapa langkah-langkah seperti berikut:

(a) Menawarkan insentif-insentif untuk menggalakkan pelaburan asing. Kerajaan negeri juga sedang mempertimbangkan beberapa insentif lain untuk ditawarkan seperti skim harga tanah perindustrian PDC yang kompetitif ditawarkan kepada pelabur asing yang ingin melabur dalam projek-projek yang strategik.

(b) Fleksibiliti dalam skim pembiayaan bagi tanah perindustrian PDC untuk membantu industri tempatan yang sedang hadapi masalah dalam pemasaran dan operasi perniagaan mereka.

(c) Pemberian diskaun untuk pembayaran cukai tanah dan caj air sepanjang tempoh kemelesetan ekonomi.

(d) Bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan pakej insentif istimewa seperti *matching grant, soft loan and industry building subsidy* untuk terus galakkan pelaburan asing.

(e) Membolehkan pihak ketiga memberi tanah industri dan membangunkan bangunan industri. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga mengambil beberapa usaha untuk memastikan pembangunan Enterprise Kecil dan sederhana (EKS) supaya tidak terjejas. Antara usaha ialah:

(i) Program bimbingan EKS yang disokong oleh SMIDEC dan dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan kemahiran Pulau Pinang (PSDC). Program ini memberikan bimbingan dan pemonitoran perniagaan kepada syarikat-syarikat EKS yang dikenal pasti bagi meningkatkan daya saing syarikat-syarikat EKS ini.

(ii) Program intervensi EKS di mana kemahiran teknologi maklumat penekanan kepada budaya kualiti dan pengurusan perniagaan yang berkesan merupakan bidang yang diberi fokus di program ini.

(iii) Penubuhan Pusat Kemudahan Fungsi Sepunya Pusat Latihan dan Reka bentuk barangan kemas telah berjaya ditubuhkan khas untuk meningkatkan kualiti industri pembuatan barangan kemas melalui infrastruktur perisian.

(iv) Mengadakan seminar dan dialog kepada EKS

(v) Memulihkan klaster-klaster industri atau kelompok-kelompok yang sedia ada seperti Penang Automation Cluster (PAC), Software Consortium Penang (SCoPe), Penang Reduce Frequency Cluster (PRFC) dan TechBiz Penang akan dipulihkan dan diperkembangkan peranan mereka bagi merealisasikan hasrat kerajaan negeri untuk mengujudkan ekonomi mampan bagi Pulau Pinang.

(vi) Mengadakan dialog dengan institusi-institusi kewangan, badan-badan kerajaan dan EKS. Memandangkan kesulitan beberapa EKS untuk memperoleh bantuan kewangan. Pihak kerajaan negeri dalam aspek ini telah mengambil inisiatif untuk mengadakan dialog dengan institusi-institusi kewangan, badan-badan kerajaan dan juga EKS ini untuk membuka jalan rundingan bagi menjamin dana mereka.

Y.B. Tuan Speaker, dalam menghadapi krisis ekonomi kerajaan negeri telah mengambil langkah proaktif untuk mengurangkan kesan pengangguran yang akan berlaku di negeri ini. Dalam pembentangan bajet 2009 pada tahun lepas, kerajaan negeri telah mencadangkan dana sejumlah RM10 juta bagi tujuan mengurangkan kesan krisis ekonomi dengan menyediakan pekerjaan sementara, peluang latihan serta peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan. Termasuk juga para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur. Kerajaan negeri turut mengambil langkah proaktif untuk mengurangkan kesan pengangguran ekoran krisis ekonomi yang melanda.

Dalam aspek ini, kerajaan negeri telah mengemukakan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang yang dinamakan *CAT Centers* atau *Career Assistance Training Center* (CAT) yang telah dirasmikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada bulan Mac 2009.

Pusat CAT ini bertanggungjawab untuk:-

(1) Memadankan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta para penganggur dengan peluang perubahan kerja yang ada dengan melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan Pusat CAT.

(2) Memadankan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta para penganggur dengan program latihan yang telah dikenal pasti.

(3) Bekerjasama dengan ahli-ahli pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan. Pusat CAT diuruskan oleh *invest*Penang dengan sokongan daripada MPSP, MPPP, PDC dan PBAPP. Sehingga 24 Mac tahun ini, seramai 831 orang telah berdaftar dengan Pusat CAT. Dalam tempoh yang sama sejumlah 2,683 jawatan kosong telah didaftar dengan pusat ini. Bermakna pekerjaan mengejar pekerja. Kebanyakan jawatan kosong ini ialah untuk sektor perkilangan. Lanjutan daripada itu seramai 471 pendaftar yang berkelayakan telah dipadankan dengan jawatan-jawatan yang kosong daripada syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan. Sekian.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Soalan tambahan.

Y.B. Tuan Speaker:

Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Y.B. Tuan Speaker, saya bersyukur kerana kerajaan negeri memang ada mengambil inisiatif tertentu untuk mengatasi kegawatan ekonomi. Selain daripada RM10 juta yang diperuntukkan tahun sudah, ada tidak lagi kerajaan bercadang menambah peruntukan bagi mengatasi masalah-masalah yang semakin hari semakin teruk berkenaan dengan pengangguran, kerana saya mendapati bahawa tawaran pekerjaan itu seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat tadi ini melebihi permintaan tapi saban hari ini kita dengar daripada *agilent* ada yang berhentikan pekerja dan sebagainya. Bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini? Saya mencadangkan kalau boleh Dewan ini memberi perhatian lebih ke arah membantu penganggur-penganggur dan membantu *graduate* lepasan universiti atau lepasan SPM sendiri dan juga mereka yang telah diberhentikan kerja untuk mendapat *training* dan sebagainya. Terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad. Di sini Y.B. Tuan Speaker, memang RM10 juta yang telah dicadangkan oleh kerajaan negeri tidak mencukupi. Kita telah pun meminta bantuan daripada Kerajaan Persekutuan memandangkan bahawa Negeri Pulau Pinang adalah satu pusat yang begitu penting dalam sektor eksport seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat, 30 peratus daripada nilai eksport untuk negara Malaysia berasal dari Negeri Pulau Pinang. Oleh yang demikian, saya rasa Kerajaan Pusat pun bersedia untuk menghulurkan bantuan dan dalam aspek ini kita kena tunggu bila wang ini sampai tapi masa ini saya tentulah tidak semestinya akan menjadi keadaan pada hujung tahun ini tetapi untuk masa sekarang keadaan masih terkawal kerana seperti Yang Berhormat sebut tadi baru-baru ini *agilent* telah menyatakan ingin melepaskan 100,000 orang. Ini tentu sesuatu yang kita amat prihatin sungguhpun bukan beribu-ribu yang dikhabarkan atau yang digembar-gemburkan tapi kalau dalam aspek 100 atau 130 orang kita kena lihat dalam dua aspek. Satu, ia bukan pemberhentian kerja, ia adalah *VSS*. Dalam

bentuk *VSS* ini ialah secara sukarela ada yang mungkin bekerja yang rasa mereka hendak bersara mereka mengambil peluang daripada *VSS* ini. Tidak semestinya semua yang mengambil peluang daripada *VSS* ini hendak balik ke pasaran pekerjaan lagi. Sebab itu kita lihat sungguh pun kalau kita membuat sebarang jangkaan daripada jumlah bilangan *VSS* tidak 100 peratus mereka hendak cari kerja lagi. Sebaliknya mungkin dari segi peratusannya lebih kurang dan untuk mereka yang merupakan lepasan sekolah daripada SPM, PMR, STPM dan sebagainya. Kita harap mereka boleh daftar dengan Pusat *CAT* seperti yang saya telah sebutkan tadi Y.B. Tuan Speaker, bahawa kalau kita lihat dari dalam aspek jumlah pekerjaan yang masih ditawarkan kepada semua pemohon ialah jauh lebih banyak, sebanyak tiga kali ganda daripada mereka yang mendaftar untuk mencari pekerjaan dan tentulah kalau Yang Berhormat ada pengundi-pengundi yang ingin mencari kerja, saya ingin cadangkan bahawa boleh nasihatkan mereka ini daftar dengan Pusat CAT yang bertempat bukan sahaja di pejabat MPPP, MPSP dan PBA tapi di sini dan juga ada satu pejabat di KOMTAR. Saya rasa Yang Berhormat pun pernah tengok, ada tidak? Kalau tidak ada mungkin jarang lalu. Saya harap boleh lebih kerap lalu supaya kita boleh lebih mesra sedikit.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhammad Farid bin Saad):

Y.B. Tuan Speaker, satu contoh yang diambil, mereka yang dapat *VSS*, mereka ini ada duit mungkin RM100,000.00 mungkin berpuluh ribu yang saya takut ini apabila mereka mempunyai wang tetapi mereka tidak tahu menggunakan wang itu. Contohnya, tersalah memilih kerjaya, hendak berniaga tanpa ada bimbingan yang baik takut nanti duit yang RM100,000.00 itu akan hilang begitu sahaja. Seterus *saving*, duit itu tersilap niaga dan mereka akan kehabisan duit itu sebab itu saya kata, sepatutnya ada satu program untuk membantu mereka ini yang ada duit daripada VSS untuk belajar berniaga. Contohnya, membimbing mereka supaya duit yang ada tidak dihabiskan begitu sahaja.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Hamdan bin Abd Rahman):

Soalan tambahan.

Y.B. Tuan Speaker:

Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Hamdan bin Abd Rahman):

Soalan tambahan. Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Y.A.B. Ketua Menteri mengikut satu penjelasan daripada Y.A.B. Ketua Menteri semasa pembentangan bajet akhir tahun lepas. Dikatakan bahawasanya antara proses untuk menjanakan pertumbuhan ekonomi negeri kita ini ialah dengan membangunkan kawasan perindustrian baru khususnya di Batu kawan kalau tidak silap saya. Soalan saya ialah sudahkah kawasan yang dimaksudkan itu telah dibangunkan atau sejauh manakah usaha ke arah itu sedang dijalankan dan mampukah ianya menarik minat pelabur ke situ? Sekian.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih soalan daripada Y.B. Tuan Haji Mohd. Hamdan bin Abd Rahman, Y.B. Tuan Speaker, saya rasa itu jawapan yang menunjukkan ada buat kajian, selidik yang mendalam tentang peluang-peluang yang ada dan juga apakah cabaran yang kerajaan negeri akan hadapi pada masa depan. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, memang benar kalau kita lihat dalam aspek tanah yang sedia ada, kian berkurangan malah apabila kita memperuntukkan 131 ekar untuk Taman Perindustrian Hub Halal Antarabangsa. Ini bermakna kita sebenarnya sudah ketiadaan tanah perindustrian. Itu sebabnya seperti yang disebut tadi oleh Y.B. Permatang Pasir, kita terpaksa mencari tapak baru dan nescaya kalau kita lihat tapak yang paling sesuai yang kita kenal pasti memang adalah di Batu Kawan, untuk mengambil saya rasa kesempatan apabila Jambatan Kedua Pulau Pinang yang bernilai RM4.3 milion ini siap dibina maka ia akan terus dapat menggerakkan dan menjadi pemangkin ke atas pertumbuhan industri di sana. Oleh kerana saya rasa rancangan awal telah dilaksanakan, memang keluasan satu bidang tanah yang besar, saya rasa sekurang-kurangnya 5,000 ekar telah pun dikenal pasti tapi sehingga sekarang ia masih dalam proses perancangan dan juga untuk membuat kerja-kerja tanah supaya ia sesuai untuk menjadi tapak perindustrian.

Dalam aspek ini, untuk makluman Yang Berhormat, kerja-kerja yang dilaksanakan akan siap. Kita harap kita boleh siapkan dengan lebih awal tetapi secara keseluruhannya ia akan siap apabila jambatan itu siap. Selagi jambatan itu belum siap sungguhpun kita menawarkan tanah-tanah tersebut, saya rasa susah untuk menarik pelabur sekarang. Mungkin dalam masa 2011, mungkin mereka ada berminat kerana kalau mereka jalankan kerja, kilang mereka akan siap pada waktu yang sama apabila jambatan siap. Maka saya rasa dalam segi komunikasi dan pengukuhan tidak merupakan masalah. Memang ia merupakan dalam perancangan oleh kerajaan negeri dan dari aspek perindustrian baru, saya harap, saya rasa pun dengan usaha yang dijalankan oleh Y.B. Abdul Malik, saya percaya 131 ekar yang kita peruntukan pun tidak cukup. Oleh sebab itu, kita mungkin terpaksa juga memperuntukkan tapak baru di Taman Perindustrian Antarabangsa Batu Kawan nanti pun dekat dengan kawasan Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):

Soalan tambahan Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Speaker:

Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Pada tahun 1997, kita tahu ekonomi krisis telah melanda negara Malaysia dan kita juga tahu pada masa itu banyak kilang di Pulau Pinang yang berada di *Free Trade*....(dengan izin), telah pindah ke negara lain atau tutup kedai. Jadi, soalan saya Y.B. Tuan Speaker. Apakah rancangan kerajaan negeri dalam menghadapi masalah yang dihadapi oleh kilang-kilang asing? Memandangkan mereka telah mendapat tahu bahawa di negara lain yang bersaing dengan negara kita seperti China, Negara Vietnam

dan sebagainya yang memberikan pakej yang lebih baik. Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk mengkaji semula pakej-pakej yang kerajaan negeri dapat berikan kepada kilang-kilang asing supaya pelaburan mereka akan terus kekal di Pulau Pinang? Terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Y.B. Kebun Bunga. Y.B. Tuan Speaker, dalam usaha untuk mengekalkan pelaburan-pelaburan asing yang sedia ada termasuk MSM-MSC saya rasa kita lihat bukan saja dari dalam aspek insentif. Kita mesti mempertingkatkan kelebihan yang sedia ada yang memang, saya rasa wujud dalam Pulau Pinang. Kalau kita lihat, mungkin kita kena menilai, apakah faktor-faktor utama sesebuah syarikat membuat pelaburan di sesuatu tempat. Pertama tentu dari segi kos, itu adalah satu perkara penting. Kedua ialah sama ada bekalan sumber manusia khususnya dalam aspek pakar-pakar profesional, ada atau wujud dengan keadaan sedia ada iaitu mencukupi untuk memenuhi keperluan mereka. Ketiga, dari segi logistik, dari segi komunikasi, dari segi iklim. Adakah ia memenuhi piawaian-piawaian atau standard antarabangsa? Ini secara ringkas, ketiga-tiga faktor utama ini. Pertama kos, kita jangan lihat dari aspek kos secara jangka masa pendek. Pelabur-pelabur mereka selalu ada satu wawasan atau visi jangka masa panjang.

Kalau kita lihat dari kos sahaja dari segi harga tanah saja yang ditawarkan, saya rasa ia tidak akan menjadi faktor utama yang memujuk atau meyakinkan mereka membuat sesuatu pelaburan. Mereka hendak lihat, apakah kos secara jangka masa panjang. Ini sebagai satu contoh, kalau kita tawarkan sesuatu tempat yang jauh di kawasan pendalaman, di tengah-tengah hutan. Kita bagi dia RM0.10 sekaki persegi, saya rasa dia tidak akan datang kerana dia tahu dari pengangkutan dan dari segi kos logistiknya kalau hendak mengangkut dia punya produk ke lapangan terbang ataupun ke pelabuhan dalam segi keseluruhannya secara jangka panjang kosnya akan lebih tinggi, kalau dia membeli tanah di kawasan-kawasan berdekatan dengan lapangan terbang antarabangsa ataupun dengan pelabuhan kerana secara jangka masa panjang ia akan bertimbun-timbun.

Saya rasa ini adalah faktor yang diambil kira oleh pelabur-pelabur dan mereka tidak akan datang hanya semata-mata kerana kosnya lebih rendah. Kedua, dalam aspek prasarana itu sangat penting. Bukan saja prasarana sedia ada, prasarana yang memberikan kesan di mana ...(dengan izin), *it works you can deliver, ones that works can deliver* sesuatu yang berkesan sesuatu yang memenuhi sistem penyampaian yang efektif . Saya rasa itu penting dan di Pulau Pinang saya rasa itu penting dan kalau kita lihat secara keseluruhannya memang ia memenuhi semua syarat-syarat khususnya dalam aspek pengalaman dan juga kepakaran. Kita punya *supply chain network* adalah antara yang paling baik, industri-industri kecil dan sederhana yang dapat membekalkan input-input yang diperlukan oleh syarikat MSC untuk mengeluarkan produk-produk mereka. Saya rasa pun menjadi faktor utama mengapa sungguhpun dalam ekonomi yang tidak menentu sekarang, masih ada pelabur datang. Saya ingin menyatakan di sini Y.B. Tuan Speaker, bahawa sehingga sekarang belum lagi ada pelabur-pelabur menyatakan mereka ingin lari ataupun menghentikan pelaburan mereka. Semua pelaburan yang dijanjikan masih berjalan, baik daripada *Eden* mahu pun daripada *Honey Well* yang merupakan antara syarikat-syarikat terutama atau terunggul di dunia. Tentu untuk sesetengah pelabur, projek mereka mungkin

akan terlambat tetapi komitmen mereka saya rasa tidak terjejas malah untuk syarikat-syarikat seperti *Honey Well* saya rasa dari segi penjadualan kerja mereka masih berjalan lancar dan tidak dilambatkan. Tentulah, Y.B. Tuan Speaker, kalau boleh kita hendak berikan satu pakej insentif yang lebih menarik tetapi dari segi kewangan negeri saya rasa tidak mengizinkan dan kita pun tertakluk mahu tidak mahu pada insentif yang telah dikendalikan oleh MITI kerana di sini saya rasa MIIT mempunyai kuasa untuk memberikan insentif. *So* yang kita boleh janjikan ialah kita boleh janjikan satu sistem pentadbiran yang bersih di mana rasuah akan menjadi satu pengalaman pahit sejarah dan memastikan kepada semua pelabur di sini. Kalau mereka menjalankan perniagaan mereka tidak dipaksa untuk membayar duit kopi dan sebagainya. Kedua ialah untuk memberikan kemudahan ataupun prasarana bertaraf antarabangsa. Sebagai contoh, usaha yang dijalankan oleh kerajaan negeri untuk mempertingkatkan kelebihan-kelebihan ialah seperti inisiatif Penang *Wireless* di mana kerajaan negeri berhasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pertama *WiFi* di Malaysia dan yang paling istimewa Y.B. Tuan Speaker, yang betul-betul yang benar-benar menarik perhatian para pelabur asing ialah kemudahan *WiFi* apabila direalisasikan dalam masa dua tahun ia bukan sahaja akan meliputi seluruh pelosok Negeri Pulau Pinang malah ia akan diberikan secara percuma kepada semua yang duduk di Pulau Pinang. Baik di kampung ataupun di bandar. Baik golongan berada ataupun golongan tidak berada. Baik pelabur mahu pun pelancong. Saya rasa itu yang pelabur-pelabur asing hendak lihat, hendak pastikan pelaburan mereka terjamin, hendak pastikan mereka boleh mendapat pekerja-pekerja yang produktif dan yang penting sekali ialah mereka hidup dalam satu alam, satu iklim, satu bandar raya yang bertaraf antarabangsa tetapi pada masa yang sama boleh menikmati kehidupan yang mampan. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l Subramaniam):

Soalan tambahan.

Y.B. Tuan Speaker:

Seterusnya kita ada tiga soalan.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l Subramaniam):

Seterusnya.

Y.B. Tuan Speaker:

Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l Subramaniam):

3. Berapa lamakah had masa yang diperlukan untuk mengambil tindakan sesuatu aduan daripada ADUN kawasan yang dibentangkan dalam JKTD?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Abdul Malik bin Abul Kassim):

Y.B. Tuan Speaker, isu-isu yang dibangkitkan oleh ahli-ahli yang berhormat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Daerah ini adalah dalam pelbagai kategori seperti masalah perparitan, masalah banjir, masalah pili bomba, jalan raya, gerai-gerai, balai raya, pembangunan kawasan, lampu-lampu dan juga padang-padang. Ada yang mudah dan ada juga yang boleh diambil tindakan yang segera. Di samping itu, terdapat juga isu pili bomba, banjir dan sebagainya yang terbiar begitu lama dan memerlukan koordinasi di antara jabatan negeri, persekutuan atau agensi-agensi lain. Perkara-perkara ini memerlukan peruntukan yang lebih besar dan juga pelaksanaan yang lama dan penyelidikan yang terperinci. Dengan itu amatlah sukar bagi meletakkan bila sesuatu itu dibangkitkan ini dapat diselesaikan kerana ianya bergantung kepada faktor-faktor yang disebutkan tadi, terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Y.B. Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, jawab tadi macam Y.B. Timbalan Ketua Menteri tapi hendak buat macam mana depa tidak percaya.

Soalan tambahan saya Y.B. Tuan Speaker, adakah kerajaan negeri berhasrat untuk mengubah polisi pelantikan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Majlis Tindakan Daerah? Kerana kita dapati sekarang ini pelantikan Ahli-Ahli Yang Berhormat *back benchers* saja yang dijemput sahaja di Majlis Tindakan Daerah, tetapi daripada pihak pembangkang tidak dijemput. Kalau kita katakan kerajaan yang bersih, kerajaan yang telus saya ingat ini perlu dirombak balik, beri kami juga untuk masuk ke dalam Majlis Tindakan Daerah bagi memastikan semua rakyat mendapat manfaat daripada kehadiran kami dari mesyuarat berkenaan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Dua. Setakat ini kerajaan negeri belum lagi memikirkan untuk mengubah pelantikan ahli-ahli dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah. Insya-Allah dengan cadangan Y. B. Sungai Dua itu kita dapat memikirkan, adakah cadangan ini akan mendatangkan faedah kepada masyarakat dan mempertimbangkan sebagai ini satu membawa faedah dan Insya-Allah kita akan mengambil keputusan, terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Soalan tambahan, Y.B. Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):

Saya percaya pihak-pihak Jabatan Kerajaan banyak menerima aduan dan adakah pihak-pihak jabatan mengklasifikasikan jenis-jenis aduan dan mempunyai satu statistik jenis aduan agar kita dapat menganalisis sebab-sebab

sesuatu kelas atau pun jenis aduan itu sering berlaku sebagai contoh mungkin dalam Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) longkang selalu tersumbat aduannya terlalu banyak, mengapa? itulah soalan saya, terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Terima kasih Yang Berhormat, tentang perkara ini insya-Allah kita akan mengambil satu statistik dari setiap pejabat-pejabat daerah. Adakah satu fenomena yang terdapat di dalam perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam ini dan juga dalam penyelesaian-penyelesaiannya? Juga tentang soalan Yang Berhormat Sungai Dua tadi, saya hendak tambah sedikit tadi, iaitu kita mula kerajaan baru telah banyak menjemput Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada pembangkang untuk menyertai bukan sahaja Jawatankuasa Tindakan Daerah tetapi malahan Jawatankuasa-Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) yang begitu tinggi untuk kita membincang dan juga menggubal dasar-dasar kerajaan negeri supaya semua rakyat dapat merasai cadangan-cadangan dan dapat faedah daripada cadangan-cadangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada pihak pembangkang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Inilah jawapan dari Y.B. Timbalan Ketua Menteri.

Y.B. Tuan Speaker:

Yang Berhormat Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Soalannya, tadi *you* bangkit tentang mengapa dulu tidak mahu, sekarang mahu, dulu diberi peluang sepenuhnya Pakatan Rakyat untuk menjalankan Pentadbiran Negeri ini, kami serah bagi buat. Sekarang ternyata bahawa tidak boleh buat, sekarang tidak boleh buat. Sebab itu ditawarkan balik untuk membantu, dulu tidak boleh, soalannya berapa lama difikirkan itu tadi, berapa lama difikirkan itu sebelum beri jawapan sama ada negatif atau positif.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Yang Berhormat Penaga, masalah ini saya rasa pihak Yang Berhormat-Yang Berhormat pembangkang telah melihat bagaimana jayanya kerajaan negeri selama ini, sebab itulah kerana pembangunan, kerana Yang Berhormat pembangkang sekarang kalau tidak *participate* sekarang rakyat akan melihat yang hanya kerajaan sahaja yang telah dapat berjaya melakukan ini dan pembangkang hendak cuba untuk tumpang sekaki, insya-Allah tetapi cadangan Y. B. Sungai Dua itu kita akan memikirkan kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah kerajaan yang menggunakan prinsip CAT, dengan prinsip ini sentiasa buka kepada cadangan dan juga akan memikirkan apakah yang baik untuk rakyat, terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Kita kepada soalan berikutnya, soalan dari Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

4. Berapakah jumlah pekerja swasta yang telah hilang pekerjaan di Pulau Pinang akibat kemelesetan ekonomi di seluruh dunia?

   Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah kehilangan pekerjaan ketika kemelesetan ekonomi sekarang?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Jumlah pekerja swasta yang hilang pekerjaan di Pulau Pinang akibat kemelesetan ekonomi daripada Januari 2008 sehingga Mac 2009 ialah seramai 5,826 orang. Seramai 4,817 adalah dari sektor pembuatan dan 493 dari sektor perniagaan dan 458 dari sektor perkhidmatan. Manakala 48 orang adalah dari sektor pembinaan dan seramai 10 orang dari sektor pengangkutan. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi mengatasi masalah kehilangan pekerjaan ketika kemelesetan ekonomi adalah seperti berikut:

Kerajaan negeri telah meluluskan dana berjumlah RM10 juta bagi mengurangkan kesan krisis ekonomi. Kerajaan negeri menyediakan penempatan pekerjaan sementara serta latihan dan peluang pekerjaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur. Pada bulan Januari yang lalu kerajaan telah mengumumkan penubuhan pusat kerjaya dan latihan Negeri Pulau Pinang, iaitu Penang *Career Assistant And Training Centre* (CAT) ...(dengan izin), yang telah dirasmikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 24 Mac 2009. Pusat CAT ini bertanggungjawab untuk menghubungkan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari pekerjaan dengan peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan pusat. CAT mengenal pasti program latihan yang bersesuaian dan bekerjasama dengan ahli-ahli pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan dan pembangunan usahawan dan peniagaan.

Pusat CAT ini diuruskan oleh *invest*Penang dan mendapat sokongan padu daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang. Sehingga 20 Mac 2009 seramai 850 telah berdaftar dengan Pusat CAT, memang nombor ini sudah meningkat 1,300 sekarang, dengan nombor yang sama sejumlah 2,683 kekosongan mungkin meningkat juga telah didaftarkan dengan pusat ini. Kebanyakan jawatan kosong didaftarkan kebanyakan di sektor perkilangan, lanjutan daripada itu seramai 470 pendaftar yang berkelayakan telah dihubungkan ke syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan.

Selain itu kerajaan negeri telah mengambil langkah-langkah berikut bagi mengatasi kesan kemelesetan ekonomi, fleksibiliti dalam skim pembayaran bagi tanah perindustrian PDC bagi membantu pekerja industri bagi memulakan serta membantu dalam pemasaran dan operasi perniagaan mereka. Menawarkan program bimbingan EKS, program ini disokong oleh SMIDEC dan dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang, PSDC, program ini memberi bimbingan dan pemantauan pedagang kepada mereka yang ini memulakan syarikat, *enterprise* dan Industri Kecil Sederhana di samping meningkatkan daya saing syarikat-syarikat EKS ini. Menawarkan program interaksi EKS kemahiran

teknologi maklumat, penekanan kepada budaya berdaya kualiti dan pengurusan perniagaan yang berkesan diberi fokus di bawah program ini untuk memperkembangkan EKS Tempatan. Menubuhkan pusat latihan dan reka bentuk barangan kemas untuk meningkatkan kualiti pembuatan barang kemas bagi mereka yang berminat melalui infrastruktur pengisian. Mengadakan seminar, dialog kepada EKS yang memberi fokus kepada strategi dan langkah-langkah untuk maju dalam perniagaan. Selain itu kerajaan negeri juga telah mengambil inisiatif untuk mengadakan dialog di antara institusi kewangan, badan-badan kerajaan dan EKS untuk membantu jalan perundingan bagi mereka yang memerlukan bantuan kewangan dan modal perniagaan. Secara umum telah disebutkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri bahawa pelabur asing digalakkan di samping itu di bawah portfolio saya penubuhan Jawatankuasa Sumber Manusia sebagai satu panel penasihat yang sentiasa mengadakan dialog antara majikan dengan Kesatuan Sekerja supaya dengan tujuan mengurangkan kemelesetan ekonomi di Pulau Pinang, terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Soalan tambahan Y. B. Datok Keramat. Minta maaf, saya bagi peluang kepada Bagan Dalam dahulu. Ini soalan dari Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Terima kasih. Adakah apa-apa garis panduan yang diberikan kepada majikan dalam hal pengambilan pekerja-pekerja asing pada masa sekarang bila rakyat tempatan tidak dapat kerja.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Yang Berhormat dari Bagan Dalam, tidak ada sebenarnya panduan yang konkrit, tapi dalam sekarang dalam ekonomi tidak menentu dialog di antara majikan dengan Kesatuan Sekerja MTUC Jawatankuasa Sumber Manusia kita terpaksa mengikuti *code and conduct* industri harmoni yang satu perjanjian, persetujuan antara Kerajaan Malaysia MTUC dengan *employ consideration* yang telah dilakukan beberapa tahun. Dalam panduan itu, itu memang panduan sahaja kalau ekonomi tidak menentu kita sebenarnya menggalakkan majikan supaya menyelamatkan pekerjaan orang-orang tempatan. Jadi ini bermakna pekerja-pekerja asing perlu dilepaskan, bukan kita mahu buat itu sengaja tetapi kita tidak ada cara lain. Sebagai melalui Jawatankuasa Sumber Manusia dalam dialog dengan majikan-majikan kita juga menasihati mereka kalau mereka situasi yang terdesak ini mereka perlu ambil tindakan, jangan buang pekerja tempatan, jangan *ret rend* tetapi mengurangkan dengan adakan program-program integrasi, pertama dalam situasi ini terpaksa mengurangkan pekerja asing dan saya memang tahu, memang ada pekilang-pekilang yang menghantar balik pekerja-pekerja asing. Kemudian di samping itu kita mengurangkan *overtime*, bagi cuti tambahan, inilah cara yang digunakan untuk keadaan yang baru-baru kita dapat bahawa antara bulan Mac, April situasi ini memang stabil sedikit. Saya rasa kalau kita banding di negeri lain pengangguran di Pulau Pinang adalah paling rendah sekali dan kita juga faham bahawa majikan-majikan terutama di sektor perkhidmatan ini, Permintaan pekerja sedang meningkat, apa yang telah saksikan dalam setahun ini adalah pemberhentian pekerja di kilang-kilang elektronik, *textile*, kilang lama dan itu yang kita saksikan.

Saya rasa ini tidak bermakna bahawa pekerja di mana kilang-kilang yang memerlukan pekerja asing ini saya rasa memang ada, bukan semuanya yang dilepaskan, supaya majikan ini memberikan keutamaan kepada pekerja tempatan.

Y.B. Tuan Speaker:

Ya, Ahli Kawasan Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker dan kepada jawapan yang telah diberikan tadi oleh Y.B. Timbalan Ketua Menteri 2, berkenaan dengan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah kehilangan pekerjaan sewaktu kemelesetan baru-baru ini. Jawapannya antara lain mengatakan bahawa seperti mana yang dinyatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri sendiri dalam jawapannya berkenaan dengan cara amnya bagaimana kita hendak merangsang ekonomi di Pulau Pinang. Satu daripada isu yang telah dibangkitkan ialah pelaburan asing digalakkan. Ini adalah amat penting, saya ingin mengatakan persetujuan saya, tetapi Y.B. Tuan Speaker saya ada kekhuatiran.

Baru-baru ini saya ada membaca satu akhbar , satu laporan dalam surat khabar bahawa Y.A.B. Ketua Menteri kita sendiri telah menyatakan di dalam satu persidangan di luar negeri bahawa ada unsur-unsur yang cuba mensabotaj pelaburan yang datang ke Pulau Pinang.

Y.B. Tuan Speaker:

Soalan Y.B. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Soalan saya no. 1, sama ada ini adalah benar dan ada bukti kejadian sabotaj ini ataupun tidak kerana kalau ada bukti kejadian sabotaj ini, saya mengatakan dalam keadaan ekonomi sekarang ini begitu meleset dan begitu teruk, apa-apa tindakan yang diambil oleh mana-mana pihak untuk mensabotaj ekonomi itu semacam *treason*, kerana di dalam ucapan TYT pada pagi ini beliau juga mengatakan begitu pentingnya kita menggalakkan untuk merangsang supaya pelaburan masuk, *so* itu soalan saya amat penting tindakan yang diambil terhadap mana-mana unsur ini yang cuba mensabotaj pelaburan asing masuk daripada Pulau Pinang. Terima Kasih. Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Y.B. Datok Keramat. Soalan ini adalah mengenai Y.A.B. Ketua Menteri, Itulah kenyataan mungkin *respond* daripada Y.A.B. Ketua Menteri ada pihak tertentu mensabotaj. Saya tidak pasti, ini kenyataan yang baru di buat oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Saya rasa saya sebenarnya tidak boleh jawab soalan itu,mungkin saya boleh menjawab bahawa pelaburan asing ini satu yang saya rasa pengeluaran umum telah meningkat di Pulau Pinang. 10.5 billon pada tahun 2000 dalam setahun dan saya sendiri melihat bahawa

kecenderungan untuk melabur di Pulau Pinang ini masih ada, saya ingat dalam satu minggu terdapat dua, tiga orang datang ke pejabat saya dan ingin melabur di Pulau Pinang, maka ini memang ada, sama ada pihak ini hendak mensabotaj, dan saya tidak boleh menjawab soalan itu sebab ini adalah kenyataan Y.A.B. Ketua Menteri dan saya ingat lebih bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri mungkin dia ada bukti dan mungkin tidak ada, saya pun tidak tahu. Itu jawapan daripada saya dan saya rasa memang kita pandang serius kepada bukan sahaja pelabur asing juga pelabur tempatan.

Baru-baru ini kita ada satu pelaburan RM100 milion di kawasan sains di Bukit Minyak untuk membuat Bio-Teknologi. Walaupun Pulau Pinang ekonomi tidak menentu tetapi ada pelabur-pelabur asing memang minat dengan Pulau Pinang dan saya rasa mungkin Pulau Pinang ada potensi yang saya rasa pelbagai. Terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Ya, Ahli Kawasan Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Jawapan daripada Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy, saya kurang yakin sikit. Perangkaan 5,826 orang kena berhenti kerja, mengikut industri sosial yang kita selalu berhubung, mereka menyatakan bukan angka itu mungkin lebih dari itu dalam 10,000 yang telah dibuang kerja dan angka itu saya tidak pasti berapa ramai pekerja asing yang telah diberhentikan. Selain itu kita kena ingat juga, ada juga golongan yang bekerja dua, tiga hari dalam seminggu. Golongan ini juga bermasalah, tidak cukup pendapatan untuk menampung saraan mereka. Ini juga kena lihat, dan saya fikir Yang Berhormat jumlah pekerja-pekerja daripada kilang-kilang kecil, dua, tiga orang yang dibuang kerja yang tidak didaftarkan ataupun tidak diberitahu. Ini mungkin ramai, sebab itu angka bukan sebenarnya 5,000 mungkin lebih daripada itu. Ini perkara yang kita kena lihat dan kita lihat *on the ground*, bukan keadaan biasa, tahun 1997 tidak begitu teruk, tahun sekarang ini cukup teruk sekali. Mungkin angka itu tidak tepat dan patut dikaji semula.

Tadi tentang sabotaj, saya tidak tahu siapa hendak sabotaj yang disebut oleh Y.A.B. Ketua Menteri, mungkin Y.A.B. Ketua Menteri gagal untuk mendapatkan pelaburan, dia kata orang sabotaj, mungkin.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Tadi tentang bilangan, ini Y.B. Telok Bahang, perkara ini saya rasa apabila kita bagi statistik, kita mesti dapat dari sumber rasmi. Sumber rasmi ialah daripada Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang. Memang saya pun faham, walaupun sumber rasmi kadang-kadang kira ragu-ragu sama ada ianya betul, dan mungkin kita nampak bahawa keadaan ini lain.

Ini saya boleh berikan secara rasmi dan saya rasa mungkin lebih dan mungkin kurang, bagaimana kita hendak memastikan keadaan itu saya pun tidak tahu. Walau bagaimanapun, saya rasa bahawa permintaan kerja ini mungkin lebih daripada statistik yang kita dapat daripada CAP, itu pun mungkin dari segi

rasmi, maka saya juga tidak pasti dalam pemberhentian pekerja adakah ini termasuk VSS. Ini adalah berdasarkan kepada sumber-sumber yang mereka dapat daripada syarikat-syarikat. Kemungkinan besar perbincangan saya dengan pegawai-pegawai Jabatan Tenaga, mungkin apabila mereka laporkan, inilah statistik yang digunakan oleh Jabatan Tenaga Kerja, sama ada mereka akan hentikan atau tidak. Itu soal lain. Jadi apa-apa angka yang mereka bagi bukan menyalahkan mereka, kita mahu lebih kritikal dan *perfective* seperti Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya.

Apa yang saya rasa yang meyakinkan kita ialah bahawa keadaan di Pulau Pinang ini, tidak begitu teruk seperti mana yang digambarkan oleh misalnya surat khabar. Misalnya isu VSS, saya timbul isu VSS bahawa ini antara dialog dengan majikan Kesatuan Sekerja melalui Jawatankuasa Sumber Manusia itu adalah panel kepada saya bahawa kalau VSS diberikan kepada pekerja lebih dari lima puluh, ataupun empat puluh lima ke lima puluh mereka menerima. Itu pun bergantung kepada berapa mereka akan dapat. Kalau diberikan VSS kepada tiga puluh, mereka mungkin tidak diterima, sama ada VSS dimasukkan dalam minit, saya pun tidak pasti. Jadi saya tidak boleh memberikan satu jawapan yang kukuh tentang isu ini. Walau bagaimanapun saya perlu sebutkan bahawa sepertimana gambaran yang terdapat pada akhir 2008, tentang isu kemelesetan ini, ada kestabilan sedikit, sama ada ini ...(dengan izin), *storm account before storm* itu saya rasa saya tidak boleh menjawab. Terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Seterusnya Y.B. Soalan yang seterusnya, kita telah teruskan tiga soalan tambahan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Y.B. Tuan Speaker, soalan saya soalan no.5.

5. Apakah langkah-langkah keselamatan yang telah diwujudkan bagi memastikan keselamatan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri di kawasan Dewan Undangan Negeri? Nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengenal pasti latar belakang orang-orang awam yang masuk ke kawasan Dewan Undangan Negeri?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Y.B. Tuan Speaker, saya meminta izin untuk menjawab soalan ini, Beberapa tindakan telah dilaksanakan untuk meningkatkan tahap kawalan keselamatan di Dewan Undangan Negeri ketika persidangan dijalankan. Di antaranya ialah:-

(i) Mewujudkan pondok kawalan keselamatan di pintu masuk utama ke Dewan di mana tetamu yang hadir perlu mengambil pas khas keselamatan;

(ii) Meminta kerjasama pihak polis untuk menambah bilangan anggotanya di lobi dan di kawasan ruang legar Dewan;

(iii) Memperkenalkan pas-pas keselamatan kepada urus setia, petugas, pegawai dan tetamu semasa sesi persidangan Dewan Undangan Negeri berjalan bagi pengenalan diri; dan

(iv) Mengehadkan kenderaan masuk dan menggunakan tempat letak kereta di Dewan Undangan Negeri kepada orang tertentu iaitu kepada Y.A.B. Ketua Menteri, Y.B. Ahli Mesyuarat Kerajaan, ADUN dan Setiausaha Dewan sahaja.

Selain itu, di sekitar bangunan Dewan telah ditempatkan kamera litar tertutup yang dikawal oleh Pegawai Keselamatan bagi memantau pergerakan tetamu di Dewan. Bagi memastikan latar belakang tetamu ke Dewan Pengawal Keselamatan akan mendapatkan pengenalan diri seperti lesen memandu dan lain-lain pengenalan diri yang sesuai semasa mengedarkan pas-pas keselamatan yang disediakan. Sekian, terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Soalan tambahan daripada Y.B. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, daripada jawapan yang telah diberikan dapat dilihat bahawa telah ditingkatkan pegawai-pegawai keselamatan termasuk anggota polis di persekitaran kawasan Dewan Undangan Negeri. Soalan yang saya ingin bangkitkan ialah secara spesifik, kita telah lihat satu insiden di Parlimen di mana ada satu kumpulan pemuda UMNO yang telah serbu masuk dan cuba menyerang Ahli Parlimen Bukit Gelugor dan kita telah melihat semua itu secara *we have seen* ...(dengan izin), *with our own eyes* dan juga telah dilaporkan dalam akhbar bahawa pegawai keselamatan di situ menyatakan bahawa mereka tidak mempertanggungjawabkan untuk *ensure the peace* ...(dengan izin), pada waktu itu. Soalan saya ialah dengan peningkatan pegawai keselamatan anggota polis di kawasan persekitaran Dewan Undangan Negeri di Pulau Pinang sekarang, adakah keselamatan setiap Ahli Dewan Undangan Negeri akan dijamin oleh pegawai-pegawai keselamatan ini termasuk bukan saya tetapi juga Ahli-ahli Pembangkang sendiri. Sekiranya satu kumpulan yang tidak beradab datang cuba menyerang kita, apa hak kita, akan dijamin oleh polis atau tidak, itu soalan saya.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Y.B. Tuan Speaker, saya anggap dan berkeyakinan bahawa rakyat di Pulau Pinang adalah bersopan santun dan tidak akan bertindak sebagai apa yang telah dilakukan di Dewan Rakyat di Kuala Lumpur baru-baru ini, kumpulan yang mengganggu dan menyebabkan gangguan di Dewan Rakyat, tahu siapa mereka itu dan inilah kumpulan yang memalukan rakyat jelata dan di Pulau Pinang ini dan sebentar tadi pada pagi ini kami telah mendengar ucapan titah dari TYT beliau berkata proses persidangan ini di tonton oleh semua rakyat melalui *web side*. Jadi sesiapa hendak membangkitkan kekacauan di Dewan ini mereka akan diputuskan oleh rakyat sama ada mereka ini layak untuk memasuki Dewan Yang Mulia ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Tuan Speaker:

Ya, Y.B. Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Datok Keramat, membangkitkan tentang peristiwa di Parlimen, kalau rakyat melihat apakah puncanya jadi begitu. Puncanya kerana mulut ada perumpamaan Melayu kata, kerana santan mulut..

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Tuan Speaker saya pohon Y.B. Penaga hanya dibenarkan mengemukakan soalan bukan membuat ceramah di sini. Bukan ceramah mengemukakan soalan.

Y.B. Tuan Speaker:

Bagi peluang kepada Penaga untuk bercakap..

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Dia hanya dibenarkan mengemukakan soalan bukan nak bagi ceramah di sini.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Tanya soalan dulu.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Speaker yang *control floor* ini bukan…(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya tahu tak payah beritahu, Speaker yang *control floor* ini tapi kemukakan soalan. Tanya soalan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Mulut jaga kalau kita Ahli-ahli Yang Berhormat kita jangan cakap sesedapnya maki orang itu ini, bila menimbulkan kemarahan dia tak peduli undang-undang dia tak peduli siapa itu sifat manusia. Jadi soalannya adakah…(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya kata tak peduli undang-undang.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Maksud saya tak hormat undang-undang.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Pandai ambil undang-undang sendiri itu pengakuan Penaga…(gangguan).

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli-ahli Berhormat sila duduk. Tadi Penaga dah mula nak soalan kita beri peluang. Saya ambil apa sahaja yang telah diambil.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Bolehkah kita maki orang dalam Dewan? Menggunakan bahasa yang kasar. Kita tengok dah di Thailand kita tengok dah jadi. Dah tak peduli dah. Itu hati-hati bila bercakap. Soalannya tadi saya dah tanya. Bolehkah kita maki orang? Dalam Dewan ini menggunakan kebebasan dalam Dewan ini maki orang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Bukankah dalam Dewan Yang Mulia ini segala-galanya ada Y.B. Tuan Speaker untuk mengawal segalanya dan kita ada satu buku iaitu Peraturan Undangan Negeri siapa-siapa yang melanggar peraturan ini maka Y.B. Tuan Speaker boleh mengawal. Melainkan keputusan Y.B. Tuan Speaker dikaji semula oleh mahkamah mengatakan apa yang diputuskan oleh Y.B. Speaker itu tidak boleh dipakai. Terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Seterusnya Pantai Jerejak.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Terima kasih kepada Y.B. Tuan Speaker. Terima kasih kepada Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh kerana ingin menjaga keselamatan Dewan ini. Sebenarnya Dewan ini adalah untuk rakyat, jadi saya menyeru supaya kerajaan negeri, kalau boleh kita jangan menghalang rakyat daripada datang masuk. Kita kena halang ialah pemuda-pemuda UMNO yang jahat, bukan rakyat biasa yang ingin tahu tentang sistem demokrasi kita. Jadi Y.B. Tuan Speaker

saya juga ingin tanya bolehkah kerajaan negeri membenarkan Dewan ini dibuka kepada sekolah-sekolah untuk pelajar-pelajar bahaskan isu-isu semasa Dewan tidak bersidang supaya kita boleh mengajar sistem demokrasi kepada murid-murid dan kepada pelajar-pelajar terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Mulai bulan Jun Dewan ini kita akan buka kepada untuk lawatan dan kita beri proses pembelajaran tentang apa yang berlaku di Dewan ini. Seterusnya kita nak pergi ke soalan seterusnya.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker soalan saya ialah soalan nombor 6.

6. Apakah rancangan, strategi dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mencapai sasaran satu keluarga satu rumah dan bagaimanakah untuk memastikan keperluan perumahan telah dipenuhi berdasarkan unjuran keperluan perumahan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020?

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Y.B. Tuan Speaker saya ingin menjawab soalan nombor 6 yang dikemukakan oleh Y.B. Tuan Ong Chin Wen berkenaan dengan kawasan perumahan. Dasar perumahan negeri telah menetapkan para setiap keluarga perlu memiliki rumah sendiri berdasarkan konsep satu keluarga satu rumah sama ada melalui sewaan atau pembelian. Berdasarkan hasrat ini kerajaan negeri tidak mengabaikan keluarga yang berpendapatan rendah dan golongan yang tidak berkemampuan untuk memiliki rumah dan kerajaan negeri tetap tertakluk meneruskan usaha-usaha ini dalam kaedah-kaedah baru dengan menggalakkan rumah-rumah mampu milik untuk rakyat miskin dan golongan berpendapatan rendah.

Berasaskan konsep rumah mampu milik ini kerajaan negeri menetapkan bahawa dalam setiap pemajuan pemaju-pemaju menyediakan 30 peratus rumah kos rendah atau sederhana rendah bagi saiz pemajuan melebihi kos 100 unit bagi kawasan dalam pembangunan dan bagi saiz pembangunan yang melebihi 150 unit bagi luar kawasan pembangunan serta mematuhi harga jualan yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri. Sebagai langkah permulaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang disewa di Daerah Barat Daya akan dilaksanakan iaitu di kawasan Teluk Kumbar sebanyak 500 unit atas dana Kerajaan Persekutuan dengan sumbangan kerajaan negeri dari segi tanah.

Kerajaan negeri juga dalam proses menentukan kaedah mengenakan bayaran wang sumbangan kepada pemaju yang membina 4 unit hingga 99, atau 149 unit mengikut kawasan pembangunan sebagaimana dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP) melalui sumbangan ini diharap lebih banyak rumah mampu milik dapat dibina oleh kerajaan negeri tanpa bergantung kepada sektor swasta semata-mata. Memandangkan hal perumahan merupakan senarai bersama dalam perlembagaan persekutuan, kerajaan negeri berharap Kerajaan Persekutuan Negara dan Syarikat Perumahan Berhad

(SPNB) akan terus membantu untuk menyediakan rumah mampu milik bagi memenuhi keperluan rakyat. Secara ringkasnya iaitu usaha bersama sektor swasta, kerajaan di pelbagai peringkat iaitu sama ada tempatan, kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan hendaklah menggembleng tenaga bersama untuk merealisasikan hasrat kita dalam konsep iaitu satu keluarga satu rumah. Sekian.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker dan juga terima kasih kepada Y.B. Tuan Wong Hon Wai. Menurut unjuran yang disenaraikan dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang di mana penduduk Pulau Pinang dijangka akan mencecah sebanyak RM1.6 juta pada tahun 2010 iaitu pada tahun depan dan mengikut pula dasar sektorial No. 28 di mana telah dinyatakan bahawa Pulau Pinang perlu menyediakan keperluan tambahan unit perumahan dengan puratanya iaitu sebanyak RM12,300.00 unit setahun jadi soalan saya sama ada dalam masa sekarang bilangan rumah adalah cukup untuk menampung pertambahan penduduk di Negeri Pulau Pinang ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Terima kasih atas soalan kepada Y.B. Tuan Ong Chin Wen. Memandangkan kadar pertumbuhan penduduk yang berubah dari masa ke semasa dan juga sasaran kita perlu dilihat dari mengikut keperluan supaya dasar-dasar perlu dibentuk bagi memperketat dasar-dasar yang sedia ada melalui perancangan kerajaan negeri kita telah menetapkan dalam proses terakhir untuk menetapkan Rancangan Tempatan bagi bahagian pulau, dan Seberang Perai Utara dan kita juga dalam proses untuk menyediakan Rancangan Tempatan bagi Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan.

Usaha-usaha kita juga akan melihat kepada zon pembangunan yang baru. Zon pembangunan yang baru supaya kita dapat membuka kawasan yang baru, menyediakan infrastruktur-infrastruktur yang baru dengan membuka kawasan-kawasan pembangunan yang baru kita harap dapat memberikan dan terdapat juga pemaju-pemaju perumahan dapat memasuki kawasan tersebut untuk membangunkan kawasan perumahan yang lebih ramai dan seperti yang telah dibangkitkan oleh Ketua Menteri sebentar tadi dengan pembinaan jambatan kedua kita akan jangkakan akan menjanakan pembangunan yang lebih pesat di kawasan di Seberang Perai dan juga di kawasan pulau berdekatan dengan kawasan Barat Daya dan kita menjangkakan dengan pembinaan infrastruktur-infrastruktur yang lebih pesat dengan pembangunan kawasan-kawasan baru yang tersebut kita dapat membangunkan kawasan-kawasan baru dan sasaran perumahan itu akan dapat dicapai.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Soalan Tambahan

Y.B. Tuan Speaker:

Silakan kawasan Air Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Buat masa ini keadaan menunjukkan atau statistik menunjukkan bahawa terdapat ketidakseimbangan di antara tawaran perumahan mampu milik dan perumahan kos rendah di beberapa daerah terutama di DTL dan di SPU, di mana permintaan melebihi penawaran dan di SPS penawaran melebihi permintaan jadi soalan saya, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diadakan oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah ini?

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Terima kasih Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid, berdasarkan permohonan pemohon-pemohon kos sederhana rendah yang sudah tertunggak, maksudnya seorang pemohon yang telah memohon 10 tahun yang lalu pada waktu itu dia mungkin berminat untuk membeli. Tetapi pada jangka 10 tahun itu dia mungkin mempunyai hasrat yang lain sebab dia telah berpindah ke tempat yang lain dan oleh itu kerajaan negeri berhasrat untuk mengemas kini data-data tersebut melalui satu *exercise* supaya rekod-rekod lama yang telah berada dalam *database* kerajaan negeri akan meminta pemohon-pemohon yang memohon sebelum 1hb. 2005 akan menjalankan satu pendaftaran semula sama ada mereka masih berminat dan juga pada masa yang sama mereka juga berpeluang untuk membuat pendaftaran pengemaskinian data-data.

Kerana data-data yang terkumpul lama ini mungkin tidak dapat menggambarkan keadaannya yang sebenar dan Bahagian Perumahan memang berprihatin dan juga memang mengambil perhatian terhadap soalan-soalan yang dikemukakan Telok Ayer Tawar dan kita akan mengambil langkah-langkah untuk *first thing* mengemaskinikan data tersebut dan selepas data-data itu dikemas kini kita akan membuat *projection* yang lebih tepat.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Cheong Heng):

Soalan tambahan. Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Yang Berhormat tadi ada berkata rumah Projek Kos Rendah ada beberapa syarat yang tertentu dan boleh bertanya di kawasan Bandar PERDA dan kita tahu bahawa Bandar PERDA adalah satu projek di tahun 90-an dan ketika masa itu kerajaan mengambil sebanyak 456 ekar kepada PERDA dan setakat ini saya nak tanya adakah berapa banyak rumah kos rumah sudah berdiri di tapak itu dan kalau tidak ada mengapa projek itu diabaikan tidak perlu mendirikan kos rendah di kawasan itu? Terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Sepatutnya Penaga boleh jawab soalan itu tetapi buat masa ini saya tiada mempunyai statistik. Saya akan menjawab secara bertulis.

Y.B. Tuan Speaker:

Soalan seterusnya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Tuan Speaker, soalan saya nombor 7.

7. Dari bulan Disember 2008 hingga Mac 2009, berapakah jumlah kilang yang telah ditutup di negeri ini? Berapakah jumlah pelaburan yang hilang dan berapakah jumlah pekerja yang telah dibuang kerja?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y. B Tuan Speaker, mengikut data yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang tiada kilang yang ditutup di negeri ini bagi tempoh Disember 2008 sehingga Mac 2009. Terdapat 80 buah kilang yang memberhentikan pekerja-pekerja untuk menstrukturkan kos operasi. Manakala jumlah pekerja kilang yang diberhentikan pada tahun ini sehingga bulan Mac ialah seramai 1,543 di mana 821 orang adalah warga tempatan dan 326 orang adalah warga asing.

Y.B. Tuan Speaker:

Soalan tambahan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Kerajaan Pusat telah meluluskan geran sebanyak RM70 juta untuk melatih sehingga 10,000 graduan menganggur dan apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri supaya geran-geran dapat sebahagiannya dapat digunakan oleh siswazah yang menganggur dalam Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat daripada Kawasan Seberang Jaya. Sebaik sahaja Pakej Rangsangan Ekonomi yang kedua sebanyak RM60 bilion telah diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang baru saya telah arahkan kepada semua Ahli EXCO yang baru untuk menulis surat kepada jabatan atau kementerian yang berkenaan untuk meminta manakah saluran atau peruntukkan untuk memperoleh oleh kerajaan negeri dan semua Ahli-ahli EXCO telah menulis surat kepada pihak kementerian berkenaan dan sungguhpun ianya hampir 3 minggu atau lebih 3 minggu tapi kita masih belum menerima sebarang jawapan menteri baru atau ke pihak kementerian yang dilantik. Kalau ada menteri baru saya rasa kita akan menulis semula dan dalam aspek ini saya rasa ingin memberikan jaminan kerajaan negeri sentiasa peka dan mengambil berat tentang masalah penganggur-penganggur dan kerana kalau pun ada seorang pekerja atau yang tidak mempunyai peluang pekerjaan ia adalah satu kehilangan kepada pembangunan ekonomi negeri kerana modal insan ialah yang paling ternilai dan terkaya untuk menjamin masa hadapan Negeri Pulau Pinang, sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Soalan tambahan, tadi kalau tidak salah, saya dengar Y.A.B. Ketua Menteri kata tidak ada kilang yang ditutup, tetapi kalau kita meneliti ucapan TYT pagi tadi menjelaskan bahawa adanya situasi penutupan beberapa buah kilang,

ini bermakna ada beberapa buah kilang yang ditutup berdasarkan kepada beberapa ucapan itu tadi, jadi kalau jawapan ini kata tidak ada tetapi ini menunjukkan ada keraguan di sini dan saya juga kurang jelas berapakah pelaburan yang sebenarnya tidak dapat masuk di dalam keadaan sekarang ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed, saya rasa kalau kita lihat dari tempoh yang saya sebut tadi hingga bulan Mac, tetapi untuk bulan April tempoh sekarang saya rasa kita belum terima maklumat yang muktamad tetapi apabila kita membuat tinjau harian, kita bukan buat secara bulanan atau mingguan, kita buat secara harian, saya arahkan pegawai-pegawai saya untuk memastikan dengan masa yang terdekat apakah keadaan sebenarnya. Sekiranya ada mana-mana kilang yang hendak tutup yang kita dapat maklumat ialah syarikat itu mungkin tutup tetapi tutup dalam aspek ia diganti atau ia dibeli oleh syarikat lain kalau kita lihat dalam konteks ini tidak ada penutupan kerana kerja ini masih dikekalkan atau kalau tidak dikekalkan dia akan dikurangkan tetapi operasi tidak ditutup tentulah kalau hendak sebut mana-mana syarikat itu saya rasa tidak elok dalam keadaan sekarang kerana ia masih dalam peringkat perbincangan. Oleh sebab itu apa yang saya sebut tadi masih benar iaitu tidak ada kilang yang ditutup tetapi ini tidak bermakna ia tidak akan ditutup pada masa hadapan untuk tempoh waktu ini sahaja bulan Mac. Saya selalu menyatakan bahawa kita mesti bersiap sedia untuk menangani atau menghadapi cabaran yang paling buruk sekali, tetapi janganlah hilang harapan dan keyakinan untuk mengatasi cabaran yang kita hadapi oleh itu saya rasa dalam aspek kilang-kilang ini kita masih akan selalu memantau dengan rapi dan juga memberikan bantuan dalam semua aspek di dalam kemampuan kerajaan negeri.

Tentang soalan kedua dari Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed mengenai pelaburan yang tidak dapat masuk seperti yang saya sebut tadi masih belum ada maklumat mengatakan mereka tidak akan masuk kalau ada pun mungkin dari segi pembinaan akan dilambatkan setakat itu sahaja dan kalau kita lihat dalam aspek pelaburan kita telah dapat maklumat daripada MAIDA dan MITI, saya ingin jelaskan di sini bahawa kejayaan kerajaan negeri untuk menarik pelaburan sebanyak RM10.2 milion ini bukanlah satu omong kosong, maklumat ini ataupun statistik ini adalah berasal daripada MITI dan MAIDA. MITI dan MAIDA seperti yang sedia dimaklumkan dari Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed bukanlah di bawah kuasa kerajaan negeri ia adalah di bawah kuasa Kerajaan Pusat dan aspek ini kita pun berterima kasih kepada MAIDA dan MITI kerana sedia untuk menarik pelabur-pelabur ini datang ke Pulau Pinang dengan insentif-insentif yang sedia ada. Dalam aspek ini saya harap mungkin boleh menasihatkan kawan-kawan lain ataupun di peringkat pemimpin-pemimpin yang cuba cari kesempatan dengan mempertikaikan angka ini kerana angka ini bukan daripada kerajaan negeri, angka 10.2 milion ialah datang daripada MITI dan MAIDA kalau hendak mempertikaikan pergilah bertanya kepada menteri yang sekarang adalah Y.B. Dato' Mustapha, *or* Tok Pah tanyalah Y.B. Tok Pah kalau hendak mempertikaikan perkara ini, bukanlah di peringkat kerajaan negeri, sekian.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Tambahan, ekoran daripada kenyataan, …(gangguan), tadi Y.A.B. Ketua Menteri, Y.B. Tuan Speaker, telah menyatakan bahawa RM10.2 milion itu memang kita semua tahu yang diumumkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri tetapi apa yang hendak diketahui oleh umum, orang umum, rakyat umum pecahan pelaburan RM10.2 milion ini daripada mana, syarikat mana itu yang perlu diperjelaskan, selagi Y.A.B. Ketua Menteri tidak perjelaskan itu menjadi tanda tanya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa Y.B. Sungai Dua patut faham angka ini datang daripada MITI dan MAIDA. Kalau datang daripada MITI dan MAIDA hendak tahu dari segi pecahan syarikat mana dalam aspek mana, ini semua saya rasa kita boleh lihat dalam *web side* ataupun boleh dapat maklumat daripada MITI dan MAIDA tetapi dalam aspek syarikat-syarikat MAIDA dan MITI tidak berikan kita ada meminta juga kerana Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed pun ada bertanya soalan ini, kerajaan negeri pun sudah menulis surat untuk meminta daripada MAIDA dan MITI syarikat-syarikat tersebut, tetapi masih belum dibekalkan dan saya hendak memberi jaminan sekiranya MAIDA dan MITI memberi dan saya akan serahkan satu salinan kepada Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed, tetapi jikalau kerajaan negeri tidak dapat apa boleh buat ini bukan di bidang kuasa kerajaan negeri ini ialah catatan daripada MAIDA dan MITI dan kita tidak mahu berikan maklumat kerajaan negeri nanti dia cakap kerajaan negeri ini tidak boleh pakai ia akan menjadi satu pertikaian, jadi untuk mengelakkan sebarang pertikaian biarlah MITI untuk menguruskannya dan saya rasa mereka akan menjalankannya secara profesional, sekian.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, saya hendak penjelasan daripada Y.A.B. Ketua Menteri, baru sebentar tadi Y.A.B. Ketua Menteri berkata bahawa ada 1,500 orang sahaja yang dibuang kerja, tetapi soalan sebelum ini yang dijawab oleh Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy, 5,826 yang dibuang kerja jadi yang mana satu hendak pakai, ada tidak *check* antara satu sama lain. Yang kedua tentang soalan daripada Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed sebenarnya beliau ingin tahu ialah berapa banyak sudah masuk RM10.2 milion itu berapa banyak sudah masuk ke Negeri Pulau Pinang, tentu Y.A.B. Ketua Menteri tahu, yang kita hendak tahu berapa banyak yang telah masuk daripada RM10.2 milion itu berapa banyak yang sudah masuk ke Pulau Pinang pada tahun lepas, masuk modal.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang pertama ialah soalan tadi dari Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed, tidak buang kerja, buang kerja ialah diberhentikan kerja di mana mereka mesti dapat faedah-faedah pemberhentian kerja dia tidak masuk VSS, VSS itu lain tadi yang disebut oleh Y.B. saya tidak pasti, tetapi saya percaya merangkumi jumlah VSS dan sebagainya, *so* dari segi buang kerja dan VSS adalah berlainan ini yang pertama dan yang kedua tentang saluran-saluran atau pun sama ada berapa yang masuk, berapa yang keluar saya rasa ini kenalah kita berbalik kepada MITI dan MAIDA dan Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahya pernah

menjadi Timbalan Menteri Kewangan tahulah tentang kaedah-kaedah yang dipakai di peringkat Pusat, *so* kalau Yang Berhormat hendak tahu berapa yang masuk saya rasa Yang Berhormat masih ada hubungan dan kabel-kabel dekat Kerajaan Pusat hendak bertanya senang sahaja kalau Yang Berhormat tidak dapat maklumat ini mengapa hendak mendesak-desak kepada saya, saya rasa tidak patutlah macam ini, sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Saya hendak tahu daripada Y.A.B. Ketua Menteri sendiri, saya hendak cari boleh cari, memang boleh cari tetapi hendak tahu daripada mulut Y.A.B. Ketua Menteri.

Y.B. Tuan Speaker:

Tak apalah Yang Berhormat, Y.B. Tuan Tan Beng Huat teruskan.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, saya rasa sudah sampai masa bagi saya kemukakan soalan saya, soalan yang hendak dikemukakan terlalu banyak, soalan saya adalah nombor lapan, Y.B. Tuan Speaker.

8. Apakah kaedah yang telah digunakan oleh kerajaan negeri dalam menangani isu pasir sungai dan laut yang terdapat di dalam Negeri Pulau Pinang? Sila senaraikan jumlah perbelanjaan yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri dalam penyelenggaraan Sungai Jawi pada tahun 2006, 2007 dan 2008.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Tuan Law Choo Kiang):

Y.B. Tuan Speaker, saya bangun untuk menjawab soalan daripada Y.B. Tuan Tan Beng Huat. Pengambilan pasir dalam sungai adalah aktiviti lama telah pun dijalankan di negara kita. Pasir ini juga ada satu bahan utama di dalam sektor pembinaan mahu pun diguna pakai dalam bentuk tebus guna tanah dan sumber yang paling senang dan paling banyak kita boleh dapat adalah melalui sungai-sungai di negara kita. Pada masa sekarang kaedah yang diguna oleh kerajaan ialah dengan tidak mengeluarkan permit pengeluaran pasir sungai. Walaupun kerajaan menerima beberapa permohonan ini dilakukan kerana keadaan sungai yang berpasir di negeri ini sering menghadapi masalah hakisan. Sekiranya permit dikeluarkan dijangka sungai-sungai di Negeri Pulau Pinang ini akan menghadapi masalah hakisan yang serius. Sekiranya terdapat pencerobohan ataupun aktiviti perlombongan pasir haram Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) senantiasa akan mengambil tindakan segera untuk melaporkan kepada Pentadbir Tanah Daerah dan tindakan bersepadu akan dilaksanakan bagi memberhentikan aktiviti tersebut dari berterusan.

Y.B. Tuan Speaker, bagi menangani masalah pengorekan pasir laut pula satu jawatankuasa telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Alam Sekitar untuk memantau aktiviti pengorekan pasir dan pelupusan selut di sekitar Pulau Pinang. Syarat-syarat yang ketat dikenakan kepada semua pihak termasuk pihak swasta dan agensi-agensi kerajaan yang melaksanakan aktiviti pengorekan pasirlah. Agensi Penguat Kuasa Maritim yang mempunyai kuasa,

anggota dan logistik lengkap akan membantu jawatankuasa ini untuk melaksanakan penguatkuasaan di bahagian Pulau Pinang. Y.B. Tuan Speaker berikut, adalah jumlah perbelanjaan yang telah pun dibelanjakan oleh kerajaan negeri dalam penyelenggaraan Sungai Jawi dari tahun 2006 hingga 2008. Untuk tahun 2006 sebanyak RM99,925 telah dibelanjakan untuk tahun 2007 sebanyak RM96,814 telah dibelanjakan manakala untuk tahun 2008 sebanyak RM78,100 telah pun dibelanjakan, sekian.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Soalan tambahan, soalan tambahan saya adalah berapakah permit pengeluaran pasir sungai dan laut yang telah dikeluarkan oleh kerajaan setakat ini dan setakat mana seriusnya kes-kes kecurian pasir laut yang telah dikenal pasti di sekitar kawasan laut di Negeri Pulau Pinang? sekian.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Tuan Law Choo Kiang):

Y.B. Tuan Ng Wei Aik sepertimana yang telah pun saya menjawab pada permulaan jawapan saya kerajaan negeri sampai hari ini tidak pernah mengeluarkan permit pengambilan pasir sungai.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Y.B. Tuan Speaker, saya mendapati masalah tanah, masalah pasir yang melimpah-limpah turun dari bukit Jawi adalah satu masalah yang menyebabkan banjir di kawasan Jawi. Boleh dikatakan setiap tahun ataupun setiap kali hujan lebat yang berlaku sudah pastinya banjir akan terjadi, memandangkan nilai-nilai perbelanjaan yang telah pun diberitahu kepada saya, saya rasa adalah satu kerugian jikalau kerajaan tidak mengambil tindakan untuk mengeluarkan pasir yang dikaut naik ke atas tebing sungai tetapi pasir yang berkenaan akan tenggelam kembali apabila hujan lebat. Soalan saya apakah masalah sebenarnya yang sedang dihadapi oleh kerajaan dalam memberikan kebenaran untuk pengambilan pasir sungai dan laut, itu sahaja.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih Y.B. Tuan Tan Beng Huat. Memang pengambilan pasir daripada sungai kalau tidak ditawarkan sebaik-baiknya. Antaranya, masalah-masalah yang akan berlaku adalah seperti hakisan dan kestabilan tebing sungai akan berlaku. Juga didapati kes-kes seperti mana perubahan ke atas *region* sungai, halangan ke atas saliran sungai pernah berlaku akibat pengorekan pasir yang tidak dikawal. Juga gangguan kepada pergerakan pengangkutan air juga pernah kita dapati. Tambahan pula kerosakan ke atas persekitaran sungai dan kemerosotan kualiti air di hilir sungai juga kita dapati. Tambahan juga mendapan di bahagian saluran pengambilan air *(water intake)* dan lain-lain struktur sungai juga akan terjejas. Tetapi kalaunya, selalunya aktiviti pengambilan pasir ini diurus dengan baik dan mengikut garis panduan yang diletakkan, ia juga boleh mengeluarkan pasir di dasar-dasar dan di kuala-kuala sungai. Ini bukan sahaja boleh mengurangkan kejadian banjir tetapi juga memudahkan laluan pengangkutan-pengangkutan.

Y.B. Tuan Speaker:

Kebun Bunga teruskan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Y.B. tadi ada sebut tentang permit-permit yang perlu diberikan tetapi buat masa ini masih belum ada lagi permit yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Jadi soalan saya ialah adakah terdapatnya permohonan-permohonan untuk permit pengambilan pasir laut atau sungai yang kini dalam proses dan lagi satu ialah apakah keperluannya atau syarat yang ditetapkan oleh kerajaan untuk pengeluaran permit tersebut. Adakah keperluan itu merangkumi keperluan adanya laporan *survey* sama ada tempat yang hendak mengambil pasir itu sesuai atau tidak? Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Sebenarnya pengambilan pasir dari sungai peringkat ini tidaklah pernah kerajaan negeri mengeluarkan permit untuk pengambilan pasir daripada sungai. Dan kita dapati ada kes-kes yang telah dilaporkan di mana pengambilan pasir di Sungai Muda ….(gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):

...(Dengan izin), laut, pengambilan dari laut.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Untuk pengambilan pasir dari laut, pernah juga kerajaan negeri mempertimbangkan pengambilan pasir laut daripada Penang Port Sdn. Bhd., di mana mereka telah minta. Seterusnya daripada itu untuk permohonan-permohonan pengambilan pasir daripada pemohon yang lain telah pun kita berhentikan dan untuk pengambilan pasir daripada sungai, ini Jabatan Pengairan dan Saliran sekarang tengah mengubah satu draf garis panduan untuk kita menguruskan permohonan-permohonan jenis pengambilan pasir daripada sungai dan draf garis panduan untuk pengambilan pasir dari sungai ini telah pun disampaikan kepada pejabat saya. Kita perlukan masa untuk meneliti dan menghalusi syarat-syarat yang kita hendak guna pakai dan sebelum kita mengumumkan untuk dapat permohonan-permohonan untuk jenis pengambilan pasir daripada sungai. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat memberi sedikit masa untuk jabatan meneliti dan menghaluskan garis panduan ini supaya kita boleh mengemukakan. Sekian.

Y.B. Tuan Speaker:

Pantai Jerejak, seterusnya soalan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Y.B. Tuan Speaker, soalan saya No. 9.

9. Meningkatkan *Public Service Delivery* adalah wawasan kerajaan negeri. Sejauh manakah kejayaan kerajaan dalam usaha ini terutamanya dari Pihak Berkuasa Tempatan, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang, *Commission of Building* dan Jabatan Kebajikan Masyarakat? Apakah KPI yang telah diguna pakai dari segi aduan pelanggan.

   Apakah kemajuan dengan membandingkan pencapaian bagi 2007 dan 2008 dari segi menyelesaikan aduan? Sila nyata dengan ukuran statistik.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan No. 9.

Bagi meningkatkan *Public Service Delivery System*, iaitu sistem perantaraan awam, kerajaan negeri telah memberi penekanan yang tinggi bagi memastikan pengurusan pengaduan awam dilaksanakan dengan sistematik dan teratur. Key Performance Indicator (KPI) yang digunakan ialah peratus penyelesaian aduan pelanggan dan norma masa yang diambil dalam proses pengurusan sesuatu aduan/kes. Pihak pentadbiran kerajaan negeri telah menggunakan Sistem Aduan dan Informasi Pulau Pinang atau *Penang Information and Complaint System* yang lebih dikenali sebagai PINTAS. Sistem PINTAS yang diperkenalkan bertindak sebagai gerbang bersepadu aduan orang awam. Kini sistem ini ditambah baik dan dikenali sebagai Sistem e-PINTAS dan diguna pakai mulai 1 April 2009. Pegawai aduan yang dilantik oleh setiap jabatan dan agensi negeri menguruskan aduan dan cadangan yang diterima daripada pelanggan. Kini, terdapat empat sumber aduan iaitu sistem e-PINTAS, Saluran Alternatif, Warkah untuk Perdana Menteri (WUPM) dan Biro Pengaduan Awam (BPA).

Jumlah aduan yang diterima oleh PBA bagi tahun 2007 ialah 66,630 aduan dan bagi tahun 2008 pula sebanyak 65,939 aduan diterima dan sebanyak 65,939 aduan dan sebanyak 65,408 aduan atau 99.19% berjaya diselesaikan. Jumlah aduan yang diterima oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang bagi tahun 2007 ialah 3853 aduan dan bagi tahun 2008 pula sebanyak 4724 aduan diterima dan 100% aduan tersebut berjaya diselesaikan. Untuk *Commission of Building,* MPPP telah menerima sebanyak 115 aduan bagi tahun 2007 dan 267 aduan bagi tahun 2008. Sejumlah 150 aduan telah berjaya diselesaikan pada tahun 2008. Jumlah aduan yang diterima oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi tahun 2007 adalah 3931 aduan. Bagi tahun 2008 pula sebanyak 5214 aduan diterima dan daripadanya 4473 aduan ataupun 85.79% diselesaikan. *Commission of Building* MPSP telah menerima sebanyak 450 aduan bagi tahun 2007 dan 520 aduan bagi tahun 2008. Daripada sejumlah aduan yang diterima sebanyak 295 aduan telah diselesaikan pada tahun 2007 dan 222 aduan bagi tahun 2008 telah berjaya diselesaikan.

Jumlah aduan yang diterima oleh Jabatan Kebajikan Pulau Pinang pada tahun 2007 adalah sebanyak 74 aduan dan bagi tahun 2008 adalah 26 aduan. Semua aduan yang diterima bagi kedua-dua tahun telah diselesaikan. Secara keseluruhan jumlah aduan yang diterima oleh semua jabatan dan agensi negeri melalui sumber-sumber yang dinyatakan di atas bagi tahun 2008 adalah sebanyak 10,610 aduan. Ini menunjuk penambahan sebanyak 9% berbanding dengan tahun 2007 di mana jumlah aduan yang diterima hanya sebanyak 9,714. Bagi tahun 2008, 9,805 atau 92.4% aduan telah diselesaikan.

Data Pengaduan Awam Negeri bagi tahun 2007 dan 2008 mengikut Sumber Aduan.

Sumber	Tahun	Jumlah Aduan Yang diterima	Bilangan aduan diselesaikan/Peratus penyelesaian
Sistem PINTAS	2007	230	225 (98%)
	2008	363	351 (97%)
Saluran alternative (surat, faks, email, telefon dan system aduan jabatan/agensi e.g. MPPP dan MPSP	2007	9396	9396 (100%)
	2008	9930	9136 (92%)
Aduan Biro Pengaduan Awam	2007	88	88 (100%)
	2008	211	211 (100%)
Warkah untuk Perdana Menteri	2007	0 (WUPM hanya diwujudkan mulai Mac 2008)	0 (0%)
	2008	107	107 (100%)

Kadar penyelesaian aduan bagi tahun 2007 dan 2008

Tahun	Bilangan aduan diterima	Bilangan aduan/Peratus Penyelesaian
2007	9,714	9,709 (99.9%)
2008	10,610	9,805 (92.4%)

Y.B. Tuan Speaker:

Pantai Jerejak, teruskan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Soalan tambahan saya, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Y.B. Dato' Zainal kerana menjawat jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri yang baru dan saya mempunyai harapan yang cukup besar kepada SUK untuk mengadakan langkah-langkah untuk meningkatkan produktiviti dan juga *deliver public service* dengan lebih efisien lagi.

Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah untuk mengurangkan *red tape* yang selalunya seperti *scanned cow*, tidak dapat dikurangkan atau *immovable object*, tak boleh dipinda dalam sistem urusan pentadbiran kita dan soalan kedua adalah berapakah kakitangan kerajaan yang di naik pangkat kerana mendapat menguruskan urusannya dengan lebih efisien dan lebih produktiviti dan berapakah kakitangan yang dipecat, di turun pangkat, di pindah keluar kerana dia tidak *perform.* Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Terima kasih. Y.B. Tuan Speaker.

No. 1, satu cara untuk menyelesaikan masalah daripada aduan-aduan orang ramai, bahawa telah digalakkan menggunakan secara e-mel iaitu telah menggalakkan mereka memakai masuk ke *web-site* seperti, *web-site* MPSP, *web-site* MPPP, *web-site* kerajaan negeri di mana ada perkenalkan siapakah pegawai-pegawai yang bertanggungjawab. Di mana, selepas menghantarkan

e-mel kepada mereka, segerakan untuk memberi satu salinan kepada Y.B. SUK, Y.A.B. Ketua Menteri, EXCO berkenaan dan juga Adun Kawasan. Dengan ini adalah satu transparensi yang digalakkan oleh kerajaan negeri supaya semua aduan-aduan yang telah dikemukakan oleh warga negeri Pulau Pinang dapat diteliti dengan segera. Kerana jika ada apa-apa *red-tape* nya, di sana boleh dapat lihat secara dengan begitu teluskan kerana Y.A.B. Ketua Menteri telah mewujudkan satu jawatankuasa, satu sekretariat di mana apabila menerima e-mel daripada orang ramai mereka telah memanjangkan kepada pegawai-pegawai tertentu di mana pegawai-pegawai tertentu berkehendakkan untuk menjawab apa tindakan akan diambil, bila akan selesai. Itulah satu cara untuk mempertingkatkan *Public Delivery System* oleh kerajaan negeri. Dan untuk jumlah berapa pegawai-pegawai kerajaan yang telah dipecat atau di pindah, atau di naik pangkat, ini dalam masa tinjauan kerana kerajaan negeri ini memang menggunakan satu cara kesabaran. Kalau tidak akan dituduhkan bahawa *witch hunting*, potong orang kata orang-orang daripada Barisan Nasional yang berusaha dalam kerajaan. Kita akan menggunakan satu cara kesedaran, pendidikan, kalau selepas kesedaran, mereka tidak terima, pendidikan mereka tidak terima, dan amaran lagi tidak terima, dan tindakan akan diambil. Seperti apa yang dibuat kerajaan negeri kehendak untuk mempertingkatkan mutu hidup orang ramai di sini. Di mana hanya apabila mengumumkan satu dasar, dasar dari kerajaan negeri, dasar dari Kerajaan Pusat, seperti jangan merokok semasa berkhidmat. Macam ini pun terdapat bantahan dari orang tertentu. Oleh itu saya tak akan marah, maki pada dia, nak bagi kesedaran, nak bagi pendidikan. Kalau daripada segi kesedaran, daripada segi pendidikan lagi tak terima, akan bagi tindakan. Dan jika lagi degil tindakan akan diambil.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah)

Y.B. Tuan Speaker, bagaimanakah saya tanya ahli daripada Sungai Puyu, bagaimanakah kalau semua mekanisme-mekanisme yang dah cakap, macam yang dah cakap tadi itu telah pun ikut tapi tindakan masih tidak dapat menyelesaikan masalah yang berbangkit dan apakah mekanisme talian hayat boleh digunakan oleh rakyat supaya masalah yang dibangkit itu betul, betul dapat diselesaikan.

Yang kedua adalah berkenaan dengan COB, terima kasih tetapi saya dapat beberapa maklumat tadi bahawa banyak sudah diselesaikan tetapi kelemahan dari COB masih banyak kerana masalah utamanya adalah kekurangan kakitangan dan pegawai-pegawai. Jadi apakah tindakan yang telah diambil supaya rakyat tidak menjadi masalah di dalam mengemukakan masalah-masalah khususnya bagi perumahan-perumahan berstrata dan sebagainya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ya, terima kasih Yang Berhormat. Y.B. Tuan Speaker, kita semua adalah waris, waris kelemahan daripada Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat yang mewujudkan COB, Kerajaan Pusat yang telah tuliskan perundangan pindaan Akta 663 pada tahun 2006 dan dikuatkuasakan pada tahun 2007 di mana kehendak di dalam 1 tahunnya, dalam satu tahunnya untuk menguatkuasakan iaitu kata beri satu peluang 2008, 12hb April supaya semua kena ujudkan J&B. Apa yang terjadi, kita semua ada waris, *we inheritance the* sampah *for* Barisan Nasional. Faham dak.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Ariff Shah bin Haji Omar Shah):

Saya hendak bahas tidak boleh kerana ini bukan perbahasan. Saya simpan itu untuk perbahasan.

Y.B. Tuan Speaker:

Teruskan dengan Y.B. Sungai Pinang. Soalan seterusnya.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Y.B. Tuan Speaker, soalan saya nombor 10.

10. Dalam Persidangan Bajet 2009 yang lalu, YAB Ketua Menteri telah memohon peruntukan tambahan sebanyak RM970 juta daripada Kerajaan Pusat untuk mengatasi masalah banjir di Pulau Pinang. Apakah status permohonan tersebut dan bilakah peruntukan akan disalurkan?

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Y.B. Tuan Speaker, saya berdiri untuk menjawab soalan daripada Y.B. Tuan Koid Teng Guan. Dalam RMKe-9, peruntukan dari Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan projek tebatan banjir, RTB adalah RM300 juta dan digunakan untuk projek-projek seperti berikut:

(i) RTB Sungai Perai

(ii) RTB Bertam, Kepala Batas

(iii) RTB Sungai Junjung, Fasa 1 dan

(iv) RTB Perbandaran Pulau Pinang

Permohonan baru yang dipohon oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada Kerajaan Pusat ialah RM670 juta untuk projek-projek seperti berikut:-

(i)	RTB Sungai Junjung Fasa 2	RM125 juta
(ii)	RTB Sungai Pinang Fasa 2	RM125 juta
(iii)	RTB Sungai Juru, Kawasan Tadahan Bukit Mertajam, Permatang Rawa, Sungai Rawa Dan Sungai Rambai	RM300 juta
(iv)	RTB Kawasan Cyber City	RM50 juta
(v)	RTB Bukit Panchor,Byram,Transkerian & Jawi	RM30 juta
(vi)	RTB Bukit Tambun dan Tg. Ketupat	RM20 juta
(vii)	RTB Valdor	RM20 juta

		RM670 juta

Peruntukan tambahan ini yang dipohon tidak diluluskan oleh Kerajaan Pusat dalam RMKe-9 tetapi permohonan baru akan dibuat semula oleh JPS Pulau Pinang bagi melaksanakan projek-projek seperti di atas dalam RMKe-10.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Ariff Shah bin Haji Omar Shah):

Soalan tambahan.

Y.B. Tuan Speaker:

Silakan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Dato' Ariff Shah bin Haji Omar Shah):

Apabila peruntukan tersebut tidak diluluskan ini bermakna kawasan saya dan Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd Rahman dan semua akan menghadapi masalah banjir dan rakyat akan menjadi mangsa. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk mewujudkan satu peruntukan khas supaya kawasan-kawasan ini terutamanya Permatang Rawa, Kg. Belah Dua dan Kampong Pertama tidak menghadapi atau terlibat lagi dengan masalah banjir? Kasihan kepada penduduk-penduduk di sana mereka pun banyak bagi undi kepada PKR tetapi kali ini mereka akan bagi kepada Barisanlah, saya rasa.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih. Y.B. Tuan Speaker, memang, sementara kita menunggu peruntukan daripada pusat, kerja-kerja yang segera boleh dilaksanakan selepas kajian-kajian dibuat dengan menggunakan peruntukan, misalannya penggunaan caruman perparitan yang diberi kuasa oleh pihak kerajaan negeri untuk menguruskan. Saya rasa masalah-masalah banjir yang dihadapi oleh Y.B. Seberang Jaya dan di tempat-tempat lain, tentu sudah arif dengan keadaan banjir di kawasan itu. Saya juga telah mengarahkan pegawai-pegawai JPS untuk mengemukakan cadangan-cadangan ataupun projek-projek yang kita boleh laksanakan segera dalam kapasiti peruntukan yang boleh dibelanjakan. Saya juga memohon supaya jenis kerja-kerja perparitan yang berskala kecil juga, peruntukan daripada yang telah diberi kepada ADUN-ADUN kawasan boleh diguna pakai sementara peruntukan yang tidak disampaikan kepada ADUN-ADUN yang lain juga kita boleh meminta daripada pihak JPS untuk menggunakan peruntukan yang kita sanggup belanja untuk projek-projek segera dan berskala kecil.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Y.B. Tuan Speaker, saya sering kali mendapat tahu bahawa Kerajaan Pusat tidak meluluskan banyak peruntukan, saya berasa hampa dan kesal dengan tindakan pihak Kerajaan Persekutuan kerana mengabaikan kebajikan rakyat selama 50 tahun. Apa yang saya dapati kerajaan persekutuan tidak pernah menjaga kepentingan dan kebajikan rakyat.

Soalan saya adalah apakah syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat mengenai peruntukan-peruntukan seperti peruntukan untuk sesuatu rancangan tebatan. Misalannya apa yang saya dapat tahu

kerajaan negeri telah memperuntukkan RM15 juta tetapi Kerajaan Persekutuan perlu juga memperuntukkan sebanyak RM15 juta, ini bermakna jumlah keseluruhannya adalah RM30 juta. Itu sahaja soalan saya.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih Y.B. Tuan Tan Beng Huat. Sebelum saya menjawab soalan Y.B. Tuan Tan Beng Huat, saya ada sedikit tambahan untuk Y.B. Seberang Jaya mengenai tindakan yang kita telah rancang untuk mengurangkan masalah banjir di kawasan Yang Berhormat. Bagi tindakan awal untuk mengatasi masalah banjir di Kampong Pertama dan Kampong Belah Dua, pihak JPS akan mengambil tender untuk pembesaran Sungai Pertama pada tahun ini. Sementara bagi kawasan Taman Tenggiri dan Taman Siakap di Seberang Jaya, pihak JPS telah pun siap membina empat buah pintu air pasang surut dan telah membekalkan 7 buah pam untuk mengurangkan masalah banjir dan saya harap dengan kerja-kerja yang sedikit ini telah dapat membantu mengurangkan masalah banjir yang dihadapi oleh penduduk sekitar.

Untuk menjawab soalan Jawi, memang dalam peruntukan JPS, kerajaan negeri untuk tahun 2009 hanya mempunyai RM6 juta. Memandangkan JPS adalah dalam *concurrent list*, maka peruntukan yang setimpal akan juga disalurkan kepada JPS. Cumanya peruntukan RM6 juta ini yang disalurkan oleh pihak kerajaan negeri sahaja, saya rasa memang tidak cukup. Tetapi dengan tambahan peruntukan daripada Pusat, saya rasa kita boleh membuat lebih daripada peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan negeri. Saya harap juga dengan mengguna pakai perparitan yang kita masih ada, saya rasa kita boleh memperbaiki keadaan banjir di Negeri Pulau Pinang ini sementara kita menunggu peruntukan yang lebih besar daripada Kerajaan Pusat. Sekian.

Y.B. Tuan Speaker:

Seterusnya, silakan Y.B. Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):

Y.B. Tuan Speaker, soalan saya ialah soalan 11.

11. Apakah rancangan kerajaan negeri untuk menggalakkan peniaga tempatan di Negeri Pulau Pinang dan pelabur dari luar negara untuk melabur semula di Pulau Pinang dalam tempoh lima (5) tahun ini?

    (a) Berapakah jumlah pelaburan yang telah dilaburkan oleh peniaga tempatan di Luar Negara dalam tempoh masa 10 tahun?

    (b) Berapakah jumlah pelaburan asing yang telah diterima di Negeri Pulau Pinang sejak 8 Mac 2009 sehingga kini?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kasim):

Y.B. Tuan Speaker, saya pohon menjawab soalan Kebun Bunga. Usaha-usaha kerajaan negeri dalam tempoh masa 5 tahun untuk menggalakkan penguasa tempatan Pulau Pinang dan luar negara melabur semula di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

(i) mengenal pasti empat faktor utama berpotensi

(ii) mewujudkan lapan kriteria utama bagi mengenal pasti pelaburan

(iii) memacu 10 teras strategi dan usaha-usaha menggalakkan pelaburan lain yang berterusan.

Bagi memperkukuhkan dasar industri dan mempromosikan pelaburan baru, kerajaan negeri sedang mempelbagaikan aktiviti-aktiviti promosi bagi sektor-sektor baru yang berpotensi. Terdapat 4 sektor utama yang menjadi pemangkin kepada rancangan penggalakan pelaburan oleh kerajaan negeri iaitu k-ekonomi, industri halal, perkongsian perindustrian ...(dengan izin), *shared services* dan teknologi hijau, ...(dengan izin), *green technology*. Untuk memastikan Pulau Pinang sebagai destinasi utama untuk pelaburan, kerajaan negeri telah mewujudkan lapan kriteria utama bagi menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di negeri ini.

Kriteria-kriteria yang digunakan adalah seperti berikut. Pelabur asing itu harus memberi perkhidmatan serta mengeluarkan barangan yang bermutu tinggi, nama syarikat serta jenama yang digalakkan oleh pelabur asing itu harus bertaraf antarabangsa. Barangan yang dikeluarkan oleh pelabur asing itu harus selamat untuk diguna pakai oleh para pengguna iaitu harus mematuhi keperluan persijilan ISO yang berkaitan. Kilang ataupun operasi pelabur asing itu semestinya mempunyai ruang untuk perkembangan selanjutnya. Pelabur asing itu harus mempunyai pelbagai jenis barangan keluaran yang meliputi pelbagai pigmentasi pasaran. Syarikat pelabur asing itu juga harus mempunyai mekanisme untuk menepati jadual yang ditetapkan. Syarikat pelabur asing itu harus mempunyai mekanisme untuk menepati jadual yang ditetapkan. Syarikat pelabur asing itu juga harus menangani segala cabaran pasaran, ekonomi dan kewangan dan pelabur itu digalakkan juga mesti mempunyai ciri-ciri tanggungjawab sosial demi memberi perkhidmatan sosial kepada rakyat Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah menggariskan 10 teras strategik bagi Negeri Pulau Pinang untuk terus memajukan ekonomi Negeri. Teras-teras strategik ini adalah berasaskan 3 unsur utama iaitu pelabur, pelancong dan penduduk. Teras-teras strategik ini adalah seperti berikut:-

(i) perindustrian

(ii) *regional headquarters*.

(iii) mesyuarat insentif, konvensyen dan pameran, MICE

(iv) kebudayaan dan seni

(v) makanan dan masakan Pulau Pinang

(vi) sukan

(vii) pelancongan eko

(viii) pendidikan

(ix) warisan

(x) perkhidmatan perubatan

Perkhidmatan holistik ini telah membangunkan ekonomi Negeri Pulau Pinang dan membantu pelabur asing membuat penilaian yang lebih baik dan keputusan untuk melabur di sini. Melalui teras ini, Pulau Pinang bukan sahaja menjadi destinasi strategik bagi industri malah menjadi destinasi utama pelancong dan tempat tinggal.

Selain daripada itu, terdapat beberapa usaha berterusan kerajaan negeri dalam menggalakkan pengusaha tempatan Pulau Pinang dan di luar negara untuk melabur dan melabur semula di negeri ini dan ianya adalah seperti berikut:-

(i) Urus tadbir berpandukan prinsip CAT iaitu cekap, bertanggungjawab dan telus yang mampu meningkatkan lagi keyakinan pelabur

(ii) Setiap pelabur yang melebihi RM1 bilion akan dikendalikan oleh pasukan petugas yang diketuai oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Fungsi utama pasukan petugas khas ini adalah sebagai pemudah cara perniagaan.

(iii) Penambahbaikan sistem penyampaian sektor awam, mempermudah sistem, garis panduan dan prosedur, menyelaras agensi-agensi di peringkat negeri dan mempertingkatkan tahap mesra pelanggan.

(iv) Selain Kerajaan Persekutuan yang memberi insentif-insentif kepada pelabur asing, kerajaan negeri juga sedang mempertimbangkan beberapa insentif untuk ditawarkan kepada pelabur-pelabur asing. Ini termasuk skim harga tanah yang kompetitif, fleksibiliti di dalam skim pembayaran diskaun ke atas pembayaran cukai tanah dan caj air semasa kemelesetan ekonomi membolehkan pihak ketiga urus tadbir berpandukan prinsip CAT iaitu Cekap, Bertanggungjawab dan Telus yang mampu meningkatkan lagi keyakinan pelabur. Setiap pelabur yang melebihi RM1 bilion akan dikendalikan oleh pasukan petugas khas yang diketuai oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Fungsi utama pasukan petugas khas ini adalah sebagai pemudah cara perniagaan.

(v) Kerajaan negeri juga bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan pakej-pakej istimewa seperti *matching grant* …(dengan izin), *solf loan* dan *industrial building* subsidi. Selain itu, kerajaan negeri juga menjalin hubungan yang erat dengan agensi-

agensi kerajaan di dalam pemberian insentif serta latihan teknikal untuk melatih tenaga kerja berkemahiran tinggi memastikan proses kelulusan dikeluarkan dengan cepat dan efisien serta penglibatan di dalam aktiviti pelaburan, seminar, pemadanan perniagaan, perbincangan dan lain-lain.

(vi) Penyertaan *invest*Penang serta syarikat tempatan dalam pameran antarabangsa dengan menyewa ruang pameran adalah sebahagian daripada usaha berterusan untuk membantu syarikat tempatan mencari peluang perniagaan serta pelaburan baru.

(vii) Berbagai jenis taman perindustrian baru sedang dibangunkan di Bukit Minyak dan di Batu Kawan untuk membekal permintaan sebagai lokasi utama bagi pelbagai aktiviti perindustrian seperti *biotech*, industri halal, industri kecil dan sederhana, *high-tech*, industri berat dan sebagainya. Taman-taman perindustrian yang dibangunkan ini mampu menjadi Pulau Pinang sebagai destinasi utama pilihan pelabur dalam industri strategik, dan

(viii) Penubuhan beberapa klaster di Pulau Pinang telah mengujudkan sinergi serta mempertingkat daya saingan industri tempatan. Objektif utama adalah untuk menggalakkan syarikat-syarikat ini di bawah naungan klaster ini untuk bergabung, berkongsi kepakaran dan pengalaman bagi menjadi Pulau Pinang sebagai lokasi pilihan dalam bidang-bidang tertentu.

Klaster tersebut adalah terdiri daripada radio frekuensi, ICT, perisian komputer dan pengautomasian. *Invest*Penang juga sedang berusaha menubuhkan LED klaster. Data untuk jumlah pelabur yang telah dilabur oleh pengusaha tempatan di luar negara dalam tempoh masa 10 tahun tidak dapat diperoleh daripada MITI, MIDA dan Bank Negara lagi. Maklumat yang diperoleh daripada MIDA telah menunjukkan pelaburan yang telah dilaburkan tetapi pelaburan yang telah diluluskan. Jumlah pelaburan asing yang telah diluluskan di negeri sejak bulan Mac hingga Disember 2008 ialah RM4.26 bilion. Maklumat untuk suku tahun pertama bagi tahun 2009 tidak dapat diperoleh lagi dari MIDA. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Soalan tambahan.

Y.B. Tuan Speaker:

Silakan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kasim, kalau kita lihat daripada statistik pelaburan daripada Januari hingga September 2008 mengenai penglibatan pelabur asing sahaja di Pulau Pinang iaitu berjumlah RM3.212 bilion. Negeri Jepun muncul sebagai pelabur yang berjaya melabur RM1.527 bilion iaitu 47.55%, Amerika Syarikat RM625.38 juta atau pun 19.47% dan Singapura sebanyak RM633.95 juta atau pun 19.73%. Soalan saya ialah adakah *trend* ini

dapat dikekalkan dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk memastikan ketiga-tiga negara utama yang banyak melabur di dalam negeri ini diberikan satu kajian dan pengkhususan khas supaya mereka ini sentiasa akan kekal kalau tidak pun menambah pelaburan di Negeri Pulau Pinang ini.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah, memang kerajaan negeri akan terus melihat ketiga-tiga buah negara ini sebagai pelabur utama yang kita akan usaha untuk mengekalkan prestasinya malahan kerajaan negeri juga akan terus berusaha untuk mendapatkan pelabur-pelabur lain kerana kita tidak mahu memberi satu fokus kepada satu *region* sahaja malahan kita akan buka luas supaya apabila terdapat beberapa masalah yang mungkin akan timbul di *region-region* ini maka kita akan dapat mengatasi peningkatan pelaburan masuk ke Pulau Pinang ini daripada kawasan-kawasan lain seperti Timur Tengah, Afrika dan sebagainya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Soalan tambahan. Adakah sanggup untuk mengadakan *regional office* di negara-negara yang disebut tadi termasuk mengadakan satu *business council* yang kekal di antara Penang – Singapore, Penang – Jepun dan juga Penang – USA dan sebagainya.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Terima kasih, memang kita mengucapkan ribuan terima kasih atas cadangan itu malahan kerajaan negeri senantiasa memikir usaha-usaha ini dan kita memang proaktif apabila perkara-perkara seperti negara-negara yang begini yang telah melibatkan banyaknya pelabur-pelabur asing maka kita akan jadi proaktif untuk menyediakan ruang-ruang seperti apa yang dicadangkan, menyediakan *business council-business council* supaya pelaburan ini dapat dimajukan dan disuburkan dan Insya-Allah kita akan menggunakan *business council* ini sebagai pemangkin kepada pelaburan-pelaburan lain daripada negara-negara ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Soalan tambahan.

Y.B. Tuan Speaker:

Ya, teruskan.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Pelaburan semula ke atas sektor hartanah merupakan juga satu teras yang penting dalam menggalakkan pelaburan semula tetapi kerajaan negeri telah mengenakan suatu syarat di mana hartanah yang dimiliki oleh warga asing tidak boleh dijual dalam tempoh tiga tahun selepas tarikh pembelian itu. Apakah

rasional kerajaan negeri mengenakan syarat itu dan adakah kerajaan negeri yang baru bercadang untuk melucutkan atau mengkaji semula syarat-syarat yang dikenakan itu?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Menjawab soalan Y.B. Komtar, kita tidak statik dalam dasar-dasar kita. Kita akan terus mengkaji setiap dasar yang ada supaya dasar-dasar yang mungkin kita gubal, mungkin kita tukar ini akan menjadi satu pemangkin kepada pelabur-pelabur asing kerana kita faham bidang *real estate* atau pun harta tanah ini adalah satu bidang yang sangat baik bagi Pulau Pinang kerana strategi kerajaan negeri adalah untuk menjadi satu destinasi atau *habitat of choice* ...(dengan izin), kepada warga-warga internasional, warga-warga antarabangsa untuk menetap di Pulau Pinang maka kita akan terus mengkaji dasar-dasar ini supaya dasar-dasar ini bukan menjadi jumud atau pun statik dan akan terus dimajukan dan terus bergerak di hadapan.

Y.B. Tuan Speaker:

Seterusnya soalan daripada Y.B. Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd Hamdan bin Abd Rahman):

Y.B. Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 12.

12 (a) Apakah formula yang dirangka oleh kerajaan negeri berhubung pembangunan di Tanjong Tokong di mana penduduk tidak berpuas hati terhadap pihak UDA mengenai pembahagian rumah?

(b) Sudahkah kerajaan negeri berunding dengan pihak UDA bagi mengatasi kemelut yang sedang dihadapi oleh penduduk tersebut?

(b) Sila nyatakan keputusan yang telah dicapai dalam perundingan tersebut.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Y.B. Tuan Speaker, saya mengambil kesempatan ini meminta izin untuk menjawab soalan 12 daripada Y.B. Permatang Pasir berkenaan dengan pembangunan semula Tanjong Tokong.

Y.B. Tuan Speaker, kronologi penglibatan UDA dalam pembangunan semula Tanjung Tokong telah bermula sejak tahun 1972 meliputi pembangunan penempatan semula penduduk asal Tanjung Tokong di kawasan seluas 43.45 ekar dan pembangunan kawasan *rock field* melalui pemberian milik kerajaan pada tahun 1998 seluas 54.07 ekar untuk pembangunan bercampur.

Pemilik tanah kawasan tersebut adalah milik UDA. Sebagai tuan punya tanah, formula pampasan adalah dirangka oleh pihak UDA dan telah dimaklumkan kepada penduduk dalam satu perjumpaan yang telah diaturkan oleh kerajaan negeri di mana perjumpaan itu dihadiri oleh Pengurus Besar UDA dan juga wakil-wakil dari Persatuan Penduduk di Tanjong Tokong yang telah

diadakan pada 6 Februari 2009. Hasil daripada perundingan, ada juga beberapa mesyuarat tersebut, pihak UDA juga telah membekalkan senarai bancian 2003, pihak UDA juga telah mengemukakan formula pampasan serta menyediakan draf perjanjian dibekalkan kepada wakil-wakil penduduk.

Kerajaan negeri telah meminta pihak UDA untuk mengkaji cadangan asal pembangunan dengan mengambil kira perubahan yang dicadangkan kepada pembangunan kampung warisan Melayu Tanjong Tokong. Pihak UDA telah memberi maklum balas mereka bersetuju untuk mengemukakan pandangan kerajaan negeri kepada pihak Lembaga UDA untuk perbincangan lanjut. Secara rumusannya, kerajaan negeri memang berprihatin terhadap cadangan pembangunan di Tanjung Tokong dan mesyuarat antara UDA antara ADUN Kawasan, kerajaan negeri dan penduduk akan terus diatur untuk mencari satu penyelesaian yang lebih menyeluruh. Sekian.

Y.B. Tuan Speaker:

Soalan tambahan daripada Y.B. Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd Hamdan bin Abd Rahman):

Y.B. Tuan Speaker, terima kasih di atas penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat daripada Air Itam. Sebenarnya persoalan Tanjung Tokong merupakan persoalan yang telah lama dan persoalan antara UDA dengan penduduk pun satu persoalan lama. Ini sebenarnya bukan satu kesalahan yang perlu dilemparkan kepada kerajaan negeri cumanya dalam soal ini apa yang disebut oleh Y.B. Air Itam tadi memperlihatkan satu benda positif yang akan cuba diselesaikan oleh kesemua pihak yang terlibat termasuk UDA sendiri. Persoalan saya ialah saya ada menerima daripada penduduk Tanjung Tokong yang membuat suatu memorandum kepada UDA dengan melalui orang tengah iaitu kerajaan negeri sendiri iaitu mungkin melalui Y.B. Air Itam.

Dalam memorandum itu, penduduk mahu supaya sebarang juga perjanjian yang dibuat di antara penduduk dengan pihak UDA, ia perlu mendapat penjaminnya atau saksinya daripada kerajaan negeri sendiri. Itu kehendak penduduk tetapi di dalam soalan saya ialah di dalam apa yang dijelaskan oleh Y.B. tadi, saya tidak jelas sama ada persoalan ini telah diambil perhatian oleh kerajaan negeri seolah-olah orang tengah dalam perbincangan atau dalam meneliti memorandum tersebut.

Jadi soalan saya ialah apakah jaminan tegas yang boleh diberi oleh kerajaan negeri di dalam permohonan yang telah dibuat oleh penduduk Tanjung Tokong ini. Yang keduanya, Y.B. Tuan Speaker, ialah saya telah terbaca satu kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Pengerusi UDA bahawasanya mereka sedang menunggu kelulusan satu pelan pembangunan yang mereka hantar kepada kerajaan negeri dan soalan saya apakah pembangunan itu sudahkah diluluskan oleh kerajaan negeri. Sekian.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Terima kasih Y.B. Permatang Pasir berkenaan dengan soalan-soalan yang dibangkitkan tadi dan seperti yang saya katakan tadi dalam kes ini, peranan kerajaan negeri dan juga peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mempunyai kuasa dan proaktif dari segi kelulusan pelan pembangunan dan juga kelulusan pelan perancang. Itu adalah dalam bidang kuasa kerajaan negeri tetapi dalam bidang kuasa UDA mereka sebagai tuan punya tanah, mereka mempunyai hak-hak mereka sebagai tuan punya tanah dan dari segi pemantauan, kerajaan negeri boleh memantau dari segi supaya penduduk-penduduk di Tanjung Tokong mendapat satu pampasan yang lebih adil dan juga sebagai langkah ini kerajaan negeri berfungsi untuk membawa semua pihak ke meja mesyuarat dan juga kita telah mengaturkan beberapa perjumpaan dengan pihak UDA supaya perkara-perkara ini dapat diselesaikan dan isu-isu yang perlu diselesaikan oleh UDA ialah tentang senarai bancian tersebut yang bertarikh tahun 2003 yang pada masa ini sudah tahun 2009. Saya menerima maklum balas terdapat keciciran dari segi bancian tersebut dan ini akan menjadi satu agenda. Keciciran dalam senarai itu akan menjadi satu agenda dalam mesyuarat yang akan diaturkan bersama UDA.

Berkenaan dengan soalan senarai pelan, pihak UDA telah mengemukakan cadangan pindaan pada pelan susun atur untuk pembangunan perumahan dan perdagangan Tanjung Tokong dan pelan tersebut belum ditandatangani oleh Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Negeri dan pihak kita telah meminta supaya pihak UDA mengkaji cadangan asal pembangunan dengan mengambil kira perubahan yang dicadangkan oleh kerajaan negeri iaitu pembangunan kampung warisan Tanjong Tokong dan saya rasa beberapa mesyuarat lagi perlu dijalankan untuk mencari satu penyelesaian yang lebih menyeluruh.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Tuan Speaker:

Teruskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Terima kasih Y.B. Air Itam. Soalan saya adakah apa-apa *master plan* yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak kita memerintah di sini. Untuk menyemak semula semua projek-projek pembangunan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang kebanyakannya kita mendapati meminggirkan masyarakat di kawasan-kawasan tersebut. Umpamanya di kawasan saya sendiri terdapat sekumpulan nelayan Melayu yang berada di kawasan Sungai Gelugor di mana mereka telah dipaksa untuk berpindah ke tempat yang lain disebabkan oleh satu projek yang dipanggil *The Light* yang telah diluluskan oleh kerajaan Barisan Nasional yang saya percaya EXCO-EXCO sekarang telah menjadi pembangkang tanpa mengambil kira masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka tetapi mujurlah dengan kita mengambil kira pemerintahan kerajaan masalah mereka ini telah ditandatangani.

Jadi soalan saya ialah relevan, mungkin masa bertanding di Permatang Pauh tiada relevan tetapi relevannya sekarang adalah adakah satu *master plan* yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk melihat projek-projek pembangunan di semua kawasan yang kita dapatnya selalunya kita tidak mengambil kira masalah-masalah penduduk di situ tetapi cuma satu, dua koperasi gergasi dan satu, dua individu yang mempunyai kepentingan. Adakah satu *master plan* untuk kerajaan negeri Pulau Pinang untuk menyemak semula projek-projek tersebut? Terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Berkenaan dengan projek pembangunan dalam kebanyakan pelan merancang atau pun pembangunan, kita telah menetapkan syarat supaya penempatan setinggan perlu diselesaikan oleh pemaju. Oleh itu, pihak pemaju perlu mencari satu penyelesaian sebelum projeknya boleh dibangunkan. Dalam segi ini, penempatan setinggan merupakan satu isu yang sangat mencabar dan sangat rumit dan saya dengan menetapkan syarat tersebut kita dapat memberikan tekanan supaya mereka tidak mengambil undang-undang di tangan mereka. Mereka perlu memberi bantuan secara kemanusiaan dan juga bantuan dari segi penempatan setinggan.

Berkenaan dengan projek-projek yang telah diluluskan oleh pentadbiran lama dan sekiranya satu projek yang telah diluluskan mengikut prosedur undang-undang dan juga adalah bandingan ke atas pentadbiran yang baru dan kita perlu menghormati *spirit binding* tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya projek tersebut mendatangkan kesusahan kepada keharmonian masyarakat mengikut *Town and Country Planning Act* terdapat satu peruntukan di mana PBT boleh menggunakan kuasanya untuk memanggil pemaju tersebut atau pun berunding dengan pemaju tersebut untuk membuat pindaan sekiranya terdapat gangguan terhadap *environment* atau pun keharmonian sosial. Itu sahaja.

Y.B. Tuan Speaker:

Seterusnya soalan Y.B. Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Y.B. Tuan Speaker, soalan saya 13.

13. Walaupun berhadapan dengan rintangan untuk mengadakan Pilihan raya Kerajaan Tempatan, adakah kerajaan negeri merancang untuk mengadakan satu *road map* supaya rakyat tahu bahawa kerajaan negeri sedang berusaha untuk mencapai matlamat tersebut?

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, sukacita saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Y.B. Padang Lalang iaitu Akta Kerajaan Tempatan 1976 sedia ada tidak memperuntukkan seksyen yang membolehkan pilihan raya Kerajaan Tempatan diadakan. Sekiranya kerajaan negeri bercadang untuk mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan, Seksyen 15, Akta Kerajaan Tempatan 1976 perlu dipinda.

Terdapat dua pandangan perundangan mengenai perkara ini. Satu pandangan menyatakan pilihan raya Kerajaan Tempatan boleh dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Negeri tanpa pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan atau Akta Kerajaan Tempatan, 1976. Pandangan yang lain menyatakan Pihak Berkuasa Negeri dilarang melaksanakan pilihan raya Kerajaan Tempatan sehingga Kerajaan Persekutuan meminda Akta Kerajaan Tempatan dan memansuhkan Peraturan-peraturan Darurat.

Pada 16 Jun 2008, semasa perbincangan di Forum Perundingan Kerajaan Tempatan Pulau Pinang Bilangan 1 Tahun 2008, isu ini telah dibincangkan. Berikutannya, satu Jawatankuasa Kerja Kerajaan Tempatan telah diwujudkan atas perakuan Unit Kerajaan Tempatan Negeri. Jawatankuasa ini antara lain telah diminta meneliti sama ada pilihan raya Kerajaan Tempatan perlu diadakan. Jawatankuasa ini telah dipengerusikan oleh Dato' Dr. Anwar Fazal. Laporan Jawatankuasa Kerja berkenaan telah dibentangkan di Mesyuarat Forum Perunding Kerajaan Tempatan Pulau Pinang Bilangan 2 Tahun 2008 pada 14 Oktober 2008. Laporan ini antara lain menyatakan bahawa Jawatankuasa Kerja berpandangan bahawa pilihan raya Kerajaan Tempatan perlu dikembalikan memandangkan ianya adalah *a fundamental pillar for citizen's participation, transparency and accountability*. Perbalahan untuk pilihan demokrasi telah dinyatakan dengan jelas dalam laporan Suruhanjaya Di Raja bagi Pihak Berkuasa Tempatan yang dikenali juga sebagai Laporan Athi Nahappan.

Laporan Jawatankuasa Kerja telah diumumkan di Mesyuarat Forum Perunding Kerajaan Tempatan Pulau Pinang berkenaan dan ianya akan diteliti secara terperinci oleh Pihak Berkuasa Negeri. Ekoran Forum Perundingan Kerajaan Tempatan Pulau Pinang Yang Kedua, Kerajaan negeri telah mengarahkan agar ditubuhkan *Local Government Election Working Group (LGWG)* dengan diketuai Dr. Goh Ban Lee, seorang bekas Ahli Majlis dan bekas pensyarah USM. *Road Map to Local Government Elections* telah dibentangkan dalam Forum Perunding Kerajaan Tempatan Pulau Pinang Bilangan 1 Tahun 2009 pda 31 Mac 2009. Di antara langkah-langkah yang dicadangkan adalah seperti berikut:-

(i) Kerajaan negeri harus meluluskan usul menyokong tujuan mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan.

(ii) Kerajaan negeri harus menyediakan bajet untuk menjalankan aktiviti-aktiviti dan kempen untuk pengundian Ahli Majlis dan presiden PBT,

(iii) Kerajaan negeri harus membentangkan hasrat kerajaan negeri untuk mengadakan pilihan raya tempatan kepada Majlis Negara Kerajaan Tempatan.

(iv) Kerajaan Negeri Pulau Pinang hendaklah melantik seorang peguam atau pakar dalam perlembagaan untuk mengkaji arah tuju pilihan raya tempatan dan merayu kepada Mahkamah Tinggi Pulau Pinang.

(v) Kerajaan negeri mengkaji penstrukturan semula PBT. Kerajaan negeri akan mempertimbangkan cadangan LGEWG di atas untuk dilaksanakan.

Y.B. Tuan Speaker:

Soalan tambahan, teruskan ya.

Ahli Kawasan Pantai Jerjak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Terima kasih kepada Y.B. Tuan Speaker dan terima kasih kepada Y.B. Padang Kota kerana memberi satu jawapan yang komprehensif yang ditunggu-tunggukan oleh rakyat Pulau Pinang. Selain daripada itu, saya berharap program ini dapat dijalankan secepat mungkin demi masa depan dan sistem demokrasi. Selain daripada itu, saya juga ingin tanya Y.B. Padang Kota, adakah kerajaan negeri bercadang untuk membuat pilihan raya di peringkat JKKK yang telah dibuktikan dapat dijalankan di peringkat kampung di Perak?

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow)

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker atas soalan tambahan yang dikemukakan oleh Y.B. Pantai Jerejak. Pilihan raya di peringkat PBT mahu pun di peringkat JKKK atau di peringkat Ketua Kampung adalah merupakan satu proses pendemokrasian masyarakat ke arah mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan. Di dalam Akta Kerajaan Tempatan walaupun seksyen 10 memperuntukkan seksyen di mana kerajaan atau pun PBT dan Ahli-ahli Majlis termasuk YDP perlu dilantik tetapi ini tidak bermaksud kerajaan negeri tidak boleh menggunakan cara-cara tertentu, cara-cara awalan untuk membolehkan pertubuhan-pertubuhan membuat cadangan-cadangan atau pun mengadakan pemilihan di peringkat zon-zon yang tertentu untuk memilih seorang untuk dicadangkan kepada kerajaan negeri sebagai ahli majlis. Di Perak kita nampak perkara ini dilakukan di peringkat JKKK dan semestinya ianya bolehlah kalau dilaksanakan menyumbang kepada pendemokrasian di peringkat akar umbi dan ini akan dikaji.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmed)

Soalan tambahan.

Y.B. Tuan Speaker:

Soalan tambahan, Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmed):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, soalan saya memang tertarik tentang soalan yang dikemukakan oleh ADUN daripada Pantai Jerjak. Cuma saya hendak tanya daripada Y.B. Padang Kota, adakah kita perlu mengadakan pilihan raya dahulu, *which is the priority*. Keutamaan dahulu yang utamakan untuk menjadikan PBT sebagai kerajaan tempatan yang *very efficient* seperti yang dikatakan oleh CAT tadi. Adakah kita perlu karier dahulu atau kita perlu pecah

kawasan PBT dahulu seperti yang asal dahulu. Dahulu Majlis Daerah Barat Daya, Majlis Daerah Timur Laut semua. Adakah ini kita lihat sebagai keutamaan atau pilihan raya dahulu sebagai keutamaan. Kalau sekiranya pilihan raya, dicadangkan tiap-tiap tahun atau dua tahun sekali atau macam mana.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow)

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker atas soalan tambahan yang dikemukakan oleh Y.B. Bayan Lepas. Antara penemuan daripada kumpulan kerja ini di peringkat PBT tidak semestinya menjamin satu PBT yang lebih efisien dan berkesan. Itu satu perkara yang dipersetujui oleh kumpulan kerja ini. Namun atas prinsip bahawa *no transaction, no reorientations*, adanya perlu juga dihormati hak demokrasi pembayar-pembayar cukai untuk memilih Ahli-ahli Majlis untuk membentuk pihak berkuasa tempatan. Tadi saya pun ada menjelaskan bahawa di samping menunggu Kerajaan Pusat untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan untuk membolehkan pilihan raya di peringkat PBT, kerajaan negeri perlu juga mengkaji penstrukturan semula PBT sekiranya mengikut struktur sekarang mungkin dianggap terlalu besar atau kalau distrukturkan semula mungkin PBT-PBT yang dibentuk kelak mungkin terlalu kecil dan tidak mampu dari segi kutipan hasil, bilangan kakitangan dan sebagainya. Ini saya rasa perlulah dilaksanakan secara serentak dan kerja-kerja atau pun perkara ini telah pun banyak kali dibahaskan dalam sesi-sesi tahun lepas dan ianya menjadi satu perkara yang perlu kita buat keputusan serentak dengan usaha untuk membolehkan pilihan raya di peringkat kerajaan tempatan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):

Soalan Tambahan.

Y.B. Tuan Speaker:

Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):

Terima kasih pada Y.B. Tuan Speaker, daripada jawapan Y.B. Kawasan Padang Kota tadi bahawa cadangan *working committee* tadi adalah membawa satu usul di dalam Dewan ini. Jadi soalan saya adakah pihak kerajaan negeri bercadang membawa usul sedemikian di dalam sesi-sesi Dewan yang akan datang.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Tuan Speaker atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Bukit Tengah. Selepas mendapat penemuan daripada kumpulan kerja ini saya membawa cadangan-cadangan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di mana satu usul oleh kerajaan negeri atau pun oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang terhadap hasrat kita untuk mengadakan pilihan raya di peringkat PBT ataupun menyuarakan hasrat kepada Kerajaan Pusat untuk mengadakan pilihan raya itu pun sudah saya bawa kepada EXCO tetapi memandangkan masa untuk mengemukakan usul itu pun sudah tamat tempoh dia, kita akan cuma bolehlah melakukan perkara ini dalam sesi yang akan datang.

Y.B. Tuan Speaker:

Sudah tiga soalan tambahan. Yang Berhormat saya akan lanjutkan hingga pukul 5.15 petang, masih dalam ruang yang dibenarkan. Jadi kita ada satu soalan lagi dan saya jemput Ahli Kawasan Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 14.

14. Apakah pencapaian kerajaan negeri sekarang yang boleh dibanggakan berbanding dengan kerajaan terdahulu. Sila nyatakan kelemahan-kelemahan kerajaan negeri terdahulu. Apakah langkah-langkah pembaikan yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri sekarang bagi mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, terima kasih ucapan yang dibuat oleh Y. B. Seberang Jaya. Y.B. Tuan Speaker, semenjak kerajaan baru mengambil alih pentadbiran negeri, pelbagai inisiatif dan langkah penambahbaikan telah dilakukan bagi memperkemaskan dan meningkatkan *Service Delivery System*. Berteraskan konsep CAT, setiap inisiatif yang dilaksanakan menitikberatkan perkhidmatan yang cekap, akauntabiliti dan telus. Di antara perubahan-perubahan dan juga langkah-langkah pembaikan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

i. Pelancaran e-Perolehan pada 17 Julai 2008 bagi mengurangkan salah guna kuasa, amalan rasuah dan penyelewengan dalam pentadbiran dan ini adalah sistem e-Perolehan pertama di Malaysia yang diusahakan oleh Dato' Pegawai Kewangan Negeri.

ii. Kerajaan negeri berjaya menarik pelaburan di sektor perindustrian ke Pulau Pinang sebanyak RM10.2 bilion di mana bukan sahaja dari segi kuantiti tetapi dari segi mutu dan kualiti pelaburan boleh dilihat dengan kemasukan syarikat-syarikat ternama atau syarikat–syarikat kenamaan seperti Ibiden Electronics Sdn. Bhd., Honeywell Aerospace Avionics Sdn. Bhd. dan St. Jude Medical Operations (M) Sdn. Bhd.

iii. Kerajaan negeri telah mewujudkan Taman Industri Halal di Pulau Pinang melibatkan kawasan seluas 131 ekar di kawasan Taman Sains Bukit Minyak bersebelahan Lebuh raya Utara-Selatan iaitu satu tempat yang begitu menonjol sekali dan memberi keutamaan kepada industri halal ini dapat melebihi bidang-bidang lain dengan harapan bahawa Negeri Pulau Pinang akan memimpin dalam aspek industri halal.

iv. Kerajaan negeri telah berjaya melaksanakan secara berperingkat pelan pemulihan semula KOMTAR. Antaranya pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf pintu masuk ke KOMTAR di Lebuh Teik Soon, penukaran/naik taraf lif-lif secara berperingkat-peringkat dan berjaya meyakinkan pelabur *Pacific Hypermarket & Departmental Store* untuk membuka gedung di KOMTAR...(tepukan) serta

melaksanakan projek KOMTAR Walk di kawasan hadapan Jalan Lim Chwee Leong. Ini terbukti sekarang apabila keceriaan KOMTAR telah kembali semula selepas menjadi bandar raya ....(ketawa)... bandar raya tidurlah selama ini. Kalau kita lihat dari segi perbezaan dahulu dan sekarang, Y. B. Tuan Speaker yang dahulu tidak ada aktiviti, sekarang kita lihat dari segi apa itu aktiviti perniagaan dari segi KOMTAR *Walk,* saya rasa semua pun ada pernah lihat. Ini begitu menyerikan kawasan persekitaran dan saya rasa itulah perubahan yang amat jelas sekali di antara yang dahulu dan sekarang yang kita harap akan menjadikan selama-lamanya (tepukan).

v. Selain dari itu kerajaan negeri juga berjaya menyelesaikan masalah bantahan terhadap penternakan khinzir di Batu Maung dengan tindakan menutup kolam rawatan najis khinzir di kawasan yang terlibat memberhentikan penternakan khinzir secara bermusyawarah dan seterusnya merancang untuk mengembalikan tanah kolam rawatan najis tersebut kepada kegunaan perindustrian yang begitu meruncing sekarang yang saya rasa tidak pernah berjaya dilakukan oleh yang dulu.

vi. Kerajaan negeri sangat prihatin dan memberi keutamaan untuk kebajikan rakyat Negeri Pulau Pinang dengan mencapai matlamat yang kita telah tetapkan kepada diri sendiri iaitu menjadi negeri pertama di Malaysia melepaskan diri daripada belenggu miskin tegar .....(tepukan).... di mana Negeri Pulau Pinang boleh begitu bangga menjadi negeri pertama yang ada miskin tegar sifar (tepukan). Seramai 728 keluarga miskin memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM500.00 sebulan dan ini adalah melebihi 324 buah keluarga yang telah dikenal pasti oleh kerajaan yang dahulu. Oleh kerana kita hendak pastikan bahawa semua keluarga miskin tegar dapat dikenal pasti dan tidak ada sebuah keluarga pun yang tercicir dan ketinggalan kita buat *survey* semula termasuk di kawasan-kawasan pembangkang. Di sini kita mendapati bahawa bukan 324 mungkin masa itu kerja tidak cukup rapi tetapi dengan kerja yang lebih teliti kita dapati ada 728 buah keluarga dan kebanyakannya ialah di kawasan Parlimen Kepala Batas dan Tasek Gelugor ...(tepukan) dan ini menunjukkan Y. B. Tuan Speaker, bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat tidak mengamalkan apa-apa diskriminasi bukan sahaja tidak ada diskriminasi kaum, tidak ada diskriminasi agama, tidak ada diskriminasi jantina tetapi yang penting sekali tidak ada diskriminasi fahaman politik ...(tepukan)... di mana kebanyakan miskin tegar di SPU, kawasan Kepala Batas dan Tasek Gelugor pun telah diberi bantuan dan sekiranya ada ahli-ahli pembangkang boleh menunjukkan ada keluarga-keluarga miskin yang ada, sila berikan maklumat kepada Ahli Y. B. Sungai Puyu, kita akan gerakkan mekanisme untuk berikan bantuan dengan segera supaya mereka sekurang-kurangnya dapat menikmati pendapatan RM500.00 sebulan ..(tepukan). Manakala bagi keluarga miskin tegar yang produktif, manakala bagi keluarga miskin yang produktif, kerajaan negeri akan mencari peluang perniagaan atau peluang pekerjaan serta menganjurkan kursus motivasi bagi tujuan peralihan minda untuk

mengeluarkan mereka daripada kumpulan miskin tegar. Bantuan bulanan ini untuk *top-up* supaya ianya tidak kurang daripada RM500 akan diberikan selama yang mereka perlukan, bukan 3 bulan. Ini ialah untuk tinjauan, jadi ini saya rasa mungkin salah faham oleh pihak pembangkang. Kita bukan hanya beri bagi 3 bulan sahaja, kita akan bagi selagi Kerajaan PR ada (tepukan). Kalau lima tahun, lima tahun, kalau sepuluh tahun, sepuluh tahun tetapi bukan 3 bulan. Tiga bulan bermaksud kita akan buat kajian. Kita akan buat kajian supaya keadaan ekonomi sekarang tidak menentu. Kita pun akui mungkin ada keluarga yang sebelum ini bukanlah miskin tegar tetapi kerana ekonomi yang tidak menentu mereka mungkin tercicir dan terjatuh ke dalam peringkat atau kategori miskin tegar. Kita hendak bantu semua mereka, itu sebab kita buat *review s*etiap 3 bulan. Ini kerja bukan senang. Nasib baik Y. B. Sungai Puyu dia kerja keraslah. *So* dia buat *review* setiap 3 bulan tetapi bantuan ini bukan hanya untuk tempoh 3 bulan. Itu kalau baca surat khabar Utusan Malaysia tentulah. Ini semua kelentong punya tentulah tetapi yang kita bagi selama yang kita ada tiap-tiap bulan, dia cakap 3 bulan. Apa boleh buat itulah Utusan Malaysia.

vii. Melancarkan inisiatif Penang@Wireless yang memberikan liputan WiFi penuh di seluruh Negeri Pulau Pinang sebagai negeri yang pertama berbuat di Malaysia dalam masa 2 tahun dan perkhidmatan ini adalah diberikan percuma kepada semua warga Pulau Pinang.

viii. Mengamalkan perbelanjaan secara berhemah di mana kita telah menjimatkan wang yang begitu banyak dalam semua aspek perjalanan keluar negeri, tiket penerbangan adalah dibuat melalui *internet* dan juga untuk peringkat ekonomi sahaja, tambang kapal terbang, tiket kapal terbang adalah ekonomi dan juga menggunakan perkhidmatan penerbangan kos rendah. Untuk misi perdagangan buatlah secara rombongan, tambangnya murah dan saya rasa dengan usaha-usaha ini kerajaan negeri sama ada jimatkan wang, kurangkan perbelanjaan telah berjaya mendapat balik sebanyak RM11,038,632.17 ...(tepukan).

Di antaranya ialah selain daripada kurangkan perbelanjaan telah dapat balik imbuhan RM4.2 juta daripada MMC-Gamuda kerana tidak mematuhi arahan memberhentikan kerja sementara bagi pembinaan landasan kereta api berkembar sebanyak RM12.5 bilion dan denda RM4.2 juta dibayar oleh MMC-Gamuda kepada MPSP. Penang Port Sdn. Bhd (PPSB) selepas berusaha telah berjaya mendapat balik bayaran royalti pasir sebanyak RM6.6 juta dan juga tidak lain lagi kena selama ini yang tidak dapat dikutip tunggakan cukai pintu daripada UMNO dan MCA …(tepukan), sebanyak RM238,636.17 hampir 10 tahun tidak bayar tetapi terima kasih kepada UMNO lah dan MCA akhirnya bayar juga.

Sungguhpun selama ini dia tidak bayar tidak ada tindakan undang-undang dijalankan tetapi sekarang kerana kita patuhi dan tegakkan kedaulatan undang-undang, UMNO pun mesti akur ...(tepukan), menjimatkan RM330,533 dalam pembaikan Kereta api Bukit Bendera dengan memastikan ia diberikan kepada kontraktor yang paling rendah dengan kualiti yang sama-sama bermutu. Saya rasa agak panjang dan saya rasa masa mungkin tidak cukup dan secara ringkas saya rasa dalam aspek-aspek ini yang penting ialah kita telah berjaya menjimatkan wang-wang sedemikian.

ix. Kerajaan Negeri mengamalkan penjimatan dalam apa-apa jua pentadbiran termasuk:

a) telah menjimatkan RM330, 533.63 dalam proses membaiki kabel Bukit Bendera yang jauh lebih murah (RM589, 466,37) dalam tempoh yang lebih pendek (2 bulan) berbanding dengan tender sebut harga yang terendah (RM920, 000) yang memerlukan 6 bulan untuk kerja-kerja pembaikan.

b) menjimatkan RM500,000.00 Pembayaran insurans premium PBA setiap tahun setelah meminta syarikat insurans untuk menawarkan Non Claim Bonus (NCB)

c) membatalkan tempahan 5 buah Proton Perdana, iaitu penjimatan RM500,000.00

d) semasa APTIC Korea (Mesyuarat dan Expo Perlancungan Pelaburan Asia Pasifik) yang diketuai YAB Lim Guan Eng pada November 2008, Kerajaan Negeri hanya membelanjakan 1/3 daripada perbelanjaan untuk lawatan setara oleh Kerajaan Negeri lama ke India, penjimatan sebanyak RM51,291.00.

ix. Membuka Jambatan Merah di Fasa 3 Bayan Lepas untuk mengurangkan kesesakan trafik

x. Papan-papan tanda jalan dalam dwi-bahasa iaitu Bahasa Melayu dengan Bahasa Mandarin, Bahasa Melayu dengan Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dengan Bahasa Tamil dan Bahasa Melayu dengan Bahasa Jawi/Arab dalam lingkungan Zon Warisan George Town

xi. Usaha menarik pelaburan asing dengan menubuhkan Petugas Khas yang diketuai oleh Y.A.B. Ketua Menteri untuk setiap pelaburan yang melebihi RM1 bilion dan juga melicinkan pentadbiran kerajaan negeri seperti dasar “bina dulu, lulus kemudian”

xii. Pengambilan pekerja asing di sektor pembuatan, terutamanya sektor elektrik dan elektronik, tekstil dan pakaian serta sektor perkhidmatan dibekukan

xiii. Penubuhan Pusat Bantuan dan Latihan Kerjaya (CAT Centre) untuk membantu golongan yang hilang kerja

xiv. Menyediakan peruntukan tahunan sebanyak RM8.5 juta bagi sekolah-sekolah agama rakyat, sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, sekolah-sekolah menengah jenis kebangsaan Cina, sekolah-sekolah mubaligh dan sekolah-sekolah menengah persendirian. Peruntukan RM1.5 juta adalah tambahan daripada RM3.7 juta yang diperuntukkan untuk tujuan pendidikan agama bagi tahun 2009 oleh kerajaan negeri.

xv. Membatalkan pembelian *note book* dan pencetak untuk ADUN sebanyak RM300 ribu untuk tahun 2008-2009

xvi. Mengecualikan semua sekolah milikan bukan kerajaan yang didaftarkan dengan Kementerian Pelajaran dan bukan berasaskan keuntungan daripada membayar cukai tanah dengan membayar *nominal fee* RM1.00

xvii. Memberi wang ihsan RM100.00 kepada lebih 170,000 buah keluarga miskin yang membelanjakan RM17 juta

xviii. Siaran Langsung Persidangan Dewan Undangan Negeri melalui internet, Web TV

xix. Cadangan penukaran hak milik daripada pajakan kepada pegangan 99 tahun untuk tanah industri/komersial dan hak milik kekal untuk kediaman rumah pangsa/rumah kos rendah dan sederhana demi memulangkan tanah kerajaan kepada rakyat

xx. Had masa larangan kenderaan berat atas Jambatan Pulau Pinang dan pengeluaran pas khas untuk mengatasi masalah kesesakan di jambatan Pulau Pinang.

xxi. Menetapkan bantuan bencana alam dikeluarkan dalam masa 24 jam kepada mangsa-mangsa

xxii. Mengurangkan elaun Pengerusi dan Setiausaha JKKK kepada RM350.00 dan RM250.00 sebulan daripada RM600.00 dan RM500.00 masing-masing

xxiii. Memberikan penganugerahan pingat dan bintang berdasarkan sumbangan masyarakat atau prestasi pencapaian dan bukannya latar belakang politik di mana buat pertama kali tidak ada seorang Ahli Exco, ADUN ataupun Ahli Majlis Kerajaan Tempatan menerima pingat yang menyebabkan bilangan Dato' Seri Utama, Dato' Seri dan Dato' dikurangkan daripada 82 pada tahun 2007 kepada 38 pada tahun 2008

xxiv. Melarang semua ahli pentadbiran dan ADUN kerajaan daripada membuat permohonan baru untuk tanah kerajaan

xxv. Pemberian rebat RM5-RM10 sebulan untuk rumah beribadat sebanyak RM64,000.00 setahun.

xxvi. Peruntukan RM1 juta untuk tujuan Rukun Tetangga yang akan dikenali sebagai Pasukan Rondaan Sukarela (PRS) demi mengawal keselamatan awam dan mempertingkatkan usaha memerangi jenayah

xxvii. Penghargaan dan pengiktirafan kepada para hafiz secara kewangan terhadap penghafal dan pengajar Al-Quran yang perkhidmatan di Negeri Pulau Pinang.

xxviii. Pembatalan saman atas penjaja kecil dan saman kesalahan letak kereta

xxix. Kenaikan elaun guru KAFA sebanyak RM50 sebulan

xxx. Menubuhkan Tabung Modal Pusingan Peniaga dan Penjaja Kecil Negeri Pulau Pinang dengan jumlah pinjaman maksima sebanyak RM10,000.00 dengan tempoh bayaran balik maksima 5 tahun bagi setiap pemohon;

xxxi. Menubuhkan Penang Global Tourism Sdn. Bhd. untuk mempromosi dan menggalakkan pembangunan sektor pelancongan.

xxxii. Membenarkan warga media menggunakan pas media sebagai pas keselamatan dalam KOMTAR

xxxiii. Pemberian bantuan beras percuma kepada penerima bantuan kebajikan

xxxiv. Penubuhan Jawatankuasa Kebebasan Maklumat (CAT) – ke arah kebebasan akhbar dalam suasana pengetahuan tanpa kekurangan dan kekangan.

Kerajaan negeri berusaha melaksanakan urus tadbir baik CAT berdasarkan prinsip 5K, iaitu Kebebasan, Keadilan, Kebenaran, Kebajikan dan Ketakwaan kepada Tuhan.

Selain daripada itu kita pun telah memberikan banyak insentif seperti bayaran kepada guru-guru KAFA, tambahan elaun sebanyak RM50 sebulan dan juga Y.B. Tuan Speaker, apabila kita lihat tentang elaun Pengerusi dan Setiausaha JKKK tidak dapat bertanding dengan JKKKP yang jauh lebih tinggi. Kita hanya bayar Pengerusi JKKK sebanyak RM350.00 sebulan, Setiausaha RM250.00 sebulan berbanding dengan bayaran RM600.00 atau RM500.00 sebelum ini dan saya rasa mungkin JKKKP mungkin lagi tinggi sekarang dan juga memberikan penganugerahan pingat dan bintang berdasarkan sumbangan masyarakat atau prestasi pencapaian dan bukannya latar belakang politik di mana buat pertama kalinya tidak ada seorang Ahli EXCO, tidak ada seorang

ADUN malah tidak ada seorang Ahli Majlis Kerajaan Tempatan menerima pingat Dato', DJN dan sebagainya yang menyebabkan bilangan dikurangkan daripada 82 Dato'-Dato' pada tahun 2007 kepada 38 pada tahun 2008 dan di samping itu bantuan secara langsung diberikan oleh kerajaan negeri adalah memastikan dalam masa 24 jam untuk semua mangsa bencana mesti mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan iaitu dalam tempoh 24 jam selepas bencana api, air atau apa-apa berlaku dan juga pembelian rebat RM5.00 hingga RM10.00 sebulan untuk rumah beribadat yang akan memakan belanja RM64 ribu setahun dan juga pemberian RM100.00 menerusi rebat air menerusi semua keluarga yang dalam kelas menengah atau dalam pendapatan sederhana yang akan memberikan manfaat kepada hampir 170 ribu buah harga yang memakan belanja RM17 juta. Oleh kerana masa yang suntuk saya akan hentikan di situ dan ucapkan terima kasih kepada Y. B. Seberang Jaya kerana berikan bola tanggung untuk tunjukkan kelebihan Kerajaan Pakatan Rakyat ...(tepukan), Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Nak bahas tidak boleh dah, masa tidak ada.

Y.B. Tuan Speaker :

Ahli-Ahli Yang Berhormat, 3 jam untuk soalan lisan sudah tamat. Bagi soalan yang tidak sempat dijawab diminta Y.A.B. Ketua Menteri memberi jawapan secara bertulis kepada Ahli yang bertanya selaras dengan sub peraturan 26(7) peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Setiausaha:

Soalan Bertulis

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Tuan Speaker, jawapan-jawapan kepada soalan-soalan bertulis akan dibentang atas meja Ahli-ahli yang bertanya dan akan dimasukkan dalam penyata rasmi persidangan.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula pada hari Selasa 21 April jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.15 petang.

JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

15. Jikalau *"Freedom of Information Act"* tidak dapat digubal di peringkat Dewan Undangan Negeri maka bolehkah atau adakah satu *"Freedom of Information Guidelines/Directives"* diperkenalkan oleh Kerajaan Pulau Pinang untuk mempertingkatkan nilai konsep CAT supaya hasrat menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai satu bandar raya antarabangsa (*international city*) dapat dicapai? Nyatakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Jawatankuasa Kebebasan Maklumat telah mengadakan beberapa inisiatif dan perjumpaan dengan pelbagai pihak bagi mendapatkan pendapat dan pandangan orang ramai tentang kebebasan maklumat sebelum *"Freedom of Information Act"* dikuatkuasakan. Antara pihak-pihak yang terlibat di dalam sesi perjumpaan tersebut termasuklah pihak media, badan-badan bukan kerajaan dan ahli-ahli akademik. Tujuan perjumpaan tersebut adalah bagi membincangkan kesesuaian dan keberkesanan *"Freedom of Information Act"* sekiranya dikuatkuasakan di Pulau Pinang.

    Walau bagaimanapun, sebelum keputusan untuk menguatkuasakan *"Freedom of Information Act"* dilaksanakan, beberapa perkara perlu dikaji dengan teliti dan perlu dibuat penilaian secara berperingkat. Sebagai permulaan, kerajaan negeri telah membuat beberapa penambahbaikan terhadap kebebasan maklumat, contohnya mewujudkan ruangan khas di dalam Tabloid Suara Rakyat yang membolehkan rakyat mengemukakan pendapat, kritikan dan cadangan serta membuat siaran langsung (*Web Streaming*) persidangan Dewan Undangan Negeri.

    Justeru itu, penguatkuasaan *"Freedom of Information Act",* akan diputuskan selepas pelaksanaan beberapa inisiatif dan kesan daripada pelaksanaan tersebut dikaji dengan teliti.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato` Syed Ahmad):

16. Dalam Projek Pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang, adakah kerajaan negeri telah menentukan tempat untuk pembuangan selut (*mud*)?

    (a) Apakah tindakan yang akan diambil terhadap pihak kontraktor yang tidak akur seperti tindakan kontraktor membuang selut (*mud*) di kawasan penangkapan ikan nelayan pantai?

    (b) Jabatan manakah yang bertanggungjawab untuk memantau aktiviti-aktiviti sedemikian?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Tapak pelupusan selut bagi Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri pada kedudukan 9 batu nautika di Barat Daya Pulau Kendi dengan lokasi sebenarnya di dalam latitud dan longitud seperti berikut :

    (i) Latitud 5 darjah 10 minit Utara; Longitud 100 darjah minit Timur;

    (ii) Latitud 5 darjah 10 minit Utara; Longitud 100 darjah 4 minit Timur;

    (iii). Latitud 5 darjah 9 minit Utara; Longitud 100 darjah 4 minit Timur; dan

    (iv). Latitud 5 darjah 9 minit Utara; Longitud 100 darjah 2 minit Timur;

(a) Sehingga kini, Pemaju / kontraktor bertanggungjawab yang menjalankan kerja pengerukan, pengangkutan dan pelupusan selut tersebut mematuhi syarat-syarat kelulusan yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang. Sekiranya pemaju gagal mematuhi syarat Jabatan Alam Sekitar, arahan memberhentikan operasi boleh dikeluarkan dan seluruh operasi dihentikan. Selain itu, pihak kontraktor berkenaan juga boleh dikenakan tindakan membayar ganti rugi ke atas kerosakan alam sekitar dan aktiviti nelayan yang terjejas. Sehingga kini pihak pemaju/ kontraktor projek mematuhi syarat-syarat tersebut dan memasang sistem pemantauan pengurusan selut atau Automatic Identification System (AIS). Alat-alat ini dihubungkan melalui komputer secara *online* di antara Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang dan kapal-kapal *(barges)* kontraktor berkenaan. Makluman juga dibuat melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) secara terus kepada telefon bimbit pegawai-pegawai terlibat dan Pengarah Jabatan Alam Sekitar. Setakat ini pihak Jabatan Alam Sekitar yang melaporkan sistem pemantauan ini secara *online* melalui komputer tidak ada mengenakan sebarang tindakan terhadap pemaju terlibat.

(b) Sebelum memulakan sebarang kerja pengerukan, pengangkutan dan pelupusan selut, mana-mana kontraktor terlibat perlu terlebih dahulu mendapatkan kelulusan dari Jabatan Laut Semenanjung Malaysia, Jabatan Perikanan, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Polis Marin dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) manakala Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sebagai agensi yang berperanan memantau aktiviti tersebut. Satu Jawatankuasa Teknikal Khas Pelupusan Selut Pulau Pinang juga telah ditubuhkan yang terdiri daripada jabatan-jabatan tersebut.

Ahli Kawasan Sungai Bakap(Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

17. (a) Apakah langkah persediaan kerajaan negeri bagi membantu mereka yang terlibat dalam pembuangan pekerja dan pengurangan pendapatan akibat penjadualan masa kerja?

(b) Sehingga kini, berapa buah kilang yang telah mengurangkan pekerja dan berapa ramaikah pekerja yang terlibat?

(c) Apakah nisbah di antara pekerja tempatan dan asing yang terlibat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Kerajaan negeri telah mengambil beberapa langkah persediaan bagi membantu mereka yang terlibat dalam pembuangan kerja kesan daripada kemelesetan ekonomi global. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri ialah :

(i) Meluluskan dana berjumlah RM10 juta bagi mengurangkan kesan krisis ekonomi dengan menyediakan penempatan pekerjaan sementara serta latihan dan peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur;

(ii) Menubuhkan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang (*Penang Career Assistance and Training Centre* [CAT]). Pusat CAT ini telah dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri pada bulan Mac 2009; dan

(iii) Pusat CAT ini bertanggungjawab untuk menghubungkan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari pekerjaan dengan peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan pusat CAT, mengenal pasti program latihan yang bersesuaian dan bekerjasama dengan ahli-ahli pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan.

Sehingga 24 Mac 2009, seramai 851 orang telah berdaftar dengan pusat CAT. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 2,683 kekosongan jawatan turut didaftarkan dengan pusat ini. Kebanyakan jawatan-jawatan kosong ini adalah untuk sektor perkilangan. Lanjutan dari itu, seramai 471 pendaftar yang berkelayakan telah dihubungkan ke syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka.

Selain itu, kerajaan negeri juga telah mengambil langkah-langkah berikut bagi membantu mereka yang terlibat dalam pembuangan kerja akibat dari kemelesetan ekonomi :

(i) Menawarkan Program Bimbingan EKS. Program ini disokong oleh SMIDEC dan dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC). Program ini memberi bimbingan dan pemonitoran perniagaan kepada mereka yang ingin memulakan Syarikat Enterprise Kecil Sederhana (EKS) di samping meningkatkan daya saing syarikat-syarikat EKS ini;

(ii) Menawarkan Program Intervensi EKS di mana kemahiran teknologi maklumat, penekanan kepada budaya berdaya kualiti dan pengurusan perniagaan yang berkesan diberi fokus di bawah program ini untuk memperkembangkan EKS tempatan;

(iii) Menubuhkan Pusat Latihan dan Reka Bentuk Barangan Kemas untuk meningkatkan kualiti pembuatan barangan kemas bagi mereka yang berminat untuk menyertai bidang ini melalui infrastruktur perisian;

(iv) Mengadakan seminar dan dialog kepada mereka yang ingin memulakan syarikat EKS yang memberi fokus kepada strategi dan langkah-langkah untuk maju dalam perniagaan; dan

(v) Selain itu, kerajaan negeri juga telah mengambil inisiatif untuk mengadakan dialog antara institusi-institusi kewangan, badan-badan kerajaan dan syarikat-syarikat EKS untuk membuka jalan perundingan bagi mereka yang memerlukan bantuan kewangan dan modal perniagaan.

(b) Menurut maklumat yang diperoleh daripada Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang, sehingga bulan Mac 2009, sebanyak 32 buah kilang telah terlibat dengan pemberhentian pekerja melibatkan 1,547 orang pekerja. 821 orang adalah pekerja warga tempatan manakala 726 lagi adalah pekerja warga asing.

(c) Nisbah antara pekerja kilang tempatan dan pekerja warga asing ialah 1:1.1.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

18. Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat telah memerintah Negeri Pulau Pinang selama setahun dan sambutan meraikan Ulang Tahun Pertama Pemerintahan telah diadakan pada 8.3.2009 yang lalu. Apakah projek pembangunan atau prasarana yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat bagi membangunkan Negeri Pulau Pinang sepanjang tempoh tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Kerajaan negeri pada tahun 2008 telah menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM162,527,330.00 yang digunakan untuk projek pembangunan dan penyediaan prasarana dan kemudahan kepada rakyat Pulau Pinang. Ianya turut meliputi peruntukan kepada 9 jabatan kerajaan iaitu:-

(a) Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri;

(b) Jabatan Pengairan dan Saliran;

(c) Jabatan Perhutanan;

(d) Jabatan Taman Botani;

(e) Jabatan Kerja Raya;

(f) Jabatan Agama Islam Pulau Pinang;

(g) Jabatan Kewangan Negeri;

(h) Jabatan Perkhidmatan Veterinar; dan

(i) Jabatan Pertanian.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM151,943,975.11 atau 93.49% telah digunakan untuk penyediaan prasarana di KADUN-KADUN yang terlibat. Baki peruntukan yang tidak dibelanjakan adalah sebanyak RM10,583,354.89 atau 6.51% peratus sahaja.

Kesemua 40 KADUN Negeri Pulau Pinang telah mendapat manfaat daripada jumlah perbelanjaan yang digunakan pada tahun 2008 dalam menaikkan taraf pembangunan dan penyediaan infrastruktur di kawasan masing-masing. Senarai projek pembangunan/prasarana yang telah dilaksanakan akan dikemukakan kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah binti Wahab):

19. Berapa ramaikah ibu tunggal yang termasuk dalam kelompok keluarga miskin tegar? Sila jelaskan bilangannya mengikut daerah, keturunan dan tanggungannya dan apakah bentuk bantuan yang dihulurkan oleh kerajaan negeri dan apakah sumber pendapatan yang dijana sendiri dan jumlahnya setiap bulan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Di Pulau Pinang, terdapat seramai 728 golongan miskin tegar dan daripada jumlah itu, seramai 283 orang ketua isi rumah adalah terdiri daripada ibu tunggal. Pecahan ibu tunggal mengikut daerah, keturunan dan tanggungannya adalah seperti di Jadual di bawah yang akan diletakan di atas meja Yang Berhormat.

Pada bulan Mac 2009, sumbangan kewangan telah pun disalurkan kepada semua bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) ini bagi memastikan mereka terkeluar daripada garis kemiskinan. Kerajaan negeri bercadang untuk meneruskan bantuan kewangan ini pada setiap bulan agar golongan ini dapat meneruskan *survival* hidup seterusnya memperbaiki taraf kehidupan mereka. Selain itu, kerajaan negeri juga berusaha mengadakan pelbagai program bagi membuka ruang serta peluang kepada mereka agar mampu menjana ekonomi sendiri dalam bidang pertanian, perniagaan dan sebagainya.

Bagi golongan ini, antara sumber pendapatan yang mampu dijana sendiri adalah seperti berniaga kecil-kecilan, mengasuh kanak-kanak, dan tidak kurang juga yang mendapat bantuan daripada agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pusat Urus Zakat (PUZ) dan juga Jabatan Pelajaran (JP).

JADUAL

BILANGAN IBU TUNGGAL DAN TANGGUNGAN MENGIKUT BANGSA DAN DAERAH

Daerah	Melayu		Cina		India		Jumlah
	Ibu Tunggal	Tanggungan	Ibu Tunggal	Tanggungan	Ibu Tunggal	Tanggungan	
SPS	13	27	0	0	4	12	**56**
SPT	68	125	7	12	11	9	**232**
SPU	101	61	0	0	2	10	**174**
DTL	19	15	1	2	1	2	**40**
DBD	52	78	4	2	0	0	**136**
JUMLAH	**53**	**306**	**12**	**16**	**18**	**33**	
JUMLAH KESELURUHAN			**638**				

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin):

20. Sila nyatakan jumlah projek dan bilangan unit bagi semua blok perumahan kos rendah serta kos sederhana di seluruh Negeri Pulau Pinang secara am dan di KADUN Paya Terubong secara khususnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Mengikut rekod yang diterima dari Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), dari tahun 2005 sehingga kini secara amnya, terdapat 51 projek dengan bilangan unit sebanyak 10,553 bagi rumah kos rendah dan 24 projek dengan bilangan unit sebanyak 8,713 bagi rumah kos sederhana rendah bagi seluruh Negeri Pulau Pinang.

    Bagi KADUN Paya Terubong, mengikut rekod yang diterima dari MPPP, terdapat 2,450 unit rumah kos sederhana rendah dan 490 unit rumah kos rendah telah di bina dari tahun 2005 hingga Mac 2009. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak 2,940 unit.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

21. Berapakah penguncupan ekonomi Pulau Pinang pada tahun 2008 dan berapakah unjuran pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang pada tahun 2009? Bagaimanakah kerajaan negeri akan bertindak untuk mengatasi masalah ekonomi yang melanda sekarang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang pada tahun 2008 dianggar pada kadar 3.3%, menguncup sebanyak 3.7% berbanding tahun sebelumnya. Manakala bagi tahun 2009 pula, ekonomi Negeri Pulau Pinang di unjur menguncup sebanyak 0.3% selaras dengan unjuran terkini pertumbuhan ekonomi Negara bagi tahun 2009 yang dijangka berkembang antara -1.0% hingga 1.0%. Bagi mengatasi masalah ekonomi yang melanda sekarang, kerajaan negeri sedang dan terus mengambil beberapa langkah-langkah yang bakal mempercepatkan proses pemulihan ekonomi. Antara langkah-langkah yang sedang dijalankan ialah dengan menawarkan insentif-insentif untuk menggalakkan pelaburan asing. Ini termasuk menawarkan Skim Harga Tanah Perindustrian Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang kompetitif kepada pelabur asing yang ingin melabur dalam projek-projek strategik di negeri ini.

    Selain itu, Kerajaan negeri turut menawarkan fleksibiliti dalam skim pembayaran bagi tanah perindustrian PDC untuk membantu industri tempatan yang sedang menghadapi masalah dalam pemasaran dan operasi perniagaan mereka. Pemberian diskaun untuk pembayaran cukai tanah dan caj air sepanjang tempoh kemelesetan ekonomi juga dijangka dapat membantu mengatasi kesan kemelesetan ekonomi. Kerajaan negeri akan bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan pakej insentif istimewa seperti "*Matching Grant*", "*Soft Loan*" dan "*Industrial Building Subsidy*" untuk terus menggalakkan pelaburan asing di negeri ini di samping membolehkan pihak ketiga membeli tanah industri dan membangunkan bangunan industri.

    Pada masa yang sama kerajaan negeri juga mengambil beberapa usaha untuk memastikan pembangunan Enterprise Kecil dan Sederhana (EKS) tempatan tidak terjejas dengan kemelesetan ekonomi yang melanda dunia. Antara usaha-usaha kerajaan negeri ialah dengan mengadakan Program Bimbingan EKS. Program ini disokong oleh SMIDEC dan dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC). Program ini memberi bimbingan dan pemonitoran perniagaan kepada syarikat-syarikat EKS yang dikenal pasti bagi meningkatkan daya saing syarikat-syarikat EKS ini. Melalui Program Intervensi EKS pula, kemahiran teknologi maklumat, penekanan kepada budaya berdaya kualiti dan pengurusan perniagaan yang berkesan akan diberi fokus di bawah program ini untuk memperkembangkan EKS tempatan.

    Kerajaan negeri turut menubuhkan Pusat Latihan dan Reka Bentuk Barangan Kemas yang ditubuhkan khas untuk meningkatkan kualiti industri pembuatan barangan kemas melalui infrastruktur perisian.

Selain itu, kerajaan negeri juga mengadakan seminar dan dialog kepada EKS untuk memberi fokus kepada strategi dan langkah-langkah untuk mengatasi krisis kemelesetan ekonomi.

Kerajaan negeri bercadang memulihkan klaster-klaster industri yang sedia ada seperti PAC (*Penang Automation Cluster*), SCoPe (*Software Consortium of Penang*), PRFC (*Penang Radio Frequency Cluster*) dan techBiz Penang bagi merealisasikan hasrat kerajaan negeri untuk mewujudkan ekonomi mampan bagi Pulau Pinang.

Kerajaan negeri turut mengadakan dialog dengan institusi-institusi kewangan, badan-badan kerajaan dan EKS ekoran dari kesulitan beberapa EKS untuk memperoleh bantuan kewangan. Kerajaan negeri telah mengambil inisiatif ini untuk membuka jalan perundingan bagi menjamin dana.

Dalam menghadapi krisis ekonomi, kerajaan negeri telah mengambil langkah pro-aktif untuk mengurangkan kesan pengangguran yang dijangka akan berlaku di negeri ini. Semasa pembentangan Bajet 2009 dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada bulan November lalu, kerajaan negeri telah mencadangkan dana sejumlah RM10 juta bagi tujuan mengurangkan kesan krisis ekonomi dengan menyediakan pekerjaan, pekerjaan sementara, peluang latihan serta peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur.

Pada bulan Januari 2009, kerajaan negeri telah mengumumkan penubuhan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang (*Penang Career Assistance and Training Centre* [CAT]) yang telah dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri pada bulan Mac 2009. Pusat CAT ini bertanggungjawab memadankan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta para penganggur dengan peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan pusat CAT. Di samping itu, Pusat CAT ini juga memadankan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta penganggur dengan program latihan yang bersesuaian selain bekerjasama dengan ahli-ahli pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan kepada golongan berkenaan. Pusat CAT diuruskan oleh *invest*Penang dengan sokongan daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP). Sehingga 24 Mac 2009, seramai 851 orang telah berdaftar dengan pusat CAT. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 2,683 jawatan kosong telah didaftar dengan pusat ini. Kebanyakan jawatan kosong ini ialah untuk sektor perkilangan. Lanjutan daripada itu, seramai 471 pendaftar yang berkelayakan telah dipadankan dengan jawatan kosong daripada syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

22. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk membaik pulih jeti nelayan di Tanjung Berembang tetapi sehingga sekarang jeti tersebut belum di baik pulih. Bilakah sebenarnya kerja membaik pulih akan dilaksanakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Kerja membaik pulih jeti nelayan Tanjung Berembang dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) sebagai Agensi Pelaksana. Sebut harga bagi kerja-kerja pembaikan telah pun dipanggil dan kerja-kerja tersebut bermula pada akhir bulan April 2009. Tempoh masa diberikan kepada pemborong untuk menyiapkan kerja ini adalah selama 2 bulan. Projek dijangka siap pada awal bulan Julai 2009.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

23. Apakah perancangan kerajaan negeri bagi mengatasi masalah pencemaran najis babi disebabkan oleh aktiviti penternakan babi di Kampung Selamat Tasek Gelugur.

    (a) Sila kemukakan pelan tindakan bagi mengatasi masalah tersebut.

(b) Sejauh mana kesan ekonomi dan kerugian yang dialami oleh pesawah padi di Tasek Gelugur khasnya akibat pencemaran tersebut.

(c) Apakah pandangan Mufti Kerajaan Negeri mengenai pencemaran najis babi kepada pesawah berkenaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Bagi mengatasi masalah pencemaran najis khinzir akibat aktiviti penternakan khinzir di Kampung Tasek Gelugor, kerajaan negeri telah menguatkuasakan peraturan keperluan mematuhi air lepasan ladang khinzir tidak melebihi BOD 50 ppm. Pemantauan ke atas ladang-ladang khinzir dilakukan setiap bulan. Semasa pemantauan dijalankan, sampel efluen akan diambil bagi menguji piawaian air lepasan. Kompaun dikeluarkan kepada penternak yang gagal mematuhi syarat air lepasan ladang.

(b) Di bawah program pengawalan pencemaran ternakan, kaedah yang dilaksanakan ialah:

(i) Projek Perintis Rumah Tertutup Khinzir di Kampung Selamat.

(ii) Penggalakan penggunaan Effective Microbes (EM) di ladang ternakan.

(iii) Pewujudan Pusat Memproses dan latihan EM.

(c) Mengikut Jabatan Pertanian, kesan daripada aktiviti penternakan khinzir di Kampung Selamat telah mencemarkan Sungai Kreh di Daerah Seberang Perai Utara. Akibatnya, kawasan tanaman padi di dalam skim Pokok Tampang dan skim Sungai Kreh mendapati antara 20 hingga 30 peratus dari keseluruhan kawasan skim Pokok Tampang dan skim Sungai Kreh di seluas 396 hektar tercemar dan memberi kesan ekonomi dan kerugian kepada pesawah. Kesan daripada aktiviti penternakan khinzir ini juga mengakibatkan kandungan nitrogen dalam tanah melebihi kandungan daripada keperluan tanaman padi menyebabkan pengurangan hasil di antara 10 hingga 20 peratus daripada potensi hasil padi di kawasan tersebut.

(d) Pandangan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang ialah:

Hasil siasatan dan pemantauan yang telah dijalankan, pihak Jabatan Mufti mendapati laluan air najis khinzir dari Kampung Selamat telah memasuki Sungai Kreh dan bercampur dengan air sungai tersebut, sebelum dipam untuk kegunaan sawah di sekitar Kampung Air Melintas Kecil, Kampung Tok Bedu dan Pokok Tampang, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara.

Dari segi hukum, air tersebut telah menjadi suci apabila bercampur dengan air Sungai Kreh yang banyak dan mengalir kerana telah hilang tiga sifat iaitu bau, rasa dan warna. Walau bagaimanapun, hasil daripada maklumat penduduk sekitar, apabila berlaku musim kemarau atau air sungai menjadi kurang, warna air tersebut akan bertukar menjadi sedikit hitam kerana bercampur air najis khinzir. Maka dalam keadaan yang kedua ini air tersebut tidak lagi suci.

Merujuk kepada hasil laporan yang telah dikemukakan oleh pihak Jabatan Pertanian, kesan daripada najis khinzir tersebut telah mencemarkan Sungai Kreh dan mengakibatkan kandungan nitrogen dalam tanah melebihi kandungan daripada keperluan nitrogen tanaman padi, seterusnya menyebabkan kekurangan hasil padi di antara 10 hingga 20 peratus.

Maka dengan itu, Jabatan Mufti berpandangan pencemaran tersebut adalah memudaratkan dan perlu diatasi. Hal ini adalah merujuk kepada Kaedah Feqh yang menggariskan keperluan kepada “Setiap kemudaratan perlu dihilangkan”, dan sabda Rasulullah S.A.W: “Tiada kemudaratan dan tidak boleh memudaratkan orang lain” (Hadis daripada Abu Said Al-Khudri, diriwayatkan oleh Ibnu Majah, Daruqutni dan Imam Malik.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Yb. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

24. Berapa pekerja kilang yang telah di berhenti kerja mengikut sektor dalam tahun 2008 sehingga hujung bulan Mac 2009 dan nyatakan berapakah jumlah pekerja tempatan dan pekerja asing?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Pulau Pinang, jumlah pekerja kilang yang diberhentikan bagi tahun 2008 adalah seramai 3,270 orang. Seramai 3,137 orang adalah warga tempatan manakala 133 orang adalah warga asing. Jumlah pemberhentian ini dilakukan oleh 64 majikan. Bagi tahun 2009 sehingga bulan Mac pula, seramai 1,547 orang terlibat dalam pembuangan kerja yang membabitkan 32 majikan. Seramai 821 orang adalah warga tempatan manakala selebihnya ialah warga asing (iaitu seramai 726 orang).

Jumlah pekerja kilang yang telah diberhentikan kerja mengikut sektor tidak diperolehi daripada Jabatan Tenaga Kerja Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, pecahan mengikut sektor industri adalah seperti berikut:-

Data pemberhentian pekerja warganegara dan pekerja warga asing mengikut pecahan sektor industri bagi tahun 2008 dan 2009.

JANUARI – DISEMBER 2008

		Tempatan		Asing		Jumlah		
Sektor	**Bil Majikan**	**L**	**P**	**L**	**P**	**Tempatan**	**Asing**	
Pembuatan	64	1363	1774	109	24	**3137**	**133**	
Perniagaan	31	239	193	31	0	432	31	
Perkhidmatan	30	268	108	0	3	376	3	
Pembinaan	5	27	2	5	0	29	5	
Pengangkutan	2	7	0	0	0	7	0	
JUMLAH	**132**	**1904**	**2077**	**145**	**27**	**3981**	**172**	**4153**

JANUARI – MAC 2009

		TEMPATAN		ASING		JUMLAH		
Sektor	**Bil Majikan**	**L**	**P**	**L**	**P**	**Tempatan**	**Asing**	
Pembuatan	32	301	520	96	630	**821**	**726**	
Perniagaan	15	12	18	0	0	30	0	
Perkhidmatan	8	51	24	4	0	75	4	
Pembinaan	2	9	5	0	0	14	0	
Pengangkutan	1	3	0	3	0	3	0	
JUMLAH	**58**	**376**	**567**	**103**	**630**	**943**	**730**	**1673**

- pecahan mengikut kaum tidak dapat disediakan hanya mengikut jantina.

(ii) **Bilangan dan nama kilang yang tutup pada tahun 2008 dan 2009.**

TAHUN 2008

BIL	NAMA KILANG
1	Lednium Sdn Bhd
2	Sincere Apparel (MFG) Co. Sdn Bhd.
3	BCL Packaging S/B
4	Sunrock Steel Centre (M) Sdn. Bhd
5	Seapack Food Sdn Bhd
6	E-Green Technology Sdn Bhd
7	BM Trans Services
8	Trim Technologies (M) Sdn Bhd
9	Sadasanwa Engineering (M) Sdn Bhd

TAHUN 2009 – TIADA

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

26. Sebagai tapak pelancongan yang utama di Pulau Pinang, apakah rancangan kerajaan terhadap Gurney Drive? Sila nyatakan rancangan jangka masa pendek, sederhana dan rancangan jangka masa panjang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Sehingga kini kerajaan negeri tiada rancangan jangka masa pendek, sederhana dan panjang yang dirancang oleh kerajaan negeri di kawasan Persiaran Gurney selain daripada memastikan kawasan tersebut sentiasa bersih dan indah sebagai tarikan pelancongan.

Jajaran monorel dan cadangan Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) turut dicadangkan berhampiran dengan kawasan Persiaran Gurney seperti yang terdapat dalam peta cadangan Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang 2020 (Pulau). Sekiranya projek PORR dilaksanakan, kawasan Pantai Persiaran Gurney akan dihubungi dengan pengangkutan awam (*rail*) yang moden serta pertambahan kawasan lapang dan rekreasi.

Di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020, Persiaran Gurney merupakan salah satu produk pelancongan yang dikenal pasti di Daerah Timur Laut di bawah kategori kebudayaan/makan. Kawasan ini juga terletak di bawah Koridor Pembangunan Utama iaitu di bawah dasar DSU4 KORIDOR PEMBANGUNAN UTAMA AKAN MEMBERI TUMPUAN KEPADA PEMBANGUNAN PERBANDARAN. Walau bagaimanapun dasar ini tidak menyatakan tentang rancangan jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

DSU4 L1 menetapkan pembangunan di Koridor Pembangunan Utama seperti berikut:-

Bahagian Pulau

Pembangunan di Koridor George Town – Tanjong Tokong akan memberi tumpuan kepada pembangunan pelancongan berasaskan pantai . Pembangunan yang dibenarkan di dalam koridor ini melibatkan pembangunan hotel, resort dan pangsapuri perkhidmatan, kediaman serta perniagaan yang menyokong pembangunan pelancongan, di samping menggalakkan pembangunan secara infil.

Di Bawah Dasar Ds15 Produk-Produk Pelancongan Dan Kualiti Perkhidmatan Akan Dipertingkatkan Selaras Dengan Piawaian Pelancongan Antarabangsa.

DS15 L3 membangun dan mempertingkatkan lagi Produk Pelancongan Pantai dengan cara :-

Mengenal pasti Zon Pelancongan Pantai Utara yang merangkumi Batu Feringhi, Teluk Bahang, Tanjung Bungah, Pantai Tanjung Tokong dan kereta kabel ke Bukit Bendera sebagai zon pelancongan pantai;

DS15 L7 mempromosikan Pulau Pinang sebagai Pusat Pelancongan Berasaskan Membeli Belah dan Makanan dengan cara :

Mempromosikan tarikan produk membeli belah dan makanan sebagai salah satu produk utama pelancongan negeri antaranya seperti di Penang Gold Bazar, Penang Road, Campbell Street, KOMTAR, Prangin Mall, Gurney Drive, Padang Kota, Little India dan lain-lain.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Yb. Tuan Lau Keng Ee):

27. Clans jetty" juga dikenali salah satu Tapak Warisan Dunia UNESCO. Akan tetapi masalah sistem pengairan dan sistem pencegah api di jeti tersebut di dapati membimbangkan dan tidak memuaskan. Apakah langkah-langkah atau sebarang rancangan yang akan diambil oleh kerajaan negeri untuk menangani masalah tersebut? Jika ada, sila huraikan rancangan. Jika tiada, mengapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Di dalam Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) 2020 (DRTPPp), kawasan Clan Jetty dizonkan sebagai Zon Warisan. Dengan mengekalkan kawasan tersebut sebagai salah satu Tapak Warisan Dunia kedatangan pelancong ke sini akan dapat dipertingkatkan.

Di antara langkah-langkah dan rancangan yang akan diambil oleh kerajaan negeri untuk menangani masalah sistem pengairan dan kebersihan di jeti, tindakan yang dilakukan adalah melibatkan kutipan sampah di mana perkhidmatan kutipan sampah dijalankan tiap-tiap hari termasuk hari Ahad oleh Syarikat Hayara Sdn. Bhd. iaitu kontraktor yang dilantik oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP). Manakala sampah-sampah laut dibersihkan oleh Persatuan Nelayan Negeri Pulau Pinang (Pen. Mutiara).

Sementara itu, bagi mencegah kebakaran, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang telah merancang dan mempunyai pelan kecemasan bagi menangani sebarang kebakaran dan kemalangan yang berlaku di jeti seperti berikut:

(a) Pasukan penyelamat Pertama yang melibatkan Balai Bomba dan Penyelamat Lebuh Pantai Dan Butterworth adalah balai bomba yang terdekat dengan kedua-dua jeti. Jarak Balai Bomba dan Penyelamat Butterworth ke Jeti Sultan Abd. Halim sejauh 500 meter dengan masa yang diambil untuk sampai ke jeti adalah 2 minit pada waktu puncak. Jarak Balai Bomba dan Penyelamat Lebuh Pantai ke Jeti Pangkalan Raja Uda atau Weld Quay juga sejauh 500 meter dengan masa yang diambil untuk sampai ke jeti adalah 2 minit.

(i) Pelan Tindakan Kecemasan dibuat oleh balai kawasan jagaan iaitu Balai Bomba dan Penyelamat Lebuh Pantai dan Butterworth bagi kawasan jeti yang mengandungi maklumat berikut:

(a) Jarak, masa dan laluan balai-balai bomba yang terdekat dengan kawasan jeti untuk sampai ke jeti jika berlaku kecemasan.

(b) Senarai dan kedudukan sistem kebombaan yang terdapat di bangunan jeti yang boleh digunakan oleh pekerja dan pengguna jeti semasa berlaku kecemasan. (Lokasi pili bomba dan akses jentera bomba)

(c) Cara dan teknik yang akan digunakan semasa melaksanakan kerja-kerja pemadaman kebakaran dan penyelamatan, serta bilangan jentera dan anggota yang mungkin terlibat.

(d) Kajian risiko-risiko yang mungkin berlaku dan cara bertindak.

(e) Masalah yang mungkin dihadapi dan cara mengatasinya.

(f) Nombor telefon dan alamat agensi bantuan yang lain untuk dihubungi.

Pelan ini sentiasa dikemas kini maklumat di dalamnya pada setiap tahun bagi memastikan tidak berlaku sebarang kelemahan semasa operasi. Untuk makluman, kelengkapan peralatan kebombaan yang disyaratkan untuk diadakan di dalam bangunan di kedua-dua jeti adalah sistem pasif sahaja.

(ii) Memastikan sumber air yang mencukupi di mana Bomba tidak menghadapi masalah berkaitan dengan punca bekalan air kerana boleh menggunakan air laut dan 4 unit pili bomba yang terdapat di dalam kawasan jeti. Pemeriksaan dan penyelenggaraan pili bomba sentiasa dijalankan oleh Unit Pili Bomba Balai bagi memastikan airnya dapat digunakan semasa kecemasan.

iii) Jabatan Bomba juga mempunyai kelengkapan menyelamat di air seperti Unit SCUBA dan Unit Bot Dolphin.

(a) Unit SCUBA - ditempatkan di bawah pengurusan Balai Bomba Perai di mana kekuatan anggota seramai 18 orang yang dilatih khas dalam bidang ini.

(b) Unit Bot Dolphin dan Kevler (berkuasa tinggi) - ditempatkan di bawah seliaan bahagian Operasi Negeri dan akan diaktifkan sekiranya terdapat kemalangan besar di kawasan perairan Selat Melaka khususnya Negeri Pulau Pinang dan juga kawasan yang berdekatan.

(c) Unit Jet Ski/ Bot-bot kecil - bertindak segera berdasarkan kemalangan di air dan ditempatkan di Balai Bomba Bagan Jermal, manakala Unit-unit bot kecil ditempatkan di kedua-dua belah bahagian Pulau dan Tanah Besar iaitu di balai-balai bomba yang strategik bagi mengawal kemalangan yang berlaku di sekitar negeri Pulau Pinang. Setiap anggota yang mengendalikan unit-unit ini telah mendapat pendedahan dan latihan yang baik/khas dalam bidang berkaitan.

(iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sedang membina pangkalan udara bagi mewujudkan Unit Bantuan Udara, Zon Utara iaitu di Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang yang hampir siap sepenuhnya dan dijangka akan mula beroperasi pada awal Julai 2009.

(a) Unit SCUBA - ditempatkan di bawah pengurusan Balai Bomba Perai di mana kekuatan anggota seramai 18 orang yang dilatih khas dalam bidang ini.

(b) Unit Bot Dolphin dan Kevler (berkuasa tinggi) - ditempatkan di bawah seliaan bahagian Operasi Negeri dan akan diaktifkan sekiranya terdapat kemalangan besar di kawasan perairan Selat Melaka khususnya Negeri Pulau Pinang dan juga kawasan yang berdekatan.

(c) Unit Jet Ski/ Bot-bot kecil - bertindak segera berdasarkan kemalangan di air dan ditempatkan di Balai Bomba Bagan Jermal, manakala Unit-unit bot kecil ditempatkan di kedua-dua belah bahagian Pulau dan Tanah Besar iaitu di balai-balai bomba yang strategik bagi mengawal kemalangan yang berlaku di sekitar negeri Pulau Pinang. Setiap anggota yang mengendalikan unit-unit ini telah mendapat pendedahan dan latihan yang baik/khas dalam bidang berkaitan.

(v) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sedang membina pangkalan udara bagi mewujudkan Unit Bantuan Udara, Zon Utara iaitu di Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang yang hampir siap sepenuhnya dan dijangka akan mula beroperasi pada awal Julai 2009.

Selain dari itu, rancangan untuk memperbaiki Sistem Pengairan tetap diutamakan. Saliran dari aliran hujan dari bumbung binaan-binaan di “Clans jetty” tidak mendatangkan pencemaran kepada air laut. Apa yang dibimbangkan adalah masalah pembetungan atau air basuhan yang tidak dibenarkan sama sekali dilepaskan ke laut.

Sehubungan dengan itu setiap pembangunan yang akan dan telah dilaksanakan di kawasan tersebut disyaratkan untuk membuat sambungan pembetungan ke daratan melalui sistem paip dan disambungkan ke sistem pembetungan sedia ada. Pada masa kini, keutamaan Jabatan Pembetungan untuk membuat demikian bagi ”clans jetty” adalah rendah memandangkan peruntukan adalah terhad serta kawasan jeti ini dihuni oleh lebih kurang 50 keluarga sahaja.

Walau bagaimanapun, ADUN kawasan ini disarankan untuk memohon secara rasmi kepada Jabatan Perkhidmatan Pembetungan dan memberi justifikasi kenapa kawasan ini perlu disegerakan kerja penyambungan pembetungan ke sistem sedia ada.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Yb. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

27. Nyatakan syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang dikenakan terhadap setiap projek perumahan dari segi syarat pembinaan rumah-rumah ibadat Islam dan bukan Islam seperti yang digazet dalam Rancangan Struktur Negeri dan Pelan-Tempatan. Senaraikan jumlah projek perumahan sekiranya ada dan telah diberikan pengecualian daripada syarat-syarat tersebut terutama syarat membina rumah ibadat Islam dan jelaskan sebab-sebab mulai dari April 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (a) Rancangan Struktur Negeri telah mengenakan syarat dan peraturan iaitu setiap projek perumahan berkaitan dengan pembinaan rumah-rumah ibadat di bawah dasar DS42 (Penyediaan Kemudahan Keagamaan Yang Terancang Dan Mencukupi Akan Disediakan Selaras Dengan Peningkatan Penduduk dan Keperluan Piawaian Perancangan) perlu mematuhi:-

(i) 0.1 mp ruang tanah tapak surau bagi setiap penduduk

(ii) 0.1 mp ruang tanah untuk tempat ibadat agama lain.

Bagi menentukan keperluan tempat ibadat orang Islam pula, setiap skim perumahan yang melebihi 5 unit akan dirujuk kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) untuk diberi ulasan mengenai keperluan tersebut.

Manakala bagi keperluan rumah ibadat bukan Islam, ianya akan ditentukan berdasarkan garis panduan iaitu satu tapak ibadat bukan Islam diperlukan bagi setiap 2600 penduduk bukan Islam atau 5000 orang penduduk.

Kerajaan negeri boleh meluluskan cadangan pemajuan tanpa penyediaan kemudahan masyarakat, jikalau dibuat bayaran sumbangan kewangan oleh pemaju, iaitu bagi kes-kes berikut di mana:

(i) Tapak yang sesuai untuk kemudahan-kemudahan masyarakat tidak dapat disediakan secara fizikal pada keseluruhannya atau sebahagian disebabkan kawasan tanah yang tidak baik atau sebab-sebab lain.

(ii) Cadangan pemajuan adalah terlalu kecil untuk membolehkannya memenuhi had minimum kawasan keluasan tanah atau keluasan bangunan yang perlu diperuntukkan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan masyarakat.

Jumlah sumbangan kewangan bergantung kepada jumlah keluasan tanah yang diperlukan untuk setiap kemudahan masyarakat.

(b) Senarai projek perumahan yang diberi pengecualian pembinaan surau mulai April 2008 adalah seperti di Lampiran yang akan di letakan di atas meja Yang Berhormat.

LAMPIRAN

SENARAI PROJEK PERUMAHAN DI SEBERANG PERAI YANG DIBERI PENGECUALIAN PEMBINAAN SURAU OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

BIL	NAMA PEMAJU	LOKASI	SYARAT MAINPP
1	Tetuan Asia Green Properties Sdn. Bhd	Jalan Ara, Raja Uda SPU	Pemaju dikehendaki membayar sumbangan sebanyak RM 54,120.00 kepada MAIPP sebagai ganti tidak membina bangunan surau dan membayar wang sumbangan bagi pengecualian penyediaan tapak surau (4,520 kp) berdasarkan nilai semasa
2	Tetuan Desa Temamaju Sdn.Bhd	Bandar Putra Bertam, Kepala Batas SPU	Pemaju perlu sedia tapak surau dengan keluasan sekurang-kurangnya 4,520kp dan menjelaskan wang sumbangan sebanyak RM 54,108 sebagai gantian pengecualian daripada membina bangunan surau
3	Tetuan Profile Index Sdn.Bhd.	Berhadapan Megamall Jln. Baru Perai SPT	Pihak pemaju dikehendaki membayar wang sumbangan sebanyak RM60,120.00 sebagai gantian tidak membina surau
4	Tetuan Bermojaya Sdn.Bhd	Taman Alma SPT	Pihak pemaju dikehendaki membayar wang sumbangan sebanyak RM54,120.00 sebagai gantian tidak menyediakan tapak dan membina bangunan surau
5	Tetuan GIM Standard Sdn.Bhd	Alma SPT	Pihak pemaju dikehendaki membayar wang sumbangan sebanyak RM49,000.00 sebagai gantian tidak membina surau dan membayar sumbangan sebanyak RM 126,000.00 sebagai gantian pengecualian penyediaan tapak surau
6	Tetuan Billion Scale Sdn.Bhd	Berdekatan Taman Kota Permai SPT	Pihak pemaju dikehendaki membayar wang sumbangan sebanyak RM54,120.00 sebagai gantian tidak membina surau dan membayar sumbangan sebanyak RM 117,520.00 sebagai gantian pengecualian penyediaan tapak surau
7	Tetuan Ivory Horizon	Juru SPT	Pihak pemaju dikehendaki membayar wang sumbangan sebanyak RM60,120.00 sebagai gantian tidak membina surau dan membayar sumbangan sebanyak RM 158,200.00 sebagai gantian pengecualian penyediaan tapak surau

Nota : MPSP tidak mempunyai maklumat mengenai alasan-alasan ke atas rayuan pengecualian tersebut kerana rayuan berkaitan dipohon secara terus oleh pemaju kepada MAINPP

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam):

28. (a) Kenapakah lesen penjaja-penjaja dibekukan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) oleh kerajaan lama?

(b) Apakah kriteria untuk memperolehi lesen tersebut?

(c) Berapakah jumlah penjaja tanpa lesen di Daerah Timur Laut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) tidak pernah membekukan lesen penjaja-penjaja. Walau bagaimanapun, hanya Lesen Penjaja Beredar sahaja dibekukan sejak tahun 90-an. Ini adalah bertujuan untuk mengurangkan penjaja-penjaja beredar di atas jalan dan menggalakkan mereka berniaga dalam pasar-pasar awam, kompleks-kompleks dan Tapak Penjaja Sementara yang disediakan oleh MPPP.

MPPP telah mengeluarkan beberapa jenis lesen seperti berikut:-

(i) Lesen Penjaja Statik Sementara;

(ii) Lesen Gerai Kompleks/Pasar/Tapak Penjaja Sementara (TPS);

(iii) Lesen Gerai Di Atas Tanah Prebet; dan

(iv) Lesen Penjaja Bermusim (Pasar Ramadhan, Tahun Baru Cina, Thaipusam, "Kew Ong Yeah", Buah-buahan Bermusim, Jualan Penghabisan Stok/Promosi).

(b) Kriteria-kriteria untuk memperoleh lesen adalah seperti berikut:

(i) Warganegara Malaysia yang bermastautin di Negeri Pulau Pinang;

(ii) Pemohon hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun;

(iii) Dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan, jika perlu; dan

(iv) Mematuhi Undang-undang Kecil Penjaja MPPP 1979, Undang-undang Kecil Pasar MPPP 1980 dan Undang-undang Kecil Pengendali Makanan MPPP 1983 serta Undang-undang Kecil MPPP yang berkaitan.

(c) Jumlah penjaja tanpa lesen di Daerah Timur Laut adalah sebanyak 2,461 orang.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan A/L Autherapady):

29. Apakah langkah-langkah yang telah diambil atau dirancangkan oleh kerajaan negeri untuk membawa atau menarik lebih banyak pelancong ke Pulau Pinang pada tahun 2009 bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama di Malaysia.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk menarik lebih banyak pelancong ke Pulau Pinang dan menjadikannya sebagai destinasi pelancongan utama di Malaysia adalah seperti berikut:

(a) Merancang pelbagai promosi dan juga publisiti. Misalnya bekerjasama dengan syarikat penerbangan antarabangsa, hotel-hotel dan agensi-agensi pelancongan bagi mewujudkan penjualan pakej-pakej istimewa kepada MICE seperti mengadakan penerbangan tambang murah terus ke Pulau Pinang. Promosi-promosi ini juga boleh disalurkan melalui media, Internet, hotel-hotel dan sebagainya;

SENARAI AHLI JKKK NEGERI PULAU PINANG PENGGAL 2008
DAERAH:SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

DAERAH : SEBERANG PERAI UTARA
JKKK : ALOR MERAH

BIL:	NAMA / NO. K/P:	PEKERJAAN	TARIKH LAHIR	ALAMAT	JAWATAN	NO TELEFON
1	MANSOR BIN NORDIN NO. K/P : 510301-07-5317		01.03.1951	1174 SG LOKAN, SG DUA 13800 BUTTERWORTH	PENGERUSI	019-4772069
2	NORSHAM BIN HUSSAIN NO. K/P : 750722-07-5155		22.07.1975	1262 SG LOKAN, SG DUA 13800 BUTTERWORTH	SETIAUSAHA	019-4755863
3	MOHAMAD KAMAL BIN ABDULLAH NO. K/P : 530408-03-5329		08.04.1953	1020 SG LOKAN, SG DUA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	04-3563920
4	ZAMRI BIN MOHAMED NO. K/P : 660501-07-5689		01.05.1966	1194 PMTG CHE TAK SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	016-4417577
5	MOHAMAD BASRI BIN AZIZ NO. K/P : 750121-02-5363		21.01.1975	TBP 2533 SG LOKAN SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	019-5035616
6	ZAKARIA BIN HAMZAH NO. K/P : 660506-02-5891		06.05.1966	TBP 6648 SG LOKAN SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	013-5010611
7	OMAR BIN JAB NO. K/P : 510113-07-5413		13.01.1951	TBP 6141 ALOR MERAH SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	012-4923408
8	MOHD AKHIR BIN REJAB NO. K/P : 520330-07-5419		30.03.1952	827 ALOR MERAH SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	04-3561759 012-4634157

SENARAI AHLI JKKK NEGERI PULAU PINANG PENGGAL 2008
DAERAH:SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

DAERAH : SEBERANG PERAI UTARA
JKKK : ALOR MERAH

BIL:	NAMA / NO. K/P:	PEKERJAAN	TARIKH LAHIR	ALAMAT	JAWATAN	NO TELEFON
9	MAHIZIR BIN MARZUKI NO. K/P : 510621-02-5877		21.06.1951	708 ALOR MERAH SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	019-4157489
10	ABD HALIM A'HDI BIN YAHYA NO. K/P : 611111-09-5069		11.11.1961	1010 ALOR MERAH SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	017-4660910
11	NORMAH BINTI ABU BAKAR NO. K/P : 580110-07-5614		10.01.1958	796 SIMPANG TIGA MAKLOM SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	017-4662916
12	ABDUL GHANI BIN MURAD NO. K/P : 620519-02-5161		09.05.1962	1173 ALOR MERAH, SG DUA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	019-4573301
13	ABDUL RAHIM BIN SALLEH NO. K/P : 570102-08-6357		02.01.1957	9318 ALOR MERAH, SG DUA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	04-3566158 017-4181483
14	ABDUL RAHIM BIN MAT SHUKOR NO. K/P : 490329-07-5257		29.03.1949	4891 SUNGAI LOKAN, SG DUA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	016-4905830
15	HALMI BIN HARUN NO. K/P : 621027-07-5419		27.10.1962	849 SUNGAI LOKAN, SG DUA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	04-3563879

SENARAI AHLI JKKK NEGERI PULAU PINANG PENGGAL 2008
DAERAH:SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

DAERAH : SEBERANG PERAI UTARA
JKKK : PAJAK SONG

BIL:	NAMA / NO. K/P:	PEKERJAAN	TARIKH LAHIR	ALAMAT	JAWATAN	NO TELEFON
1	HASHIM BIN AHMAD NO. K/P : 710419-07-5463	KERANI	19.04.1971	NO. 7522 A, KG PAYA 13200 KEPALA BATAS	PENGERUSI	04-5791797 012-4718526
2	ROSLI BIN RAJAB NO. K/P : 691105-07-5689	SENDIRI	05.11.1969	1486 JLN PMTG BOGAK 13100 PENAGA	SETIAUSAHA	016-4861091
3	MOHD SHUKUR BIN ABD. GHAFAR NO. K/P : 590802-02-5019	PENIAGA	02.08.1959	TBP 6340, KG PAYA 13200 KEPALA BATAS	AHLI	017-4157894
4	ROSLI BIN AYOB NO. K/P : 630121-07-5233	SENDIRI	21.01.1963	3048 PERMATANG TIGA 13100 PENAGA	AHLI	012-5553248
5	MOHAMMAD SHUKRI BIN JOHARI NO. K/P : 751219-07-5259	PEMANDU	19.12.1975	1011 KAMPUNG BARU PAJAK SONG 13200 KEPALA BATAS	AHLI	013-4254786
6	AHMAD BIN HUSSAIN NO. K/P : 520714-07-5549	PENIAGA	14.07.1952	318 PAJAK SONG 13200 KEPALA BATAS	AHLI	017-4980015
7	SHAHID BIN HAMID NO. K/P : 571119-07-5039	PENIAGA	19.11.1957	1069 PERMATANG SIRIH 13200 KEPALA BATAS	AHLI	012-4094367

SENARAI AHLI JKKK NEGERI PULAU PINANG PENGGAL 2008
DAERAH:SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

DAERAH : SEBERANG PERAI UTARA
JKKK : PAJAK SONG

BIL:	NAMA / NO. K/P:	PEKERJAAN	TARIKH LAHIR	ALAMAT	JAWATAN	NO TELEFON
8	HASNAH BINTI HASSAN NO. K/P : 690106-07-5176	GURU	06.01.1969	5213 PAJAK SONG 13200 KEPALA BATAS	AHLI	012-4869575
9	MOHD SHAFIE BIN HASHIM NO. K/P : 660513-07-5061	PEMANDU	13.05.1966	9033 PERMATANG BOGAK 13100 PENAGA	AHLI	017-4817783
10	HJ ISHAK BIN HUSSAIN NO. K/P : 460923-07-5367	SENDIRI	23.09.1946	7143 PAJAK SONG 13200 KEPALA BATAS	AHLI	017-4073384
11	MOHD YUSOF BIN ABAIT NO. K/P : 610402-07-5397	GURU	02.04.1961	271 PAJAK SONG 13200 KEPALA BATAS	AHLI	016-4896864
12	AHMAD TARMIZI BIN RAZALI NO. K/P: 561021-08-5999	PENIAGA	21.10.1956	2, LORONG SERI INDAH 3, TAMAN SERI INDAH, 13200 KEPALA BATAS.	AHLI	013-4534730
13	ZAITON BT ABDULLAH NO. K/P: 640503-07-5182	PENIAGA	03.05.1964	11, JALAN SERI INDAH 3, TAMAN SERI INDAH, 13200 KEPALA BATAS	AHLI	013-21277190
14	ROSLI BIN HASSAN NO. K/P: 760713-02-5913	PENIAGA	13.07.1976	292 KG. PAYA, 13200 KEPALA BATAS	AHLI	013-4420423

SENARAI NAMA PENGERUSI DAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA JKKK KAWASAN DUN SG DUA
DAERAH:SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

DAERAH : SEBERANG PERAI UTARA
JKKK : SUNGAI DUA

BIL:	NAMA / NO. K/P:	PEKERJAAN	TARIKH LAHIR	ALAMAT	JAWATAN	NO TELEFON
1	YAHYA BIN HASSAN NO. K/P : 500526-08-5821		26.05.1950	1857 KAMPUNG TUBIR PERMATANG SUNGAI DUA 13200 KEPALA BATAS	PENGERUSI	013-5187789
2	ROSLI BIN MAN NO. K/P : 691214-07-5027		14.12.1969	1630 PERMATANG SUNGAI DUA 13200 KEPALA BATAS	SETIAUSAHA	013-5956865
3	MOHD ZAKI BIN MD YUSOFF NO. K/P :610703-07-5737		03.07.1961	GUAR KEPAYANG 13200 KEPALA BATAS	AHLI	017-4498618
4	ABDUL RAHIM BIN ABD RAHMAN NO. K/P : 571201-07-5949		01.12.1957	TBP 1431, KG GUAR KEPAYANG 13200 KEPALA BATAS	AHLI	019-4724870
5	FAIZ BIN HJ HALIM NO. K/P : 491208-07-5087		08.12.1949	5202 PENGKALAN MACHANG SG DUA, 13800 BUTTERWORTH	AHLI	012-4654819
6	JOHARI BIN HASHIM NO. K/P : 740917-08-6509		17.09.1974	594 KG TELUK, SG DUA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	012-4997446
7	JASNI BIN HASSAN NO. K/P : 650827-07-5073		27.08.1965	NO 52, SG DUA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	019-4648010
8	MOHAMAD KALIL BIN AHMAD NO. K/P : 580416-07-5027		16.04.1958	1210 PERMATANG SUNGAI DUA 13200 KEPALA BATAS	AHLI	019-4750416

SENARAI AHLI JKKK NEGERI PULAU PINANG PENGGAL 2008
DAERAH:SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

DAERAH : SEBERANG PERAI UTARA
JKKK : SUNGAI DUA

BIL:	NAMA / NO. K/P:	PEKERJAAN	TARIKH LAHIR	ALAMAT	JAWATAN	NO TELEFON
9	QUAK AH HEE - YAM NO. K/P : 550720-07-5307		20.07.1955	SG. PUYU (KG TELUK)	AHLI	012-4732026
10	BASIR BIN BADRUL NO. K/P : 750424-07-5093		24.04.1975	SG DUA	AHLI	019-4762096
11	MD SHOBER BIN HJ ABDULLAH NO. K/P :			GUAR KEPAYANG 13200 KEPALA BATAS	AHLI	04-3565034

SENARAI AHLI JKKK NEGERI PULAU PINANG PENGGAL 2008
DAERAH:SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

DAERAH : SEBERANG PERAI UTARA
JKKK : MERBAU KUDONG

BIL:	NAMA / NO. K/P:	PEKERJAAN	TARIKH LAHIR	ALAMAT	JAWATAN	NO TELEFON
1	ADINAN BIN ABDUL LATIF NO. K/P : 511001-02-5387		01.10.1951	7696 SIMPANG TIGA LAHAR YOC 13300 TASEK GELUGOR	PENGERUSI	019-5459163 04-5731776
2	YUSOP BIN AWANG NO. K/P : 661127-07-5959	PENOLONG JURUTERA	27.11.1964	438 AIR ITAM LUAR 13300 TASEK GELUGOR	SETIAUSAHA	019-4127479
3	MAT SALLEH BIN DARUS NO. K/P : 470730-02-5303	KERJA SENDIRI	30.07.1947	SBLH 9844, MERBAU KUDUNG 13800 SUNGAI DUA	AHLI	013-5292961
4	MOHD SUHAIMI BIN AHMAD NO. K/P : 770408-07-6377	JURU AUDIT	08.04.1977	5255 MERBAU KUDUNG 13800 SUNGAI DUA	AHLI	019-4523575
5	MOHAMAD BIN HJ SAAD NO. K/P : 640918-07-5037	KERJA SENDIRI	18.09.1964	3195 MERBAU KUDUNG 13800 SUNGAI DUA	AHLI	013-4366839
6	MAT BIN HARON NO. K/P :	KERJA SENDIRI		84 LORONG MURNI 6 TAMAN DESA MURNI 13800 SUNGAI DUA	AHLI	012-4587556
7	AHMAD RIZAL BIN ALANG AHMAD NO. K/P : 680319-10-6731	JURUTERA	19.03.1968	2, LORONG SERI MURNI 2 13800 SUNGAI DUA	AHLI	013-4575875
8	MUNIR BIN YUSOF NO.K/P : 760112-07-5157	PEKERJA SHELL	12.01.1976	9914 NYIOR SEBATANG 13300 TASEK GELUGOR	AHLI	017-4572961

SENARAI AHLI JKKK NEGERI PULAU PINANG PENGGAL 2008
DAERAH:SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

DAERAH : SEBERANG PERAI UTARA
JKKK : MERBAU KUDONG

BIL:	NAMA / NO. K/P:	PEKERJAAN	TARIKH LAHIR	ALAMAT	JAWATAN	NO TELEFON
9	NUR AZHAR BIN HJ HUSSIN NO. K/P : 680608-07-5249	MEKANIK	08.06.1968	5565 SUNGAI DUA BUTTERWORTH	AHLI	017-4190196
10	MOHD NASIR BIN ISMAIL NO. K/P : 660608-07-5099	PEGAWAI BANK	08.06.1966	97 LORONG MURNI 24 TAMAN DESA MURNI, SG DUA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	019-4457167
11	AHMAD BIN SUHAIMI NO. K/P : 720725-07-5749	KERJA KILANG	25.07.1972	D/A 1200 NYIUR SEBATANG 13300 TASEK GELUGOR	AHLI	016-4307760
12	AZHAR BIN IBRAHIM NO. K/P : 701012-07-5715	PENIAGA	12.10.1970	1413 NYIOR SEBATANG 13300 TASEK GELUGOR	AHLI	016-4307760
13	MAHARI BIN MUSTAFA NO. K/P : 720528-11-5393	KERJA KILANG	28.05.1972	39, LORONG MURNI 12 TAMAN DESA MURNI 13800 SUNGAI DUA	AHLI	017-4552542
14	TANG HAI GUAN NO. K/P : 610530-07-5623	PENIAGA	30.05.1961	25 LORONG MURNI 5 TAMAN DESA MURNI 13800 SUNGAI DUA	AHLI	017-4488888
15	CHIN POH CHYE NO. K/P : 580117-07-5377	PENIAGA	17.01.1958	6-8 LORONG MURNI TAMAN DESA MURNI 13800 SUNGAI DUA	AHLI	019-4466944

SENARAI AHLI JKKK NEGERI PULAU PINANG PENGGAL 2008
DAERAH:SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

DAERAH : SEBERANG PERAI UTARA
JKKK : SIMPANG EMPAT PERMATANG BULUH

BIL:	NAMA / NO. K/P:	PEKERJAAN	TARIKH LAHIR	ALAMAT	JAWATAN	NO TELEFON
1	MAHMAD ZAMRI BIN DARUS NO. K/P : 671008-07-5427	GURU	08.10.1967	741 SIMPANG EMPAT PERMATANG BULOH 13200 KEPALA BATAS	PENGERUSI	019-4572116
2	HJ ROSLI BIN AHMAD NO. K/P : 650307-07-5213	GURU AGAMA	07.03.1965	LOT 7 SIMPANG EMPAT PERMATANG BULOH 13200 KEPALA BATAS	SETIAUSAHA	019-5920533
3	MUSA BIN ABDULLAH NO.K/P : 520915-07-5561	JPS	15.09.1952	7774 PMTG HJ HASSAN 13200 KEPALA BATAS	AHLI	012-4261360
4	MOHAMED SHUKRI BIN ABDULLAH NO. K/P : 660806-07-5399	JPS	06.08.1966	5982 SIMPANG EMPAT PERMATANG BULOH 13200 KEPALA BATAS	AHLI	019-7635782
5	ISHAK BIN ISMAIL NO. K/P: 481225-07-5119	PESARA	25.12.1948	4572 PMTG HJ HASSAN 13200 KEPALA BATAS	AHLI	016-4708605
6	AHMAD BIN AWANG NO. K/P : 540617-07-5115	PPSB	17.06.1954	625 KG SETUL, PMTG BULOH 13200 KEPALA BATAS	AHLI	019-5079711
7	MOHAMMAD FADZLI BIN KHALID NO. K/P : 720607-07-5435	GURU	07.06.1972	1556 KG SETOL JLN PMTG SUNGAI DUA 13200 KEPALA BATAS	AHLI	019-4562524
8	ZAINIYAH BINTI HJ SAID NO. K/P :	SURIRUMAH		7646 SIMPANG EMPAT PERMATANG BULOH 13200 KEPALA BATAS	AHLI	04-5757063

SENARAI AHLI JKKK NEGERI PULAU PINANG PENGGAL 2008
DAERAH:SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

DAERAH : SEBERANG PERAI UTARA
JKKK : SIMPANG EMPAT PERMATANG BULUH

BIL:	NAMA / NO. K/P:	PEKERJAAN	TARIKH LAHIR	ALAMAT	JAWATAN	NO TELEFON
9	ABD. RAHIM BIN DARUS NO. K/P : 610723-07-5857	SENDIRI	23.07.1961	SIMPANG EMPAT PERMATANG BULUH	AHLI	016-5903084
10	MUHAMMAD LUTFI BIN ABDULLAH NO. K/P : 821009-12-5079	GURU	09.10.1982	589 SIMPANG EMPAT PERMATANG BULOH 13200 KEPALA BATAS	AHLI	012-2474592
11	AZHARI BIN CHE PA NO. K/P : 661016-02-5025	PESAWAH	16.10.1966	1457 SIMPANG EMPAT PERMATANG BULOH 13200 KEPALA BATAS	AHLI	019-5998168
12	MOHD FAUZI BIN ABDULLAH NO. K/P : 691004-07-5655	GURU	04.10.1969	1109 SIMPANG EMPAT PERMATANG BULOH 13200 KEPALA BATAS	AHLI	013-4356775
13	AHMAD FADZLI BIN ISMAIL NO. K/P : 670218-07-5017	PLUS	18.02.1967	NO. 15 LORONG SERI 9 TAMAN SERI INDAH 13200 KEPALA BATAS	AHLI	012-5595646
14	MAZLAN BIN KHALID NO. K/P : 660310-07-5619	PENIAGA	10.03.1966	828 SIMPANG EMPAT PERMATANG BULOH 13200 KEPALA BATAS	AHLI	012-4260488
15	PETIMAH BINTI MAT SALLEH NO. K/P : 550216-08-6082	SURIRUMAH	16.02.1955	649 KG TELUR, SIMPANG EMPAT PERMATANG BULOH 13200 KEPALA BATAS	AHLI	04-5759149

SENARAI AHLI JKKK NEGERI PULAU PINANG PENGGAL 2008
DAERAH:SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

DAERAH : SEBERANG PERAI UTARA
JKKK : PERMATANG TOK JAYA

BIL:	NAMA / NO. K/P:	PEKERJAAN	TARIKH LAHIR	ALAMAT	JAWATAN	NO TELEFON
1	ZABIDI BIN DARUS NO. K/P : 520128-07-5079	SENDIRI	28.01.1952	10265 PERMATANG TOK BIDAN PEKAN DARAT, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	PENGERUSI	04-3512271 016-4238284
2	MUHD ZAMRI BIN MANSOR @ HARUN NO. K/P : 760421-07-5679	PELUKIS PELAN	21.04.1976	1825 PERMATANG TOK JAYA SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	SETIAUSAHA	016-4012323
3	ILIAS BIN ISHAK NO. K/P : 500205-01-5251	TUKANG MASAK	05.02.1950	820 PERMATANG TOK JAYA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	04-3564866
4	AHMAD FIRDAUS BIN ABDUL TALIB NO. K/P : 770422-07-6007	KERANI BANK	22.04.1977	4107 MK 10, PMTG TOK JAYA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	012-4686970
5	OSMAN BIN MYDIN NO. K/P : 540519-07-5111	MPPP	19.05.1954	1025 PEKAN DARAT, SG DUA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	04-3565650 013-4322705
6	SARBANUN BINTI MAT NAYAN NO. K/P : 660406-07-5242	SURIRUMAH	06.04.1966	203 PMTG TOK JAYA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	04-3566231 017-4538224
7	ABDUL SAMAD BIN HJ AHMAD NO. K/P : 641113-08-5427	JURUTEKNIK	13.11.1964	203 PMTG TOK JAYA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	012-4127190
8	MD YATIM BIN HARUN NO. K/P : 431115-07-5219	PESARA	15.11.1943	818 PERMATANG TOK BIDAN 13800 BUTTERWORTH	AHLI	04-3511375

SENARAI AHLI JKKK NEGERI PULAU PINANG PENGGAL 2008
DAERAH:SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

DAERAH : SEBERANG PERAI UTARA
JKKK : PERMATANG TOK JAYA

BIL:	NAMA / NO. K/P:	PEKERJAAN	TARIKH LAHIR	ALAMAT	JAWATAN	NO TELEFON
9	HJ ABDUL MUTALIP BIN HJ ABDULLAH NO. K/P : 480220-07-5027	PESARA	20.02.1948	5264 PERMATANG TOK BIDAN 13800 BUTTERWORTH	AHLI	04-3511741
10	MOHAMAD FOAD BIN SHAWAL NO. K/P : 680315-31-5069	SENDIRI	15.03.1968	813 PERMATANG TOK BIDAN 13800 BUTTERWORTH	AHLI	019-4600214
11	KAMARULZAMAN BIN RAZALI NO. K/P : 711009-07-5537	KILANG	09.10.1971	4312 PERMATANG TOK JAYA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	017-4832724
12	MD SAAD BIN ENDAN NO. K/P : 430820-07-5463	PESARA	20.08.1943	1058 PERMATANG TOK BIDAN 13800 BUTTERWORTH	AHLI	013-5098685
13	HASHIM BIN AHMAD NO. K/P : 540318-07-5203	PEMBANTU AM PEJABAT	18.03.1954	4307 PERMATANG TOK JAYA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	013-5080323
14	YAHAYA BIN ABDUL RAHMAN NO. K/P : 351207-07-5435	PESARA	07.12.1935	365 PERMATANG TOK JAYA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	04-3562155
15	HAMIDAH BINTI YUSOF NO. K/P : 560627-07-5280	SURIRUMAH	27.06.1956	810 PERMATANG TOK JAYA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	04-3565503

SENARAI NAMA PENGERUSI DAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA JKKK KAWASAN DUN SG DUA
DAERAH:SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

DAERAH : SEBERANG PERAI UTARA
JKKK : SUNGAI DUA

BIL:	NAMA / NO. K/P:	PEKERJAAN	TARIKH LAHIR	ALAMAT	JAWATAN	NO TELEFON
1	YAHYA BIN HASSAN NO. K/P : 500526-08-5821		26.05.1950	1857 KAMPUNG TUBIR PERMATANG SUNGAI DUA 13200 KEPALA BATAS	PENGERUSI	013-5187789
2	ROSLI BIN MAN NO. K/P : 691214-07-5027		14.12.1969	1630 PERMATANG SUNGAI DUA 13200 KEPALA BATAS	SETIAUSAHA	013-5956865
3	MOHD ZAKI BIN MD YUSOFF NO. K/P :610703-07-5737		03.07.1961	GUAR KEPAYANG 13200 KEPALA BATAS	AHLI	017-4498618
4	ABDUL RAHIM BIN ABD RAHMAN NO. K/P : 571201-07-5949		01.12.1957	TBP 1431, KG GUAR KEPAYANG 13200 KEPALA BATAS	AHLI	019-4724870
5	FAIZ BIN HJ HALIM NO. K/P : 491208-07-5087		08.12.1949	5202 PENGKALAN MACHANG SG DUA, 13800 BUTTERWORTH	AHLI	012-4654819
6	JOHARI BIN HASHIM NO. K/P : 740917-08-6509		17.09.1974	594 KG TELUK, SG DUA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	012-4997446
7	JASNI BIN HASSAN NO. K/P : 650827-07-5073		27.08.1965	NO 52, SG DUA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	019-4648010
8	MOHAMAD KALIL BIN AHMAD NO. K/P : 580416-07-5027		16.04.1958	1210 PERMATANG SUNGAI DUA 13200 KEPALA BATAS	AHLI	019-4750416

SENARAI AHLI JKKK NEGERI PULAU PINANG PENGGAL 2008
DAERAH:SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

DAERAH : SEBERANG PERAI UTARA
JKKK : SUNGAI DUA

BIL:	NAMA / NO. K/P:	PEKERJAAN	TARIKH LAHIR	ALAMAT	JAWATAN	NO TELEFON
9	QUAK AH HEE - YAM NO. K/P : 550720-07-5307		20.07.1955	SG. PUYU (KG TELUK)	AHLI	012-4732026
10	BASIR BIN BADRUL NO. K/P : 750424-07-5093		24.04.1975	SG DUA	AHLI	019-4762096
11	MD SHOBER BIN HJ ABDULLAH NO. K/P :			GUAR KEPAYANG 13200 KEPALA BATAS	AHLI	04-3565034

SENARAI AHLI JKKK NEGERI PULAU PINANG PENGGAL 2008
DAERAH:SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

DAERAH : SEBERANG PERAI UTARA
JKKK : MERBAU KUDONG

BIL:	NAMA / NO. K/P:	PEKERJAAN	TARIKH LAHIR	ALAMAT	JAWATAN	NO TELEFON
1	ADINAN BIN ABDUL LATIF NO. K/P : 511001-02-5387		01.10.1951	7696 SIMPANG TIGA LAHAR YOOI 13300 TASEK GELUGOR	PENGERUSI	019-5459163 04-5731776
2	YUSOP BIN AWANG NO. K/P : 661127-07-5959	PENOLONG JURUTERA	27.11.1964	438 AIR ITAM LUAR 13300 TASEK GELUGOR	SETIAUSAHA	019-4127479
3	MAT SALLEH BIN DARUS NO. K/P : 470730-02-5303	KERJA SENDIRI	30.07.1947	SBLH 9844, MERBAU KUDUNG 13800 SUNGAI DUA	AHLI	013-5292961
4	MOHD SUHAIMI BIN AHMAD NO. K/P : 770408-07-6377	JURU AUDIT	08.04.1977	5255 MERBAU KUDUNG 13800 SUNGAI DUA	AHLI	019-4523575
5	MOHAMAD BIN HJ SAAD NO. K/P : 640918-07-5037	KERJA SENDIRI	18.09.1964	3195 MERBAU KUDUNG 13800 SUNGAI DUA	AHLI	013-4366839
6	MAT BIN HARON NO. K/P :	KERJA SENDIRI		84 LORONG MURNI 6 TAMAN DESA MURNI 13800 SUNGAI DUA	AHLI	012-4587556
7	AHMAD RIZAL BIN ALANG AHMA NO. K/P : 680319-10-6731	JURUTERA	19.03.1968	2, LORONG SERI MURNI 2 13800 SUNGAI DUA	AHLI	013-4575875
8	MUNIR BIN YUSOF NO.K/P : 760112-07-5157	PEKERJA SHELL	12.01.1976	9914 NYIOR SEBATANG 13300 TASEK GELUGOR	AHLI	017-4572961

SENARAI AHLI JKKK NEGERI PULAU PINANG PENGGAL 2008
DAERAH:SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

DAERAH : SEBERANG PERAI UTARA
JKKK : MERBAU KUDONG

BIL:	NAMA / NO. K/P:	PEKERJAAN	TARIKH LAHIR	ALAMAT	JAWATAN	NO TELEFON
9	NUR AZHAR BIN HJ HUSSIN NO. K/P : 680608-07-5249	MEKANIK	08.06.1968	5565 SUNGAI DUA BUTTERWORTH	AHLI	017-4190196
10	MOHD NASIR BIN ISMAIL NO. K/P : 660608-07-5099	PEGAWAI BANK	08.06.1966	97 LORONG MURNI 24 TAMAN DESA MURNI, SG DUA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	019-4457167
11	AHMAD BIN SUHAIMI NO. K/P : 720725-07-5749	KERJA KILANG	25.07.1972	D/A 1200 NYIUR SEBATANG 13300 TASEK GELUGOR	AHLI	016-4307760
12	AZHAR BIN IBRAHIM NO. K/P : 701012-07-5715	PENIAGA	12.10.1970	1413 NYIOR SEBATANG 13300 TASEK GELUGOR	AHLI	016-4307760
13	MAHARI BIN MUSTAFA NO. K/P : 720528-11-5393	KERJA KILANG	28.05.1972	39, LORONG MURNI 12 TAMAN DESA MURNI 13800 SUNGAI DUA	AHLI	017-4552542
14	TANG HAI GUAN NO. K/P : 610530-07-5623	PENIAGA	30.05.1961	25 LORONG MURNI 5 TAMAN DESA MURNI 13800 SUNGAI DUA	AHLI	017-4488888
15	CHIN POH CHYE NO. K/P : 580117-07-5377	PENIAGA	17.01.1958	6-8 LORONG MURNI TAMAN DESA MURNI 13800 SUNGAI DUA	AHLI	019-4466944

SENARAI AHLI JKKK NEGERI PULAU PINANG PENGGAL 2008
DAERAH:SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

DAERAH : SEBERANG PERAI UTARA
JKKK : SIMPANG EMPAT PERMATANG BULUH

BIL:	NAMA / NO. K/P:	PEKERJAAN	TARIKH LAHIR	ALAMAT	JAWATAN	NO TELEFON
1	MAHMAD ZAMRI BIN DARUS NO. K/P : 671008-07-5427	GURU	08.10.1967	741 SIMPANG EMPAT PERMATANG BULOH 13200 KEPALA BATAS	PENGERUSI	019-4572116
2	HJ ROSLI BIN AHMAD NO. K/P : 650307-07-5213	GURU AGAMA	07.03.1965	LOT 7 SIMPANG EMPAT PERMATANG BULOH 13200 KEPALA BATAS	SETIAUSAHA	019-5920533
3	MUSA BIN ABDULLAH NO.K/P : 520915-07-5561	JPS	15.09.1952	7774 PMTG HJ HASSAN 13200 KEPALA BATAS	AHLI	012-4261360
4	MOHAMED SHUKRI BIN ABDULL NO. K/P : 660806-07-5399	JPS	06.08.1966	5982 SIMPANG EMPAT PERMATANG BULOH 13200 KEPALA BATAS	AHLI	019-7635782
5	ISHAK BIN ISMAIL NO. K/P: 481225-07-5119	PESARA	25.12.1948	4572 PMTG HJ HASSAN 13200 KEPALA BATAS	AHLI	016-4708605
6	AHMAD BIN AWANG NO. K/P : 540617-07-5115	PPSB	17.06.1954	625 KG SETUL, PMTG BUL(13200 KEPALA BATAS	AHLI	019-5079711
7	MOHAMMAD FADZLI BIN KHALID NO. K/P : 720607-07-5435	GURU	07.06.1972	1556 KG SETOL JLN PMTG SUNGAI DUA 13200 KEPALA BATAS	AHLI	019-4562524
8	ZAINIYAH BINTI HJ SAID NO. K/P :	SURIRUMAH		7646 SIMPANG EMPAT PERMATANG BULOH 13200 KEPALA BATAS	AHLI	04-5757063

SENARAI AHLI JKKK NEGERI PULAU PINANG PENGGAL 2008
DAERAH:SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

DAERAH : SEBERANG PERAI UTARA
JKKK : SIMPANG EMPAT PERMATANG BULUH

BIL:	NAMA / NO. K/P:	PEKERJAAN	TARIKH LAHIR	ALAMAT	JAWATAN	NO TELEFON
9	ABD. RAHIM BIN DARUS NO. K/P : 610723-07-5857	SENDIRI	23.07.1961	SIMPANG EMPAT PERMATANG BULUH	AHLI	016-5903084
10	MUHAMMAD LUTFI BIN ABDULLA NO. K/P : 821009-12-5079	GURU	09.10.1982	589 SIMPANG EMPAT PERMATANG BULOH 13200 KEPALA BATAS	AHLI	012-2474592
11	AZHARI BIN CHE PA NO. K/P : 661016-02-5025	PESAWAH	16.10.1966	1457 SIMPANG EMPAT PERMATANG BULOH 13200 KEPALA BATAS	AHLI	019-5998168
12	MOHD FAUZI BIN ABDULLAH NO. K/P : 691004-07-5655	GURU	04.10.1969	1109 SIMPANG EMPAT PERMATANG BULOH 13200 KEPALA BATAS	AHLI	013-4356775
13	AHMAD FADZLI BIN ISMAIL NO. K/P : 670218-07-5017	PLUS	18.02.1967	NO. 15 LORONG SERI 9 TAMAN SERI INDAH 13200 KEPALA BATAS	AHLI	012-5595646
14	MAZLAN BIN KHALID NO. K/P : 660310-07-5619	PENIAGA	10.03.1966	828 SIMPANG EMPAT PERMATANG BULOH 13200 KEPALA BATAS	AHLI	012-4260488
15	PETIMAH BINTI MAT SALLEH NO. K/P : 550216-08-6082	SURIRUMAH	16.02.1955	649 KG TELUR, SIMPANG E PERMATANG BULOH 13200 KEPALA BATAS	AHLI	04-5759149

SENARAI AHLI JKKK NEGERI PULAU PINANG PENGGAL 2008
DAERAH:SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

DAERAH : SEBERANG PERAI UTARA
JKKK : PERMATANG TOK JAYA

BIL:	NAMA / NO. K/P:	PEKERJAAN	TARIKH LAHIR	ALAMAT	JAWATAN	NO TELEFON
1	ZABIDI BIN DARUS NO. K/P : 520128-07-5079	SENDIRI	28.01.1952	10265 PERMATANG TOK BIDAN PEKAN DARAT, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	PENGERUSI	04-3512271 016-4238284
2	MUHD ZAMRI BIN MANSOR @ HARUN NO. K/P : 760421-07-5679	PELUKIS PELAN	21.04.1976	1825 PERMATANG TOK JAYA SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	SETIAUSAHA	016-4012323
3	ILIAS BIN ISHAK NO. K/P : 500205-01-5251	TUKANG MASAK	05.02.1950	820 PERMATANG TOK JAYA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	04-3564866
4	AHMAD FIRDAUS BIN ABDUL TALIB NO. K/P : 770422-07-6007	KERANI BANK	22.04.1977	4107 MK 10, PMTG TOK JAYA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	012-4686970
5	OSMAN BIN MYDIN NO. K/P : 540519-07-5111	MPPP	19.05.1954	1025 PEKAN DARAT, SG DUA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	04-3565650 013-4322705
6	SARBANUN BINTI MAT NAYAN NO. K/P : 660406-07-5242	SURIRUMAH	06.04.1966	203 PMTG TOK JAYA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	04-3566231 017-4538224
7	ABDUL SAMAD BIN HJ AHMAD NO. K/P : 641113-08-5427	JURUTEKNIK	13.11.1964	203 PMTG TOK JAYA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	012-4127190
8	MD YATIM BIN HARUN NO. K/P : 431115-07-5219	PESARA	15.11.1943	818 PERMATANG TOK BIDAN 13800 BUTTERWORTH	AHLI	04-3511375

SENARAI AHLI JKKK NEGERI PULAU PINANG PENGGAL 2008
DAERAH:SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

DAERAH : SEBERANG PERAI UTARA
JKKK : PERMATANG TOK JAYA

BIL:	NAMA / NO. K/P:	PEKERJAAN	TARIKH LAHIR	ALAMAT	JAWATAN	NO TELEFON
9	HJ ABDUL MUTALIP BIN HJ ABDULLAH NO. K/P : 480220-07-5027	PESARA	20.02.1948	5264 PERMATANG TOK BIDAN 13800 BUTTERWORTH	AHLI	04-3511741
10	MOHAMAD FOAD BIN SHAWAL NO. K/P : 680315-31-5069	SENDIRI	15.03.1968	813 PERMATANG TOK BIDAN 13800 BUTTERWORTH	AHLI	019-4600214
11	KAMARULZAMAN BIN RAZALI NO. K/P : 711009-07-5537	KILANG	09.10.1971	4312 PERMATANG TOK JAYA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	017-4832724
12	MD SAAD BIN ENDAN NO. K/P : 430820-07-5463	PESARA	20.08.1943	1058 PERMATANG TOK BIDAN 13800 BUTTERWORTH	AHLI	013-5098685
13	HASHIM BIN AHMAD NO. K/P : 540318-07-5203	PEMBANTU AM PEJABAT	18.03.1954	4307 PERMATANG TOK JAYA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	013-5080323
14	YAHAYA BIN ABDUL RAHMAN NO. K/P : 351207-07-5435	PESARA	07.12.1935	365 PERMATANG TOK JAYA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	04-3562155
15	HAMIDAH BINTI YUSOF NO. K/P : 560627-07-5280	SURIRUMAH	27.06.1956	810 PERMATANG TOK JAYA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	04-3565503

SENARAI NAMA PENGERUSI DAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA JKKK KAWASAN DUN SG DUA
DAERAH:SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

DAERAH : SEBERANG PERAI UTARA
JKKK : SUNGAI DUA

BIL:	NAMA / NO. K/P:	PEKERJAAN	TARIKH LAHIR	ALAMAT	JAWATAN	NO TELEFON
1	YAHYA BIN HASSAN NO. K/P : 500526-08-5821		26.05.1950	1857 KAMPUNG TUBIR PERMATANG SUNGAI DUA 13200 KEPALA BATAS	PENGERUSI	013-5187789
2	ROSLI BIN MAN NO. K/P : 691214-07-5027		14.12.1969	1630 PERMATANG SUNGAI DUA 13200 KEPALA BATAS	SETIAUSAHA	013-5956865
3	MOHD ZAKI BIN MD YUSOFF NO. K/P :610703-07-5737		03.07.1961	GUAR KEPAYANG 13200 KEPALA BATAS	AHLI	017-4498618
4	ABDUL RAHIM BIN ABD RAHMAN NO. K/P : 571201-07-5949		01.12.1957	TBP 1431, KG GUAR KEPAYANG 13200 KEPALA BATAS	AHLI	019-4724870
5	FAIZ BIN HJ HALIM NO. K/P : 491208-07-5087		08.12.1949	5202 PENGKALAN MACHANG SG DUA, 13800 BUTTERWORTH	AHLI	012-4654819
6	JOHARI BIN HASHIM NO. K/P : 740917-08-6509		17.09.1974	594 KG TELUK, SG DUA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	012-4997446
7	JASNI BIN HASSAN NO. K/P : 650827-07-5073		27.08.1965	NO 52, SG DUA 13800 BUTTERWORTH	AHLI	019-4648010
8	MOHAMAD KALIL BIN AHMAD NO. K/P : 580416-07-5027		16.04.1958	1210 PERMATANG SUNGAI DUA 13200 KEPALA BATAS	AHLI	019-4750416

SENARAI AHLI JKKK NEGERI PULAU PINANG PENGGAL 2008
DAERAH:SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

DAERAH : SEBERANG PERAI UTARA
JKKK : SUNGAI DUA

BIL:	NAMA / NO. K/P:	PEKERJAAN	TARIKH LAHIR	ALAMAT	JAWATAN	NO TELEFON
9	QUAK AH HEE - YAM NO. K/P : 550720-07-5307		20.07.1955	SG. PUYU (KG TELUK)	AHLI	012-4732026
10	BASIR BIN BADRUL NO. K/P : 750424-07-5093		24.04.1975	SG DUA	AHLI	019-4762096
11	MD SHOBER BIN HJ ABDULLAH NO. K/P :			GUAR KEPAYANG 13200 KEPALA BATAS	AHLI	04-3565034

V. Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Senaraikan nama Ahli-Ahli Majlis MPPP dan MPSP berserta latar belakang akademik dan kerjaya mereka. Mengapakah Pegawai-pegawai Daerah tidak diambil untuk berkhidmat sebagai Ahli Majlis?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Senarai nama-nama Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPSP) berserta latar belakang akademik dan kerjaya mereka adalah seperti Lampiran A.

   Pegawai-pegawai Daerah tidak diambil untuk berkhidmat sebagai Ahli Majlis adalah bagi memberi peluang kepada calon-calon tempatan yang memahami isu tempatan. Dengan memahami isu tempatan, ia memudahkan mereka untuk mewakili kepentingan penduduk setempat.

   Selain itu, Akta Kerajaan Tempatan tidak mewajibkan Pegawai Daerah dilantik sebagai Ahli Majlis. Tujuan seksyen 10(2) Akta Kerajaan Tempatan digunapakai bagi pelantikan Ahli Majlis yang berbunyi seperti berikut:

   ”Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dilantik dari antara orang-orang yang bilangan terbesar daripada mereka hendaklah orang-orang yang biasanya bermastautin dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu dan yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal Kerajaan Tempatan atau yang telah memperolehi kejayaan terpuji dalam sesuatu profesyen, perdagangan atau perindustrian, atau pun yang mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan-kepentingan kaum-kaum mereka dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu. ”

   Walaupun Pegawai Daerah tidak menjadi Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), ia tidak bermakna Pegawai Daerah tidak dapat menyumbang dan memainkan peranan dalam hal ehwal kerajaan tempatan. Pihak PBT masih boleh menjemput Pejabat Daerah dan Tanah untuk menyertai mana-mana jawatankuasa dan forum perbincangan di mana input daripadanya dianggap perlu dan mustahak. Sebagai contoh, Pentadbir Tanah, Daerah Timur Laut (DTL) dan Daerah Barat Daya (DBD) menjadi ahli tetap dalam Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) kerana input Pentadbir Tanah dari segi hal-hal pentadbiran tanah adalah penting. Wakil dari Pejabat Daerah juga dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MPPP memandangkan isu-isu yang melibatkan pelesenan dan perbandaran ada kaitan dengan pentadbiran daerah.

   Jawatankuasa Tetap Tindakan Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah juga merupakan salah satu forum di mana isu-isu perbandaran dibangkitkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat dan PBT adalah menjadi wakil tetap di Jawatankuasa tersebut.

Lampiran A

1. Senarai nama-nama Ahli Majlis, MPPP berserta latarbelakang akademik dan kerjaya mereka adalah seperti berikut:-

BIL.	NAMA	KERJAYA	KELAYAKAN AKADEMIK
1.	Abd. Rahman b Ismail (PKR)	Kerja Sendiri	SPVM
2.	Asnah bt. Hashim (PAS)	Pesara Guru Besar	Diploma Pendidikan
3.	Choong Khuat Seng (NGO)	Pengarah Syarikat	B.Econs (Hons), MBA.
4.	Fauziah bt. Mahadi (PKR)	Pengarah Syarikat	DIPM, (Amsett)
5.	Felix Ooi Keat Hin (PKR)	Pengarah Syarikat	Bechelor of Architecture, Melbourne
6.	Francis a/l Joseph -	Konsultan Unit Amanah	SC/MCE
7.	Harvindar Singh a/l Darshan Singh (DAP)	Pengarah Syarikat	Darjah 6
8.	Lim Boo Chang (PKR)	Peguam	Barrister-At-Law, B.Sc. (Hons) Economic M.A. Literature
9.	Lim Cheng Hoe (DAP)	Eksekutif Jualan	SPM
10.	Lim Kah Cheng (NGO)	Peguam	Ijazah Undang-undang
11.	Lim Siew Khim (DAP)	Administrator	STPM
12.	Muhammad Bakhtiar b. Wan Chik (PKR)	Pengurus Sumber Manusia	B. Sc. Business Admin (Universiti of Arizona)
13.	Mohd. Ismail b. Ibramsa (PKR)	Pesara Pengetua Penang Free School	B. Econs (Hons) Master of Econ Management.
14.	Mohd. Razali b. Abdullah (PKR)	Jurukur Tanah	MSc Land, Administrator & Development UTM
15.	Mohd. Zahry b. Shaikh Abdul Rahman (NGO)	Pensyarah Kanan/Jurutera Bangunan	MSC (Architecture)
16.	Ng Chor Huat (DAP)	Pengurus Insuran	MCE
17.	Ong Ah Teong (DAP)	Pembantu Khas ADUN Datuk Keramat	STPM
18.	Tan Hun Wooi (DAP)	Juru Audit	Ijazah
19.	Tay Leong Wooi (DAP)	Eksekutif Jualan	MCE
20.	Thanaletchimi a/p S. Veeriah (DAP)	Guru Besar Tadika	International Diploma in Early Childhood Education
21.	Yasir Hafiz b. Munawar Ali (NGO)	Usahawan	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Kewangan)
22.	Yeoh Soon Hin (DAP)	Ahli Dewan Undangan Negeri	LL.B (Hons)
23.	Zulkifli b. Mohd. Noor (DAP)	Pesara	MCE

2. Senarai nama-nama Ahli Majlis, MPSP berserta latarbelakang akademik dan kerjaya mereka adalah seperti berikut:-

BIL.	NAMA AHLI MAJLIS	KERJAYA	KELAYAKAN AKADEMIK
1.	Ng Choong Hock	Sub Kontraktor	SPM
2.	Oon Neow Aun	Ahli Perniagaan	SPM
3.	Teoh Seang Hooi	Pengetua Institut Seri Nibong	BA (Hons) , Diploma Pendidikan
4.	Soon Lip Chee	Peguam	LLB (Hons)
5.	Ngu Lek Wah	Pengarah	SPMV
6.	Ramiah a/l P. Govindasamy	Pengarah Kilang	Diploma
7.	Ramachandaran a/l M. Muthiah	Pengurus Sumber Manusia	Diploma In Industrial Relations
8.	Teong Ai Ling	Kerja Sendiri / Kerani Pusat Perkhidmatan	Diploma Business
9.	Tan Cheai Peng	Company Director	Degree In Business Administration
10.	Liu Ting Ling	Peguambela & Peguamcara	LLB (Hons)
11.	Y. Bhg. Dato' Muhammad b. Ismail, DSPN, DJN, PKT, PJK	Pengarah dan Penasihat	MCE
12.	Che Mat b. Hj. Hashim	Pesara Tentera Laut DiRaja Malaysia / Kerja Sendiri	MCE
13.	Johari b. Kassim	Ahli Perniagaan	Diploma Electronic Engineering
14.	Goh Choon Aik	Jururancang Bandar Bertauliah	Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar & Wilayah

15.	Tuan Haji Mohd. Kamil b. Abu Bakar	Kerja Sendiri	Ijazah Sarjana Muda Masscomm & Sains Politik
16.	Zaini b. Awang	Senior Transit Safety Officer	Diploma Kejuruteraan Automatif
17.	Kusala Kumari @ Rynu a/p A. Shanmugam	Pembantu Khas Kepada YB Tan Hock Leong ADUN Machang Bubok / Timbalan Speaker Dewan Undangan Pulau Pinang	Diploma In Legal Assistant
18.	Mohd. Fadzil b. Kemi	Kerja Sendiri	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik
19.	Chandrasekeran a/l S. Maniam	Pekerja Sosial	MCE
20.	Ideris bin Ibrahim PJM	Pengerusi Koperasi dan Penjaja Kompleks Pasar Anika Taman Selat	SPM
21.	Mahamad bin Hashim	Ahli Politik	SPM
22.	Ahmad Farid bin Md Arshad	Penolong Pengurus Besar	Diploma Pengurusan dan Pentadbiran
23.	Amir bin Md Ghazali	Pengurus	SPM
24.	Abdul Rahman bin Ramjan	Kerja Sendiri	HSC

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Senaraikan nama dan jenis perniagaan yang terlibat dalam notis/arahan merobohkan premis perniagaan di Batu Feringghi. Nyatakan sebab-sebab notis dikeluarkan dan jelaskan kenapa ditarik balik notis berkenaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Jenis-jenis perniagaan yang terlibat dalam notis/arahan meroboh premis perniagaan di Batu Feringgi adalah seperti berikut:

   (a) Sukan Air
   (b) Urut refleksologi
   (c) Kedai/gerai makan
   (d) Rumah penginapan (chalet)

   Notis tersebut dikeluarkan adalah bermatlamat serampang dua mata iaitu;

   (a) mengambil tindakan ke atas pencerobohan tanah kerajaan dan

   (b) menyusun semula premis perniagaan mengikut keperluan bagi meningkatkan imej pantai Batu Feringghi sebagai destinasi pelancongan penting di Pulau Pinang.

   Notis yang dikeluarkan tidak pernah ditarik balik tetapi tindakan penguatkuasaan ditangguhkan bagi membolehkan rancangan penempatan semula peniaga-peniaga diadakan dan juga membolehkan bagi Pihak Berkuasa untuk berunding dengan peniaga-peniaga yang terlibat supaya satu penyelesaian dapat dicapai. Kerajaan negeri berhasrat untuk menempatkan semua peniaga dalam satu kawasan yang sesuai supaya mereka dapat berniaga secara sah dan tidak menyebabkan kacau ganggu kepada orang ramai.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Senaraikan projek perumahan berserta komposisi pembangunan dan anggaran kos jualan per unit yang telah diluluskan oleh MPPP dan MPSP mulai dari bulan April 2008 hingga April 2009. Senaraikan projek pembinaan yang telah memohon pengecualian dan penangguhan pembinaan rumah kos rendah dalam projek mereka. Jelaskan mengapa pengecualian dan penangguhan itu diberikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Senarai projek perumahan yang telah diluluskan oleh pihak MPPP dan MPSP mulai April 2008 hingga April 2009 seperti di Lampiran A1 dan A2.

Dasar yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri adalah mengenakan syarat 30% pembinaan rumah kos rendah oleh pemaju swasta yang membina lebih daripada 100 hingga 150 rumah mengikut kawasan pembangunan.

Terdapat 3 projek yang diberi penangguhan pembinaan rumah kos rendah kepada fasa yang berikutnya. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:-

(a) Gemilang Budaya Sdn Bhd, Mukim 2, SPS

(b) PJD Eastern Land Sdn Bhd,Seksyen 4 Jalan Assumption, Butterworth, SPU

(c) Wistana Realty Sdn. Bhd, Mukim 6, SPT

Penangguhan ke fasa seterusnya dibenarkan memandangkan ketidaktentuan ekonomi serta memudahkan kerja-kerja dari segi kesinambungan dan faktor projek terbengkalai yang diselamatkan. Rumah selain kos rendah / sederhana rendah telah siap dibina dan bagi mengelakkan rumah tersebut terbiar kosong tanpa dihuni kerana tidak memperolehi Sijil Kelayakan Menduduki (O.C). Pihak pemaju dikehendaki menghantar laporan kemajuan fizikal bagi tujuan pemantauan.

SENARAI PROJEK PERUMAHAN YANG DILULUSKAN OLEH MPSP DARI APRIL 2008 - APRIL 2009

(SEBERANG PERAI TENGAH)

Bil	Lokasi	Pemaju	Komponen	Tarikh Kelulusan
1.	Jalan Kebun Baru	Ivory Horizon Sdn Bhd	Rumah Berkembar 2 Tingkat – 62 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat – 17 Unit **JUMLAH - 79 Unit**	04.06. 2008
2.	Bersebelahan Taman Alma	Bermojaya Sdn Bhd	Rumah Sesebuah 2 Tingkat – 16 Unit	06.08.2008
3.	Bersebelahan Taman Bukit Minyak Utama	Starlight Fair Sdn Bhd	Rumah Banglo 2 Tingkat-26 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat – 1 Unit **JUMLAH – 27 Unit**	06.08.2008
4.	Jalan Song Ban Kheng	Dutamas Summit Sdn Bhd	Rumah Sesebuah 3 Tingkat – 11 Unit Rumah Berkembar 3 Tingkat – 18 Unit Rumah Berkembar (Kluster) 3 Tingkat – 36 Unit **JUMLAH – 65 Unit**	24.09.2008
5.	Bersebelahan Taman Impian Indah	Asas Dunia Sdn Bhd	Rumah Berkembar 1 Tingkat – 198 Unit Rumah Pangsa (Kos Rendah) – 5 Tkt – 69 Unit **JUMLAH - 267 Unit**	15.10.2008
6.	Bersebelahan Taman Selesa	GIM Standard Development Sdn Bhd	Rumah Sesebuah 3 Tingkat– 22 Unit	12.11.2008
7.	Jalan Kebun Baru	Damansara Bakti Sdn Bhd	Rumah Sesebuah (Pelot-Pelot) – 59 Unit Kedai /Pejabat 2tingkat – 5 Unit **JUMLAH - 64 Unit**	04.02.2009
8.	Taman Kerjasama	Ban Eng Hock Building Contractor Co.	Rumah Berkembar 2 tingkat – 20 Unit Rumah Sesebuah 2 tingkat – 5 Unit **JUMLAH 25 Unit**	04.06.2008
9.	Bersebelahan Taman Arowana Emas	Ghee Bee Sdn Bhd	Rumah Teres 2 Tingkat – 34 Unit **JUMLAH – 34 Unit**	06.08.2008
10.	Taman Kelisa Emas	Billion Scale Sdn Bhd	Rumah Teres 2 Tingkat – 29 Unit **JUMLAH – 29 Unit**	27.08.2008

11.	Persiaran Siakap	PDC Properties Sdn Bhd	Rumah Teres 2 Tingkat – 25 Unit **JUMLAH – 25 Unit**	04.02.2009
12.	Jalan Tun Hussien Onn	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAIPP)	Rumah Teres 2 Tingkat – 76 Unit Kedai / Pejabat 3 Tingkat – 9 Unit **JUMLAH – 85 Unit**	12.11. 2008
13.	Jalan Baru Kampung Teluk	Landmark Strategy Sdn Bhd	Rumah Pangsa 27 ½ Tingkat Kos Sederhana – 350 Unit Rumah Pangsa 38 ½ Tingkat – 382 Unit Kos Sederhana **JUMLAH – 732 Unit**	11.03.2009
14.	Taman Tan Sai Gin	Bon Seng Huat Sdn Bhd	Rumah Teres 2 Tingkat – 14 Unit Rumah Banglo 2 Tingkat – 12 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat – 1 Unit Kedai/ Pejabat 2 Tingkat – 16 Unit **JUMLAH – 43 Unit**	18.06.2008
15.	Bersebelahan Taman Arowana Emas	Ghee Bee Sdn Bhd	Rumah Teres 2 Tingkat – 34 Unit **JUMLAH – 34 Unit**	06.08.2008

SENARAI PROJEK PERUMAHAN YANG DILULUSKAN
DARI APRIL 2008 - APRIL 2009

(SEBERANG PERAI SELATAN)

Bil	Lokasi	Pemaju	Komponen	Tarikh Kelulusan
1.	Jalan Berseri, Mukim 7, Nibong Tebal	Competitive Marge Sdn Bhd	Rumah Berkembar 2 Tingkat - 8 Unit	21.5.2008
2.	Taman Seruling Emas, Mukim 5	Asas Dunia Sdn Bhd	Rumah Sesebuah 2 tingkat – 3 Unit Rumah Berkembar 2 tingkat – 30 Unit	23.4.2008
3.	Mukim 11, Lot 5730 - 5734	Asas Dunia Sdn Bhd	Rumah Sesebuah 2 Tingkat - 36 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat - 148 Unit (Jenis A) Rumah Berkembar 2 Tingkat - 104 Unit (Jenis B)	16.7.2008
4.	Mukim 5 Dan Mukim 6	Asas Dunia Sdn Bhd	Rumah Teres Kos Sederhana Rendah – 58 unit Rumah Teres Kos Sederhana Rendah – 119 Unit (Jenis B) Town House (Kos Rendah) 2 tingkat - 271 unit	23.12.2008
5.	Mukim 5 (Lot 531) & Mukim 6 (137, 209)	Asas Dunia Sdn Bhd	Rumah Berkembar 2 Tingkat - 4 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat - 1 Unit	16.7.2008
6.	Mukim 4	Silver Resort Sdn Bhd	Rumah Teres 2 Tingkat - 42 Unit	23.4.2008
7	Lorong Belibis, Taman Tangling, Mukim 15	Lean Tah Dev. Con Sdn Bhd	Rumah Teres 2 Tingkat - 12 Unit	5.2.2009
8.	Bukit Tambun, Mukim 14	Juwanas Sdn Bhd	Rumah Sesebuah - 40 Unit	6.8.2008
9.	Jalan Bukit Pachor, Mukim 7	Superemacy Dev. Sdn Bhd	Rumah Kedai 2 Tingkat - 4 Unit Rumah Teres 2 Tingkat - 1 Unit	16.7.2008
10.	Mukim 9	Asia Bina Properties Sdn Bhd	Rumah Teres 3 Tingkat 12 Unit	7.7.2008
11.	Mukim 4	Perunding Rancang Megah	Rumah Teres 2 Tingkat - 28 Unit	24.9.2008
12.	Mukim 14	Cenropark Dev. Sdn Bhd	Rumah Teres 3 Tingkat - 20 Unit Rumah Teres 2 Tingkat - 46 Unit Rumah Teres 1 Tingkat - 7 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat - 2 Unit Rumah Berkembar 3 Tingkat - 6 Unit Rumah Berkembar 3 Tingkat 2 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat - 2 Unit	13.2.2009
13.	Pembangunan Bercampur, Mukim 9	JKP Sdn Bhd	Rumah Berkembar 1 Tingkat - 20 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat - 22 Unit Rumah Berkembar 2 1/2 Tingkat - 10 Unit Rumah Teres 2 Tingkat - 49 Unit Rumah Teres 2 Tingkat - 88 Unit Rumah Kos Sederhana Rendah - 108 Unit	23.12.2008
14.	Bukit Pachor, Mukim 7	JKP Sdn Bhd	Rumah Teres 2 Tingkat - 40 Unit Rumah Teres 1 Tingkat - 40 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat - 4 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat - 8 Unit	6.5.2008
15.	Sungai Bakap, Mukim 5	Garden City Realty	Rumah Berkembar 2 Tingkat - 50 Unit	30.6.2008

SENARAI PROJEK PERUMAHAN YANG DILULUSKAN
DARI APRIL 2008 - APRIL 2009

(SEBERANG PERAI UTARA)

Bil	Lokasi	Pemaju	Komponen	Tarikh Kelulusan
1.	Sungai Dua	Perbadanan Bekalan Air	Rumah Pam - I Unit	31.01.2008
2.	Telok Air Tawar	MWE Properties	Rumah Teres 2 Tingkat -49 unit Rumah Berkembar 2 Tingkat - 2 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat - 1 Unit	30.01.2008
3.	Kuala Bekah	Hexa Dinasti	Rumah Teres 1 Tingkat	13.2.2008
4.	Sungai Lokan	Hong Hong	Setor Kenderaan - 1 Unit	13.2.2008
5.	Sungai Lokan	Tet Gim Hin Trading	Kilang Dan Pejabat 1 Tingkat - 1 Unit	13.2.2008
6.	Bagan Ajam	Lean Fung	Kedai Pejabat 3 Tingkat - 1 Unit	13.2.2008
7.	Bagan Ajam	Tet Summer Space	Rumah Berkembar 2 Tingkat - 8 Unit Rumah Sesebuah - 2 Unit	26.3.2008
8.	Bagan Lalang	Tet Boon Siew	Rumah Teres 2 Tingkat - 152 Unit	9.4.2008
9.	Bagan Ajam	KJ Trading Sdn Bhd	Kedai Pejabat 3 Tingkat - 1 Unit Ruang Pameran 1 Tingkat - 1 Unit	18.6.2008
10.	Mak Mandin	Sin Chooi Huat	Rumah Sesebuah 2 1/2 Tingkat – 2 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat - 4 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat - 12 Unit	18.6.2008
11.	Bagan Ajam	Eastern Greenview	Rumah Berkembar 2 Tingkat - 12 Unit Rumah Berkembar 2 1/2 Tingkat – 2 Unit Rumah Teres 2 Tingkat - 78 Unit Rumah Teres 2 1/2 Tingkat - 2 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat - 1 Unit	18.6.2008
12.	Sungai Dua	Sunrise Accord	Rumah Berkembar 2 Tingkat - 10 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat -1 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat - 2 Unit	18.6.2008
13.	Sungai Lokan	Sheng Kim Hong	Gudang 1 Tingkat - 1 Unit	18.6.2008
14.	Mak Mandin	Sr Jayamas Corp	Rumah Berkembar 2 Tingkat - 8 Unit Rumah Sesebuah - 1 Unit	7.7.2008
15.	Taman Cengal	Evergreen 88 Sdn Bhd	Rumah Berkembar 2 1/2 Tingkat – 2 Unit Rumah Sesebuah 2 1/2 Tingkat – 4 Unit	16.7.2008
16.	Padang Benggali	Strarry Planner Sdn Bhd	Rumah Sesebuah 1 Tingkat - 4 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat - 24 Unit	6.8.2008
17.	Jalan Permatang Pauh	Geomarco Sofa & Shamrock Capital	Kilang Perabot Sofa - 1 Unit Kedai Pejabat 3 Tingkat - 6 Unit	6.8.2008
18.	Taman Bagan	Chain Ferry Dev.	Kedai Pejabat 2 Tingkat - 96 Unit Kedai Pejabat 3 Tingkat - 6 Unit	10.9.2008
19.	Kepala Batas	Liongwan	Kedai 1 Tingkat - 1 Unit	10.9.2008
20.	Mukim 6	G & C Utama	Pangsapuri Bandaran 3 Tingkat – 2 Unit	24.9.2008
21.	Sungai Dua	Indana Comst	Kedai Pejabat 2 Tingkat - 13 Unit Kedai Pejabat 1 1/2 Tingkat - 24 Unit Kedai Pejabat Berkembar 2 Tingkat –6 Unit	24.9.2008
22.	Jalan Bagan Luar	Chong Co.	Rumah Teres 2 Tingkat - 12 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat - 6 Unit	24.9.2008
23.	Bagan Jermal	Masterax Ind	Rumah Berkembar 3 Tingkat - 10 Unit Rumah Pangsa 12 Tingkat - 57 Unit	15.10.2008
24.	Jalan Ong Yi How	Perniagaan Shun Heng	Rumah Teres 2 Tingkat - 44 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat - 8 Unit	29.10.2008
25.	Sungai Puyu	Pengasas Dev.	Rumah Teres 2 Tingkat - 44 Unit	29.10.2008
26.	Sungai Dua	JKP Sdn Bhd	Rumah Teres 1 Tingkat - 18 Unit	15.10.2008
27.	Jalan Sungai Nyior	Praicon	Pusat Pameran	12.11.2008
28.	Lorong Bagan Luar 3	Syarikat Lapangan Perumahan	Hotel 20 Tingkat	12.11.2008
29.	Bertam	Bertam Properties	Rumah Klaster 2 Tingkat - 417 Unit	7.1.2009

Bil	Lokasi	Pemaju	Komponen	Tarikh Kelulusan
30.	Sungai Lokan	Hong Seng Assembely	Setor Kenderaan - 1 Unit	7.1.2009
31.	Bertam	USM	I Blok 3 Tingkat Pusat Perubatan Dan Pergigian / 1 Blok Makmal Haiwan	14.1.2009
32.	Taman Mewah	Puan Wong Siew Tin	Hotel 8 Tingkat	21.1.2009
33.	Bertam	Bertam Properties	Rumah Berkembar 1 Tingkat - 40 Unit	7.1.2009
34.	Tasek Gelugor	JKP Sdn Bhd	Rumah Berkembar 1 Tingkat - 36 Unit	23.1.2009
35.	Off Jalan Raja Uda	Asia Green Properties	Rumah Teres 3 Tingkat Strata Title – 39 Unit	4.2.2009
36.	Bertam	USM	Pusat Perubatan, Pergigian Dan Makmal Haiwan - 2 Unit	14.1.2009
37.	Jalan Ong Yi How	GCH Dev. Sdn Bhd	Pasaraya 2 Tingkat Dan 1 Tingkat Sub Basemen TLK - 1 Unit	4.2.2009
38.	Permatang Sintok	Kim Long Credit Dev	Kedai Pejabat 2 Tingkat - 4 Unit 1 Blok Kedai 2 Tingkat - 12 Unit	18.6.2008
39.	Off Jalan Kampung Gajah	Airmas Venture Sdn Bhd	Rumah Teres 3 Tingkat - 7 Unit Rumah Link 3 Tingkat - 26 Unit (Hak Milik Srata)	11.3.2009
40.	Bertam	Bertam Properties	Rumah Teres 1 Tingkat - 468 Unit	17.3.2009

SENARAI PROJEK PERUMAHAN DI KAWASAN MPSP YANG MEMOHON PENANGGUHAN PEMBINAAN RUMAH KOS RENDAH

BIL	PEMAJU	LOKASI	SEBAB-SEBAB PENANGGUHAN
1	Wistana Realty Sdn. Bhd	Taman Desa Pauh, Permatang Pauh	Masalah kegawatan ekonomi Pemajuan fasa 1 hanya melibatkan pembinaan kedai pejabat sahaja
2	PJD Eastern Land Sdn. Bhd	alan Assumption, Bagan Dalam	Masalah kegawatan ekonomi

Nota : Kelulusan penangguhan yang diberi oleh MPSP adalah berdasarkan sokongan daripada Bahagian Perumahan Negeri

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Namakan kilang-kilang milik tempatan dan pelabur asing yang telah ditutup sejak bulan Jun 2008 sehingga kini. Berikan jumlah pekerja tempatan dan pekerja asing mengikut negara yang telah diberhentikan kerja. Di manakah pekerja-pekerja asing itu sekarang ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Menurut data yang diperolehi daripada Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang, jumlah kilang yang telah ditutup sepanjang tahun 2008 ialah sebanyak 9 buah. Tiada kilang yang ditutup bagi tahun 2009 bagi tempoh Januari hingga Mac. Senarai kilang yang telah ditutup adalah seperti di Lampiran ID 44.

   Jumlah pekerja tempatan dari sektor perkilangan yang telah diberhentikan kerja bagi tahun 2008 dan tahun 2009 (Januari- Mac) ialah seramai 3,958 orang. Manakala jumlah pekerja asing dari sektor sama yang telah diberhentikan kerja sepanjang tempoh berkenaan pula ialah seramai 859 orang seperti di Lampiran.

Maklumat berhubung pecahan pekerja asing yang diberhentikan kerja mengikut negara tidak diperolehi daripada Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang. Menurut maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Imigresen, pekerja asing yang telah tamat tempoh permit akan dihantar pulang ke negara masing-masing.

Data pemberhentian pekerja warganegara dan pekerja warga asing mengikut pecahan sektor industri bagi tahun 2008 dan 2009.

JANUARI – DISEMBER 2008

		TEMPATAN		ASING		JUMLAH		
SEKTOR	**BIL MAJIKAN**	**L**	**P**	**L**	**P**	**TEMPATAN**	**ASING**	
PEMBUATAN	64	1363	1774	109	24	**3137**	**133**	
PERNIAGAAN	31	239	193	31	0	432	31	
PERKHIDMATAN	30	268	108	0	3	376	3	
PEMBINAAN	5	27	2	5	0	29	5	
PENGANGKUTAN	2	7	0	0	0	7	0	
JUMLAH	**132**	**1904**	**2077**	**145**	**27**	**3981**	**172**	**4153**

JANUARI – MAC 2009

		TEMPATAN		ASING		JUMLAH		
SEKTOR	**BIL MAJIKAN**	**L**	**P**	**L**	**P**	**TEMPATAN**	**ASING**	
PEMBUATAN	32	301	520	96	630	**821**	**726**	
PERNIAGAAN	15	12	18	0	0	30	0	
PERKHIDMATAN	8	51	24	4	0	75	4	
PEMBINAAN	2	9	5	0	0	14	0	
PENGANGKUTAN	1	3	0	3	0	3	0	
JUMLAH	**58**	**376**	**567**	**103**	**630**	**943**	**730**	**1673**

- pecahan mengikut kaum tidak dapat disedikan hanya mengikut jantina.

(ii) **Bilangan dan nama kilang yang tutup pada tahun 2008 dan 2009.**

TAHUN 2008

BIL	NAMA KILANG
(1)	Lednium Sdn Bhd
(2)	Sincere Apparel (MFG) Co. Sdn Bhd.
(3)	BCL Packaging S/B
(4)	Sunrock Steel Centre (M) Sdn. Bhd
(5)	Seapack Food Sdn Bhd
(6)	E-Green Technology Sdn Bhd
(7)	BM Trans Services
(8)	Trim Technologies (M) Sdn Bhd
(9)	Sadasanwa Engineering (M) Sdn Bhd

TAHUN 2009 – TIADA

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Apakah tindakan kerajaan negeri yang telah dan akan diambil untuk memastikan semua pekerja yang telah diberhentikan akibat penutupan kilang-kilang di negeri ini mendapat pekerjaan? Perincikan jumlah pekerjaan baru bagi setiap kilang atau tempat kerja baru di mana mereka ditempatkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (i) Dalam menghadapi krisis kemelesetan ekonomi, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah pro-aktif untuk mengurangkan kesan pengangguran yang akan berlaku dan meringankan beban ekonomi Negeri Pulau Pinang. Oleh yang demikian, semasa pembentangan Bajet 2009 pada Persidangan Dewan Undangan Negeri yang lalu, Kerajaan Negeri telah meluluskan dana sejumlah RM10 juta bagi mengurangkan kesan krisis ekonomi dengan menyediakan penempatan pekerjaan sementara serta latihan dan peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur.

Pada bulan Januari 2009, Kerajaan Negeri telah mengumumkan penubuhan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang (Penang Career Assistance and Training Centre [CAT]) yang telah dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri pada bulan Mac 2009. Pusat CAT ini bertanggungjawab untuk menghubungkan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari pekerjaan dengan peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan pusat CAT, mengenal pasti program latihan yang bersesuaian dan bekerjasama dengan ahli-ahli pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan.

Pusat CAT diuruskan oleh investPenang dengan mendapat sokongan padu daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPPP), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Untuk rekod, sehingga 24 Mac 2009 seramai 851 orang telah berdaftar dengan pusat CAT. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 2,683 buah kekosongan jawatan turut didaftarkan dengan pusat ini. Kebanyakan jawatan-jawatan kosong ini adalah untuk sektor perkilangan. Lanjutan dari itu, seramai 471 pendaftar yang berkelayakan telah dihubungkan ke syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka.

(ii) Menurut data yang diperolehi daripada MIDA, jumlah pekerjaan baru yang diwujudkan bagi tahun 2008 ialah sebanyak 22,215. Manakala perincian bagi tahun 2009 masih belum dikeluarkan oleh Jabatan berkenaan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. YAB Ketua Menteri telah membuat kenyataan bahawa kerajaan negeri telah berjaya menarik pelaburan RM10 bilion. Bilakah kilang-kilang akan mula dibina, akan siap dan mula beroperasi? Berapakah jumlah pekerja yang akan ditawarkan bagi setiap kilang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Daripada RM10.2 bilion pelaburan yang diluluskan oleh MIDA untuk Negeri Pulau Pinang, dalam tahun 2008, sebanyak 34 buah syarikat tempatan dan asing telah membeli tanah industri daripada PDC yang melibatkan tanah seluas 183 ekar. Kini, kilang-kilang tersebut telah dibina secara berperingkat-peringkat setelah pembayaran pembelian tanah sekurangnya 50% dijelaskan kepada PDC. Ketika permohonan dikemukakan oleh para pelabur berkenaan, jumlah pekerjaan yang akan ditawarkan oleh kesemua kilang-kilang ini adalah sebanyak 6,104 orang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kenapakah tanah sawah di lot-lot 428 dan 421 Mukim H kawasan pengairan Sg. Burung dibiarkan ditambun walaupun ianya telah diwartakan 161 (1953) - Pengairan Sungai Burung. Apakah tindakan telah diambil ke atas pemilik tanah dan oleh siapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Tanah Lot 428 dan Lot 421 Mukim H, di kawasan pengairan Sungai Burung, pemiliknya masih lagi mengusahakan tanaman padi dan merupakan hak milik persendirian, tanah kelas pertama. Kawasan tersebut telah diwartakan sebagai Kawasan Pengairan Sungai Burung manakala dari segi kegunaan tanah adalah sebagai kawasan tanaman padi.

   Kawasan pengairan Sungai Burung, Mukim H, sememangnya kawasan pengairan yang diwartakan bawah Ordinan Pengairan 1953. Tiada tanah yang boleh ditambun kecuali mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Bagi kes lot 428 dan 421 (sebenarnya lot 576 dan 570), perkara ini telah dibawa kepada pengetahuan Pentadbir Tanah Daerah Barat Daya. Buat masa ini arahan oleh Pentadbir Tanah Daerah telah dikeluarkan kepada tuan-tuan tanah terlibat agar mengorek dan mengangkut keluar tanah yang ditambun.

   Pemantauan berterusan akan dilakukan oleh Pentadbir Tanah Daerah Barat Daya supaya kegiatan tersebut tidak berterusan dan tindakan penguatkuasaan akan diambil di bawah Akta Pengairan 1953(Akta 386) ke atas mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Akta tersebut.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Terdapat tembok hakisan di kawasan pantai bersebelahan dengan gerai-gerai di hadapan Spice Garden, kenapa ia dibiarkan tidak dibaiki?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerja-kerja pembinaan tembok hakisan JPS *Secure Block* di hadapan Spice Garden akan dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang. Sebutharga untuk kerja tersebut telah dipanggil melalui e-Perolehan pada 13 April 2009 dan ditutup pada 20 April 2009. Kerja dijangka akan bermula pada 2 Mei 2009 dan siap pada 21 September 2009 (20 minggu).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Apakah nama tabung yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan negeri untuk membantu usahawan kecil bagi mendapatkan bantuan pinjaman kewangan. Apakah syarat dan peraturan pinjaman serta bayaran balik? Berapakah jumlah borang permohonan yang telah dikeluarkan dan berapa orang serta jumlah yang telah diberi bantuan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerajaan Negeri telah menubuhkan Tabung Modal Pusingan Peniaga Dan Penjaja Kecil Negeri Pulau Pinang (TMP) untuk membantu usahawan kecil mendapatkan bantuan pinjaman kewangan. PDC dilantik sebagai agensi pelaksana dan peruntukan berjumlah RM500,000.00 telah disalurkan kepada PDC untuk tujuan pelaksanaan TMP.

Syarat dan peraturan kelayakan bagi memohon pinjaman ini ialah peniaga dan penjaja kecil berumur 18 tahun ke atas yang bermastautin dan menjalankan perniagaan di Pulau Pinang, mempunyai lesen perniagaan yang sah dan mempunyai perancangan perniagaan yang berpotensi dan berdaya maju. Jumlah maksima pinjaman masih dikaji dengan tempoh bayaran balik maksima 5 tahun. Jenis perniagaan yang layak mendapat pinjaman adalah meliputi perniagaan berikut;

(i) Gerai makanan dan minuman, gerai pasar, penjualan barang-barang keperluan harian, kain dan pakaian, pinggan mangkuk, perkakasan dapur, barangan runcit, perhiasan, ubatan tradisional, kosmetik;

(ii) Pemprosesan makanan, kuih-muih, penghasilan kraftangan dan sebagainya;

(iii) Perkhidmatan seperti bengkel servis kenderaan, kimpalan, jahitan, gunting rambut, membaiki radio/tv, pengiklanan dan membuat papan tanda, membaiki kasut, mengurut, cucian kereta dan lain-lain.

Sehingga 27 Mac 2009, sebanyak 662 borang permohonan telah diterima oleh PDC. Seramai 214 pemohon telah dilawati oleh pasukan naziran yang terdiri daripada pihak UPEN, PDC, MPPP, MPSP dan Pejabat Daerah. Setakat ini, bantuan pinjaman belum dikeluarkan kepada mana-mana pemohon, kerana memerlukan penelitian cadangan projek dan melibatkan peraturan kewangan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Sila nyatakan dengan terperinci pelan pemasaran pelancongan Negeri Pulau Pinang yang merangkumi sektor MICE, perubatan pelancongan, eko-pelancongan, MM2H, cruise (kapal mewah) dan warisan. Apakah sasaran ketibaan untuk setiap sektor bagi tahun 2009 dan apa yang dicapai bagi tahun 2008 mengikut sektor?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kerajaan negeri telah menggariskan 10 teras utama pembangunan pelancongan iaitu :

(a) Pelancongan Perubatan
(b) Pelancongan Kebudayaan, Warisan dan Sejarah
(c) Pelancongan Pendidikan
(d) Pelancongan Eko
(e) Pelancongan Sukan
(f) Ibu Pejabat Wilayah bagi MNCs
(g) Pusat MICE
(h) Dataran Kulinari
(i) Pusat Filem dan Kesenian, dan
(j) Pusat Membeli-belah.

Berdasarkan teras di atas, kerajaan negeri telah menyusun program promosi dan pemasaran melalui kaedah berikut:

(i) Menerbitkan risalah-risalah pelancong mengenai tempat-tempat yang indah dilawati serta bekerjasama dengan pihak-pihak pemain industri pelancongan;

(ii) Mengeluarkan iklan dalam majalah-majalah pelancongan di dalam dan luar negeri;

(iii) Mewujudkan papan-papan iklan (billboards) pelancongan di kawasan strategik;

(iv) Mengadakan program-program keraian menyambut kedatangan pelancong;

(v) Mengambil bahagian dan turut serta dalam pameran-pameran pelancongan antarabangsa iaitu di United Kingdom, Timur Tengah, Eropah dan Asia; dan

(vi) Menganjurkan lawatan familiarisasi untuk mereka yang terlibat dengan pelancongan dari luar negeri.

Daripada program-program dan aktiviti-aktiviti tersebut, kerajaan negeri mensasarkan peningkatan bilangan pelancong dalam dan luar negeri pada tahun ini memandangkan sambutan yang amat menggalakkan daripada promosi-promosi yang telah dibuat. Bilangan pelancong yang telah melawat Pulau Pinang bagi tahun 2008 adalah seramai 576,151 yang terdiri daripada dalam dan luar negara.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Nyatakan jumlah ketibaan pelancong mengikut negara yang dicatat oleh Jabatan Imigresen di pelabuhan dan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas bagi tahun 2008?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Jumlah ketibaan pelancong mengikut negara yang dicatat oleh Jabatan Imigresen di pelabuhan dan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas bagi tahun 2008 adalah seperti berikut:-

Bagi tahun 2008, negeri Pulau Pinang telah menerima ketibaan pelancongan melalui lapangan terbang dan pelabuhan seperti berikut :

BIL	NEGARA	KETIBAAN PELANCONG	
		LAPANGAN TERBANG	PELABUHAN
1	Singapore	56,386	23,856
2	Australia	14,056	11,161
3	New Zealand	1,771	564
4	Canada	4,056	825
5	United Kingdom	16,602	6,595
6	Hong Kong (British)	407	288
7	Hong Kong (C.I)	74	12
8	Sri Lanka	406	327
9	Bangladesh	858	62
10	India	6,425	16,198
11	Brunei Darulsalam	148	839
12	Others Commonwealth Countries	3,613	1,086
13	United State	20,298	3,259
14	China	22,854	4,896
15	Russia	606	121
16	America Latin	1,801	284
17	Arabia Countries	2,058	980
18	West Germany	6,888	907
19	France	2,271	703
20	Norway, Sweden Denmark	2,905	619
21	Belgium, Luxemburg & Netherland	744	397
22	Other West Europe Countries	4,399	438
23	East Europe	1,249	158
24	Philippines	3,926	3,025
25	Thailand	21,069	1,249
26	Taiwan	29,248	449
27	Indonesia	198,352	26,194
28	Pakistan	929	472
29	Jepan	26,772	7,608
30	South Korea	5,519	901
31	Others	3,945	1,043
	Jumlah	**460,635**	**115,516**

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Nyatakan temu janji-temu janji dengan agensi-agensi pelancongan di pameran-pameran antarabangsa di Australia, Britain, Singapura, Thailand dan Jerman yang disertai oleh kerajaan negeri. Apakah pencapaian yang diperolehi dan berapakah perbelanjaan yang telah dibuat? Sila beri secara terperinci. Sila nyatakan rombongan kerajaan dan swasta daripada Pulau Pinang yang bersama dengan kerajaan negeri dalam penyertaan-penyertaan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Bilangan temu janji dengan agensi-agensi pelancongan dan pencapaian berdasarkan pameran-pameran yang telah disertai dari November 2008 hingga Mac 2009 yang diperolehi oleh kerajaan negeri adalah seperti di Jadual 1.

(b) Jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM111,194.67. Berdasarkan Lampiran 1 itu juga dijelaskan penyertaan dari pihak kerajaan negeri dan pihak swasta.

JADUAL

SENARAI PENYERTAAN PAMERAN PELANCONGAN ANTARABANGSA 2008/09.

Bil	Pameran Yang Disertai	Pameran Yang Disertai	Kos	Jumlah Temujanji
1.	7th Asia Pacific Incentives & Meetings Expo (AIME) Melbourne, Australia, 17 – 18 Februari 2009	1.Y.B. Tuan Danny Law Heng Kiang Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan, Pelancongan, Kebudayaan,Kesenian dan Warisan Negeri Pulau Pinang. 2. En. Firdaus Abdul Wahab Pegawai UPEN 3. En. Yuszarudin Yusop Pegawai Pelancongan PDC 4. Cik Lydiawati Oon Khairil Oon Pegawai	RM14,968.80	25
2.	NATAS Travel Fair, Singapura 27 Februari– 1 Mac 2009	1.Y.B. Tuan Lau Keng Ee ADUN Pengkalan Kota 2.Cik Lydiawati Oon Khairil Oon Pegawai Pelancongan PDC 3.Wakil-wakil dari Hotel Paradise Sandy Beach Resort, Hydro Majestic Hotel dan G Hotel	RM17,176.46	15
3.	14th Discover Thailand & Discover World 2008 Exhibition, Thailand 30 Okt - 2 Nov 2008	1. En. Yuszarudin Yusop Pegawai Pelancongan PDC 2.En Mohd Rizal Mohd Rodzi Pegawai Pelancongan PDC	RM16,257.00	24
4.	World Travel Market (WTM), London10 – 13 November 2008	1.Y.B. Tuan Lim Hock Seng Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya. Utilti, dan Pengangkutan 2.En. Yuszarudin Yusop Pegawai Pelancongan PDC 3.Cik Lydiawati Oon Khairil Oon Pegawai Pelancongan PDC	RM30,059.61	34
5.	InternationaleTourismus Borse (ITB), German 11 – 15 Mac 2009	1.Y.B. Tuan Danny Law Heng Kiang Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan, Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Pulau Pinang. 2.En. Ong Thiam Hiong Pengurus Besar Penang Global Toursim Sdn Bhd 3.En. Yuszarudin Yusop Pegawai Pelancongan PDC	RM32,732.80	40

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sila nyatakan kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Warisan yang dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri sejak ditubuhkan tahun lepas setelah George Town disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia. Sila berikan tarikh dan anggota-anggota jawatankuasa yang hadir. Apakah perancangan yang telah dipersetujui oleh mesyuarat-mesyuarat berkenaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (i) Bandar George Town dan Melaka telah diterima sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada 7 Julai 2008. Bagi menggerakkannya, Jawatankuasa telah ditubuhkan di peringkat negeri yang dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri. Tarikh-tarikh mesyuarat adalah seperti berikut:-

Bil	Nama Jawatankuasa	Tarikh Mesyuarat
(a)	Jawatankuasa Pemandu Warisan	26.3.2009
(b)	Panel Penasihat Warisan Pulau Pinang	19.11.2008 & 16.8.2008

(ii) Senarai Ahli Jawatankuasa Pemandu Warisan Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

(a) YAB Ketua Menteri (Pengerusi)

(b) Pengerusi Jawatankuasa MMK Kebudayaan, Kesenian dan Warisan

(c) Pengerusi Jawatankuasa MMK Kerajaan Tempatan

(d) Pengerusi Jawatankuasa MMK Perancang Bandar dan Desa

(e) YB Setiausaha Kerajaan Negeri

(f) YB Penasihat Undang-Undang Negeri

(g) YB Pegawai Kewangan Negeri

(h) Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri

(i) Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang

(j) Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa

(k) Wakil Jabatan Warisan Negara

(l) Wakil Badan Warisan Malaysia

(m) Wakil Penang Heritage Trust

(n) Lain-lain yang dilantik :

(i) Pengarah Jabatan Muzium dan Antikuiti

(ii) Pengarah Kebudayaan, Kesenian dan Warisan

(iii) Wakil Majlis Agama Islam Pulau Pinang

(iv) Wakil Dewan Perniagaan Melayu

(v) Wakil Universiti Sains Malaysia

(vi) Wakil Dewan Perniagaan Cina

(vii) Wakil Dewan Perniagaan India

(viii) Wakil Liga Muslim

(ix) Wakil Kongsi

(o) Ex-Officio:

(i) Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan, MPPP

(ii) Pengarah Jabatan Bangunan, MPPP

(iii) Pengarah Jabatan Warisan, MPPP

(iv) Pengarah Kejuruteraan, MPPP

(v) Pengarah Perkhidmatan Perbandaran MPPP

(vi) Pengurus Besar, Pejabat Warisan Dunia

(iii) Senarai Panel Penasihat Warisan Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

(i) YAB Tuan Lim Guan Eng
Ketua Menteri Pulau Pinang

(ii) YB Tuan Ramasamy a/l Palanisamy
Pengerusi MMK Perancang Ekonomi Negeri, Pendidikan dan Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi

(iii) YB Dato' Jamaludin bin Hasan
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

(iv) YB Puan Faiza bt Zulkifli
Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang

(v) YB Dato' Supiah bt Md Yusuf
Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang

(iv) YB Dato' Zainal Rahim bin Seman
Yang DiPertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang

(vii) Prof. Dato' Dr. Siti Zuraina Abdul Majid
National Heritage Department

(viii) Prof. Madya Dr. Yahaya Ahmad
Jabatan Warisan Negara, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia

(ix) Asst. Prof. Dr. Abdul Ghafar Ahmad
School of Housing, Building and Planning, USM

(x) Asst. Prof. Dr. Badaruddin Mohamad
Institut Pengajian Siswazah, USM

(xi) Asst. Prof. Dr. Amran Hamzah
Tourism Planning Research Group, Faculty of Built Environment UTM

(xii) Asst. Prof. Dr. Syed Zainol Syed Abidin Idid
Urban Design and Conservation Research Unit
Faculty of Build Environment, UTM

(xiii) Dr. Badriyah Haji Salleh

(xiv) YBhg Dato' Anwar Fazal

(xv) Encik Laurence Loh

(xvi) Ms Janet Pillai

(xvii) Encik Tan Yeow Wooi

(xviii) Puan Khoo Salma

(xix) Lim Gaik Siang

(xx) Dr. Choong Sim Poey

(xxi) Tengku Dato' Idaura binti Tengku Ibrahim

(xxii) Dato' Dr. Sharom Ahmad

(xxiii) Dato' Stephen Yeap

(xxiv) Encik Hamdan bin Abdul Majid

(xxv) Miss Janet Tee

(xxvi) Datuk Ramanathan

(xxvii) Dato' Ong Gim Huat

(xxviii) Dato' Cheah See Kian

(xxix) Asst. Prof. Dr. Lee Lik Meng
Bahagian Pembangunan Lestari dan Koporat, USM

(xxx) Lim Yoke Mui
School of Housing, Building and Planning, USM

(xxxi) Ms Ambiga Devy

(xxxii) Mr. Tan Thean Siew

(xxxiii) Mr. Khoo Kay Peng

(xxxiv) Mr. Cecil Rajendra

(xxxv) Mr. Ramachandran a/l Jayaraman

(xxxvi) Datin Ir. Teng Chiu Chew Ying

(xxxvii) Dato' Ghulam Sarwar Yosoff

(xxxviii) Asst. Prof. Dr. Eric Goh

(xxxix) Encik Ahmad Chik

Perancangan yang telah dipersetujui untuk dilaksanakan adalah:-

(a) Memulihara bangunan untuk dikekalkan sebagai warisan;

(b) Menjalankan penyelidikan untuk menentukan sejarah bangunan dan pemilihan; dan

(c) Untuk menimbulkan kesedaran tentang pentingnya warisan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Apakah status projek flora dan fauna di kawasan Hutan Lipur Teluk Bahang yang di usaha dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri dan Projek Suffolk House yang telah di biar kosong lebih daripada 14 bulan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Persiapan (pembinaan infrastruktur) bagi projek flora dan fauna di kawasan Hutan Lipur Teluk Bahang telah pun disiapkan sejak tahun 2007 dan pertengahan tahun 2008 secara berperingkat. Namun demikian terdapat kerja-kerja tambahan yang perlu dilaksanakan ke atas kandang harimau (tiger enclosure) disebabkan kerosakan yang agak serius akibat hujan lebat di sekitar bulan Ogos dan September 2008. Buat masa sekarang pihak Jabatan Perhutanan sedang mendapatkan khidmat perunding bagi menyelaraskan kerja-kerja pembaikan supaya ianya selamat untuk digunakan.

Kerja-kerja ini dijangkakan dapat disiapkan sepenuhnya pada pertengahan tahun 2009 ini. Bagi tujuan pameran orkid dan reptilia yang lain, prasarana sudah disiapkan dan boleh digunakan

Sementara bagi kerja-kerja baik pulih Rumah Suffolk, pada 24 Disember 2008, Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) telah menguruskan sebut harga untuk Pengurusan Rumah Suffolk. Sebut harga secara terbuka telah ditawarkan kepada orang awam melalui e-Perolehan pada 5 Januari 2009 dan ditutup pada 30 Januari 2009. Keputusan sebut harga itu telah dipamerkan di dalam e-Perolehan pada 20 Mac 2009.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Apakah status pewartaan Pulau Jerjak sebagai hutan simpanan kekal yang telah diluluskan pada tahun 2007 dan apakah kemajuan taman negeri yang telah dipersetujui oleh Dewan yang mulia ini? Mengapakah kawasan di Pulau Jerjak yang telah ditebang pokoknya seluas hampir 1 ekar masih dibiarkan terbuka sejak 14 bulan yang lalu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerajaan negeri sememangnya mempunyai perancangan pembangunan pelancongan yang akan dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan. Melalui Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 di bawah dasar sektoral (Alam Sekitar) telah menggariskan satu dasar yang berkaitan dengan penwartaan Pulau Jerejak iaitu di bawah dasar DS55 L6 iaitu Memulihara dan mewartakan hutan lipur, hutan paya laut, hutan penyelidikan dan pelajaran sebagai sumber pelancongan eko dan hutan simpan kekal.

    Taman Negeri dimaksudkan adalah:-

    - Pulau Jerejak
    - Hutan Lipur Bukit Panchor

    Manakala kawasan di Pulau Jerejak yang telah ditebang pokoknya seluas 1 ekar juga merupakan sebahagian dari kawasan pembangunan Perbadanan Bekalan Air Negeri Pulau Pinang (PBAPP). PBAPP telah diminta mengambil tindakan sewajarnya ke atas kawasan yang terlibat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi membersihkan pantai Persiaran Gurney yang telah dipenuhi lumpur?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. MPPP telah dipertanggungjawab untuk menjalankan pembersihan sampah sarap dari pantai dan sampah terapung dari laut. Majlis telah melantik kontraktor FA Resources untuk menjalankan pembersihan jalan dan parit termasuk sampah sarap dalam celah batu-batu di tepi pantai dan ianya dijalankan pada setiap hari. Pada masa yang sama, Majlis juga melantik kontraktor Persatuan Nelayan Negeri Pulau Pinang (Pen Mutiara) untuk membersihkan sampah sarap terapung dari laut di kawasan berkenan.

    Bagi pembersihan lumpur di Persiaran Gurnay, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan tindakan seperti berikut:

    Di bawah kajian ISMP (Integrated Shorline Management Plan) pihak Perunding telah dimaklumkan mengenai masalah pencemaran lumpur di sekitar perairan Pulau Pinang, termasuk di Gurney Drive. Kajian ini dijangka akan siap pada akhir bulan Disember 2009.

    Bagi untuk pelaksanaannya, JPS perlu memohon peruntukan untuk menangani masalah ini dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh.

    Skop kerja untuk pembersihan lumpur ini merupakan kerja-kerja sand nourishment dan membina groyne.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Sila nyatakan jabatan yang mengawasi kerja-kerja penambakan IJM di kawasan berdekatan Jambatan Pulau Pinang. Adakah pasir-pasir yang digunakan diperolehi daripada kawasan diluluskan oleh pihak Pejabat Tanah dan Galian dan Jabatan Alam Sekitar? Sila nyatakan lokasi yang diluluskan dan jumlah isi padu pasir yang dibenarkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Kerja-kerja penambakan tanah yang dibuat oleh IJM di kawasan berdekatan Jambatan Pulau Pinang dikawal selia oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Pejabat Tanah. Pasir-pasir yang dibawa masuk bagi kerja-kerja tambakan tersebut tidak berasal dari perairan Pulau Pinang, tetapi diangkut dari perairan Kedah. Kontraktor yang menjalankan kerja-kerja tebus guna tersebut telah memperolehi permit yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Asli di bawah Akta Pelantar Benua.

VI. Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah rancangan pembangunan pelancongan semula jadi yang mungkin akan dibuat oleh kerajaan negeri di daerah Seberang Perai Selatan? Kalau ada, sila nyatakan jenis projek pembangunannya dan lokasi serta waktu pelaksanaannya nanti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan negeri sememangnya mempunyai perancangan tersendiri bagi negeri ini. Bagi Daerah Seberang Perai Selatan, pembangunan pelancongan semula jadi akan diperkenalkan sebagai produk pelancongan untuk tarikan pelancong-pelancong domestik dan antarabangsa seperti melihat kelip-kelip (firefly watching) di sepanjang Sungai Kerian, aktiviti melihat burung (bird watching) di Pulau Burung dan kegiatan jungle tracking di Taman Negeri Bukit Panchor. Ketiga-tiga aktiviti ini dilihat mampu menjadi daya tarikan baru kepada pelancong ke Seberang Perai Selatan khususnya dan Negeri Pulau Pinang amnya.

   Di samping itu, satu Jawatankuasa Tindakan Pelancongan akan diwujudkan di Daerah Seberang Perai Selatan bagi membincang, mencadang dan melaksanakan program-program untuk meningkatkan kemudahan dan menggalakkan promosi pelancongan di daerah ini.

   Bagi aktiviti melihat kelip-kelip, peruntukan telah dipohon daripada Kementerian Pelancongan bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur dan landskap di Jeti Kampung Pengkalan dan Kampung Sanglang. Peruntukan tambahan juga akan dipohon dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi menyediakan kemudahan-kemudahan lain seperti kaunter tiket dan gerai-gerai perniagaan di kawasan tersebut. Pelaksanaan projek-projek yang dicadangkan ini bergantung kepada kelulusan peruntukan dan agensi yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek ini.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sila senaraikan nama atau syarikat, kawasan kerja, jadual waktu melakukan tugas dan nombor telefon pegawai bertugas serta tarikh tamat perjanjian bagi setiap kontrak pembersihan sampah, pemotong rumput dan pencucian parit atau longkang serta pengurusan pasar awam yang terdapat di KADUN Jawi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Nama syarikat, kawasan kerja, jadual waktu melakukan kerja, nombor telefon pegawai bertugas serta tarikh tamat perjanjian bagi setiap kontrak pembersihan Perkhidmatan Pungutan Sampah (PPS) dan Kerja Pembersihan Am (KPA) bagi KADUN Jawi adalah seperti berikut:-

PROFIL KAWASAN

1. PARLIMEN: P47: NIBONG TEBAL Y.B. ENCIK TAN TEE BENG

2. PPKP(K) : ENCIK OMAR JAMIL B. OSMAN

   NO. TEL : 012 – 4740567

3. PPKP : ENCIK ABD. RAHMAN B. ABDULLAH

   NO. TEL : 019 – 4976352

4. PKAK : HO KUN THONG

   NO. TEL : 019 – 4528583

5. KONTRAKTOR: PPS:

   (i) SANJUNG INDAH ENT. (S11 K 3)
   NO. TEL : 019 517 2293

   TARIKH TAMAT PERJANJIAN : 07.02.2003 HINGGA DIAMBIL ALIH OLEH PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL (DARI BULAN KE BULAN)

   (ii) PERNIAGAAN UMPAN JAYA (S12 K1)
   NO. TEL : 012 284 8096

   TARIKH TAMAT PERJANJIAN : 31.03.2003 HINGGA DIAMBIL ALIH OLEH PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL (DARI BULAN KE BULAN)

   (iii) BERJAYA TARADING (S12 K2)
   NO. TEL : 012 5211549

   TARIKH TAMAT PERJANJIAN : 23.04.2002 HINGGA DIAMBIL ALIH OLEH PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL (DARI BULAN KE BULAN)

   KONTRAKTOR: KPA:

   (i) BAIDURI MEKAR ENT. (S11 KF)
   NO. TEL : 013 4746499
   TARIKH TAMAT PERJANJIAN : 01.02.2007 HINGGA 31.01.2010 (DARI BULAN KE BULAN)

   (ii) PERUSAHAAN TABAH (S11 KG)
   NO. TEL: 012 5370369
   TARIKH TAMAT PERJANJIAN : 01.02.2007 HINGGA 31.01.2010 (DARI BULAN KE BULAN)

   (iii) PERNIAGAAN UMPAN JAYA (S12 KA)
   NO. TEL : 017 -019 5506833
   TARIKH TAMAT PERJANJIAN : 01.02.2007 HINGGA 31.01.2010 (DARI BULAN KE BULAN)

   (iv) KOPERASI PEMBANGUNAN DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN (S12 KB)
   NO. TEL : 017 405 7352
   TARIKH TAMAT PERJANJIAN : 01.02.2007 HINGGA 31.01.2010 (DARI BULAN KE BULAN)

   (v) PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN TASEK SPS (S12 KC)
   NO. TEL: 012 4560786
   TARIKH TAMAT PERJANJIAN : 01.02.2007 HINGGA 31.01.2010 (DARI BULAN KE BULAN)

1	**KADUN : N19 JAWI Y.B. EN. TAN BENG HUAT**				
2	**PKA**	**NAMA**	**SUNDRAM A/L VENGADASON**		
		NO. TEL	**019 – 424 7689**		
3	**SEKTOR KONTRAKTOR**:				
	A	**SANJUNG INDAH ENT. (S11 K3)**	1	PPS (A + C)	Tmn. Jawi Jaya, Flat Jawi Jaya (2 CU), Tmn. Desa Jawi, Flat Desa Jawi (20 Chute), Tmn. Sintar.
			2	PPS (B + C)	Perkampung Jawi, Tmn. Jawi Jaya(RK), Flat Jawi Jaya (2 CU), Tmn. Desa Jawi (RK), Flat Desa Jawi (20 Chute), Tmn. Sintar (RK).
			3	PPS (A + C)	Tmn. Jawi Jaya, Flat Jawi Jaya (2 CU), Tmn. Desa Jawi, Flat Desa Jawi (20 Chute), Tmn. Sintar.
			4	PPS (B + C)	Perkampung Jawi, Tmn. Jawi Jaya(RK), Flat Jawi Jaya (2 CU), Tmn. Desa Jawi (RK), Flat Desa Jawi (20 Chute), Tmn. Sintar (RK).
			5	PPS (A + C)	Tmn. Jawi Jaya, Flat Jawi Jaya (2 CU), Tmn. Desa Jawi, Flat Desa Jawi (20 Chute), Tmn. Sintar.
			6	PPS (B + C)	Perkampung Jawi, Tmn. Jawi Jaya(RK), Flat Jawi Jaya (2 CU), Tmn. Desa Jawi (RK), Flat Desa Jawi (20 Chute), Tmn. Sintar (RK).
			7	PPS (C)	Tmn. Jawi Jaya(RK), Flat Jawi Jaya (2 CU), Tmn. Desa Jawi, Flat Desa Jawi (20 Chute), Tmn. Sintar (RK).
	B	**PERNIAGAAN UMPAN JAYA (S12 K1)**	1	PPS (A + C)	Tmn. Penting, Tmn Veerappan, Tmn, Camar, Tmn. Bersatu, Tmn. Belatuk, Tmn. Permai, Rumah Murah Lama, Rumah Kos Rendah, JKR Quarters, Tmn. Helang Jaya, Tmn, Permai, Tmn. Sentosa (RK)
			2	PPS (B + C)	Tmn. Sentosa (RK), Tmn. Permai (RK), Tmn. Penting (RK), Tmn. Camar (RK), Tmn. Belatuk (RK).
			3	PPS (A + C)	Tmn. Penting, Tmn Veerappan, Tmn, Camar, Tmn. Bersatu, Tmn. Belatuk, Tmn. Permai, Rumah Murah Lama, Rumah Kos Rendah, JKR Quarters, Tmn. Helang Jaya, Tmn, Permai, Tmn. Sentosa (RK)
			4	PPS (B + C)	Tmn. Sentosa (RK), Tmn. Permai (RK), Tmn. Penting (RK), Tmn. Camar (RK), Tmn. Belatuk (RK).

			5	PPS (A + C)	Tmn. Penting, Tmn Veerappan, Tmn, Camar, Tmn. Bersatu, Tmn. Belatuk, Tmn. Permai, Rumah Murah Lama, Rumah Kos Rendah, JKR Quarters, Tmn. Helang Jaya, Tmn, Permai, Tmn. Sentosa (RK)
			6	PPS (B + C)	Tmn. Sentosa (RK), Tmn. Permai (RK), Tmn. Penting (RK), Tmn. Camar (RK), Tmn. Belatuk (RK).
			7	PPS (C)	Tmn. Sentosa (RK), Tmn. Permai (RK), Tmn. Penting (RK), Tmn. Camar (RK), Tmn. Belatuk (RK).
	C	**BERJAYA TRADING (S 12 K 2)**	1	PPS (A + C)	Tmn. Perindustrian N. Tebal, Tmn. Cenderawasih Indah, Tmn. Cenderawasih, Tmn. Panchor Indah, Tmn. Bukit Panchor, Tmn. Merbah, Tmn. Berseri, Tmn. Nibong Indah, Kpg. Tong Hai, Kpg. Sheik Adam, Tmn. Nibong Tebal Jaya, Flat N.T. Jaya (2 CU), Tmn. Berjaya (RK), Tmn. Sri Maju, Tmn. Bahagia, Tmn, N. Tebal, Tmn, Nuri, Tmn. Bistari, Depan Lgd. Kalidonia, Sg. Daun (2 CU), Kpg. Kebun Baru (3 CU), Ldg. Byram, Jalan Byram (1 CU).
			2	PPS (B + C)	Tmn. Sentosa, Tmn. N.Tebal, Tmn. Nuri, Kpg. Pinang, Tmn. Bahagia, Tmn., Sri Maju, Tmn. Sri Nibong, Tmn. Berjaya, Kpg. Gereja, Kpg. Arjunan, Tmn, Bistari, Tmn. Cowin, Tmn Weng Tee, Tmn. N.T.Jaya(RK), Flat N.T. Jaya (2 CU), Tmn. N.Tibong Indah,Tmn. Perindustrian N. Tebal, Tmn. Cenderawasih, Tmn. Panchor Indah, Tmn. Bukit Panchor, Tmn, Merbah. Tmn. Berseri, Depan Lgd. Kalidonia, Sg. Daun (2 CU), Kpg. Kebun Baru (3 CU), Ldg. Byram, Jalan Byram (1 CU).
			3	PPS (A + C)	Tmn. Perindustrian N. Tebal, Tmn. Cenderawasih Indah, Tmn. Cenderawasih, Tmn. Panchor Indah, Tmn. Bukit Panchor, Tmn. Merbah, Tmn. Berseri, Tmn. Nibong Indah, Kpg. Tong Hai, Kpg. Sheik Adam, Tmn. Nibong Tebal Jaya, Flat N.T. Jaya (2 CU), Tmn. Berjaya (RK), Tmn. Sri Maju, Tmn. Bahagia, Tmn, N. Tebal, Tmn, Nuri, Tmn. Bistari, Depan Lgd. Kalidonia, Sg. Daun (2 CU), Kpg. Kebun Baru (3 CU), Ldg. Byram, Jalan Byram (1 CU).
			4	PPS (B + C)	Tmn. Sentosa, Tmn. N.Tebal, Tmn. Nuri, Kpg. Pinang, Tmn. Bahagia, Tmn., Sri Maju, Tmn. Sri Nibong, Tmn. Berjaya, Kpg. Gereja, Kpg. Arjunan, Tmn, Bistari, Tmn. Cowin, Tmn Weng Tee, Tmn. N.T.Jaya(RK), Flat N.T. Jaya (2 CU), Tmn. N.Tibong Indah,Tmn. Perindustrian N. Tebal, Tmn. Cenderawasih, Tmn. Panchor Indah, Tmn. Bukit Panchor, Tmn, Merbah. Tmn. Berseri, Depan Lgd. Kalidonia, Sg. Daun (2 CU), Kpg. Kebun Baru (3 CU), Ldg. Byram, Jalan Byram (1 CU).

			5	PPS (A + C)	Tmn. Perindustrian N. Tebal, Tmn. Cenderawasih Indah, Tmn. Cenderawasih, Tmn. Panchor Indah, Tmn. Bukit Panchor, Tmn. Merbah, Tmn. Berseri, Tmn. Nibong Indah, Kpg. Tong Hai, Kpg. Sheik Adam, Tmn. Nibong Tebal Jaya, Flat N.T. Jaya (2 CU), Tmn. Berjaya (RK), Tmn. Sri Maju, Tmn. Bahagia, Tmn, N. Tebal, Tmn, Nuri, Tmn. Bistari, Depan Lgd. Kalidonia, Sg. Daun (2 CU), Kpg. Kebun Baru (3 CU(, Ldg. Byram, Jalan Byram (1 CU).
			6	PPS (B + C)	Tmn. Sentosa, Tmn. N.Tebal, Tmn. Nuri, Kpg. Pinang, Tmn. Bahagia, Tmn., Sri Maju, Tmn. Sri Nibong, Tmn. Berjaya, Kpg. Gereja, Kpg. Arjunan, Tmn, Bistari, Tmn. Cowin, Tmn Weng Tee, Tmn. N.T.Jaya(RK), Flat N.T. Jaya (2 CU), Tmn. N.Tibong Indah,Tmn. Perindustrian N. Tebal, Tmn. Cenderawasih, Tmn. Panchor Indah, Tmn. Bukit Panchor, Tmn, Merbah. Tmn. Berseri, Depan Lgd. Kalidonia, Sg. Daun (2 CU), Kpg. Kebun Baru (3 CU), Ldg. Byram, Jalan Byram (1 CU).
			7	PPS (A + C)	Tmn. Perindustrian N. Tebal, Tmn. Cenderawasih Indah, Tmn. Cenderawasih, Tmn. Panchor Indah, Tmn. Bukit Panchor, Tmn. Merbah, Tmn. Berseri, Tmn. Nibong Indah, Kpg. Tong Hai, Kpg. Sheik Adam, Tmn. Nibong Tebal Jaya, Flat N.T. Jaya (2 CU), Tmn. Berjaya (RK), Tmn. Sri Maju, Tmn. Bahagia, Tmn, N. Tebal, Tmn, Nuri, Tmn. Bistari, Depan Lgd. Kalidonia, Sg. Daun (2 CU), Kpg. Kebun Baru (3 CU(, Ldg. Byram, Jalan Byram (1 CU).
	D	**BAIDURI MEKAR ENTERPRISE (S11 K F)**	1	KPA	Tmn. Jawi Jaya (A) - Jalan Jawi Jaya 1 hingga 14 - Lorong Jawi Jaya 1 hingga 14
			2	KPA	Tmn. Jawi Jaya (B) - Jalan Jawi Jaya 5 hingga 7 - Lorong Jawi Jaya 15 hingga 18
			3	KPA	Pusat Perniagaan Jawi Jaya
			4	KPA	Tiada
			5	KPA	Pusat Perniagaan Jawi Jaya
			6	KPA	Tiada

	E	**PERUSAHAAN TABAH (S11 K G)**	1	KPA	Kawasan Perniagaan Desa Jawi
			2	KPA	Tiada
			3	KPA	Kawasan Perniagaan Desa Jawi
			4	KPA	Perkampungan Jawi, Kawasan Perniagaan Desa Jawi
			5	KPA	Pekan Changkat
			6	KPA	Taman Desa Jawi (i) Kpg. Bagan Buaya sebulan (ii) Changkat Estate sekali sahaja
	F	**PERNIAGAAN UMPAN JAYA (S12 K A)**	1	KPA	Taman Bukit Panchor, Jln. Masuk Bukit Panchor, Tmn. Panchor Indah (RK), Tmn. Berseri, Tmn. Perindustrian Nibong Tebal.
			2	KPA	Tmn. Cenderawasih, Tmn. Cenderawasih Indah, Tmn. Sintar (RK), Tmn. Sintar Indah.
			3	KPA	Tmn. Cenderawasih Indah, Tmn. Perindustrian Nibong Tebal, Tmn. Panchor Indah, Tmn. Merbah,Tmn. Berseri.
			4	KPA	Tmn. Sintar, Tmn. Sintar Indah, Tmn. Cenderawasih (RK), Tmn. Cenderawasih Indah.
			5	KPA	Taman Merbah, Tmn. Berseri, Tmn. Sri Bayu, Tmn. Bukit Panchor (RK), Tmn. Panchor Indah, Tmn. Perindustrian Nibong Tebal.
			6	KPA	Taman Bukit Panchor, Jln. Masuk Panchor Indah, Tmn. Cenderawasih (RK), Taman Cenderawasih Indah, Tmn. Sintar, Tmn. Sintar Indah.

	G	**KOPERASI PEMBANGUNAN DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN (S12 K B)**	1	KPA	Taman Penting Tmn. Camar, Tmn. Bersatu, Tmn. Belatuk (RK)
			2	KPA	Taman Sri Permai, Tmn. Sri Permai 2, Tmn. Belatuk.
			3	KPA	Taman Helang, Tmn. Helang Jaya, Kpg. Che Aminah, Tmn. Camar (RK), Tmn. Belatuk, Tmn. Penting.
			4	KPA	Perindustrian Bukit Panchor
			5	KPA	Tmn. Permai, Tmn. Veerappan, Kpg. Stesen.
			6	KPA	Tmn. Camar (RK), Tmn. Belatuk, Tmn. Penting.
	H	**PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN TASEK SEBERANG PERAI SELATAN (S12 KC)**	1	KPA	Tmn. Sri Maju, Tmn. Sri Nibong, Tmn, Bahagia, Tmn. Berjaya (RK), Tmn. Bistari, Tmn. Nibong Tebal Jaya, Pusat Perniagaan Taman Sentosa, Tmn., Nibong Indah.
			2	KPA	Tmn Bistari, Kpg. Pinang, Kpg. Sheik, Adam, Tmn. Cowin, Tmn. Weng Tee, Jln. R. Arjunan.
			3	KPA	Tmn. Sentosa, Tmn. Nibong Indah, Tmn. Sri Maju (RK), , Tmn, Berjaya, Tmn. Bistari, Tmn. Nibong Tebal Jaya, Pusat Perniagaan Taman Sentosa, Tmn. Sri Nibong.
			4	KPA	Simpang Lingkaran Masuk Pekan Nibong Tebal, Kpg. Kebun Baru, Tmn, Berjaya.
			5	KPA	Simpang N.T. Jaya, Kg. Tong Hai, Tmn. Sri Maju, Tmn., Sri Nibong, Tmn, Berjaya. Tmn Bistari, Tmn. Nibong Tebal Indah, Pusat Perniagaan Tmn. Sentosa.
			6	KPA	Kpg. Teluk Ipil, Kpg. Che Isa, Kpg. Victoria, Tmn. Nuri

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR

DUN: **N19** **NAMA PKA:** **SUNDRAM A/L VENGADASON**

NAMA	**TAMAN/KAWASAN YANG DIBERI PERKHIDMATAN**		**NO. TELEFON**
SANJUNG INDAH ENT.	1.	TAMAN JAWI JAYA (A + C)	019 – 517 2293
(PPS S11 K3 & K3T)	2.	FLAT JAWI JAYA (2 TONG CU)(A+ C)	012 – 574 7492
	3.	TAMAN DESA JAWI (A + C)	
NO: 1-B KOMPLEKS	4.	FLAT DESA JAWI (20 TONG CHUTE) (A + C)	
PELADANG,	5.	TAMAN SINTAR (A + C)	
JALAN KULIM,	6.	PERKAMPUNG JAWI (B)	
BUKIT MERTAJAM			
SPT.			

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR

DUN: **N19** **NAMA PKA:** **SUNDRAM A/L VENGADASON**

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR:

NAMA	**TAMAN/KAWASAN YANG DIBERI PERKHIDMATAN**	**NO. TELEFON**
PERNIAGAAN UMPAN JAYA(PPS S12 K1 & T) NO: 40, TINGKAT 1, JALAN JAWI JAYA 1, TAMAN JAWI JAYA, 14200 SUNGAI JAWI, SPS	1. TAMAN PENTING (A + C)	019 – 584 8096
	2. TAMAN VEERAPPAN (A)	012 – 686 0490
	3. TAMAN CAMAR (A + C)	04 – 582 6518
	4. TAMAN BERSATU (A	
	5. TAMAN BELATUK (A + C)	
	6. TAMAN SRI PERMAI (A)	
	7. RUMAH MURAH LAMA (A)	
	8. RUMAH KOS RENDAH (A)	
	9. JKR QUARTERS JLN BUKIT PANCHOR (A)	
	10. TAMAN HELANG JAYA (A)	
	11. TAMAN PERMAI (A)	
	12. TAMAN SENTOSA (R. KEDAI 35 UNIT) (C)	

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR

DUN: **N19** **NAMA PKA:** **SUNDRAM A/L VENGADASON**

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR:

NAMA	**TAMAN/KAWASAN YANG DIBERI PERKHIDMATAN**	**NO. TELEFON**
BERJAYA TRADING (PPS S 12 K2 & T) NO. 2243, SIMPANG SEMBILAN 14300 NIBONG TEBAL, SPS	1. TMN. PERINDUSTRIAN N.TBAL (A + C)	012 521 1549
	2. TAMAN CENDERAWASIH (A + C)	
	3. TAMAN CENDERAWASIH INDAH (A + C)	
	4. TAMAN PANCHOR INDAH (A + C)	
	5. TAMAN BUKIT PANCHIR (A + C)	
	6. TAMAN MERBAH (A + C)	
	7. TAMAN BERSERI @ PING WAH (A + C)	
	8. TAMAN NIBONG INDAH (A + C)	
	9. TAMAN NIBONG TEBAL JAYA (A + C)	
	10. TAMAN SRI NIBONG (B + C)	
	11. TAMAN SRI MAJU (B + C)	
	12. TAMAN BAHAGIA (B + C)	
	13. TAMAN BERJAYA (B + C)	
	14. TAMAN SENTOSA (B)	
	15. TAMAN NIBONG TEBAL (B + C)	
	16. TAMAN NURI (B + C)	
	17. TAMAN BISTARI (b + C)	
	18. TAMAN COWIN (B)	
	19. TAMAN WENG TEE (B)	
	20. KAMPUNG TONG HAI (A)	
	21. KAMPUNG SHAIK ADAM (A)	
	22. KAMPUNG PINANG (B)	
	23. KAMPUNG GEREJA (B)	
	24. KAMPUNG R. ARJUNAN (B)	
	25. FLAT NIBONG TEBAL JAYA (2 TONG CU)	
	26. LADANG KALIDONIA (2 TONG CU)	
	27. KAMPUNG KEBUN BARU (3 TONG CU)	
	28. LADANG BYRAM (1 TONG CU)	

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR

DUN: **N19** **NAMA PKA:** **SUNDRAM A/L VENGADASON**

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR:

NAMA		**TAMAN/KAWASAN YANG DIBERI PERKHIDMATAN**	**NO. TELEFON**
BAIDURI MEKAR ENT	1.	TAMAN JAWI JAYA	013 – 474 6499 019 – 517 2293 04 - 538 4757
(KPA S11 KF) NO. 1952, KUBANG MENERONG 13300 TASEK GELUGOR SPU, P. PINANG			

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR

DUN: **N19** **NAMA PKA:** **SUNDRAM A/L VENGADASON**

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR:

NAMA		**TAMAN/KAWASAN YANG DIBERI PERKHIDMATAN**	**NO. TELEFON**
PERUSAHAAN TABAH JADUAL PEMBERSIHAN PARIT JALAN NEGERI (1 KALI SEBULAN) (KPA S11 KG) NO. 9, LORONG BELATUK 5, TAMAN BELATUK, 14300 NIBONG TEBAL, SPS	1. 2. 3. 4. 5. 6.	TAMAN DESA JAWI PERKAMPUNG JAWI PEKAN CHANGKAT KAMPUNG BAGAN BUAYA JALAN KERIAN KEDAH JALAN CHANGKAT ESTET	012 – 537 0369 016- 408 9975 017 – 451 4744

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR

DUN: **N19** **NAMA PKA:** **SUNDRAM A/L VENGADASON**

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR:

NAMA		**TAMAN/KAWASAN YANG DIBERI PERKHIDMATAN**	**NO. TELEFON**
PERNIAGAAN UMPAN JAYA (KPA S12 KA) NO. 40, TINGKAT 1, JALAN JAWI JAYA TAMAN JAWI JAYA 14200 SUNGAI JAWI, SPS	1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	TAMAN BUKIT PANCHOR JALAN MASUK TMN BUKIT PANCHOR TAMAN CENDERAWASIH TAMAN CENDERAWASIH INDAH PERINDUSTIRAN NIBONG TEBAL, JALAN BESAR TAMAN SINTAR TAMAN SINTAR INDAH TAMAN MERBAH TAMAN BERSERI TAMAN SRI BAYU TAMAN PANCHOR INDAH JALAN MASUK TMN. PANCHOR INDAH	012 – 584 8096 019 – 550 6833 017 – 531 7344 04 – 582 5331

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR

DUN: **N19** **NAMA PKA:** **SUNDRAM A/L VENGADASON**

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR:

NAMA		**TAMAN/KAWASAN YANG DIBERI PERKHIDMATAN**	**NO. TELEFON**
KOPERASI PEMBANGUNAN DAERAH SPS BERHAD	1.	TAMAN PENTING	017 – 405 7352
	2.	TAMAN CAMAR	04 – 582 7020
	3.	TAMAN BERSATU	
	4.	TAMAN SRI PERMAI	
(KPA S12 KB)	5.	TAMAN SRI PERMAI 2,	
	6.	TAMAN HELANG / HELANG JAYA	
NO. 1, MEDANIAGA PERDA,	7.	KAMPUNG CHE AMINAH	
FASA 2, JALAN SERINDIT	8.	PERINDUSTRIAN BUKIT PANCHOR	
14200 SUNGAI JAWI, SPS	9.	TAMAN PERMAI	
	10.	TAMAN VEERAPPAN	
	11.	KAMPUNG STESEN	
		JADUAL PEMBERSIHAN PARIT JALAN NEGERI (1 KALI SEBULAN)	
	1.	JALAN BUKIT PANCHOR KE KILANG HUNZA	

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR

DUN: **N19** **NAMA PKA:** **SUNDRAM A/L VENGADASON**

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR:

NAMA		**TAMAN/KAWASAN YANG DIBERI PERKHIDMATAN**	**NO. TELEFON**
(KPA S 12 K C)	1.	TAMAN SRI MAJU	04 - 5087716
	2.	TAMAN SRI NIBUNG	
PPK TASAEK	3.	TAMAN BESTARI	
161, LORONG SS 1	4.	KAMPUNG PINANG	
BANDAR TASEK MUTIARA	5.	KAMPUNG SHEIK ADAM	
SIMPANG EMPAT	6.	TAMAN COWIN	
SEBERANG PERAI SELATAN	7.	TAMAN SENTOSA	
	8.	TAMAN NIBUNG TEBAL INDAH	
	9.	KAMPUNG VICTORIA	
	10.	SIMPANG LINGKARAN MASUK PEKAN N.T	
	11.	TAMAN NIBUNG TEBAL JAYA	
	12.	KAMPUNG KEBUN BARU	
	13.	KAMPUNG TELUK IPIL	
	14.	KAMPUNG TONG HAI	
	15.	KAMPUNG ARJUNAN	
	16.	KAMPUNG CHE ISA	
	17.	TAMAN BAHAGIA	
	18.	TAMAN BERJAYA	
	19.	TAMAN WENG TEE	
	20.	TAMAN NURI	

Bagi kontrak pemotongan rumput pula merangkumi semua jalan-jalan negeri di luar kawasan bandar di Seberang Perai. Kontrak tersebut adalah untuk tempoh 3 tahun mulai 16 Januari 2007 hingga 15 Januari 2010. Kekerapan pemotongan rumput adalah 3 minggu sekali pusingan dan terdapat sebanyak 17 pusingan dalam setahun. Bidang tugas adalah seperti berikut:

(i) Memotong rumput di rizab jalan

(ii) Memotong/mencabut/membuang tumbuhan/pokok yang menjalar/menjurai masuk ke rezab jalan

(iii) Mencakar dan membersihkan sisa rumput/tumbuhan/pokok dan sampah sarap ringan yang terdapat di rizab jalan.

Nama Kontraktor : Berjaya Trading.

Tajuk : Perkhidmatan Pemotongan Rumput Dan Pembersihan Bahu Jalan-Jalan Negeri Di Seluruh Seberang Perai. (Zon SPU-B).

No. Tawaran : T0606008

No. Fail : MPSP/19-3/297 Jadual pemotongan yang terbaru:

Pusingan Ke-5 mulai 01-04-2009 hingga 21-04-2009
Pusingan Ke-6 mulai 22-04-2009 hingga 12-05-2009
Pusingan Ke-7 mulai 13-05-2009 hingga 02-06-2009
Pusingan Ke-8 mulai 03-06-2009 hingga 23-06-2009

Pegawai bertugas: Lawrence Cheong
Penolong Pegawai Pertanian Kanan
Jabatan Perancang Bandar dan Pengindahan
Majlis Perbandaran Seberang Perai
No. Telefon : 012-4810176

Bagi kontraktor pasar awam pula, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) masih menggunakan perkhidmatan kontraktor Syarikat Kelana Sinergi Sdn. Bhd. Kerja-kerja dijalankan di dalam skop seperti membersihkan pasar dan membuat kutipan kepada ruang niaga. Nombor telefon kontraktor berkenaan adalah 04-3701082.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sila huraikan secara terperinci mengenai pencapaian yang telah pun diperolehi oleh kerajaan dalam pelaksanaan rancangan pembangunan tempatan di daerah Seberang Perai Selatan. Apakah rancangan infrastruktur masa depan yang mungkin akan dilakukan oleh kerajaan di daerah Seberang Perai Selatan nanti?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) telah dimulakan pada 2 Februari 2009 dan dalam peringkat penyediaan laporan awal oleh pihak perunding yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan iaitu *RNR Planning.* Sebelum memulakan kajian, pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mengadakan publisiti awal pada 25 Ogos 2008 dan berbagai pandangan, cadangan dan isu telah dikenal pasti untuk diambil kira dan dikaji termasuklah isu yang berkaitan dengan kemudahan infrastruktur dan utiliti.

Selain itu, dasar Rancangan Struktur yang berkaitan dengan kemudahan infrastruktur di SPS akan diperincikan di dalam cadangan pembangunan Rancangan Tempatan Daerah SPS ini. Antaranya adalah pelaksanaan pembinaan Jambatan Kedua yang menyambungkan Batu Kawan dengan Batu Maung, pembangunan Penang City Centre (PCC 3) di Seri Ampangan, SPS dan lain-lain. Pihak MPSP telah menyediakan deraf Rancangan Pembangunan Tempatan bagi Daerah SPS untuk tahun 2008 hingga 2020.

Manakala pencapaian yang telah pun diperolehi oleh kerajaan dalam pelaksanaan rancangan pembangunan tempatan di Daerah SPS melalui JKR adalah seperti di Lampiran A.

SENARAI PROJEK BANGUNAN YANG DISELIA OLEH JKR SEBERANG PERAI SELATAN
(PROJEK YANG TELAH SIAP DAN DALAM PEMBINAAN)

BIL.	PROJEK-PROJEK	KOS PROJEK	CATATAN
	PROJEK PERSEKUTUAN :		
	Projek Siap :		
	Kementerian Pelajaran Malaysia : (DE)		
1	SMK TUN SYED SHEH BARAKBAH, SUNGAI BAKAP	RM 7,698,970.70	SIAP
2	SMK TUNKU ABDUL RAHMAN, NIBONG TEBAL.	RM 6,941,766.80	SIAP
	Kementerian Pelajaran Malaysia : (Fasa 2)		
3	SMK MUTIARA IMPIAN, SIMPANG EMPAT. (BILIK KEBAL)	RM 389,396.00	SIAP
4	SMK BATU KAWAN, SIMPANG EMPAT (BILIK KEBAL)	RM 432,581.00	SIAP
5	PEJABAT PELAJARAN DAERAH (BILIK KEBAL)	RM 417,595.00	SIAP
	Projek Dalam Perlaksanaan :		
	Kementerian Pelajaran Malaysia : (Fasa 2)		
1	SMK SERI NIBONG, NIBONG TEBAL. (DEWAN PERHIMPUNAN)	RM 2,886,314.00	Kemajuan Projek : 88%
4	SK SERI SENTOSA, NIBONG TEBAL.	RM 2,871,108.00	Kemajuan Projek : 35%
5	SJK CINA CHONG KUANG, SUNGAI BAKAP	RM 3,051,970.00	Kemajuan Projek : 95%
6	SK PERMATANG TOK MAHAT, NIBONG TEBAL	RM 6,542,186.00	Kemajuan Projek : 61%
7	SK SUNGAI BAKAP, SUNGAI BAKAP	RM 2,498,600.00	Kemajuan Projek : 98%
	Kementerian Pelajaran Malaysia : (Fasa 3)		
1	SK SUNGAI DURI , SUNGAI BAKAP	RM 2,095,842.34	Kemajuan Projek : 37%
2	SK SUNGAI KECHIL , NIBONG TEBAL	RM 3,198,578.00	Kemajuan Projek : 42%
3	SK SUNGAI SETAR, NIBONG TEBAL	RM 3,493,823.68	Kemajuan Projek : 20%
	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat :		
1	DEWAN NUR SEBERANG PERAI, NIBONG TEBAL.	RM 748,299.00	Kemajuan Projek : 92%
	PROJEK JAIPP:		
1	PEMBINAAN BANGUNAN SEKOLAH KAFA DI MASJID SUNGAI KECHIL, NIBONG TEBAL, SPS.	RM 910,664.00	SIAP

SENARAI PROJEK BANGUNAN YANG AKAN DILAKSANAKAN
DI SEBERANG PERAI SELATAN

BIL.	PROJEK-PROJEK	KOS PROJEK	CATATAN
	Projek Telah Ditender :		
1	SJK TAMIL LADANG JAWI, SPS. (tender semula - menggunakan konsep IBS)	RM 680,000.00	Tarikh tutup tender : 23/03/2009
	Projek Dalam Perancangan :		
	PROJEK JAIPP :		
1	PEMBINAAN 1 BLOK BANGUNAN 2 TINGKAT KELAS KAFA DI MASJID LAMA SUNGAI BAKAP, SPS.	RM 600,000.00	Penyediaan Dokumen Tender
2	PEMBINAAN BARU SRA QARIAH MASJID AL-ISLAH, PERMATANG TOK MAHAT, SPS.	RM 600,000.00	
	PROJEK PENDIDIKAN :		
1.	PUSAT KEGIATAN GURU (PKG) NIBONG TEBAL, SPS.	RM 2,500,000.00	KIV (ditangguh sebab tiada tapak gantian)
	PROJEK KEMENTERIAN KESIHATAN :		
1.	KLINIK DESA DENGAN KUARTERS TASEK, SPS.	RM 1,000,000.00	Peringkat rekabentuk

SENARAI PROJEK JALAN YANG DISELIA OLEH JKR SEBERANG PERAI SELATAN
(PROJEK YANG TELAH SIAP, DALAM PEMBINAAN DAN PERANCANGAN)

BIL.	PROJEK-PROJEK	KOS PROJEK	CATATAN
	PROJEK YANG TELAH SIAP		
1.	Menaiktaraf Jalan Persekutuan termasuk viaduct di Nibong Tebal dan di Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan.	RM 141,000,000.00	Siap pada 2003
2.	Mengganti jambatan 729/4 dan naiktaraf persimpangan FT 001/ Jalan Changkat, Jawi, Seberang Perai selatan.	RM 2,500,000.00	Siap pada Oktober 2007
3.	Mengganti jambatan 737/9 dan naiktaraf persimpangan FT 001/ Simpang Ampat, Seberang Perai selatan.	RM 1,000,000.00	Siap
4.	Jalan baru menghubungkan jalan Utama USM, MRSM dan JKP ke Sungai Kechil, Seberang Perai Selatan.	RM 9,500,000.00	Siap pada 2006
5.	Pembinaan jejantas pejalan kaki di Jalan persekutuan 1, Seksyen 732.5, Sungai Bakap seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.	RM 526,973.50	Siap pada November 2007

LAMPIRAN A

SENARAI PROJEK JALAN YANG DISELIA OLEH JKR SEBERANG PERAI SELATAN
(PROJEK YANG TELAH SIAP, DALAM PEMBINAAN DAN PERANCANGAN)

BIL.	PROJEK-PROJEK	KOS PROJEK		CATATAN
	PROJEK DALAM PEMBINAAN			
1.	Naiktaraf Laluan Persekutuan FT 149 dari Simpang Ampat ke Persimpangan Plaza Tol Bukit Tambun , Seberang Perai Selatan.	RM	12,763,052.00	Dalam pembinaan (kemajuan 3 %)
2.	Menaiktaraf Laluan Persekutuan FT 150 dari Persimpangan Pa' Boi ke Bukit Tambun, Seberang Perai selatan.	RM	15,978,411.00	Dalam pembinaan (kemajuan 3 %)
	PROJEK DALAM PERANCANGAN			
1.	Menaiktaraf Jalan dari Pekan Tasek ke Sempadan Seberang Perai Tengah.	RM	15,200,000.00	Dalam proses tender
2.	Program menaiktaraf keselamatan Jalan Persekutuan 1, Section 738.8, Simpang Empat, Daerah Selatan, Seberang Perai Selatan.	RM	600,000.00	Dalam proses tender
3.	Tengah, Seberang Perai selatan.	RM	-	n
4.	Jejambat menghubungkan Jalan Transkrian ke Jalan Permatang Tok Mahat, Seberang Perai selatan.	RM	15,000,000.00	Dalam perancangan
5.	Jalan alternatif menghubungi Jalan Persekutuan FT 001 ke kawasan Perindustrian Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan.	RM	3,000,000.00	Dalam perancangan
6.	Menaiktaraf Jalan bagan buaya ke Stadium Batu Kawan, Seberang Perai Selatan.	RM	9,000,000.00	Dalam perancangan
7.	Pembinaan Jalan Baru menghubungkan Sungai Setar ke Parit Kasa, Seberang Perai Selatan.	RM	5,500,000.00	Dalam perancangan
8.	Pembinaan Jambatan baru merentasi sungai di atas landasan P 169, Kpg.Tanjung Berembang, seberang Perai Selatan.	RM	13,390,000.00	Dalam perancangan

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah rancangan pembangunan yang akan dibuat oleh kerajaan terhadap semua tanah yang terbiar di bawah talian kabel elektrik, tanah-tanah terbiar yang berada di bawah jambatan JKR, tanah-tanah JPS di tebing sungai, tanah-tanah di tepi landasan kereta api, semak-samun yang berada di tepi jalan raya dan lain-lain lagi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Tanah-tanah yang berada di bawah kabel talian TNB sama ada laluan TNB 132 KV atau 275 KV adalah tanah-tanah persendirian. Pihak TNB menggunakan ruang udara lot-lot yang terlibat melalui Akta Bekalan Elektrik 1990, di mana nilai kerosakan dan kecacatan tanah akibat laluan tersebut dibayar oleh TNB kepada tuan-tuan tanah. Memandangkan tanah-tanah tersebut adalah tanah milik persendirian, maka kerajaan tidak ada perancangan untuk membangunkan tanah-tanah tersebut.

   Manakala tanah-tanah tepi jalan yang dirizabkan sebagai *Right Of Way* (ROW) JKR, dan tanah-tanah rizab Keretapi Tanah Melayu (KTM), ianya tidak boleh digunakan untuk lain-lain tujuan, dan perlu kekal sebagaimana yang dirizabkan. Penyelenggaraan tanah-tanah ini dijalankan oleh agensi-agensi yang bertanggungjawab menjaga tanah rizab tersebut.

   Bagi tanah rizab JPS di tebing Sungai, pihak JPS telah mengenal pasti beberapa kawasan sungai yang berpotensi dan boleh diusahakan untuk projek-projek pertanian seperti di rizab Sungai Muda dan rizab Sungai Rambai. Permohonan boleh dibuat melalui YB Exco Pertanian dengan syarat keluasan tapak dan jarak dari tebing sungai perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan dari pihak JPS. Bagi rizab Sungai yang lain, pihak JPS tidak membenarkan sebarang aktiviti dijalankan dalam kawasan tersebut kerana diperlukan untuk tujuan penyelenggaraan sungai.

   Pihak JKR tidak mempunyai rancangan pembangunan terhadap semua tanah yang terbiar di bawah jambatan JKR dan semak-samun yang berada di tepi jalan raya. Semua tanah yang terbiar di bawah jambatan JKR akan digunakan sebagai laluan untuk penyenggaraan jambatan tersebut. Manakala semak samun yang berada di dalam rizab dan di tepi jalan akan digunakan bagi tujuan perancangan masa depan untuk pelebaran jalan.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Lot-lot lidi yang sedia wujud adalah merupakan satu masalah tertangguh dan terbiar sejak dahulu lagi. Apakah kaedah yang akan digunakan oleh kerajaan untuk mengatasi dengan sepenuhnya tentang segala masalah mengenai lot-lot lidi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Konsep lot lidi sebenarnya tidak ada di dalam undang-undang Kanun Tanah Negara. Tetapi telah digunakan secara meluas yang bermaksud sekeping tanah telah dipecah kepada beberapa plot tertentu, di mana plot-plot tersebut kemudiannya dijual. Pembeli kepada plot-plot tersebut mendirikan rumah di atas plot masing-masing tetapi plot-plot tersebut tidak didaftarkan suratan hakmilik berasingan.

   Terdapat dua senario berkaitan dengan lot lidi ini. Pertamanya ialah pemilik-pemilik tanah memiliki tanah secara bersama, contohnya tuan-tuan tanah seramai 20 orang dan nama-nama mereka didaftarkan sebagai pemilik di dalam geran tanah. Mereka masing-masing mendirikan rumah, dan berkongsi satu geran yang tidak dipecahkan. Pendaftaran nama mereka dalam hak milik adalah dibolehkan memandangkan tanah-tanah ini adalah tanah *first grade*. Masalah yang timbul bagi mereka-mereka ini ialah masalah perkongsian geran hakmilik dan nama tuan tanah berdaftar menggadai tanah kepada bank atau tuan tanah menjual tanah kepada pihak ketiga. Dalam situasi ini

Pentadbir-Pentadbir Tanah menasihatkan pembeli-pembeli plot supaya memasukkan kaveat ke atas lot induk tanah, dan mengadakan perbincangan dengan tuan tanah berdaftar supaya mengambil tindakan ke arah pecah sempadan tanah agar pembeli memperolehi hakmilik individu masing-masing.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Terdapat ramai rakyat sering kali mengeluh tentang kualiti perkhidmatan dan pengurusan yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Apakah tindakan yang telah pun diambil oleh kerajaan untuk meyakinkan semula masyarakat terhadap mutu perkhidmatan dan pengurusan pihak MPSP?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Berdasarkan rekod aduan yang diterima oleh pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), isu-isu yang sering dibangkitkan adalah:

(i) Longkang / parit
(i) Haiwan
(ii) Sampah
(iv) Jalan
(v) Pokok

Bilangan aduan yang diterima pada tahun 2008 adalah sebanyak 5214 dan sebanyak 4420 telah diselesaikan iaitu 84.77%.

Bilangan aduan yang belum selesai keseluruhannya bagi tahun ini iaitu sehingga bulan Mac 2009 adalah sebanyak 597 daripada 1348 yang diterima iaitu 44.29%.

Aduan-aduan yang sukar diselesaikan adalah berhubung dengan masalah banjir, kerosakan pada struktur parit dan longkang, isu *gradient* dan sebagainya. Kesukaran ini adalah disebabkan peruntukan kewangan yang besar diperlukan untuk penyelesaian perkara tersebut. Walau bagaimanapun, MPSP sentiasa berusaha untuk mohon peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Sementara menunggu peruntukan kewangan tersebut bengkel-bengkel telah diadakan yang bertujuan untuk melaksanakan program-program yang dirancang oleh MPSP, iaitu:-

(i) Menjalankan program gotong royong di kawasan aduan yang tinggi;

(ii) Meningkatkan program LA 21 terhadap isu-isu tertentu;

(iii) Menamatkan kontraktor yang bermasalah; dan

(iv) Melaksanakan kaedah seorang Ahli Majlis di bawah satu KADUN di dalam meningkatkan kerjasama dengan penduduk setempat untuk menanganiisu pembersihan.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B.Tuan Tan Beng Huat) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Peniaga-peniaga jalanan yang tiada berlesen didapati berkeliaran di merata-rata tempat di Negeri Pulau Pinang. Apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk membantu dan menghalalkan punca pendapatan mereka?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Peniaga-peniaga jalanan yang dimaksudkan adalah daripada kategori yang berjalan kaki tanpa sebarang kenderaan semasa berniaga. Mereka akan melawat ke kedai kopi, restoran dan sebagainya untuk berniaga seperti peniaga cakera padat (CD). Hanya peniaga yang menjual CD cetak rompak sahaja dibuat tangkapan oleh pegawai daripada Kementerian Perdagangan Dan Hal Ehwal Pengguna.

Tindakan yang telah diambil oleh kerajaan negeri ialah dengan mengeluarkan permit penjaja sementara kepada penjaja-penjaja berkenaan dan mereka perlu mematuhi semua syarat yang ditetapkan. Selain itu, sebagai usaha untuk mengemas kini dasar-dasar sedia ada penjaja-penjaja tepi jalan, satu bengkel telah diadakan pada 04 April 2009 yang bertujuan untuk mengambil kira kemungkinan terdapat pertambahan peniaga kecil baru akibat kegawatan ekonomi serta bertindak sebagai pemudah cara untuk membantu penjaja-penjaja ini.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Apakah rancangan pembangunan yang akan dibuat oleh kerajaan untuk mengatasi masalah banjir yang sering kali berlaku di sekitar kawasan tebing Sungai Jawi? Sila senaraikan kos perbelanjaan yang telah dibiayai oleh kerajaan dalam masa 10 tahun yang lepas untuk kerja-kerja pembersihan sungai tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Rancangan pembangunan yang akan dibuat bagi mengatasi masalah banjir di kawasan tebing Sungai Jawi adalah dengan pelaksanaan Projek Tebatan Banjir Sungai Jejawi Seberang Perai Selatan. Mengikut kajian yang dibuat oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), kos projek dianggarkan berjumlah RM33 juta. Permohonan untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut telah dikemukakan kepada Kerajaan Pusat dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Skop kerja yang akan dilaksanakan adalah mendalam dan melebarkan Sungai Jawi sepanjang 12 km, pembinaan parit monsun, ban, kolam takungan, pintu kawalan dan rumah pam.

   Kos pembersihan Sungai Jawi dalam masa 10 tahun lepas adalah sebanyak RM900,000.00. Dengan kerja-kerja pembersihan dan pemantauan yang kerap, masalah banjir akan dapat diatasi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Sila senaraikan semua projek rumah kos rendah atau sederhana yang akan dibangunkan di KADUN Jawi. Berapakah bilangan projek perumahan biasa yang telah dibina dalam kawasan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Senarai projek perumahan rumah kos rendah atau sederhana yang akan dibangunkan di KADUN Jawi adalah seperti di Lampiran A.

   Terdapat 4 projek perumahan yang sedang dipertimbangkan permohonan kebenaran merancang oleh MPSP bagi kawasan KADUN Jawi. Dari jumlah tersebut, 1 projek yang mengandungi komponen rumah kos rendah.

   Manakala jumlah projek perumahan yang telah diluluskan di KADUN Jawi dari tahun 2004 hingga Mac 2009 sebanyak 14 projek. Dari jumlah tersebut, 196 unit rumah kos rendah telah diperuntukkan.

   Senarai projek perumahan yang sedang dipertimbangkan permohonan kebenaran merancang dan senarai projek perumahan yang telah diluluskan kebenaran merancang di kawasan KADUN Jawi dari tahun 2004 – 2009 seperti berikut:-

SENARAI PROJEK PERUMAHAN YANG SEDANG DI DALAM PERTIMBANGAN DI KAWASAN DUN JAWI, SPS

Bil.	Lokasi	Pemaju	Jenis Pembangunan	Bil. Unit
1.	Lot 5204 Mk. 11 SPS	Chi Lung Holding Sdn. Bhd.	Rumah sebuah 2 tkt Rumah berkembar 2 tkt Rumah Klaster 2 tkt Rumah Kedai 2 tkt Rumah Kos Rendah	106 184 112 48 168
2.	Lot 3974 Mk. 11 SPS	Kwantarna Base Dev Sdn Bhd	Rumah sebuah 2 tkt Rumah berkembar 2 tkt Rumah teres 2 tkt	6 12 40
3.	Lot 3366 Mk. 11 SPS	Vibrant Elite Sdn. Bhd	Rumah teres 1 1/2 tkt Rumah teres 1 tkt Rumah berkembar Rumah sebuah	36 52 36 16
4.	Lot 5727 - 5728 Mk 11 SPS	Asas Dunia Sdn.Bhd	Rumah teres 2 tkt	186
5.	Lot 6351 & 6370 Mk. 7 SPS	Happy Enviroment	Kedai sebuah 3 tkt Kedai pejabat 3 tkt	6 23
6.	Lot 493 & 536 Mk. 7 SPS	Asia Bina Sdn. Bhd.	Rumah Berkembar 2 tkt Rumah teres 2tkt	22 67

SENARAI PROJEK PERUMAHAN YANG TELAH DILULUSKAN DARI 2004 – 2009 DI DALAM KAWASAN DUN JAWI, SPS

Bil.	Lokasi	Pemaju	Jenis Pembangunan	Bil. Unit	Tarikh Lulus
1.	Lot 6176 MK. 7 SPS	Kwantarna Base Sdn. Bhd	Rumah sebuah Rumah teres Kedai pejabat	4 34 12	30.7.2004
2.	Lot 2054 Mk. 11 SPS	Clear Frontier Sdn. Bhd	Rumah sebuah Rumah berkembar	24 16	31.12.2004
3.	Lot 2703 Mk. 7 SPS	Asian Grandeur Sdn. Bhd	Rumah teres kos sederhana	211	30.4.2004
4.	Lot 2674 & 2677 Mk 11 SPS	Elit Intelek Bina	Rumah kos sederhana Rumah kedai 2 tkt Rumah Banglo	85 4 2	17.12.2005
5.	Lot 509 Mk. 11 SPS	Primajadi Sdn. Bhd	Rumah sebuah Rumah teres Townhouse kos rendah	38 197 72	30.9.2005
6.	Lot 2703 Mk. 7 SPS	Asian Grandeur Sdn. Bhd.	Rumah berkembar 2 tkt Rumah sebuah 2 tkt	52 1	31.5.2005
7.	Lot 2050 Mk. 11 SPS	Greenway Villas Sdn. Bhd	Rumah berkembar 1 tkt Rumah berkembar 2 tkt	34 32	26.3.2008
8.	Lot 542, 591,1867 Mk. 7 SPS	Langkah Mesra	Rumah berkembar 2 tkt Rumah teres 2 tkt Rumah pangsa k/rendah Rumah sebuah	96 93 64 2	31.5.06
9.	Lot 550 Mk. 7	Bestgate Dev. Sdn. Bhd	Rumah teres 2 tkt Kedai pejabat	102 12	31.5.2006
10.	Lot 498 Mk. 7 SPS	Asia Bina	Rumah berkembar 2 tkt Rumah sebuah 2 tkt	32 47	31.5.2007
11.	Lot 5730 - 5734 Mk. 11 SPS	Asas Dunia	Rumah sebuah Rumah berkembar Rumah Klaster Rumah kedai	41 144 76 36	16.7.2008
12.	Lot 2665 - 2666 Mk. 11 SPS	Elit Intelek	Rumah teres	57	2.6.2005
13.	Lot 5387 Mk. 7 SPS	JKP Sdn. Bhd	Rumah teres Rumah berkembar 2 tkt	80 12	6.5.2008

VII. Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah status dan tahap penyelesaian bagi rumah-rumah terbengkalai di kawasan Taman Guar Perahu Indah, Penanti dan mengapakah kerajaan negeri tidak mengambil berat dan bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Status projek perumahan Taman Guar Perahu Indah masih dikategorikan sebagai terbengkalai. Kerajaan Negeri sentiasa memantau perkembangan projek tersebut bersama Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dari masa ke semasa. Bagi tujuan pemulihan, pihak SPNB telah diminta oleh KPKT bagi mengambil alih projek tersebut dan dijangkakan kontraktor yang dilantik oleh SPNB akan memasuki tapak projek mulai bulan Mei 2009 ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Keadaan jalan utama Sungai Lembu, Bukit Mertajam yang bengkang bengkok dan sempit menyulitkan pengguna jalan ini dan bilakah boleh kerajaan negeri membesarkan laluan ini termasuk menaikkan taraf kelebaran jalan ini dan juga ditambah laluan yang lebih luas terutama bagi selekoh yang berbahaya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Pihak Jabatan Kerja Raya memang prihatin terhadap masalah dan keadaan jalan utama Sungai Lembu yang bengkang bengkok dan sempit. Di sepanjang Jalan Sungai Lembu terdapat mempunyai 25 selekoh yang berbahaya. Sebahagian jalan tersebut telah dinaik taraf melalui pelebaran di beberapa selekoh pada tahun 2004. Pada tahun 2009, JKR mempunyai perancangan untuk menaik taraf sebahagian lagi kawasan selekoh yang berbahaya berkenaan di dalam program Rancangan Negeri Pulau Pinang Kedua (RNPP2).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan negeri yang lalu banyak mendirikan rumah kos rendah termasuk yang diusahakan melalui syarat yang dikenakan kepada pemaju swasta. Oleh itu sila nyatakan berapakah jumlah rumah kos rendah dan sederhana yang berjaya dibina oleh kerajaan negeri pada tahun 2008 dan perancangan untuk 5 tahun kehadapan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Mengikut maklumat yang diperolehi daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), mulai Mac 2008 sehingga Februari 2009 sebanyak 795 unit rumah kos rendah telah diluluskan bagi permohonan kebenaran merancang manakala bagi rumah kos sederhana rendah pula ialah sebanyak 243 unit. Bilangan rumah kos rendah yang masih dalam proses pertimbangan pihak MPSP ialah sebanyak 258 unit.

   Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), memaklumkan bahawa sebanyak 574 unit perumahan kos rendah dan 3,881 unit perumahan kos sederhana rendah telah pun siap dibina serta dikeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki. Sejak tahun 2008, pelan bangunan bagi 639 unit perumahan kos rendah dan 3,294 unit perumahan kos sederhana rendah telah pun dikemukakan kepada MPPP untuk pertimbangan dan kelulusan.

Untuk perancangan 5 tahun ke hadapan, kerajaan negeri akan memperbanyakkan rumah mampu milik bagi memenuhi keperluan rakyat Negeri Pulau Pinang. Di samping syarat 30 peratus pembinaan rumah kos rendah yang disyaratkan kepada pemaju yang membina rumah melebihi 100/150 unit mengikut kawasan pembangunan, kaedah pengenaan wang sumbangan kepada pemaju yang membina 5 unit hingga 99/149 unit mengikut kawasan pembangunan juga sedang diusahakan bagi memastikan matlamat tersebut dapat dicapai selaras dengan kehendak Rancangan Struktur Negeri (RSN).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah perancangan kerajaan negeri untuk mengambil peluang status warisan yang telah diperolehi dan bersediakah kerajaan negeri mengambil balik tanah-tanah milik individu di kawasan ini untuk dibangunkan semula sebagai kawasan pembangunan warisan yang teratur dan memberi kesan positif kepada negeri ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk mengambil tanah persendirian bagi tujuan dibangunkan sebagai kawasan pembangunan warisan yang teratur kerana penilaian yang dibuat terhadap bandar George Town dan Melaka semasa pencalonan dahulu telah mematuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh UNESCO dan adalah menjadi tanggungjawab Negeri Pulau Pinang sepenuhnya bagi memastikan bahawa *Outstanding Universal Value* ini terpelihara dan sebarang pembangunan baru haruslah seiringan dengannya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Negeri Pulau Pinang telah mencatatkan jumlah eksport sebanyak RM 77.26 bilion untuk 6 bulan pertama pada tahun 2008. Berapakah unjuran eksport yang dijangka pada 6 bulan pertama bagi tahun 2009 dan apakah langkah yang telah / akan diambil bagi merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negeri ini walaupun dalam keadaan krisis kewangan dunia sekarang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Mengikut anggaran yang dibuat Unit Perancang Ekonomi, Jabatan PERDAna Menteri ekonomi negara diramal berkembang di antara -1.0 peratus hingga 1.0 peratus. Berdasarkan ramalan ini unjuran terkini ekonomi Negeri Pulau Pinang yang banyak bergantung kepada sektor perindustrian dijangka akan menguncup sebanyak -0.3 peratus pada tahun 2009. Walaupun terdapat pengusaha dalam sektor pembuatan yang mengurangkan pengeluaran, kerajaan negeri menjangkakan jumlah eksport dari Pulau Pinang akan terus positif terutama dengan kehadiran pelabur-pelabur baru. Antara langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri adalah bagi merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

(i) Menggalak dan menyegerakan pelaburan sektor awam dan swasta dalam pembangunan infrastruktur yang mampu menjana ekonomi;

(ii) Memberi galakan terhadap aktiviti yang berasaskan k-ekonomi dalam semua sektor utama ekonomi;

(iii) Menarik masuk pelabur asing yang berkualiti dan membawa bersama teknologi tinggi, penyelidikan dan pembangunan;

(iv) Meneroka pasaran baru bagi pengukuhan produk-produk sedia ada dan sektor-sektor lain yang berpotensi dan mempelbagaikan sektor industri; dan

(v) Menggalakkan pelaburan tempatan dalam aktiviti ekonomi berorientasikan tenaga kerja mahir, berintensifkan modal, berpengetahuan dan berteknologi tinggi

Selain itu kerajaan negeri telah menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Pulau Pinang (MTENPP) yang menjadi badan penasihat yang efektif dan proaktif kepada kerajaan negeri dalam menangani krisis ekonomi serta bagi menyelesaikan masalah dan menguruskan isu ekonomi jangka pendek, sederhana dan panjang bagi memastikan kestabilan dan kemakmuran sosioekonomi Negeri Pulau Pinang. MTENPP dipengerusikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan dianggotai oleh lima orang Ahli MMK, Ketua Jabatan kerajaan, Badan Berkanun Negeri serta wakil pertubuhan dari sektor swasta.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah perancangan terperinci yang telah diatur oleh kerajaan negeri bagi mengatasi masalah pengangguran di mana sejumlah 1427 industri pembuatan di negeri ini yang telah memberi peluang 202,014 pekerjaan dan mungkin sebahagian besar akan menghadapi ancaman pembuangan pekerja, pengurangan waktu bekerja, tawaran skim berhenti secara sukarela dan lain-lain?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Perancangan terperinci yang telah diatur oleh kerajaan negeri bagi mengatasi masalah pengangguran akibat dari kemelesetan ekonomi ialah seperti berikut:-

(a) Kerajaan negeri telah meluluskan dana berjumlah RM10 juta semasa pembentangan Bajet 2009 pada Persidangan Dewan Undangan Negeri yang lalu bagi mengurangkan kesan krisis ekonomi;

(b) Kerajaan negeri akan menyediakan penempatan pekerjaan sementara serta latihan dan peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur;

(c) Pada bulan Januari yang lalu, kerajaan negeri telah mengumumkan penubuhan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang *(Penang Career Assistance and Training Centre* [CAT]) yang telah dirasmikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 4 Mac 2009. Pusat CAT ini bertanggungjawab untuk menghubungkan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari pekerjaan dengan peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan pusat CAT, mengenal pasti program latihan yang bersesuaian dan bekerjasama dengan ahli-ahli pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan.

Pusat CAT ini diuruskan oleh investPenang dengan mendapat sokongan padu daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPPP), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Sehingga 24 Mac 2009, seramai 851 orang telah berdaftar dengan pusat CAT. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 2,683 kekosongan jawatan telah didaftarkan dengan pusat ini. Kebanyakan jawatan kosong yang didaftarkan ialah bagi sektor perkilangan. Lanjutan dari itu, seramai 471 orang pendaftar yang berkelayakan telah dihubungkan ke syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan.

Selain itu, kerajaan negeri juga telah mengambil langkah-langkah berikut bagi mengatasi masalah pembuangan kerja akibat dari kemelesetan ekonomi:-

(i) Fleksibiliti dalam skim pembayaran bagi tanah;

(ii) Menawarkan Program Bimbingan EKS. Program ini disokong oleh SMIDEC dan dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC). Program ini memberi bimbingan dan pementoran perniagaan kepada mereka yang ingin memulakan syarikat Enterpris Kecil Sederhana (EKS) di samping meningkatkan daya saing syarikat-syarikat EKS ini;

(iii) Menawarkan Program Intervensi EKS di mana kemahiran teknologi maklumat, penekanan kepada budaya berdaya kualiti dan pengurusan perniagaan yang berkesan diberi fokus di bawah program ini untuk memperkembangkan EKS tempatan;

(iv) Menubuhkan Pusat Latihan dan Reka Bentuk Barangan Kemas untuk meningkatkan kualiti pembuatan barangan kemas bagi mereka yang berminat melalui infrastruktur perisian;

(v) Mengadakan seminar dan dialog kepada EKS yang memberi fokus kepada strategi dan langkah-langkah untuk maju dalam perniagaan; dan

(vi) Selain itu, kerajaan negeri juga telah mengambil inisiatif untuk mengadakan dialog antara institusi-institusi kewangan, badan-badan kerajaan dan EKS untuk membuka jalan perundingan bagi mereka yang memerlukan bantuan kewangan dan modal perniagaan;

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Walaupun masalah inflasi, pertumbuhan ekonomi dan kestabilan nilai ringgit terletak di luar bidang kuasa kerajaan negeri maka apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi memastikan 'PACE' termasuk dalam hal Kemajuan Kendiri, Aktiviti Riadah, Isu Kesihatan Rakyat dan perkembangan kebudayaan rohani/jasmani dapat dibuat perancangan yang jelas? Sila nyatakan kaedah perlaksanaan bagi mencapai sasaran tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas telah dijalankan di 25 buah klinik kesihatan di Negeri Pulau Pinang. Objektif perkhidmatan ini adalah untuk menyediakan perkhidmatan kepada semua warga emas yang merangkumi aspek fizikal, mental, sosial dan rohani untuk mengurangkan ketidakupayaan dan meningkatkan tahap berdikari mereka. Skop Perkhidmatan Warga emas di klinik-klinik kesihatan merangkumi 4 komponen iaitu:

(i) Promosi kesihatan

Mengadakan ceramah/seminar kepada warga emas dan penjaga, mengedarkan risalah, poster di klinik dan di dalam komuniti.

(ii) Pencegahan – aktiviti saringan seperti:

(a) Saringan diabetes – Blood sugar level

(b) Saringan hypertensi – pemeriksaan tekanan darah

(c) Saringan penyakit jantung koronari – ECG (Electrocardiogram)

(d) Saringan Dementia (nyanyuk) – menggunakan Mini Mental State Examination (MMSE) dan Elderly Cognitive assessment questionnaire (ECAQ)

(e) Saringan aktiviti kehidupan harian (Activity of daily Living) – menggunakan Modified Bartel Index.

(f) Ujian darah – profil lipid, liver function test, renal function test.

(iii) Rawatan dan rujukan

Rawatan akan diberikan mengikut masalah kesihatan warga emas dan akan dirujuk kepada pakar sekiranya perlu.

(iv) Rehabilitasi

Perkhidmatan ini disediakan di empat (4) buah hospital dan empat (4) buah klinik kesihatan di Negeri Pulau Pinang. Program perkhidmatan kesihatan warga emas yang dijalankan di klinik-klinik kesihatan di Pulau Pinang dapat membantu warga emas untuk menikmati kehidupan yang sejahtera dan berkualiti. Program ini dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di mana perkhidmatan ini diberikan secara percuma (sekiranya ada surat jaminan) atau dengan kadar bayaran RM 1.00 (mengikut Perintah Fee (Perubatan) 1992). Buat sementara, tidak ada *health care financing scheme* seperti Program of *All-Inclusive Care for the Elderly (PACE)* atau seumpamanya bagi penyampaian perkhidmatan ini di klinik-klinik kesihatan kerajaan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Setakat manakah pencapaian inisiatif kerjasama PEWOG (Penang Environmental Working Group) dan CENCED (Community and Environmental Development) dan impak ke atas kerjasama pintar ini? Apakah kelemahan yang dihadapi dan cara-cara bagi mengatasi masalah yang bersangkutan dengannya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. PEWOG *(Penang Environmental Working Group)* merupakan kumpulan kerja ditubuhkan di bawah Forum Perundingan Kerajaan Tempatan dan semua ahlinya berkhidmat secara sukarela. CENCED *(Community and Environmental Development)* adalah syarikat di bawah PEWOG yang berfungsi membantu pihak PEWOG untuk melaksanakan program berkaitan dengan pemeliharaan alam sekitar.

Dengan ini, PEWOG telah membantu kerajaan negeri terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk melaksanakan banyak program komuniti yang berkaitan dengan isu alam sekitar. Program-program seperti *'waste minimization'*, kitar semula dan *'composting'* telah dilaksanakan dengan baik di PBT dengan inisiatif dan penglibatan aktif masyarakat melalui PEWOG.

Kelemahan yang dihadapi oleh PEWOG dan CENCED ialah kurang publisiti mengenai program-program yang telah dan akan dilaksanakan. Tidak ramai orang tahu akan sumbangan dan perjuangan organisasi tersebut dalam isu-isu alam sekitar. Ini menyebabkan organisasi tidak dapat berkembang sebagaimana yang diharapkan. Organisasi ini juga tidak mendapat pengiktirafan setimpalnya daripada masyarakat untuk sumbangan yang telah diberi.

Kerajaan negeri berpandangan PEWOG perlu diberi sokongan dan insentif sewajarnya bagi membantu pihak kerajaan negeri dan PBT untuk mempertingkatkan lagi program dan aktiviti berkaitan dengan alam sekitar.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Sila senaraikan kejayaan mempergiatkan pembangunan PKS tempatan melalui InvestPenang, PDC dan lain-lain dan apakah langkah proaktif yang di ambil oleh Kerajaan Negeri melalui semua agensi negeri bagi mengadakan modus operandi enyelamat untuk warga Negeri Pulau Pinang yang menganggur, diberhentikan kerja dan yang ingin memulakan perniagaan kecil dan lain-lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kejayaan Kerajaan Negeri dalam mempergiatkan pembangunan PKS tempatan melalui program-program yang dianjurkan oleh investPenang adalah melalui Program Keusahawanan dan Pembangunan, Sesi Pemadanan Perniagaan, Program Lawatan ke luar negara dan Penyertaan dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa.

Melalui Program Keusahawanan dan Pembangunan PKS yang bertujuan untuk memberi penerangan dan informasi terkini kepada PKS tempatan. Dengan kaedah ini, ia akan memberi peluang kepada PKS untuk berinteraksi secara terus dengan agensi-agensi kerajaan yang terlibat. Bagi Sesi Pemadanan Perniagaan yang melibatkan usahawan PKS tempatan dengan syarikat asing pula diadakan khusus untuk meyakinkan para pelabur asing yang berada di Pulau Pinang untuk bekerjasama dengan syarikat PKS tempatan. Bagi Program Lawatan ke luar negara dan Penyertaan di dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa adalah untuk membantu PKS bagi mewujudkan rantaian atau usaha sama, meluaskan pasaran dan mendapat teknologi baru. Senarai program-program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri melalui investPenang bagi tahun 2008 dan tahun 2009 (sehingga bulan Mac) dalam mempergiatkan pembangunan PKS tempatan adalah seperti di Lampiran.

Sementara peranan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) juga penting untuk membangunkan PKS tempatan. PDC telah menyediakan unit-unit kilang siap bina yang dijual, disewa atau disewa-beli pada harga yang berpatutan kepada PKS tempatan. Dengan penyediaan ruang-ruang ini usahawan PKS dapat mengurangkan kos untuk memulakan perniagaan dan dapat menggunakan modal tersebut untuk membeli mesin, peralatan dan lain-lain keperluan untuk operasi pengeluaran.

Bagi menyelamatkan warga Pulau Pinang yang diberhentikan kerja, pada bulan Januari 2009, Kerajaan Negeri telah mengumumkan penubuhan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang (Penang Career Assistance and Training Centre [CAT]) yang telah dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri pada bulan Mac 2009. Pusat CAT ini bertanggungjawab untuk menghubungkan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari pekerjaan dengan peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan pusat CAT, mengenal pasti program latihan yang bersesuaian dan bekerjasama dengan ahli-ahli pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan.

Pusat CAT diuruskan oleh investPenang dengan mendapat sokongan padu daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPPP), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Hasilnya sehingga 24 Mac 2009, seramai 851 orang telah berdaftar dengan pusat CAT. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 2,683 buah kekosongan jawatan turut didaftarkan dengan pusat ini. Kebanyakan jawatan-jawatan kosong ini adalah di sektor perkilangan. Lanjutan dari itu, seramai 471 pendaftar yang berkelayakan telah dihubungkan ke syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka.

Selain dari itu, bidang pertanian juga dilihat sebagai salah satu alternatif untuk membantu Kerajaan Negeri menangani masalah pekerja-pekerja industri yang terpaksa diberhentikan kerja dalam menghadapi kegawatan ekonomi global. Pada masa kini, PDC telah mengenal pasti tanah-tanah rizab TNB dan JPS untuk aktiviti pertanian jangka pendek di bawah Program Latihan Semula Tenaga Kerja Sektor Pertanian. Program ini merupakan program latihan pertanian bagi pekerja yang telah diberhentikan. Di bawah program ini, Kerajaan Negeri akan menyediakan tanah dan melatih peserta mengenai teknik-teknik pertanian.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kerajaan negeri dilihat tidak begitu berjaya dalam mencapai sasaran 10 teras utama pembangunan yang merangkumi pendidikan, warisan, pembuatan, ibu pejabat serantau, industri, MICE, kesenian/kebudayaan, makanan dan eko pelancongan. Apakah pencapaian dibanggakan setakat ini? Apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi menyusun semula strategi bagi mencapainya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kerajaan negeri menggariskan sepuluh (10) teras strategik bagi Negeri Pulau Pinang untuk memajukan ekonomi negeri dengan menjadikan Pulau Pinang negeri bertaraf antarabangsa yang menjadi lokasi pilihan para pelabur dan destinasi pilihan para pelancong. Justeru, pelbagai usaha dan pencapaian telah dilihat antaranya ialah :

(a) Pembuatan dan Perindustrian;

Kerajaan Negeri melalui investPenang telah merancang untuk mempelbagaikan sektor-sektor pengkhususan yang sedia ada *seperti semiconductors, data storage, telecommunications equipment,* peranti elektronik, fotonik dan perkhidmatan pembuatan.

Tumpuan kerajaan negeri kepada sektor-sektor berkenaan untuk berkembang seperti Diod Pemancar Cahaya (LED), Bioteknologi, Pelancongan Kesihatan (Medical Tourism), Perkhidmatan Kongsi dan Khidmat Luaran (Shared Services & Outsourcing), Perisian dan Penyelesaian-e (Software & E-solutions), Multimedia Kreatif, Produk Halal dan Avionik.

Sebagai tambahan, 4 aktiviti utama lain yang menjadi fokus masa kini ialah k-ekonomi, industri halal, perkongsian perkhidmatan (*shared services*) dan teknologi hijau (*Green Technology*). Sektor-sektor ini menjadi pemangkin kepada rancangan penggalakan pelaburan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

(b) Pembangunan PKS dan Industri Tempatan;

Kerajaan negeri juga telah mempergiatkan pembangunan PKS tempatan melalui program-program yang dianjurkan oleh investPenang iaitu Program Keusahawanan dan Pembangunan PKS, Sesi Pemadanan Perniagaan dan Program Lawatan ke Luar Negara serta Penyertaan di dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa.

Kerajaan negeri juga menubuhkan beberapa *cluster* bagi mewujudkan sinergi dan meningkatkan daya saing industri tempatan. Antara cluster yang ditubuhkan ialah Penang Automation Cluster (PAC), Penang RF Cluster (PRFC), Software Consortium of Penang (SCOPE) dan Techbiz (Bumiputra ICT Cluster). Kerajaan Negeri juga dalam perancangan menubuhkan LED Cluster dan Aerospace Cluster.

Bagi membantu PKS tempatan untuk bersaing di pasaran antarabangsa, Kerajaan Negeri melalui investPenang telah meningkatkan kerjasama dengan universiti-universiti tempatan dari segi penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan teknologi. Pada bulan April 2008, investPenang telah menganjurkan program lawatan ke Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia (USM) yang bertujuan untuk memperkenalkan usahawan PKS tempatan dengan servis-servis dan kemudahan R&D yang terdapat di USM bagi membantu PKS meningkatkan kualiti produk sekaligus dapat meningkatkan penciptaan jenama supaya dapat bersaing di pasaran antarabangsa.

Selain daripada itu, kerajaan negeri melalui investPenang sentiasa bekerjasama dengan agensi kerajaan dan pihak swasta seperti SMIDEC, SME Bank, Malaysian Debt Ventures dan MAVCAP dalam menganjurkan program berkaitan geran, pinjaman, venture capital, insentif dan lain-lain kemudahan kewangan. Seminar on Meeting the Requirements of ISO 13485:2003 by Contract or Component Manufacturers in the Medical Device Industry merupakan salah satu program yang telah dianjurkan oleh investPenang melibatkan sesi pemadanan antara venture capital dengan PKS tempatan. Kerajaan Negeri menggunakan lapan kriteria utama bagi mengenal pasti pelabur-pelabur asing dalam usaha menggalakan pelaburan ke Pulau Pinang. Kriteria-kriteria tersebut ialah:-

(i) Pelabur asing itu harus memberikan perkhidmatan serta mengeluarkan barangan yang bermutu tinggi;

(ii) Nama syarikat serta jenama yang digalakkan oleh pelabur asing itu harus bertaraf antarabangsa;

(iii) Barangan yang dikeluarkan oleh pelabur asing haruslah selamat untuk (digunapakai) oleh para pengguna dengan memenuhi keperluan pensijilan ISO yang berkaitan;

(iv) Kilang ataupun operasi pelabur asing itu semestinya mempunyai ruang untuk perkembangan lanjut;

(v) Pelabur asing itu harus mempunyai pelbagai jenis barangan keluaran yang meliputi pelbagai segmentasi pasaran;

(vi) Syarikat pelabur asing harus mempunyai mekanisme untuk menepati jadual yang telah ditetapkan;

(vii) Syarikat pelabur asing itu harus dapat menangani segala kepayahan pasaran, ekonomi dan kewangan; dan

(viii) Pelabur digalakkan untuk sama-sama memberikan perkhidmatan sosial kepada rakyat Negeri Pulau Pinang.

(c) Regional Headquarters

Kerajaan negeri sedang berusaha untuk mempelbagaikan asas ekonomi Negeri dengan memberi tumpuan kepada peningkatan aktiviti-aktiviti daripada kegiatan pengilangan kepada aktiviti-aktiviti yang bernilai tambah tinggi melalui penyelidikan, reka bentuk dan pembangunan (*research, design & development*) serta perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (*shared services outsourcing*) bagi penduduk Pulau Pinang. Melaluinya, Kerajaan Negeri dapat mempromosikan Negeri Pulau Pinang sebagai Regional Headquarters kepada syarikat-syarikat multinasional yang kini beroperasi di dalam negeri serta syarikat-syarikat lain yang belum beroperasi di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Ada tuduhan menyatakan kerajaan negeri tidak menunaikan janji untuk memberikan kemudahan WiFi secara percuma di seluruh negeri ini setelah melancarkan *Wireless E-Penang*. Di kawasan manakah yang telah mendapat kemudahan WiFi percuma ini dan adakah ia *uncoded* dan jika ia *coded* bagaimanakah rakyat boleh mendapatkan perkhidmatan percuma ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kemudahan WiFi percuma disediakan oleh Syarikat Redtone Telecommunications Sdn Bhd. Sehingga kini, perkhidmatan WiFi percuma telah disediakan di 26 lokasi. Lokasi tersebut adalah di KOMTAR (Kompleks Tun Abdul Razak), Bukit Jambul, Mayang Mall, Lebuh Chulia, Jalan Penang, Bandar Sunway dan Permatang Pauh di Seberang Prai. Orang ramai boleh mengenal pasti lokasi *hotspot* tersebut menerusi pelekat (*sticker*) yang diletakkan di kawasan liputan. Menjelang akhir Disember 2010, sebanyak 750 *hotspot* akan disediakan untuk rakyat Pulau Pinang secara percuma.

    Untuk menggunakan perkhidmatan WiFi percuma, pengguna perlu mendaftar sebagai pengguna sah semasa berada di lokasi dalam liputan perkhidmatan WiFi. Pengguna perlu guna nama *login* dan katalaluan yang telah didaftar setiap kali ingin menggunakan perkhidmatan WiFi tersebut.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Ada seramai 1,396 kontraktor kelas F yang berdaftar di Negeri Pulau Pinang. Berapakah jumlah kontraktor kelas F dan pembekal-pembekal mendapat kontrak dari kerajaan negeri? Sila nyatakan nilai kontrak yang diberikan mengikut semua jabatan dan agensi negeri bagi perkara ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Bilangan kontraktor kelas F yang mendapat kontrak serta nilai kontrak yang diberikan oleh jabatan-jabatan negeri di bawah Maksud Pembangunan pada tahun 2008 ialah seperti berikut :

Bil		Maksud Pembangunan	Bil Kontrak	Nilai Kontrak (RM)
1.	P.01	Pejabat Setiausaha Kerajaan	67	3,308,503.93
2.	P.08	Jab Pengairan & Saliran	186	6,550,000.00
3.	P.09	Jabatan Perhutanan	113	3,021,402.53
4.	P.10	Jabatan Taman Botani	20	362,008.00
5.	P.12	Jabatan Kerja Raya	314	19,096,611.41
6.	P.16	Jabatan Kewangan Negeri	552	4,778,502.84
7.	P.17	Jabatan Veteriner	59	1,168,308.91
8.	P.18	Jabatan Pertanian	27	338,347.66

		JUMLAH	**1,338**	**38,623,685.28**
				==========

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kerajaan negeri berjanji akan mengambil langkah-langkah mempertingkatkan pembangunan sektor pertanian dan memperbanyakkan sumber makanan dengan kaedah penyatuan transformasi ladang dan transformasi tenaga. Kenapakah perancangan ini tidak tercapai? Sila nyatakan secara terperinci peratusan dan data-data pencapaian mengikut sektor dan bahan-bahan pertanian serta makanan yang dimaksudkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha membangunkan sektor pertanian dan memperbanyakkan sumber makanan dengan kaedah penyatuan transformasi ladang dan transformasi tenaga. Kerajaan Negeri mendapati penyatuan transformasi ladang dan transformasi tenaga telah membantu meningkatkan hasil pengeluaran pertanian dan memperbanyakkan sumber makanan.

    Jika dilihat pada jumlah hasil pengeluaran kelompok pada tahun 2005 hingga tahun 2007, didapati terdapat peningkatan yang memberangsangkan iaitu dari 95,648,176.40 kg pada tahun 2005 kepada 102,086,738.71 kg pada tahun 2007 (peningkatan sebanyak 6,438,562.31 kg atau 6.73 peratus). Jika dilihat kepada nilai pengeluaran hasil ladang pula, terdapat peningkatan yang ketara iaitu dari RM90,930,000.00 pada tahun 2005 kepada RM101,822,349.00 pada tahun 2007 (peningkatan sebanyak RM10,892,349 atau 12 peratus).

    Kecekapan penggunaan tenaga melalui kaedah transformasi tenaga turut berjaya meningkatkan keluasan berhasil (CHE) tanaman. Didapati CHE pada tahun 2005 seluas 18,240.11 hektar telah meningkat kepada 19,391.66 hektar pada tahun 2007 (peningkatan seluas 1,151.55 hektar atau 6.31 peratus). Secara kesimpulannya, perbandingan ini menggambarkan penyatuan transformasi ladang dan transformasi tenaga telah memberi impak positif kepada pengeluaran pertanian dan sumber makanan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Bilakah kerajaan negeri boleh membina satu Dewan Awam Besar untuk Bandar Seberang Jaya sama ada di atas tanah bersebelahan kolam renang di Siakap atau di atas tanah *foodcourt*/pasar awam di Jalan Tenggiri memandangkan pembangunan Bandar Seberang Jaya masih kekurangan kemudahan awam bagi menampung penduduk yang bertambah dengan ketara?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Buat masa ini, kerajaan negeri tidak mempunyai perancangan untuk membina satu Dewan Awam Besar di Bandar Seberang Jaya. Ini adalah kerana bagi tanah *foodcourt* ianya adalah khusus untuk pembangunan komersil. Walau bagaimanapun, terdapat sebuah dewan besar di tapak Expo milik kerajaan negeri.

    Di samping itu, dewan yang berhampiran dengan Seberang Jaya adalah Dewan Datuk Haji Ahmad Badawi, Butterworth milik Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan juga Sunway Carnival Convention Centre yang terletak di Bandar Sunway boleh digunakan oleh penduduk tempatan. Manakala, tanah bersebelahan kolam renang di Jalan Siakap atau di atas tanah *foodcourt* / pasar awam di Jalan Tenggiri adalah dimiliki oleh pihak PDC. PDC kini sedang meneliti untuk merancang pembangunan yang berbentuk rekreasi/riadah iaitu pembangunan yang selari dengan kawasan tersebut yang dikhususkan sebagai Taman Jajaran *Linear Park*.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Pasar Awam di Jalan Tenggiri amat kecil dengan pertambahan penduduk yang padat. Oleh itu bilakah kerajaan negeri bercadang untuk memperbesarkan pasar ini dan seterusnya boleh membangunkan semula kawasan ini bagi mengatasi masalah tempat letak kereta yang tidak mencukupi dan pembinaan dewan besar di tingkat atas pasar ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerajaan negeri tidak bercadang untuk memperbesarkan pasar awam di Jalan Tenggiri, Seberang Jaya. Namun begitu, sekiranya terdapat pihak lain bercadang untuk memperbesarkan pasar tersebut, maka kerajaan negeri bersedia berbincang untuk memberi sokongan terhadap cadangan berkenaan tertakluk kepada syarat-syarat yang perlu dan dipersetujui bersama. Di samping itu, di sekitar kawasan tersebut telah terdapat beberapa buah pasar awam iaitu Pasar Awam Bagan Ajam, Chai Leng Park, Permatang Pauh dan Sama Gagah. Di sekitar kawasan ini juga, terdapat pasar raya yang dimiliki oleh pihak swasta seperti Giant, Carefour dan Tesco yang menawarkan kemudahan seperti sesebuah pasar.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Setiap kali Persidangan Dewan, masalah penyelenggaraan flat-flat diajukan tetapi setelah kerajaan negeri baru mengambil alih, masalah ini bertambah teruk. Oleh itu apakah langkah-langkah drastik yang akan diambil oleh kerajaan negeri bagi menyelesaikan masalah ini secara efektif?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Penyelenggaraan bangunan bertingkat merupakan tanggungjawab bersama pemilik-pemilik petak bangunan bertingkat dan juga pihak pemaju. Oleh yang demikian, tidak timbul isu masalah penyelenggaraan flat-flat bertambah teruk disebabkan pertukaran sesuatu kerajaan.

    Bagi memastikan penyelenggaraan flat-flat sentiasa teratur, Kerajaan Negeri melalui penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan 2007), Pesuruhjaya Bangunan yang telah dilantik di kedua-dua PBT memainkan peranan dalam menangani masalah-masalah yang timbul di bangunan bertingkat.

    Dalam masa yang sama juga, pemilik-pemilik unit perlu memainkan peranan dalam memastikan bangunan tersebut sentiasa dalam keadaan baik. Tanggungjawab tersebut adalah tanggungjawab bersama antara Kerajaan Negeri dan penduduk. Adalah diharapkan juga YB ADUN kawasan juga memainkan peranan dalam membantu Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Kenapakah masalah bagi mengatasi masalah banjir bagi kawasan Permatang Rawa, Kg. Pertama,Kg. Belah Dua dan Padang Lalang begitu lambat dapat diatasi oleh kerajaan negeri sekarang? Mengapakah kawasan-kawasan taman di Tenggiri / Siakap sering dilanda banjir kilat dan kaedah apakah yang akan diambil bagi menyelesaikannya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Punca bagi mengatasi masalah banjir bagi kawasan Permatang Rawa / Kg. Pertama / Kg. Belah Dua / Padang Lalang lambat diatasi adalah kerana peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja yang telah siap dirancang dan direka bentuk tidak diperolehi. Bagi melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir bagi kawasan berkenaan memerlukan peruntukan sebanyak RM300 juta yang akan dipohon sekali lagi dalam RMKe-10.

    Bagi tindakan awal untuk mengatasi masalah banjir di Kampung Pertama dan Kampung Belah Dua, pihak JPS akan memanggil tender untuk pembesaran Sungai Pertama pada bulan Mei 2009.

Sementara bagi kawasan Taman Tenggiri dan Taman Siakap pula, pihak JPS telah pun siap membina 4 buah pintu air pasang surut dan membekal 7 buah pam bagi mengurangkan masalah banjir.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Banyak sekolah-sekolah Cina dan Tamil memerlukan kerja-kerja pembaikan kecil termasuk di Kubang Semang, Sungai Lembu dan lain-lain. Oleh itu sila senaraikan berapakah setakat ini telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri untuk Sekolah Cina dan Tamil dan bolehkah sekolah-sekolah Cina/Tamil yang lain memperolehi peruntukan bagi maksud yang sama.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah RM8.5 juta kepada sekolah-sekolah di negeri ini. Daripada jumlah ini, kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah RM4 juta untuk Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Cina). Peruntukan ini melibatkan 90 buah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan 10 buah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Cina). Manakala sebanyak 28 buah Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) diberi peruntukan sebanyak RM1.5 juta. SJK(C) Kubang Semang dan SJK(C) Kpg. Sungai Lembu turut termasuk di dalam senarai penerima peruntukan tersebut di atas.

    Sekolah-sekolah Cina dan Tamil yang lain boleh dicadangkan untuk mendapat peruntukan yang sama sekiranya benar-benar memerlukan bantuan. Jabatan Pelajaran Negeri dialu-alukan mencadangkan nama sekolah-sekolah yang memerlukan bantuan dari peruntukan kerajaan negeri.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Usaha yang diambil oleh kerajaan yang lalu melalui kelulusan tebus guna tanah dan kerjasama dengan pihak swasta termasuk program pembangunan secara penswastaan telah memesatkan lagi pembangunan negeri ini. Apakah inisiatif kerajaan sekarang agar landskap pembangunan di negeri ini akan berkembang dengan rancak dan mampan bagi 10 tahun ke hadapan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kerajaan negeri sentiasa mencari pendekatan dan kaedah yang terbaik dalam memastikan pembangunan Pulau Pinang terus rancak dan mapan di masa hadapan. Antara inisiatif yang telah diambil oleh kerajaan negeri adalah seperti berikut:

    (i) Pembangunan secara penswastaan dengan pendekatan yang lebih telus iaitu melalui tender terbuka digunapakai;

    (ii) Menggalak dan menyegerakan pelaburan sektor awam dan swasta dalam pembangunan infrastruktur yang mampu menjana ekonomi;

    (iii) Memberi galakan terhadap aktiviti yang berasaskan k-ekonomi dalam semua sektor utama ekonomi;

    (iv) Menarik masuk pelabur asing yang berkualiti dan membawa bersama teknologi tinggi, penyelidikan dan pembangunan;

    (v) Meneroka pasaran baru bagi pengukuhan produk-produk sedia ada dan sektor-sektor lain yang berpotensi dan mempelbagaikan sektor industri; dan

(vi) Menggalakkan pelaburan tempatan dalam aktiviti ekonomi berorientasikan tenaga kerja mahir, mengintensifkan modal, berpengetahuan dan berteknologi tinggi

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Apakah perancangan sistem lalu lintas yang komprehensif termasuk perancangan sistem LRT, monorel, *subway* dan jalan-jalan baru termasuk lebuh raya baru dan jalan-jalan baru bagi menyambung taman-taman perumahan dan kampung-kampung termasuk pembinaan jambatan dan *flyover* supaya sistem pengangkutan Pulau Pinang akan menjadi lebih teratur dan mesra pengguna?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Pada tahun 2009, Kerajaan Negeri melalui peruntukan Kerajaan Negeri akan melaksanakan 5 projek jalan dan jambatan dalam usaha meningkatkan mutu sistem pengangkutan di Pulau Pinang. Lima projek tersebut adalah:

(a) Pembinaan Jambatan Baru menggantikan Jambatan Bailey di Jalan Kg Rawai, Daerah Barat Daya;

(b) Jalan Pintas dari Matrikulasi/Kompleks Kerajaan Bertam, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang;

(c) Cadangan Membina Jalan Pintas Pekan Sungai Dua (Bypass). Seberang Perai Utara, Pulau Pinang;

(d) Jambatan Sungai Machang Bubuk di Jalan Gajah Mati, Seberang Perai Tengah; dan

(e) Naik taraf Jalan Bagan Buaya ke Stadium Batu Kawan, Seberang Perai Selatan.

Manakala di dalam Rancangan Malaysia ke 9 (RMK8) melalui Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, JKR mempunyai 7 projek, iaitu 1 projek telah siap, 2 dalam pembinaan dan 4 dalam perancangan. Senarai projek tersebut adalah:

(a) Membina dan menyiapkan Jalan Lebuh Banting Ke Nyior Sebatang, Tasek Gelugor(telah siap sepenuhnya);

(b) Jalan Pintas Bayan Lepas (BYPASS) Dari Jalan Dato' Ismail Hashim Ke Simpang Batu Maung (dalam Pembinaan);

(c) Jalan Pinang Tunggal Ke Kubang Menerong Melalui Bertam Estate (dalam pembinaan);

(d) Jalan Sungai Lokan Ke Permatang Tok Bidan (dalam perancangan);

(e) Pembesaran dan Ubahsuai Jalan Masuk & Keluar Dari Pekan Kepala Batas (dalam perancangan);

(f) Pembesaran dan Ubahsuai Jalan Susur Permatang Buluh Ke Pajak Song (dalam Perancangan); dan

(g) Naik taraf Jalan Dari Pekan Tasek Ke Sempadan Seberang Perai Tengah (dalam perancangan).

Kerajaan Negeri juga dalam proses mewujudkan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri bagi menambahbaikkan sistem lalu lintas negeri. Pelan ini akan meliputi skop seperti berikut :

(i) Menyediakan sistem pengangkutan awam yang efisien;

(ii) Membina dan menaik taraf jalan dan lebuh raya;

(iii) Membina infrastruktur baru iaitu Penang Outer Ring Road (PORR), Jambatan Kedua, Monorel dan Tram;

(iv) Mengambil langkah-langkah pengurusan lalu lintas melalui pelaksanaan sistem jalan sehala dan *intelligent Transport System*; dan

(v) Mengadakan kawalan, larangan dan menguatkuasakan undang-undang bagi mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian di kawasan yang mengalami kesesakan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Inisiatif kemudahan riadah dan sukan nampaknya amat lemah dibangunkan kerajaan negeri sekarang termasuk permohonan untuk diadakan beberapa gelanggang futsal di Seberang Jaya, Penanti dan Permatang Pasir pun tidak dibina sehingga sekarang. Sila senaraikan kemudahan yang telah dibina setakat ini dan cadangan pembinaan yang akan datang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Kerajaan negeri sememangnya peka terhadap keperluan riadah dan sukan bagi setiap daerah di Negeri Pulau Pinang. Pada masa ini, beberapa kompleks sukan dan riadah milik kerajaan negeri yang boleh digunakan oleh penduduk di daerah Seberang Perai Tengah, iaitu Kompleks Sukan Sony, Kolam Renang Awam Seberang Jaya dan Kompleks Sukan & Rekreasi, Jalan Betek milik Majlis Perbandaran Seberang Perai dan beberapa kemudahan sukan serta riadah milik persendirian.

Kerajaan negeri juga telah melaksanakan berikut:

(i) Menyediakan Dewan Serba guna di Titi Mukim;

(ii) Membina sebuah gelanggang futsal bersebelahan dengan Dewan Serbaguna Titi Mukim;

(iii) Menaik taraf Wisma Angkat Berat Bukit Mertajam;

(iv) Menyediakan Pusat bina diri di Pantai Robina;

(v) Membaiki dan menaik taraf Stadium Negeri Batu Kawan.

Rancangan kerajaan negeri untuk memajukan kemudahan sukan pada masa akan datang adalah seperti berikut:

(i) Menaik taraf Pusat Latihan Gimnastik di MSNPP, Batu Uban, Pulau Pinang;

(ii) Menaik taraf Gimnasium MSNPP di MSNPP, Batu Uban, Pulau Pinang; dan

(iii) Menaik taraf Kem Bina Diri Telok Ayer Tawar dengan membina Flying Fox.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Bilakah kerajaan negeri akan menunaikan janji-janji pilihan raya yang lalu termasuk wang ihsan kepada warga emas? Sila senaraikan janji-janji yang telah dibuat dan yang belum ditunaikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Kerajaan negeri tetap menunaikan janji-janji pilihan raya iaitu membantu warga emas, membantu golongan termiskin, memberi kebajikan dan mengutamakan golongan daif.

(b) Bagi melaksanakan janji tersebut, kerajaan negeri amat prihatin terhadap kebajikan rakyat negeri:

(i) Sehingga kini melalui Perbadanan Bekalan Air (PBA) telah memberikan rebat bekalan air telah dilaksanakan kepada semua orang yang berpendapatan di bawah RM1,500.00.

(ii) Bantuan RM100.00 tunai kepada semua 8,321 orang penerima bantuan bulanan JKM.

(iii) Menyalurkan bantuan beras kepada keseluruhan penerima bantuan JKM. Golongan warga emas tidak terkecuali menerima faedah dari pemberian berkenaan.

(c) Kerajaan negeri masih mengemas kini senarai golongan warga emas di seluruh negeri dan ini akan mengambil masa. Setelah pengumpulan ini selesai, kerajaan negeri akan tetap merancang untuk membantu golongan ini terutamanya memberi bantuan perubatan serta lain-lain bantuan yang mana difikirkan perlu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Apakah tahap kualiti air laut dan sungai terutama di pantai-pantai dan sungai di mana orang ramai berenang di dalamnya? Setakat ini apakah kaedah kawalan alam sekitar yang telah diambil bagi mengatasi pencemaran air, udara dan tempat pembuangan sampah di Jelutong, Pulau Burung dan lain-lain?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Dalam kajian yang dijalankan di bawah program Integrated Shoreline Management Plan (ISMP) Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu, sebanyak 17 lokasi sampel air laut diambil untuk mengetahui tahap pencemaran yang terdapat di lokasi-lokasi tersebut. Tahap *Dissolve Oxygen* atau Oksigen Terlarut (DO) didapati paling rendah di kawasan industri Bayan Lepas pada kadar 1.26 mg/l dan diikuti Pulau Burong pada kadar 1.62 mg/l. Manakala *Biological Oxygen Demand* (BOD) yang merupakan petunjuk bagi tahap pencemaran, didapati tinggi di sekitar Pulau Burong dan Gurney Drive iaitu 128 mg/l (>Std B 50mg/l).

Satu lagi petunjuk pencemaran ialah kehadiran E-Coli (sumber dari najis manusia dan haiwan). Kawasan-kawasan yang paling tinggi kandungan E-Coli yang direkodkan iaitu melebihi 2400 *Most Probable Number* (MPN)/ 100ml didapati di Sg. Pinang, Gurney Drive, Pulau Burong, Sg. Jawi dan Sg. Abdul. Walau bagaimanapun, kawasan-kawasan yang sering dikunjungi orang ramai seperti Batu Feringhi, merekodkan tahap pencemaran yang sangat rendah. Pengawasan di 30 buah stesen air marin di Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2008 menunjukkan tahap kualiti air laut (air marin) pada keseluruhannya adalah baik dan sesuai bagi tujuan rekreasi.

Kualiti air sungai di tujuh (7) lembangan sungai yang dipantau melalui 60 stesen pengawasan pula menunjukkan hanya Lembangan Sungai Kerian sahaja berada di kategori Kelas 2 manakala enam (6) lembangan lagi sungai iaitu Sungai Kluang, Sungai Perai, Sungai Jejawi, Sungai Bayan Lepas, Sungai Juru dan Sungai Pinang berada dalam Kelas 3. Kelas 2 bermaksud kualiti air sesuai untuk kegunaan rekreasi

yang melibatkan sentuhan air sementara Kelas 3 pula bermaksud rawatan menyeluruh diperlukan untuk bekalan air dan biasanya perikanan di kawasan ini mempunyai nilai ekonomi dan spesies ternakan. Sementara itu, di sungai Air Terjun di Taman Botani tahap kualiti air masih di antara Kelas 1 dan Kelas 2 yang membolehkan aktiviti rekreasi dijalankan. Pemantauan melalui pengawasan sungai secara automatik dan manual juga dilakukan oleh Alam Sekitar Sdn. Bhd. (ASMA) iaitu syarikat yang dilantik oleh Kerajaan untuk menjalankan pemantauan ini.

Kaedah kawalan alam sekitar yang telah diambil bagi menangani pencemaran air dan udara di kawasan pembuangan sampah di Jelutong dan Pulau Burong ialah :-

(i) Tapak pelupusan Sampah Jelutong

Tapak pelupusan sampah di Jelutong telah dikhaskan untuk pelupusan sisa-sisa pembinaan didapati dari kawasan pulau sahaja. Keadaan pencemaran udara dan air bagi tapak pelupusan untuk sisa-sisa pembinaan didapati tidaklah begitu ketara. Bagi menangani masalah pembakaran terbuka yang sering berlaku di kawasan ini, Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah diminta meningkat kawalan dan memastikan tiada lagi pembakaran terbuka berlaku di kawasan ini.

(ii) Tapak pelupusan Pulau Burung

Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB) mempunyai kaedah kawalan air dan udara yang baik. TPSPB dilengkapi dengan sistem pengolahan *leachate* di mana air *leachate* dari seluruh kawasan tapak pelupusan diolah di sistem pengolahan *leachate*. Bagi mengelakkan air leachate terlepas ke sungai / laut, disediakan disekitar tapak yang mengalirkan semula ini ke tapak pelupusan. TPSPB ini juga dilengkapi dengan kemudahan pelepasan gas yang terhasil daripada proses pereputan sampah. Kaedah *sanitary landfill* yang dilaksanakan di TPSPB turut mengurangkan pelepasan bau ke kawasan sekitar.

(iii) Kawasan Lain

Bagi kawasan lain yang dikenal pasti menyebabkan pencemaran air dan udara, penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, Jabatan Alam Sekitar akan dibuat. Dalam hal ini tindakan undang-undang yang sewajarnya akan diambil ke atas premis kilang yang didapati melepaskan air buangan (*effluent*) dan pelepasan ke udara yang melebihi daripada had yang ditetapkan. Pemantauan melalui aktiviti pengawasan, tinjauan dari udara serta rondaan selepas waktu pejabat turut dijalankan untuk menyokong aktiviti penguatkuasaan ini.

Di samping itu, bagi meningkatkan kesedaran pihak industri serta semua lapisan masyarakat akan pentingnya menjaga alam sekitar, kempen kesedaran, dialog dan perbincangan sering diadakan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Tindakan bagi sesuatu aduan yang dibuat kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) amat lembap dan jawapan yang diberikan melalui e-aduan PBT juga selalunya tergantung dan pengadu tidak dikemaskinikan kedudukan tindakan yang diambil. Bilakah kerajaan negeri boleh mewujudkan satu sistem aduan berpusat agar semua masalah rakyat akan dapat dibuat dan maklum balas diperolehi segera?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Aduan orang ramai boleh dikemukakan melalui saluran bersemuka, telefon, surat dan e-mel. Maklumat dan data pengadu akan dimasukkan ke dalam sistem aduan berkomputer mengikut format yang telah disediakan. Berdasarkan aduan-aduan tersebut, MPPP akan terus mengambil tindakan melalui talian aduan melalui telefon (*Hotline*) 24 jam yang telah beroperasi pada 13 Julai 2007 yang lalu.

    Adalah wajar setiap aduan yang diterima melalui laman web rasmi Majlis menyertakan nombor rujukan bagi tindakan secara serta-merta, manakala aduan yang diterima melalui surat akan diberikan surat akuan terima yang tercatat nombor rujukan kepada pengadu dalam tempoh masa tiga (3) hari.

    Majlis turut menerima aduan yang disalurkan daripada Biro Pengaduan Awam. Bagi aduan daripada Biro Pengaduan Awam, Majlis diberi tempoh 10 hari untuk mengemukakan maklum balas. Majlis akan menyiasat setiap aduan dan mengemukakan maklum balas kepada pengadu mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Di samping itu, setiap Jabatan Majlis juga mengikut tempoh masa seperti yang dinyatakan dalam piagam pelanggan masing-masing.

    Bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), aduan yang diterima akan dimasukkan ke dalam sistem aduan berkomputer dalam tempoh sehari dan disalurkan ke jabatan berkaitan untuk tindakan. Sementara maklum balas aduan akan dikemukakan kepada pengadu dalam tempoh 2 minggu.

    Di peringkat kerajaan negeri, pihak kerajaan negeri juga telah mewujudkan sistem aduan berpusat yang dinamakan PINTAS. Sistem ini terletak dalam laman web Kerajaan Negeri di alamat www.penang.gov.my. Segala aduan daripada orang ramai akan disalurkan kepada agensi/jabatan kerajaan negeri, termasuk MPPP dan MPSP untuk dijawab oleh Pegawai Aduan Jabatan/ Ketua Jabatan. Pihak PINTAS mengambil masa satu hari untuk menerima dan mengagihkan aduan kepada jabatan berkaitan. Jabatan dikehendaki memberi jawapan dalam tempoh maksimum 14 hari. Melalui kaedah ini, tidak timbul soal lambat menjawab aduan yang diterima.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Setakat manakah kerajaan negeri telah berusaha membantu masyarakat Cina di Seberang Jaya bagi kelulusan pembinaan bangunan 3 tingkat untuk Gelanggang Bola Keranjang di Jalan Tenggiri dan perwujudan satu *Funeral Palour* berdekatan Jalan *Penang Bird Park*?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Setakat ini tidak ada tanah kerajaan yang sedia ada untuk pembinaan bangunan 3 tingkat untuk Gelanggang Bola Keranjang di Jalan Tenggiri, Seberang Jaya ataupun tanah untuk perwujudan *funeral parlour* untuk masyarakat Cina berdekatan *Bird Park*. Soalan ini pernah dibangkitkan dalam sesi DUN yang lepas. Sejak permintaan tersebut dibangkitkan pada masa itu, Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah telah berusaha mencari tanah untuk tujuan tersebut tetapi masih tidak berjaya.

    Tanah di kawasan tersebut adalah sangat terhad kerana pembangunan yang pesat. Hampir semua tanah sedia ada telah dibangunkan kecuali sedikit tanah persendirian yang masih tinggal. Walau bagaimanapun Kerajaan negeri akan mengkaji langkah terbaik untuk menyelesaikan masalah ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Kerajaan Pusat telah berusaha memberikan peruntukan bekalan air kepada beberapa kawasan termasuk untuk warga Siam di Teluk Wang / Tun Sardon dan difahamkan melebihi 12 buah rumah serta dikenakan bayaran oleh kerajaan negeri dari RM200.00 hingga RM390.00 bagi perkhidmatan penyambungannya. Bolehkah pembayaran yang dikenakan ini diberikan pengecualian?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Pengecualian bayaran yang dikenakan untuk penyambungan bekalan air di beberapa kawasan termasuk untuk warga siam di Teluk Wang/Tun Sardon hanya dapat dipertimbangkan oleh PBAPP bagi permohonan yang diterima melalui Skim Pinjaman Perbandaran Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) agi permohonan yang diterima melalui Skim Pinjaman PBAPP (Pengecualian TMC sahaja) atau Skim Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) yang disahkan oleh Pejabat Daerah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Bolehkah kerajaan negeri berusaha supaya jalan keluar dari Chai Leng Park dekat Hotel Pearl View dibenarkan belok ke kanan menuju ke Perai dengan mengadakan *traffic light* seperti di persimpangan Taman Bagan belok ke kanan menghala ke Chain Ferry/Perai?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Jalan keluar dari Chai Leng Park dekat Hotel Pearl View menuju ke Perai merupakan laluan Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR). BORR berada di dalam bidang kuasa Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Laluan Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth merupakan laluan yang dinaiktaraf daripada jalan dua lorong sehala kepada jalan tiga lorong sehala.

Oleh itu, cadangan lampu isyarat untuk membenarkan pengguna jalan raya membelok ke kanan ke Taman Chai Leng didapati tidak sesuai dan akan mengganggu aliran trafik di laluan utama. Walau bagaimanapun, pengguna yang ingin memasuki ke Taman Chai Leng perlu membuat pusingan *U* di Persimpangan Bertingkat Perai dengan jarak hanya 200 meter.

Pengguna dari Chai Leng Park dekat Pearl View Hotel boleh memusing ke kiri dan membuat Pusingan *U* di lampu isyarat berdekatan Megamall Pinang kira-kira 200 meter jarak dan terus menuju ke Perai.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Setakat manakah pencapaian kawalan harga dan apakah inisiatif yang benar-benar berkesan yang telah diambil oleh Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pengguna Negeri Pulau Pinang bagi menjamin warga Negeri Pulau Pinang merasa terjamin dengan barangan keperluan yang mencukupi dengan harga belian yang terendah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Hal Ehwal Pengguna telah mengambil beberapa langkah dalam pencapaian kawalan harga dan menjamin warga Pulau Pinang merasa terjamin dengan kecukupan barangan keperluan dengan harga belian yang terendah. Antara langkah yang telah diambil adalah :-

(a) Melancarkan Program Pemantau Pengguna *(Consumer Watch Programme)*. Program ini bertujuan untuk memberi pendidikan dan kesedaran tentang hak pengguna sebagai teras utama dalam menghasilkan pengguna yang bijak serta mewujudkan model pengguna yang bijak di semua peringkat masyarakat.

(b) Bekerjasama dengan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Pulau Pinang (KPDNHEPP) dalam membuat pemantauan harga barangan mengikut KADUN masing-masing. Kumpulan Pemantau Pengguna ini akan melaporkan kepada KPDNHEPP jika terdapat sebarang kenaikan harga yang tidak mematuhi harga siling.

(c) Memberikan maklum balas kepada Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Pengguna Pulau Pinang mengenai kedai atau pasar raya yang mempunyai harga terendah dan harga tertinggi melalui Kumpulan Pemantau Pengguna. Kedai yang mempunyai harga terendah akan diberi pengiktirafan dan dianugerahkan dengan "Kedai Harga Terendah". Maklumat ini akan diedarkan di seluruh negeri melalui ADUN di kawasan masing-masing.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Masalah pencemaran udara terutamanya akibat dari operasi kuari dan perusahaan lainnya di negeri ini membuat ramai rakyat merasa resah. Oleh itu apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini dan sila senaraikan kesemua kuari-kuari dan lokasi pengambilan tanah merah, tanah bukit, pasir sungai dan lain-lain di negeri ini dan kaedah pengawalannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Untuk mengatasi masalah pencemaran udara dari operasi kuari, pengambilan tanah merah/tanah bukit/pasir sungai dan perusahaan lainnya di Negeri Pulau Pinang, beberapa langkah kawalan dan pencegahan pencemaran diambil oleh kerajaan melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD). Antara langkah-langkah yang dilaksanakan ialah:

(i) Program kawalan pencemaran dengan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1979;

(ii) Program pencegahan kesan kepada alam sekeliling atau Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (Environmental Impact Assessment, EIA) dengan penguatkuasaan Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 dan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Penilaian Kesan kepada Alam Sekitar) (Aktiviti Yang Ditetapkan) 1987. Semua kuari pengambilan batu diwajibkan menjalankan EIA terlebih dahulu. Dengan penguatkuasaan undang-undang EIA, pihak pengusaha kuari dikenakan syarat tertentu untuk mengatasi keresahan orang ramai dan rakyat di Negeri Pulau Pinang. Aspek-aspek utama yang diberi perhatian dalam laporan EIA termasuk:

(a) Kawalan habuk dan asap;

(b) Kawalan gegaran dan bunyi bising:

(c) Kawalan hakisan dan kelodakan;

(d) Kawalan buangan toksik dan berbahaya; dan

(e) Kawalan risiko batu berterbangan *(fly rock).*

(iii) Di samping itu pengusaha kuari juga dikehendaki mengemukakan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (Environmental Management Plan, EMP) dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum projek beroperasi. EMP ini antara lainnya menggariskan dengan lebih terperinci mengenai perancangan yang dibuat oleh pengusaha kuari untuk mengawal pencemaran daripada berlaku. EMP ini juga perlu mendapat kelulusan JAS sebelum sesuatu projek beroperasi.

(iv) Selain itu semasa sesuatu projek/aktiviti kuari beroperasi pihak pengusaha disyaratkan supaya menjalankan pengawasan sendiri terhadap alam sekitar di dalam tapak projek dan kawasan sekitar yang merangkumi aspek pengawasan kualiti udara, air, bunyi bising dan getaran. Laporan pengawasan ini perlu dikemukakan tiap-tiap bulan kepada JAS sebagai satu proses pemantauan dari segi pematuhan terhadap syarat-syarat yang telah ditetapkan. Disamping itu pihak JAS sendiri akan menjalankan lawatan penguatkuasaan dari masa ke semasa terhadap setiap kuari yang beroperasi di Pulau Pinang untuk mengetahui status kemajuan projek dan pematuhan syarat-syarat yang dikenakan.

Senarai kuari-kuari yang beroperasi di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

SENARAI KUARI YANG MASIH AKTIF DI SETIAP DAERAH

1) SEBERANG PERAI UTARA

Bil :	Nama Kuari/ Status	Tuanpunya Tanah/Operator	Tuanpunya Tanah/Operator terdahulu dan tarikh pertukaran	No.Lot / Mukim	Anggaran Baki Jangka Hayat	Catatan/Isu
1.	Nama Kuari : (Tanah Merah)	Tuanpunya Tanah : Koperasi Mahadaya Sdn. Bhd. No: 26-A Jalan Scott, Brickfields, 50740 Kuala Lumpur		Lot 1285 Mukim 13 (Bukan Geran First Grade)	10 tahun	Geran Frist Grade
2.	Tetuan Lock Huat Holdings		1253 Mukim 13			Geran Frist Grade

2) SEBERANG PERAI TENGAH

Bil :	Nama Kuari / Status	Tuanpunya Tanah/Operator	Tuanpunya Tanah/Operator terdahulu dan tarikh pertukaran	No.Lot / Mukim	Anggaran Baki Jangka Hayat	Catatan/Isu
1.	Boon Sun Seraksi Sdn. Bhd (Granite)	Hanson Kuari Sdn. Bhd.		Lot 908, Mukim 20, S.P.T, HS (M)604	5 tahun	Tanah Kerajaan Pajakan Mukim 20 Tahun. Tamat Tempoh Pada 27.1.2012
2.	Kuad Sdn. Bhd. (Granite)	Kuad Sdn. Bhd		PT. 44, Mukim 20, S.P.T HS(D) 1116	14 tahun	Tanah Kerajaan Pajakan Negeri 30 tahun. Tamat Tempoh Pada 5.3.2021
3.	Batu Tiga Kuari (Granite)	Batu Tiga Kuari	4.677 H	Lot 1509, Mukim 20, S.P.T. HS (D) 1	5 tahun	Tanah Kerajaan Pajakan Negeri 30 tahun. Tamat Tempoh Pada 24.3.2012
4.	Tar San Kuari (Granite)	Hanson Kuari Sdn. Bhd.		PT.43, Mukim 20, S.P.T HS(D) 1115	14 tahun	Tanah Kerajaan Pajakan Negeri 30 tahun. Tamat Tempoh Pada 28.2.2021
5.	Teik Granite Kuari Sdn. Bhd. (Granite)	Teik Granite Kuari Sdn. Bhd		Lot 707,411, Mukim 20		Tanah Persendirian Geran Selama-lamanya
6.	Weng Lee Kuari Sdn. Bhd. (Granite)	Weng Lee Kuari Sdn. Bhd.		Lot 229, 237, 248, 1488 - 1491. Mukim 17		Tanah Persendirian Geran Selama-lamanya

Bil :	Nama Kuari / Status	Tuanpunya Tanah/Operator	Tuanpunya Tanah/Operator terdahulu dan tarikh pertukaran	No.Lot / Mukim	Anggaran Baki Jangka Hayat	Catatan/Isu
7.	Tar San Kuari Sdn. Bhd. (Granite)	Tar San Kuari Sdn. Bhd.		Lot 1263, Mukim 20,		Tanah Persendirian Geran Selama-lamanya
8.	Ban Seng Huat Sdn.Bhd (Granite)	Batu Tiga Kuari Sdn.Bhd		Lot 1484,1475,1477,238 dan 1486 Mukim 17	5 tahun	Tanah Persendirian Geran Selama-lamanya
9.	Saw Chong Teok Kuari Sdn.Bhd (Granite)	Kuari Utama Sdn.Bhd		Sebahagian Lot 834,Mukim 12		Tanah Kerajaan Pajakan Negeri 15 tahun. Tamat Tempoh Pada 31.1.2006
10.	Fuji Strata Sdn.Bhd (dahulu P.W.Mix) (Granite)	Hunza Distripak Sdn.Bhd		Lot 1022,1023, Mukim12		Tanah Persendirian (Frist Grade)
11.	Foo Yen Soo & Sons Sdn.Bhd (Granite)	Foo Yen Soo & Sons Sdn.Bhd		Lot167,168,177,178, 179,180 dan 1936 Mukim 20		Tanah Persendirian (Frist Grade)
12.	Lean Seng Chan Sdn.Bhd (Granite)	Lean Seng Chan Sdn.Bhd		Lot 1019 Mukim 12		

3) SEBERANG PERAI SELATAN

Bil :	**Nama Kuari / Status**	**Tuanpunya Tanah/Operator**	**Tuanpunya Tanah/Operator terdahulu dan tarikh pertukaran**	**No.Lot / Mukim**	**Anggaran Baki Jangka Hayat**	**Catatan/Isu**
1.	Tanah Merah	Chua Kok Hian		Lot 459 Mukim 1		Tanah First Grade dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/28
2.	Tanah Merah	Loh Thow Yoong Sdn.Bhd		Lot 400 &401 Mukim 14		Tanah First Grade dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPSH/A/68
3.	Tanah Merah	Khor Kim Sneah		Lot 839,904&905 Mukim 4		Tanah Pertanian dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/49
4.	Tanah Merah	Motif Unik Sdn.Bhd		Lot 434 (Plot A) Mukim 6		Tanah Pertanian dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/82
5.	Tanah Merah	Ong See Huat		Lot 1838, 2568&2569 Mukim 11		Tanah Pertanian dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/25
6.	Tanah Merah	Asas Dunia Berhad		Lot 331,332,336,339 &340 Mukim 6		Tanah Pertanian dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/12
7.	Bahan Batuan	Welepeq Sdn.Bhd		Lot 40,41,129,134, 135,169,170,171,213,267 Mukim 3		Tanah Pertanian dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/50
8.	Bahan Batuan (Granit)	Pakatan Protim Properties Sdn.Bhd		Lot 407,408 dan 409 Mukim 14		Belum ada permit

4) DAERAH TIMUR LAUT

Bil :	Nama Kuari / Status	Tuanpunya Tanah/Operator	Tuanpunya Tanah/Operator terdahulu dan tarikh pertukaran	No.Lot/ Mukim	Anggaran Baki Jangka Hayat	Catatan/Isu
1.	Bahan Batuan	Teik Granite Quarry Ltd.		Lot 89, 90, 94, 3575, 3576 Mukim 18		Geran Mukim B & C dan Geran Mukim 1st Grade Lot 70 (Tiada Permit)

5) DAERAH BARAT DAYA

Bil :	Nama Kuari / Status	Tuanpunya Tanah/Operator	Tuanpunya Tanah/Operator terdahulu dan tarikh pertukaran	No.Lot/ Mukim	Anggaran Baki Jangka Hayat	Catatan/Isu
1.	Bahan Batuan (Granit)	Sofinaz Holdings Sdn.Bhd		Lot 277,625,627,628, 629,2342, Mukim 12		Kelulusan melalui PTG/PP/811/JLD 1 (26) Bth. 05/01/1993 dan telah dikeluarkan permit.
2.	Tanah Merah	Sofinaz Holdings Sdn.Bhd		Lot 628 Mukim 12		Kelulusan oleh PTD Bth:19/02/2008 dan telah dikeluarkan permit.
3.	Bahan batuan (Granit)	MTT Properties & Development Sdn.Bhd. Suite 7a, 7th floor Wisma MTT, 26 Pengkalan Weld		Sebahagian Lot 255 Mukim 4		Kelulusan oleh PTD Bth:30/04/2008 dan belum menjelaskan bayaran royalti.
4.	Tanah Merah	MTT Properties & Development Sdn.Bhd. Suite 7a, 7th floor Wisma MTT, 26 Pengkalan Weld		Sebahagian Lot 255 Mukim 4		Kelulusan oleh PTD Bth:30/04/2008 dan belum menjelaskan bayaran royalti.
5.	Bahan batuan (Granit)	Minetech Construction Sdn. Bhd.		Lot 202, 236, 403, 516, 711-715, 761,765, 980-983 Mk.11 DBD		Kelulusan oleh PTD Bth:30/04/2008 dan belum menjelaskan bayaran royalti.
6.	Tanah Merah	Assetway Development (m) Sdn.Bhd		Lot 1172,1173-1174, 1179,1180 Mukim 12		Kelulusan oleh PTD Bth:17/11/2008 dan belum menjelaskan bayaran royalti.
7.	Tanah Merah	Shanor Enterprise (m) Sdn.Bhd		Jalan Pintas Bayan Lepas (bypass) dari Jalan Dato' Ismail Hashim ke simpang Batu Maung Mukim 11		Kelulusan oleh PTD Bth:19/01/2009 dan belum menjelaskan bayaran royalti.

VIII. Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Didapati bahawa mutu perkhidmatan PBA amat tinggi. Adakah MPSP bersedia menjadikan PBA sebagai teladan terutamanya Jabatan Kesihatannya supaya tahap perkhidmatan MPSP dapat dipertingkatkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sedia menerima kritikan atau teguran yang membina daripada mana-mana pihak disamping mencontohi agensi kerajaan yang cemerlang demi meningkatkan mutu perkhidmatan. Fungsi dan skop kerja Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan adalah berbeza dan lebih luas jika dibandingkan dengan perkhidmatan Perbadanan Bekalan Air (PBA).

   Walau bagaimanapun, jabatan sentiasa berusaha dengan mengembelengkan sumber-sumber yang sedia ada untuk menjadikan Seberang Perai sebuah kawasan yang bersih dan indah. Pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang/ peraturan termasuk menstruktur semula beberapa fungsi jabatan khasnya perkhidmatan pungutan sampah dan kerja pembersihan am telah dilaksanakan untuk meningkatkan tahap perkhidmatan jabatan. Kerjasama dan penglibatan orang ramai sangat diperlukan untuk menjaga kebersihan dengan membuang sampah ke dalam tong sampah yang telah disediakan. Perubahan budaya dan sikap orang ramai merupakan cabaran utama MPSP untuk mencapai tahap perkhidmatan yang lebih tinggi.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Orang awam selalu berhadapan dengan masalah pokok-pokok tidak dijaga dengan baik. Adakah MPSP bercadang membeli "sky horse" yang baru dan berapakah jumlah "sky horse" tersebut yang akan dibeli oleh MPSP?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. MPSP bercadang membeli sebuah kenderaan jenis *(sky horse)* dengan menggunakan peruntukan tahun 2009. Butir-butir pembelian adalah seperti yang berikut :

   - Jumlah peruntukan = RM300,000.00
   - Status terkini : dokumen tender akan dijual pada 16 April 2009.
   - Jumlah pembelian : 1 buah.
   - Jangka terima kenderaan : 3 bulan selepas tender dalam tahun semasa.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sila nyatakan projek pembangunan dalam kawasan Parlimen Bukit Mertajam yang dibayar dengan peruntukan Ahli Parlimen. Jika tidak ada, sila nyatakan mengapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Peruntukan khas Ahli Parlimen adalah daripada pembiayaan Kerajaan Persekutuan dan dikawal secara langsung oleh Pejabat Pembangunan Negeri, sebuah jabatan Kerajaan Persekutuan. kerajaan negeri tidak mempunyai butirannya.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Terdapat 7 pakej dalam program projek tebatan banjir di kawasan Seberang Perai Tengah. Sila nyatakan apakah perkembangan yang terkini? Berapa jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga hari ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Tujuh pakej dalam program tebatan banjir di kawasan Seberang Perai Tengah yang merupakan program tebatan banjir bagi taman-taman di sekitar Sungai Rambai di bawah Majlis Perbandaraan Seberang Perai (MPSP).

   Setakat ini, Pakej 1 telah siap 60% - iaitu Pakej 1 (Sistem Perparitan Dan Stesen Pam) yang terbahagi kepada 3 iaitu:-

   (i) Pakej 1A: Menaik taraf sistem perparitan Taman Seri Rambai Fasa IV, SPT. (siap 100%)

   (ii) Pakej 1C: Membina stesen pam untuk Taman Seri Rambai. (siap 100%)

   (iii) Pakej 1B: Menaik taraf sistem perparitan Taman Seri Rambai Fasa II, III, SPT (Pakej ini masih dalam perancangan untuk dilaksanakan)

   Pakej 2: Taman Seri Rambai Fasa I (Sistem perparitan dan stesen pam), Pakej 3 :Taman Makok dan Padang Lallang, (Sistem perparitan dan stesen pam), Pakej 4 : Taman Desa Damai. (Sistem perparitan dan stesen pam), Pakej 5 : Taman Seri Jaya dan Taman Sungai Rambai (Sistem perparitan dan stesen pam), Pakej 6 : Taman Mutiara (Sistem perparitan) dan Pakej 7 : Pembinaan Ban.

   Pakej 2 hingga Pakej 7 buat masa ini dalam urusan untuk melantik perunding untuk melaksanakan reka bentuk terperinci. Pakej-pakej ini dijangka siap menjelang tahun 2015.

   Sehingga kini, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan ialah sebanyak RM9.1 juta untuk pelaksanaan projek Pakej 1A dan 1 C yang telah siap sepenuhnya.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Pemasangan CCTV di kawasan berisiko tinggi jenayah telah lama tertunda, sila beri maklumat terbaru dan bilakah pemasangan akan dijalankan. Siapakah yang akan bertanggungjawab ke atas pemantauan dan penyelenggaraan CCTV selepas ia dipasang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sebanyak 31 buah kamera CCTV dan 3 buah Pusat Pemantauan (MPPP, IPK Pulau Pinang dan IPD Timur Laut) telah dipasang di kawasan Timur Laut oleh Kerajaan Negeri di bawah projek *(Penang Integrated Public Safety System)* (PIPS) yang telah mula beroperasi sejak 14 Februari 2008.

   Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan memasang sebanyak 48 buah kamera CCTV di Negeri Pulau Pinang iaitu sebanyak 24 buah kamera CCTV di kawasan tanggungjawab Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan 24 buah lagi di kawasan tanggungjaawab Majlis Perbandaran Seberang Perai. Jawatankuasa Teknikal, KPKT telah menilai tender dan telah mengemukakan cadangan kepada Perbendaharaan Malaysia yang akan memberi peruntukan untuk projek ini.

   Dalam perancangan penambahan kamera CCTV oleh Kerajaan Negeri, PDRM telah mengenal pasti dan mengemukakan senarai lokasi-lokasi kerap berlaku jenayah kepada Kerajaan Negeri untuk dipasangkan dengan kamera CCTV. Sebanyak 210 lokasi telah dikenal pasti iaitu 133 lokasi di daerah Timur Laut, 31 lokasi di daerah Barat Daya, 16 lokasi di daerah Seberang Perai Utara, 19 lokasi di daerah Seberang Perai Tengah dan 11 lokasi di daerah Seberang Perai Selatan.

Lokasi kamera di Seberang Perai seperti dalam Lampiran ID93. Pada masa ini, PDRM bersama MPPP sedang dalam proses akhir penyediaan *(technical design).*

Pemantauan akan dilaksanakan pihak PDRM (24 jam) dan juga pihak PBT. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) masing-masing akan bertanggungjawab menyelenggarakan sendiri sistem CCTV yang telah dipasang.

LAMPIRAN

SENARAI LOKASI SERTA CCTV YANG AKAN DIPASANG OLEH KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) DI KAWASAN SEBERANG PERAI

BIL.	KAMERA NO.	LOKASI KAMERA
1	U1	Stesen Keretapi Buterworth
2	U2	Jalan Selat, Taman Selat
3	U3	Jalan New Ferry (CIMB Bank)
4	U4	Simpang Jalan Ong Yi How / Jalan Raja Uda
5	U5	Jalan Hashim Awang, Pekan Tasek Gelugor
6	U6	Simpang Jalan Dato' Hj. Ahmad Badawi / Jalan Padang Kelab
7	U7	Hadapan Kompleks Datok Kailan Kepala Batas
8	U8	Jalan Bagan Ajam (AMBANK)
9	T1	Jalan Perai Jaya (Megamall)
10	T2	Jalan Perai Jaya 2 (Megamall)
11	T3	Simpang Tingkat Kikik 7, Taman Inderawasih
12	T4	Simpang Jalan Kurau / Tingkat Kurau 5
13	T5	Simpang Tingkat Kurau 5 / Tingkat Kurau 4
14	T6	Jalan Todak Bandar Sunway (Restoran Ratu Mas)
15	T6	Jalan Todak 2, Bandar Sunway
16	T8	Simpang Jalan PERDA
17	T9	Simpang Jalan Tembikai / Jalan Padang Lalang
18	T10	Simpang Jalan Pasar / Jalan Danby, Pekan Bukit Mertajam
19	T11	Jalan Usahaniaga
20	T12	Jalan Rozhan, Alma (Pusat Raya Wonderful)
21	S1	Simpang Jalan Atas / Jalan Hooi Soo, Pekan Nibong Tebal
22	S2	Simpang Jalan Atas / Jalan Serindik, Pekan Nibong Tebal
23	S3	Jalan Susur, Sungai Bakap
24	S4	Jalan Simpang Ampat

SENARAI LOASKI SERTA CCTV TAMBAHAN DI KAWASAN SEBERANG PERAI

BIL.	LOKASI	JUMLAH KAMERA	JUMLAH BESAR
	SPT		
1	Simpang Tiga Jalan Besar Bukit Mertajam – berdekatan simpang masuk Asa Murni	1	
2	Pembangunan Mayang Zaman	1	
3	Simpang Jalan Bukit Tengah	1	
4	Autocity Juru	1	
5	Auto World Juru	1	
6	Hadapan City Bank Autocity	1	
7	Taman Pelangi	1	
8	Jalan Todak, Bandar Sunway Depan TT Dot. Com.	1	

9	Jalan Todak / Jalan Jelawat (Kawasan Rumah Ibadat)	1	
10	EPF / SOCSO Seberang Jaya	1	
11	Jalan Jelawat / Lorong Jelawat 1- berhadapan pejabat IWK	1	
12	Simpang Jalan Kurau	2	
13	Summit BM Plaza	2	
14	JUCSO Bandar PERDA	1	
15	KPJ PERDA	1	
16	TNB PERDA	1	
17	Hospital Seberang Jaya	1	

	SPU		
1	Bertam Putra Depan Mini Pos	1	
2	Pusat Perdagangan Bertam	1	
3	Bertam Indah, Maybank / BSN	1	
4	Kompleks Kerajaan, Hospital, Pejabat Daerah, Dewan Milenium	2	
5	Pekan Kepala Batas	1	
6	Simpang Jalan Pekan Kepala Batas	1	
7	Projek Perniagaan JKP	1	
8	Pekan Sungai Puyu	1	
9	Simpang Jalan Telekom	1	
10	Trafik Light Jalan Raja Uda	1	
11	Jalan Pmtg Puh / Bagan Lalang	1	
12	Jalan Bagan Luar, Taman Selat	1	
13	Taman Desa Murni, Sungai Dua	1	
14	Kompleks Tasek Gelugor depan Agro Bank	1	
15	Simpang Tiga Tasek Gelugor	1	
			16
	SPS		
1	Hadapan stesyen minyak Shell Jalan Atas Nibong Tebal	1	
2	Jalan Sungai Daun (hadapan SMK Methodist)	1	
3	Sebelah Kanan Pasaraya Yawata	2	
4	Hadapan Bank Simpanan Nasional Sungai Bakap	1	
5	Hadapan AM Bank Sungai Bakap	1	
6	Jalan Bukit Tambun / Jalan Tambun Indah / Jalan Taman Idaman (Pasar Awam dan Perumahan)	1	
7	Bulatan SUKMA Bukit Tambun	1	
8	Pasar Awam Bandar Mutiara	1	
9	Bulatan Hadapan Stadium Batu Kawan	1	
10	Kawasan Jeti Batu Musang	1	
			11
	JUMLAH KESELURUHAN		**46**

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berhadapan dengan masalah kekurangan pegawai penguat kuasa. Adakah kerajaan negeri mempunyai rancangan atau pelan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan penguatkuasaan di MPSP dengan penambahan bilangan pegawai-pegawai?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai rancangan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan penguatkuasaan di MPSP. Oleh itu proses pengambilan Pembantu Penguatkuasa Gred N 17 untuk mengisi kekosongan sedang giat dijalankan. Ujian fizikal serta peperiksaan kemasukan jawatan telah dijalankan pada 24 dan 25 Mac 2009 yang lalu dan proses senarai pendek calon (short listing) yang berjaya akan dimuktamadkan dalam tempoh terdekat. Di samping menambah pegawai penguatkuasa kaedah lain untuk meningkatkan perkhidmatan penguatkuasaan di MPSP ialah melalui latihan secara berkala yang menumpukan peranan mereka, apakah kelemahan mereka serta kaedah untuk menangani masalah bagi jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sila senaraikan nama-nama keanggotaan AMMK Jawatankuasa Tanah Negeri sejak 1990 sehingga terkini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Senarai nama Ahli-ahli Jawatankuasa Tanah Negeri sejak tahun 1990 hingga kini adalah seperti berikut:

	1990-1995	**1995 - 1999**	**1999 - 2004**	**2004 – 2008**	**2008 - 2013**
Pengerusi	Y.B. Dr. Ibrahim bin Saad	YB. Dato' Haji Mohd Shariff bin Haji Omar	YB. Dato' Dr. Helmi bin Haji Yahaya	YB. Dato' Abdul Rashid bin Abdullah	YAB. Tuan Lim Guan Eng
Ahli-ahli	YB. Dato'Kamaruzzaman bin Sharif (SUK)	YB. Dato' Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri (SUK)	YB. Dato' Khalid bin Ramli (SUK)	YB. Dato' Jamaluddin bin Hassan (SUK)	YB. Tuan Mohammad Fairuz bin Khairuddin (TKM I)
	YB. Tuan Hj. Dr. Mohd Shahar bin Sidek (PKN)	YB. Puan Alizatul Khair bt. O. Khairuddin (PUN)	YB. Puan Alizatul Khair bt. O. Khairuddin (PUN)	YB. Dato' Hinshawati bt. Shariff (PUN) / YB. Puan Faiza bt. Zulkifli (PUN)	YB. Tuan Ramasamy a/l Palanisamy (TKM II)
	Encik Hamidi bin Abd. Hamid (PTG)	YB. Dato' Khalid bin Ramli (PKN)	YB. Encik Abdul Hanan bin Alang Endut (PKN)	YB. Encik Ng Kam Cheung (PKN) / YB. Dato' Supiah bt. Md. Yusof (PKN)	YB. Tuan Lim Hock Seng Pengerusi J/K Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi)
		Encik Hamidi bin Abd. Hamid (PTG)	Encik Ahmad Phesal bin Haji Taib (PTG)	Tuan Haji Arifin bin Awang (PTG)	YB. Tuan Law Choo Kiang Pengerusi J/K Pertanian & Industri Asas Tani Pembangunan Luar Bandar Tebatan Banjir
					YB. Dato' Jamaluddin bin Hassan (SUK)
					YB. Puan Faiza bt. Zulkifli (PUN)
					YB. Dato' Supiah bt. Md. Yusof (PKN)
					Tuan Haji Arifin bin Awang (PTG)

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Adakah kerajaan mempunyai rancangan segera untuk membantu sektor swasta menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak siang hari untuk meringankan bebanan ibu-ibu yang terpaksa bekerja?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mempunyai program advokasi dari semasa ke semasa yang menggalakkan semua pengusaha TASKA berdaftar dengan jabatan berkenaan setelah mendapat kelulusan dari 3 agensi teknikal iaitu Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kesihatan serta Jabatan Bomba dan Penyelamat. Perkara ini akan memudahkan pelaksanaan operasi dan memudahkan kerajaan negeri mengawal sebarang isu mengenai TASKA. Namun demikian kerajaan negeri masih belum mempunyai rancangan segera untuk membantu sektor swasta menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak (TASKA) bagi meringankan bebanan ibu-ibu yang bekerjaya.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Berapakah jumlah penjaja tanpa permit yang berniaga di seluruh Seberang Perai pada masa kini? Adakah MPSP mempunyai rancangan untuk menyelesaikan masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Jumlah Penjaja Tanpa Lesen di seluruh Seberang Perai adalah seperti berikut :-

DAERAH DIKENAL PASTI	JUMLAH	KAWASAN UTAMA YANG
SPU	717	Jalan Raja Uda, Bertam, Maklom, Teluk Air Tawar dan beberapa kawasan lain di SPU
SPT	845	Taman Pelangi, Seberang Jaya, Taman Desa Damai, Sekitar Bukit Mertajam dan beberapa kawasan lagi.
SPS	204	Sekitar Tambun, Jalan Sempadan Bandar Tasek Mutiara dan beberapa kawasan lagi di SPS
JUMLAH	**1766**	

Majlis Perbandaran Seberang Perai mempunyai rancangan untuk menyelesaikan masalah ini, antaranya telah mengadakan perbincangan mengenai cadangan untuk memperkemaskan garis panduan sedia ada dengan Ahli Majlis berkenaan penjaja tanpa lesen ini pada 4 April 2009. Keputusan perbincangan tersebut akan dibentangkan terlebih dahulu dalam Jawatankuasa Majlis setelah diluluskan akan dibentangkan pula untuk pengesahan Jawatankuasa Majlis Penuh dan seterusnya akan dibawa untuk pertimbangan dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) dan barulah keputusan tersebut boleh diguna pakai kepada umum.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Terdapat beberapa buah menara telekomunikasi dan alat pemancar telefon bimbit dalam negeri. Antara jumlah ini, berapakah bilangan yang mempunyai permit dan berapakah bilangan yang tidak ada permit? Setakat ini, berapakah bilangan menara yang tidak mempunyai permit telah diruntuhkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (i) Sehingga 31 Mac 2009, terdapat 744 buah menara struktur telekomunikasi diseluruh negeri Pulau Pinang.

(ii) Hanya 286 tapak/struktur telah mendapat kelulusan dari pihak berkuasa tempatan (PBT). Baki berjumlah 458 tidak ada permit.

(iii) Sehingga tarikh yang sama, sebanyak 74 menara telekomunikasi dan alat pemancar telah diruntuhkan dalam negeri.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Adakah kerajaan negeri mempunyai rancangan untuk menaik taraf Jalan Kulim menjadi jalan persekutuan yang mana ia didapati terlalu sempit dan lalu lintas selalu sibuk?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan negeri melalui JKR tidak mempunyai rancangan untuk menaik taraf Jalan Kulim menjadi Jalan Persekutuan. Namun, pihak JKR akan menjalankan kerja-kerja pembaikan jalan dari masa ke semasa melalui geran peruntukan jalan yang telah diterima. Pihak JKR juga telah mencadangkan projek menaik taraf jalan tersebut bagi memberi keselesaan kepada pengguna-pengguna jalan di kawasan berkenaan di dalam Rancangan Negeri Pulau Pinang Kedua (RNPP2), 2006-2010.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Adakah kerajaan negeri mempunyai rancangan untuk membina sebatang jalan pintas menghubungi Jalan Permatang Rawa dengan Jalan Tok Elong dan Berapit untuk mengurangkan jumlah kenderaan yang masuk ke Pekan Bukit Mertajam?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai rancangan untuk membina jalan pintas yang menghubungi Jalan Permatang Rawa ke Jalan Tok Elong dan Berapit. Jalan tersebut telah pun dimasukkan dalam senarai projek Rancangan Negeri Pulau Pinang Kedua (RNPP2) dan peruntukan bagi tujuan tersebut akan dipohon sewajarnya. Kerja-kerja pengukuran telah dijalankan dan telah siap sepenuhnya. Dengan adanya jalan berkenaan, jumlah kenderaan yang memasuki Bandar Bukit Mertajam dapat dikurangkan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Adakah kerajaan negeri mempunyai rancangan jangka masa pendek dan panjang untuk menghadkan kegunaan beg plastik dan *polyfoam* di sektor perniagaan swasta? Jika ada, sila jelaskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Setakat ini, kerajaan negeri tidak mempunyai perancangan jangka pendek dan panjang untuk mengehadkan penggunaan beg plastik dan *polyfoam* di sektor perniagaan swasta. Tambahan pula sehingga kini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) belum menggariskan apa-apa Pelan Tindakan serta batasan terhadap penggunaan beg plastik/*polyfoam* di sektor perniagaan swasta. Namun demikian, kerajaan negeri sedang giat melaksanakan program-program kitar semula dan menggalakkan usaha-usaha pihak peniaga untuk tidak menggunakan beg plastik dan *polyfoam* sebagai langkah yang mampu mengurangkan impak dan seterusnya untuk melindungi alam sekitar.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Sila nyatakan keluasan tanah bangunan MPSP di Bandar PERDA. Berapa ringgit semeter persegi MPSP membeli tanah itu dari Aseania Development Sdn. Bhd.? Berapakah harga untuk mendirikan bangunan baru MPSP? Siapakah yang membuat keputusan untuk mendirikan ibu pejabat baru MPSP di Bandar PERDA?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Keluasan tanah bangunan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di Bandar PERDA ialah 10 ekar yang dibeli dengan harga RM31.00 sekaki persegi atau RM333.68 semeter persegi pada 5 November 2001. Kos keseluruhan bangunan MPSP berjumlah RM 83,518,655.78. Kos ini meliputi kos bangunan, pelbagai kelengkapan dan juga kemudahan ICT. Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) yang bermesyuarat pada 28 Februari 2001 dan disahkan pada 7 Mac 2001 telah meluluskan pembinaan ibu pejabat baru MPSP di Bandar PERDA.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sila memberi kronologi bagaimana MPSP membuat keputusan mendirikan ibu pejabat baru di Bandar PERDA.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kronologi keputusan MPSP mendirikan Ibu Pejabat baru di Bandar PERDA adalah seperti berikut :-

TARIKH	PERKARA
1993	Mula perancangan awal pembinaan bangunan baru MPSP di tanah MPSP di Ampang Jajar SPT. Pertandingan reka cipta model dan konsep bangunan di kalangan arkitek telah diadakan
25/7/1998	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Penyertaan Bumiputra Pulau Pinang (JKP) membuat keputusan pembinaan kompleks baru MPSP di bina di Bandar PERDA
31/7/1998	YDP Y.Bhg. Dato' Hj Daud bin Taha melantik Jawatankuasa Penilaian Projek Cadangan Ibu Pejabat MPSP di Bandar PERDA
24/10/1998	Laporan Jawatankuasa telah di kemukakan kepada YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri (PKN)
2/11/1998	YB Dato' PKN meminta anggaran kos dan implikasi kewangan serta pembiayaan projek
22/12/1998	Kemuka maklumat yang di perlukan oleh Dato' PKN
29/1/2001	MPSP kemuka kertas mesyuarat kepada MMK dengan cadangan-cadangan seperti berikut: i. Cadangan ibu pejabat MPSP untuk berpindah ke tapak baru di Mk.6 & 7, Bandar PERDA, Permatang Rotan, SPT ii. Membeli tanah seluas 10 ekar untuk menempatkan bangunan Ibu Pejabat dan padang iii. Rundingan terus *(direct negotiation)* dengan pihak Aseania Development Sdn. Bhd. (ADSB) untuk mereka dan membina *(design & build)* bangunan tersebut mengikut spesifikasi MPSP

28/2/2001	MMK telah meluluskan :- i. Cadangan ibu pejabat MPSP berpindah ke tapak baru di Bandar PERDA. ii. Membenarkan MPSP membeli tanah seluas 10 ekar untuk menempatkan bangunan ibu pejabat dan padang . iii. Membenarkan rundingan terus *(direct negotiation)* dengan pihak ADSB untuk mereka dan membina *(design & build)* bangunan tersebut mengikut spesifikasi MPSP.
7/3/2001	MMK mengesahkan keputusan yang di buat pada 28/2/2001
30/4/2001	Majlis Penuh ke 324 (4/2001) meluluskan cadangan-cadangan MMK yang disahkan pada 7/3/2001
28/9/2001	YDP Dato' Hj Ismail bin Mamat melantik Jawatankuasa Rundingan Pembelian Tanah
2/10/2001	Mesyuarat Rundingan Harga pembelian tanah di adakan
5/11/2001	Perjanjian jual beli tanah antara MPSP dan ADSB serta PERDA di tanda tangani
31/7/2002	Majlis Penuh ke 339 (119/2002) meluluskan permohonan mengadakan perbincangan dengan pihak perbankan mengenai cadangan pembiayaan pembinaan ibu pejabat baru MPSP
20/9/2002	YDP Dato' Hj Ismail bin Mamat melantik Jawatankuasa Rundingan kompleks ibu pejabat MPSP di Bandar PERDA
25/9/2002	Mesyuarat Rundingan Harga pembinaan kompleks ibu pejabat baru MPSP di adakan
30/9/2002	Majlis Penuh ke 341 (121/2002) meluluskan harga projek yang di rundingkan antara Jawatankuasa Rundingan dan ADSB.
1/11/2002	Perjanjian pembinaan kompleks ibu pejabat baru MPSP di Bandar PERDA di tanda tangani
15/11/2002	Projek pembinaan di mulakan
31/12/2005	Bangunan siap sepenuhnya
5/1/2006 – 28/2/2006	Kakitangan MPSP berpindah dari Butterworth ke bangunan baru di Bandar PERDA
Mac 2006	Ibu pejabat baru MPSP di Bandar PERDA berfungsi sepenuhnya.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Atas dasar apakah MPSP dan bangunan-bangunan lain dalam Bandar PERDA terpaksa menggunakan perkhidmatan *District Cooling System*? Adakah kerajaan sedar kaedah ini agak bahaya sebab apabila perkhidmatan *District Cooling System* tergendala, semua bangunan-bangunan akan berhadapan dengan masalah hawa dingin? Adakah kerajaan mempunyai mekanisme untuk memastikan kepentingan orang awam dibela?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Bandar PERDA dibangunkan lengkap dengan kemudahan *District Cooling System* dan semua bangunan yang dibangunkan dalam kawasan tersebut disyaratkan supaya menggunakan sistem tersebut. Kaedah kemudahan pendingin hawa berpusat ketika perancangan Bandar PERDA pada ketika itu adalah sama seperti yang dilaksanakan oleh Putrajaya. Kemudahan ini kini diguna oleh MPSP, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Tenaga Nasional Bhd, Ibu Pejabat Polis Seberang Perai Tengah, dan Bomba

Seberang Perai Tengah serta bangunan AEON / JUSCO. Sekiranya perkhidmatan *District Cooling System* tergendala, MPSP berhak menuntut ganti rugi daripada pihak pembekal seperti mana yang terdapat dalam perjanjian. Untuk tindakan jangka panjang, MPSP akan mengkaji pembinaan *cooling tower* sendiri terutama selepas perjanjian semasa tamat pada 2015.

Kronologi pembinaan ibu pejabat MPSP adalah seperti berikut:-

TARIKH	PERKARA
1993	Mula perancangan awal pembinaan bangunan baru MPSP di tanah Majlis di Ampang jajar SPT. Pertandingan rekacipta model dan konsep bangunan di kalangan arkitek telah di adakan
25/7/1998	Mesy. J/K Pemandu Penyertaan Bumiputra Pulau Pinang (JKP) membuat keputusan pembinaan kompleks baru MPSP di bina di Bandar PERDA
31/7/1998	YDP YB. Hj Daud bin Taha melantik J/K Penilaian Projek Cadangan Ibu Pejabat MPSP di Bandar PERDA
24/10/1998	Laporan J/K telah di kemukakan kepada YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri (PKN)
2/11/1998	YB Dato' PKN meminta anggaran kos dan implikasi kewangan serta pembiayaan projek
22/12/1998	Kemuka maklumat yang di perlukan oleh Dato' PKN
29/1/2001	MPSP kemuka kertas mesyuarat kepada MMK dengan cadangan-cadangan seperti berikut: i. Cadangan ibu pejabat MPSP untuk berpindah ke tapak baru di Mk.6 & 7, Bandar PERDA, Permatang Rotan, SPT ii. Membeli tanah seluas 10 ekar untuk menempatkan bangunan Ibu Pejabat dan padang iii. Rundingan terus (direct negotiation) dengan pihak Aseania Development Sdn. Bhd. (ADSB) untuk mereka dan membina (design & build) bangunan tersebut mengikut spesifikasi MPSP
28/2/2001	MMK telah meluluskan :- i. Cadangan ibu pejabat MPSP berpindah ke tapak baru di Bandar PERDA. ii. Membenarkan MPSP membeli tanah seluas 10 ekar untuk menempatkan bangunan ibu pejabat dan padang . iii. Membenarkan rundingan terus (direct negotiation) dengan pihak ADSB untuk mereka dan membina (design & build) bangunan tersebut mengikut spesifikasi MPSP.
7/3/2001	MMK mengesahkan keputusan yang di buat pada 28/2/2001
30/4/2001	Majlis Penuh ke 324 (4/2001) meluluskan cadangan-cadangan MMK yang di sahkan pada 7/3/2001
28/9/2001	YDP Dato' Hj Ismail bin Mamat melantik J/K Rundingan Pembelian Tanah
2/10/2001	Mesyuarat Rundingan Harga pembelian tanah di adakan
5/11/2001	Perjanjian jual beli tanah antara MPSP dan ADSB serta PERDA di tanda tangani

1/7/2002	Majlis Penuh ke 339 (119/2002) meluluskan permohonan mengadakan perbincangan dengan pihak perbankan mengenai cadangan pembiayaan pembinaan ibu pejabat baru MPSP
0/9/2002	YDP Dato' Hj Ismail bin Mamat melantik J/K Rundingan kompleks ibu pejabat MPSP di Bandar PERDA
25/9/2002	Mesyuarat Rundingan Harga pembinaan kompleks ibu pejabat baru MPSP di adakan
30/9/2002	Majlis Penuh ke 341 (121/2002) meluluskan harga projek yang di rundingkan antara J/K Rundingan dan ADSB.
1/11/2002	Perjanjian pembinaan kompleks ibu pejabat baru MPSP di Bandar PERDA di tanda tangani
15/11/2002	Projek pembinaan di mulakan
31/12/2005	Bangunan siap sepenuhnya
5/1/2006 – 28/2/2006	Kakitangan MPSP berpindah dari Butterworth ke bangunan baru di Bandar PERDA
Mac 2006	Ibu pejabat baru MPSP di Bandar PERDA berfungsi sepenuhnya.

IX. Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berapakah jumlah wang Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd., tidak memperuntukkan sebarang perbelanjaan untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Berapakah jumlah wang Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat bagi membantu membasmi rakyat miskin dan miskin tegar di Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd tidak memberi sebarang peruntukan untuk perbelanjaan Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Melalui peruntukan tersebut, berapa peratuskah nasib rakyat miskin dan miskin tegar Negeri Pulau Pinang yang telah dibela?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Melalui rebat bil air PBAPP dengan Bantuan Wang Ehsan yang disalurkan oleh kerajaan negeri, sebanyak 97.97% rakyat negeri Pulau Pinang yang tinggal di rumah-rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah telah menerima rebat bil air, 1.90% pula merupakan rakyat Pulau Pinang yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) serta 0.13% penerima adalah daripada rakyat negeri Pulau Pinang yang tersenarai dalam Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah tindakan pembelaan yang diambil oleh kerajaan negeri Pakatan Rakyat bagi menangani isu pemberhentian pekerja sektor swasta dan perkilangan yang amat meruncing ketika ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Tindakan pembelaan yang diambil oleh kerajaan negeri bagi menangani isu pemberhentian pekerja sektor swasta dan perkilangan yang amat meruncing ketika ini adalah seperti berikut:-

(a) Kerajaan negeri telah meluluskan dana berjumlah RM10 juta semasa pembentangan Bajet 2009 pada Persidangan Dewan Undangan Negeri yang lalu bagi mengurangkan kesan krisis ekonomi dengan menyediakan penempatan pekerjaan sementara serta latihan dan peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur;

(b) Kerajaan negeri telah mewujudkan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang (*Penang Career Assistance and Training Centre [CAT]*) yang telah dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri pada 4 Mac 2009. Pusat *CAT* ini bertanggungjawab untuk menghubungkan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari pekerjaan dengan peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan pusat *CAT*, mengenal pasti program latihan yang bersesuaian dan bekerjasama dengan ahli-ahli pusat *CAT* untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan. Sehingga 24 Mac 2009, seramai 851 orang telah berdaftar dengan pusat *CAT*. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 2,683 kekosongan jawatan turut didaftarkan dengan pusat ini. Kebanyakan jawatan-jawatan kosong ini adalah untuk sektor perkilangan. Lanjutan dari itu, seramai 471 pendaftar yang berkelayakan telah dihubungkan ke syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka;

(c) Fleksibiliti dalam skim pembayaran bagi tanah perindustrian Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi membantu pekerja industri untuk memulakan serta membantu dalam pemasaran dan operasi perniagaan mereka;

(d) Menawarkan Program Bimbingan Enterprise Kecil Sederhana (EKS). Program ini disokong oleh SMIDEC dan dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC). Program ini memberi bimbingan dan pementoran perniagaan kepada mereka yang ingin memulakan syarikat di samping meningkatkan daya saing syarikat-syarikat EKS ini;

(e) Menawarkan Program Intervensi EKS di mana kemahiran teknologi maklumat, penekanan kepada budaya berdaya kualiti dan pengurusan perniagaan yang berkesan diberi fokus di bawah program ini untuk memperkembangkan Enterprise Kecil Sederhana (EKS) tempatan;

(f) Menubuhkan Pusat Latihan dan Reka Bentuk Barangan Kemas untuk meningkatkan kualiti pembuatan barangan kemas bagi mereka yang berminat melalui infrastruktur perisian;

(g) Mengadakan seminar dan dialog kepada EKS yang memberi fokus kepada strategi dan langkah-langkah untuk maju dalam perniagaan dan

(h) Selain itu, kerajaan negeri juga telah mengambil inisiatif untuk mengadakan dialog antara institusi-institusi kewangan, badan-badan kerajaan dan EKS untuk membuka jalan perundingan bagi mereka yang memerlukan bantuan kewangan dan modal perniagaan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat terhadap status kakitangan kerajaan negeri yang masih bertaraf kontrak?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Pelantikan kontrak bermaksud pelantikan seseorang calon atau pegawai untuk berkhidmat dengan agensi awam yang diuruskan mengikut Pekeliling Perkhidmatan semasa bagi tempoh tertentu berasaskan kepada syarat perkhidmatan seperti yang dipersetujui dalam perjanjian kontrak yang ditandatangani oleh calon atau pegawai dengan Pihak Berkuasa Melantik (PBM).

Kerajaan membenarkan pelantikan secara kontrak dibuat dalam keadaan berikut:

Jawatan yang tidak boleh diisi melalui pelantikan secara tetap;

(ii) Bentuk tugas yang hendak dilaksanakan lebih sesuai dijalankan oleh pegawai kontrak;

(iii) Wujud keperluan untuk menawarkan syarat pelantikan yang berlainan, khususnya dari segi gaji, elaun dan kemudahan tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa;

(iv) Untuk mengurangkan pergantungan kepada pelantikan secara tetap kerana pelantikan secara kontrak lebih mudah diurus dan menjimatkan dalam jangka masa panjang;

(v) Tempoh perkhidmatan yang diperlukan adalah terhad; atau

(vi) Sebagai langkah sementara mengisi jawatan tetap sebelum pelantikan tetap dibuat.

Dengan mengambil kira faktor-faktor di atas, pengisian secara kontrak BUKAN jaminan bahawa seseorang kakitangan kontrak akan diserapkan ke perjawatan tetap.

Walau bagaimanapun, kakitangan kontrak masih mempunyai peluang untuk berkhidmat secara tetap jika menunjukkan prestasi yang cemerlang, bebas dari tindakan tatatertib, tidak disabitkan dengan sebarang perlakuan jenayah dan mendapat perakuan Ketua Jabatan. Proses permohonan ke jawatan tetap adalah sama seperti calon-calon lain. Cuma dalam hal ini, permohonan kakitangan kontrak untuk mengisi perjawatan tetap hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing di mana ia merupakan suatu kelebihan berbanding dengan permohonan dari calon lain.

Bagi kakitangan kontrak yang tidak memohon ke jawatan tetap, kontrak mereka akan disambung mengikut keperluan dan syarat-syarat yang termaktub dalam perjanjian kontrak.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah tindakan lanjut daripada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat berhubung kes pemberhentian pekerja bertaraf kontrak di Perpustakaan Negeri Pulau Pinang seramai 15 orang? Bagaimanakah Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat membela nasib mereka yang sehingga kini tidak mempunyai sebarang pekerjaan. Adakah kerajaan negeri bercadang untuk mengambil semula mereka untuk berkhidmat di Perpustakaan Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Pada 31 hb Disember 2008 Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PBAPP) telah menamatkan perkhidmatan 13 orang kakitangan yang berjawatan kontrak dengan memberi satu bulan notis sebagaimana yang diperuntukkan dalam PERJANJIAN PEGAWAI-PEGAWAI KONTRAK Klausa 9. Kakitangan yang terlibat adalah kakitangan yang bermasalah serta mempunyai prestasi yang rendah.

   Daripada 13 orang kakitangan kontrak yang telah ditamatkan perkhidmatan, hanya dua (2) orang sahaja yang membuat rayuan. Atas dasar keprihatinan, pihak PBAPP telah pun menawarkan balik jawatan Pembantu Perpustakaan di Perpustakaan Desa Telok Tempoyak mulai 3 Februari 2009 di mana petugasnya telah meletak jawatan. Walau bagaimanapun, tawaran tersebut telah ditolak.

   Pihak PBAPP juga telah memohon kerjasama Jabatan Tenaga Kerja untuk memberi keutamaan kepada kakitangan yang terlibat untuk mendapatkan pekerjaan. Pada masa yang sama kes ini telah dirujuk kepada pihak Biro Pengaduan Awam (BPA).

   Berdasarkan maklumat semasa, pihak PBAPP telah dimaklumkan bahawa lapan (8) daripada kakitangan yang terlibat telah pun bekerja dengan pelbagai agensi yang lain.

   Pada 31 hb Disember 2008 Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PBAPP) telah menamatkan perkhidmatan 13 orang kakitangan yang berjawatan kontrak dengan memberi satu bulan notis sebagaimana yang diperuntukkan dalam PERJANJIAN PEGAWAI-PEGAWAI KONTRAK Klausa 9. Kakitangan yang terlibat adalah kakitangan yang bermasalah serta mempunyai prestasi yang rendah.

   Daripada 13 orang kakitangan kontrak yang telah ditamatkan perkhidmatan, hanya dua (2) orang sahaja yang membuat rayuan. Atas dasar keprihatinan, pihak PBAPP telah pun menawarkan balik jawatan Pembantu Perpustakaan di Perpustakaan Desa Telok Tempoyak mulai 3 Februari 2009 di mana petugasnya telah meletak jawatan. Walau bagaimanapun, tawaran tersebut telah ditolak.

   Pihak PBAPP juga telah memohon kerjasama Jabatan Tenaga Kerja untuk memberi keutamaan kepada kakitangan yang terlibat untuk mendapatkan pekerjaan. Pada masa yang sama kes ini telah dirujuk kepada pihak Biro Pengaduan Awam (BPA).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. telah memberi imbuhan RM100.00 kepada pengguna yang pendapatan isi rumah di bawah RM1,500.00 sebulan dan pemberian tersebut adalah berdasarkan borang maklumat diri/pengguna yang diisi oleh pengguna berkenaan. Tetapi masih ramai pengguna yang layak tetapi tidak mendapat potongan yang dijanjikan itu. Mengapakah keadaan ini berlaku?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Di bawah Program Bantuan Wang Ehsan (BWE) RM100.00 kepada pengguna berpendapatan isi rumah RM1,500 ke bawah sebulan, permohonan yang diterima oleh PBAPP adalah sebanyak 28,682. Daripada jumlah tersebut 81.04% daripada permohonan tersebut telah diluluskan, 14.72% daripada permohonan tersebut tidak lengkap dan tidak dapat diproses, manakala 4.24% permohonan ditolak.

Di antara sebab-sebab 14.72% daripada permohonan tersebut yang tidak lengkap dan tidak dapat diproses sepertimana detetapkan Jawatankuasa Bantuan Wang Ehsan adalah seperti berikut:-

(a) Tidak menyatakan pendapatan isi rumah

(b) Tidak mengepilkan dokumen (contoh: salinan kad pengenalan, penyata gaji dan sebagainya)

(c) Tidak memperolehi sokongan seperti yang disyaratkan oleh pihak Kerajaan Negeri

(d) Sokongan tidak diperolehi daripada senarai yang telah ditetapkan di dalam borang permohonan

Manakala 4.24% daripada permohonan yang ditolak adalah disebabkan seperti berikut:-

(a) Pendapatan isi rumah melebihi RM1,500

(b) Bukan warganegara Malaysia

(c) Bukan pengguna tariff 1 (domestik)

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Berapakah jumlah sebenar pengguna dalam Negeri Pulau Pinang yang berkelayakan untuk mendapat imbuhan daripada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Jumlah anggaran keseluruhan pengguna di dalam Negeri Pulau Pinang yang layak mendapat imbuhan daripada PBAPP ialah sebanyak 156,505 keluarga (5 orang/keluarga).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa tempatan terutama Majlis Perbandaran Seberang Perai dalam usaha meningkatkan tahap kebersihan dalam kawasan Seberang Perai?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mengambil beberapa langkah bagi memperkukuh dan memperkemaskan aktiviti di dalam usaha untuk meningkatkan tahap kebersihan di kawasan Seberang Perai seperti berikut :

(i) Kerja-kerja pemantauan dijalankan mengikut KADUN dan Parlimen bagi memudahkan penyusunan persempadanan;

(ii) Mengaplikasikan Sistem Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) bagi penyampaian dan jawapan terhadap aduan. Kaedah ini menjadikan aduan dapat diambil tindakan dengan segera;

(iii) Penilaian kerja harian kontraktor melalui kaedah demerit yang meliputi tiga aspek utama iaitu liputan kerja, mutu kerja dan syarat perkhidmatan;

(iv) Menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Kebersihan Daerah yang dianggotai oleh Ahli Majlis, jabatan dalaman dan agensi kerajaan yang terlibat; dan

(v) Menjalankan mesyuarat bulanan di antara jabatan dan kontraktor bagi menyelaras aktiviti pembersihan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Apakah tindakan Majlis Perbandaran Seberang Perai dalam menangani isu kebersihan parit simen yang sekian lama tidak diambil perhatian dan masalah tersebut mengundang masalah bau, alam sekitar dan kesihatan penduduk setempat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sentiasa memantau masalah bau dan isu kebersihan parit simen. Sekiranya terdapat kerosakan, MPSP akan mengambil tindakan untuk membaikinya. MPSP juga akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik-pemilik premis yang membuat pengubahsuaian terhadap struktur yang menjadi gangguan kepada kerja-kerja pembersihan oleh pihak MPSP. Kerjasama dan penglibatan penduduk setempat amat diperlukan di dalam menangani masalah bau, alam sekitar dan kesihatan seperti membuang sisa pepejal di dalam tong sampah yang telah disediakan. Perubahan budaya dan sikap penduduk setempat merupakan cabaran utama MPSP dalam menangani isu kebersihan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Apakah tindakan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menceriakan persekitaran Padang Awam Kg. Selamat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Pada dasarnya padang awam/kawasan lapang yang diselenggarakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) adalah padang awam atau kawasan lapang yang diserahkan oleh pemaju kepada MPSP berdasarkan kepada kebenaran merancang. Dari semakan MPSP mendapati bahawa padang awam Kampung Selamat adalah tapak yang diambil balik oleh Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara. Memandangkan tapak tersebut adalah tanah kerajaan, MPSP akan mengambil tindakan susulan. Langkah yang diambil ialah untuk menceriakan persekitaran kawasan tersebut dengan menanam pokok-pokok teduh yang bersesuaian serta kerja-kerja pembersihan secara berjadual.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kerajaan PR mengenakan sekatan terhadap akhbar Utusan Malaysia membuat liputan aktiviti kerajaan negeri. Difahamkan bahawa jabatan kerajaan dilarang untuk melanggan akhbar UM. Apakah arahan larangan ini dilaksanakan berikutan akhbar tersebut 100% milik orang Melayu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diterajui oleh Pakatan Rakyat telah mengambil pendirian untuk memboikot Utusan Malaysia dan Mingguan Malaysia, termasuk tidak menjemput akhbar-akhbar tersebut untuk membuat liputan ke atas aktiviti-aktiviti kerajaan negeri dan berhenti daripada melanggan akhbar-akhbar berkenaan atas sebab laporannya yang tidak adil serta tidak bertanggungjawab serta cuba mengapi-apikan sentimen perkauman yang sempit.

    Dakwaan Y.B. bahawa arahan larangan tersebut dilaksanakan berikutan akhbar tersebut 100% milik orang Melayu adalah tidak berasas dan tidak bertanggungjawab sekali.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah tindakan dan usaha Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat dalam membantu usahawan Pulau Pinang bagi menangani masalah kemerosotan perniagaan akibat kegawatan ekonomi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Tindakan dan usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat dalam membantu usahawan Pulau Pinang menangani masalah kemerosotan perniagaan akibat kegawatan ekonomi adalah seperti berikut :-

    (a) Mengadakan program-program pendedahan seperti seminar dan bengkel keusahawanan mengenai peluang-peluang perniagaan dan pembiayaan dengan kerjasama agensi kerajaan negeri dan Persekutuan untuk membantu usahawan mendapat sumber pembiayaan perniagaan;

    (b) Melaksanakan program promosi dengan kerjasama antara Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) dan Francais Nasional (PNS) untuk membantu usahawan francais wanita dan siswazah mempromosikan perniagaan mereka. Peserta yang terpilih berpeluang mengikuti program latihan bimbingan dan program sangkut kerja industri untuk membolehkan mereka mendapat kemudahan kewangan bagi menjalankan perniagaan sebagai francaisi;

    (c) Bekerjasama dengan Multimedia Development Corporation (MDeC) melaksanakan Program MSC Malaysia Inno Tech yang bermatlamat untuk menyediakan ruang kepada usahawan ICT untuk diketemukan dengan syarikat modal-modal teroka tempatan supaya mereka dapat bekerjasama dan berkongsi kreativiti dan inovasi ke arah mewujudkan lebih ramai bilangan usahawan tekno yang kreatif dan berstatus MSC;

    (d) Menyediakan sebuah Enterprise Lab di Kompleks Mayang Mall Bandar Bayan Baru dengan kerjasama MdeC. Tempat ini akan berperanan sebagai pusat inkubator untuk memberi peluang kepada usahawan tekno baru agar dapat memulakan dan menjalankan perniagaan mereka di dalam Bandar Siber Pulau Pinang;

    (e) Menjalankan Program Medan Fair dengan kerjasama Kerajaan Indonesia untuk membolehkan usahawan tempatan membina jaringan perniagaan, memperluaskan pasaran produk dan mewujudkan peluang perniagaan kepada usahawan baru di pasaran luar negara;

    (f) Memperbanyakkan promosi Perdagangan dengan mengadakan pameran Perdagangan secara bulanan mengikut tema produk seperti Pameran Perabot Dan Rekaan Rumah (PENFURNEX);

(g) Mengadakan hubungan dua-hala antara negeri-negeri yang terlibat dengan Pembangunan Wilayah Segi tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT Growth Tringle). Ini akan memberi peluang kepada usahawan tempatan untuk menerokai pasaran kedua-dua negara Indonesia dan Thailand sebagai salah satu cara untuk mempromosikan produk keluaran tempatan;

(h) Mempromosi dan memajukan industri halal ke peringkat Antarabangsa, di mana kerajaan negeri akan menyertai Pameran Halal Antarabangsa (MIHAS) di MATRADE Kuala Lumpur pada 6 – 10 Mei 2009. Kerajaan negeri akan bekerjasama dengan MATRADE untuk merancang sesi pemadanan perniagaan khusus untuk para usahawan Pulau Pinang sepanjang pameran tersebut. Tujuannya adalah untuk membantu mewujudkan peluang perniagaan di pasaran luar negara terutamanya untuk usahawan baru; dan

(i) Menyediakan ruang niaga untuk peniaga dan penjaja kecil berniaga di kompleks-kompleks dan pasar-pasar milik MPPP dan MPSP dengan kadar sewa yang berpatutan. Temu duga secara terbuka diadakan pada setiap bulan untuk tujuan pengisian ruang niaga berkenaan.

X. **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu)** bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berapa batang sungaikah di Negeri Pulau Pinang telah dikonkritkan dan mengapakah ada yang dikonkritkan sepanjang sungai dan ada yang separuh dikonkritkan? Namakan sungai-sungai yang terlibat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Jumlah sungai yang di konkrit di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 18 batang iaitu:

(i) 9 batang di Daerah Timur Laut

(ii) 1 batang di Daerah Seberang Perai Tengah

(iii) 1 batang di Daerah Seberang Perai Utara

(iv) 7 batang di Daerah Barat Daya

Sungai-sungai ini di konkrit kerana :

(a) Kekurangan atau ketiadaan rizab yang mencukupi untuk pembesaran sungai bagi menampung aliran tambahan untuk mengatasi masalah banjir;

(b) Harga tanah yang mahal dan tidak ekonomik untuk dibuat pengambilan balik tanah kerana saluran tanah memerlukan rizab sungai yang lebih luas; dan

(c) Untuk mengatasi masalah hakisan sungai dan melindungi tebing dari kejadian tanah runtuh.

Sungai-sungai yang terlibat adalah :

Bil.	Nama Sungai	Daerah	Sebahagian/ Sepanjang
1.	Sungai Lahar Endin	SPU	Sebahagian
2.	Sungai Derhaka Juru	SPT	Sebahagian
3.	Sungai Bab 1	DTL	Sebahagian

4.	Sungai Gelugor	DTL	Sebahagian
5.	Sungai Dua Besar	DTL	Sebahagian
6.	Sungai Jelutong	DTL	Sebahagian
7.	Sungai Mati	DTL	Sebahagian
8.	Sungai Fettes	DTL	Sebahagian
9.	Sungai Bagan Jermal	DTL	Sebahagian
10.	Sungai Kecil	DTL	Sebahagian
11.	Sungai Batu Ferringhi	DTL	Sebahagian
12.	Sungai Tiram, Bayan Lepas	DBD	Sebahagian
13.	Lencongan Sungai Relau	DBD	Sebahagian
14.	Sungai Nibong Besar	DBD	Sebahagian
15.	Sungai Nipah, Batu Maung	DBD	Sebahagian
16.	Sungai Ara, Balik Pulau	DBD	Sebahagian
17.	Sungai Air Putih	DBD	Sebahagian
18.	Sungai Pak Long	DBD	Sebahagian

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Adakah kerajaan negeri merancang menubuhkan satu yayasan seperti "Retrenchment Fund" untuk menjaga kebajikan pekerja-pekerja tempatan semasa menghadapi kehilangan pekerjaan/dipecatkan majikan kerana kemerosotan ekonomi global untuk mengatasi kehidupan yang tiba-tiba terjejas?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Setakat ini kerajaan negeri tiada perancangan untuk menubuhkan satu yayasan seperti *Retrenchment Fund* di peringkat negeri. Sebaliknya, kerajaan negeri telah mengambil langkah menubuhkan Pusat Kerjaya dan Latihan atau lebih dikenali sebagai CAT Center untuk menangani masalah kehilangan pekerjaan di kalangan pekerja-pekerja tempatan. Pusat ini telah ditubuhkan pada 4 Mac 2009 untuk memberi peluang pekerjaan baru dan juga menawarkan kursus-kursus yang mampu meningkatkan daya saing tenaga kerja di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Senaraikan kes jenayah dengan terperinci yang berlaku di KADUN Tanjong Bungah? Apakah langkah-langkah yang akan diambilkan untuk menjaga keselamatan rakyat dan pelancong?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kes jenayah yang berlaku di KADUN Tanjong Bungah adalah seperti berikut:-

Jenis Jenayah	Bilangan Kes
Jumlah Jenayah Kekerasan	5
Jumlah Jenayah Harta benda	37
Jumlah Jenayah Indeks	42

Bagi memastikan keselamatan dan keselesaan orang ramai termasuk pelancong terus terjamin, pihak Polis Kontinjen Pulau Pinang khususnya Balai Polis Tanjong Bungah telah mengambil pelbagai langkah untuk membendung dan mengurangkan jenayah. Antara tindakan tersebut adalah seperti berikut:-

(i) menjalankan operasi-operasi berkala yang berterusan di semua peringkat daerah dengan menyasarkan jenayah yang menjadi penyumbang utama indeks;

(ii) menambahkan anggota polis beruniform, membuat rondaan bit jalan kaki dan bermotosikal serta rondaan kereta peronda yang ada di setiap zon dalam usaha mencegah jenayah terutamanya di kawasan-kawasan perumahan dan kawasan tumpuan orang ramai dan pelancong;

(iii) memperluaskan pendekatan bersama masyarakat (antaranya polis bersama pelanggan, hebahan media massa dan media cetak) dalam usaha memerangi jenayah dengan mengkaji dan mengambil tindakan segera ke atas maklumat yang disalurkan; dan

(iv) mendekati pertubuhan-pertubuhan NGO, Yayasan, Majlis-majlis Perbandaran, JKKK dan sekolah-sekolah. Semua sokongan ini harus didampingi, dididik dan dipertanggung-jawabkan bersama ke arah mewujudkan masyarakat yang bebas dari jenayah. Ini termasuklah mengadakan kempen, ceramah dan penubuhan Rakan Cop untuk menyedarkan masyarakat betapa pentingnya mengawal harta benda dan nyawa sendiri.

Pihak polis turut mengenal pasti warga asing sebagai penyumbang utama kepada peningkatan kadar jenayah berikutan kebanyakan kilang telah ditutup.

Oleh itu, kerajaan akan memastikan pekerja asing yang terlibat dalam pemberhentian kerja ekoran krisis ekonomi terus dihantar pulang ke negara asal.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Nyatakan langkah-langkah yang akan dijalankan untuk mengatasi kemerosotan ekonomi global yang sedang/akan menjejaskan ekonomi Pulau Pinang bagi sektor pelancongan/*service & transportation*/perindustrian/perumahan/*agriculture*/ekonomi marin?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Dalam menangani isu kemerosotan ekonomi global, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan meneruskan langkah berikut untuk mempercepatkan proses pemulihan ekonomi:

(a) Menimbang insentif untuk ditawarkan kepada pelabur asing, antaranya:-

(i) Skim harga tanah perindustrian Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang kompetitif ditawarkan kepada pelabur asing yang ingin melabur dalam projek-projek yang strategik;

(ii) Fleksibiliti dalam skim pembayaran bagi tanah perindustrian PDC untuk membantu industri tempatan yang sedang menghadapi masalah dalam pemasaran dan operasi perniagaan mereka;

(iii) Pemberian diskaun untuk pembayaran cukai tanah dan caj air sepanjang tempoh kemelesetan ekonomi;

(iv) Bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan pakej insentif istimewa seperti *Matching Grant, Soft Loan* dan *Industrial Building Subsidy* untuk terus menggalakkan pelaburan asing; dan

(v) Membolehkan pihak ketiga membeli tanah industri dan membangunkan bangunan industri.

(b) Menggalakkan pembangunan Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS) tempatan

Pada masa yang sama Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga mengambil beberapa usaha untuk memastikan pembangunan EKS tempatan tidak terjejas dengan kemelesetan ekonomi yang melanda dunia. Antara usaha-usaha kerajaan negeri ialah:

(i) Program Bimbingan EKS

Program ini disokong oleh SMIDEC dan dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC). Program ini memberi bimbingan dan pementoran perniagaan kepada syarikat-syarikat EKS yang dikenal pasti bagi meningkatkan daya saing syarikat-syarikat ini.

(ii) Program Intervensi EKS

Kemahiran teknologi maklumat, penekanan kepada budaya berdaya kualiti dan pengurusan perniagaan yang berkesan merupakan bidang yang diberi fokus di bawah program ini untuk memperkembangkan EKS tempatan.

(iii) Penubuhan Pusat Kemudahan Kongsi Sepunya

Pusat Latihan dan Reka Bentuk Barangan Kemas telah berjaya ditubuhkan khas untuk meningkatkan kualiti industri pembuatan barangan kemas melalui infrastruktur perisian.

(iv) Mengadakan seminar dan dialog kepada EKS

Seminar dan dialog yang dilaksanakan memberi fokus kepada strategi dan langkah-langkah untuk mengatasi krisis kemelesetan ekonomi.

(v) Memulihkan klaster-klaster industri yang sedia ada

Klaster-klaster industri yang sedia ada seperti PAC (Penang Automation Cluster), SCoPe (Software Consortium of Penang), PRFC (Penang Radio Frequency Cluster) dan techBiz Penang akan dipulihkan dan diperkembangkan peranan mereka bagi merealisasikan hasrat kerajaan negeri untuk mewujudkan ekonomi mampan bagi Pulau Pinang.

(vi) Mengadakan dialog dengan institusi-institusi kewangan, badan-badan kerajaan dan EKS

Memandangkan kesulitan beberapa EKS untuk memperoleh bantuan kewangan, pihak kerajaan negeri telah mengambil inisiatif untuk mengadakan dialog antara institusi-institusi kewangan, badan-badan kerajaan dan EKS untuk membuka jalan perundingan bagi menjamin dana.

(c) Mengurangkan kesan pengangguran

Dalam menangani krisis ekonomi, kerajaan negeri telah mengambil langkah proaktif untuk mengurangkan kesan pengangguran yang akan berlaku di negeri ini. Semasa pembentangan Bajet 2009 dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada bulan November lalu, kerajaan negeri telah mencadangkan dana sejumlah RM10 Juta bagi tujuan mengurangkan kesan krisis ekonomi dengan menyediakan peluang pekerjaan, pekerjaan sementara, peluang latihan serta peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur.

Oleh yang demikian, pada bulan Januari 2009, kerajaan negeri telah mengumumkan penubuhan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang (Penang Career Assistance and Training Centre [CAT]).

Pusat CAT ini bertanggungjawab untuk:

- memadankan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta para penganggur dengan peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan pusat CAT;

- memadankan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta para penganggur dengan program latihan yang telah dikenal pasti;

- dan bekerjasama dengan ahli-ahli pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan.

Pusat CAT diuruskan oleh investPenang dengan sokongan daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Sehingga 24 Mac 2009 seramai 851 orang telah berdaftar dengan pusat CAT. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 2,683 jawatan kosong telah didaftar dengan pusat ini. Kebanyakan jawatan kosong ini ialah untuk sektor perkilangan. Lanjutan dari itu, seramai 471 pendaftar yang berkelayakan telah dipadankan dengan jawatan-jawatan kosong daripada syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Berapakah kes berlakunya pengusikan meter elektrik / kecurian elektrik kediaman di seluruh Pulau Pinang? Senaraikan kes itu mengikut KADUN dan jenis kediaman serta jumlah denda atau bayaran yang dikenakan. Huraikan sebab-sebabnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Operasi Tenaga Nasional Berhad (TNB) Pulau Pinang terbahagi kepada 2 kawasan utama iaitu :-

(a) Kawasan Pulau Pinang yang terdiri daripada Pejabat Pengurus Kawasan (Pulau Pinang) dan Pengurus Cawangan (Bayan Baru).

(b) Kawasan Seberang Perai yang terdiri daripada Pejabat Pengurus Kawasan (Seberang Perai), Pengurus Cawangan (Bertam) dan Pengurus Cawangan (Nibong Tebal).

Memandangkan operasi TNB telah dipecahkan kepada dua bahagian/ kawasan utama maka jawapan ini tidak dapat disediakan mengikut KADUN sebagaimana kehendak soalan. Namun demikian, jawapan akan disediakan mengikut kawasan sebelah Pulau dan sebelah Seberang Perai.

Jumlah kes pengusikan meter/ kecurian meter elektrik mengikut kawasan bagi kediaman adalah seperti berikut :

Kawasan Pulau Pinang :

(a) 1 September 2007 - 31 Ogos 2008
Sebanyak 235 kes kecurian dan jumlah bayaran yang dikenal pasti adalah sebanyak RM859,173.00.

(b) 1 September 2008 - 28 Februari 2009
Sebanyak 245 kes dilaporkan dan jumlah bayaran yang dikenal pasti adalah sebanyak RM1.5 juta.

Kawasan Seberang Perai :

(a) 1 September 2007 - 31 Ogos 2008
Sebanyak 130 kes dilaporkan dan jumlah bayaran yang telah dikenal pasti adalah sebanyak RM154,226.00.

(b) 1 September 2008 - 28 Februari 2009
Sebanyak 17 kes dilaporkan dan melibatkan jumlah bayaran yang telah dikenal pasti sebanyak RM154,226.00

Antara faktor-faktor atau penyebab pengusikan meter elektrik/ kecurian elektrik adalah seperti berikut :

(i) Terdapat wayar *bypass* dalam meter.

(ii) Terdapat pendawaian dari *cut out* terus ke Main Switch Board.

(iii) *Seal* penutup meter diusik, *seal* terminal meter tiada dan skru. pelarasan ceper diusik.

(iv) Terdapat wayar *bypass incoming* dan *outgoing* dibelakang meter.

(v) Bahagian atas meter telah ditebuk lubang berserta benda asing telah dimasukkan ke dalam lubang yang ditebuk.

(vi) Ceper calar, skru pelarasan pergerakan ceper telah diusik.

(vii) Dawai neutral tidak disambung pada neutral link.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Nyatakan tuan tanah dan nombor lot di cerun yang dipotong dalam projek di atas Lot 4189, Bandar Tanjung Bungah, Daerah Timur Laut, Jalan Selari Pantai Utara, Pulau Pinang (Rujukan JK(J)185(KT)A/91). Adakah kebenaran diberikan tuan tanah untuk memotong cerun itu? Adakah pemaju, tuan tanah atau MPPP yang akan bertanggung jawab bila berlaku tanah runtuh kelak?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Maklumat-maklumat mengenai tuan tanah dan nombor lot bagi projek tersebut adalah seperti berikut:-

(i) Tuan tanah : Lau Chee Keong (530306-07-5311)
(GLM Property Development Sdn. Bhd.)
No. Lot: 4189

(ii) Tuan tanah : Tan Tea Hwa (550508-07-5177)
(Ritz Energy Sdn. Bhd.)
No. Lot:4166, 4204, 4165

(iii) Pelan Kebenaran Merancang: JPB/PM/4292(LB)(Pin.1)PT.1

- Tarikh Lulus : 23.3.2006
- Pelan Bangunan : PB No. 43696(LB)
- Tarikh Lulus : 18.12.2006

(iv) Pelan Kerjatanah yang terlibat dengan Lot 4189,4166,4204 dan 4165 telah dikemukakan oleh Arup Jururunding Sdn. Bhd. dan telah diberi kelulusan oleh MPPP pada 26.11.2007.

(v) Laporan Geoteknikal yang terlibat dengan Lot 4166, 4204 dan 4165 dikemukakan oleh Perunding Selat bagi pembangunan ini telah diberi kelulusan pada 30.6.2005 oleh Jawatankuasa Pembangunan Tanah Bukit Bil. 2/2005.

Pemaju GLM Property Development Sdn. Bhd. telah mendapat kebenaran tuan tanah Lot 4166, 4204 dan 4165 untuk menjalankan kerja tanah dan kelulusan dicatatkan di dalam Pelan Kerjatanah yang telah diluluskan. Pemantauan berkala dijalankan oleh Jurutera Ir. Tong Veng Wye.

Sekiranya berlaku kejadian tanah runtuh, pihak yang cuai dalam pelaksanaan kewajipannya akan bertanggungjawab ke atas kejadian tanah runtuh itu. Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) akan bertindak dalam dua senario berikut:-

(i) sekiranya tanah runtuh berlaku semasa kerja-kerja tanah dijalankan, MPPP akan menghantar surat kepada pemaju melalui jurutera perunding untuk menstabil/memperbaikinya; dan

(ii) sekiranya tanah runtuh berlaku selepas Sijil Layak Menduduki dikeluarkan, motis kacau ganggu di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) akan dihantar kepada pemilik tanah untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan. Sekiranya kerja-kerja pembaikan itu gagal dilaksanakan, MPPP akan mengambil tindakan mahkamah terhadap pemilik tanah tersebut.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Nyatakan apakah rancangan UDA ke atas tanah Kampong Tanjong Tokong iaitu Lot 341 dan 860 termasuk rancangan Kampong Warisan Tanjong Tokong?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Pihak UDA telah merancang membina sebanyak 900 unit (flat 5 tingkat) perumahan kos rendah untuk penempatan semula penduduk-penduduk Tanjong Tokong di atas Lot 341 dan Lot 860 (dengan keluasan 20 ekar) termasuk rancangan Kampung Warisan, Tanjong Tokong.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kemukakan senarai penduduk-penduduk yang terkini di Kampung Tanjong Tokong yang terlibat dalam penempatan/pemindahan oleh projek UDA untuk pembangunan di Kampong Tanjong Tokong di atas Lot 860 dan 341?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Urusan bancian penduduk tersebut telah dilakukan oleh pihak UDA selaku tuan punya tanah. Kerajaan negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut hanya membantu urusan bancian tersebut sahaja. Dengan itu, maklumat terperinci dan terkini penduduk-penduduk yang terlibat dalam penempatan semula disimpan oleh UDA.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Mengikut para IX, 72 (Akta Kerajaan Tempatan 1976) kerajaan berkuasa membina pasar awam untuk keperluan asas orang awam, maka dalam kebenaran merancang JPB/KM/2279/A bertarikh 22 November 1999, pemaju mesti membina pasar awam di Batu Feringhi dalam tempoh 24 bulan dari sekarang sebelum kelulusan kebenaran kerja atau projek lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Mengikut rekod Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), unit pemajuan yang telah mendapat Sijil Kelayakan Menduduki untuk Tetuan Geotrade Sdn. Bhd. sehingga kini adalah 1,889 unit.

   57 unit kediaman yang telah mendapat Sijil Kelayakan Menduduki bagi Tetuan Blossom Time Sdn. Bhd. untuk JPB/PM/4703(LB) dan JPB/PM/4691(LB) tidak diambil kira memandangkan permohonan ini dikemukakan oleh tuan tanah dan pemaju yang berlainan.

   Oleh yang demikian, unit kediaman yang telah mendapat sijil layak untuk menduduki bagi Tetuan Geotrade Sdn. Bhd. belum mencapai 2,000 unit seperti yang disyaratkan dalam Kebenaran Merancang JPB/KM/2279/A bertarikh 22 November 1999.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Adakah kerajaan negeri mempunyai rancangan untuk membina perumahan kos rendah di tanah kerajaan, tanah MPPP dan PDC untuk penduduk-penduduk yang miskin yang bermastautin di KADUN Tanjong Bungah kerana mereka memerlukan rumah sendiri dalam skim rumah "seorang sebuah rumah"?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Buat masa ini tiada rancangan untuk membina perumahan kos rendah di kawasan Tanjong Bungah untuk penduduk-penduduk yang miskin di KADUN Tanjong Bungah. Pihak MPPP pula tidak mempunyai tanah yang bersesuaian di kawasan KADUN Tanjung Bunga untuk pembinaan perumahan kos rendah. Manakala, kebanyakan tanah Kerajaan Negeri yang terdapat di KADUN Tanjong Bunga pula adalah merupakan rizab pantai atau rizab hutan/kawasan tadahan yang tidak sesuai untuk dibangunkan dengan perumahan kos rendah. Dengan itu, dalam KADUN Tanjong Bungah, konsep memerlukan rumah sendiri melalui skim rumah "seorang sebuah rumah" masih tidak dapat dilaksanakan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Pekerja asing legal mahupun haram yang menganggur atau dibuang kerja kerana kemerosotan ekonomi sedunia dan yang masih ada di merata-rata tempat dalam negeri ini boleh menimbulkan masalah sosial seperti pelacuran contohnya di Batu Feringghi. Bagaimanakah kerajaan negeri berusaha untuk mengatasinya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan negeri menyedari akan impak kemuncupan ekonomi dunia dan ia memberi kesan besar kepada masyarakat. Pembuangan pekerja-pekerja yang melibatkan banyak sektor, sedikit sebanyak mengganggu kestabilan hidup semua peringkat. Isu berkaitan dengan pekerja asing yang sah mahupun haram yang menghadapi pengangguran atau dibuang kerja kerana kemerosotan ekonomi dunia ini turut meninggalkan kesan negatif kepada masyarakat.

    Impak ini telah memberi satu bebanan yang mana wujudnya permasalahan yang merumitkan khususnya dalam isu-isu sosial seperti penglibatan dalam kegiatan pelacuran di sekitar Negeri Pulau Pinang. Satu tindakan drastik telah diambil oleh pihak Polis Diraja Malaysia bagi mencegah gejala ini daripada terus berleluasa dan menular.

    Setakat ini, di kawasan Batu Feringhi, Pulau Pinang tiada maklumat atau statistik tangkapan ke atas pekerja asing yang bergiat dalam kancah pelacuran. Ini menunjukkan di kawasan Batu Feringhi, Pulau Pinang tidak wujud lokasi yang aktif di dalam kegiatan pelacuran bagi warganegara asing.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Setelah tapak perkhemahan Coronation di Kebun Bungah ditutupkan adakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memberi tapak baru untuk aktiviti-aktiviti pengakap di kawasan Peoples Park di Relau?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Tapak perkhemahan Pengakap di Taman Botani ditutup berikutan Projek Bambusetum yang dicadangkan bagi membangunkan semula Kem Koronation menjadi sebuah pusat koleksi famili buluh yang menggabungkan elemen penyelidikan, pendidikan dan komersil. Pembangunan projek ini akan membantu meningkatkan lagi program konservasi yang sedia ada di Taman Botani. Pelbagai spesies buluh tempatan (native species) dan eksotik akan ditanam di sekitar kawasan tersebut bagi tujuan pendidikan dan penyelidikan. Pada masa yang sama pelbagai produk berasaskan buluh akan dijual di kiosk-kiosk jualan yang akan disediakan.

Kerajaan Negeri perlu meneliti terlebih dahulu cadangan pemberian kawasan perkhemahan baru kepada pertubuhan Pengakap. Kajian terperinci akan dilakukan dengan mengambil kira pandangan Persatuan Pengakap agar pelaksanaannya tidak mengundang spekulasi. Sebagai alternatif, buat sementara waktu, Persatuan Pengakap boleh menggunakan kawasan lain di negeri ini seperti Taman Negara untuk tujuan perkhemahan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Nyatakan rancangan kerajaan negeri untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas pada masa hari cuti. Kemalangan sering berlaku kerana jalan raya yang sempit dari Teluk Bahang ke Tanjong Bungah yang mana banyak pembangunan perumahan di KADUN Tanjong Bungah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Rancangan kerajaan negeri untuk menangani kesesakan trafik dari Tanjung Bunga ke Teluk Bahang adalah seperti berikut:-

(i) Menambah baik perkhidmatan bas awam dan kemudahan berkaitan untuk mewujudkan pengangkutan alternatif yang mudah diperolehi, efisien, selesa dan dengan tambang yang murah;

(ii) Melebarkan jalan dan persimpangan di mana terdapat ruang. Pemaju pembangunan baru juga disyaratkan menaik taraf jalan dan persimpangan untuk menambah baik aliran lalu lintas;

(iii) Membina dan menaik taraf jalan alternatif. Jalan Lembah Permai (Vale of Tempe) dirancang untuk disambung dari Tanjung Bunga ke Teluk Bahang untuk mewujudkan jalan alternatif kepada pengguna jalan. Sebahagian jalan ini yang bersambung ke kawasan pembangunan baru telah pun dibina;

(iv) Mengambil tindakan pengurusan lalu lintas seperti melarang peletakan kenderaan, melarang pembelokan ke kanan, memasang dan menaik taraf kawalan lampu isyarat serta tindakan penguatkuasaan, dan

(v) Mengawal pembangunan berkepadatan tinggi yang menjana lalu lintas yang tinggi.

Di samping itu, Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah memohon laluan baru dari Teluk Bahang ke Tanjung Bungah yang merupakan alternatif kepada pengguna jalan raya di dalam Mid Term Review Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMKe-9) namun tidak diluluskan. JKR akan memohon semula projek ini di dalam RMKe-10.

Pada masa sekarang, JKR akan sentiasa memastikan papan tanda, garisan jalan dan lain-lain perabot jalan sentiasa berada di dalam keadaan baik untuk mengelak seterusnya mengurangkan kemalangan di jalan tersebut.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Sila nyatakan statistik pengangguran yang berlaku di Negeri Pulau Pinang dengan terperinci di semua bidang dan nyatakan rancangan kerajaan negeri untuk menanganinya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Suku Ketiga 2008, Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran di Pulau Pinang adalah 1.6 peratus (bersamaan 11,100 penganggur) berbanding kadar pengangguran Malaysia iaitu 3.1 peratus. Kadar pengangguran negeri pada tahun 2009 dijangka meningkat dan dianggarkan sebanyak 1.9 peratus, selaras dengan jangkaan kadar pengangguran Malaysia (4.5 peratus) pada tahun tersebut.

Rancangan kerajaan negeri untuk menangani masalah pengangguran adalah seperti berikut:-

(a) Kerajaan negeri telah meluluskan dana sejumlah RM10 juta bagi menangani masalah pengangguran kesan kemelesetan ekonomi;

(b) Kerajaan negeri juga akan menyediakan penempatan pekerjaan sementara serta latihan dan peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur;

(c) Kerajaan negeri juga telah mengumumkan penubuhan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang (*Penang Career Assistance and Training Centre [CAT]*) yang telah dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri pada 4 Mac 2009. Pusat *CAT* ini bertanggungjawab untuk menghubungkan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari pekerjaan dengan peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan pusat *CAT*, mengenal pasti program latihan yang bersesuaian dan bekerjasama dengan ahli-ahli pusat *CAT* untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan.

Pusat *CAT* ini diuruskan oleh investPenang dengan mendapat sokongan padu daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Untuk rekod, sehingga 24 Mac 2009 seramai 851 orang telah berdaftar dengan pusat *CAT*. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 2,683 kekosongan jawatan turut didaftarkan dengan pusat ini. Kebanyakan jawatan-jawatan kosong ini adalah untuk sektor perkilangan. Lanjutan daripada itu, seramai 471 pendaftar yang berkelayakan telah dihubungkan ke syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka.

Selain itu, kerajaan negeri juga telah mengambil langkah-langkah berikut bagi mengatasi kesan kemelesetan ekonomi:-

(i) Fleksibiliti dalam skim pembayaran bagi tanah perindustrian PDC bagi membantu pekerja industri untuk memulakan serta membantu dalam pemasaran dan operasi perniagaan mereka;

(ii) Menawarkan Program Bimbingan EKS. Program ini disokong oleh SMIDEC dan dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC). Program ini memberi bimbingan dan pementoran perniagaan kepada mereka yang ingin memulakan syarikat Enterprise Kecil Sederhana (EKS) di samping meningkatkan daya saing syarikat-syarikat EKS ini;

(iii) Menawarkan Program Intervensi EKS di mana kemahiran teknologi maklumat, penekanan kepada budaya berdaya kualiti dan pengurusan perniagaan yang berkesan diberi fokus di bawah program ini untuk memperkembangkan EKS tempatan;

(iv) Menubuhkan Pusat Latihan dan Reka Bentuk Barangan Kemas untuk meningkatkan kualiti pembuatan barangan kemas bagi mereka yang berminat melalui infrastruktur perisian;

(v) Mengadakan seminar dan dialog kepada EKS yang memberi fokus kepada strategi dan langkah-langkah untuk maju dalam perniagaan; dan

(vi) Selain itu, kerajaan negeri juga telah mengambil inisiatif untuk mengadakan dialog antara institusi-institusi kewangan, badan-badan kerajaan dan EKS untuk membuka jalan perundingan bagi mereka yang memerlukan bantuan kewangan dan modal perniagaan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Adakah semua pembangunan di kawasan lereng bukit dan cerun bukit kelas 3 dan kelas 4 tidak akan lagi dibenarkan di KADUN Tanjong Bungah dan seluruh negeri Pulau Pinang, maka satu *master plan* atau peta yang terperinci untuk kawasan tersebut di seluruh negeri Pulau Pinang disediakan dengan segera. Sila berikan penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kawalan pembangunan untuk kawasan berbukit atau lereng bukit atau kawasan bercerun tidak hanya tertakluk kepada sama ada di dalam kelas 3 atau kelas 4, tetapi juga tertakluk kepada sama ada tanah berkenaan terletak di aras 76 meter atau lebih dan di kawasan bercerun 25 darjah atau kurang dan sama ada tanah berkenaan tertakluk kepada Akta Pemeliharaan Tanah 1960. Di bawah Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020, tiada sebarang pembangunan hartanah dibenarkan di kawasan melebihi aras 76 meter (250 kaki) dan di kawasan yang bercerun melebihi 25 darjah serta tidak tertakluk kepada Akta Pemeliharaan Tanah 1960 (yang juga dikenali sebagai Warta Tanah Bukit) dan kawasan ini terpakai untuk seluruh Negeri Pulau Pinang.

RSNPP 2020 telah pun menandakan aras 76 meter (250 kaki) dan kawasan yang tertakluk kepada Akta Pemeliharaan Tanah 1960 yang dimaksudkan secara indikatif di dalam Gambar rajah Utamanya dan maklumat tentang cerun (25 darjah) perlu dibuktikan oleh pemohon apabila mengemukakan permohonan kebenaran merancang kelak bila mana tanah berkenaan hendak dimajukan.

Kerajaan negeri membenarkan projek pembangunan di kawasan bukit bercerun kelas 3 (25-35 darjah) dengan syarat semua peraturan ketat sedia ada dipatuhi. Ini adalah berdasarkan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) bil.07/2009 pada 27 Februari 2009. Kerajaan negeri tiada halangan terhadap pembangunan di cerun bukit selagi dibangunkan secara holistik dan menyeluruh untuk sesebuah bukit dengan menjalankan pemantauan dan kawalan secara menyeluruh terhadap kawasan bukit tersebut dan bukan sebahagian sahaja. Kawasan bukit dengan cerun kelas 4 (melebihi 35 darjah) tidak dibenarkan apa-apa pembangunan kecuali struktur awam yang perlu seperti terowong, jalan dan sebagainya.

Apabila permohonan kebenaran merancang yang melibatkan pembangunan cerun bukit diterima oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), permohonan akan dirujuk kepada Jawatankuasa Teknologi Pembangunan Tanah Berisiko yang dipengerusikan oleh Y.B. Tuan Lim Hock Seng. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pelbagai jabatan teknikal dan pakar geoteknikal seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Mineral dan Geosains, Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) dan Jabatan Kerja Raya (Bahagian Cerun). Setelah mendapat pandangan teknikal daripada Jawatankuasa ini, PBT akan memberi pertimbangan terhadap permohonan yang dikemukakan setelah semua kehendak teknikal dipatuhi.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Sila maklumkan apakah cadangan-cadangan dikemukakan Penang Transport Council? Nyatakan bilakah rancangan trek basikal di Warisan George Town akan diperkenalkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam Penang Transport Council adalah seperti berikut:-

    (i) Keperluan mengadakan satu pelan induk pengangkutan bagi Negeri Pulau Pinang untuk mewujudkan sistem pengangkutan yang bersepadu dan mampan;

    (ii) Mempertingkatkan sistem pengangkutan awam khususnya bas awam;

    (iii) Menambah baik sistem pengurusan lalu lintas dan letak kenderaan;

    (iv) membuat penyelarasan dan koordinasi di antara agensi-agensi kerajaan dan swasta supaya program dan projek pengangkutan dilaksanakan secara bersepadu; dan

    (v) Melibatkan orang awam dalam proses membuat keputusan.

    Rancangan trek basikal di kawasan warisan George Town memerlukan kajian lanjut kerana rancangan ini melibatkan laluan trafik dan keselamatan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Nyatakan rancangan MPPP untuk mempraktikkan fungsi, menaiktarafkan kemudahan, memperluaskan kegunaan perpustakaan / bilik baca / bilik mesyuarat di pasar tempatan MPPP? Nyatakan bagaimana NGO berkongsi atau dibenarkan mengguna dengan percuma kemudahan tersebut untuk aktiviti-aktiviti yang memanfaatkan komuniti setempat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. MPPP mempunyai beberapa kemudahan perpustakaan di beberapa Balai Rakyat seperti berikut:-

    (i) Balai Rakyat Teluk Bahang

    (ii) Balai Rakyat Taman Tun Sardon

    (iii) Balai Rakyat Bayan Baru

    (iv) Balai Rakyat Tanjung Bunga

    (v) Balai Rakyat Padang Tembak, dan

    (vi) Balai Rakyat Batu Lancang

    Sebelum ini, perpustakaan yang dinyatakan dikendalikan oleh *Student Walfare Council (SWC)* yang membantu daripada pelajar-pelajar sekolah menengah yang mambantu secara sukarela mengurus perpustakaan bagi pihak MPPP. Namun, sejak tahun 2009, didapati SWC yang ada di Taman Tun Sardon dan Tanjung Bungah tidak berfungsi lagi.

Sementara itu, SWC di Batu Lancang dan Padang Tembak walaupun berfungsi, tetapi tidak dapat memberikan perkhidmatan sewajarnya kerana bahan bacaan telah lama dan tempat yang sempit dan tidak boleh diperluaskan lagi.

Balai Rakyat ini telah dijadikan sebagai tempat untuk pelajar-pelajar menyediakan kerja rumah *(assignment).* Waktu operasi adalah dari jam 4.00 petang hingga 10.00 malam.

Untuk mengaktifkan semula fungsi perpustakaan dan menaik taraf kemudahan ini, kerajaan negeri melalui MPPP sedang berusaha supaya Perbadanan Perpustakaan Negeri Pulau Pinang mengambil alih/membekalkan bahan-bahan bacaan perpustakaan ini supaya fungsi perpustakaan lebih berstruktur dan berkesan sesuai dengan kehendak semasa dan masyarakat.
Namun demikian, tertakluk kepada peruntukan MPPP yang perlu menyediakan bayaran untuk bahan-bahan khususnya bahan bacaan dan pembiayaan gaji kakitangan kerana MPPP dikehendaki membiayai peruntukan antara RM20,000.00 hingga RM30,000.00 setiap perpustakaan jika ia bekerjasama dengan Perpustakaan Negeri Pulau Pinang. Contoh perpustakaan yang berjaya diswastakan oleh MPPP dengan Perpustakaan Negeri Pulau Pinang adalah di Balai Rakyat Teluk Bahang di mana perpustakaan ini diurus dengan baik sekali.

MPPP memang sentiasa bekerjasama dengan NGO dan MPPP kerap menerima permohonan Badan Bukan Kerajaan (NGO) jika aktiviti-aktiviti bersifat kemasyarakatan dan membantu orang ramai. Jika apa-apa kutipan atau yuran dikenakan, MPPP berhak mengenakan caj yang sewajarnya.

Sebagai bukti terdapat dua (2) unit bilik mesyuarat dan ruang masak di Balai Rakyat Padang Tembak telah disewakan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan di bawah portfolio YB. Puan Ong Kok Fooi (MMK Pembangunan Wanita) untuk Pusat Jagaan Kanak-kanak *(Child Care Centre).*

XI. Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bin Dato` Syed Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sebelum projek perumahan atau pembangunan kompleks kerajaan/swasta, adakah pemaju terlibat diwajibkan membina longkang sebelum kerja tanah bermula?

   (a) Adakah ini merupakan dasar kerajaan negeri?

   (b) Jabatan manakah yang bertanggungjawab?

   Sekiranya peraturan ini tidak diendahkan dan menyebabkan banjir selut di kawasan berkenaan, apakah tindakan yang akan dikenakan kepada pihak pemaju?

Y.A.B. Ketua Menteri :

1. Tidak. Sebelum pelaksanaan sesuatu projek perumahan dan pembangunan kompleks swasta, pemaju diwajibkan mendapatkan kelulusan pelan kerja tanah. Pembinaan longkang, bangunan dan lain-lain struktur hanya boleh dibina selepas pemotongan atau penimbunan tanah menepati paras yang ditentukan.

   Dalam pelan kerja tanah, pemaju perlu membina parit tanah di sekeliling kawasan tapak pemajuan, kolam takungan air, basin cuci tayar dan lain-lain untuk mencegah berlakunya banjir selut.

   (a) Amalan ini adalah selaras dengan dasar pertimbangan pelan kerja-kerja tanah oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

   (b) Di Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kejuruteraan adalah bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Undang-undang Kecil Kerja Tanah, 1975.

Pihak pemaju adalah bertanggungjawab untuk membina longkang kekal dalam kawasan tapak. Bagi pembinaan longkang kekal di luar tapak ianya di bawah tanggungjawab pihak MPPP (di kawasan George Town) dan JKR (di luar kawasan George Town).

(c) Perintah menghentikan kerja di bawah Undang-undang Kecil Kerja Tanah, 1975 boleh dikeluarkan sekiranya peraturan tidak dipatuhi dan pemaju diarahkan untuk mengambil langkah-langkah bagi memastikan masalah banjir selut tidak berlaku.

XII. Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan negeri telah menghebahkan lebih dari RM10 bilion telah dilaburkan di Pulau Pinang dalam masa satu tahun pemerintahan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat. Sila nyatakan syarikat-syarikat yang telah melabur, berapa jumlahnya dan di manakah pelaburan itu dibuat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Secara umum maklumat terkini pelaburan diperolehi daripada MIDA iaitu secara terus ataupun melalui laman web. Maklumat pelaburan selalunya tidak termasuk nama syarikat, nilai pelaburan sebenar, jumlah pekerjaan ataupun status implementasi projek. Walau bagaimanapun, maklumat pelaburan terkini seperti nilai pelaburan sektor tertentu, jumlah keseluruhan bilangan pekerja secara sektor dan penglibatan negara asing disediakan ataupun boleh diperolehi.

   Untuk tahun 2008, 151 projek yang berjumlah RM10.156billion telah diluluskan. Daripada jumlah ini RM5.069billion adalah pelaburan domestik dan RM5.088billion adalah pelaburan asing. Lokasi-lokasi pelaburan yang telah diluluskan adalah di kawasan perindustrian Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan persendirian seperti Bayan Lepas, Perai, Bukit Minyak, Butterworth, Seberang Jaya, Bukit Mertajam, Butterworth dan lain-lain.

   Kerajaan negeri berharap MIDA boleh memberikan maklumat lanjut dan mengalu-alukan usaha mana-mana pihak untuk memperolehinya.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Dalam program "Membasmi Kemiskinan dan Kemiskinan Tegar" di Pulau Pinang, berapa ramaikah yang telah berjaya dikeluarkan dari kumpulan ini dan apakah program yang telah dilaksanakan itu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Program ’Membasmi Kemiskinan Dan Kemiskinan Tegar’ di Negeri Pulau Pinang memberi fokus kepada senarai miskin tegar yang telah dikenal pasti. Seramai 728 ketua isi rumah telah dibantu melalui program ini. Program peringkat awal yang dilaksanakan ialah memberi bantuan berbentuk kewangan kepada ketua isi rumah (KIR) yang mempunyai pendapatan keluarga di bawah RM 500.00 dan pendapatan per kapita RM 100.00 pada setiap bulan. Kerajaan negeri turut mempunyai perancangan supaya golongan miskin tegar mampu berdikari dengan menyediakan peluang pekerjaan, perniagaan dan pertanian. Usaha awal yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri adalah dengan mengadakan Program Perubahan Minda supaya golongan miskin tegar mendapat pendedahan peluang pekerjaan, perniagaan dan pertanian yang ditawarkan oleh kerajaan dan swasta. Kerajaan negeri turut mendapat kerjasama daripada agensi-agensi lain seperti Jabatan Pertanian, Amanah Ikhtiar Malaysia, Pusat Giat Mara dan sebagainya dalam melaksanakan program-program ini.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Apakah projek-projek kerajaan negeri untuk membantu penduduk-penduduk luar bandar untuk meningkatkan ekonomi, kemudahan awam dan kemudahan sosial yang telah dilaksanakan sejak Mac 2008 hingga sekarang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa projek pembangunan untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk luar bandar, kemudahan awam dan kemudahan sosial. Berikut ialah senarai projek-projek berkenaan :-

(a) PROJEK PEMBANGUNAN (KEMUDAHAN AWAM) TAHUN 2008

(i) Pembinaan Jambatan Baru menggantikan Jambatan Bailey di Jalan Kg Rawai, Barat Daya.

(ii) Jalan Pintas dari Matrikulasi/Kompleks Kerajaan Bertam, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

(iii) Cadangan membina Jalan Pintas Sungai Dua, Seberang Perai Utara

(iv) Mengganti Pembentung Konkrit ke Jambatan Konkrit di Jalan Padang Lalang, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

(b) PROJEK PEMBANGUNAN (KEMUDAHAN AWAM) TAHUN 2009

(i) Pembinaan Jambatan Baru menggantikan Jambatan Bailey di Jalan Kg Rawai (Projek sambungan).

(ii) Jalan Pintas dari Matrikulasi/Kompleks Kerajaan Bertam, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. (projek sambungan).

(iii) Cadangan Membina Jalan Pintas Pekan Sungai Dua (*Bypass*). Seberang Perai Utara, Pulau Pinang (projek sambungan).

Selain itu, terdapat juga projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Pejabat-pejabat Daerah. Senarai projek-projek berkenaan adalah seperti di lampiran.

Senarai Projek – Projek Pembangunan Negeri Pulau Pinang Tahun 2008 Dan 2009

Bil	Nama Projek
1	**DAERAH TIMUR LAUT** i. Menebang pokok merbahaya dan membersih lalang di hadapan No. 716 Jalan Balik Pulau. ii. Menurap lorong di hadapan No.700I-700P, Jalan Balik Pulau dan sekitarnya iii. Mencantas pokok yang berbahaya di hadapan bangunan JKKK Bukit Bendera, Jalan Hill Railway dan membaiki longkang di hadapan No.574, Jalan Air Itam dan di hadapan 560 Jalan Abdullah Arif. iv. Baiki/ naiktaraf titi konkrit di tepi rumah No. 366H, Reservoir Garden. v. Membina parit dibelakang rumah 654-G , Jalan Lintang, Bukit Bendera. vi. Naiktaraf/ baiki dan mengetar semula jalan di Kampung Pisang dan kerja-kerja berkaitan. vii. Menurap semula jalan kampung di Kampung Pisang.

	viii. Membaiki parit konkrit dan bata di sebelah rumah 1255-W, Kampung Pisang. ix. Kerja-kerja pembersihan tanah dan pengukuhan tebing di Kampung Paya Terubong kesan daripada kejadian tanah runtuh. x. Naiktaraf / baiki Jalan di Kampung Pulau dan kerja-kerja berkaitan. xi. Baiki/ naiktaraf titi di Kampung Masjid, Jalan Perak. xii. Bekal pasir / batu untuk menambun kawasan becak di Kampung Masjid kepada Qaryah Masjid Hashim Yahaya. xiii. Bekal bahan binaan untuk baiki titi di Kampung Masjid kepada Qaryah Masjid Hashim Yahaya. xiv. Membekal bahan binaan untuk membaiki tebing dan parit di belakang rumah di Jalan Mount Erskine xv. Naiktaraf jalan di Kampung Batu Gantung. xvi. Mengetar semula dan baiki parit di Ladang Hong Seng. xvii. Membaiki parit yang pecah di Ladang Lada. xviii. Baiki titi di Kota Giam dan kerja-kerja berkaitan. xix. Menebang dan memangkas pokok-pokok besar dan tua yang merbahaya di kampung belakang pasar Tanjung Bunga. xx. Membina pagar dan tembok di tepi cerun belakang rumah alamat No.84 dan 81, Jalan Bahaudin, Tanjung Bunga. xxi. Menebang dan memangkas pokok-pokok yang tua dan besar di kawasan Kampung Tanjung Tokong.

Bil	Nama Projek
2	**DAERAH BARAT DAYA** i. Kerja – kerja membina semula jambatan konkrit Kampung Baru, Sungai Ara. ii. Membaiki jalan simen berlubang di Kuala Sungai Pinang. iii. Membaiki tembok penahan yang runtuh di mukim A, Kuala Sungai Pinang. iv. Kerja – kerja membina longkang kawasan Kampung Sungai Nibong kecil/ Sungai Nibong Tengah. v. Membaiki jambatan sedia ada berhampiran Pasar Awam Sungai Ara. vi. Memasang bumbung untuk garaj motosikal Perkampung Bayan Indah. vii. Menurap tar dan menambun pasir di sekeliling surau Bidayatul Hidayah Bukit Kecil Batu Maung. viii. Membaiki tandas dan pam di Masjid Permatang Damar Laut. ix. Kerja – kerja membaiki dan menyelenggara gerai di Medan Selera, Titi Teras.
3	**SEBERANG PERAI UTARA** i. Menurap jalan dari hadapan Kuil hingga ke Dewan UMNO sebelah Kuala Prai ii. Menurap semula jalan dari Dewan UMNO Hingga Ke Hujung Landasan Keretapi Ujong Batu. iii. Program untuk aktiviti – aktiviti kebajikan dan sosial yang djalankan oleh Puspanita Daerah SPU. iv. Membaiki sistem perparitan di kawasan Ujong Batu, Bagan Dalam, Kampung Perlis dan Lorong kubur. v. Memperbaiki jalan-jalan di kawasan Ujong Batu, Bagan Dalam, Kampung Perlis dan Lorong Kubur. vi. Membaiki rumah – rumah keluarga miskin di Lorong Kubur dan Bagan Dalam. vii. Membina baru dan membaiki rumah –rumah bencana kebakaran di kawasan Ujong Batu.

	viii.	Menaiktaraf dan menurap semula jalan sebelah landasan Kuala perai hingga sepanjang sebelah landasan Keretapi Ujong Batu.
	ix.	Membina parit V di Kampung Ujong Batu, Bayan Dalam, Butterworth.
	x.	Membina parit V di Kampung Kula Perai, Bayan Dalam, Butterworth.
	xi.	Membaiki serta mencuci semua parit sedia ada yang rosak dan sumbat di kampung Ujong Batu dan kuala Perai.
	xii.	Membekal peralatan gotong royong rumah orang miskin Kampung Perlis dan Kampung Ujong Batu.
	xiii.	Menurap semula jalan minitar di Kampung Perlis Bagan Dalam.
	xiv.	Kerja perparitan dan pembersihan di Kampung Bagan Dalam,

4	**SEBERANG PERAI TENGAH**	
	i.	Membaiki jalan atas ban Sungai kampung Guar Jering, Penanti.
	ii.	Membaiki jalan di Kampung Guar Perahu.
	iii.	Pembinaan titi di Kubang Ulu, Penanti.
	iv.	Membina semula longkang di Kampung Permatang Tinggi, Permatang Tinggi.
	v.	Membaiki dan membina semula tebing longkang di Jalan 9, Perkampungan Machang Bubuk.
	vi.	Penyelenggaraan turapan jalan di Kampung Kijang Alma, Bukit Mertajam.
	vii.	Menaiktaraf jalan berhampiran padang bola di Kampung Tok panjang, Bukit Tengah.
	viii.	Menaiktaraf jalan laluan dari Kampung Tok Panjang ke Sekolah Bukit Tengah
	ix.	Membina jalan Kampung Tok Panjang berhampiran gerai makan.
	x.	Membersihkan longkang Kampung Nenas, Bukit Tengah.
	xi.	Membuat bonggol jalan di Kampung Besar, Berapit.
	xii.	Membina dinding stor untuk Dewan Perkampungan Berapit.
	xiii.	Membaiki jalan tar di Kampung Besar, Berapit.
	xiv.	Menurap semula halaman Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Perkampungan Berapit.
	xv.	Memasang lampu di gelanggang bola keranjang di Perkampungan Berapit.
	xvi.	Membina parit di Kampung Baru Alma, Bukit Mertajam.
	xvii.	Menampung jalan mini tar sedia ada di Kampung Cross Street, Mukim 8, Bukit Mertajam.
	xviii.	Membina awning di Surau Haji Puteh di Kampung Sungai Semambu, Mukim 5, Bukit Mertajam.
	xix.	Membina laluan motosikal di Kampung Bukit Indera Muda, Mukim 5, Bukit Mertajam.
	xx.	Menampung mini tar di ban Kampung Paiet, Bukit Mertajam.
	xxi.	Menampung mini tar baru atas lot No. 472, Mukim 3, SPT di Kampung Permatang Pasir, Mukim 3, Permatang Pauh.
	xxii.	Menurap semula jalan tar rosak di Kampung Kota.
	xxiii.	Membaiki rumah No. 671, Kampung Tok Panjang, Bukit Tengah.
	xxiv.	Membaiki Rumah No. 6951, Mukim 3, Kampung Petani, Bukit Mertajam
	xxv.	Membaiki rumah sebelah 1838, Mukim 19, Kampung Tun Sardon, Bukit Mertajam.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah produk-produk pelancongan yang baru yang telah diwujudkan di negeri ini sejak pemerintahan kerajaan sekarang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Semenjak perubahan tampuk pemerintahan kerajaan negeri pada Mac 2008, kerajaan negeri telah mewujudkan beberapa produk pelancongan baru serta memperkukuhkan produk-produk pelancongan sedia ada. Sepanjang tahun 2008 pelbagai acara pelancongan bertaraf antarabangsa telah berlangsung di Pulau Pinang. Ianya merupakan produk pelancongan yang penting dan harus dilaksanakan secara berterusan. Antara acara yang telah dijalankan sepanjang tahun 2008 ialah:-

Penganjuran Pesta Seni Silat Nusantara, Pesta Perlumbaan Perahu Naga Antarabangsa, Kejohanan Basikal Bukit Antarabangsa, Kejohanan Golf Amatur Antarabangsa, Kejohanan Jemputan Bola Keranjang Dunia Yang Kelima Belas, Pertandingan Memancing Antarabangsa, Kejohanan Tarian Ball-Room Antarabangsa, Kejohanan Antarabangsa Bowling Pesta Pulau Pinang Dan Regatta Antarabangsa Mengelilingi Pulau Pinang. Kesemua produk pelancongan ini mendapat sambutan yang menggalakkan.

Pada 7 Julai 2008, Bandar George Town dan Melaka telah disenaraikan secara bersama sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) melalui mesyuarat World Heritage Committee yang diadakan di Quebec City, Canada. Pengiktirafan ini amat bermakna kepada Pulau Pinang terutama dalam aspek pemuliharaan produk berasaskan warisan. Sejak dari itu, kerajaan negeri telah memfokuskan untuk mempromosikan George Town sebagai tapak warisan dunia. Antara kaedah yang telah digunakan ialah penerbitan risalah-risalah untuk diedar kepada pelancongan di dalam dan luar negara. Selain daripada itu, kerajaan negeri turut mengiklankan tapak-tapak warisan tersebut dalam majalah-majalah pelancongan di dalam dan luar negara dalam usaha membantu dan menggalakkan pelancongan berunsurkan sejarah dan kebudayaan.

Produk berupa perkhidmatan WIFI secara percuma dan juga WIMAX yang merangkumi daerah Timur Laut iaitu Bandar George Town, Pengkalan Weld, Jalan Burma, persekitaran Persiaran Gurney ke Jalan Kebun Bunga dan juga kawasan Bukit Jambul dan Bayan Mutiara merupakan antara produk pelancongan baru yang telah diperkenalkan. Perkhidmatan ini turut melibatkan kawasan di Seberang Perai yang merangkumi kawasan Butterworth, Kampung Jawa, Kampung Perlis dan Kampung Benggali. Melalui perkhidmatan ini, menjadikan Pulau Pinang lebih berdaya saing dan pada masa yang sama memberi perkhidmatan telekomunikasi yang terbaik kepada pelancong dan penduduk Pulau Pinang secara keseluruhannya.

Pembukaan beberapa buah hotel baru turut merancakkan lagi industri pelancongan di Pulau Pinang antaranya melalui pembukaan Tune Hotel di Pulau Pinang yang menawarkan pakej keluarga yang mampu bayar. Pembinaan hotel-hotel baru di kawasan yang strategik akan dapat memberi pilihan yang lebih kepada pelancong yang datang ke Pulau Pinang. Selain itu, pembinaan hotel-hotel baru juga dapat membantu memenuhi keperluan pelancong terutamanya ketika musim cuti sekolah di mana kebanyakan hotel-hotel di Pulau Pinang didapati penuh.

Dengan adanya produk-produk pelancongan ini, kerajaan negeri akan terus mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi unggul pelancongan di rantau ini. Ini jelas di sepanjang tempoh lebih daripada 1 tahun ini kerajaan negeri telah mengambil bahagian di dalam misi-misi pelancongan dan pameran penggalakan pelancongan peringkat domestik dan antarabangsa. Di antara pameran yang disertai termasuklah MATTA Fair di Singapura, MATTA Travel Fair di Kuala

Lumpur, MATTA Travel IMT-GT di Pulau Pinang, Asia Tourism Forum di Singapura, ITD di Jerman, Manchester Travel Mart, Arabian Travel Mart, European Incentive, Business and Travel Meeting and Exhibition di Geneva dan lain-lain. Usaha ini juga diharap dapat mengekalkan tumpuan pasaran utama pelancong iaitu daripada Eropah, Jepun dan Australia, di samping dapat menerokai pasaran-pasaran baru seperti negara-negara Timur Tengah, India dan China.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Beberapa projek pembangunan pernah diarahkan berhenti kerja oleh MPPP dan MPSP sejak Mac 2008 hingga kini.

   (a) Sila senaraikan projek-projek itu dan namakan syarikat-syarikat berkenaan;

   (b) Di mana projek-projek itu dilaksanakan?

   (c) Berapa lamakah arahan berhenti kerja ini dikenakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Senarai projek-projek pembangunan yang pernah diarahkan berhenti kerja oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) adalah seperti berikut:-

   (i) Notis Menghendaki Kerja Tanah Diberhentikan - Lampiran ‘A’.

   (ii) Perintah Berhenti Kerja - Lampiran ‘B’.

   Bagi pemajuan Asset Way Development Sdn. Bhd. (Perkara 11) dan TPPT Sdn. Bhd. (Perkara 14), notis berhenti kerja tidak ditarik balik sehingga hari ini kerana kedua-dua pembangunan ini masih tidak mematuhi syarat-syarat Notis Berhenti Kerja Tanah.

   (b) Bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), projek pembangunan yang telah diarahkan untuk berhenti kerja oleh MPSP adalah seperti berikut :

Bil.	Projek		
(i)	Cadangan Pembinaan 2 Blok Pangsapuri Kos Sederhana Di Antara 25 – 38 Tingkat Benar		
	Pemaju	:	Prima Resources Sdn. Bhd.
	Lokasi	:	Lot PT 2507, Mukim 6, Seberang Perai Tengah
	Arahan Berhenti Kerja Yang Dikeluarkan		
	(i)	21/4/2008 hingga 29/4/2008	
	(ii)	29/5/2008 hingga 2/6/2008	
	(iii)	3/6/2008 hingga 23/6/2008	

(ii)	Projek Landasan Kereta Api Berkembar Elektrik (Ipoh – Padang Besar).		
	Pemaju	:	Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)
	Lokasi	:	Bersebelahan landasan kereta api sedia ada bermula dari Ipoh sehingga ke Padang Besar melalui Seberang Perai

   (c) Arahan Berhenti Kerja Yang Dikeluarkan oleh MPSP adalah mulai 23 Oktober 2008 hingga 7 Januari 2009.

LAMPIRAN 'A'

SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN YANG DIBERIKAN NOTIS MENGHENDAKI KERJATANAH DIBERHENTIKAN MPPP

BIL.	LOKASI	PEMILIK TANAH	TARIKH NOTIS DIKELUARKAN	TARIKH DITARIKBALIK (LIFTED)	CATATAN
1.	Lot 423 dan Lot 10493, Mukim 12, Batu Maung, D.B.D, Pulau Pinang. JK(J)43(TK)/2008 JK(J)/OSC/KT (184)/08(LB) JK(J)/OSC/KT(185)/08(LB)	Enrich Property Development Sdn. Bhd.	12.03.2008		Fail dirujuk kepada Penasihat Undang-undang untuk tindakan Mahkamah bertarikh 08.04.2008
2.	Sebahagian Lot 4790 (Dahulu Sebahagian Lot 68), Lintang Delima 14, Sek. 5, Bandar George Town, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. JK(J)600(KT)/04	Arah Objektif (M) Sdn. Bhd,	01.04.2008	21.04.2008	
3.	Sebahagian Lot 370 & 373 dan Lot- lot 371 & 372, Sek 2, Bandar Batu Feringghi, Jalan Batu Feringghii, D.T.L, Pulau Pinang. JK(J)600(KT)/02 JLD IV	OJY Sdn. Bhd.	03.04.2008 05.11.2008 (kali kedua)	02.07.2008 15.01.2009 (kali kedua)	
4.	Lot 342, Seksyen 2, Bandar Batu Feringghi, D.T.L, Pulau Pinang. (1 UNIT RUMAH KELAB 2-TKT) JK(J)564(KT)/04 JLD III	Ivory Continental Sdn. Bhd.	09.05.2008	16.07.2008	
5.	Lot 342, 346, 347, 348, 349, 350, 351 dan 353, Seksyen 2, Bandar Batu Feringghi, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. (SKIM PERUMAHAN) JK(J)564(KT)(A)/04 JLD II	Ivory Continental Sdn. Bhd.	09.05.2008	25.06.2008	
6.	Lot 36, 196 & 293, Sek.2, Bandar Batu Feringghi, Daerah Timur Laut, Jalan Batu Feringghi, Pulau Pinang. JK (J) 771(KT)/2001 JLD II	Ivory Meadows Sdn. Bhd	09.05.2008	26.06.2008	
7.	H.S (D) 6297 No. PT. 8, Lot 72, 73, 78, 79, 415, 416, dan 417, Jalan Batu Feringghi, D.T.L, Pulau Pinang. JK(J)411(KT)/00 JLD II	DMV Sdn. Bhd.	09.05.2008 09.12.2008 (kali kedua)	07.07.2008 16.01.2009 (kali kedua)	
8.	Lot 343 dan Lot 397, Seksyen 2, Bandar Batu Feringghi, D.T.L, Pulau Pinang. JK(J)525(KT)/2003 JLD III	Solid Tribute Sdn. Bhd.	09.05.2008	20.06.2008	
9.	Lot 386 (Lot lama PT 6) KOMTAR, Fasa 3, Seksyen 17, George Town, D.T.L, Pulau Pinang. JK(J)276(KT)(1)/96Jld II	Lion Mutiara Parade Sdn. Bhd	16.05.2008	27.05.2008	

BIL.	LOKASI	PEMILIK TANAH	TARIKH NOTIS DIKELUARKAN	TARIKH DITARIKBALIK (LIFTED)	CATATAN
10.	Sebahagian Lot 31, Lot 439, Lot 478, Lot 479 dan Sebahagian Lot 553, Lot 908 dan Lot 942, Mukim 17, D.T.L, Jalan Sungai Satu, Bandar Batu Feringghi, Pulau Pinang	Blossom Time Sdn. Bhd.	30.05.2008	13.06.2008	
11.	Lot 1172, 1173, 1174, 1179 dan 1180, Mukim 9, Jalan Teluk Kumbar, D.B.D, Pulau Pinang. JK(J)493(KT)/05	Asset Way Development Sdn. Bhd.	06.06.2008		Kerja-kerja yang dilakukan tidak mematuhi syarat-syarat kelulusan pelan kerja tanah.
12.	Lot PT 1954, H.S. (D) 8208, MK. 13, Di Simpang Lebuh Bukit Jambul dan Lintang Bukit Jambul, DTL, Pulau Pinang. JK(J)458(KT)/04	Acreline Sdn. Bhd,	16.06.2008	11.08.2008	
13.	Lot 517, Mukim 11, Jalan Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. JK(J)125(KT)/2004	Sebadi Corporation Sdn. Bhd.,	18.06.2008	17.07.2008	
14.	Lot 202, 236, 403, 516, 711, 712, 713, 714, 715, 761, 765, 980, 981, 982 & 983, Teluk Kumbar, Mukim 11, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. JK(J)227(KT)/04 Jld II	TPPT Sdn. Bhd.,	19.06.2008		Kerja-kerja yang dijalankan tidak mematuhi syarat-syarat kelulusan pelan kerjatanah.
15.	Lot 509, Mukim 9, Jalan Teluk Kumbar, D.B.D, Pulau Pinang. JK (J)OSC/KT/(7)/07(LB)	Rich Enterprenuer	17.07.2008	20.08.2008	
16.	Lot 1175, Mukim 9, DBD, Pulau Pinang JK(J) 116(TK)/08 JK(J)/OSC/KT(169)/08 (LB)	Enerllence Sdn. Bhd	17.07.2008		Fail dirujuk kepada Penasihat Undang-undang untuk tindakan Mahkamah bertarikh 12.06.2008
17.	Lot 5413, Jalan Rambai, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Paya Terubong, Pulau Pinang. JK (J)33(KT)/2004	Geo Valley Sdn. Bhd.,	05.08.2008	01.12.2008	
18.	Lot 6487, 6488, 6489, 6490, 6491 dan 6492, Mukim 13, Persiaran Minden, D.T.L, Pulau Pinang. JK(J)/OSC/KT(43)/07(LB)	Hai hong marketing Sdn. Bhd.	04.09.2008	21.01.2009	
19.	Lot 6469, 6470, 6471, 6472, 6473, 6474, 6475, 6476, 6477, 6478, 6479, 6480, 6481, 6482, 6483, 6484, 6485 dan 6486, Mukim 13, Persiaran Minden 3, D.T.L, Pulau Pinang. JK(J)/OSC/KT(53)/07(LB)	Kwong Tatt Development Sdn. Bhd.	04.09.2008	21.01.2009	

BIL.	LOKASI	PEMILIK TANAH	TARIKH NOTIS DIKELUARKAN	TARIKH DITARIKBALIK (LIFTED)	CATATAN
20.	Lot 7595 (Lot Lama 3359), Persiaran Minden, Mukim 13, D.T.L, Pulau Pinang. JK(J)67(115)/75 JLD II	Nuwata (Boon Siew Sdn. Bhd.)	04.09.2008	03.11.2008	
21.	Lot 4189, Bandar Tanjung Bungah, D.T.L, Jalan Selari Pantai Utara, Pulau Pinang	GLM Property Development	10.09.2008 23.12.2008 (kali kedua)	03.11.2008 05.01.2009 (kali kedua)	
22.	Lot 565, Mk. 17, Bandar Tanjung Bungah, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. JK(J)164(KT)(A)/84	Taman Ratu Sdn. Bhd.	10.09.2008 23.12.2008	29.10.2008 05.01.2009	
23.	Lot 3790, Mukim 18, Vale Of Tempe, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. JK(J) 376 (KT)/2001	Taman Sri Setia Sdn. Bhd.	05.03.2009		

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Sila nyatakan program-program dan produk-produk pertanian yang baru yang telah dilaksanakan atau diwujudkan oleh kerajaan negeri sejak Mac 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Program-program baru yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak Mac 2008 ialah Program Pembangunan Petani Pelapis, Program Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan, Program Pembangunan Kelompok Tani, Program Pembangunan Pusat Teknologi, Program Pembangunan Aktiviti Jualan Terus dan Program Perkhidmatan Kejuruteraan Pertanian.

   Manakala produk baru yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak Mac 2008 ialah seperti tanaman ekonomi yang berpotensi seperti bunga-bunga, rempah ratus, herba, tanaman makanan seperti padi, sayur-sayuran dan buah-buahan; dan tanaman kelapa di kawasan tanah terbiar/berpaya seperti di daerah Barat Daya dan Kg. Air Itam dalam daerah Seberang Perai Utara.

XIII. **Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar Bin Haji Shapee)** bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Adakah kerajaan negeri mempunyai rancangan untuk merombak sistem perparitan dan sungai secara dominan bagi mengatasi masalah banjir yang tiada kesudahan sejak dulu?

   (b) Sehingga kini apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri dalam mengatasi masalah bencana banjir ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Rombakan sistem perparitan dan saliran secara menyeluruh memerlukan kajian yang terperinci serta melibatkan keseluruhan kawasan tadahan. Rombakan sistem perparitan yang biasa dilakukan melibatkan lencongan parit atau sungai, pembinaan kolam-kolam takungan dan pembinaan empangan. Dalam RMKe-10 JPS telah memohon untuk membuat kajian dan pelaksanaan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) bagi Sungai Juru sebagai projek perintis di Negeri Pulau Pinang.

(b) Sehingga kini, kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah banjir melalui pelaksanaan projek-projek Rancangan Tebatan Banjir di seluruh Negeri Pulau Pinang melalui pelaksanaan kerja-kerja berikut:

(i) Mendalamkan dan melebarkan sungai yang cetek;

(ii) Membina ban banjir;

(iii) Membina rumah pam;

(iv) Membina kolam takungan banjir;

(v) Menggunakan kaedah Saliran Mesra Alam (MSMA) dalam kerja-kerja pembangunan; dan

(vi) Menyelenggara sungai-sungai secara berkala.

Masalah banjir akan dapat diselesaikan jika semua projek tebatan banjir yang telah dilaksanakan dan yang dirancang untuk dilaksanakan dapat disiapkan sepenuhnya.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar Bin Haji Shapee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. MPSP telah mengalami kemerosotan dana simpanan sejak tahun 2000 berjumlah lebih RM200juta. Bajet MPSP tahun 2009 telah mengalami defisit sebanyak RM15juta. Adakah kerajaan telah mengenal pasti punca kehilangan wang simpanan MPSP dan apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi kekurangan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kemerosotan kewangan MPSP ini adalah disebabkan oleh perbelanjaan terhadap item-item seperti berikut :

(i) Aktiviti pembersihan;

(ii) Lampu-lampu jalan;

(iii) Pembangunan pasar awam dan kompleks makanan;

(iv) Pembinaan rumah pam;

(v) Penyelenggaraan jalan,

(vi) Penyelenggaraan Stadium Batu Kawan dan Dewan Milenium;

(vii) Perbelanjaan khas KADUN dan program anti nyamuk;

(viii) Pembelian dan pengambilan tanah; dan

(ix) Sumbangan-sumbangan lain.

Kerajaan Negeri telah mengarahkan pihak MPSP untuk memulihkan keadaan kewangannya. Antara langkah-langkah yang telah dan akan terus diambil untuk mengatasi masalah kewangan MPSP adalah seperti berikut :

(i) Mengawal kos pentadbiran dan kos operasi;

(ii) Kursus dibuat di peringkat dalaman sahaja;

(iii) Mengamalkan perbelanjaan berhemah;

(iv) Memohon peruntukan pembangunan dan infrastruktur daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan;

(v) Mempergiatkan usaha-usaha mengurangkan/mengutip kembali tunggakan cukai kadaran dan tunggakan sewa;

(vi) Menubuhkan sebuah jawatankuasa kerja untuk mencari sumber hasil yang baru;

(vii) Menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Kilang-kilang Tanpa Kebenaran/ Lesen;

(viii) Menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Tunggakan Hasil MPSP;

(ix) Melantik panel peguam bagi membawa kes-kes penghutang tegar ke mahkamah (kutipan tunggakan cukai kadaran);

(x) Memohon bantuan/ pinjaman dari Kerajaan Negeri dan Persekutuan; dan

(xi) Menstrukturkan semula pembiayaan pinjaman Ibu Pejabat MPSP.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar Bin Haji Shapee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan negeri dalam memulihkan kewangan MPSP agar imej MPSP tidak dipandang rendah oleh rakyat setelah MPSP mengalami kemerosotan dana simpanan sejak tahun 2000 berjumlah lebih RM200juta dan Bajet MPSP tahun 2009 telah mengalami defisit sebanyak RM15juta?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Bagi memulihkan kedudukan kewangan dan imej Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Kerajaan Negeri telah mengarahkan MPSP untuk mengambil langkah-langkah positif untuk mengurangkan perbelanjaan. Langkah-langkah lain yang akan diambil bagi mengukuhkan kedudukan kewangan MPSP adalah seperti berikut:-

(i) Mengawal kos pentadbiran dan kos operasi;

(ii) Kursus dibuat di peringkat dalaman sahaja;

(iii) Mengamalkan perbelanjaan berhemah;

(iv) Memohon peruntukan pembangunan dan infrastruktur daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan;

(v) Mempergiatkan usaha-usaha mengurangkan kadar tunggakan serta mengutip kembali tunggakan cukai kadaran dan tunggakan sewa;

(vi) Menubuhkan sebuah jawatankuasa kerja untuk mencari sumber hasil yang baru;

(vii) Penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Kilang-kilang Tanpa Kebenaran/Lesen;

(viii) Penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Tunggakan Hasil MPSP;

(ix) Melantik panel peguam bagi membawa kes-kes penghutang tegar ke mahkamah (kutipan tunggakan cukai kadaran);

(x) Memohon bantuan/pinjaman dari Kerajaan Negeri dan Persekutuan; serta

(xi) Menstruktur semula pembiayaan pinjaman Ibu Pejabat MPSP.

XIV. Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila nyatakan bentuk-bentuk bantuan kerajaan negeri dalam membantu perniagaan dan juga permodalan peniaga-peniaga, khususnya peniaga-peniaga bumiputera di bawah program Halal Hub di Pulau Pinang. Sejauh manakah pemantauan terhadap produk-produk halal berasaskan hukum halal dan haram dalam penggunaan barangan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Bentuk-bentuk bantuan Kerajaan Negeri dalam membantu perniagaan dan juga permodalan peniaga-peniaga, khususnya peniaga-peniaga Bumiputera dalam Halal Hub di Pulau Pinang ialah seperti berikut:

(a) Permodalan

(i) Membantu usahawan mendapatkan maklumat dan menjalinkan hubungan perniagaan dengan bank-bank Islam dari Timur Tengah seperti Asian Finance Bank, Kuwait Finance House, Al-Rajhi Bank dan Unicorn Bank.

(ii) Para usahawan Bumiputera juga digalakkan untuk sentiasa berbincang dengan agensi-agensi berkaitan seperti MARA, MeCD dan Bank SME untuk memanfaatkan kemudahan geran dan pinjaman yang sedia ada.

(b) Khidmat nasihat

Agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti InvestPenang dan PDC sedia membantu usahawan dalam memberikan khidmat nasihat, penerangan dan maklumat yang dapat membantu mengembangkan perniagaan mereka. Ini dipermudahkan dengan adanya jalinan kerjasama yang erat antara agensi-agensi tersebut dengan agensi-agensi persekutuan seperti HDC, MATRADE, MIDA dan SMIDEC. Agensi-agensi Kerajaan Negeri juga bertindak sebagai pemudah cara dalam menyelesaikan isu-isu usahawan yang berkaitan.

(c) Pemadanan Perniagaan

(i) Kerajaan Negeri akan menyertai Pameran Halal Antarabangsa (MIHAS) di MATRADE Kuala Lumpur pada 6 – 10 Mei 2009. Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan MATRADE untuk merancang sesi pemadanan perniagaan khusus untuk para usahawan Pulau Pinang sepanjang pameran tersebut. Tujuannya adalah untuk membantu mewujudkan peluang perniagaan di pasaran luar negara terutamanya untuk usahawan baru.

(ii) Kerajaan Negeri kini sedang berusaha gigih untuk memanfaatkan hubungan dua-hala dengan negeri-negeri yang terlibat dengan Pembangunan Wilayah Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT Growth Tringle). Ini akan memberi peluang kepada usahawan untuk menerokai pasaran di Indonesia dan Thailand. Untuk tujuan ini juga, kerajaan negeri telah menyertai Program Medan Fair di Medan Indonesia pada Mac-April 2009 yang mengetengahkan industri halal dari Pulau Pinang.

(d) Program pendedahan dan peningkatan upaya

Pihak Kerajaan Negeri telah menganjurkan Seminar Pembangunan Industri Halal Negeri Pulau Pinang pada 22 November 2008. Seminar yang julung kali diadakan ini diadakan khusus untuk mendedahkan usahawan tempatan kepada peluang-peluang pasaran, pembiayaan dan proses pensijilan untuk industri halal. Seminar ini telah berjaya menarik penyertaan hampir 300 usahawan. Kebanyakan usahawan bersedia dan berminat untuk mengembangkan perniagaan mereka di dalam industri halal. Melalui seminar seperti ini, para usahawan dapat mengenali dan memahami dengan lebih dekat infrastruktur dan insentif halal yang disediakan dan seterusnya memanfaatkan kemudahan dan insentif yang ada. Seminar-seminar yang lebih khusus kepada sektor-sektor halal tertentu, seperti makanan, farmaseutikal dan perhotelan adalah dalam perancangan dan akan dianjurkan dalam masa terdekat. Siri seminar ini akan menekankan peningkatan keupayaan produk/ perkhidmatan halal dari segi pembangunan produk dan proses, R&D dan strategi pemasaran.

(e) Persatuan Produk Halal Pulau Pinang

Para usahawan Bumiputera di Pulau Pinang telah memulakan usaha menubuhkan Persatuan Produk Halal Pulau Pinang untuk menyatukan pengeluar dan pembekal produk halal dari Pulau Pinang khususnya, dan negeri-negeri utara Malaysia amya. Kerajaan Negeri akan bekerjasama rapat dengan persatuan tersebut, dan juga agensi lain seperti Dewan Perniagaan Melayu dan Islam Pulau Pinang untuk menganjurkan lebih banyak sesi pemadanan dan pembiayaan perniagaan.

(f) Sebagai usaha untuk menggalakkan industri halal di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui PDC pula telah mengenal pasti kawasan seluas 28 ekar di Taman Sains Pulau Pinang (Bukit Minyak) untuk industri halal. Kawasan ini adalah untuk fasa 1 pembangunan industri halal dan kawasan yang lebih luas akan diperuntukkan mengikut permintaan. Di samping itu, PDC juga sedang dalam perancangan untuk membina unit-unit kilang siap bina yang dilengkapi dengan kemudahan asas untuk disewakan kepada syarikat-syarikat yang terlibat dalam pengeluaran produk-produk halal.

(g) Selain dari itu, setiap tahun Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) mengadakan Seminar *'Halalan Toyyiba'* yang memberi pendedahan dari aspek mengeluarkan produk halal yang lebih baik bagi mendapatkan pensijilan halal.

Kerajaan Negeri menjalankan pemantauan terhadap produk-produk halal berasaskan hukum halal dan haram dalam penggunaan barangan melalui JHEAIPP. Langkah pemantauan dijalankan melalui pemberian sijil bagi tempoh 2 tahun sahaja bagi membolehkan pemeriksaan ke atas premis-premis pemilik sijil halal dapat dijalankan sekurang-kurangnya setiap 2 tahun sekali. Sekiranya didapati tidak mematuhi syarat-syarat dan prosedur pensijilan halal, tempoh sijil tidak akan dilanjutkan. Lawatan secara berkala dan pemeriksaan mengejut juga akan dilakukan sekiranya terdapat aduan pelanggaran syarat oleh pemilik sijil halal.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Setakat ini adakah kerajaan negeri berpuas hati terhadap perkhidmatan pengangkutan awam yang terdapat di Pulau Pinang khususnya bas, teksi dan feri? Sekiranya ya, adakah penambahan terhadap bas RapidPenang sudah tidak diperlukan lagi? Adakah perkhidmatan feri mungkin tidak perlu lagi ditambah buat masa ini atau kerajaan mempunyai strategi tertentu menguruskan perkhidmatan pengangkutan awam untuk Negeri Pulau Pinang buat masa ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Walaupun pengangkutan awam telah bertambah baik dengan wujudnya bas Rapid Penang, Kerajaan Negeri masih belum berpuas hati dan akan berusaha untuk memajukan lagi perkhidmatan pengangkutan awam negeri. Mulai Jun 2009, 200 buah bas baru Rapid Penang dengan ciri *disabled friendly* akan ditambahkan kepada bas sedia ada yang berjumlah 150 buah secara berperingkat. Bagi perkhidmatan teksi, Kerajaan Negeri telah memohon kepada Kerajaan Persekutuan supaya mengarahkan Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan untuk menguatkuasakan kadar penggunaan meter agar mutu perkhidmatan teksi dapat dipertingkatkan. Kerajaan Negeri kini dalam proses menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Negeri dan Majlis Pengangkutan Negeri untuk menambahbaikkan sistem dan pengurusan pengangkutan awam negeri. Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri akan merangkumi sistem pengangkutan darat, landasan kereta api dan laut (feri). Majlis Pengangkutan Negeri ditubuhkan sebagai one *stop agency* untuk merancang, menyelaras dan menasihatkan berhubung semua isu pengangkutan dan lalu lintas dalam negeri.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Berapakah jumlah lesen alkohol (arak) yang dikeluarkan kepada peniaga oleh Kuasa Akta Eksais 1976 di Negeri Pulau Pinang ini? Sila nyatakan berapakah jumlah pendapatan kerajaan daripada sumber penjualan arak untuk tempoh setahun ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2008, Lembaga Pelesenan (Eksais) Negeri telah meluluskan 552 lesen alkohol dengan hasil dikutip Kerajaan Negeri sebanyak RM569,624.00. Bagi tempoh 1 Januari 2009 hingga 31 Mac 2009, 275 lesen diluluskan dengan hasil diterima RM94,083.00

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Siapakah nama tuan tanah lot 39 & 40 (geran No: 35070 & 35071) di Batu Feringhi Daerah Timur Laut yang dikatakan akan terlibat dengan satu projek pembangunan di situ? Di manakah penduduk-penduduk yang sedia mendiami di atas lot tersebut akan dipindahkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Tuan tanah bagi lot 39 (Geran 35070) dan lot 40 (Geran 35071) adalah Loke Leng Seak (k/p 4018360). Lot-lot tersebut merupakan tanah berstatus *1st grade*. Difahamkan sememangnya lot 39 dan lot 40 terlibat dengan projek pembangunan dan penduduk-penduduk sedia ada yang mendiami di atas lot berkenaan perlu keluar dari tapak berkenaan. Mengenai jumlah bayaran pampasan kepada penduduk, ianya bergantung kepada proses perundingan di antara pemaju dengan penduduk yang terlibat. Daripada semakan dengan Majlis Perbandaran Pulau Pinang, didapati tidak ada permohonan kebenaran merancang diterima oleh Majlis bagi membangunkan lot-lot tersebut. Berhubung persoalan di manakah penduduk yang sedia mendiami di atas lot tersebut akan dipindahkan, perkara ini akan diputuskan kemudian setelah rundingan antara pihak pemaju dan penduduk terlibat dibuat.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sejauh manakah kerajaan dapat membantu menyelesaikan isu pemindahan nelayan Tanjong Bungah yang menetap di atas tanah kerajaan (simpanan pantai) yang terletak bersempadan dengan Lot 3605, 3606 & 3607 Tanjong Bungah, Daerah Timur Laut yang berlarutan hampir 4 tahun dan mereka terlibat dengan projek pembangunan oleh Hunza Properties Sdn. Bhd. di tapak tersebut. Apakah tindakan kerajaan bagi menjaga kebajikan nelayan-nelayan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan negeri sentiasa membantu kebajikan para nelayan. Selaras dengan hasrat ini, bagi urusan pemindahan nelayan Tanjong Bungah yang menduduki tanah kerajaan negeri (simpanan pantai) bersempadan dengan Lot 3605, 3606 dan 3607, Tanjong Bungah, beberapa siri perbincangan telah diadakan dengan pihak Hunza Properties Sdn. Bhd. dan pihak nelayan.

   Ekoran dari perbincangan ini, pihak Hunza Properties Sdn. Bhd. telah bersetuju membina sebuah bangunan yang mengandungi 10 unit pondok transit bagi menempatkan semula 10 orang nelayan di atas tanah kerajaan negeri berdekatan dengan Rumah Persatuan Nelayan Tanjong Bungah. Baki nelayan yang terlibat masih lagi dalam peringkat perbincangan untuk ditempatkan semula.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Siapakah yang menganggotai Jawatankuasa Halal Industri Development Corporation Sdn Bhd dan Penang International Halal Hub Sdn. Bhd. (Halal Penang) yang ditubuhkan pada 4hb Mac 2009 yang lalu, selain daripada Y.B. Abd. Malik yang mempengerusikan jawatankuasa terbabit?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Hab Halal Antarabangsa Pulau Pinang adalah satu inisiatif anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mempromosi dan membangunkan Pulau Pinang sebagai hab halal antarabangsa. Untuk tujuan ini, pihak kerajaan negeri telah mewujudkan Pasukan Petugas (Task Force), Jawatankuasa Pemandu (Steering Committees) dan Panel Penasihat Hab Halal untuk membantu dari segi pembentukan dasar, hala tuju dan strategi.

   Bidang kuasa Pasukan Petugas adalah memberi nasihat dan cadangan kepada kerajaan negeri dari aspek polisi dan hala tuju strategik dalam membangunkan dan memajukan Pulau Pinang sebagai Hab Halal Antarabangsa. Keanggotaan Pasukan Petugas Hab Halal adalah terdiri daripada hampir 40 orang, yang termasuk wakil-wakil kerajaan, industri dan universiti. Senarai keanggotaan adalah seperti lampiran.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Apakah strategi yang akan diguna pakai oleh kerajaan negeri di dalam mempromosikan produk *Halal Hub* di Negeri Pulau Pinang sehingga bukan sahaja mampu untuk mencapai pemasaran produk halal di dalam negeri tetapi juga mampu untuk menembusi pasaran luar negara?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Strategi yang akan diguna pakai oleh kerajaan negeri dalam mempromosikan Hab Halal Pulau Pinang untuk mencapai pemasaran produk halal di dalam negeri dan menembusi pasaran luar negara adalah seperti berikut:-

   (a) Promosi dan Penjenamaan

      (i) Objektif Strategik:

         - Membina penjenamaan *(branding)* Pulau Pinang sebagai hab halal antarabangsa yang menawarkan lokasi strategik untuk industri halal, destinasi utama untuk pelancongan berasaskan halal dan residensi pilihan untuk kehidupan berasaskan keluarga.

      (ii) Strategi:

         - Menguatkan jaringan komunikasi dengan agensi-agensi persekutuan yang mempunyai cawangan di seluruh dunia seperti MIDA, MATRADE, Tourism Malaysia dan sebagainya.

- Menjalin hubungan kerjasama dan Perdagangan dua hala melalui kerajaan atau swasta dengan negara-negara di rantau IMT-GT, Timur Tengah, Amerika Syarikat dan Eropah.

(b) Pembiayaan

(i) Objektif Strategik :

- Memastikan sumber dan mekanisme pembiayaan kewangan berasaskan Islam disediakan untuk kemudahan pelabur tempatan dan luar negara.

(ii) Strategi :

- Menjemput kumpulan perbankan Islam dari Timur Tengah untuk membuka pejabat di Pulau Pinang.

- Bekerjasama dengan bank tempatan seperti SME Bank dan Bank Rakyat dalam menyediakan mekanisme pembiayaan Islam yang lebih mudah dan berkesan.

(c) Tenaga Kerja Berpengetahuan *(Halal K-Workers)*

(i) Objektif Strategik :

- Membina kumpulan tenaga kerja berpengetahuan *(Halal knowledge workers)* yang berdaya tahan *(sustainable)* untuk semua sektor halal.

(ii) Strategi :

- Bekerjasama dengan pihak industri dan pusat latihan dalam menyediakan modul latihan dan bimbingan yang bersesuaian dengan keperluan industri dan tahap keupayaan tenaga kerja.

(d) Infrastruktur

(i) Objektif Strategik :

- Menyediakan infrastruktur dan prasarana bertaraf dunia *(world class infrastructure)* untuk semua sektor halal.

(ii) Strategi :

- Mengenal pasti taman perindustrian Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) khusus untuk industri halal mengikut fasa, di mana fasa terakhir dirancang akan menyediakan *shared services* seperti *cold storage* dan *test labs*.

- Menaik taraf pelabuhan dan lapangan terbang di Pulau Pinang khusus untuk kemudahan industri halal.

(e) Pemasaran

(i) Objektif Strategik :

- Menguatkan jaringan Perdagangan dan rantaian nilai Hab Halal Antarabangsa Pulau Pinang sebagai pusat penyumberan bahan, produk dan servis halal yang berkualiti tinggi.

(ii) Strategi :

- Membina jaringan dengan taman-taman perindustrian halal di seluruh Malaysia dan luar negara untuk membina rantaian nilai halal yang boleh dikesan *(traceability)*.

- Menawarkan perkhidmatan tambah nilai *(value added services)* bagi menggalakkan pengeluar dan pembekal barangan Halal untuk menggunakan Pulau Pinang dalam rangkaian logistik mereka.

(f) Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

(i) Objektif Strategik :

- Membantu pertumbuhan industri tempatan dan pembangunan syarikat tempatan ke tahap global.

(ii) Strategi :

- Menganjurkan program-program peningkatan kepakaran dan keupayaan berdasarkan sektor dan tahap keupayaan syarikat.

- Meningkatkan jaringan perniagaan melalui penyertaan dalam sesi pemadanan perniagaan serta misi dan pameran Perdagangan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Apakah kerajaan negeri sudah menyediakan pelan dan dasar pembangunan ekonomi bagi membantu rakyat mengharungi kemelut ekonomi dan pemberhentian pekerja yang begitu ramai di Negeri Pulau Pinang pada ketika ini. Jika sudah, sila maklumkan untuk pengetahuan Dewan Yang Mulia ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan negeri telah menyediakan beberapa pelan dan dasar pembangunan ekonomi bagi membantu rakyat mengharungi kemelut ekonomi dan pemberhentian pekerja yang begitu ramai di Negeri Pulau Pinang pada ketika ini.

Antara pelan serta rancangan kerajaan negeri untuk mengharungi kemelut ekonomi adalah seperti berikut:-

(a) Kerajaan negeri telah meluluskan dana sejumlah RM10 juta bagi menangani masalah pengangguran kesan kemelesetan ekonomi.

(b) erajaan negeri juga akan menyediakan penempatan pekerjaan sementara serta latihan dan peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur.

(c) Kerajaan negeri juga telah mengumumkan penubuhan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang (Penang Career Assistance and Training Centre [CAT]) yang telah dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri pada 4 Mac 2009. Pusat CAT ini bertanggungjawab untuk menghubungkan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari pekerjaan dengan peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat atau agensi yang mendaftar dengan pusat CAT, mengenal pasti program latihan yang bersesuaian dan bekerjasama dengan ahli-ahli pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan.

Untuk rekod, sehingga 24 Mac 2009 seramai 851 orang telah berdaftar dengan pusat CAT. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 2,683 jawatan kosong turut didaftarkan dengan pusat ini. Kebanyakan jawatan kosong ini adalah untuk sektor perkilangan. Lanjutan dari itu, seramai 471 pendaftar yang berkelayakan telah dihubungkan ke syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka. Selain itu, kerajaan negeri juga telah mengambil langkah- langkah berikut bagi mengatasi kesan kemelesetan ekonomi:

(d) Fleksibiliti dalam skim pembayaran bagi tanah perindustrian Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi membantu pekerja industri untuk memulakan serta membantu dalam pemasaran dan operasi perniagaan mereka.

(e) Menawarkan Program Bimbingan Enterpris Kecil Sederhana (EKS). Program ini disokong oleh SMIDEC dan dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC). Program ini memberi bimbingan dan pementoran perniagaan kepada mereka yang ingin memulakan (EKS) di samping meningkatkan daya saing syarikat-syarikat EKS ini.

(f) Menawarkan Program Intervensi EKS di mana kemahiran teknologi maklumat, penekanan kepada budaya berdaya kualiti dan pengurusan perniagaan yang berkesan diberi fokus di bawah program ini untuk memperkembangkan EKS tempatan.

(g) Menubuhkan Pusat Latihan dan Reka Bentuk Barangan Kemas untuk meningkatkan kualiti pembuatan barangan kemas bagi mereka yang berminat melalui infrastruktur perisian.

(h) Mengadakan seminar dan dialog kepada EKS yang memberi fokus kepada strategi dan langkah-langkah untuk maju dalam perniagaan.

(i) Selain itu, kerajaan negeri juga telah mengambil inisiatif untuk mengadakan dialog antara institusi-institusi kewangan, badan-badan kerajaan dan EKS untuk membuka jalan perundingan bagi mereka yang memerlukan bantuan kewangan dan modal perniagaan.

Kerajaan Negeri telah menyediakan beberapa pelan dan dasar pembangunan ekonomi bagi membantu rakyat mengharungi kemelut ekonomi dan pemberhentian pekerja yang begitu ramai di Negeri Pulau Pinang pada ketika ini.

Antara pelan serta rancangan Kerajaan Negeri untuk mengharungi kemelut ekonomi adalah seperti berikut:-

(i) Kerajaan Negeri telah meluluskan dana sejumlah RM10 juta bagi menangani masalah pengangguran kesan kemelesetan ekonomi.

(ii) Kerajaan Negeri juga akan menyediakan penempatan pekerjaan sementara serta latihan dan peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur.

(iii) Kerajaan Negeri juga telah mengumumkan penubuhan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang (Penang Career Assistance and Training Centre [CAT]) yang telah dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri pada 4 Mac 2009. Pusat CAT ini bertanggungjawab untuk menghubungkan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari pekerjaan dengan peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan pusat CAT, mengenal pasti program latihan yang bersesuaian dan bekerjasama dengan ahli-ahli pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan.

Untuk rekod, sehingga 24 Mac 2009 seramai 851 orang telah berdaftar dengan pusat CAT. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 2,683 buah kekosongan jawatan turut didaftarkan dengan pusat ini. Kebanyakan jawatan-jawatan kosong ini adalah untuk sektor perkilangan. Lanjutan dari itu, seramai 471 pendaftar yang berkelayakan telah dihubungkan ke syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengambil langkah-langkah berikut bagi mengatasi kesan kemelesetan ekonomi:

(i) Fleksibiliti dalam skim pembayaran bagi tanah perindustrian PDC bagi membantu pekerja industri untuk memulakan serta membantu dalam pemasaran dan operasi perniagaan mereka.

(ii) Menawarkan Program Bimbingan EKS. Program ini disokong oleh SMIDEC dan dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC). Program ini memberi bimbingan dan pementoran perniagaan kepada mereka yang ingin memulakan syarikat Enterpris Kecil Sederhana (EKS) di samping meningkatkan daya saing syarikat-syarikat EKS ini.

(iii) Menawarkan Program Intervensi EKS di mana kemahiran teknologi maklumat, penekanan kepada budaya berdaya kualiti dan pengurusan perniagaan yang berkesan diberi fokus di bawah program ini untuk memperkembangkan EKS tempatan.

(iv) Menubuhkan Pusat Latihan dan Reka Bentuk Barangan Kemas untuk meningkatkan kualiti pembuatan barangan kemas bagi mereka yang berminat melalui infrastruktur perisian.

(v) Mengadakan seminar dan dialog kepada EKS yang memberi fokus kepada strategi dan langkah-langkah untuk maju dalam perniagaan.

(vi) Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengambil inisiatif untuk mengadakan dialog antara institusi-institusi kewangan, badan-badan kerajaan dan EKS untuk membuka jalan perundingan bagi mereka yang memerlukan bantuan kewangan dan modal perniagaan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Apakah kriteria yang diguna pakai oleh pihak PBT dalam proses meluluskan lesen pusat- pusat hiburan di Negeri Pulau Pinang buat masa ini dan berapa banyakkah permohonan yang telah diluluskan di dalam tempoh setahun pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat sekarang ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Untuk permohonan lesen hiburan awam Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), ianya akan dirujuk untuk penelitian dan ulasan beberapa Jabatan Teknikal iaitu jabatan luaran seperti Pejabat Daerah dan Tanah, Polis Di-Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba & Penyelamat, manakala jabatan dalaman pula terdiri dari Jabatan Perancangan Pembangunan, Jabatan Bangunan dan Bahagian Pelesenan, MPPP.

Antara faktor dan kriteria pertimbangan adalah:

(i) Kesesuaian pelinkungan dan lokasi;

(ii) Kesihatan dan keselamatan bangunan;

(iii) Sensitiviti sosial kepada persekitaran seperti institusi sekolah dan rumah ibadat; dan

(iv) Kesan jenayah seperti penyalahgunaan dadah, perjudian dan pelacuran.

Bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kriteria yang perlu dipatuhi sebelum lesen hiburan diluluskan oleh Jawatankuasa Pelesenan adalah seperti berikut :

Bil.	Kriteria	Jabatan Dirujuk
1.	Keselamatan kebakaran	Jabatan Bomba
2.	Keselamatan & ketenteraman awam	PDRM
3.	Kebenaran menayangkan audiovisual	FINAS
4.	Sensitiviti masyarakat setempat	Pejabat Daerah
5.	Kesesuaian dari sudut keagamaan (islam)	JAIPP
6	Penglibatan warga asing	Jabatan Imigresen
7	Penguatkuasaan penjualan minuman mabuk	Jabatan Kastam
8.	Pemungutan cukai dan hasil	Pemungut Cukai iburan

Jumlah lesen pusat hiburan yang diluluskan dalam tahun 2008 bagi kawasan MPSP adalah sebanyak 236. Manakala bagi kawasan MPPP, sebanyak 40 permohonan telah diluluskan dalam tempoh yang sama.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Sudahkah proses pemilihan untuk pelantikan JKKK baru di Negeri Pulau Pinang ini selesai? Jika selesai, bilakah watikah pelantikan akan dikeluarkan oleh kerajaan negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Proses pemilihan untuk pelantikan JKKK baru di Negeri Pulau Pinang telah selesai.

Watikah pelantikan telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri pada tarikh seperti di berikut:-

Sudahkah proses pemilihan untuk pelantikan JKKK baru di negeri Pulau Pinang ini selesai dan jika selesai bilakah watikah pelantikan akan dikeluarkan oleh kerajaan negeri terhadap pelantikan tersebut

LAPORAN PELANTIKAN PENGERUSI JKKK PENGGAL 2009 - 2010

Daerah	Jumlah Kawasan Jkkk	Bil. Kawasan Telah Lantik Pengerusi	Bil Kawasan Belum Lantik Pengerusi	Tarikh Penyampaian Watikah	Status Pelantikan Pengerusi
Pej Daerah Timur Laut	19	18	1 1) Tanjong Tokong	02 April 2009	Kekal: 14 Baru : 4 Belum Lantik: 1
Pej Daerah	34	34	-	31 Mac 2009	Kekal : 31
Barat Daya					Baru : 3
Pej Daerah	35	35	-	02 April 2009	Kekal : 33
Spu					Baru : 2
Pej Daerah	25	25	-	02 April 2009	Kekal : 19
Sps					Baru : 6
Pej Daerah Spt	36	33	3 1) Kebun Sireh/ Bukit Tengah 2) Jalan Baru Perai 3) Kg Paya/ Cross Street	03 April 2009	Kekal : 30 Baru : 3 Belum Lantik: 3

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Sudah adakah di dalam perancangan kerajaan negeri untuk membina rumah kos rendah dan rumah untuk golongan miskin di Negeri Pulau Pinang ini? Jika ada, nyatakan dengan terperinci mengenainya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan negeri sememangnya bercadang untuk membina rumah kos rendah dan rumah untuk golongan miskin di negeri ini. Sebagai permulaan, di dalam Rancangan Malaysia Ke 9, terdapat rancangan untuk membina rumah PPR disewa di Daerah Barat Daya. Secara prinsipnya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah bersetuju untuk melaksanakan projek PPR disewa. Satu lawatan tapak oleh pihak KPKT bersama Bahagian Perumahan telah diadakan pada 1 April 2009 dan butiran lanjut akan dimaklumkan oleh pihak KPKT dalam jangka masa terdekat.

    Dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) yang diwartakan pada 28 Jun 2007, pemaju yang membina pemajuan perumahan melebihi 99/149 unit mengikut kawasan pembangunan dikenakan syarat membina 30% rumah kos rendah tambahan unit sedia ada. Oleh yang demikian, penambahan unit rumah kos rendah bergantung kepada permohonan merancang oleh pemaju kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Setakat ini berapakah jumlah pekerja kilang di Pulau Pinang yang telah diberhentikan kerja dalam tempoh pemerintahan Pakatan Rakyat iaitu dalam tempoh setahun ini? Apakah tindakan yang boleh diambil oleh di dalam menangani isu pemberhentian pekerja-pekerja ini agar ianya tidak menjejaskan imej kerajaan kita di Pulau Pinang ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Jumlah pekerja kilang di Pulau Pinang yang telah diberhentikan kerja bagi tahun 2008 ialah seramai 3,270 orang. Manakala bagi tempoh Januari hingga Mac 2009 pula, seramai 1,547 orang terlibat dengan pemberhentian kerja. Dalam menghadapi kemelut ekonomi yang melanda, kerajaan negeri telah mengambil langkah pro-aktif untuk mengurangkan kesan pengangguran yang akan berlaku dan meringankan beban ekonomi Negeri Pulau Pinang.

    Sehubungan itu, dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri yang lalu, telah meluluskan dana sejumlah RM10 juta bagi mengurangkan kesan krisis ekonomi dengan menyediakan penempatan pekerjaan sementara serta latihan dan peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur. Pada bulan Januari 2009, kerajaan negeri telah mengumumkan penubuhan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang (Penang Career Assistance and Training Centre [CAT]) yang telah dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri pada bulan Mac 2009. Pusat CAT ini bertanggungjawab untuk menghubungkan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari pekerjaan dengan peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan pusat CAT, mengenal pasti program latihan yang bersesuaian dan bekerjasama dengan ahli-ahli pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan.

    Pusat CAT ini diuruskan oleh investPenang dengan mendapat sokongan padu daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPPP), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

    Sehingga 24 Mac 2009 seramai 851 orang telah berdaftar dengan pusat CAT. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 2,683 buah kekosongan jawatan turut didaftarkan dengan pusat ini. Kebanyakan jawatan-jawatan kosong ini adalah untuk sektor perkilangan. Lanjutan dari itu, seramai 471 pendaftar yang berkelayakan telah dihubungkan ke syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Setakat ini sudahkah permohonan oleh RapidPenang untuk mewujudkan depoh baru di Kepala Batas, Bukit Mertajam dan Nibong Tebal diluluskan oleh kerajaan negeri? Apakah syarat yang dikenakan terhadap RapidPenang bagi mewujudkan depoh tersebut? Di samping itu, sudahkah RapidPenang menyelesaikan bayaran sewa tapak bagi depoh yang sedia ada kepada kerajaan negeri yang tidak dijelaskan lagi oleh pihak mereka?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sehingga kini, kerajaan negeri masih belum menerima apa-apa permohonan daripada RapidPenang bagi tujuan pembinaan depoh baru di kawasan Seberang Perai iaitu di Kepala Batas, Bukit Mertajam dan Nibong Tebal. Walau bagaimanapun, pihak RapidPenang telah mengenal pasti satu tapak di kawasan Perindustrian Nibong Tebal untuk dijadikan sebagai tapak Depoh Bas Sementara. Syarat yang dikenakan ialah RapidPenang perlu mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang bagi cadangan depoh tersebut. Sehingga kini, permohonan tersebut masih belum dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

    Bayaran sewa tapak depoh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di Lorong Kulit, Pulau Pinang belum diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan. Dengan itu, bayaran sewa belum diselesaikan oleh pihak RapidPenang Sdn. Bhd.

XV. Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila nyatakan langkah dan usaha yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang begitu serius di persimpangan Jalan Jelutong ke Jalan Sungai Pinang, khususnya di waktu *rush hour*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sejak sistem jalan dua hala dilaksanakan di jalan-jalan yang dilingkungi Jalan Jelutong, Jalan Sungai Pinang, Jalan Patani, Jalan Veterinari, Jalan Sungai dan Jalan Gurdwara, isi padu aliran lalu lintas di persimpangan Jalan Jelutong/Jalan Sungai Pinang telah bertambah. Keadaan ini sememangnya telah dijangka kerana aliran lalu lintas tertumpu di persimpangan Jalan Jelutong/Jalan Sungai Pinang yang bertindak sebagai jalan masuk keluar utama ke Lebuh raya Pantai Jelutong (JEWay) untuk kawasan terbabit.

    Langkah dan usaha yang diambil oleh kerajaan negeri bagi mengatasi masalah kesesakan ini adalah seperti berikut:

    (i) Melebarkan lagi jalan dan persimpangan;

    (ii) Menaik taraf kawalan lampu isyarat dan mengoptimumkan masa lampu isyarat untuk mengawal kesesakan pada waktu puncak;

    (iii) Mengadakan kawalan oleh Polis Trafik;

    (iv) Melarang pembelokan ke kanan; dan

    (v) Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam.

    Oleh kerana isi padu aliran lalu lintas di persimpangan ini melebihi kapasiti yang dapat ditanggung, maka kesesakan lalu lintas pada waktu puncak tidak dapat dielakkan. Kerajaan negeri yakin bahawa rancangan dan tindakan yang telah diambil untuk menambah baik serta menggalakkan penggunaan pengangkutan awam akan mengurangkan bilangan kenderaan persendirian dan secara langsung mengurang kesesakan lalu lintas di persimpangan tersebut.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan negeri terhadap Kafe Internet yang berlesen tetapi membenarkan murid-murid sekolah untuk menggunakan perkhidmatan internet pada waktu sekolah? Adakah sebarang cadangan untuk menentukan jarak Kafe Internet dari kawasan persekolahan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri terhadap premis internet kafe yang telah mempunyai lesen dan sedang menjalankan perniagaan tetapi membenarkan murid-murid sekolah menggunakan internet pada waktu sekolah ialah amaran supaya mematuhi syarat-syarat pelesenan pusat internet dikeluarkan kepada pengusaha pusat internet. Sekiranya amaran tidak dipatuhi, maka tindakan denda dan menarik balik lesen akan dikenakan.

   Untuk makluman, Syarat-syarat lesen internet kafe sedia ada adalah seperti berikut :

   - Pengunjung pusat internet hendaklah berusia 18 tahun ke atas.

   - Pengunjung yang berusia bawah 18 tahun boleh memasuki kafe internet TETAPI hendaklah ditemani oleh ibu bapa/penjaga.

   Garis panduan yang diguna pakai kini adalah daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tetapi garis panduan tidak menetapkan jarak minima sesebuah cafe internet daripada sekolah. Bagi menghindar penglibatan murid-murid sekolah, PDRM Pulau Pinang membuat cadangan seperti berikut :

   (i) Cafe Internet perlu ditempatkan di kawasan jauh dari sekolah supaya murid-murid sekolah kurang dipengaruhi oleh kesan-kesan negatif kafe internet;

   (ii) Kafe Internet dimestikan mempunyai lesen;

   (iii) Menentukan masa beroperasi; dan

   (iv) Pengunjung bawah 18 tahun tidak dibenarkan masuk ke Kafe Internet.

   Walau bagaimanapun sebarang cadangan kerajaan negeri perlu dibawa balik untuk persetujuan Majlis Negara Kerajaan Tempatan supaya garis panduan sedia ada dapat dipinda untuk diguna pakai oleh semua negeri.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sila senaraikan aktiviti promosi pelancongan yang telah dirancang dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan negeri.

   (a) Sila nyatakan jumlah bilangan pelancong yang telah melawat negeri ini dari bulan Jan 2009 hingga kini?

(b) Sila nyatakan juga senarai pelancong yang telah melawat ke negeri ini mengikut negara dan jumlah pendapatan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan negeri sedang merancang berbagai program dan aktiviti promosi dan pemasaran berlandaskan 10 teras utama iaitu pelancongan perubatan, pelancongan kebudayaan, warisan dan sejarah, pelancongan pendidikan, pelancongan eko, pelancongan sukan, Pulau Pinang sebagai ibu pejabat wilayah bagi MNC, pusat MICE, pusat makanan, pusat perfileman dan kesenian dan pusat membeli-belah.

Selain dari itu, kerajaan negeri akan meneruskan dengan usaha-usaha seperti berikut:-

(i) Bekerjasama dengan pemain-pemain industri seperti syarikat penerbangan, hotel-hotel dan juga pengusaha pelancongan bagi mengadakan pakej-pakej untuk memasarkan sektor MICE dan juga pelancong yang mempunyai minat khas seperti pakej perkahwinan, bulan madu bagi pasangan yang baru berkahwin, rawatan spa dan kesihatan, eko dan sebagainya;

(ii) Mempertingkatkan penggalakan Pulau Pinang sebagai bandar warisan dan kebudayaan UNESCO;

(iii) Menaik taraf dan menambah baik produk-produk pelancongan sedia ada dengan tujuan menambah nilai serta memberi wajah baru dan kesegaran kepada kemudahan-kemudahan seperti Kota Cornwallis; dan

(iv) Bekerjasama dengan agensi-agensi dan jabatan kerajaan lain untuk mempertingkatkan taraf kebersihan dan keselamatan awam terutamanya di kawasan-kawasan pelancong.

(a) Buat masa ini, kerajaan negeri masih belum mempunyai statistik ketibaan pelancong dari bulan Januari 2009 hingga kini. Walau bagaimanapun, statistik ketibaan pelancong yang dicatatkan untuk tahun 2008 ialah 6.3 juta berbanding 5.1 juta bagi tahun 2007.

(b) Kerajaan negeri tidak mempunyai pecahan terperinci statistik ketibaan mengikut negara dan jumlah pendapatan ketika ini.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kes Ah Long menjadi semakin rumit dan serius di negeri ini. Apakah usaha dan tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan dan pihak polis untuk membasmi dan mengurangkan masalah ini?

(a) Adakah kerajaan berhasrat untuk menubuhkan sebuah biro khas bagi menolong mangsa Ah Long?

(b) Jika ya, sila jelaskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerajaan negeri tidak berhasrat untuk menubuhkan sebuah biro khas bagi menolong mangsa Ah Long memandangkan kegiatan Ah Long adalah kegiatan haram dan tidak sah. Orang awam yang menjadi mangsa Ah Long boleh membuat aduan kepada pihak polis supaya tindakan segera dapat diambil. Kerajaan juga memohon kerjasama daripada penduduk setempat agar tidak melibatkan diri dalam kegiatan Ah Long menerusi kempen, penerangan menerusi media massa dan khutbah Jumaat.

   Usaha dan tindakan yang dilakukan oleh pihak polis terhadap kes Ah Long adalah seperti berikut :

   (i) Menjalankan siasatan di bawah Sek 5(2) Akta Pemberi Pinjaman Wang Haram 1951(APPW). Walau bagaimanapun siasatan terhadap kes ini menemui jalan buntu disebabkan pengadu bukan mangsa Ah Long yang sebenar. Pengadu biasanya daripada ahli keluarga peminjam kerana Ah Long akan mencari ahli keluarga yang lain untuk mendapatkan balik pinjaman wang;

   (ii) Menyedarkan orang ramai supaya tidak berurusan dengan Ah Long jika mengalami masalah kewangan.

   Pihak polis melalui Ketua Polis Negeri dalam satu dialog dengan rakyat di Bagan pada 13 April 2009 telah berjanji ingin membersihkan iklan Ah Long dan mengambil tindakan ke atas mereka yang memberikan nombor telefon menerusi iklan ini.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kejadian kebakaran sering berlaku di tapak pelupusan sampah berhampiran JEWay.

   (a) Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak MPPP untuk menyelesaikan masalah ini?

   (b) Adakah pihak kerajaan mempunyai sebarang cadangan untuk menempatkan tapak pelupusan tersebut ke satu lokasi yang lain?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak MPPP untuk mencegah kebakaran yang sering berlaku ialah:-

      (i) Meningkatkan tahap pemantauan di tapak pada setiap masa;

      (ii) Bekerjasama dengan pihak polis untuk menangkap orang luar yang masuk tanpa kelulusan mengutip untuk tujuan mencuri barang lusuh di tapak dan membakar;

      (iii) Menguatkuasakan larangan merokok di tempat pelupusan sampah; dan

      (iv) Meningkatkan tahap keselamatan di tapak dengan memagar pada tempat yang sesuai untuk mencegah orang luar masuk ke tapak.

(b) Tapak pelupusan Jelutong telah ditutup untuk pembuangan sisa pepejal sejak penghujung tahun 2001 dan hanya sampah pukal, sisa bangunan dibenarkan masuk ke tapak pelupusan Jelutong. Pihak MPPP telah meninjau di seluruh kawasan pulau tetapi mendapati tiada kawasan yang sesuai untuk dijadikan tapak pelupusan sampah pukal dan sisa bangunan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Sila nyatakan jumlah pekerja yang telah diambil untuk berkhidmat oleh MPPP dan MPSP bagi bulan Januari 2009 hingga kini dan nyatakan peratusan pekerja yang telah diambil mengikut kaum, jabatan, kelayakan dan status perkhidmatan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Jumlah kakitangan yang telah diambil untuk berkhidmat oleh MPPP mengikut kaum, jabatan, kelayakan dan status perkhidmatan bagi tempoh 1 Januari 2009 hingga 31 Mac 2009 adalah seperti di Jadual A.

Jumlah kakitangan yang telah diambil untuk berkhidmat oleh MPSP mengikut kaum, jabatan, kelayakan dan status perkhidmatan bagi tempoh 1 Januari 2009 hingga 31 Mac 2009 adalah seperti di Jadual B.

Jadual A

Jumlah kakitangan yang telah diambil untuk berkhidmat dengan MPPP mengikut kaum, jabatan dan status perkhidmatan bagi tempoh 1 Januari 2009 sehingga 31 Mac 2009.

Bil.	Jawatan	Bil. Jawatan	Kaum				Jabatan	Kelayakan	Status Perkhidmatan
			M	C	I	Lain-lain			
1.	Juruaudio Visual Gred N17	1	1	-	-	-	Khidmat Pengurusan	SPM	Tetap
2.	Pembantu Tadbir (P&O) Gred N17	1	1	-	-	-	Perancangan Pembangunan	SPM	Tetap
3.	Pekerja Awam Gred R1	17	14	-	3	-	Perbendaharaan	Sijil Tamat Darjah 6	Sambilan
	Jumlah	**19**	**16**	**-**	**3**	**-**			

Peratus Pengambilan Kakitangan Mengikut Kaum:

Melayu - 84.21%
India - 15.79%
Cina - 0.0%
Lain-lain- 0.0%

Jadual B

Jumlah kakitangan yang telah diambil untuk berkhidmat dengan MPSP mengikut kaum, jabatan dan status perkhidmatan bagi tempoh 1 Januari 2009 sehingga 31 Mac 2009.

Bil.	Jawatan	Bil. Jawatan	Kaum				Jabatan	Kelayakan	Status Perkhidmatan
			M	C	I	Lain-lain			
1.	Pegawai Perancang Bandar & Desa Gred J 41	1	1	-	-	-	Perancang Bandar dan Pengindahan	Ijazah Sarjana Muda Perancang Bandar & Wilayah	Tetap
2.	Pegawai Tadbir Gred N 41	3	3	-	-	-	(2) Pelesenan (1) Khidmat Pengurusan	Ijazah Sarjana Muda Yang Diiktiraf Oleh Kerajaan	(1) Tetap (2) Kontrak
3.	Pembantu Tadbir Rendah Gred N 11	17	17	-	-	-	(15) Pelesenan (2) Perbendaharaan	SRP / PMR	Tetap
4.	Pembantu Pertanian Gred G 17	1	1	-	-	-	Perancang Bandar dan Pengindahan	Sijil Institut Pertanian, Kementerian Pertanian	Tetap
5.	Pelukis Pelan J 22	1	-	1	-	-	Perancang Bandar dan Pengindahan	SPM	Tetap
	Jumlah	**23**	**22**	**1**	**-**	**-**			

Peratus Pengambilan Kakitangan Mengikut Kaum:

Melayu - 95.65%
Cina - 4.35%
India - 0.0%
Lain-lain - 0.0%

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Apakah langkah dan usaha yang akan diambil oleh pihak PDC terhadap status Menara Pemancar yang berada di Solok Sungai Pinang 1?

(b) Bilakah pihak PDC bercadang untuk mengubah Menara Pemancar tersebut?

(c) Jika tidak, sila nyatakan sebabnya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kelulusan untuk membina menara tersebut telah dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pada 9 Mac 2007 menerusi surat rasmi rujukan B.P. No. 45024. Kerja pembinaan telah dimulakan pada 14 Mei 2007. Kerja-kerja pembinaan telah dihentikan sepenuhnya pada 22 Jun 2007 berikutan bantahan awam. Status kemajuan di tapak semasa kerja-kerja dihentikan sepenuhnya adalah sekitar 75%.

(a) PDC bercadang untuk mengubah Menara Pemancar tersebut sebagai satu tapak alternatif yang di cadang dan dipersetujui oleh Persatuan Penduduk setempat telah dikenal pasti dan permohonan tersebut telah dipanjangkan ke Pentadbir Tanah Daerah, Daerah Timur Laut pada 24 Mei 2008. Permohonan kini sedang diproses.

Selain itu, syarikat turut memohon satu lagi tapak alternatif yang terletak dalam kawasan Pusat Pembuangan Sampah Jelutong dan permohonan telah dibuat kepada Pentadbir Tanah Daerah, Daerah Timur Laut pada 19 Ogos 2008. Permohonan tersebut juga sedang diproses.

(b) Pihak syarikat akan memindahkan Menara Pemancar tersebut setelah mendapat kelulusan terhadap tapak alternatif berkenaan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Kejadian kes jenayah semakin meningkat di negeri ini. Apakah langkah dan usaha yang akan diambil oleh pihak polis bagi mengatasi masalah ini?

(b) Sila senaraikan jumlah kes yang telah dilaporkan di negeri ini dan di KADUN Sungai Pinang mengikut jenis kes, peratusan jenayah mengikut kaum dan status kes.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Secara keseluruhannya jenayah indeks di Pulau Pinang masih berada ditahap terkawal. Statistik menunjukkan penurunan sebanyak 14 kes @ 0.4 % daripada 3,968 kepada 3,954 tempoh yang sama mulai 1 Januari hingga 29 Mac 2008 berbanding 2009.

Walau bagaimanapun, Kerajaan dengan kerjasama pihak polis dan pihak berkuasa tempatan telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk menangani masalah keselamatan yang dihadapi oleh orang awam. Di antara langkah-langkah yang diambil adalah :

(i) Pemasangan CCTV bertujuan untuk memudahkan pemantauan kes-kes ragut, samun dan jenayah yang lain.

(ii) Pemasangan lampu jalan bertujuan untuk memerangi kawasan yang menjadi tumpuan penjenayah melakukan jenayah.

(iii) Peranan masyarakat dalam membantu pihak polis akan dipertingkatkan dari masa ke semasa. Ini termasuk mengadakan kempen, ceramah dan pelancaran semula Rakan Cop untuk menyedarkan masyarakat betapa pentingnya mengawal harta benda dan nyawa sendiri.

(iv) Strategi pencegahan jenayah yang berkesan melalui operasi-operasi berkala yang berterusan disemua peringkat daerah dengan mensasarkan jenayah yang menjadi penyumbang utama indeks.

(v) Menambahkan anggota polis beruniform, membuat rondaan bit jalan kaki dan bermotosikal dan rondaan kereta peronda yang ada di setiap zon dalam usaha pencegahan jenayah terutamanya di kawasan-kawasan perumahan dan kawasan tumpuan orang ramai.

(vi) Pendekatan bersama masyarakat (antaranya Polis bersama pelanggan, hebahan media masa dan media cetak) dalam usaha memerangi jenayah terutamanya menerusi maklumat yang disalurkan akan terus dikaji serta mengambil tindakan segera.

Jumlah kes yang telah dilaporkan di negeri ini dan di KADUN Sungai Pinang adalah seperti di salinan berkepil.

Jumlah Kes Yang Dilaporkan Di Negeri Pulau Pinang

Kategori	Jumlah Kes
Jumlah Jenayah Kekerasan	509
Jumlah Jenayah Hartabenda	3445
Jumlah Jenayah Indeks	**3954**

Jumlah Kes Yang Dilaporkan Di KADUN Sungai Pinang

Kategori	Jumlah Kes
Jumlah Jenayah Kekerasan	3
Jumlah Jenayah Hartabenda	13
Jumlah Jenayah Indeks	**16**

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Sila nyatakan jumlah unit CCTV yang telah dipasang di negeri ini sehingga kini?

(a) Sila senaraikan kawasan dan tarikh bermulanya operasi.

(b) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memasang kawalan CCTV di KADUN Sungai Pinang?

(c) Jika ya, sila nyatakan jumlah unit, tarikh pemasangan dan lokasinya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Pada masa ini, Kerajaan Negeri telah memasang sebanyak 31 buah kamera CCTV di bahagian pulau, Pulau Pinang yang telah beroperasi mulai 14 Februari 2008. Lokasi-lokasi kamera CCTV sedia ada di Lampiran 'A'. 24 lokasi di pulau untuk dipasang kamera dibekalkan KPKT juga dikenal pasti.

Sementara di kawasan Seberang Perai tidak mempunyai peruntukan bagi pemasangan CCTV di semua DUN. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri telah mengemukakan sejumlah 24 lokasi CCTV kepada KPKT dan cadangan 46 lokasi tambahan dalam pertimbangan untuk pemasangan oleh negeri. Senarai lokasi yang akan dipasang CCTV oleh KPKT di Seberang Perai adalah seperti di Lampiran 'B'.

(b) Ya, Kerajaan Negeri memang mempunyai rancangan untuk memasang kamera CCTV di KADUN Sungai Pinang. Lokasi-lokasi kamera CCTV ini telah dikenal pasti oleh pihak Polis bersama MPPP mengikut statistik kekerapan berlakunya jenayah.

(c) Sejumlah 5 buah kamera CCTV telah dicadangkan untuk KADUN Sungai Pinang seperti yang lokasi di jadual berikut. Kerja-kerja pemasangan kamera CCTV ini akan dijalankan secara berperingkat mulai penghujung tahun 2009. Bantuan kewangan Kerajaan Pusat juga telah dipohon untuk tujuan ini. Lokasi yang telah ditentukan untuk KADUN Sungai Pinang adalah seperti berikut :

(i) Simpang Lebuh raya Pantai Jelutong / Lebuh Sungai Pinang;
(ii) Simpang Jalan Perak / Jalan P. Ramlee;
(iii) Simpang Jalan Jelutong / Jalan Bukit Dumbar;
(iv) Pasar Jalan Patani (Taman Sri Pinang), dan
(v) Jalan Sungai (laluan masuk rumah pangsa PPR Jalan Sungai).

LAMPIRAN A

SENARAI LOKASI SERTA CCTV YANG AKAN DIPASANG OLEH KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) DI KAWASAN SEBERANG PERAI

BIL.	KAMERA NO.	LOKASI KAMERA
1	U1	Stesen Keretapi Buterworth
2	U2	Jalan Selat, Taman Selat
3	U3	Jalan New Ferry (CIMB Bank)
4	U4	Simpang Jalan Ong Yi How / Jalan Raja Uda
5	U5	Jalan Hashim Awang, Pekan Tasek Gelugor
6	U6	Simpang Jalan Dato' Hj. Ahmad Badawi / Jalan Padang Kelab
7	U7	Hadapan Kompleks Datok Kailan Kepala Batas
8	U8	Jalan Bagan Ajam (AMBANK)
9	T1	Jalan Perai Jaya (Megamall)
10	T2	Jalan Perai Jaya 2 (Megamall)
11	T3	Simpang Tingkat Kikik 7, Taman Inderawasih
12	T4	Simpang Jalan Kurau / Tingkat Kurau 5
13	T5	Simpang Tingkat Kurau 5 / Tingkat Kurau 4
14	T6	Jalan Todak Bandar Sunway (Restoran Ratu Mas)
15	T6	Jalan Todak 2, Bandar Sunway
16	T8	Simpang Jalan PERDA
17	T9	Simpang Jalan Tembikai / Jalan Padang Lalang
18	T10	Simpang Jalan Pasar / Jalan Danby, Pekan Bukit Mertajam
19	T11	Jalan Usahaniaga
20	T12	Jalan Rozhan, Alma (Pusat Raya Wonderful)
21	S1	Simpang Jalan Atas / Jalan Hooi Soo, Pekan Nibong Tebal
22	S2	Simpang Jalan Atas / Jalan Serindik, Pekan Nibong Tebal
23	S3	Jalan Susur, Sungai Bakap
24	S4	Jalan Simpang Ampat

LAMPIRAN 'B'

LOKASI PEMASANGAN 31 BUAH KAMERA CCTV - MPPP

BIL.	LOKASI	BIL KAMERA
1.	Jalan Penang Bersebelahan Jejantas Jalan Penang/ Jalan Burma/ Jalan Dr Lim Chwee Leong	1
2.	Simpangan Jalan Dr Lim Chwee Leong/ Lebuh Lintang	1
3.	Jalan Burma Bersebelahan Jejantas Jalan Penang/ Jalan Burma/ Jalan Dr Lim Chwee Leong	1
4.	Simpang Enam Komtar	1
5.	Simpang Jalan Penang / Lebuh Tek Soon	1
6.	Simpang Jalan Magazine/ Jalan Ria	1
7.	Simpang Jalan Macalister/ New Lane	1
8.	Upper Penang Road	1
9.	Simpang Jalan Penang / Lebuh Chulia	1
10.	Simpang Lebuh Pantai/ Lebuh China	1
11.	Lebuh Farquhar – Depan Hotel E&O	1
12.	Gold Bazaar – Simpang Lebuh Campbell/ Jalan Pintal Tali	1
13.	Gold Bazaar – Simpang Carnarvon/ Lebuh Buckingham	1
14.	Gold Bazaar – Simpang Jalan Masjid Kapitan Keling/ Lebuh Buckingham	1

BIL.	LOKASI	BIL KAMERA
15.	Gold Bazaar – Simpang Jalan Masjid Kapitan Keling/ Lebuh Chulia	1
16.	Jejantas Citibank Jalan Sultan Ahmad Shah	1
17.	Simpang Persiaran Midlands/ Lebuhraya Maktab	1
18.	Simpang Persiaran Gurney /Jalan Lim Chin Guan	1
19.	Bulatan Persiaran Gurney – Hawker Center	1
20	Persiaran Gurney – Hawker Center/ Gurney Plaza	1
21.	Simpang Jalan Masjid Negeri/ Lebuhraya Batu Lancang	1
22.	Pintu Masuk Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong	1
23.	Pintu Keluar Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong	1
24.	Bukit Jambul, Simpang Jalan Bukit Gambir/ Jalan Rumbia	1
25.	Bukit Jambul, Simpang Jalan Tun Dr Awang/ Jalan Bukit Gambir	1
26.	Bukit Jambul, Simpang Jalan Rumbia/ Lorong Relau 2	1
27.	Bukit Jambul, Simpang Jalan Tun Dr Awang/ Jalan Kampong Relau	1
28.	Air Hitam, Simpang Air Hitam/ Jalan Kampung Melayu	1
29.	Air Hitam, Simpang Jalan Air Hitam/ Jalan Stesen Keretapi Bukit Bendera	1
30.	Air Hitam, Simpang Jalan Air Hitam/ Jalan Rambutan	1
31.	Air Hitam, Simpang Jalan Pasar/ Laluan Ke Kuil Kek Lok Si	1

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Hingga bilakah kerja-kerja pembaikan paip bawah tanah oleh pihak PBA di Kawasan Jelutong akan berterusan?

(b) Adakah pihak PBA akan mengambil sebarang tindakan dalam usaha mengurangkan pencemaran bunyi akibat kerja-kerja pembaikan yang dijalankan khususnya di waktu malam?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Kerja-kerja penggantian paip bawah tanah oleh pihak PBAPP di kawasan Jelutong dijangka siap pada akhir bulan Mei 2009.

(b) Pihak PBAPP sentiasa memastikan tindakan kawalan pencemaran bunyi mematuhi piawaian yang ditetapkan melalui aplikasi ISO 18000 : 1999 (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Senaraikan dengan terperinci kelulusan peruntukan (P16) yang dikemukakan oleh ADUN Sungai Pinang untuk lima tahun kebelakangan ini (2003-2005).

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Senarai terperinci projek di bawah Maksud Pembangunan P.16 KADUN Sungai Pinang yang telah dikemukakan oleh Y.B. ADUN Sungai Pinang untuk pelaksanaan dalam tempoh lima tahun yang ke belakang adalah seperti di Lampiran.

LAMPIRAN

PERUNTUKAN P.16 (02) DAN (03) KADUN SUNGAI PINANG TAHUN 2004

Bil.	Nama Projek	P16 (02)	Bil.	Nama Projek	P16(03)
1	Kerja-kerja mengubah pili bomba di hadapan kedai tayar Jalan Sungai Pinang.	3,000.00	1	Sumbangan Perayaan Jalur Gemilang oleh Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga di kawasan Sungai Pinang.	3,500.00
2	Kerja-kerja mengubah tiang TNB di Jalan Madrasah Jelutong.	580.00	2	Biayai Pertandingan Karate oleh Pergerakan Pemuda Malaysia.	2,000.00
3	Bekal bahan binaan untuk membaik pintu masuk Tokong Cina Wei Leng Keong, Jelutong Barat.	2,000.00	3	Biayai Majlis Perjumpaan dengan penduduk-penduduk Mutiara Idaman 1, Jelutong.	1,000.00
4	Bekal bahan binaan untuk membaiki bumbung / tent berhampiran No. 2, Jln Tokong Batu.	9,996.00	4	Bekal peralatan kegunaan kepada Masjid Jamek Jelutong.	3,000.00
5	Bekal bahan binaan untuk membaiki tandas dan tembok pagar Tokong Cina Hean Leng Keong Lorong Perak.	5,000.00	5	Sumbangan majlis bantuan bencana banjir Kampung Tengah, Jelutong.	4,500.00
			6	Sumbangan untuk Majlis Perayaan Tahun Baru Cina, Deepavali dan Hari Raya Puasa anjuran Persatuan Penduduk PPR Jalan Sungai.	5,000.00
			7	Biayai Majlis Perjumpaan dengan penduduk-penduduk anjuran Persatuan Penduduk Taman Sri Pinang, Jalan Sungai.	1,000.00
			8	Bekal peralatan sukan kepada Kelab Sukan Jelutong.	2,500.00
			9	Bekal surat khabar Guang Ming Daily kepada SJK(C) Phei Shin, Moh Ghee cawangan dan Beng Teik cawangan.	1,050.00
			10	Bekal peralatan sukan kepada Penang Youth Sports Club.	2,500.00
			11	Bekal peralatan sukan kepada Belia 4B PPR Jalan Sungai.	1,450.00
			12	Bekal kerusi, meja kepada Persatuan Phor Thor Jalan Ong Joo Sun.	4,500.00

		13	Bekal perbelanjaan dan perarakan Dewi Thian Hou Kepada Tokong Cina Sun Hai Keong Jln Bukit Dumbar.	1,500.00
		14	Bekal perbelanjaan majlis Makan Malam Pemimpin Bersama Rakyat anjuran KRT Hilir Sungai Pinang..	3,000.00
		15	Bekal perbelanjaan pameran sempena ulangtahun Chung Hwa School Union.	2,000.00
		16	Bekal peralatan tarian naga kepada Tokong Cina Dewa Hean Boo San Gaik Ong Tean.	3,000.00
		17	Bekal perbelanjaan perayaan Phor Thor kepada Phor Thor PPR Jalan Sungai.	2,000.00
		18	Sumbangan Perayaan Jalur Gemilang Oleh Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga di kawasan Sungai Pinang.	3,500.00
		19	Biayai pertandingan Karate oleh Pergerakn Pemuda Malaysia.	2,000.00
		20	Biayai Majlis Perjumpaan dengan penduduk-penduduk mutiara Idaman 1, Jelutong.	1,000.00
		21	Bekal peralatan kegunaan kepada Masjid Jamek Jelutong.	3,000.00
		22	Sumbangan majlis bantuan bencana banjir Kampong Tengah, Jelutong.	4,500.00
		23	Sumbangan untuk karnival sukaneka Sukan Rakyat sempena sambutan Hari Kemerdekaan 2004 anjuran Persatuan Penduduk PPR Jalan Sungai.	5,000.00
		24	Biayai majlis perjumpaan dengan penduduk-penduduk anjuran Persatuan Penduduk Taman Sri Pinang, Jalan Sungai.	1,000.00
		25	Bekal peralatan sukan kepada Kelab Sukan Jelutong.	2,500.00
		26	Bekal surat khabar Guang Ming Daily kepada SJK (C) Phei Shin, Moh Ghee cawangan dan Beng Teik cawangan.	1,050.00
JUMLAH	**20,576.00**			**67,050.00**

PERUNTUKAN P.16 (02) DAN (03) KADUN SUNGAI PINANG TAHUN 2005

Bil.	Nama Projek	P16 (02)	Bil.	Nama Projek	P16(03)
1	Sumbangan peruntukan untuk membina 4 tingkat bangunan baru di SJK © Phei Shin, Jelutong.	15,000.00	1	Sumbangan majlis bantuan mangsa banjir Kampung Pisang Awak.	4,500.00
2	Sumbangan peruntukan untuk mengubahsuai dan membaiki bumbung dewan sekolah di SJK(C) Moh Ghee Cawangan, Jelutong.	10,000.00	2	Biayai majlis pemimpin bersama rakyat anjuran Tua Pek Kong Hock Teik Soo Lebuh Bakau.	3,000.00
3	Bekal bahan binaan untuk mangsa kebakaran di Lebuh Bakau dan Medan Tengku.	6,000.00	3	Biayai majlis pemimpin bersama rakyat anjuran Gerakan Belia 4B Jelutong.	2,000.00
4	Membaiki dan ubahsuai Surau Medan Tengku dan kerja-kerja berkaitan.	5,000.00	4	Biayai majlis pemimpin bersama rakyat anjuran Pertubuhan Penganut Dewa How Tien, Sungai Pinang.	2,200.00
5	Bekal bahan binaan untuk baiki Kuil Sri Raja Muniswarar, Jalan Sungai.	5,000.00	5	Biayai majlis pemimpin bersama rakyat anjuran KRT Kampung Rawa.	2,000.00
6	Pendawaian semula Surau Jalan Madrasah dan kerja-kerja berkaitan.	5,000.00	6	Bekal peralatan untuk upacara keagamaan kepada Persatuan Phor Thor PPR Jalan Sungai.	2,000.00
7	Sumbangan peruntukan untuk mengecat bangunan dan tempat sembahyang tokong Cina Lu Guo Tai Fu Miao, Jalan Jelutong, Jelutong .	3,000.00	7	Biayai sambutan perayaan Bulan Kemerdekaan KRT dan NGO KADUN Sungai Pinang.	5,000.00
8	Sumbangan peruntukan untuk mengecat semula pintu sekolah dan bilik darjah SK Jelutong.	3,000.00	8	Bekal peralatan / keperluan sukan bolasepak kepada Kelab Sukan Jelutong.	1,500.00
9	Sumbangan peruntukan untuk membaiki dan mengubahsuai bilik bacaan berhadapan bangunan Persatuan Buddhist Pu Xian, Bukit Dumbar, Jelutong.	3,000.00	9	Bekal peralatan untuk upacara keagamaan kepada Phor Thor Lorong Perak.	1,000.00
10	Sumbangan peruntukan untuk membaiki pintu masuk dan mengecat semula bangunan Tokong Cina Thian Hoo Jelutong Timur, P.Pinang.	5,000.00	10	Bekal peralatan pejabat kepada Pusat Rekreasi Jelutong.	2,800.00
			11	Biayai pertandingan pakaian tradisional / kebudayaan anjuran KRT Hilir Sungai Pinang.	2,000.00

		12	Biayai pertandingan karate anjuran YMM Sungai Pinang.	2,500.00
		13	Biayai kejohanan futsal 7 sebelah anjuran KEMAS Jelutong.	3,200.00
		14	Biayai Majlis Pemimpin Bersama Rakyat anjuran KRT Hilir Sungai Pinang.	3,500.00
		15	Bekal kemeja-T kepada RELA kawasan Jelutong.	1,500.00
		16	Biayai konsert nyanyian sempena Perayaan Ulangtahun Tokong Cina Peh Hoon Keong.	1,800.00
		17	Bekal peralatan bagi kelas tuisyen anjuran Yayasan Bina Ilmu Pulau Pinang.	4,000.00
		18	Biayai sambutan Perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali anjuran Persatuan Penduduk PPR Jalan Sungai.	5,000.00
		19	Bekal peralatan kegunaan Kumpulan Tai Chi KRT Jelutong Timur A.	1,500.00
		20	Peruntukan tambahan sumbangan aktiviti pasukan SUKPEN II DTL.	1,000.00
		21	Bayaran bantuan penubuhan Pejabat Penyelarasan Pembangunan KADUN.	12,000.00
		22	Membiayai pertandingan Bolasepak di KADUN Sungai Pinang anjuran Belia 4 B Sungai Pinang.	5,000.00
		23	Membiayai Perayaan Pesta Ponggal anjuran Malaysia Hindu Sangam.	2,000.00
		24	Bekal PA Sistem kepada KRT Hilir Sungai Pinang.	3,000.00
		25	Sumbangan peruntukan untuk pembelian koleksi Perpustakaan Desa kepada Perpustakaan Komuniti Kampung Rawa dan Perpustakaan Desa Kampung Tengah.	5,000.00
		26	Sumbangan aktiviti pasukan SUKPEN II DTL.	1,000.00
JUMLAH	**60,000.00**			**80,000.00**

Bil.	Nama Projek	P16 (02)
1	Sumbangan outright grant untuk membina 4 tingkat bangunan baru di SJK (C) Phei Shin, Jelutong.	15,000.00
2	Sumbangan outright grant untuk membaiki pintu masuk dan tingkap bilik darjah di SJK (C) Moh Ghee Cawangan Jelutong.	5,000.00
3	Sumbangan outright grant untuk mengubahsuai dan membaiki bumbung bangunan Persatuan Su Goon Tong, Jelutong.	4,000.00
4	Sumbangan peruntukan untuk membaiki tandas murid dan guru di SJK (C) Beng Teik Cawangan.	5,000.00
5	Sumbangan peruntukan untuk mengecat semula pintu masuk dan bilik darjah di SJK (T) Jalan Sungai.	5,000.00
6	Sumbangan peruntukan untuk membaiki surau sekolah dan tandas murid di SK Jelutong.	4,000.00
7	Sumbangan peruntukan untuk membaiki bumbung Tokong Cina Na Zha Sam Tai Chu, Jelutong.	4,000.00
8	Sumbangan peruntukan untuk membaiki bumbung Tokong Cina Chip Hock Tong, Jelutong Timur.	5,000.00
9	Sumbangan peruntukan untuk mengecat semula pintu sekolah dan bilik darjah SJK Kheng Tean, Jelutong.	7,000.00
10	Sumbangan peruntukan untuk membina bangunan tambahan Tokong Cina Kong Chek Tai Chun Ong, Jelutong.	3,000.00
11	Sumbangan peruntukan untuk mengecat semula bangunan Tokong Cina Tua Pek Kong, Lebuh Bakau.	3,000.00

Bil.	Nama Projek	P16(03)
1	Sumbangan bantuan mangsa bencana ribut di Kampung Rawa, Sungai Pinang.	1,000.00
2	Bekal peralatan sembahyang kepada Persatuan Phor Thor Jalan Sungai.	2,500.00
3	Biayai Kursus Motivasi Pelajar Melayu, Pusat Aktiviti Pemuda Jelutong.	5,000.00
4	Bekal akhbar Guang Ming kepada sekolah-sekolah kawasan Sungai Pinang.	1,500.00
5	Bekal peralatan pejabat / keperluan kepada Tokong Cina Sien Yee Tong, Sungai Pinang.	500.00
6	Biayai Majlis Makan Malam anjuran Belia 4B Sungai Pinang.	5,000.00
7	Bekal komputer kepada Yayasan Bina Ilmu Pulau Pinang, Jelutong.	3,500.00
8	Biayai Program Ceramah kesihatan anjuran Pertubuhan Kebajikan Insan Penyayang Malaysia (PKIPM) Cawangan Pulau Pinang.	1,000.00
9	Bekal kemeja T kepada Jawatankuasa Pembangunan Wanita Jelutong.	600.00
10	Bekal akhbar Star kepada sekolah-sekolah di KADUN Sungai Pinang.	1,200.00
11	Biayai majlis perjumpaan pemimpin bersama rakyat anjuran Persatuan Penduduk Blok 11, Desa Pinang 1.	600.00
12	Bekal peralatan sukan kepada Kelab Sukan Jelutong.	2,000.00
13	Bekal generator kepada Persatuan Penduduk Lintang Sungai Pinang.	3,600.00
14	Bekal kamera kepada KRT Hilir Sungai Pinang.	1,600.00

15	Biayai perayaan Jalur Gemilang anjuran Persatuan / NGO kawasan Sungai Pinang sempena sambutan Hari Kebangsaan.	5,000.00
16	Bekal set komputer kepada Pertubuhan Islam PPR Jalan Sungai.	2,000.00
17	Biayai Larian Jelutong Expressway anjuran YMM Pulau Pinang.	1,800.00
18	Biayai Majlis Pemimpin bersama rakyat anjuran Persatuan Pemandu Teksi dan Kereta Sewa, Jelutong.	600.00
19	Biayai majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri/Deepavali/Tahun Baru Cina anjuran Pertubuhan Penduduk PPR Jalan Sungai.	5,000.00
20	Bekal 'water cooling machine' kepada SJK (C) Phei Shin, Jelutong.	2,000.00
21	Biayai majlis perayaan anjuran Tokong Cina Hoo Tien Pulau Pinang.	5,000.00
22	Biayai majlis perayaan anjuran Phor Thor KADUN Sungai Pinang.	3,800.00
23	Biayai Majlis Kesukanan anjuran Gerakan Belia 4B Kampung Che Amat.	1,000.00
24	Biayai majlis pemimpin bersama rakyat anjuran KRT Hilir Sungai Pinang.	3,000.00
25	Biayai majlis mengenang jasa anjuran KRT Jalan Sungai.	3,000.00
26	Biayai Hari Keluarga anjuran Persatuan Belia Bukit Dumbar.	1,200.00
27	Biayai majlis pemimpin bersama rakyat anjuran Persatuan Chingay Daerah Timur Laut.	1,000.00
28	Biayai program mewarna dan melukis anjuran Pertubuhan Kang Har Tong.	1,200.00
29	Biayai program sukaneka sempena Hari Kemerdekaan anjuran KEMAS Jelutong.	2,500.00
30	Biayai Majlis Kutipan Amal Tabung PIBG SJK (C) Phei Shin.	1,100.00

			31	Biayai Program Kebajikan NGO dan KRT Kawasan Sungai Pinang.	3,000.00
			32	Bekal peralatan pejabat/kegunaan sekolah kepada SM Agama Tarbiah Islamiah, Kampung Rawa.	2,000.00
			33	Biayai majlis perjumpaan pemimpin bersama Tokong Cina Tong San, Jelutong.	500.00
			34	Biayai Program Sukaneka dan mewarna/ melukis anjuran KRT Kampung Rawa.	2,000.00
			35	Biayai Majlis Sambutan Aidilfitri anjuran Persatuan Penduduk Telaga Rendah.	1,000.00
			36	Biayai Majlis Perayaan Pesta Tanglung anjuran Persatuan Penduduk Tokong Batu, Jelutong.	2,700.00
JUMLAH	**60,000.00**				**80,000.00**

LAMPIRAN

PERUNTUKAN P.16 (02) DAN (03) KADUN SUNGAI PINANG TAHUN 2007

Bil.	Nama Projek	P16 (02)	Bil.	Nama Projek	P16(03)
1	Membina 4 tingkat bangunan baru di SJK (C) Phei Shin, Jelutong.	15,000.00	1	Membiayai majlis makan malam sempena Perayaan Phor ThOR Persatuan Phor Thor Jalan Sungai Jelutong.	2,000.00
2	Mengecat semula pintu masuk dan bilik darjah di SK Jelutong Jalan Jelutong P.Pinang.	3,000.00	2	Bekal suratkhabar Kwong Wah kpd SJK (C) Phei Shin, Beng Teik dan Moh Ghee cawangan.	1,600.00
3	Membaiki tandas murid dan guru di SJK (C) Moh Ghee cawangan Jelutong.	3,000.00	3	Bekal suratkhabar Guang Ming kpd SJK (C) Phei Shin, Beng Teik dan Moh Ghee cawangan.	1,500.00
4	Membaiki bumbung di SJK (C) Beng Teik cawangan Jelutong .	3,000.00	4	Membiayai perbelanjaan Temasya Sukan Tahunan KEMAS Jelutong	4,000.00
5	Mendawai semula bangunan Tokong Cina Hock Teik Soo.	3,000.00	5	Membiayai perbelanjaan Anugerah Cemerlang Akademik Sek. Rendah dan Menengah Pertsatuan Keturunan Su Goon Tong.	2,000.00

6	Mengecat semula bangunan Tokong Cina Thian Hoo.	3,000.00	6	Membiayai majlis perjumpaan Pemimpin Bersama Rakyat anjuran KRT Hilir Sungai Pinang.	3,500.00
7	Membaiki bumbung bangunan Persatuan Penganut Dewa Cheng Leong Tean, Jelutong .	2,000.00	7	Membiayai majlis bantuan kpd warga tua sempena perayaan Tahun Baru Hari Raya Aidillfitri dan Deepavali anjuran Pertubuhan Penduduk PPR Jalan Sungai.	5,000.00
8	Mengecat semula bangunan Sam Sooi Wooi Koon, Jln Veterinary,Jelutong.	2,000.00	8	Membiayai program aktiviti SUKPEN DTL Tahun 2007.	2,000.00
9	Menaiktaraf bangunan sina Handicapped Center, Jelutong .	5,000.00	9	Membekal kemeja -T untuk sukaneka anjuran Persatuan Penduduk Kampung Rawa Blok 8, Jelutong.	500.00
10	Mengecat semula bangunan Tan Si Teoh Tng Seah,Jelutong.	2,000.00	10	Bekal pakaian sukan kpd Penang Youth Sports Club.	2,000.00
11	Sumbangan bahan binaan untuk membaiki rumah mangsa kebakaran di Jalan Tengku .	5,000.00	11	Membiayai aktiviti kebajikan / bantuan kpd warga tua / kurang berupaya KADUN Sungai Pinang.	5,000.00
12	Mengecat semula bilik darjah SJK (T) Jalan Sungai .	3,000.00	12	Membiayai aktiviti Emergency Medical Assistance Service (EMAS) anjuran St. John Ambulance malaysia.	2,000.00
13	Membaiki tandas dan pintu masuk dewan serbaguna Halaman Damai Blok 9, Kampung Rawa.	3,000.00	13	Membiayai program perjumpaan Pemimpin Bersama Rakyat dengan Persatuan Sukarela dan NGO KADUN Sungai Pinang.	5,000.00
14	Membaiki bumbung dan mengecat semula Tokong Cina Ci Kung, Jelutong.	3,000.00	14	Membiayai majlis perjumpaan dengan Persatuan saudagar-saudagar makanan makanan dan minuman KADUN Sungai Pinang.	2,000.00
			15	Membiayai program sukaneka dan kebajikan rakyat anjuran Pusat Aktiviti Pemuda Jelutong.	5,000.00
			16	Membiayai majlis sambutan kemerdekaan anjuran Persatuan Penduduk Taman Sri Pinang.	1,000.00
			17	Biayai Pertandingan peringkat Jelutong anjuran Pusat Perkhidmatan Kadun Sg. Pinang.	2,000.00
			19	Biayai program perayaan Hari raya Aidilfitri KADUN Sungai Pinang anjuran Pusat Perkhidmatan Kadun Sg. Pinang	4,000.00

		20	Biayai program solo selidik / maklumbalas rakyat tentang pembangunan isu-isu semasa di Jelutong oleh Pusat Perkhidmatan KADUN Sg. Pinang. 1,900.00
		21	Biayai perayaan Tahunan anjutan Tokong Cina Xian Wu Keong, Lorong Perak. 1,000.00
		22	Bekal kerusi, meja , peralatan kegunaan kpd Tokong Cina Chin Hock Keong, Lintang Bakau. 2,000.00
		23	Biayai program perlumbaan larian budaya Jelutong anjuran dewan perhimpunan cina P.Pinang. 1,000.00
		24	Biayai perayaan jalur gemilang anjuran Persatuan / NGO kawasan Sg.Pinang sempena sambutan Hari Kebangsaan. 5,000.00
		25	Biayai aktiviti / program kebajikan / pendidikan anjuran Yayasan Bina Ilmu P.Pinang, Jalan Tengku Jelutong. 5,000.00
		26	Biayai majlis kutipan derma sempena perayaan ulangtahun ke 10 anjuran Penang Fo Yi Haemodialysis Society. 3,000.00
		27	Baiyai majlis Pemimpin Bersama Rakyat anjuran KRT Taman Sri Pinang. 1,000.00
		28	Bekal peralatan dapur / kegunaan kpd Persatuan Penduduk Kampung Pisang Awak. 1,000.00
		29	Biayai majlis perayaan agama anjuran Kuil Hindu Jalan Hashim Imam. 1,500.00
		30	Biayai hari ucapan dan penyampaian hadiah SJK (C) Moh Ghee cawangan. 2,000.00
		31	Bekal peralatan pejabat / kegunaan kpd Persatuan Penduduk Medan Tengku Blok 3. 1,995.00
		32	Membiayai aktiviti Kelab Sukan & Rekreasi Kampung rawa. 2,000.00
		33	Biayai majlis sambutan kemerdekaan anjuran Persatuan Penduduk Halaman Damai Blok 9, Kg. rawa. 1,500.00
JUMLAH	**55,000.00**		**79,995.00**

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Bilakah projek pengorekan dan pembaikan parit besar di sebelah kiri Jalan Jelutong menuju ke persimpangan Jalan Jelutong - Jalan Sungai Pinang akan dilaksanakan?

(b) Jika ya, sila berikan maklumat terperinci.

(c) Jika tidak, sila nyatakan sebabnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Satu lawatan tapak pihak MPPP bersama wakil Y.B. telah diadakan pada 26 Februari 2009. Parit yang dimaksudkan ialah parit konkrit tepi Jalan Jelutong di hadapan SRJK (C) Moh Ghee hingga Jalan Sungai Pinang. Parit ini masih baik dan berfungsi.

Pada 26 Mac 2009, satu lagi lawatan tapak oleh Pegawai Majlis bersama Y.B. Tuan Koid Teng Guan telah diadakan.

Kerja-kerja pembersihan parit di sebelah kiri Jalan Jelutong menuju ke persimpangan Jalan Jelutong/Jalan Sungai Pinang dijalankan (secara manual) tiga kali setiap minggu. Kerja-kerja pembersihan adalah meliputi mengangkut sampah sarap dan juga pasir di dalam parit. Selain itu, kerja-kerja menggorek pasir di parit tersebut dengan menggunakan jentera dijalankan mulai 10 April 2009.

Masalah pengaliran air berlaku disebabkan terdapatnya batu (konkrit) yang memperlahankan pengaliran air. Halangan konkrit ini terletak di pertengahan parit yang kedudukannya berada di bawah persimpangan Jalan Sungai. Selain daripada itu, terdapat kabel kepunyaan syarikat utiliti yang melintasi parit (di kawasan yang sama) yang sering menyebabkan sampah tersangkut apabila hujan.

Usaha memasuki ke ruang tersebut oleh pekerja Majlis sukar dilakukan kerana ianya terlalu sempit dan tidak mempunyai ruang untuk bergerak. Sebelum pembinaan persimpangan yang baru itu, air parit di situ mengalir dengan lancar kerana terdapat *'sump'* yang dibina untuk memerangkap sampah. Namun begitu, selepas pembinaan jalan, didapati pengaliran air sering tersangkut disebabkan oleh batu (konkrit).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Adakah kerajaan negeri mempunyai sebarang rancangan atau pelan untuk mengindahkan pesisir jalan di kawasan JEWay dengan tanaman pokok bunga.

(b) Jika ya, sila berikan maklumat lanjut berkenaan jenis pokok, jumlah kos, tarikh pelaksanaan dan maklumat kontraktor.

(c) Jika tidak, sila nyatakan sebabnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Lebuh raya Jelutong dari jambatan ke Jalan Udini telah dibina dan diselenggarakan oleh Lembaga Lebuh raya Malaysia (LLM). Dengan ini, kerja-kerja pengindahan adalah di bawah tanggungjawab LLM. Sementara bagi menaik taraf lanskap di Jalan Udini dan di Persimpangan Tunku Kudin, penanaman pokok berkonsepkan landskap dilaksanakan oleh Propel Sdn. Bhd.

(b) Pengindahan yang dilakukan di sepanjang Lebuh Raya Jelutong, dari Jalan Udini ke Pengkalan Weld dijalankan oleh pemaju Jelutong Development Sdn. Bhd. sepanjang 4.7 km. Ini bermakna pemaju Jelutong Development Sdn. Bhd. telah menjalankan kerja-kerja penanaman pokok mengikut pelan landskap. Jenis pokok-pokok yang ditanam ialah pokok *Bougainvillea Elizabeth Angus* dan *Phyllanthus Mytifolies* dan kerja-kerja itu telah dilaksanakan pada 2 Mac 2009.

(c) Oleh sebab Lebuh Raya itu telah dibina oleh Lembaga Lebuh raya Malaysia (LLM), adalah menjadi tanggungjawab LLM untuk mengindahkan jalan berkenaan. Walau bagaimanapun JKR sentiasa menjalankan kerja-kerja memotong rumput di dalam rizab jalan JEWay berkenaan. Selain daripada itu, pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) juga akan membantu bagi kerja-kerja landskap kerana ia merupakan tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Berkenaan dengan tanah Lot PB 9W di Solok Sungai Pinang Satu (1), Daerah Timur Laut.

(a) Apakah jenis kelulusan yang diberi kepada penghuni lot tersebut?

(b) Sila beri maklumat lanjut mengenai tujuan, tempoh penempatan dan syarat penempatan yang diluluskan kepada penghuni-penghuni tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut memaklumkan bahawa menurut rekod PDT Timur Laut, tidak ada Lot PB 9W seperti di dalam soalan Y.B. Fakta yang tepat diperlukan sebelum jabatan kerajaan dapat menjawab soalan yang dikemukakan oleh Y.B. ADUN.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Program WIFI dan Wi-Max telah dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang pada tahun lepas.

(a) Bagaimanakah perkembangan terkini program tersebut?

(b) Bilakah penduduk KADUN Sungai Pinang dapat menikmati penggunaan WIFI dan Wi-Max ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Perkembangan terkini projek WiFi dan WiMax adalah seperti berikut:

(i) WiFi – syarikat Redtone Telecomunications Sdn. Bhd. telah memasang kemudahan WiFi di 26 hotspot. Menjalang akhir Disember 2010, sebanyak 750 hotspot dijadual akan disediakan.

- Jun 09 - Jumlah 100 hotspots
- Sept 09 - Jumlah 200 hotspots
- Dec 09 - Jumlah 300 hotspots
- Mar 10 - Jumlah 400 hotspots
- Jun 10 - Jumlah 500 hotspots
- Sept 10 - Jumlah 600 hotspots
- Dec 10 - Jumlah 750 hotspots

(ii) WiMax – Perkhidmatan WiMAX yang disediakan oleh Syarikat Packet One (P1) kini boleh dinikmati oleh penduduk di sekitar George Town, Butterworth dan Juru. Kerja untuk memperluaskan kawasan perkhidmatan sedang giat dijalankan. Mengikut perancangan pihak WIMAX, perkhidmatan WIMAX akan diperluaskan ke kawasan berikut sekiranya mendapat kelulusan pihak kerajaan tempatan.

- June 09 - Kawasan Bayan Lepas
- Sept 09 - Kawasan Butterworth, Sebahagian Seberang Perai.
- Dec 09 - Tanjong Bungah, kawasan Seberang Perai Terubong, Green Lane.

(b) Perkhidmatan WiFi percuma bagi penduduk KADUN Sungai Pinang dijadual akan disediakan sebelum Disember 2010. Manakala perkhidmatan berbayar WiMax, dijadual dapat beroperasi pada penghujung suku tahun kedua 2009 sekiranya rundingan pihak syarikat dengan pemilik bangunan dilokasi yang telah dikenalpasi mencapai persetujuan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Berkenaan dengan ancaman demam denggi di negeri ini.

(a) Sila nyatakan jumlah bilangan kes dari Mac 2008 hingga kini.

(b) Apakah rancangan dan usaha yang diambil oleh kerajaan negeri dalam mengurangkan kes demam denggi ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Jumlah bilangan kes demam denggi yang dilaporkan di Negeri Pulau Pinang dari bulan Mac 2008 sehingga 21 Mac 2009 ialah sebanyak 2637 kes dan 34% (893) kes disahkan positif.

(b) Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri untuk mengurangkan kes demam denggi di negeri ini. Rancangan tersebut yang dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri iaitu memastikan semua kes yang disyaki denggi termasuk mematuhi kriteria yang ditetapkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) perlu dilapor atau dinotifikasi ke pejabat kesihatan mengikut peraturan di bawah Seksyen 10 Akta Kawalan Penyakit Berjangkit 1988. Bagi setiap kes-kes yang dilaporkan langkah-langkah kawalan dan pencegahan akan diambil segera tanpa menunggu ujian pengesahan. Tindakan kawalan terutamanya semburan kabus akan dijalankan segera dalam tempoh 24 jam selepas notifikasi diterima. Hasil daripada tindakan ini mendapati 79% penduduk di negeri Pulau Pinang boleh mengenal pasti tempat berpotensi membiak nyamuk Aedes tetapi malangnya hanya 14% sahaja yang mengamalkan aktiviti memusnahkan pembiakan jentik-jentik setiap minggu. Untuk meningkatkan sikap keprihatinan masyarakat, Program COMBI *(Communication For Behavioural Impact)* telah dilaksanakan di negeri Pulau Pinang. Sehingga kini, terdapat 11 lokaliti yang melaksanakan program ini dan seramai 257 sukarelawan telah dilatih.

Pemeriksaan premis juga dijalankan setiap hari oleh unit vektor dan jadual pemeriksaan ini disiarkan dalam akhbar tempatan bagi memastikan penduduk peka kehadiran pasukan kesihatan yang akan menjalankan pemeriksaan dan tindakan kompaun yang akan dikenakan sekiranya anggota yang menjalankan

pemeriksaan menemui pembiakan di premis. Pengumuman ini juga memberi peringatan kepada masyarakat bahawa penghapusan pembiakan perlu dijalankan setiap minggu. Selain itu, peranan media radio, promosi di pasar raya dan maklumat di LCD turut disiarkan sebagai langkah meningkatkan kesedaran awam.

Sehingga 21 Mac 2009, sejumlah 108,111 premis telah diperiksa oleh Jabatan Kesihatan Negeri. Dalam aktiviti pemeriksaan premis yang dijalankan didapati *Index* pembiakan yang tinggi ditemui di kawasan tanah lapang di antara premis kediaman yang dijadikan sebagai tempat pembuangan sampah haram. Sehingga 21 Mac 2009, sebanyak 779 premis ditemui positif berpembiakan tetapi 556 (73%) premis positif adalah premis tanah lapang dan sebagainya.

Bagi mengatasi masalah ini, aktiviti gotong royong dengan lebih kerap agar penduduk lebih peka dan turut memikul tanggungjawab bersama dalam menghapuskan pembiakan dan tidak menyediakan bekas berpotensi di persekitaran. Sehingga 21 Mac 2009, sebanyak 59 gotong royong telah berjaya dianjurkan. Aktiviti pendidikan kesihatan seperti ceramah, sebaran risalah, poster dan nasihat secara individu mengenai denggi juga diberikan kepada penduduk. Selanjutnya, bagi mengatasi pembiakan aedes di dalam premis, Jabatan Kesihatan telah mengambil langkah menyediakan bekalan ubat pembunuh jentik-jentik *(Abate)* di klinik-klinik kesihatan secara percuma. Bagi sepanjang tahun 2009, 9750 peket abate telah diedarkan. Ia memberikan kemudahan kepada masyarakat untuk memastikan bekas yang menakung air tidak menjadi tempat pembiakan aedes.

Aktiviti-aktiviti penguatkuasaan iaitu mengeluarkan kompaun sehingga maksimum RM500 kepada pemilik premis yang didapati mempunyai tempat pembiakan nyamuk aedes dijalankan secara berterusan sehingga 21 Mac 2009, sebanyak 205 kompaun telah dikeluarkan dan hasil kutipan sejumlah RM10,840 telah dikumpulkan dan 23 notis amaran telah dikeluarkan.

Selain itu, aktiviti semburan kabus merupakan tindakan yang dijalankan dalam mengawal populasi nyamuk aedes di kawasan kes dan kawasan yang dikesan mempunyai *index* aedes yang tinggi. Semburan kabus tidak dilaksanakan dengan meluas bagi memastikan tahap ke rintangan nyamuk pada racun tidak berlaku dengan cepat. Sehingga 21 Mac 2009, sebanyak 258,629 premis telah disemburi kabus.

Selain itu, mesyuarat berkala bersama pelbagai agensi turut diadakan untuk tindakan segera semua pihak bersama pejabat kesihatan, MPPP dan MPSP dalam mengawal kejadian demam denggi. Di samping itu, Bilik Gerakan peringkat negeri dan daerah dibuka pada setiap hari termasuk hari cuti semasa wabak.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Adalah didapati bahawa pada Mac 2008 pihak MPPP telah berhutang sebanyak RM6,594,075.16 kepada TNB.

    (a) Berapakah jumlah hutang yang telah dijelaskan oleh MPPP kepada TNB setakat ini?

    (b) Sila beri tempoh masa yang MPPP perlukan untuk menjelaskan keseluruhan hutangnya dengan TNB?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Merujuk kepada hutang MPPP kepada Tenaga Nasional Berhad yang dinyatakan sebagai RM6,594,075.16, adalah hutang-hutang untuk bil RJO *(Request Job Order)* dan bil-bil lampu jalan di mana pihak MPPP masih mempertikaikan dan masih dalam perbincangan dengan Tenaga Nasional Berhad untuk menyelesaikannya.

(b) Tempoh masa yang diperlukan oleh MPPP untuk menyelesaikan hutang dengan Tenaga Nasional Berhad bergantung kepada persetujuan TNB dengan MPPP mengenai isu-isu pertikaian.

Dalam bajet 2009, MPPP telah memperuntukkan sebanyak RM2,500,000.00 (RM0.5 juta untuk RJO dan RM2 juta untuk bil lampu jalan) untuk membayar tunggakan bil-bil tersebut. Amaun ini merupakan amaun permulaan untuk menyelesaikan tunggakan tersebut dan hutang-hutang ini hanya akan dibayar selepas perbincangan diselesaikan di antara MPPP dan Tenaga Nasional Berhad.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Pada 30 Mei 2008 yang lalu, jumlah tunggakan sewa rumah PPR Jalan Sungai oleh penduduk kepada MPPP adalah sebanyak RM430,442,32.

(a) Sila nyatakan jumlah tunggakan yang masih belum dijelaskan sehingga kini.

(b) Adakah pihak kerajaan akan mengambil sebarang tindakan terhadap penyewa-penyewa yang terlibat dan sila berikan maklumat terperinci penyewa tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pihak MPPP, jumlah tunggakan sewa penduduk rumah PPR Jalan Sungai kepada MPPP sehingga 16 Mac 2009 adalah sebanyak RM587,919.11.

(b) Memandangkan PPR Jalan Sungai adalah di bawah seliaan pihak MPPP, tindakan untuk mengutip balik bayaran merupakan tanggungjawab MPPP. Tindakan yang telah diambil oleh pihak MPPP adalah seperti berikut:-

MPPP pernah menjalankan 3 kali tindakan sumari terhadap penyewa-penyewa yang terhutang seperti berikut:-

(i) Pada 16 Jun 2005 di mana sebanyak 25 unit dan 2 bilik (unit kongsi bilik) telah ditukar kunci pintu utama;

(ii) Pada 7 Ogos 2008 di mana hanya 1 unit telah ditukar kunci pintu utama dan terpaksa dihentikan atas arahan YDP MPPP, dan

(iii) Pada 24 Mac 2009, Majlis telah dijadualkan mengambil tindakan sumari terhadap 26 unit PPR yang melibatkan tunggakan melebihi RM4,000.00 (setiap unit) bagi tempoh 40 bulan. Majlis hanya berjaya memecah dan menukar kunci 6 unit PPR dan terpaksa dihentikan seketika atas permintaan dari YB. Tuan Tan Tee Beng dan Ahli Majlis MPPP, Encik Harvindar Singh a/l Darshan Singh.

Namun operasi telah dihentikan setelah perbincangan dilakukan yang melibatkan YDP MPPP, Ahli Majlis, Encik Harvindar Singh a/l Darshan dengan penyewa-penyewa yang terhutang sewa di rumah pangsa tersebut.

Senarai penyewa-penyewa rumah pangsa PPR Jalan Sungai yang terhutang seperti di Lampiran 'A'.

Lampiran 'A'

Senarai Penyewa Projek Perumahan Rakyat (Ppr) Mppp Jalan Sungai
Yang Mempunyai Tunggakan (Sehingga 16 Mac 2009)

Bil.	No. Akaun	Perihal	No. Unit	Sewa Bulanan	Tindakan	Baki Tunggakan
1.	85172141021	Najeri Bin Adnan	A-G-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	714.00
2.	85172141039	Suresh Kumar K Dll	A-G-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
3.	85172141048	Sagadevan A/L Subramaniam	A-G-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	5,022.00
4.	85172141057	Ramli Bin Sahak	A-G-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,822.00
5.	85172141066	Neoh Kok Eng	A-G-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
6.	85172141075	Lazim Bin Mohd Isa	A-1-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	4,422.00
7.	85172141084	Ismail Bin Hashim	A-1-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,222.00
8.	85172141101	Mohamed Ismail B Mohamad Hassan	A-1-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	102.00
9.	85172141119	Rokiah Bt Ibrahim	A-1-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
10.	85172141128	Loke Chuan Seng	A-1-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
11.	85172141137	Cheong How Khim	A-1-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
12.	85172141146	Alimah A/P Sulaiman	A-1-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	204.00
13.	85172141155	Jalayammal A/P Noor Mohamed Jpp/3	A-1-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	510.00
14.	85172141164	Tan Yu Puan @ Chin Yew Phak	A-1-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
15.	85172141173	Syed Bakar Bin Syed Mohamed	A-1-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,622.00
16.	85172141191	Mohd Yaseen Bin Allah Pitchay	A-1-13 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
17.	85172141217	Che Wan Bt Hashim	A-2-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
18.	85172141226	Teh Swee Geoy	A-2-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	306.00
19.	85172141235	Pathumal Bt Uthuman	A-2-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
20.	85172141262	Mohamed Tajudeen B Mohamed Noor	A-2-7 Jalan Sungai Enf/1	Sewa RM100 + Iwk RM2	G	102.00
21.	85172141306	Che Din Bin Cha	A-2-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
22.	85172141324	Tan S'ng	A-2-13 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	206.00
23.	85172141396	Rahmah Binti Abdullah (Bilik 1)	A-3-7 Jalan Sungai	Sewa RM35 + Air & Letrik RM30	T	97.00
24.	85172141431	Aisha A/P Kalander (Bilik 1)	A-3-11 Jalan Sungai	Sewa RM35 + Airletrik RM30	L	3,972.26
25.	85172141458	Chung Poh Lan (Bilik 1)	A-3-13 Jalan Sungai	Sewa RM35 + Airletrik RM30	L	5,207.26
26.	85172141467	Roselina Bt Ibrahim	A-4-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,622.00
27.	85172141485	Munian A/L V Nagan	A-4-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
28.	85172141494	Ismail Meerah Bt Sentha Madar	A-4-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
29.	85172141511	Sultan Ariff Bin Idris	A-4-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	510.00
30.	85172141529	Siti Selmah Bt Husin	A-4-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
31.	85172141538	Mohd Noor Bin Nayan	A-4-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,522.00
32.	85172141547	Samsuri Bin Tapan Hd/4	A-4-9 Jalan Sungai		T	263.00
33.	85172141556	Sarasah A/P Sinnasamy	A-4-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	512.00
34.	85172141565	Zainul Bin Shariff	A-4-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	6,122.00
35.	85172141574	Ibatullah Bin Abdul Kadir	A-4-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,822.00
36.	85172141609	Rahibah Bt Md Lazim	A-5-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
37.	85172141627	Choy Weng Tuck	A-5-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
38.	85172141636	Samsudin Bin Mohamed Syed	A-5-5 Jalan Sungai		T	2,538.70
39.	85172141645	Kadavarayan A/L Varadarajulunaidu	A-5-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,322.00
40.	85172141654	Koay Lean Kim	A-5-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00

Bil.	No. Akaun	Perihal	No. Unit	Sewa Bulanan	Tindakan	Baki Tunggakan
41.	85172141663	Harvinder Pal Singh	A-5-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
42.	85172141672	Alaudin Bin Ab Thahir	A-5-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	204.00
43.	85172141681	Ramasamy A/L Ramasamy	A-5-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	460.00
44.	85172141699	Megat Shahruddin Megat Khairuddin	A-5-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,522.00
45.	85172141707	Stephen A/L Nurutham	A-5-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
46.	85172141725	Fatimah Bee Bt Sultan	A-6-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
47.	85172141752	Kader Bee Bte Kana Mohd Sheriff	A-6-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
48.	85172141761	Mohamad Azal B Din	A-6-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,122.00
49.	85172141779	Azanan Bin Tahir	A-6-6 Jalan Sungai		T	3,200.00
50.	85172141788	Saharudin Bin Samdin	A-6-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	306.00
51.	85172141797	Abdul Rashid Bin Nayan	A-6-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,522.00
52.	85172141814	Tan Ah Ewe	A-6-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
53.	85172141823	Goh Siew Hong	A-6-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
54.	85172141832	Koay Saw Kim	A-6-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	918.00
55.	85172141841	Mahajabeen Bt Mohd Yassin	A-6-13 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	304.00
56.	85172141859	Abdul Rahim Bin Sultan	A-7-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	4,222.00
57.	85172141868	Thabit Bin Shaid Osman	A-7-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	T	533.03
58.	85172141877	Nasar Bin Mohd Yasin	A-7-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,122.00
59.	85172141886	Krishnan A/L K Ramasamy Hd/4	A-7-4 Jalan Sungai		T	74.19
60.	85172141895	Kavarivell A/L A Silvamuthu Jpp/3	A-7-5 Jalan Sungai		T	173.33
61.	85172141903	Amirtham A/P Suppiah	A-7-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	306.00
62.	85172141912	Alagan A/L Puchi	A-7-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
63.	85172141939	Mohamad Fadzil Bin Zakaria	A-7-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	8,522.00
64.	85172141966	Murali A/L Ramasamy	A-7-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,622.00
65.	85172141975	Mohd Nasir Bin Abdul Kadir	A-7-13 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,020.00
66.	85172141984	Aminah Bee Bt Omar	A-8-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
	85172141993	Mohamed Nasir Bin Kader Sultan	A-8-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	102.00
67.	85172142027	Barkath Ali Bin Shamsudin Jpp/3	A-8-5 Jalan Sungai		T	211.00
68.	85172142036	Ismail Bin Osman	A-8-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	306.00
69.	85172142072	Jalilia Bt Baharuddin	A-8-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	868.00
70.	85172142081	Abdullah Bin Hassan Mohd	A-8-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
71.	85172142099	S A Muhamah Jabarulla	A-8-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
72.	85172142107	Zamri Bin Othman Ed/2	A-8-13 Jalan Sungai	3016111113476	G	102.00
73.	85172142116	Letchimanan A/L Veeran Jpp/3	A-9-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	G	102.00
74.	85172142125	Pejabat Setiausaha Kerajaan	Bhg Perumahan & Ker Tempatan	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	408.00
75.	85172142134	Ghazali Bin Md Noor	A-9-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,322.00
76.	85172142143	Segu Abdul Bin S Ibramsah	A-9-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	102.00
77.	85172142152	Syed Ariff Bin Syed Mohamad	A-9-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,522.00
78.	85172142161	Abd Aziz B M M Abdul Kader Sek/2	A-9-6 Jalan Sungai	8502110112221	G	204.00
79.	85172142179	Kam Samah Bt Hamidu	A-9-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
80.	85172142188	Teh Saw Leng	A-9-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
81.	85172142197	Nilavathi A/P Maniam	A-9-9 Jalan Sungai		T	49.90
82.	85172142205	Ramachandran A/L Perisamy	A-9-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,522.00
83.	85172142214	Abdul Rahim Bin Said	A-9-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00

Bil.	No. Akaun	Perihal	No. Unit	Sewa Bulanan	Tindakan	Baki Tunggakan
84.	85172142223	Yeoh Kok Seng	A-9-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
85.	85172142232	Mustafa Bin Mohd Ghause	A-9-13 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
86.	85172142241	Lourdu Nathan A/L Sinnasamy Hd/4	Sandanam		T	213.00
87.	85172142259	Khoo Boon Kok	A-10-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
88.	85172142277	Jannat Bt Noordin	A-10-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
89.	85172142286	Tunku Ismail B Tunku Abdullah	A-10-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
90.	85172142295	Koay Cheng Liew	A-10-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
91.	85172142303	Sahur Hamid B Mydin	A-10-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	102.00
92.	85172142312	Tan Ho Poh	A-10-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	4,222.00
93.	85172142321	Habibah Bt Osman	A-10-9jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
94.	85172142339	Hajar Bt Babjan	A-10-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,922.00
95.	85172142366	Sakina Bee Bt Mohd Thambi Merican	A-10-13 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
96.	85172142375	Mohamed Sabri Bin Mazelan	A-11-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	306.00
97.	85172142384	Saleh Bin Ahmad Tp/2	A-11-2 Jalan Sungai	1134111111545	A	204.00
98.	85172142401	Zainab Bt Mustaffa	A-11-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	820.00
99.	85172142419	Anvar Basha Bin Abdul Rahman	A-11-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
100.	85172142428	Balinah Banu Bt Ohuthu	A-11-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
101.	85172142437	Aminah Bee A/P Mohamed	A-11-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,522.00
102.	85172142446	Shahrudin Bin Mohamed Shariff	A-11-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,722.00
103.	85172142455	Ahamed Batusah Bin Abdul Karim	A-11-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
104.	85172142464	Mohamed Ibrahim B O M Abdul Hamid	A-11-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	5,322.00
105.	85172142473	Janbee Binti Abdul Razak	A-11-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,922.00
106.	85172142491	Jeyabalan A/L Krishnasamy Jpp/4	A-11-13 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	G	102.00
107.	85172142517	Mohd Iqbal B K M Mohd Mastan	A-12-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,122.00
108.	85172142535	Aliman Bee Bt Jamal	A-12-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
109.	85172142544	Khor Hooi Ean	A-12-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
110.	85172142553	Harbinder Singh A/L Kartar Singh	A-12-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
111.	85172142571	Ali Akbar Bin Se Abu Bakar	A-12-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	4,122.00
112.	85172142589	Habibah Bt Osman	A-12-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,972.00
113.	85172142598	Jumabee Bt Noor Mohamed	A-12-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,122.00
114.	85172142606	Santhara Raj A/L Ponnusamy Jpp/3	A-12-11 Jalan Sungai		T	313.00
115.	85172142615	Koay Siew Chye	A-12-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	306.00
116.	85172142624	Tan Choon Poh	A-12-13 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
117.	85172142633	Tan Boey Hong	A-13-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
118.	85172142669	L Moorni Bt Mohd Zarus Jpp/3	A-13-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,772.00
119.	85172142678	Omar Bin Husin	A-13-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,022.00
120.	85172142687	Jaimah Bt Abdul Mutalib	A-13-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	306.00
121.	85172142696	Salbiah Bt Othman	A-13-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	408.00
122.	85172142704	Gunasegeran A/L Purumal	A-13-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,122.00
123.	85172142713	Haji Bee Bt V Syed	A-13-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwkr M2	A	102.00
124.	85172142749	Joseph A/L Savarimuthu	A-13-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,622.00
125.	85172142767	Kader Mohamed Bin Shaik Mohamad	A-14-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,122.00
126.	85172142794	Muhammad Izzat Kalimuthu Abdullah	A-14-4 Jalan Sungai		T	313.00

Bil.	No. Akaun	Perihal	No. Unit	Sewa Bulanan	Tindakan	Baki Tunggakan
127.	85172142802	Fadzillah Bt Mohamad	A-14-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
128.	85172142811	Zainol Bin Mat Saad	A-14-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	4,222.00
129.	85172142829	Mohamad Fauzi Bin Abdul Manaf	A-14-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,122.00
130.	85172142838	Ab Wahab Bin Mahat	A-14-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,472.00
131.	85172142847	Mohamad Azalan Bin Muslim	A-14-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	4,822.00
132.	85172142856	Lim Teong Huat	A-14-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
133.	85172142865	Mohd Hassan Bin Abdul Karim	A-14-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
134.	85172142874	Quah Kim Kooi	A-14-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
135.	85172142883	Tan Choo Beng	A-14-13 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	510.00
136.	85172142892	Ramlah Bt Din	A-15-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
137.	85172142909	Kamarnysa Binti Noordin	A-15-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,309.00
138.	85172142918	Md Ismail Bin Sirat	A-15-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,422.00
139.	85172142927	Che Mey Bin Ahmad	A-15-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
140.	85172142936	Kok Chew Wah	A-15-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	102.00
141.	85172142945	Mohamed Bin Ayob	A-15-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
142.	85172142954	Ibrahim Bin Md Ali	A-15-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	522.00
143.	85172142963	Hashim Bin Yusoff	A-15-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	4,022.00
144.	85172142972	Kamaruddin Bin Ismail	A-15-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,822.00
145.	85172143006	Zakaria Bin Daut	A-15-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
146.	85172143015	Sim Peng Huat	A-15-13 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
	85172143024	Zubaidah Bee Bt Mohamed Mustapha	A-16-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	306.00
147.	85172143033	Lim Chuan Seng	A-16-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
148.	85172143042	Shaik Iman Bin Lal Bacha	A-16-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,222.00
149.	85172143051	Ang Cheng Keat	A-16-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	T	371.81
150.	85172143069	Teoh Eng Chin	A-16-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
151.	85172143087	Mohamed Yunoos B Abdul Majeed	A-16-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,306.00
152.	85172143096	Mohamed Rafi Bin Mohd Ali	A-16-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,222.00
153.	85172143104	Suzaini Bin Md Salusi	A-16-9 Jalan Sungai		T	653.66
154.	85172143122	Goh Hai Poh	A-16-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	4,622.00
155.	85172143131	Naharudin Bin Yusof	A-16-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,722.00
156.	85172143149	Mydin Kuppay Bin Hamid	A-16-13 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,022.00
157.	85172143158	Vijayaletchimi A/P Suppiah	A-17-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
158.	85172143167	Koay Suan Choo	A-17-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
159.	85172143176	Yeoh Bee Kim	A-17-3 Jalan Sungai		T	2,026.66
160.	85172143185	Zaliza Bt Mahmood	A-17-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
161.	85172143194	Fatimah Bt Mat	A-17-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
162.	85172143202	Jillafadin Bin Hamid	A-17-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	358.00
163.	85172143211	Khor Lay Hua	A-17-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
164.	85172143229	Sashikala A/P Govindasamy	A-17-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
165.	85172143238	Ong Lye Chuan	A-17-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	612.00
166.	85172143247	Nasaruddin Bin Yusoff	A-17-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	810.00
167.	85172143265	Mohd Yusoff Bin Abdul Kader	A-17-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
168.	85172143274	Ch'ng Chooi Suan	A-17-13 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
169.	85172143283	Idrus Bin Mohamed Ismail	A-18-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	6,872.00
170.	85172143292	Basri Bin Osman	A-18-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,422.00

Bil.	No. Akaun	Perihal	No. Unit	Sewa Bulanan	Tindakan	Baki Tunggakan
171.	85172143309	Mohamad Bin Abu Bakar	A-18-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	4,222.00
172.	85172143327	Zainab Bt Noor	A-18-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	612.00
173.	85172143336	Jasmin Bin Mohamed Ismail	A-18-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,322.00
174.	85172143345	Mohd Osman Bin Md Eusoff	A-18-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
175.	85172143354	Tan Pek Hoon	A-18-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
176.	85172143363	Mariam Bt Embee	A-18-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	302.00
177.	85172143372	Lee Theam Poh	A-18-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
178.	85172143407	Asha Bee Bt Omar Enf/1	A-18-13 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	G	102.00
179.	85172143416	Mohamad Isa Bin Ibrahim	A-19-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
180.	85172143425	Jaginnah A/P Osmansa	A-19-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
181.	85172143434	S M Maimunah Bt S M Mastan	A-19-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	408.00
182.	85172143443	Ooi Choon Lye	A-19-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	306.00
183.	85172143452	Islinda Binti Ismail	A-19-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,122.00
184.	85172143461	Tan Theam Gnoh	A-19-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	306.00
185.	85172143479	Leow Siew Choon	A-19-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	204.00
186.	85172143497	Kumarasan A/L Chandaran	A-19-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,122.00
187.	85172143514	Mohd Amjaid Bin Mohd Afzal	A-19-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
	85172143523	Sarabee Bt Mohamed	A-19-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
188.	85172143532	Azhari Bin Ahmad	A-19-13 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	918.00
189.	85172143541	Mak Poh Khuen	A-20-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
190.	85172143559	Mazlan Bin Mohd Zaidi	A-20-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	7,972.00
191.	85172143568	Mohd Abu Salleh Mohd Ali Marakair	A-20-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,222.00
192.	85172143577	Wan Mohamad Aziz B Wan Mohd Tahir	A-20-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	4,122.00
193.	85172143586	Jafri Bin Mat Zain	A-20-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	510.00
194.	85172143595	Cheah Siew Lan	A-20-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
195.	85172143603	Sabariah Bt Shaari	A-20-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	816.00
196.	85172143612	Jamnah Bt Ariffin	A-20-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,622.00
197.	85172143621	Selahar Bee Bt S M Syed	A-20-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
198.	85172143639	Razak Bin K A Sultan	A-20-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
199.	85172143648	Chong Poo Sim	A-20-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
200.	85172143657	Cheah Eng Hock	A-20-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
201.	85172143675	Mohamad Ridzuan Bin Abdullah	A-21-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	510.00
202.	85172143684	Mumtaj Begam Bte Sultan Mohamed	A-21-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,322.00
203.	85172143693	Amurthrletchemi A/P Raman	A-21-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
204.	85172143719	Saad Bin Hassan	A-21-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
205.	85172143728	Md Azahar Bin Md Hassan	A-21-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	510.00
206.	85172143737	Subaitha Bt Yusof	A-21-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	6,622.00
207.	85172143746	Chun Hock Cheng	A-21-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	408.00
208.	85172143764	Zamani Bin Hashim	A-21-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	712.00
209.	85172143773	Gan Chooi Saw	A-21-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
210.	85172143782	Amanullah Bin Rahman	A-21-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	408.00
211.	85172143791	Selvi A/P Muniandy	A-21-13 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,552.00
212.	85172144039	Koay Geok Choo (Bilik 2)	A-3-6 Jalan Sungai	Sewa RM35 + Airletrik RM30	A	279.26
213.	85172144048	Koay Geok Choo (Bilik 3)	A-3-6 Jalan Sungai	Sewa RM30 + Airletrik RM30	A	247.26

Bil.	No. Akaun	Perihal	No. Unit	Sewa Bulanan	Tindakan	Baki Tunggakan
214.	85172144057	Aishah Pavarathi Bt Abdullah (B2)	A-3-7 Jalan Sungai	Sewa RM35 + Airletrik RM30	A	65.66
215.	85172144101	Lee Chooi Mooi (Bilik 3)	A-3-9 Jalan Sungai	Sewa RM30 + Airletrik RM30	L	4,267.26
216.	85172144119	Lim Say Hun (Bilik 2)	A-3-10 Jalan Sungai	Sewa RM35 + Airletrik RM30	A	722.26
217.	85172144128	Lim Say Hun (Bilik 3)	A-3-10 Jalan Sungai	Sewa RM30 + Airletrik RM30	A	667.26
218.	85172144137	Ibramsha Bs Kalander Mastan (B2)	A-3-11 Jalan Sungai	Sewa RM35 + Airletrik RM30	L	1,567.26
219.	85172144146	Ibramsha Bs Kalander Mastan (B3)	A-3-11 Jalan Sungai	Sewa RM30 + Airletrik RM30	L	1,717.26
220.	85172144173	Loh Siew Kee (Bilik 2)	A-3-13 Jalan Sungai	Sewa RM35 + Airletrik RM30	L	2,802.26
221.	85172144182	Loh Siew Kee (Bilik 3)	A-3-13 Jalan Sungai	Sewa RM30 + Airletrik RM30	L	2,587.26
222.	85172145232	Chuah Gik Hoy	A-4-13 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
223.	85172145241	Sabariah Binti Mohamed Ali	A-6-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	510.00
224.	85172145259	Zabaidah Binti Ariffin	A-7-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
225.	85172145286	Zainudin Omar	A-21-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	4,522.00
226.	85172145312	Nurhayati Bte Abdullah	A-16-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,922.00
	85172145321	Abdul Razak Bin Abdullah	A-17-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
227.	85172145339	Mumtaz Begum Bt Mohamad Nagorgani	A-7-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 +Iwk RM2	L	3,722.00
228.	85172145348	Laila Binti Abdullah	A-7-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,522.00
229.	85172145357	Murugiah A/L Saidoo	A-8-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
	85172145366	Mohd Hassan Bin Saad	A-8-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
230.	85172145401	Mohd Zahir B Mohd Ariffin Jut/2	A-4-9 Jalan Sungai	30031103-14032	G	102.00
231.	85172145428	Hassan Aly B Omar Khan	A-7-11 Jalan Sungai		T	1,700.00
232.	85172145437	Zainab Bt Md Ibarhim	A-12-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	150.00
233.	85172145446	Looi Boon Hock	A-14-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	612.00
234.	85172145455	Lim Mee Yong (Bilik 1)	A-3-8 Jalan Sungai (Bilik 1)	Sewa RM35 + Airletrik RM30	L	727.26
235.	85172145464	Roslan B Rashid	A-6-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	1,422.00
236.	85172145473	Ee Ah Hiok	A-10-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	408.00
237.	85172145491	Zainabu Bt Abu Bakar (Bilik 2)	A-3-12 Jalan Sungai (Bilik 2)	Sewa RM35 + Airletrik RM30	A	527.26
238.	85172145526	Hajar Bt Mohd Salleh	A-10-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,922.00
239.	85172145535	Robiah Binti Pandak Mat Arip	A-10-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	816.00
240.	85172145544	Afizah Bt Abdul Ariff	A-20-13 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	918.00
241.	85172145562	Mazmin Bt Ibrahim (Blk 1)	A-3-13 Jalan Sungai Blk 1	Sewa RM35 + Airletrik RM30	L	1,502.26
242.	85172145571	Noorhayati Bt Zainan @ Zainol B2	A-3-13 Jalan Sungai Blk 2	Sewa RM35 + Air Letrik RM30	T	130.00
243.	85172145589	Aishah Bee Bt Pakir Md (Bilik 3)	A-3-13 Jalan Sungai	Sewa RM30 + Airletrik RM30 +	L	1,267.26
244.	85172145606	Valliamah A/P Ramasami	A-7-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	306.00
245.	85172145615	Omar Bin Hj Che Din	A-8-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,822.00
246.	85172145633	Lim Kean Hooi (Bilik 2)	A-3-5 Jalan Sungai	Sewa RM35 + Airletrik RM30	T	241.41
247.	85172145642	Chin Swee Min	A-6-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
248.	85172145651	Firdaus Bin Ahmad	A-11-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	408.00
249.	85172145687	Mohamad Ansari Bin K M Mohamed	Ibrahim	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
250.	85172151008	Mohammad Yuen Bin Abdullah	B-1-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
251.	85172151035	Naseem Binti Abdul Jabbar	B-1-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
252.	85172151044	Pakir Mohamed A/L Mohd Shekathi	B-1-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,022.00

Bil.	No. Akaun	Perihal	No. Unit	Sewa Bulanan	Tindakan	Baki Tunggakan
253.	85172151053	Che Kiah Bt Osman	B-1-6 Jalan Sungai	Ded Alwee B Othman	A	102.00
254.	85172151071	Mohamed Bugarie B Yk Mydin Pillay	B-1-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	G	102.00
255.	85172151098	Ch'ng Ah Sai	B-1-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
256.	85172151115	Loganathan A/L Letchumanan	B-1-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
257.	85172151124	Mariee A/P Thoriaisamy	B-2-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
258.	85172151133	Laila Bt Abdullah	B-2-2 Jalan Sungai		T	167.74
259.	85172151142	Che Su Bt Puteh	B-2-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	306.00
260.	85172151151	Fatimah Bt M Seene Tamby	B-2-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
261.	85172151169	Minah Bt Osman	B-2-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
262.	85172151178	Mahabubi Bt Sheik Lal	B-2-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,022.00
263.	85172151187	Saboo Mohamed A/L Seeni Kadir	B-2-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,022.00
264.	85172151196	Khor Ah Lee	B-2-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
	85172151204	Chew Hai Chuan	B-2-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
265.	85172151222	Mariam Bee Bt Abd Latiff	B-2-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,022.00
266.	85172151231	Mydin Bin Mohamed Mydin	B-2-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	408.00
267.	85172151258	Loh Sui Oi	B-3-2 Jalan Sungai	Sewa RM35 + Airletrik RM30	T	150.38
268.	85172151267	Loong Sow Cheong (Bilik 1)	B-3-3 Jalan Sungai	Sewa RM35 + Airletrik RM30	A	65.66
269.	85172151285	Hamir Khan John B Abdullah (Blk 1)	B-3-5 Jalan Sungai	Sewa RM35 + Airletrik RM30	L	3,067.26
270.	85172151302	Leow Bak Hai (Bilik 1)	B-3-7 Jalan Sungai	Sewa RM35 + Airletrik RM30	A	65.66
271.	85172151311	Asogihan A/L Govindaraju (Blk 1)	B-3-8 Jalan Sungai (Bilik 1)	Sewa RM30 + Airletrik RM30	A	65.66
272.	85172151329	Tang Kum Chee (Bilik 1)	B-3-9 Jalan Sungai	Sewa RM35 + Air Letrik RM30	A	65.66
273.	85172151347	Lim Hsiao Hsi (Bilik 1)	B-3-10 Jalan Sungai	Sewa RM35 Iwk RM0.66	A	35.66
274.	85172151356	Loo Kim Eie (Bilik 2)	B-3-10 Jalan Sungai	Sewa RM35 + Iwk RM0.66	A	35.66
275.	85172151365	Nurbayah Iswanis Bt Ishak Rev/1	B-4-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	G	102.00
276.	85172151383	Rofeah Bt Harun	B-4-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
277.	85172151392	Baritha Begum Bt Kalandar Mastan	B-4-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	918.00
278.	85172151409	Rokiah Bee Binti Mohamed Haniffa	B-4-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	716.00
279.	85172151418	Jumilah Bee Bt Bakar	B-4-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,822.00
280.	85172151445	Sathaiyah A/L K Muniandy	B-4-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,822.00
281.	85172151454	Mohd Haniffa Bin K Sultan	B-4-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	408.00
282.	85172151463	Mohamed Nasir B Abdul Majeed	B-4-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	612.00
283.	85172151472	Mohd Ali Bin Abdullah	B-4-12 Jalan Sungai	30111113221	L	6,772.00
284.	85172151481	Dana Letchumi A/P Suppiah	B-5-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,122.00
285.	85172151507	Isamadi Bin Md Isa	B-5-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	918.00
286.	85172151516	Abdul Jabar B Ibrahim Shah Jpp/3	B-5-4 Jalan Sungai	Ptg Abd Kader A/L Hassan Mohd	G	204.00
287.	85172151525	Valiamah A/P Murugan	B-5-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	714.00
288.	85172151534	O Twany Mydin A/L T M Osman	B-5-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	408.00
289.	85172151543	Nazira Bt Mohamed Sultan	B-5-7 Jalan Sungai	Sewa RM 100 + Iwk RM2	A	510.00
290.	85172151552	Ho Li Li	B-5-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
291.	85172151561	K Bhlicas A/P Kachi Mydin	B-5-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
292.	85172151579	Khader Mydin B Shahul Hameed	B-5-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
293.	85172151588	Lim Ah Gaik	B-5-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
294.	85172151597	Aminah Bee Binti Kadir Shah	B-5-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,822.00

Bil.	No. Akaun	Perihal	No. Unit	Sewa Bulanan	Tindakan	Baki Tunggakan
295.	85172151605	Wan Chik Bt Gulam	B-6-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
296.	85172151614	Minah Binti Yusoff	B-6-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
297.	85172151632	Fatimah Bt Sikandar	B-6-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	306.00
298.	85172151641	Balakrishnan A/L Ayakanoo	B-6-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,922.00
299.	85172151677	Heng Yew Lan	B-6-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	510.00
300.	85172151686	Yong Moh Nooi	B-6-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	510.00
301.	85172151695	Subramaniam A/L Ardirajah	B-6-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
302.	85172151712	Abu Hasan Bin Abdul Majid	B-6-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,022.00
303.	85172151721	Zulkarnain Bin Idrus	B-7-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	408.00
304.	85172151739	Fathimah Beevi Bte Shaik Mydin	B-7-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 Iwk RM2	A	102.00
305.	85172151748	Muhamaad Anuar Bin Ismail	B-7-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,012.00
306.	85172151757	Fatimah Bt Osman	B-7-4 Jalan Sungai		T	287.00
307.	85172151766	Teoh Lee An	B-7-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
308.	85172151784	Aminah Bt Abdul Wahab	B-7-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
309.	85172151801	Faridah Bt Hasan Hussain	B-7-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	198.00
310.	85172151819	Raimah Bee Bt Abdullah	B-7-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,322.00
311.	85172151828	Poovaneswari A/P Somo	B-7-11 Jalan Sungai		T	1,790.32
312.	85172151837	Ramlan Bin Yate	B-7-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	4,222.00
313.	85172151846	Halimah Ton Sadiah Bt Nagore	B-8-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,622.00
314.	85172151855	Fadzil Bin Abdullah Midine	B-8-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
315.	85172151864	Eok Kiet Mooi	B-8-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
316.	85172151873	Hussain Bin Jabar	B-8-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	5,622.00
317.	85172151882	Kang Paik Lan	B-8-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
318.	85172151891	Lim Guat Kim	B-8-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	612.00
319.	85172151908	Loh Keok Poh	B-8-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	612.00
320.	85172151926	Rusita Bt Bakar	B-8-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,772.00
321.	85172151935	Wan Rosli Bin Zain	B-8-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	5,422.00
322.	85172151944	Abdul Rani Bin Darus	B-8-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	612.00
323.	85172151962	Sa'adiah Bt Hamid	B-9-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
324.	85172151971	Robak Ahye Bt Sharif	B-9-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
325.	85172151989	Maimunah Bt Mohamed	B-9-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	4,222.00
326.	85172151998	Noorrizan Bt Yaubin	B-9-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,122.00
327.	85172152005	Jamaludin Bin Rashid	B-9-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
328.	85172152014	Ooi Teong Wah	B-9-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
329.	85172152023	Salbiah Bt Ariffin	B-9-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	408.00
330.	85172152032	Abdullah Bin Mohd Ariff	B-9-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,620.00
331.	85172152041	Saleha Bt Md Isa	B-9-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	922.00
332.	85172152059	Yahaya Bin Hamid	B-9-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	822.00
333.	85172152068	Lim Ah Seong	B-9-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
334.	85172152077	Zahari Bin Ramly	B-9-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
335.	85172152095	Mohamad Hashim Bin Abas	B-10-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,022.00
336.	85172152103	Rosland Bin Mohamed Hashim	B-10-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,322.00
337.	85172152112	Mohamed Mydin Bin Abdul Majed	B-10-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	4,322.00
338.	85172152121	Che Syah Bt Osman	B-10-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
339.	85172152139	Wong Kam Lin	B-10-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00

Bil.	No. Akaun	Perihal	No. Unit	Sewa Bulanan	Tindakan	Baki Tunggakan
340.	85172152148	Che Som Bt Salleh	B-10-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
341.	85172152157	Abdul Shukur Bin Yusoff	B-10-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
342.	85172152166	Zainul Arabu Bt Ibramsha	B-10-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
343.	85172152175	Noorini Bt Mat Daham	B-10-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,622.00
344.	85172152184	Fauziah Bt Ahmad	B-10-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
345.	85172152193	Azmi Bin Shariff	B-10-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,722.00
346.	85172152219	Mohammad Rashid B Noor Mohamed	B-11-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,022.00
347.	85172152228	Rahimah Bee Bt Mohd Abdul Rahim	B-11-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	616.00
348.	85172152246	Hoe Saw Wah	B-11-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
349.	85172152255	Fahrulrazi Bin Halmi	B-11-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	5,422.00
350.	85172152264	Tan Hooi Koon	B-11-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
351.	85172152273	Sundararajoo A/L Vadiavaloo	B-11-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
352.	85172152282	Abdul Kah Bin Abdul Kadir	B-11-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,222.00
353.	85172152291	Noriah Bt Sharif	B-11-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
354.	85172152308	Shawaludin Bin Janan	B-11-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	714.00
355.	85172152317	Noorjan Bt Abdullah	B-11-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
356.	85172152326	Siti Hajar Bt Yahaya	B-11-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,922.00
357.	85172152335	Mohd Ali Bin Mohd Yacob	B-12-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
358.	85172152344	Jannath Bibi Bt Pitchey	B-12-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,722.00
359.	85172152353	Mohamed Azri Bin Tajudin	B-12-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
360.	85172152362	Fatimah Bt Yusoff	B-12-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
361.	85172152371	Loo Phaik Suan	B-12-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
362.	85172152389	Aminudin Bin Abdul Shukor	B-12-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
363.	85172152398	ValaRMathi A/P Muniandi	B-12-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	716.00
364.	85172152415	Rosmin Bin Mohamed Dai	B-12-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	612.00
365.	85172152424	Abdul Razak Bin Morad	B-12-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	6,222.00
366.	85172152433	Muhamad Ismail Bin Abu Bakar	B-13-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	1,322.00
367.	85172152442	Mohd Noor Bin Mat Isa	B-13-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,122.00
368.	85172152469	Abdul Rashid Bin Mohamed	B-13-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
369.	85172152478	Heng Chai Hwa	B-13-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
370.	85172152487	Zarina Bt Shaik Ismail	B-13-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,722.00
371.	85172152496	Ghazali Bin Mohamed Hashim	B-13-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	4,222.00
372.	85172152504	Sim Poh Tin	B-13-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,022.00
373.	85172152513	Lee Sio Lay	B-13-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
374.	85172152531	Azmi Bin Othman	B-13-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,922.00
375.	85172152549	Jayasukan A/L Pandurangan	B-13-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,522.00
376.	85172152558	Mohd Rafi Bin Mohd Nasurruddin	B-14-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	306.00
377.	85172152567	Teong Ah Pin	B-14-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,122.00
378.	85172152585	Abdul Rahman Bin Rejab	B-14-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	510.00
379.	85172152594	M Theresa A/P M Maria	B-14-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
380.	85172152602	Md Ibrahim Bin Vappithamby	B-14-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	306.00
381.	85172152629	Othuman Mydin B Mohd Yousoff	B-14-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
382.	85172152638	Teoh Eng Eng	B-14-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
383.	85172152656	Sakilah Bt Abu Bakar	B-14-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	714.00

Bil.	No. Akaun	Perihal	No. Unit	Sewa Bulanan	Tindakan	Baki Tunggakan
384.	85172152665	Yong Lee Yoon	B-14-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
385.	85172152674	Khor Chee Chye	B-15-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
386.	85172152683	Ong Siew Hua	B-15-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
387.	85172152692	Kassim Bee Bt Shaik Dawood Dsl	B-15-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	306.00
388.	85172152709	Azuwar Bin Amanshah	B-15-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,122.00
389.	85172152718	Yeoh Goay Hong	B-15-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
390.	85172152727	Ahmad TaRMizi Bin Abdul Malik	B-15-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,122.00
391.	85172152745	Fauziah Bt Wan	B-15-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,522.00
392.	85172152754	Mohd Azmi B Mohd Ariff	B-15-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	6,922.00
393.	85172152763	Veagulam A/L Iyer	B-15-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,672.00
394.	85172152772	Lim Seok Hwa	B-15-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
395.	85172152781	Syed Abd Kader S Syed Ozeer Sek/1	B-15-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	G	102.00
396.	85172152807	Fatimah Bt Abu Bakar	B-16-2 Jalan Sungai		T	275.86
397.	85172152816	Abdul Razak Hj Long	B-16-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,622.00
398.	85172152834	Jelaha Bee Bt Abdul Rahman	B-16-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	406.00
399.	85172152843	NoRMah Bt Awang	B-16-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	4,220.00
400.	85172152852	Cheah Seng Huat	B-16-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
401.	85172152861	Mohd Khairi Bin Durani	B-16-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,622.00
402.	85172152879	Mohamed Shah Bin Mohd Ali	B-16-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	4,322.00
403.	85172152888	Mohd Noordin Bin Bakar	B-16-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,572.00
404.	85172152897	Faraliana Bt Abdul Hamid	B-16-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	6,222.00
405.	85172152905	Siti Azura Bt Razali	B-16-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	6,522.00
406.	85172152923	Eng Soik Lan	B-17-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
407.	85172152932	Chelvanathan A/L P Kolandaisamy	B-17-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,172.00
408.	85172152968	Siti Zabidah Bt Che Rus	B-17-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	4,422.00
409.	85172152977	Fazilah Bt Koyapa	B-17-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
410.	85172152986	Kum Koh Wah	B-17-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
411.	85172152995	Osman Bin Nayan	B-17-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
412.	85172153002	Ahmad Zaini B Mat Sab	B-17-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
413.	85172153011	Abdul Rahim Bin Jainul Abidin	B-17-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
414.	85172153029	Parameswary A/P Anamalay	B-17-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	972.00
415.	85172153038	Abdul Rahim Bin Pawanchik	B-18-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
416.	85172153047	Nagalingam A/L Krishnan	B-18-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	766.00
417.	85172153056	Aminah Bt Hashim	B-18-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,822.00
418.	85172153074	Mohamed Shiraj B Abdul Majeed	B-18-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
419.	85172153083	Ahmat Makbol Bin Ariffin	B-18-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	682.00
420.	85172153092	Rokiah Bee Bt Abu Bakar	B-18-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	5,322.00
421.	85172153109	Thaivanai A/P Kalimuthu	B-18-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,122.00
422.	85172153118	Wan Halifah Bt Wan Ismail	B-18-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	816.00
423.	85172153127	Lee Chin Lye	B-18-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
424.	85172153136	Fadhil Bin Ishaugh	B-18-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	408.00
425.	85172153145	Lee Beng Lim	B-18-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
426.	85172153163	Abdul Hamid B Abdul Latif	B-19-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,722.00

Bil.	No. Akaun	Perihal	No. Unit	Sewa Bulanan	Tindakan	Baki Tunggakan
427.	85172153172	Lim Hoay Eam	B-19-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
428.	85172153199	Subuhani Bt Ibrahim	B-19-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
429.	85172153207	Matheve A/P P Vaiyapuri	B-19-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
430.	85172153216	Merathe Mydin Latiff	B-19-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	1,020.00
431.	85172153225	Osman Mydin Bin Mohamed	B-19-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,122.00
432.	85172153234	Chi Hock Chuan	B-19-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
433.	85172153243	Abdul Kadir Bin Abdul Hamid	B-19-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	4,422.00
434.	85172153252	Jamaluddin Bin Desa	B-19-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	4,322.00
435.	85172153261	Mohamed Daud B Hamid	B-19-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
436.	85172153279	Rahmah Bt Darus	B-20-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
437.	85172153288	Habsah Binti Noordin	B-20-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	1,122.00
438.	85172153297	Ong Bee Lan	B-20-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	4,922.00
439.	85172153305	Md Harun Bin Hassan	B-20-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
440.	85172153314	Kuan Chee Weng	B-20-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
441.	85172153332	Ramli Bin Abdul Majid	B-20-7 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	3,222.00
442.	85172153341	Lim Khim Seng	B-20-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
443.	85172153359	Gopal Krishna A/L Nadarajan	B-20-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	204.00
444.	85172153368	Zulkifli B Abdul Aziz	B-20-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	4,022.00
445.	85172153377	Jayakrishnan A/L Kandasamy	B-20-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	4,070.00
446.	85172153386	Sofiah Bt Ahmad	B-20-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	672.00
447.	85172153395	Gunasundari A/P Annamalai	B-21-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	508.00
448.	85172153403	Che Halijah Bt Osman	B-21-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,020.00
449.	85172153412	Khor Yeap Aun	B-21-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
450.	85172153421	Mani A/L Ayavoo	B-21-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
451.	85172153439	Roslan Bin Aziz	B-21-5 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	408.00
452.	85172153448	Md Mirasha B Md Rawther Shaikathi	B-21-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	5,822.00
453.	85172153466	Saiful Suresh Bin Saiful Azmi	B-21-8 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	6,922.00
454.	85172153475	Zalilah Bt Darus	B-21-9 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	7,222.00
455.	85172153484	Kalsom Bt Shariff	B-21-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
456.	85172153501	Zaleha Bt Ismail	B-21-12 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
457.	85172153635	Regina A/P T Adaikalasamy (B 2)	B-3-1 Jalan Sungai	Sewa RM35 + Airletrik RM30	L	1,379.26
458.	85172153644	Regina A/P T Adaikalasamy (B 3)	B-3-1 Jalan Sungai	Sewa RM30 + Airletrik RM30	A	1,087.26
459.	85172153662	Chiow Koon Yeng @ (Bilik 3)	Chiu Choon Pee	Sewa RM30 + Airletrik RM30 +	A	7.26
460.	85172153698	Lee Kok Cheong @ Lee Kok Seong	B-3-4 Jalan Sungai (Bilik 2)	Sewa RM35 + Air & Letrik RM30	T	228.00
461.	85172153715	Samoon A/L Hamid (Bilik 2)	B-3-5 Jalan Sungai	Sewa RM35 + Airletrik RM30	A	459.62
462.	85172153724	Samoon A/L Hamid (Bilik 3)	B-3-5 Jalan Sungai	Sewa RM30 + Airletrik RM30	A	424.62
463.	85172153751	Leow Bak Hai (Bilik 2)	B-3-7 Jalan Sungai	Sewa RM35 + Airletrik RM30	A	65.66
464.	85172153769	Lee Siew2 Ngoh (Bilik 3)	B-3-7 Jalan Sungai (Bilik 3)	Sewa RM30 + Airletrik RM30	A	60.66
465.	85172153778	Veagulam A/L Manikam (Bilik 2)	B-3-8 Jalan Sungai	Sewa RM35 + Airletrik RM30	L	2,887.26
466.	85172153787	Veagulam A/L Manikam (Bilik 3)	B-3-8 Jalan Sungai	Sewa RM30 + Airletrik RM30	L	3,287.26
467.	85172153796	Loo Kim Eie (Bilik 3)	B-3-10 Jalan Sungai	Sewa RM30 + Iwk RM0.66	A	30.66
468.	85172153894	Noorjan Bt Abdul Majid	B-14-3 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,622.00

Bil.	No. Akaun	Perihal	No. Unit	Sewa Bulanan	Tindakan	Baki Tunggakan
469.	85172153902	Yeap Poh Lee (Bilik 3)	B-3-3 Jalan Sungai	Sewa RM30 + Air & Letrik RM30	T	325.87
470.	85172153911	Siti Mariam Binti Khamis	B-7-4 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	5,022.00
471.	85172153938	Pejabat Setiausaha Kerajaan	Bhg Perumahan & Ker Tempatan	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	612.00
472.	85172153947	Fatimah Vasandi Bt Abdullah	B-7-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,222.00
473.	85172153956	Zarina Bt Sultan	B-13-10 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	1,622.00
474.	85172153965	Noordin B Othman	B-2-2 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
475.	85172153992	Beh Kim Eam	B-3-11 Jalan Sungai (Bilik 2)	Sewa RM35 + Airletrik RM30	L	1,762.26
476.	85172154008	Shaiful Sham B Salleh	B-17-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,622.00
477.	85172154026	Linda Rozana Bt Handan	B-1-11 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	L	2,192.00
478.	85172154035	Tan Chong Lam (Bilik 3)	B-3-4 Jalan Sungai (Bilik 3)	Sewa RM30 + Air & Letrik RM30	T	178.00
479.	85172154053	Kung Say Leong (Bilik 2)	B-3-3 Jalan Sungai (Bilik 2)	Sewa RM35 + Airletrik RM30	L	917.26
480.	85172154089	Koay Teng Hooi (Bilik 2)	B-3-4 Jalan Sungai Bilik 2	Sewa RM35 + Airletrik RM30	A	65.66
481.	85172154098	Salmah Sellamah Bt Abdullah	B-10-1 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	102.00
482.	85172154124	Lee Saw Gaik (Bilik 3)	B-3-9 Jalan Sungai	Sewa RM30 + Airletrik RM30	T	274.45
483.	85172154133	Mohd Hussain Bin Mohamed Hashim	B-6-6 Jalan Sungai	Sewa RM100 + Iwk RM2	A	714.00
484.	85172154142	Oon Hai Yean (Bilik 2)	B-3-9 Jalan Sungai (Bilik 2)	Sewa RM35 + Airletrik RM30	C	131.32
					Jumlah	**587,919.11**

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Sila nyatakan jumlah rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang dibina dan akan dibina oleh Jelutong Development Sdn. Bhd. di kawasan sepanjang JEWay.

    (a) Sila senaraikan jumlah rumah yang telah dikhaskan untuk kes pampasan dan juga untuk jualan awam.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Jumlah bilangan Rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah yang dibina dan akan dibina oleh Jelutong Development Sdn. Bhd di kawasan sepanjang JE Way:

    (i) Rumah Kos Rendah yang telah dibina adalah 1104 unit

    (ii) Rumah Kos Sederhana Rendah yang telah dibina adalah 978 unit

    (iii) Rumah Kos Rendah yang akan dibina adalah 60 unit

    (iv) Rumah Kos Sederhana Rendah yang akan dibina adalah 2048 unit

        (a) Jumlah Rumah yang telah dikhaskan untuk

            (i) Kes Pampasan

- Rumah Kos Rendah 285 unit telah diberi kepada penduduk sebagai bayaran pampasan

(ii) Bilangan Rumah untuk Jualan Awam

- Rumah Kos Rendah 204 unit telah habis ditawarkan untuk jualan awam
- Rumah Kos Sederhana Rendah 978 unit (sebanyak 749 unit telah habis ditawarkan untuk jualan awam)

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Apakah perkembangan terkini terhadap pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang?

(b) Sila berikan maklumat terperinci dan juga jumlah kos pampasan yang akan diberi kepada nelayan dan penternak kerang yang terjejas.

(c) Adakah kerajaan negeri menghadapi sebarang masalah baru dalam proses pembinaan jambatan kedua ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kerja-kerja pembinaan Jambatan Kedua telah dimulakan pada 8 November 2008 dan dijangka siap pada 7 Mei 2012. Kontraktornya untuk bahagian *sub-structure* adalah China Harbour Engineering Company (CHEC) yang diberi surat tawaran pada 20 Oktober tahun 2008. Kemajuan kerja sehingga 7 April 2009 ialah 10% kerja pembinaan di bahagian laut yang menghubungkan Batu Maung di sebelah pulau dan Batu Kawan di tanah besar telah siap. Manakala pembinaan Lebuh raya yang menghubung JPPKe-2 dengan Lebuh raya PLUS dijangka bermula pada bulan Jun 2009 dan dijangka siap pada bulan Mei 2012. Kerja-kerja pengambilan balik tanah sedang dijalankan.

Pada ketika ini, UEM masih berbincang dengan pihak Jambatan Kedua Sdn. Bhd. bagi memuktamadkan kontrak bagi Package 2 :

Superstructure of the Approach Span termasuk skop-skop kerja.

(a) Berikut adalah senarai lima (5) penternak kerang di Batu Kawan yang terjejas dengan laluan JPPKe-2. Kelima-lima penternak kerang ini telah diberi bayaran pampasan pada 27 Mac 2009 seperti berikut:-

(i)	Nama	:	Tan Teik Mea
	Alamat	:	No. 793, Jalan Besar, Jawi Garden
	No. IC	:	670425-07-5503
	Keluasan	:	20ekar
	Jumlah pampasan	:	RM165,760.00
(ii)	Nama	:	Tan Tek Peng
	Alamat	:	No.1663, Sungai Udang, Nibong Tebal
	No. IC	:	681003-07-5785
	Keluasan	:	90ekar
	Jumlah pampasan	:	RM745,920.00
(iii)	Nama	:	Goh Cheng Liang
	Alamat	:	No. 1015, Bagan Bkt Tambun, Simpang Empat
	No. IC	:	540804-07-5217
	Keluasan	:	30ekar
	Jumlah pampasan	:	RM248,640.00

(iv)	Nama	:	Ooi Beng Ghee
	Alamat	:	No. 1302, Bagan Bkt Tambun, Simpang Empat
	No. IC	:	470507-07-5359
	Keluasan	:	50ekar
	Jumlah pampasan	:	RM414,400.00
(v)	Nama	:	Heng Taik Hin
	Alamat	:	No. 1093, Bagan Bkt Tambun, Simpang Empat
	No. IC	:	601205-07-5027
	Keluasan	:	60ekar
	Jumlah pampasan	:	RM497,280.00
	TOTAL 250 ekar		**RM2,072,000.00**

(b) Tidak. Sehingga kini, kerajaan negeri tidak menghadapi masalah berhubung pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang. Kerajaan negeri sentiasa berusaha untuk memastikan pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang berjalan lancar dan dapat disiapkan dalam tempoh yang dirancang. Kerjasama yang erat sentiasa terjalin antara kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan dan Pemaju.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Berkenaan dengan Projek Majestic Height Fasa (2)A, B dan (3)A yang telah lama terbengkalai, sila nyatakan sama ada terdapat pemaju lain yang berminat untuk menyambung semula projek tersebut ataupun sebaliknya.

(b) Jika ya, nyatakan bila projek ini akan dimulakan semula.

(c) Jika tidak, apakah langkah selanjut dari kerajaan negeri kita?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Projek Majestic Height Fasa 2(A), 2(B) dan 3(A)kini sedang dalam proses untuk pengambilalihan oleh pemaju Lone Pine Sdn. Bhd. dari penlikuidasi Deloitte Kassim & Chan. Satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Y.B. Exco Perumahan telah diadakan pada 24 Mac 2009 dan dihadiri oleh wakil Bahagian Perumahan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Deloitte Kassim & Chan, Lone Pine Sdn. Bhd. dan beberapa pembeli bagi membincangkan pelan pengambilalihan tersebut. Pengambilalihan ini memerlukan kelulusan dari pembeli-pembeli projek tersebut. Pihak pemaju Lone Pine Sdn. Bhd. telah membentangkan cadangan tersebut dalam mesyuarat berkenaan. Sehingga kini, pembeli-pembeli belum memaklumkan persetujuan tentang pengambilalihan tersebut.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Sila nyatakan jumlah pekerja kilang yang telah diberhentikan kerja dari Mac 2008 hingga kini?

(b) Sila senaraikan nama kilang yang memberhentikan pekerja mengikut sektor industri.

(c) Apakah langkah dan usaha baru kerajaan dalam mengawal dan memulihkan semula sektor pekerjaan di negeri ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Mengikut perangkaan Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang, jumlah pekerja kilang yang telah diberhentikan kerja dari Mac 2008 hingga Mac 2009 ialah seramai 4,817 orang.

(b) Senarai nama kilang yang memberhentikan pekerja adalah seperti di Lampiran. Pecahan mengikut sektor industri tidak diperolehi daripada Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang.

(c) Dalam mengawal dan memulihkan semula sektor pekerjaan yang terjejas akibat dari kemelesetan ekonomi, kerajaan negeri telah mengambil beberapa langkah pro-aktif untuk mengurangkan kesan pengangguran yang akan berlaku dan meringankan beban ekonomi Negeri Pulau Pinang iaitu:-

(i) Kerajaan negeri telah meluluskan dana berjumlah RM10 juta semasa pembentangan Bajet 2009 pada Persidangan Dewan Undangan Negeri yang lalu bagi mengurangkan kesan krisis ekonomi.

(ii) Kerajaan negeri juga akan menyediakan penempatan pekerjaan sementara serta latihan dan peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur.

(iii) Kerajaan negeri juga telah mengumumkan penubuhan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang (*Penang Career Assistance and Training Centre [CAT]*) yang telah dirasmikan oleh Y.A.B Ketua Menteri pada 4 Mac 2009. Pusat *CAT* ini bertanggungjawab untuk menghubungkan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari pekerjaan dengan peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan pusat *CAT,* mengenal pasti program latihan yang bersesuaian dan bekerjasama dengan ahli-ahli pusat *CAT* untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan.

Sehingga 24 Mac 2009, seramai 851 orang telah berdaftar dengan pusat *CAT*. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 2,683 kekosongan jawatan turut didaftarkan dengan pusat ini. Kebanyakan jawatan-jawatan kosong ini adalah untuk sektor perkilangan. Lanjutan dari itu, seramai 471 pendaftar yang berkelayakan telah dihubungkan ke syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka.

(d) Selain itu, kerajaan negeri juga telah mengambil langkah-langkah berikut bagi mengatasi kesan kemelesetan ekonomi:-

(i) Fleksibiliti dalam skim pembayaran bagi tanah perindustrian Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi membantu pekerja industri untuk memulakan serta membantu dalam pemasaran dan operasi perniagaan mereka.

(ii) Menawarkan Program Bimbingan Enterprise Kecil Sederhana (EKS). Program ini disokong oleh SMIDEC dan dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC). Program ini memberi bimbingan dan pementoran perniagaan kepada mereka yang ingin memulakan syarikat Enterprise Kecil Sederhana (EKS) di samping meningkatkan daya saing syarikat-syarikat EKS ini.

(iii) Menawarkan Program Intervensi EKS di mana kemahiran teknologi maklumat, penekanan kepada budaya berdaya kualiti dan pengurusan perniagaan yang berkesan diberi fokus di bawah program ini untuk memperkembangkan EKS tempatan.

(iv) Menubuhkan Pusat Latihan dan Reka Bentuk Barangan Kemas untuk meningkatkan kualiti pembuatan barangan kemas bagi mereka yang berminat melalui infrastruktur perisian.

(v) Mengadakan seminar dan dialog kepada Enterprise Kecil Sederhana (EKS) yang memberi fokus kepada strategi dan langkah-langkah untuk maju dalam perniagaan.

(vi) Mengadakan dialog antara institusi-institusi kewangan, badan-badan kerajaan dan Enterprise Kecil Sederhana (EKS) untuk membuka jalan perundingan bagi mereka yang memerlukan bantuan kewangan dan modal perniagaan.

LAMPIRAN

SENARAI KILANG YANG MEMBERHENTIKAN PEKERJA PADA TAHUN 2008 DAN 2009.

TAHUN 2008

BIL	NAMA MAJIKAN	DAERAH
1	URC Snack Goods (M) Sdn Bhd, Mak Mandin	Seberang Perai Utara
2	Maica Maminates Sdn Bhd, Mak Mandin	Seberang Perai Utara
3	Paradigma Eng Sdn Bhd, Kepala Batas	Seberang Perai Utara
4	SEC Techno Sdn Bhd, Butterworth	Seberang Perai Utara
5	Sadasanwa Engineering (M) Sdn Bhd, Butterworth	Seberang Perai Utara
6	Goh Electrical Appliances Sdn Bhd, Sg. Bakap	Seberang Perai Selatan
7	Taigene Metal (M) Sdn Bhd, Sungai Bakap	Seberang Perai Selatan
8	ZDGP Technology Sdn Bhd , Prai	Seberang Perai Tengah
9	ZD Tech Corporation Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
10	Danisco (M) Sdn Bhd , Prai	Seberang Perai Tengah

BIL	NAMA MAJIKAN	DAERAH
11	Sanled Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
12	Solectron Technology Sdn Bhd, Bukit Minyak	Seberang Perai Tengah
13	BCL Packaging Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
14	E-Green Technology Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
15	Tai Ohm Electronics (M) Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
16	May Farbentech (M) Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
17	Nikko Electronics Bhd , Prai	Seberang Perai Tengah
18	MBM Global Sdn Bhd, Bukit Minyak	Seberang Perai Tengah
19	Centurion Wireless Components, Prai	Seberang Perai Tengah
20	Seapack Food Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
21	Sunrock Steel Centre (M) Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
22	Kah Hong Trading Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
23	Kah Hong Plastic Industries Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
24	Taiyo Technology (M) Sdn Bhd, Bukit Minyak	Seberang Perai Tengah
25	SMPC dexon Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
26	Trim Technologies (M) Sdn Bhd, Seberang Jaya	Seberang Perai Tengah

27	Taigene Metal (M) Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
28	Mattel (M) Sdn Bhd, prai	Seberang Perai Tengah
29	Konzen Eng Prod. Sdn Bhd, Bukit Mertajam	Seberang Perai Tengah
30	Motorola Technology Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
31	ASE Electronics Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
32	Permanis Sandilands Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
33	Applied material Sea Pte. Ltd, Bayan Lepas	Barat Daya
34	Renesas Semiconductor (M) Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
35	Robert Bosch (M) Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
36	AEM Microtronics (M) Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
37	Jabil Circuit Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
38	Lednium Sdn Bhd , Bayan Lepas	Barat Daya
39	Yikon Jewellery Industry Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
40	Avago Technologies, Bayan Lepas	Barat Daya
41	IQ group Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
42	WD Media (M) Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
43	Motorola Technology Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
44	Advanced Micro Devices Export Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
45	Sincere Apparel Mfg. Co. Sdn Bhd, Patani Road	Timur laut

BIL	NAMA MAJIKAN	DAERAH
46	Benchmark Electronics (M) Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
47	Hitega Technologies Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
48	OE Design Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
49	RC Precision Engineering Sdn Bhd, Damar Laut	Barat Daya
50	AP-Techpro Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
51	Pentamaster Engineering (M) Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
52	Excel Technology Asia Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya

TAHUN 2009

BIL	NAMA MAJIKAN	DAERAH
1	Nta Machining (M) Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
2	Canon Electronics (M) Sdn Bhd , Prai	Seberang Perai Tengah
3	Molex (M) Sdn Bhd , Prai	Seberang Perai Tengah
4	Sortisu Technology (M) Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
5	Ccb Metal Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
6	Amphenol Tcs (M) Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
7	Fairon Aluminium Sdn Bhd, Bukit Minyak	Seberang Perai Tengah
8	Selekta Inovatif (M) Sdn Bhd, Juru	Seberang Perai Tengah
9	Mainteq Sdn Bhd, Seberang Jaya	Seberang Perai Tengah
10	Trim Technologies (M) Sdn Bhd, Seberang Jaya	Seberang Perai Tengah
11	Ultimate Manufacturing Solutions , Juru	Seberang Perai Tengah
12	Laird Technologies (M) Sdn Bhd, Prai	Seberang Perai Tengah
13	Ip Softcom (M) Sdn Bhd , Bayan Lepas	Barat Daya
14	Rc Precision Engineering Sdn Bhd, Damar Laut	Barat Daya
15	Brady Technology Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
16	Bend Weld Engineering Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya

17	Philips Lumileds Lighting Company Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
18	Oe Design Sdn Bhd, Bayan Baru	Barat Daya
19	Fairchild Semiconductor (M) Sdn Bhd, Bayan Baru	Barat Daya
20	Avago Technologies (M) Sdn Bhd, Bayan Baru	Barat Daya
21	Lis Tec Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
22	Fastron Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
23	Penang Seagate Industries , Bayan Lepas	Barat Daya
24	TPC (M) Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
25	Sumitomo Metal (Sm) Electronics , Bayan Lepas	Barat Daya
26	Venture Electronics (M) Sdn Bhd, Bayan Lepas	Barat Daya
27	Trumeter (M) Sdn Bhd, Nibong Tebal	Seberang Perai Selatan
28	Taigene Metal (M) Sdn, Bhd , Sg. Bakap	Seberang Perai Selatan

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Empat (4) unit rumah kos rendah diberi satu (1) lot pakir kereta manakala bagi rumah kos sederhana rendah dengan tiga (3) lot pakir.

(a) Adakah kerajaan berhasrat untuk menilai semula sistem lama ini yang sememangnya tidak lagi praktikal dan bersesuaian dengan masa ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Kerajaan Negeri sememangnya sedar dengan masalah tempat letak kereta yang di hadapi oleh penduduk rumah kos rendah dan kos sederhana rendah namun Kerajaan Negeri belum berhasrat untuk menilai semula kepada sistem ini. Ini kerana mengikut garis panduan yang sedia ada, telah disyaratkan bahawa bagi setiap 4 unit rumah kos rendah, 1 tempat letak kereta mesti disediakan dan bagi setiap 5 unit rumah kos sederhana rendah, 3 tempat letak kereta disediakan. Sekiranya pemaju disyaratkan membina setiap rumah dengan kemudahan letak kereta, harga rumah kos rendah atau sederhana rendah pasti akan meningkat. Apatah lagi sekiranya pemaju membina tempat letak kereta berbilang tingkat ianya akan melibatkan kos yang sangat tinggi.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Baru-baru ini Y.A.B. Ketua Menteri kita telah mengumumkan pelan untuk membina sebuah Taman Harimau di negeri ini.

(a) Sila beri maklumat lanjut mengenai Taman Harimau ini.

(b) Adakah kerajaan berhasrat untuk mengadakan satu sesi forum awam untuk memperolehi maklum balas dari rakyat mengenai keberkesanan projek ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Taman Harimau atau *Tiger Park* adalah hasil daripada buah fikiran Y.A.B. Ketua Menteri untuk menjadikannya sebagai salah satu produk pelancongan negeri ini.

(a) Sehingga kini, penubuhan Taman Harimau yang dicadangkan penubuhannya di Relau masih di peringkat perbincangan. Perkara ini perlu diteliti secara profesional agar penubuhannya memberi impak positif dan tidak menjejaskan sebarang ekosistem ataupun keselamatan mana-mana pihak.

(b) Kerajaan negeri juga tidak mempunyai sebarang hasrat untuk mengadakan sesi forum awam mengenai isu ini buat masa ini. Namun, kepentingan awam mengenai perkara ini akan dipertimbangkan dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Dalam ucapan Bajet 2009, YAB. Ketua Menteri telah menyentuh mengenai program Satu Keluarga Satu Rumah. Apakah perkembangan terkini dan usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan untuk merealisasikan program ini?

(b) Dalam tempoh bilakah matlamat ini dapat dicapai?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Dasar Perumahan Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran setiap keluarga di Negeri Pulau Pinang memiliki rumah sendiri berdasarkan konsep "Satu Keluarga Satu Rumah" sama ada melalui sewaan atau pembelian. Dengan adanya sasaran tersebut, kerajaan negeri tidak akan mengabaikan golongan yang berpendapatan rendah dan golongan yang tidak berkemampuan untuk memiliki rumah. Kerajaan negeri akan meneruskan usaha-usaha dari pelbagai pihak ke arah menggalakkan pembinaan rumah mampu milik untuk rakyat miskin dan golongan berpendapatan rendah.

Antara kaedah-kaedah tersebut adalah dengan mewujudkan dana perumahan untuk digunakan bagi pembelian atau pembangunan rumah, membangunkan semula dan menggantikan kawasan setinggan dan kawasan perumahan yang lama dan usang dengan perumahan yang lebih kondusif dan selesa dengan menyediakan insentif untuk pembinaan rumah mampu milik oleh pihak swasta.

Berasaskan konsep ini, kerajaan negeri menetapkan bahawa dalam setiap pemajuan, pemaju perlu menyediakan 30 peratus rumah kos rendah/sederhana rendah bagi saiz pemajuan mengikut kawasan pembangunan.

Selain daripada dasar pembinaan 30 peratus rumah kos rendah, pemaju juga diberi pilihan melaksanakan 40 hingga 60 peratus rumah kos sederhana rendah menggantikan 30 peratus rumah kos rendah bagi Daerah Timur Laut dengan harga melebihi RM42,000.00 hingga RM80,000.00.

Dasar penyediaan perumahan bercampur bagi rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah iaitu dasar 20:20 bagi daerah-daerah selain Daerah Timur Laut.

Kerajaan negeri juga dalam proses menentukan kaedah pengenaan wang sumbangan kepada pemaju yang membina 5 unit hingga 99/149 unit mengikut kawasan pembangunan sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Rancangan Struktur Negeri (RSN). Dengan sumbangan tersebut diharap lebih banyak rumah mampu milik dapat dibina oleh kerajaan negeri tanpa bergantung kepada sektor swasta semata-mata. Walau bagaimanapun, kaedah tersebut masih dalam perbincangan untuk menentukan formula yang sesuai untuk digunapakai.

(b) Memandangkan kadar pertumbuhan penduduk yang berubah di Pulau Pinang, sasaran tersebut perlu dilihat dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan memperketatkan dasar-dasar yang telah dibentuk bagi menjamin matlamat tersebut dapat dicapai. Ini kerana pertumbuhan penduduk tersebut perlu diselaraskan dengan penawaran rumah mampu milik dan rumah selain kos rendah dan kos sederhana rendah.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Dalam usaha untuk memajukan lagi sektor pelancongan di negeri kita, adakah kerajaan negeri mempunyai sebarang rancangan untuk membina sebuah akuarium yang besar dan yang berbeza dengan *Aquarium Fishery Research Institute* yang berada di Batu Maung pada masa ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. *Aquarium Fishery Research Institute* yang sedia ada di Batu Maung merupakan salah satu tarikan pelancong di Pulau Pinang di bawah seliaan Institut Perikanan. Sehingga kini, ia berjaya menarik minat pelancong terutamanya bagi mereka yang berkeluarga. Perancangan untuk membina akuarium baru yang lebih besar dan berbeza daripadanya masih di dalam pertimbangan di masa akan datang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Terdapat ramai penjaja yang menjaja di tepi Jalan Jelutong. Adakah kerajaan negeri mempunyai sebarang rancangan untuk menempatkan semula penjaja-penjaja tersebut ke suatu tempat yang dikhaskan?

    (a) Jika ya, sila berikan maklumat berkenaan tapak baru tersebut.

    (b) Jika tidak, apakah tindakan susulan yang akan diambil oleh kerajaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (a) Kerajaan negeri menyedari bahawa kawasan ini telah mempunyai kemudahan untuk aktiviti penjajaan kerana beberapa projek pembangunan perumahan yang pesat. Tindakan yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri ialah menempatkan semula penjaja ke Pasar/Kompleks/Tapak Penjaja Sementara (TPS) yang berhampiran iaitu; Pasar Jalan Tengku, Pasar Jelutong, TPS Hadapan Sui Wah Jelutong, TPS Hadapan Caltex Jelutong dan Kompleks Mutiara Height (diswastakan).

    (b) Tindakan susulan yang boleh diambil ialah dengan menggalakkan penjaja-penjaja terbabit supaya membuat permohonan rasmi kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengisi kekosongan di Pasar/Kompleks/TPS yang mereka minati untuk dipertimbangkan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Mengenai JEWay Fasa 3, adakah terdapat sebarang jejambat yang menyeberangi Jalan Jelutong dari Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim ke JEWay?

    (b) Jika ya, sila berikan maklumat terperinci.

    (c) Jika tidak, adakah kerajaan negeri mempunyai sebarang pelan yang lain untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Jalan Jelutong?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Bagi projek JEWay Fasa 3, tiada sebarang pembinaan jejambat yang menyeberangi Jalan Jelutong dari Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim ke JE Way.

(b) Tidak. Sebaliknya, Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim dan Jalan Jelutong akan dinaiktaraf kepada 2 lorong (2 hala) dan dilengkapi dengan lampu isyarat sehingga Limit of JEWay Stage 3 Works. Sementara jalan sambungan Tan Sri Teh Ewe Lim ke JEWay direka bentuk untuk menjadi 3 lorong (2 hala).

(c) Bagi pelan perancangan, MPPP akan melaksanakan penyusunan semula trafik untuk mengurangkan kesesakan di Jalan Jelutong.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. (a) Berkenaan dengan projek Kompleks Adorna Diamond yang telah lama terbengkalai, nyatakan sama ada terdapat pemaju lain yang berminat untuk menyambung semula projek ini.

(b) Jika ya, sila berikan maklumat terperinci pemaju, kos, tarikh bermula projek dan tarikh siap.

(c) Jika tidak, apakah langkah seterusnya yang akan diambil oleh pihak kerajaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Mengikut rekod Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), tiada pemaju lain mengemukakan pelan bangunan kepada MPPP untuk menyambung semula projek ini. Mengikut maklumat yang diterima, projek ini telah diletakkan di bawah Danaharta.

Di peringkat kerajaan negeri, terdapat satu Jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pemulihan Projek-projek Terbengkalai. Bagi projek-projek yang menghadapi masalah dan terbengkalai, selalunya kes-kes sebegini akan dibangkitkan dalam Jawatankuasa berkenaan untuk mengesyorkan tindakan pemulihan yang sewajarnya mengikut pertimbangan kerajaan negeri.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Berhubung dengan Bajet 2009 yang memperuntukkan sejumlah RM8.5 juta kepada sekolah-sekolah di negeri ini.

(a) Sila berikan butiran lanjut mengenai jumlah yang diterima, nama sekolah dan tujuan penggunaan peruntukan tersebut bagi sekolah yang sudah menerima peruntukan ini.

(b) Sila senaraikan juga nama sekolah yang belum menerima peruntukan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. (a) Butiran lanjut mengenai jumlah peruntukan serta senarai sekolah-sekolah di negeri ini yang layak menerima peruntukan RM8.5 juta adalah seperti di Jadual A. Secara ringkasnya sekolah-sekolah yang telah disalurkan peruntukan tersebut ialah Sekolah Agama Rakyat (RM1.5 juta), Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) (RM1.5 juta) dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Persendirian (RM1 juta). Sementara butiran lanjut mengenai senarai sekolah-sekolah tersebut adalah seperti di Jadual B.

(b) Sekolah-sekolah yang belum disalurkan peruntukan tersebut pula ialah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) (RM4 juta) dan Sekolah *Missionary* (RM0.5 juta). Senarai nama sekolah-sekolah berkenaan adalah seperti di Jadual C.

JADUAL A

PECAHAN PERUNTUKAN MENGIKUT JENIS SEKOLAH DI NEGERI PULAU PINANG

BIL	JENIS SEKOLAH	BILANGAN (BUAH)	PERUNTUKAN (RM)
1	Sekolah Agama Rakyat	15	1.5 juta
2	Sekolah Jenis Kebangsaan(Tamil)	28	1.5 juta
3	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan(Cina)	90 10	4.0 juta
4	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Cina) (Persendirian)	5	1.0 juta
5	Sekolah *Missionary*	24	0.5 juta
JUMLAH		**172**	**8.5 juta**

JADUAL B

SENARAI SEKOLAH YANG TELAH MENERIMA PERUNTUKAN

1) SEKOLAH AGAMA RAKYAT

Bil	Nama Sekolah	Jenis Bantuan	Alamat
1	Sma Daeratul Maarifil Wataniah 1 (P)	Bantuan Kerajaan	Jln. Perak, 13200 Kepala Batas, Seberang Perai
2	Sma Daeratul Maarifil Wataniah 2 (L)	Bantuan Kerajaan	Guar Perahu, 14400 Bukit Mertajam
3	Maahad Al Mashoor Al Islami	Bantuan Kerajaan	Sungai Batu, 11900 Bayan Lepas Pulau Pinang
4	Maktab Wan Jah	Bantuan Kerajaan	Masjid Abdul Kadir, Jln. Telaga Air 12200 Buttreworth
5	Sm Islam Al Masriyah	Bantuan Kerajaan	1267 Jln. Abdul Kadir, 14000 Bukit Mertajam
6	Sr Islam Al Masriyah	Bantuan Kerajaan	1267 Jln. Abdul Kadir, 14000 Bukit Mertajam
7	Maahad Al Imam An Nawawi	Bantuan Kerajaan	Lahar Minyak, 13200 Kepala Batas, Seberang Perai
8	Sma Ahmadiah Al Ijtimaiah	Bantuan Kerajaan	Pondok Padang Lalang 14000 Bukit Mertajam
9	Al Madrasah Al Khairiyah Al Islamiah	Bantuan Kerajaan	Pokok Sena, 13200 Kepala Batas, Seberang Perai
10	Sma Tarbiyah Islamiah	Bantuan Kerajaan	109, Jln. Kampung Rawa 10150 Pulau Pinang
11	Sma Al Faqiah Islamiah	Bantuan Kerajaan	Permatang Pauh, 13500 Bukit Mertajam
12	Smka(P) Almashoor	Bantuan Penuh	Medan Lim Cheng Teik, 10250 Pulau Pinang
13	Smka (L) Almashoor	Bantuan Penuh	Jalan Air Itam, 10460 Pulau Pinang
14	Smka Nibong Tebal	Bantuan Penuh	Jalan Permatang Tok Mahat, 14300 Nibong Tebal, S. Perai
15	Smka Al-Irshad	Bantuan Penuh	Pokok Sena, 13200 Kepala Batas, Seberang Perai

2) Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil

Bil	Nama Sekolah	Jenis Bantuan	Alamat
1	Sjk (T) Ldg Juru	Bantuan Kerajaan	Juru, 14100 Simpang Empat
2	Sjk (T) Ldg Alma	Bantuan Kerajaan	Jalan Rozhan, Alma, 14000 Bukit Mertajam
3	Sjk (T) Ladang Prye	Bantuan Kerajaan	Perai, 13700 Perai
4	Sjk (T) Azad	Bantuan Kerajaan	11 Jalan Bagan Jermal, 10250 Georgetown
5	Sjk (T) Rajaji	Bantuan Kerajaan	Kampung Baru, 11400 Ayer Itam
6	Sjk (T) Ramakrishna	Bantuan Kerajaan	37 Jalan Scotland, 10450 Georgetown
7	Sjk (T) Subramaniya Barathee	Bantuan Kerajaan	Sungai Gelugor, 11700 Gelugor
8	Sjk (T) Ldg Malakoff	Bantuan Kerajaan	Tasek Gelugor, 13300 Tasek Gelugor
9	Sjk (T) Ldg Mayfield	Bantuan Kerajaan	Kampung Besar, 13300 Tasek Gelugor
10	Sjk (T) Palaniandy	Bantuan Kerajaan	Kepala Batas, 13200 Kepala Batas
11	Sjk (T) Perai	Bantuan Kerajaan	Lrg Perai Utama 1, Tmn Prima Prai, 13600 Perai
12	Sjk (T) Bayan Lepas	Bantuan Kerajaan	Jalan Permatang Damar Laut, 11900 Bayan Lepas
13	Sjk (T) Sungai Ara	Bantuan Kerajaan	Lorong Kenari, Taman Desa Ria, Sungai Ara, 11900 Bayan Lepas
14	Sjk (T) Batu Kawan	Bantuan Kerajaan	Ladang Batu Kawan, 14110 Simpang Ampat
15	Sjk (T) Ldg Byram	Bantuan Kerajaan	Nibong Tebal, 14300 Nibong Tebal
16	Sjk (T) Ldg Changkat	Bantuan Kerajaan	Ladang Changkat, 14300 Nibong Tebal

Bil	Nama Sekolah	Jenis Bantuan	Alamat
17	Sjk (T) Ladang Jawi	Bantuan Kerajaan	Ladang Jawi, Sungai Jawi, 14200 Sungai Bakap
18	Sjk (T) Ldg Krian	Bantuan Kerajaan	Jalan Bukit Panchor, 14300 Nibong Tebal
19	Sjk (T) Ldg Sempah	Bantuan Kerajaan	Sungai Bakap, 14200 Sungai Jawi
20	Sjk (T) Tasek Permai	Bantuan Kerajaan	Kompleks Sekolah Wawasan, Jalan Tasek, 14120 Simpang Ampat
21	Sjk (T) Ldg Transkrian	Bantuan Kerajaan	Ladang Transkrian, 14300 Nibong Tebal
22	Sjk (T) Ladang Valdor	Bantuan Kerajaan	Sungai Jawi, 14200 Sungai Bakap
23	Sjk (T) Sungai Bakap	Bantuan Kerajaan	Jalan Badak Mati, 14200 Sungai Jawi
24	Sjk (T) Permatang Tinggi	Bantuan Penuh	14100 Simpang Empat
25	Sjk (T) Bkt Mertajam	Bantuan Penuh	14000 Bukit Mertajam
26	Sjk (T) Jalan Sungai	Bantuan Penuh	Jalan Sungai, 10150 Pulau Pinang
27	Sjk (T) Mak Mandin	Bantuan Penuh	Mak Mandin, 13400 Butterworth
28	Sjk (T) Nibong Tebal	Bantuan Penuh	Jalan Ooi Kar Seng, 14300 Nibong Tebal

3) Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Persendirian

Bil	Nama Sekolah	Alamat
1	Smjk Chung Ling	Kampung Baru, Air Itam, 11400 Pulau Pinang
2	Smjk Han Chiang	Jalan Han Chiang, 11600 Penang
3	Smjk Jit Sin	Jalan Che Bee Hoor, 14000 Bukit Mertajam
4	Smjk Perempuan China Persendirian	2, Jalan Gottlied, 10350 Pulau Pinang
5	Smjk Phor Tay	19-A, Jalan Bagan Jermal, 10250 Pulau Pinang

LAMPIRAN C

SENARAI SEKOLAH YANG BELUM MENERIMA PERUNTUKAN

1) SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA

BIL.	NAMA SEKOLAH	ALAMAT SEKOLAH
1	SJKC Sin Ya	Jalan Alma, 14000 Bukit Mertajam
2	SJKC Peng Bin	Bukit Tengah, 14000 Bukit Mertajam.
3	SJKC Aik Hua	Lebuh Muntri, 10200 Pulau Pinang.
4	SJKC Beng Teik Pusat	Lebuh Katz, 10300 Pulau Pinang.
5	SJKC Beng Teik Cawangan	Jelutong Barat, 11600 Pulau Pinang.
6	SJKC Chiao Nan	Jalan Thean Theik, 11400 Pulau Pinang.
7	SJKC Jelutong	Jalan Tan Sri The Ewe Lim, 11600 Pulau Pinang.
8	SJKC Eng Chuan	Lebuh Katz, 10300 Pulau Pinang.
9	SJKC Heng Ee	Jalan Macalister, 10450 Pulau Pinang.
10	SJKC Kong Min 1	Jalan Balik Pulau, 11500 Pulau Pinang.
11	Kong Min 2	Jalan Paya Terubong, 11060 Pulau Pinang.
12	SJKC Li Tek A	Pengkalan Weld, 11600 Pulau Pinang.
13	SJKC Li Tek B	Pengkalan Weld, 11600 Pulau Pinang.
14	SJKC Li Tek Cawangan	Pengkalan Weld, 11600 Pulau Pinang.
15	SJKC Poay Wah	Tanjong Bungah, 11200 Pulau Pinang.
16	SJKC Sin Kang	Jalan Thean Theik, 11400 Pulau Pinang.
17	SJKC Union	Jalan Burma, 10050 Pulau Pinang.
18	SJKC Hu Yew Seah	Lorong Madras, 10400 Pulau Pinang.
19	SJKC Chung Hwa Pinang Tunggal	Pinang Tunggal, 13210 Butterworth.
20	SJKC Kuang Yu	Kuala Muda, 13100 Pulau Pinang.
21	SJKC Kwang Hwa	Jalan Raja Uda, 12300 Pulau Pinang.
22	SJKC Lee Chee	13300 Tasek Gelugor.
23	SJKC Mah Hua	13300 Tasek Gelugor.
24	SJKC Nung Min	Bumbung Lima, 13200 Kepala Batas.
25	SJKC Chung Hwa Pantai Acheh	Pantai Acheh, 11000 Balik Pulau.

26	SJKC Pulau Betong	Pulau Betong, 11000 Balik Pulau.
27	SJKC Chung San	Bayan Lepas, 11900Pulau Pinang.
28	SJKC Eok Hua	Telok Bahang, 11050 Pulau Pinang.
29	SJKC Tar Thong	Genting, 11000 Balik Pulau.
30	SJKC Yeok Hua	Jalan Baru, 11000 Pulau Pinang.
31	SJKC Bong Beng	14100 Simpang Ampat, 11010 Pulau Pinang.
32	SJKC Kampung Valdor	Sungai Bakap, 14200 Pulau Pinang.
33	SJKC Pai Teik	14300 Nibong Tebal, Seberang Perai.
34	SJKC Yok Eng	Sungai Udang, 14310 Nibong Tebal.
35	SJKC Yan Cheng	Telok Kumbar, 11900 Bayan Lepas.
36	SJKC Peng Bin	Bukit Tengah, 14000 Bukit Mertajam.
37	SJKC Pai Chai	Batu Feringghi, 11100 Pulau Pinang.
38	SJKC Poi Eng	Gertak Sanggul, 11900 Bayan Lepas.
39	SJKC Yu Chye	Kuala Sungai Pinang, 11000 Balik Pulau.
40	SJKC Sin Min	Sungai Pinang,11000 Balik Pulau.
41	SJKC Sum Sun	Jalan Free School, 11600 Pulau Pinang.
42	SJKC Kai Chee	Sungai Dua, 13800 Penaga.

2) SEKOLAH *MISSIONARY*

BIL.	NAMA SEKOLAH	ALAMAT
1	SMK St. George	Jalan Besar, 11000 Balik Pulau.
2	SK Convent Green Lane	Jalan Hamilton, 11600 Georgetown.
3	SK St. Mark Perai	Lorong 3 Perai, 13600 Perai.
4	SMK Convent Pulau Tikus	1 Lorong Maktab, 10250 Georgetown
5	SK St. George	Jalan Besar, 11000 Balik Pulau.
6	SMK St. Mark Butterworth	13000 Butterworth.
7	SK Methodist Nibong Tebal	Jalan Sungai Daun, 14300 Nibong Tebal.
8	SMK Convent Green Lane	Jalan Masjid Negeri, 11600 Georgetown.
9	SK Assumption	Jalan Sungai Nyior, 12100 Butterworth.
10	SK Convent Butterworth	Jalan Sungai Nyior, 12100 Butterworth.
11	SMK Convent Datuk Keramat	421 Jalan Datuk Keramat, 10150 Georgetown.
12	SMK Convent Lebuh Light,	36 Lebuh Light, 10200 Georgetown.
13	SK Convent Bukit Mertajam,	Jalan Kulim, 14000 Bukit Mertajam.
14	SK St. Mark Butterworth	Jalan St. Mark, 12000 Butterworth.
15	SMK Methodist Nibong Tebal,	Jalan Sg. Daun, 14300 Nibong Tebal.
16	SMK Lelaki Methodist	250 Jalan Air Itam, 10460 Georgetown.
17	SMK Perempuan Methodist	42 Jalan Anson, 10400 Georgetown.
18	SMK Sacred Heart	Jalan Besar, 11000 Balik Pulau.
19	SK Convent Lebuh Light	Lebuh Light, 10200 Georgetown.

20	SMK Convent Butterworth	Jalan Ong Yi How, 13400 Butterworth.
21	SMK Perempuan Methodist	42 Jalan Anson, 10400 Georgetown.
22	SMK Pykett Methodist	Lebuhraya Pykett, 10400 Georgetown.
23	SK St. Xavier	Jalan Sekolah La Salle, 11400 Georgetown.
24	SK St. Xavier Cawangan	4 Jalan Bro. James, Pulau Tikus, 10350 Georgetown.
25	SMK St. Xavier	Lebuh Farquhar, 10200 Georgetown.

3) SEKOLAH MENEGAH JENIS KEBANGSAAN CINA

BIL	NAMA SEKOLAH	ALAMAT
1	SMK Phor Tay	19A Jalan Bagan Jermal, 10250 Georgetown.
2	SMK Chung Hwa	No.2 Persiaran Tembaga, 11600 Georgetown.
3	SMK Sacred Heart	Jalan Besar, 11000 Balik Pulau.
4	SMK Union	132 Jalan York, 10450 Georgetown.
5	SMK Chung Ling	Jalan Ong Yi How, 13400 Butterworth.
6	SMK Jit Sin	Jalan Binjai, Taman Seri Rambai, 14000 Bukit Mertajam.
7	SMK Heng Ee	99 Jalan Hamilton, 11600 Georgetown.
8	SMK Chung Lin	Kg. Baru,11400 Georgetown.
9	SMK Perempuan Cina	2 Jalan Gotlieb, 10350 Georgetown.

XVI. Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Apakah arahan Pengarah Tanah dan Galian bil: 1/2008 bertarikh 31-1-2008?

   (b) Siapa yang mengeluarkan arahan ini dan arahan ini berdasarkan arahan siapa?

   (c) Adakah arahan ini sah dan mengikat kerajaan negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Arahan PTG Bil. 1/2008 adalah berkaitan dengan penurunan kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk menimbang sama ada menolak/meluluskan permohonan-permohonan permit bahan batuan/tanah merah bagi tujuan Development Quarry yang berbentuk jangka pendek sahaja. Juga bayaran fee bagi pengeluaran tanah merah dikurangkan dari RM3.00 smp kepada kadar RM1.00 smp.

   (b) Arahan ini dikeluarkan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang (PTG) berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri yang bermesyuarat pada 21.1.2008 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Menteri.

(c) Arahan ini dianggap oleh PTG sebagai adalah sah memandangkan Jawatankuasa Tanah Negeri menjalankan tugas dan tanggungjawabnya bagi Pihak Berkuasa Negeri.

Untuk makluman, Jawatankuasa Tanah Negeri membuat keputusan tersebut berdasarkan kepada satu kertas yang disediakan oleh PTG berkaitan dengan perkara tersebut. Penurunan Kuasa ini hanya untuk aktiviti *(Development Quarry)* sahaja, yang bermaksud aktiviti kuari jangka pendek iaitu bagi tempoh 3 bulan. Contohnya pemaju-pemaju telah diluluskan permohonan kebenaran merancang untuk sesuatu projek perumahan semasa melaksanakan projek, pemaju mendapati terdapat tanah/batu lebihan yang perlu dikeluarkan dari tapak berkenaan. Jika keputusan tidak dibuat dengan cepat, terdapat kecenderungan untuk pemaju-pemaju mengeluarkan tanah merah tersebut secara haram dan kerajaan tidak dapat mengutip hasil. Hal ini telah menimbulkan banyak masalah dari segi penguatkuasaan oleh Pentadbir-Pentadbir Tanah. Langkah memberikan kuasa yang berkaitan kepada Pentadbir Tanah difikirkan dapat mengurangkan masalah ini.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Apakah kadar royalti untuk tanah merah sejak tahun 2005 hingga sekarang?

(b) Apakah kadar royalti untuk bahan batuan sejak tahun 2005?

(c) Adakah kadar royalti untuk bahan batuan diturunkan pada tahun 2008 oleh kerajaan negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Kadar royalti untuk tanah merah sejak tahun 2005 ialah RM3.00 semeter padu. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tanah pada Januari 2008 telah bersetuju menurunkan kadar ini kepada RM1.00 semeter padu. Tetapi Kerajaan Negeri kemudiannya pada 11.12.2008 telah bersetuju mengekalkan semula kadar RM3.00 semeter padu mulai 15 Disember 2008.

(b) Kadar royalti untuk bahan batuan sejak tahun 2005 ialah RM3.00 bagi semeter padu.

(c) Kadar royalti untuk bahan batuan tidak diturunkan pada tahun 2008.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Berapakah kuantiti bahan batuan dan tanah merah yang akan/bakal dicadang dan dikeluarkan untuk Projek Kolam Air untuk Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) di atas Lot 1 Bukit Tok Kangar, Seberang Perai Tengah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kuantiti (Preliminary Estimate) tanah merah dan bahan batuan yang akan dikeluarkan di atas Lot 1 Bukit Tok Kangar, SPT adalah sebanyak 3 juta meter padu berdasarkan reka bentuk aras platform ketinggian RL32 meter. (Anggaran 50:50 iaitu 1.5 juta meter padu tanah dan 1.5 juta meter padu bahan batuan).

   Kuantiti tanah/bahan batuan yang dikeluarkan ini akan diukur dan disahkan oleh Juruukur Bertauliah, PBAPP serta pihak kontraktor yang berkenaan setiap 3 bulan semasa projek ini dijalankan.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Mengenai Teluk Bayan Food Court di Sungai Nibong off Jalan Sultan Azlan Shah

   (a) Bilakah tanah ini ditukar syarat kegunaan?

   (b) Sejak bilakah tanah ini digunakan sebagai Food Court?

   (c) Adakah sebarang kelulusan diberi oleh Pihak MPPP dan bila?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4 (a) Teluk Bayan Food Court yang dimaksudkan terletak di atas Lot 1093, Mukim 12, Daerah Barat Daya. Setakat ini, Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya tidak menerima apa-apa permohonan untuk menukar syarat kegunaan tanah ke atas Lot 1093, Mukim 12, Daerah Barat Daya memandangkan syarat nyata tanah ini adalah jenis *first grade*.

   (b) Tanah ini telah digunakan sebagai '*Food Court'* lebih kurang 10 ke 15 tahun yang lalu.

   (c) Berdasarkan semakan, tiada sebarang kelulusan untuk menggunakannya sebagai '*food court'* dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang ke atas lot tersebut.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Apakah tindakan kerajaan negeri untuk membantu meningkatkan taraf perniagaan dan status kegunaan Kompleks-kompleks Perniagaan di DUN Batu Uban seperti:-

   (a) Kompleks Bukit Jambul

   (b) Kompleks Pan Palace Plaza di Lip Sin

   (c) Kompleks Sunny Point

   (d) Tesco Extra di Sungai Dua

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kesemua kompleks tersebut merupakan premis swasta yang diuruskan oleh pemiliknya masing-masing. Kelazimannya pengusaha kompleks perniagaan berkenaan akan mengurus serta berusaha untuk menjayakan perniagaan mereka dalam dunia persaingan pasaran terbuka.

   Buat masa ini kerajaan negeri tiada rancangan untuk mengambil bahagian dalam pengurusan bagi kompleks-kompleks perniagaan pihak swasta.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Bagaimanakah kerajaan negeri menggalakkan perbelanjaan orang ramai/awam untuk menjana dan meningkatkan pendapatan Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kerajaan negeri menggalakkan perbelanjaan orang ramai/awam dalam menjana dan meningkatkan pendapatan Negeri Pulau Pinang dengan kaedah-kaedah berikut::-

   (i) Memberi sokongan kepada semua pasar raya dan pusat membeli belah untuk mengadakan jualan murah dan diskaun pada masa tertentu, iaitu pasar raya TESCO Stores (M) Sdn. Bhd. yang membuat promosi harga ”Price Cut” untuk lebih 200 jenis barangan runcit dan produk makanan segar dan pasar-pasar raya yang lain di negeri Pulau Pinang.

   (ii) Menggalakkan kempen ”Membeli Barangan Buatan Malaysia” iaitu membuat potongan harga.

   (iii) Menggalakkan semua pasar raya dan pusat membeli belah mengadakan tawaran dan promosi pakej berganda kepada pembeli melalui kaedah mendapat ganjaran pergi melancong apabila memberi sesuatu pembelian dengan nilai harga yang telah ditentukan.

   (iv) Menganjurkan pesta jualan dan jualan gudang dengan menawarkan harga rendah supaya lebih ramai pengguna membeli dan berbelanja.

   (v) Bekerjasama untuk memantau dan mengawal harga barang di pasaran supaya rakyat Pulau Pinang sentiasa mempunyai kuasa beli.

   (vi) Menggalakkan orang ramai dan keluarga untuk makan di restoran, gerai dan pusat-pusat makanan dengan harga yang murah pada setiap hujung minggu.

   (vii) Menggalakkan tukaran barang dengan barangan baru melalui potongan yang menarik.

   (viii). Menggalakkan berbelanja secara borong untuk mendapatkan harga yang berpatutan.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Apakah prinsip-prinsip yang diamalkan oleh kerajaan negeri untuk menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan negeri sememangnya memberi tumpuan dalam usaha untuk menarik pelaburan asing ke Pulau Pinang. Antara kaedah yang telah digunakan adalah seperti berikut:-

(i) Memberi perkhidmatan yang profesional, cekap dan beretika kepada para pengusaha industri dan bakal pelabur dengan memberi layanan segera dan mesra, menyebarkan maklumat tepat dan mutakhir mengenai pelaburan serta membantu pelabur dalam pelaksanaan projek;

(ii) Menjalinkan kerjasama yang erat dengan semua agensi berkaitan sama ada di peringkat negeri atau di peringkat persekutuan bagi menarik pelabur antaranya Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI);

(iii) Mempromosikan Pulau Pinang sebagai lokasi pilihan untuk teknologi, industri dan perniagaan secara global;

(iv) Mempertingkatkan persekitaran mesra perniagaan di Pulau Pinang dan keadaan ekonomi yang kondusif;

(v) Menyediakan kemudahan infrastruktur dan logistik yang lengkap kepada pelabur antaranya rangkaian jalan raya dan lebuh raya, pelabuhan bertaraf antarabangsa dan lapangan terbang antarabangsa;

(vi) Memberi insentif kepada pelabur seperti memberi kelulusan projek secara *fast trek*, skim harga tanah yang kompetitif, fleksibiliti dalam skim pembayaran tanah perindustrian dan lain-lain; dan

(vii) Menyediakan tenaga kerja mahir dengan kos yang efektif.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Apakah status kedudukan projek Turnkey di Jalan Petani yang diusahakan oleh MPPP?

(b) Apakah kedudukan terkini pembeli-pembeli projek tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Projek Taman Sri Pinang yang merupakan Projek Pembangunan bercampur yang dimajukan oleh MPPP melalui kaedah Turnkey seperti berikut:-

KEDIAMAN:

Bil.	Jenis Rumah Pangsa	Keluasan (kp)	Bil. Unit	Caj Perkhidmatan Sebulan (RM)
1.	Kos Sederhana Rendah (LMC)	550	360	50
2.	Kos Sederhana (MC)	650	721	60

KOMERSIAL:

Bil.	Jenis harta	Keluasan (kp)	Bil. Unit	Caj Perkhidmatan Sebulan (RM)
3.	Lot Kedai	200-400	413	0.20 skp
JUMLAH KESELURUHAN			**1,494**	

Status kedudukan terkini projek tersebut sehingga 18.3.2009 adalah seperti di Lampiran.

(b) Kedudukan terkini projek ini ialah di mana pembeli-pembeli projek tersebut ialah mereka telah menduduki/menghuni unit-unit yang dibeli sejak Sijil Kelayakan Menduduki diperolehi.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menghadapi krisis ekonomi bagi meringankan beban rakyat Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Krisis ekonomi global yang telah menyebabkan berlakunya kelembapan ekonomi negara juga turut menjejaskan kehidupan rakyat di Negeri Pulau Pinang. Ianya ketara dengan pemberhentian pekerja-pekerja di beberapa syarikat multi nasional di negeri ini. Bagi menghadapi krisis ekonomi ini serta meringankan beban rakyat, Kerajaan Negeri telah pun mengambil beberapa langkah awal dengan mewujudkan Pusat Latihan dan Bantuan Kerjaya (CAT) dengan peruntukan sebanyak RM10 juta, memberi bantuan wang ehsan melalui rebat air kepada keluarga miskin dan berpendapatan rendah dengan peruntukan sebanyak RM17 juta serta melaksanakan program bantuan rakyat termiskin dengan peruntukan sebanyak RM2 juta.

Sehingga akhir Mac 2009, Kerajaan Negeri telah pun memperuntukkan sebanyak RM2.5 juta kepada Invest Penang bagi membolehkan Pusat CAT Center beroperasi serta memberi latihan kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan supaya dapat diserapkan ke sektor pekerjaan baru. Sebanyak RM15.68 juta telah pun dibelanjakan di bawah bantuan wang ehsan melalui rebat air bagi tempoh Disember 2008 hingga Mac 2009. Pihak-pihak yang telah menerima faedah daripada skim ini terdiri daripada golongan rakyat miskin dan berpendapatan rendah melalui bantuan rebat air berjumlah RM100.00 dan rebat air bagi rumah-rumah ibadat sebanyak RM5.00 hingga RM10.00.

Negeri Pulau Pinang telah berjaya mencapai sasaran miskin tegar sifar hasil kejayaan program pembasmian miskin tegar. Kerajaan Negeri telah berjaya membantu Ketua Isi Rumah (KIR) melepasi pendapatan garis kemiskinan miskin tegar sebanyak RM500.00 sebulan. Sehubungan itu, pengumuman berhubung kejayaan mencapai sasaran miskin tegar sifar telah diumumkan oleh Kerajaan Negeri pada 30 Mac 2009 lalu.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengambil langkah-langkah berikut bagi membantu rakyat mengharungi kemelut ekonomi:

(i) Fleksibiliti dalam skim pembayaran bagi tanah perindustrian PDC untuk membantu industri tempatan yang sedang menghadapi masalah dalam pemasaran dan operasi perniagaan mereka.

(ii) Pemberian diskaun untuk pembayaran premium tanah sepanjang tempoh kemelesetan ekonomi.

(iii) Bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan pakej insentif istimewa seperti *Matching Grant, Soft Loan* dan *Industrial Building Subsidy* untuk terus menggalakkan pelaburan asing.

(iv) Membolehkan pihak ketiga membeli tanah industri dan membangunkan bangunan industri.

(v) Menawarkan Program Bimbingan Entrepris Kecil dan Sederhana (EKS). Program ini disokong oleh SMIDEC dan dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC). Program ini memberi bimbingan dan memainkan peranan sebagai mentor perniagaan kepada syarikat-syarikat EKS yang dikenal pasti bagi meningkatkan daya saing syarikat-syarikat EKS ini.

(vi) Menawarkan Program Intervensi EKS di mana kemahiran teknologi maklumat, penekanan kepada budaya berdaya kualiti dan pengurusan perniagaan yang berkesan diberi fokus di bawah program ini untuk memperkembangkan EKS tempatan.

(vii) Menubuhkan Pusat Latihan dan Reka Bentuk Barangan Kemas untuk meningkatkan kualiti industri pembuatan barangan kemas melalui infrastruktur perisian.

(viii) Mengadakan seminar dan dialog kepada EKS bagi meningkatkan fokus kepada strategi dan langkah-langkah untuk mengatasi krisis kemelesetan ekonomi.

(viv) Memulihkan klaster-klaster industri yang sedia ada seperti PAC (Penang Automation Cluster), SCoPe *(Software Consortium of Penang),* PRFC *(Penang Radio Frequency Cluster)* dan techBiz Penang bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan ekonomi mampan bagi Pulau Pinang.

(x) Mengadakan dialog dengan institusi-institusi kewangan, badan-badan kerajaan dan EKS ekoran dari kesulitan beberapa EKS untuk memperolehi bantuan kewangan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengambil inisiatif untuk mengadakan dialog antara institusi-institusi kewangan, badan-badan kerajaan dan EKS untuk membuka jalan perundingan bagi menjamin dana.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Sila nyatakan jumlah kekosongan jawatan yang diperlukan oleh :

(a) Pihak Pentadbiran Negeri

(b) Pihak Berkuasa Tempatan

(c) Lain-lain Badan Berkanun

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Jumlah kekosongan dan keperluan pengisian jawatan bagi Jabatan-jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri adalah seperti di Lampiran Berkepil. Pengisian jawatan-jawatan kosong ini tertakluk kepada kedudukan kewangan dan keperluan semasa Jabatan/Agensi yang mana keutamaan akan diberikan kepada jawatan-jawatan yang kritikal sahaja.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Berapakah jumlah hutang cukai pintu kepada MPPP oleh Jabatan Negeri dan Persekutuan dalam tempoh 10 tahun. Sila senaraikan mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan tidak perlu membayar kadar (cukai pintu) bagi harta-harta yang dimiliki dan dihuni oleh mereka. Merujuk Artikel 156, Perlembagaan Persekutuan membenarkan Pihak Berkuasa Tempatan untuk membuat tuntutan caruman membantu kadar bagi harta-harta yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

    Kaedah pengiraan amaun caruman bagi setiap harta adalah sama dengan kaedah penilaian yang diguna pakai untuk harta perseorangan. Dengan itu, setiap harta kerajaan akan ditetapkan nilai tahunan yang ditafsirkan sebagai sewa tahunan bagi setiap harta. Amaun caruman tahunan bagi setiap harta akan bergantung kepada kegunaan harta di mana satu kadar peratusan akan didarab dengan nilai tahunannya.

    Sebagai contoh :

Nilai tahunan bagi harta kerajaan Kadar % (kediaman) @ 8%	=	RM3,600
Caruman setahun yang boleh dituntut	=	RM288.00

    Oleh yang demikian, isu tunggakan bayaran tidak timbul bagi harta-harta yang dihuni oleh Jabatan Negeri / Persekutuan.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Mengikut Pengerusi *invest*Penang, kerajaan negeri telah mengutip RM10 bilion. Apakah perancangan *invest*Penang untuk pekerja yang telah diberhentikan kerja dan rakyat miskin di Pulau Pinang dalam menghadapi krisis ekonomi ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kerajaan negeri amat prihatin terhadap kesan yang berlaku akibat daripada krisis kemelesetan ekonomi. Lanjutan dari itu, kerajaan negeri telah mengambil langkah pro-aktif untuk mengurangkan kesan pengangguran yang akan berlaku di negeri ini. Oleh yang demikian, semasa pembentangan Bajet 2009 pada Persidangan Dewan Undangan Negeri yang lalu, kerajaan negeri telah meluluskan dana sejumlah RM10 juta bagi mengurangkan kesan krisis ekonomi dengan menyediakan penempatan pekerjaan sementara serta latihan dan peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur.

    Kerajaan negeri tidak mengutip RM10 bilion untuk rancangan membantu pekerja yang telah diberhentikan kerja tetapi seperti yang telah dijelaskan semasa sidang yang lalu, kerajaan negeri telah bersetuju untuk memperuntukkan RM10 juta bagi program tersebut. Maka, pada tahun 2009 kerajaan negeri telah berusaha untuk merealisasikan hasrat dan harapan tersebut.

Memandangkan kepada perkara ini, maka pada bulan Januari 2009, kerajaan negeri melalui investPenang telah mengumumkan penubuhan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang *(Penang Career Assistance and Training Center [CAT])* yang telah dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri pada 4 Mac 2009.

Pusat CAT ini bertanggungjawab untuk menghubungkan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari pekerjaan dengan:-

(a) Menyenaraikan peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan pusat CAT;

(b) Mengenal pasti program latihan yang bersesuaian, dan

(c) Menjalankan kerjasama dengan ahli-ahli pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan.

Pusat CAT diuruskan oleh *invest*Penang dengan mendapat sokongan daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Walaupun pusat CAT baru berusia sebulan (dari tarikh pusat ini dirasmikan) namun, pusat ini telah bekerja keras untuk mencapai objektifnya. Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi memudahkan individu untuk mendaftar dengan pusat CAT adalah:-

(a) Selain daripada talian tetap di pejabat CAT di KOMTAR, pusat ini turut menyediakan empat (4) talian telefon mudah alih bagi memudahkan mereka untuk membuat pertanyaan atau mendaftar dengan pusat ini;

(b) Pusat ini turut bekerjasama dengan JobStreet, di mana JobStreet telah memberikan perkhidmatan Tanggungjawab Sosial Korporat *(Corporate Social Responsibilities)* dengan menyediakan laman web khas kepada pusat CAT bagi memudahkan individu mendaftar secara *on-line*, dan

(c) Borang-borang pendaftaran juga boleh diperolehi dari laman-laman web dan kaunter-kaunter PDC, MPPP, MPSP, PBA, PSDC dan *invest*Penang selain daripada pusat CAT sendiri.

Oleh yang demikian, hasil yang telah diperolehi sehingga 24 Mac 2009 adalah seramai 851 orang telah berdaftar dengan pusat CAT. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 2,683 kekosongan jawatan turut didaftarkan dengan pusat ini. Kebanyakan jawatan-jawatan kosong ini adalah untuk pekerja kilang. Lanjutan dari itu, seramai 471 pendaftar yang berkelayakan telah dihubungkan ke syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka.

Pusat CAT bekerjasama dengan agensi kerajaan mahupun agensi swasta untuk mengenal pasti program-program latihan yang bersesuaian untuk ditawarkan. Ini adalah untuk memastikan bahawa calon-calon yang menjalani program latihan tersebut akan turut ditawarkan dengan peluang pekerjaan atau peluang perniagaan. Pada 21 Mac 2009, Pusat CAT dengan kerjasama daripada JobStreet telah menganjurkan *Resume & Career Clinic*. Melalui acara ini, peserta berpeluang untuk mendapatkan tip-tip serta garis panduan untuk menyediakan *Resume* yang berkualiti. Selain itu, peserta dapat memperolehi maklumat mengenai kerjaya pilihan, bagaimana untuk menonjolkan kebolehan yang ada dan yang paling penting peserta juga berpeluang untuk mengadakan perbincangan secara *one-to-one* dengan perunding-perunding JobStreet. Seramai 148 peserta telah menghadiri *Resume & Career Clinic* tersebut.

Bersempena dengan acara tersebut juga, Agensi Pekerjaan *Select Appointments* telah mengadakan Temuduga Terbuka untuk jawatan Operator Pengeluaran. Hasilnya, seramai 350 orang telah ditemuduga pada hari tersebut. Bagi kedua-dua acara ini, tiada sebarang kos yang telah dibelanjakan memandangkan ianya adalah sebahagian daripada program Tanggungjawab Sosial Korporat oleh kedua-dua syarikat tersebut.

Pusat CAT turut bekerjasama dengan ahli-ahlinya dalam usaha untuk menyediakan peluang pekerjaan, peluang perniagaan dan keusahawanan. Dengan demikian, MPPP telah menyediakan sebanyak 76 peluang pekerjaan bagi jawatan penjaga tempat letak kereta. Daripada jumlah yang telah ditawarkan itu, 24 kekosongan telah pun berjaya ditawarkan. Selain daripada itu, PBA dan PDC juga akan turut menawarkan peluang pekerjaan.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Berapakah jumlah hutang MPPP kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang dalam tempoh 5 tahun iaitu mulai tahun 2005 – 2009?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sehingga 31 Disember 2008, jumlah hutang MPPP kepada PBAPP ialah sebanyak RM 315,757.14.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Adakah kerajaan negeri bercadang untuk mengadakan kad laporan untuk semua Ketua Jabatan Negeri dan Badan Berkanun untuk menilai kecekapan mereka?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Pada masa ini kerajaan negeri masih belum bercadang untuk mengadakan kad laporan untuk semua Ketua Jabatan Negeri dan Badan Berkanun bagi menilai prestasi mereka memandangkan kerajaan telah mewujudkan mekanisme penilaian melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2005 iaitu Garis Panduan Bagi Mewujudkan Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicators* (KPI) perlu disediakan oleh setiap pegawai pada awal tahun untuk dinilai oleh Ketua

Jabatan pada setiap enam (6) bulan. Ketua Jabatan juga perlu menetapkan Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama yang berkaitan dalam Sasaran Kerja Tahunan (SKT) pada awal tahun dan pencapaian kepada SKT tersebut akan digunakan sebagai asas dalam menyediakan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) Ketua Jabatan terbabit pada penghujung tahun. Pengukuran prestasi ini diwujudkan bertujuan untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan agensi/jabatan kerajaan kepada pelanggan dan meningkatkan keberkesanan dalam mencapai sasaran kerja.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan bercadang untuk mengadakan garis panduan dan dasar baru untuk pemilik-pemilik rumah pangsa bagi mengehadkan setiap unit hanya dibenarkan dua (2) petak meletak kereta sahaja?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Pada dasarnya, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak mempunyai hak atau kuasa untuk mengehadkan setiap rumah memiliki dua (2) buah kereta sahaja.

    Mengikut garis panduan sedia ada, pihak PBT mensyaratkan bahawa bagi setiap 4 unit rumah kos rendah, 1 tempat letak kereta mesti disediakan dan bagi setiap 5 unit rumah kos sederhana rendah, 3 tempat letak kereta disediakan. Sekiranya pemaju disyaratkan membina setiap rumah dengan kemudahan letak kereta, harga rumah kos rendah atau sederhana rendah pasti akan meningkat.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Adakah MPPP bercadang untuk memberi kelulusan kepada pelan pindaan dan tambahan setiap minggu *(one stop centre)* untuk memastikan kontraktor tempatan memperoleh projek?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) tidak bercadang untuk mengadakan Mesyuarat One Stop Centre (OSC) bagi mempertimbangkan pelan-pelan mudah serta memberi kelulusan kepada pelan-pelan pindaan dan tambahan pada setiap minggu kerana terdapat lain-lain pelan yang perlu dibawa untuk pertimbangan.

    Mengikut peraturan/garis panduan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan, Mesyuarat Jawatankuasa Urus setia Pusat Setempat (MJOSC) dijadualkan bermesyuarat 1 kali dalam tempoh 2 minggu. Walau bagaimanapun, MJOSC di MPPP bermesyuarat pada setiap minggu (1 kali seminggu) dengan hasrat untuk mempercepatkan lagi keputusan dibuat terhadap pelan-pelan yang dikemukakan untuk mempergiatkan lagi ekonomi serta mengujudkan peluang pekerjaan yang lebih.

    Tambahan kepada itu, MPPP turut memperkenalkan sistem untuk mempertimbangkan pelan-pelan bangunan mudah (termasuk pelan bangunan pindaan/tambahan) secara *(on the spot)* (OSA) di MJOSC selang seminggu dan kekerapannya didapati adalah memadai buat ketika ini.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Adakah MPPP bercadang untuk melantik pekerja sambilan untuk bekerja sebagai operator tempat letak kereta yang menggunakan wang syiling?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Setakat ini Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) tidak mempunyai cadangan melantik pekerja sambilan untuk bekerja sebagai operator tempat letak kereta yang menggunakan syiling (meter letak kereta).

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Kakitangan kerajaan mengadu pergi kerja lewat akibat kerja-kerja pembaikan di Jambatan Pulau Pinang dan lif di KOMTAR. Apakah tindakan kerajaan untuk meringankan bebanan mereka dengan memberi kelonggaran selama 30 minit *(grace period)* sekiranya mereka lambat datang ke tempat kerja dan tidak diambil tindakan tatatertib oleh Ketua Jabatan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Isu kelewatan kakitangan awam ke pejabat merupakan suatu perkara yang dipandang serius oleh Pentadbiran Negeri. Sebagai langkah menangani masalah ini, Pihak Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk mengguna pakai Waktu Bekerja Berperingkat (WBB). WBB terbahagi kepada tiga (3) waktu peringkat (WP) iaitu:

    (i) WP 1 iaitu jam 7.30 pagi hingga 4.30 petang;

    (ii) WP 2 iaitu jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang; dan

    (iii) WP 3 iaitu jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang.

    Selain dapat mengatasi isu kelewatan ke pejabat, WBB juga dapat memanjangkan lagi tempoh perkhidmatan yang dapat diberikan kepada orang ramai iaitu waktu operasi bermula seawal jam 7.30 pagi dan berakhir pada jam 5.30 petang. Dalam hal ini, semua kakitangan awam yang tidak bertugas mengikut shif diberikan tiga (3) pilihan waktu bertugas. Dengan pelaksanaan WBB, kakitangan awam dapat mengatur masa dan jadual masing-masing dengan lebih terancang dan sempurna. Sehubungan itu, pihak Kerajaan tidak melihat pemberian kelonggaran selama 30 minit *(grace period)* kepada kakitangan sebagai satu keperluan. Setiap kakitangan kerajaan perlu merancang dengan bijak urusan seharian mereka.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kenapakah pelan tambahan dan pindaan yang mematuhi semua peruntukan undang-undang kecil seragam bangunan telah ditolak oleh MPPP untuk daripada terkena tempias air hujan ke dalam rumah di lorong belakang berukuran hanya 2 kaki x 4 kaki?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Semua permohonan kelulusan pelan bangunan sama ada untuk cadangan pindaan/tambahan ataupun bangunan baru yang mematuhi kehendak-kehendak perundangan/akta/garis panduan MPPP perlu mendapatkan kelulusan MPPP.

    Pihak MPPP tidak pasti terdapat kes seperti tersebut di atas yang telah walaupun telah mematuhi semua kehendak Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, 1984. Semakan lanjut boleh dibuat kepada pihak MPPP untuk mengetahui status permohonan berkaitan secara spesifik.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Adakah kerajaan bercadang untuk membina masjid baru atau memperbesarkan masjid yang sedia ada bagi menampung jemaah yang bersembahyang Jumaat sehingga di atas jalan dan kaki lima di DUN Batu Uban seperti di Masjid Sungai Nibong?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Soalan ini telah dibangkitkan oleh Y.B. Tuan Sim Tze Tzin pada persidangan dewan yang lalu dan telah dijawab di mana kerajaan pada masa ini tiada perancangan untuk pembesaran atau membina semula Masjid Sungai Nibong Besar walau pun kerajaan menyedari ruang solat yang sedia ada tidak dapat menampung bilangan jemaah yang telah bertambah. Ini adalah disebabkan kedudukan masjid berkenaan yang terlalu hampir dengan jalan dan jejantas dan tiada tanah di sekitarnya untuk tujuan pembesaran. Untuk membina semula masjid secara bertingkat di tapak yang sama

juga adalah tidak sesuai pada masa ini kerana masjid yang sedia ada perlu dirobohkan sedangkan struktur bangunan masih elok. Selain itu, bangunan masjid bertingkat ini juga terlalu hampir dan menyamai ketinggian jejantas yang sedia ada sekiranya dibina.

Bagi mengatasi kesesakan jemaah terutamanya pada hari Jumaat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah memecahkan sempadan qariah masjid ini kepada qariah yang baru diwujudkan iaitu Qariah Sungai Dua, Taman Pekaka di mana Masjid As-Soghir, Taman Pekaka telah memulakan Solat Jumaat mulai 6 Mac 2009. Daripada maklum balas yang diterima, bilangan jemaah di Masjid As-Soghir, Taman Pekaka ini telah meningkat dan bilangan jemaah di Masjid Sungai Nibong Besar dijangka akan berkurangan. Namun begitu, pada masa ini masih terdapat jemaah yang bersolat di atas kaki lima di bawah jejantas kerana jemaah ini telah biasa dan memilih untuk bersolat di masjid berkenaan dan tidak mahu bersolat di masjid lain.`

XVII. Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersedia meluluskan serta mempromosikan penggunaan pengangkutan/kenderaan elektrik yang jauh lebih *environmentally friendly*?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih belum bersedia untuk melaksanakan penggunaan pengangkutan/kenderaan elektrik secara komersial. Sememangnya kenderaan elektrik mempunyai banyak kebaikan dari segi ekonomi dan alam sekitar jika dibandingkan dengan kenderaan yang menggunakan minyak. Walau bagaimanapun, sebelum penggunaan kenderaan elektrik dapat dilaksanakan secara komersial, satu dasar harus digubal terlebih dahulu dengan mengambil kira pelbagai aspek supaya kepentingan pengguna dapat diutamakan dan pihak pengeluar tidak mengalami kerugian.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Nyatakan jumlah projek pembangunan yang telah di lulus dan ditawarkan oleh Kerajaan Pulau Pinang sejak 2003 hingga 2007 yang tidak ditender.

   (b) Nyatakan nama Ahli MMK yang bertanggungjawab pada masa yang berkenaan?

   (c) Nyatakan jumlah nilai dan senaraikan kontraktor yang terlibat untuk setiap projek pembangunan secara spesifik dan terperinci?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Dalam tempoh 2003 hingga 2007, terdapat 21 projek yang telah diluluskan dan ditawarkan oleh Kerajaan Negeri tanpa melalui proses sebut harga atau tidak di tender.

   (b) Kelulusan bagi mendapatkan pengecualian daripada peraturan panggilan sebut harga atau tawaran tender bagi projek-projek yang terlibat adalah di bawah bidang kuasa Y.B. Pegawai Kewangan Negeri sepertimana ketetapan di Arahan Perbendaharaan 168. Pegawai Kewangan Negeri hanya akan menimbangkan permohonan pengecualian daripada tender terbuka setelah mendapat permohonan serta perakuan daripada Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan. Kebiasaan pengecualian diberi apabila kerja-kerja yang perlu

dilaksanakan merupakan kerja-kerja segera, melibatkan kepakaran khusus dan *'emergency'*. Harga tawaran seterusnya disahkan dalam Jawatankuasa Teknikal dan Mesyuarat Jawatankuasa Tender yang mana berkaitan. Ahli MMK tidak mempunyai kuasa untuk meluluskan sebarang projek secara rundingan terus dan tanpa melalui proses sebut harga atau tender.

(c) Jumlah nilai dan senarai kontraktor yang terlibat adalah seperti di berikut:-

BIL	PROJEK PEMBANGUNAN	TAHUN	NILAI PROJEK (RM)	KONTRAKTOR
1.	Membekal dan memasang Sistem Peralatan Bilik Persidangan Pejabat Majlis Tindakan Pelancongan	2003	99,500.00	Syarikat Hutec Sdn. Bhd.
2.	Kerja-kerja Membaikpulih Stesyen bawah Keretapi Bukit Bendera	2003	1,355,000.00	Najcom Sdn. Bhd.
3.	Menaiktaraf Kawasan Lebuh Pantai dan Kawasan Sekitarnya	2003	2,441,535.00	Pen-Heritage Consultancy Sdn. Bhd.
4.	Menaiktaraf Kawasan Lebuh Acheh dan Lebuh Armenian termasuk kerja-kerja design	2003	6,126,000.00	PDC AR&T – Nusabina JV
5.	Pengidahan Kawasan Sekitar Port Cornwallis	2003	1,018,000.00	Ablemenge Yison Sdn. Bhd.– Jelapang Enterprise
6.	Kerja-kerja Pemuliharaan Bangunan 116 & 118 Lebuh Acheh	2003	1,090,000.00	Najcom Sdn. Bhd.
7.	Melaksanakan Kerja-kerja Membekal dan Memasang *Horizontal Cabling Network Equipment Project Installation & Commissioning* Pejabat Majlis Tindakan Pelancongan Negeri	2003	6,720.00	Mesiniaga
8.	*The Design, Supply, Installation & Commissioning of The Penang Hill Railway Electrical Drive System*	2003	500,000.00	Alam Langkawi Sdn. Bhd.
9.	Pemasangan Jubin Di Bilik Seminar Kompleks Masyarakat Penyayang	2003	9,137.00	Taruh Minda Sdn. Bhd.
10.	Projek Rangkaian *LAN* di KOMTAR	2003	195,336.00	Mesiniaga Berhad
11.	Kerja-kerja Ukiran Seni Khat di bahagian Atas dewan Solat Masjid Negeri Pulau Pinang	2003	130,000.00	Syarikat Pakatan Ukur Tradisional 1
12.	Pembinaan Pusat Gimnasium	2006	146,168.00	i) AMN SPRT Enterprise 111,830.00 ii) Mujiyat Ehsan Enterprise 34,338.00
13.	Pemasangan Sistem Siaraya di Masjid Negeri Pulau Pinang	2006	525,000.00	Syarikat AFS Engineering (M) Sdn. Bhd.
14.	Kerja-kerja Pembaikan Kecil & Ubahsuai Masjid Al-Amin Pekan Sungai Dua, Seberang Perai Utara	2006	75,000.00	Guar Bakti Enterprise
15.	Kerja-kerja Membaiki Tandas, Tempat Wuduk, Pagar Satu Setar Surau Mutiara Perdana, Bayan Lepas, DBD P.P	2006	57,700.00	Syarikat Perniagaan Damai Bistari
16.	Peningkatan Portal Kerajaan Negeri Pulau Pinang	2006	191,000.00	Alam Tekno Sdn. Bhd.
17.	Kerja-kerja Membaiki Bangunan Asrama Pelajar Pulau Pinang di Kaherah, Mesir	2007	497,000.00	Syarikat El-Affal Group of Companies
18.	Membekal, Membangun, Memasang, Menguji dan Mentadbir Sistem Perantaraan Projek Negeri di PSUK	2007	45,500.00	Syarikat Plamera Technology Sdn. Bhd.
19.	Kerja-kerja Merawat Bumbung Konkrit Bangunan Masjid Negeri Pulau Pinang	2007	420,000.00	U.E Kurnia Sdn. Bhd.
20.	Menaiktaraf Rangkaian *WAN* Ke Pejabat Di Luar KOMTAR	2007	708,666.21	Syarikat Telekom Malaysia Berhad.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Nyatakan jumlah projek di tanah tinggi dan/atau *hill slopes* yang telah diluluskan oleh Kerajaan Pulau Pinang sejak 2004 hingga 28.2.2008.

(a) Nyatakan nama Ahli MMK yang berkenaan.

(b) Senaraikan syarikat yang berkenaan.

(c) Senaraikan setiap projek dan nama syarikat di mana pernah berlakunya hakisan tanah dan atau tanah runtuh.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Penjelasan projek di tanah tinggi yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak 2004 hingga 28.2.2008 adalah seperti berikut:-

   (a) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan ketika itu ialah Y.B. Dato' Koay Kar Huah.

   (b) Projek tanah tinggi yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri sejak 1992 hingga Mac 2008 berserta syarikat bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) adalah seperti di Lampiran A.

   (c) Senarai projek dan nama syarikat yang pernah berlaku hakisan tanah dan/atau tanah runtuh bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di Lampiran B.

   Bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) jumlah projek di tanah tinggi (*hill slopes*) serta nama syarikat setiap projek juga di mana pernah berlakunya hakisan tanah atau tanah runtuh yang telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sejak 2004 sehingga 28 Februari 2008 adalah seperti di Lampiran C.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah kedudukan projek PGCC *(Penang Global City Centre)* sekarang?

   (a) Adakah Kelab Lumba Kuda akan dipindahkan ke Batu Kawan?

   (b) Adakah kerajaan negeri berhasrat membuat perancangan semula tapak asal PGCC?

   (c) Adakah kerajaan negeri akan membenarkan tapak asal PGCC untuk pembangunan perumahan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Projek *Penang Global City Centre (PGCC)* merupakan satu cadangan projek pembangunan hartanah bercampur *(mixed property development)* yang berskala besar di tapak tanah Kelab Lumba Kuda. Ianya mengandungi beberapa komponen iaitu pusat konvensyen, pusat seni lakon, hotel, pejabat dan kondominium. Kedudukan sekarang ialah Permohonan Kebenaran merancang pembangunan PGCC telah dibentangkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pada 29 Julai 2008 untuk pertimbangan. Majlis telah menolak permohonan Kebenaran Merancang ini atas alasan-alasan berikut :-

   (i) Cadangan pemajuan hendaklah mengambil kira ketumpatan kawasan sekitar iaitu Taman Jesselton 6 unit/ekar, Jalan Scotland 10.20 unit/ekar dan jalan Batu Gantung 15-30 unit/ekar;

   (ii) Pemohon tidak mengembalikan pelan pindaan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk diproses selanjutnya;

   (iii) Tidak mengemukakan permohonan secara rasmi kepada MPPP dan Pihak berkuasa Negeri bagi cadangan pemajuan LMC di atas tanah Majlis dan Kerajaan Negeri, Jalan Padang Tembak;

   (iv) Tidak mendapatkan pengesahan daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk jajaran PORR yang melalui tapak pemajuan;

   (v) Tidak mendapat pengesahan untuk cadangan pembinaan jajaran dan Stesen Monorel;

BIL	CADANGAN PEMAJUAN	NO LOT	SEK / MUK	BANDAR / DAERAH	LOKASI	NAMA PEMOHON	NAMA AKITEK	STATUS	TARIKH STATUS	NO KM	BIL
1	MENDIRIKAN PADANG GOLF 18 LUBANG, RUMAH KELAB 4 TINGKAT, HOTEL 14 TINGKAT DAN 2 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA BAWAH TANAH (380 BILIK), 3 BLOK 14/15 TINGKAT RUMAHPANGSA KOS RENDAH RM25,000 SEUNIT (1000 UNIT), 4 BLOK 9, 11, 15 TINGKAT PANGSAPURI (390 UNIT), 50 UNIT RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT, 88 PLOT-PLOT BANGLO, 12 UNIT RUMAHKEDAI 3 TINGKAT, 1 TAPAK SEKOLAH DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN.	5791 & 8134	Mukim 12 Bayan Lepas	Daerah Barat Daya	Jalan Relau	PPH RESORT (PG) SDN. BHD.	ANG KHENG LENG & RAKAN-RAKAN	Lulus	14/04/1995	JPB/KM/1215/A	8
2	MENDIRIKAN 2 BLOK 32 TINGKAT RUMAHPANGSA KOS SEDERHANA RENDAH (1200 UNIT KEDIAMAN DAN 17 UNIT KEDAI) DAN 1 BLOK 3 TINGKAT PUSAT PENJAJA DAN 2 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA.	102, 104, 105, 493, 1664 & 1882	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Paya Terubong	UNI-LEE CO. SDN.BHD	ONG KENG POH AKITEK	Lulus	13/06/1995	JPB/KM/1264/A	9

3	PINDAAN KEPADA KEBENARAN MERANCANG JPB/KM/1215(A) UNTUK: a) RUMAH KELAB 4 KEPADA RUMAH KELAB 2 TINGKAT DGN. 'CLOCK TOWER' DAN 4 TINGKAT BASEMEN b) BLOK A, B1 DAN B2 RUMAHPANGSA KOS RENDAH RM25,000 DARI 651 UNIT KEPADA (650 UNIT) c) BLOK C RUMAHPANGSA KOS RENDAH RM25,000 DARI 349 UNIT KEPADA (350 UNIT) d) 4 BLOK RUMAHPANGSA KOS SEDERHANA (390 UNIT) DARI 9-15 TINGKAT KEPADA (390 UNIT) 12-17 TINGKAT e) 12 UNIT RUMAHKEDAI DARI 3 TINGKAT KEPADA 4 TINGKAT TERMASUK LANTAI MEZZANINE DAN TAPAK TERBUKA TEMPAT LETAK KERETA f) TAMBAHAN RUMAH BERKEMBAR DARI 50 UNIT KEPADA 84 UNIT g) PERUBAHAN TAPAK PENCAWANG TNB.	5791 & 8134	Mukim 12 Bayan Lepas	Daerah Barat Daya	Jalan Relau	PPH RESORT (PG) SDN. BHD.	ANG KHENG LENG & RAKAN-RAKAN	Lulus	11/11/1995	JPB/KM/1395/A	10

4	PINDAAN KEPADA KEBENARAN MERANCANG NO. JPB/KM/1347/A DARIPADA 3 BLOK PANGSAPURI A 8 TINGKAT (104 UNIT) BERSAMBUNGAN DENGAN 1 BLOK PANGSAPURI B 17 TINGKAT (112 UNIT), 1 BLOK PAGSAPURI C 19 TINGKAT DAN 1 BLOK PANGSAPURI C 18 TINGKAT (352 UNIT) BERSAMBUNGAN DENGAN 1 BLOK TEMPAT LETAK KERETA 5 TINGKAT (393 RUANG), 1 BLOK KEDAI DAN RUANG NIAGA 4 TINGKAT (24 UNIT) DAN TAPAK PUSAT PENJAJA KEPADA PEMAJUAN 3 BLOK PANGSAPURI 6TKT. JENIS 'A' (70 UNIT) BERSAMBUNGAN DENGAN 1 BLOK TEMPAT LETAK KERETA 4TKT. BERSAMBUNGAN DENGAN 1 BLOK PANGSAPURI 18TKT. JENIS 'B' (126 UNIT) BERSAMBUNGAN DENGAN 2 BLOK PANGSAPURI JENIS 'C' 20TKT. (361 UNIT) BERSAMBUNGAN DENGAN 1 BLOK TEMPAT LETAK KERETA 5TKT. DAN 1 BLOK KEDAI DAN RUANG NIAGA 4TKT. (32 UNIT) DAN TAPAK PUSAT PENJAJA.	27, 28, 31, 32 & 213	Seksyen 2 Batu Feringgi	Batu Feringgi,DTL	Jalan Batu Feringgi	ANGLO ORIENTAL (M) SDN. BHD.	YOONG & ASSOCIATES CHARTERED AKITEK	Lulus	21/12/1995	JPB/KM/1430/A	11
5	MENDIRIKAN 2 BLOK PANGSAPURI 22 TINGKAT YANG (MENGANDUNGI 19 TINGKAT MENARA (558 UNIT KEDIAMAN DAN 9 UNIT KEDAI) DAN 3 TINGKAT PODIUM TEMPAT LETAK KERETA).	Sbhg. 4789 (Plot 12)	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Jalan Paya Terubong	DAYANUSA SDN. BHD.	OCA AKITEK	Lulus	21/12/1995	JPB/KM/1423/A	12
6	MENDIRIKAN (1 UNIT) RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT DAN SEBUAH STOR MENYIMPAN PERALATAN PERKEBUNAN (KERJA PEMBINAAN TELAH DIJALANKAN).	1604	Mukim 16 Ayer Itam	Air Hitam,DTL	Jalan Padang Tembak/Jalan Sempadan	GAN CHAI LENG SDN. BHD..	NEOH AKITEK	Lulus	12/02/1996	JPB/KM/1454/A	13
7	MENDIRIKAN (1 UNIT) RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT.	PT.1343 (HS(D)3782)	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Lebuh Bukit Jambul	LIM BENG GEOK	ONG KENG POH AKITEK	Lulus	08/03/1996	JPB/KM/1469/A	14

8	MENDIRIKAN 3 BLOK RUMAHPANGSA 13, 19 DAN 22 TINGKAT (826 UNIT), 1 BLOK RUMAHPANGSA KOS SEDERHANA RENDAH 17 TINGKAT RM 50,000 (496 UNIT) DAN PODIUM 4 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA DENGAN KEMUDAHAN REKREASI.	17, Sbhg. 16 & 8756	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Lorong Semarak Api 2	CHUP SENG HOLDING SDN. BHD.	NG KWENG SIM AKITEK	Lulus	03/12/1996	JPB/KM/1683/A	15
9	MENDIRIKAN PEMBANGUNAN YANG MENGANDUNGI:-a) FASA B- 2 BLOK PANGSAPURI 21 TINGKAT (198 UNIT)& 2 BLOK PANGSAPURI 5 TKT (90 UNIT)b) FASA C-4 BLOK PANGSAPURI 28 TINGKAT (484 UNIT) , 24 PLOT BANGLO.c) FASA D-1 BLOK PANGSAPURI KOS RENDAH (700 KP) 18-20 TINGKAT (367 UNIT) KEPADA d) FASA B-1 BLOK 16-25 TINGKAT (236 UNIT) & PLOT BANGLO e) FASA -2 BLOK PANGSAPURI 36 TINGKAT (162 UNIT), 2 BLOK TEMPAT LETAK KERETA 5 TINGKAT DAN 21 PLOT BANGLO f) FASA D- 2 BLOK PANGSAPURI 10 TINGKAT (136 UNIT).	3998 (Lot Lama 003604)	Bandar Tanjong Bunga	Tanjong Bunga,DTL	Jalan Chan Siew Teong	LEADER GARDEN SDN. BHD.	EAST DESIGN ARCHITECT SDN. BHD.	Lulus	16/12/1996	JPB/KM/1703/A	16
10	PINDAAN KEPADA JPB/KM/1215/A,JPB/KM/1395/A BAGI TAMBAHAN : i) 4 TINGKAT PEJABAT PENGURUSAN ii) 1 TINGKAT PEJABAT PENYELENGGARAAN UNTUK PADANG GOLF iii) PINTU GERBANG iv) PERUBAHAN TAPAK RESERVOIR DAN PETAK-PETAK BANGLO.	5791 & 8134	Mukim 12 Bayan Lepas	Daerah Barat Daya	Jalan Relau	PPH RESORT (PG) SDN. BHD.	ANG KHENG LENG & RAKAN-RAKAN	Lulus	14/05/1997	JPB/KM/1780/A	17

11	MENDIRIKAN 14 BLOK PANGSAPURI (1598 UNIT) DAN BANGLO 3 TINGKAT (105 UNIT) RUMAH BERKEMBAR (132 UNIT), RUMAH TERES (124 UNIT).	31, 90, 92, 93, 97-107, 109, 110, 439, 478, 479, 493-496, 508-514 (Mk. 17), Sbhg. 95, 378, 379 & 593 (Sek 2)	Seksyen 2 Batu Feringgi	Batu Feringgi,DTL	Jalan Batu Feringgi	GEOTRADE SDN. BHD.	H SUN AKITEK	Lulus	25/06/1997	JPB/KM/1828/A	18
12	MENDIRIKAN 1 BLOK PANGSAPURI 21 TINGKAT YANG MENGANDUNGI 17 TINGKAT MENARA DAN 4 TINGKAT PODIUM (121 UNIT), VILLA TOWER 4 TINGKAT (18 UNIT), BLOK TERES 4 TINGKAT (17 UNIT), TOWN HOUSE 6 TINGKAT (60 UNIT)(JUMLAH 216 UNIT).	426, 429, 430-458, 462-476, 478-496, 498 & 499	Seksyen 2 Batu Feringgi	Batu Feringgi,DTL	Jalan Low Yat	MOUNT PLESURE CORP. SDN. BHD.	ANGKATAN	Lulus	13/08/1997	JPB/KM/1856/A	19
13	PINDAAN KEPADA JPB/KM/1395/A BAGI TAMBAHAN/PINDAAN RUMAH KELAB 2 TINGKAT DENGAN 'CLOK TOWER' DAN 4 TINGKAT BASEMEN KEPADA RUMAH KELAB 2 TINGKAT DENGAN 'CLOK TOWER' DAN 6 TINGKAT BASEMEN UNTUK TEMPAT LETAK KERETA DAN BILIK TETAMU.	5791 & 8134	Mukim 12 Bayan Lepas	Daerah Barat Daya	Jalan Relau	PPH RESORT (PG) SDN. BHD.	ANG KHENG LENG & RAKAN-RAKAN	Lulus	13/08/1997	JPB/KM/1858/A	20
14	MENDIRIKAN 1 BLOK KELAB 5 TINGKAT, 1 BLOK BANGUNAN SUKAN 3 TINGKAT DAN 3 PARAS TEMPAT LETAK KERETA.	537 (Lot Lama 153-155)	Mukim 17 Batu Ferringi	Daerah Timur Laut	Jalan Tanjong Bunga	TAMAN RATU DEV. SDN. BHD..	YOONG & ASSOCIATES	Lulus	08/10/1997	JPB/KM/1887/A	21
15	MENDIRIKAN 4 TINGKAT RUMAH SESEBUAH (52 UNIT) DAN ' CLUBHOUSE' 3 TINGKAT.	35 & 89	Seksyen 2 Georgetown	Batu Feringgi,DTL	Bandar Batu Feringgi	DELTA INSIGNIA SDN. BHD.	G & A AKITEK	Lulus	22/10/1997	JPB/KM/1901/A	22

16	MENDIRIKAN 1 BLOK 17 TINGKAT PANGSAPURI (115 UNIT) DAN 4 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA DAN 1 TINGKAT BASEMEN, 1 BLOK 16 TINGKAT PANGSAPURI (110 UNIT) DAN 4 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA, 1 BLOK 4 TINIGKAT PANGSAPURI (8 UNIT) DENGAN PUSAT REKREASI DAN 1 TINGKAT BASEMEN PUSAT PENJAJA DAN 4 BLOK 5 TINGKAT PANGSAPURI (40 UNIT).	Sbhg. 119, 120, 121, 122, 3293 & 3412	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Bukit Jambul	WORLDWIDE VENTURES SDN. BHD.	ONG KENG POH AKITEK	Lulus	09/11/1997	JPB/KM/1911/A	23
17	MENDIRIKAN (30 UNIT) RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT.	Sbhg. 342	Seksyen 2 Batu Feringgi	Batu Feringgi,DTL	Bandar Batu Feringgi	ALAM HARMONI SDN. BHD.	ONG KENG POH AKITEK	Lulus	16/02/1998	JPB/KM/1964/A	24
18	MENDIRIKAN (25 UNIT) BANGLO 2 TINGKAT.	199 & Sbhg. 537	Mukim 17 Batu Ferringi	Daerah Timur Laut	Jalan Tanjong Bunga	TAMAN RATU DEV. SDN. BHD..	YOONG & ASSOCIATES CHARTERED AKITEK	Lulus	11/11/1998	JPB/KM/2099/A	25
19	MENDIRIKAN RUMAH SESEBUAH 2 DAN 3 TINGKAT (108 UNIT) HAKMILIK STRATA DAN 1 BLOK KEMUDAHAN MASYARAKAT.	2-4, 46 & 47	Seksyen 1 Batu Feringgi	Batu Feringgi,DTL	Jalan Teluk Bahang	COSDA (M) SDN. BHD.	TEOH ARCHITECT	Lulus	10/02/1999	JPB/KM/2136/A	26
20	MENDIRIKAN (2 UNIT) RUMAH SESEBUAH 3 DAN 4 TINGKAT.	3662	Bandar Tanjong Bunga	Tanjong Bunga,DTL	Jalan Cheah Phee Cheok	OOI BOON SENG	K.L WONG	Lulus	11/02/1999	JPB/KM/2137/A	27

21	MENDIRIKAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR YANG MENGANDUNGI a) KEDIAMAN 5 TINGKAT PANGSAPURI KOS RENDAH (600)(440 UNIT) PANGSAPURI KOS SEDERHANA RENDAH (700)(400 UNIT) PANGSAPURI KOS SEDERHANA (800KP) (240 UNIT) 2 TINGKAT RUMAH TERES JENIS 'A' (1600KP)(120 UNIT) RUMAH TERES JENIS 'B' (1200KP)(161 UNIT) RUMAH BERKEMBAR (1800KP)(182 UNIT) RUMAH BANGLO (3600KP)(18 UNIT) LOT DUSUN(43 UNIT) b) KOMERSIAL/INDUSTRI RINGAN 2 TINGKAT KEDAI/PEJABAT (2660KP)(171 UNIT) 1 1/2 TINGKAT TERES INDUSTRI RINGAN (2450KP)(120 UNIT) 1 1/2 TINGKAT BERKEMBAR INDUSTRI RINGAN(4200KP) (46 UNIT) STESEN MINYAK (1 UNIT) c) KEMUDAHAN AWAM MASJID, SURAU, DEWAN SEBAGUNA, TAPAK SEKOLAH DAN MEDAN SELERA.	PT 124 & Sbhg. 255	Mukim 4 Batu Itam	Daerah Barat Daya	Jalan Sungai Rusa	MBSB DEV. SDN. BHD..	AZZA ASSOCIATE AKITEK	Lulus	03/05/1999	JPB/KM/2182/A	28
22	MENDIRIKAN RUMAH SESEBUAH 2 DAN 3 TINGKAT (108 UNIT) HAKMILIK STRATA DAN 1 BLOK KEMUDAHAN MASYARAKAT.	2-4, 46 & 47	Seksyen 1 Batu Feringgi	Batu Feringgi,DTL	Jalan Batu Feringgi	COSDA (M) SDN. BHD.	TEOH ARCHITECT	Lulus	09/06/2000	JPB/KM/2354/A	29
23	MENDIRIKAN (1 UNIT) RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT.	707	Mukim 10 Bukit Relau	Daerah Barat Daya	Jalan Tun Sardon	LOH KHEE LIAN	BYG AKITEK SDN. BHD.	Lulus	27/07/2000	JPB/KM/2374/A	30

24	PINDAAN KEPADA JPB/KM/1152/A BAGI MEMINDA:a) PARCEL 1/MC3A DARI 1 BLOK 15 TINGKAT PANGSAPURI DAN 3 TINGKAT BASEMEN TEMPAT LETAK KERETA (112 UNIT) KEPADA 1 BLOK 12 TINGKAT PANGSAPURI DAN 3 TINGKAT BASEMEN TEMPAT LETAK KERETA (81 UNIT)b) PARCEL 1/MC3B DARI BLOK 15 TINGKAT PANGSAPURI DAN 4 TINGKAT BASEMEN TEMPAT LETAK KERETA (112 UNIT) KEPADA 1 BLOK 12 TINGKAT PANGSAPURI DAN 4 TINGKAT BASEMEN TEMPAT c) PARCEL 1/MC4 DARI 1 BLOK 15 TINGKAT PANGSAPURI (112 UNIT) DAN 4 TINGKAT PODIUM PERDAGANGAN DAN PEJABAT 1 BLOK 23 TINGKAT PANGSAPURI (173 UNIT) DAN 1 BLOK 4 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA.	PT 1704 & PT 1705	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Jalan Paya Terubong	WORLDWIDE VENTURES SDN. BHD.	ONG KENG POH ARKITEK	Lulus	9/7/2000	JPB/KM/2395/A	31
25	MENDIRIKAN (1 UNIT) RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT.	PT.1344 (HS(D)3783)	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Leboh Bukit Jambul	SCOPE TEAM (M) SDN. BHD.	G.N AKITEK	Lulus	08/03/2001	JPB/KM/2483/A	32
26	MENDIRIKAN (95 UNIT) RUMAH BANDAR 2, 3 & 4 TINGKAT DAN 1 BLOK RUMAH KELAB 3 TINGKAT.	1331, 1332 & 1333	Seksyen 1 Bd Air Hitam	Air Hitam,DTL	Lorong Khoo Hye Keat	JURUSAN UNGGUL (M) SDN. BHD.	OA ARKITEK	Lulus	4/12/2001	JPB/KM/2488/A	33
27	MENDIRIKAN SEBUAH RUMAH KEDIAMAN (1 UNIT).	Sbhg. 547	Mukim 14 Bukit Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Bukit Paya Terubong	TAN CHONG BIN	TIAN KIM KHENG	Lulus	05/07/2001	JPB/KM/2534/A	34
28	PEMBINAAN RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT (4 UNIT), RUMAH SESEBUAH 2 & 3 TINGKAT (30 UNIT) DAN PENJAJARAN SEMULA JALAN DAN PARIT DAN TAPAK PUSAT MASYARAKAT, GERAI, PENJAJA DAN SURAU.	8790 (HS(D)7984) (Percel J) & 8792 (Percel L)	Mukim 12 Bayan Lepas	Daerah Barat Daya	Jalan Sungai Ara 1 & Jalan Sungai Ara 8	TAIMIMA SDN. BHD.	LAWRENCE LOH ARCHITECT	Lulus	12/07/2001	JPB/KM/2536/A	35
29	PINDAAN KEPADA JPB/PM/2775(LB) (JPB/KM/1966/A), BAGI TAMBAHAN 1 TINGKAT RUMAH SESEBUAH DARI 2 TINGKAT KEPADA 3 TINGKAT BANGLO.	PT. 1345	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Lebuh Bukit Jambul	GLOBAL EDGE SDN. BHD.	OA AKITEK	Lulus	16/08/2001	JPB/KM/2566/A	36

30	PEMBANGUNAN KEDIAMAN BERJUMLAH (446 UNIT) TERDIRI:-i. 1 BLOK 20 TINGKAT PANGSAPURI KOS SEDERHANA (300 UNIT) DGN. KEDAI (8 UNIT)ii. 1 BLOK 2 TINGKAT RUMAH SESEBUAH HAKMILIK STRATA (2 UNIT)iii. 67 BLOK 2 TINGKAT RUMAH BEKEMBAR HAKMILIK STRATA (134 UNIT) & 1 BLOK SETINGKAT KEMUDAHAN MASYARAKATiv. 1 PLOT RUMAH SESEBUAH (CHALET)(1 UNIT)v. 1 PLOT TAPAK RUMAH SESEBUAH (1 UNIT)vi. PENEMPATAN SEMULA & TAMBAHAN KEPADA TOKONG CINA SEDIADA.	7, 415, 416, 480, 481, 482, 483, 484, 485, 486, 529, 540, 541, 542, 233 (Mk.17), Sbhg. 723, 728 & 197 (Mk.2)	Mukim 17 Batu Ferringi	Batu Feringgi,DTL	Jalan Teluk Bahang	COSDA (M) SDN. BHD.	TEOH ARCHITECT	Lulus	15/11/2001	JPB/KM/2622/A	37
31	PEMBINAAN 6 BLOK ASRAMA 10 TKT YANG MENGANDUNGI 3008 BILIK,15 UNIT RUMAH PENGGAWA/PENOLONG PENGGAWA,5 UNIT RUMAH FELO,LAIN-LAIN KEMUDAHAN PELAJAR-PELAJAR,2 BLOK 3 TKT PEJABAT PENGURUSAN DAN KAFETERIA,1 BLOK 1 TKT DEWAN SERBAGUNA DAN SEBUAH TANGKI AIR.	230, 235, 8944 & Sbhg. 229, 236, 237, 238 & 231	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Jalan Bukit Gambir	UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	CITYSCAPE AKITEK	Lulus	10/12/2001	JPB/KM/2641/A	38
32	MENDIRIKAN (1 UNIT) RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT.	458	Mukim 14 Bukit Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Paya Terubong	CHEW CHIN HOAY & CHEN SIEW LEE	GN AKITEK	Lulus	21/02/2002	JPB/KM/2654/A	39

33	MENDIRIKAN INSTITUT KEMAHIRAN MARA.	PT 129 (Lot Asal 1297), PT 130 (Lot Asal 789, 301, 302, 1296, 1298 198, 299 & 573), 298, 299, 301, 573, 1296 & 1298	Mukim 6 Pondok Upih	Daerah Barat Daya	Jalan Telok Kumbar/Jalan Pondok Upeh, Balik Pulau.	MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)	REKABINA SDN BHD AKITEK	Lulus	11/03/2002	JPB/KM/2658/A	40
34	MENDIRIKAN 1 BLOK RUMAHPANGSA KOS SEDERHANA RENDAH 15 TINGKAT DAN 5 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA SEPARUH BAWAH TANAH,TERMASUK 1038 UNIT RUMAHPANGSA KOS SEDERHANA RENDAH (HARGA JUALAN RM50,000) DAN 36 UNIT KEDAI.	135 & 3562	Mukim 18 Tanjong Bungah	Tanjong Bunga,DTL	No. 132-E, Jalan Patani	PRIME VIEW SDN. BHD.	K.H.TAN AKITEK	Lulus	11/03/2002	JPB/KM/2659/A	41
35	PINDAAN DAN TAMBAHAN JPB/KM/2354/A BAGI PEMBANGUNAN RUMAH KEDIAMAN 2 - 3 TINGKAT (JUMLAH DARI 108 UNIT KEPADA 103 UNIT) DENGAN 1 BLOK BANGUNAN 1 - 2 TINGKAT KEMUDAHAN MASYARAKAT (KESELURUHAN SKIM DI BAWAH HAKMILIK STRATA)	2-4, 46 & 47 (Lot Baru 59)	Seksyen 1 Batu Feringgi	Batu Feringgi,DTL	Jalan Teluk Bahang	COSDA (M) SDN. BHD.	TEOH ARCHITECT	Lulus	08/04/2002	JPB/KM/2668/A	42
36	MEMBINA KUIL HINDU 1 TINGKAT UNTUK MENGGANTIKAN KUIL SEDIADA.	2837	Mukim 18 Tanjong Bungah	Tanjong Bunga,DTL	Jalan Kebun Bunga	HINDU ENDOWMENT BOARD	CHOONG KUM KWAN & ASSOCIATES AKITEK	Lulus	24/06/2002	JPB/KM/2727/A	43

37	MENDIRIKAN 2 BLOK PANGSAPURI KONDOMINIUM 13 TINGKAT (BLOK A -(66 UNIT) PANGSAPURI & (3 UNIT) PENTHOUSE, BLOK B - (50 UNIT) PANGSAPURI & (3 UNIT) PENTHOUSE), 1 BLOK BANGUNAN LETAK KERETA 4 TINGKAT DENGAN KOLAM RENANG, GELANGGANG TENIS DAN TEMPAT PERMAINAN KANAK-KANAK DI PARAS BUMBUNG DAN GELANGGANG SQUASH.	1575,1576,1661,1663,Sbhg 1656 & Sbhg Petak A & B	Mukim 16 Ayer Itam	Air Hitam,DTL	Jalan Hill Railway Station	MEGA FLOW RESOURCES SDN. BHD.	LIM & ASSOC. CHARTERED ARCHITECTS	Lulus	4/16/2003	JPB/KM/2855/A	44
38	MENDIRIKAN RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT (1 UNIT).	407 [HS(D)4]	Mukim 5 Bukit Balik Pulau	Daerah Barat Daya	Jalan Tun Sardon	MUKIM LIMA FRUITS ESTATE SDN. BHD.	MUKIM LIMA FRUITS ESTATE SDN. BHD.	Lulus	17/04/2003	JPB/KM/2848/A	45
39	MENDIRIKAN 2 BLOK PANGSAPURI 18 TINGKAT (265 UNIT) DENGAN 3 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA, 2 BLOK PANGSAPURI 18 TINGKAT (264 UNIT), 1 BLOK 5 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA DENGAN GELANGGANG TENIS DI TINGKAT ATAS DAN 1 BLOK 1 TINGKAT BANGUNAN KEMUDAHAN MASYARAKAT DENGAN KOLAM RENANG.	11102 & 11228 (Sbhg. Lot Lama 8458)	Mukim 12 Bayan Lepas	Daerah Barat Daya	Jalan Kenari	PALMEX IND. SDN. BHD.	YOONG & ASSOCIATES CHARTERED AKITEK	Lulus	25/06/2003	JPB/KM/2885/A	46
40	PINDAAN KEPADA JPB/PM/1897(LB) PT1 : BLOK G- PINDAAN UNTUK 29 TINGKAT PANGSAPURI KOS SEDERHANA DARI 73 UNIT KEPADA (101 UNIT).	650, 652 & 655	Seksyen 2 Batu Feringgi	Batu Feringgi,DTL	Jalan Pantai Miami	TRANS-INTAN SDN.BHD	BEP AKITEK SDN.BHD	Lulus	08/12/2003	JPB/KM/2967/A	47

41	PERUMAHAN TERDIRI DARIPADA: a) BANGLO 3 TINGKAT (1 UNIT); b) RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT (6 UNIT); c) RUMAH TERES 2 TINGKAT (167 UNIT); d) RUMAH TERES 3 TINGKAT (32 UNIT); e) RUMAH TERES 3 TINGKAT (80 UNIT); f) 4 BLOK PANGSAPURI 8 TINGKAT (480 UNIT KEDIAMAN PADA 900 KAKI PERSEGI SEUNIT); g) 2 BLOK RUMAH PANGSA KOS SEDERHANA 15 TINGKAT (734 UNIT KEDIAMAN PADA 800 KAKI PERSEGI SEUNIT DAN 280 UNIT KEDIAMAN PADA 700 KAKI PERSEGI SEUNIT); h) KEDAI/PEJABAT 3 TINGKAT (100 UNIT); i) 1 BLOK RUMAH PANGSA KOS RENDAH, 19 TINGKAT (712 UNIT KEDIAMAN PADA 650 KAKI PERSEGI SEUNIT); j) 1 BLOK MEDAN MAKAN, PASAR DAN RUANG KERETA 7 TINGKAT.	202, 236, 516, 711, 712, 713, 714, 715, 761, 765, 980, 981, 982 & 983	Mukim 11 Teluk Kumbar	Daerah Barat Daya	Jalan Teluk Kumbar	TPPT SDN. BHD.	RKA AKITEK SDN.BHD	Lulus	08/03/2004	JPB/KM/2988/A	48

42	RAYUAN PINDAAN DAN TAMBAHAN SYARAT TERHADAP JPB/KM/3029/A DARI MENYERAH TAPAK IBADAT LAIN-LAIN AGAMA KEPADA TIDAK MENYERAH TAPAK IBADAT LAIN-LAIN AGAMA UNTUK CADAGAN MEMBINA PEMBANGUNAN TERDIRI:a) FASA 1 - 2 BLOK PANGSAPURI 19 TINGKAT (256 UNIT) DAN - 1 BLOK BANGUNAN LETAK KERETA 4 TINGKAT;b) FASA 2 - 6 BLOK RUMAH TERES STRATA 3 TINGKAT JENIS A (58 UNIT)- 1 BLOK RUMAH TERES STRATA 3 TINGKAT JENIS B1 (10 UNIT)- 5 BLOK RUMAH TERES STRATA 3 TINGKAT JENIS B2 (42 UNIT)- 2 BLOK RUMAH TERES STRATA 2 TINGKAT DENGAN STILT JEIS B3 (18 UNIT)- 1 BLOK 'TOWN HOUSE' 3 TINGKAT JENIS C1 (8 UNIT)- 1 BLOK 'TOWN HOUSE' 2 TINGKAT DENGAN STILT JENIS C2 (32 UNIT) DAN - BANGUNAN KELAB (CLUB HOUSE) 2 TINGKATc) FASA 3 - BANGLO 3 TINGKAT (8 UNIT)(Tajuk Pindaan Pada 13/05/2004)MENDIRIKAN FASA 1 - 2 BLOK PANGSAPURI 19 TINGKAT (256 UNIT) - 1 BLOK BANGUNAN LETAK KERETA 4 TINGKAT.FASA 2 - 6 BLOK RUMAH TERES STRATA 3 TINGKAT (JENIS A)(58 UNIT)- 1 BLOK RUMAH TERES STRATA 3 TINGKAT (JENIS B1)(10 UNIT)- 5 BLOK RUMAH TERES STRATA 3 TINGKAT (JENIS B2)(42 UNIT)- 2 BLOK RUMAH TERES STRATA 2 TINGKAT DENGAN STILT(JENIS B3)(18 UNIT)- 1 BLOK TOWN HOUSE 3 TINGKAT (JENIS C1)(8 UNIT)- 3 BLOK TOWN HOUSE 2 TINGKAT DENGAN STILT (JENIS C2) (32 UNIT)- BANGUNAN KELAB REKREASI (CLUB HOUSE) 2 TINGKATFASA 3 - BANGLO 2 TINGKAT (8 UNIT).	53, 54, 55 & 56	Mukim 18 Tanjong Bungah	Tanjong Bunga,DTL	Vale Of Tempe, Tanjong Bunga	HUNZA PROP. (NORTH) SDN. BHD.	PERMATA AKITEK SDN. BHD.	Lulus	13/05/2004	JPB/KM/3029/A	49

43	MEMBINA RUMAH LINK 3 TINGKAT (62 UNIT).	371, 372, 373 & 370	Seksyen 2 Batu Feringgi	Batu Feringgi,DTL	Jalan Batu Feringgi	OJY SDN. BHD	OA AKITEK	Lulus	11/08/2004	JPB/KM/3046/A	50
44	MENDIRIKAN:-a) 2 BUAH RUMAH KEDIAMAN (BERKEMBAR) 3 TINGKAT (4 UNIT), b) 28 BUAH RUMAH KEDIAMAN (SESEBUAH) 2 TINGKAT (28 UNIT), c) 25 BUAH RUMAH KEDIAMAN (SESEBUAH) 2 DAN 3 TINGKAT (25 UNIT) DAN d) 1 BUAH BANGUNAN KEMUDAHAN MASYARAKAT 3 TINGKAT (KESELURUHAN HAKMILIK STARATA).	70 & 488	Mukim 14 Bukit Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Solok Paya Terubong 3	GADURI SDN. BHD.	HD & ASSOCIATES AKITEK	Lulus	25/08/2004	JPB/KM/3058/A	51
45	PINDAAN KEPADA KEBENARAN MERANCANG NO. JPB/KM/0696/A [JPB/PM/701(LB)] DARI RUMAH PANGSA 6 TINGKAT BLOK B - (60 UNIT) DAN RUMAH PANGSA 5 TINGKAT LOT C, D & E - (180 UNIT) KEPADA CADANGAN (25 UNIT) LOT BANGLO 3 TINGKAT DAN 8 UNIT LOT RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT DAN PINDAAN KEPADA JAJARAN LINGKARAN LUAR PULAU PINANG (PORR) DAN UBAHSUAIAN LOKASI TAPAK TNB.	9454 (Lot Lama 3367), 9455, 9458, 9459, 9460 & 9470	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Jalan Yeap Chor Ee	PERUMAHAN I&P SDN. BHD.	ERA 3 ARCHITECT SDN. BHD.	Lulus	10/11/2004	JPB/KM/3084/A	52
46	MENDIRIKAN 1 BLOK KONDOMINIUM MEWAH 7 TINGKAT (41 UNIT) DAN RUMAH DESA STRATA 4 TINGKAT (98 UNIT) SERTA 1 BLOK 2 TINGKAT RUMAH KELAB DENGAN KEMUDAHAN MASYARAKAT.	35, 89, 197, Sbhg. 36, 196 & 293	Seksyen 2 Batu Feringgi	Batu Feringgi,DTL	Jalan Batu Feringgi	IVORY MEADOWS SDN. BHD.	G & A AKITEK	Lulus	10/11/2004	JPB/KM/3085/A	53
47	MEROBOHKAN TEA KIOSK SEDIADA NO. 437, STRAWBERRY HILL DAN MEMBINA (1 UNIT) 2 TINGKAT BANGUNAN YANG MENGANDUNGI TINGKAT BAWAH - RESTORAN, DAPUR TINGKAT SATU - BILIK PENGURUS, BILIK MESYUARAT, RUANG KERANI.	Sbhg. 400	Mukim 17 Batu Ferringi	Batu Feringgi,DTL	Strawberry Hill/Bukit Bendera	PENANG HILL COMPANY HOTELS & RESTAURANTS SDN. BHD.	LAWRENCE LOH AKITEK	Lulus	20/01/2005	JPB/KM/3120/A	54

48	MENDIRIKAN RUMAH BERKEMBAR 'STRATA TITLE' 3 TINGKAT BERSAMBUNG (32 UNIT) DAN 1 BLOK RUMAHPANGSA (730KP) 5 TINGKAT (10 UNIT).	PT.1704 (HS(D)4266)	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Lebuh Bukit Jambul	WORLDWIDE VENTURES SDN. BHD.	BYG ARKITEK SDN. BHD.	Lulus	1/26/2005	JPB/KM/3117/A	55
49	MENDIRIKAN (71 UNIT) RUMAH KEDIAMAN TERDIRI DARIPADA (46 UNIT) RUMAH BERKEMBAR BERSTRATA 2 TINGKAT (JENIS A), (5 UNIT) RUMAH SESEBUAH BERSTRATA 3 TINGKAT (JENIS B&C), 1 BLOK (8 UNIT) RUMAHPANGSA 4 TINGKAT (JENIS D), 1 BLOK (12 UNIT) RUMAHPANGSA 4 TINGKAT (JENIS E), 1 BLOK 1 TINGKAT MENGANDUNGI PUSAT KOMUNITI DAN PENCAWANG TNB, 1 BUAH SURAU 1 TINGKAT.	198 & 682	Mukim 11 Teluk Kumbar	Daerah Barat Daya	Jalan Teluk Kumbar	TOP POSITION REALITY SDN. BHD.	TG CHEW ARKITEK	Lulus	1/26/2005	JPB/KM/3115/A	56
50	MENDIRIKAN PEMAJUAN STRATA YANG MENGANDUNGI: a) RUMAH SESEBUAH 4 TINGKAT TYPE A (31 UNIT) b) RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT TYPE B (33 UNIT) c) RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT TYPE C (12 UNIT) d) 1 BLOK PUSAT KOMUNITI 2 TINGKAT (STRATA TITLE).	9325 & Sbhg. 9324	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Jalan Paya Terubong	STERLING RESERVES SDN. BHD.	MEGA ARKITEK	Lulus	3/4/2005	JPB/KM/3144/A	57
51	SKIM PERUMAHAN YANG MEKNGANDUNGI:- a) 1 BLOK RUMAH PANGSA KOS RENDAH 650KP/UNIT 10 TINGKAT (235 UNIT) b) RUMAH TERES (JUMLAH 242 UNIT) TERDIRI:- i) JENIS A (20, X 70') 2 TINGKAT (153 UNIT) ii) JENIS B (20'X 70') 2 TINGKAT (51 UNIT) iii) JENIS C (20' X 70') 2 TIGKAT (38 UNIT) c) RUMAH BERKEMBAR (40' X 80') 2 TINGKAT (10 UNIT) d) RUMAH BANGLO (70' X 94') 2 TINGKAT (29 UNIT) e) KRDAI PEJABAT (20' X 60') 2 TINGKAT (19 UNIT) f) 1 TAPAK SURAU g) 1 TAPAK PUSAT KOMUNITI h) 1 TAPAK GERAI PENJAJA.	405, 521, 638, 639, 640, 641, Sbhg. 643 & 644	Mukim 11 Teluk Kumbar	Daerah Barat Daya	Jalan Teluk Kumbar	I & P DEV. SDN. BHD..	ERA 3 ARCHITECT SDN. BHD.	Lulus	23/03/2005	JPB/KM/3188/A	58

52	PEMBANGUNAN TERDIRI DARIPADA: a) RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT JENIS A1 (2 UNIT)-(PLOT 27-28) b) RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT JENIS A2 (6 UNIT)-(PLOT 21-26) c) RUMAH SESEBUAH 4 TINGKAT JENIS A3 (3 UNIT)-(PLOT 15,19,20) d) RUMAH SESEBUAH 4 TINGKAT JENIS B1 (8 UNIT)-(PLOT 6-10 &16-18) e) RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT JENIS B2 (4 UNIT)-(PLOT 11-14) f) RUMAH SESEBUAH 4 TINGKAT JENIS B3 (5 UNIT)-(PLOT 1-5).	343 & 397	Seksyen 2 Batu Feringgi	Batu Feringgi,DTL	Batu Feringgi	SOLID TRIBUTE SDN. BHD.	ALM ARKITEK	Lulus	4/13/2005	JPB/KM/3164/A	59
53	MENDIRIKAN (38 UNIT) RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT (JENIS A&B).	Sbhg. 11231 (PT. 4606) (HS(D)9954)	Mukim 12 Bayan Lepas	Daerah Barat Daya	Jalan Kenari	PALMEX IND. SDN. BHD.	YOONG & ASSOCIATES CHARTERED AKITEK	Lulus	27/04/2005	JPB/KM/3170/A	60
54	PINDAAN BAGI JPB/PM/2173/A KEPADA MENDIRIKAN PANGSAPURI MEWAH YANG TERDIRI DARI 2 MENARA (1 : 20 TINGKAT - (60 UNIT) TERMASUK 2 UNIT PENTHOUSE) DAN MENARA 2 : 25 TINGKAT - (84 UNIT) TERMASUK 2 UNIT PENTHOUSE) BESERTA 3 TINGKAT PODIUM TEMPAT LETAK KENDERAAN DAN KEMUDAHAN REKREASI.	9024 (PT.1517)	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Jalan Bukit Jambul	BUKIT JAMBUL CONDOMINIUMS SDN. BHD.	ONG KENG POH ARKITEK	Lulus	7/13/2005	JPB/KM/3205/A	61
55	MEROBOH SEBUAH BANGUNAN PERNIAGAAN KOSONG SEDIADA DAN MEMBINA STESYEN MINYAK TANPA PUSAT SERVIS	9324	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Jalan Paya Terubong	STERLING RESERVES SDN. BHD.	MEGA ARKITEK	Lulus	7/26/2005	JPB/KM/3218/A	62
56	MENDIRIKAN (2 UNIT) RUMAH BANGLO: a) RUMAH 1- (1 UNIT) RUMAH MEWAH 2 TINGKAT DENGAN 2 TINGKAT BAWAH TANAH, b) RUMAH 2- (1 UNIT) RUMAH MEWAH 4 TINGKAT.	3662	Bandar Tanjong Bunga	Tanjong Bunga,DTL	Jalan Tanjung Bunga	OOI BOON SENG	KL WONG ARCHITECT	Lulus	30/11/2005	JPB/KM/3269/A	63

57	MENDIRIKAN RUMAH SESEBUAH 4 TINGKAT (21 UNIT) DAN RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT (80 UNIT).	87, 425, 426, 446 & 447	Mukim 17 Batu Ferringi	Batu Feringgi,DTL	Jalan Low Yat	PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD. & MOUNT PLESURE CORP. SDN. BHD.	EAST DESIGN ARCHITECT SDN. BHD.	Lulus	21/12/2005	JPB/KM/3378/A	64
58	MENDIRIKAN 2 BLOK KONDOMINIUM 28 TINGKAT (396 UNIT) DENGAN 2 TINGKAT TEMPAT LETAK KENDERAAN BASEMEN DAN 1 BLOK TEMPAT LETAK KENDERAAN / REKRESI 6 TINGKAT DENGAN KEMUDAHAN MASYARAKAT DI PARAS BUMBUNG.	4189	Bandar Tanjong Bunga	Tanjong Bunga,DTL	Jalan Selari Pantai Utara	LEADER GARDEN SDN. BHD.	EAST DESIGN CONS. SDN. BHD.	Lulus	3/23/2006	JPB/KM/3293/A	65
59	MENDIRIKAN:- a) 2 BLOK PANGSAPURI KOS SEDERHANA 16 TINGKAT (BLOK B1 & B2 (270 UNIT) DI ATAS PODIUM (BLOK B1 DAN BLOK B2) (270 UNIT) b) 72 BLOK 6 TINGKAT (C1-C72) YANG MENGANDUNGI 288 UNIT RUMAH KEDIAMAN 'LINKED' c) 1 BLOK PANGSAPURI KOS SEDERHANA 13 TINGKAT YANG MENGANDUNGI 84 UNIT 'DUPLEX' DENGAN 2 TINGKAT BASEMEN TEMPAT LETAK KERETA (BLOK D).	5210 & Sbhg. 5214	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Paya Terubong	MBSB DEV. SDN. BHD..	DAYAMUDA AKITEK	Lulus	20/04/2006	JPB/KM/3311/A	66
60	PEMBINAAN SEMENTARA 3 TAHUN SEBUAH STOR BATA.	Sbhg. 7592	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Jalan Bukit Gambir	UNIQUE PAVE SDN. BHD.	ABU HASSAN SALLEH ARKITEK	Lulus	4/20/2006	JPB/KM/3306/A	67
61	MENDIRIKAN SKIM PERUMAHAN YANG TERDIRI DARIPADA :- a) RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT (2 UNIT) b) RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT (18 UNIT) c) RUMAH TERES 3 TINGKAT (9 UNIT).	PT.1954 (HS(D)8208)	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Simpang Lebuh Bukit Jambul/Lintang Bukit Jambul	ACRELINE SDN. BHD.	NEOH ARKITEK	Lulus	4/20/2006	JPB/KM/3309/A	68

62	MENDIRIKAN 1 BLOK KONDOMINIUM 19 TINGKAT (144 UNIT-1282 KP/UNIT) DENGAN 4 TINIGKAT PODIUM TEMPAT LETAK KERETA SERTA KEMUDAHAN MASYARAKAT.	10211	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Lintang Bukit Gambir	LERENG WIRA SDN. BHD.	MPG CONSULTANT ARKITEK	Lulus	5/4/2006	JPB/KM/3338/A	69
63	MENDIRIKAN SKIM PERUMAHAN YANG MENGANDUNGI:- a) (12 UNIT) RUMAH BERKEMBAR 21/2 TINGKAT (B1-B12); b) (23 UNIT) RUMAH TERES 2 1/2 TINGKAT (TA1-TA23); c) (63 UNIT) RUMAH TERES 2 TINGKAT (TB1-TB63) & d) (14 UNIT) RUMAH KEDAI 2 TINGKAT (S1-S14).	517	Mukim 11 Teluk Kumbar	Daerah Barat Daya	Jalan Teluk Kumbar	SEBADI CORPORATION SDN. BHD.	NG KWENG SIM ARKITEK	Lulus	6/28/2006	JPB/KM/3401/A	70
64	MENDIRIKAN :- i) FASA 1 - 1 BLOK 3 TINGKAT RUMAH KELAB (BUKAN KEMUDAHAN MASYARAKAT) ii) FASA 2 - 1 BLOK 6 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT DENGAN; - BLOK 2 A-28 TINGKAT KONDOMINIUM (116 UNIT) DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT; - BLOK 2B- 28 TINGKAT KONDOMINIUM (118 UNIT) DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT; - BLOK 2C-28 TINGKAT KONDOMINIUM (116 UNIT) DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT; - BLOK 2D- 4 TINGKAT RUMAH DESA (15 UNIT) iii) FASA 3 -13 UNIT RUMAH BANGLO 4 TINGKAT DAN 6 UNIT RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT; - 6 UNIT RUMAH BANGLO 2 TINGKAIT DAN 1 TINGKAT SEPARA BAWAH TANAH; - 6 UNIT RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT.	342, 346, 347, 348, 349, 350, 351 & 353	Seksyen 2 Batu Feringgi	Batu Feringgi,DTL	Jalan Batu Feringgi	IVORY CONTINENTAL SDN. BHD.	G & A CONS. SDN. BHD.	Lulus	10/5/2006	JPB/KM/3455/A	71

65	PERLINGKUNGAN SEMULA DARI ZON GOLF DAN ZON INFRASTRUKTUR KEPADA ZON PERUMAHAN AM DAN ZON PERNIAGAAN AM YANG MENGANDUNGI:- a) RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT (58 UNIT)b) RUMAH TERES 3 TINGKAT (618 UNIT)c) 2 BLOK RUMAHPANGSA KOS RENDAH 10 TINGKAT (360 UNIT)d) 1 PLOT KEMAJUAN MASA HADAPAN (KOMERSIAL)e) 4 PLOT KEMAJUAN MASA HADAPAN (PERUMAHAN).	11865, 11866, 11897, 11898, 11899 & 12025	Mukim 12 Bayan Lepas	Daerah Barat Daya	Persiaran Kelicap	SETIA PROMENADE SDN. BHD.	EAST DESIGN CONS. SDN. BHD.	Lulus	12/7/2006	JPB/KM/3500/A	72
66	MENDIRIKAN PEMBANGUNAN YANG MENGANDUNGI:- a) RUMAH JENIS BANDARAN 3 TINGKAT - TYPE A (2 UNIT), b) RUMAH JENIS BANDARAN 3 TINGKAT - TYPE A (15 UNIT), c) RUMAH JENIS BANDARAN 3 TINGKAT - TYPE B (6 UNIT), d) RUMAH JENIS BANDARAN 3 TINGKAT - TYPE C (2 UN IT) DAN e) RUMAH JENIS BANDARAN 3 TINGKAT - TYPE D (2 UNIT).	3744, 3745, 3746, 3747, 3748, 3749, 3750 & 3751	Bandar Tanjong Bunga	Tanjong Bunga,DTL	Solok Tan Jit Seng	DYNAMIC HOMEPRO SDN. BHD.	HD & ASSOC. ARCHITECTS	Lulus	12/15/2006	JPB/KM/3514/A	73
67	MENDIRIKAN 1 BLOK (113 UNIT) KONDOMINIUM 21 TINGKAT BERSAMBUNG DENGAN TEMPAT LETAK KERETA 4 TINGKAT.	Sbhg. 4790 (Lot Lama 68)	Seksyen 5 Georgetown	George Town,DTL	Lintang Delima 14	ARAH OBJEKTIF (M) SDN. BHD.	BYG ARKITEK SDN. BHD.	Lulus	12/22/2006	JPB/KM/3517/A	74
68	MENDIRIKAN (20 UNIT) RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT DAN (45 UNIT) RUMAH TERES 3 TINGKAT.	564 & 565	Mukim 17 Batu Ferringi	Batu Feringgi,DTL	Persiaran Tanjung Bunga 2	TAMAN RATU DEV. SDN. BHD.	YOONG & ASSOC. CHARTERED ARCHITECTS	Lulus	3/15/2007	JPB/KM/3527/A	75
69	MENDIRIKAN RUMAH TERES 3 TINGKAT (64 UNIT), TAPAK PENJAJA, TAPAK PUSAT MASYARAKAT DAN TAPAK SURAU.	Sbhg. 8790 (HS(D)7984) (Percel J)	Mukim 12 Bayan Lepas	Daerah Barat Daya	Jalan Sungai Ara 1	TAIMIMA SDN. BHD.	LAWRENCE LOH ARKITEK	Lulus	7/12/2007	JPB/KM/3597/A	76

70	PINDAAN PEMBANGUNAN SKIM PERUMAHAN YANG DILULUSKAN MELALUI KEBENARAN MERANCANG NO. JPB/KM/3429/A (JPB/PM/4691(LB)) DARIPADA 97 UNIT RUMAH BANGLO 2 TINGKAT KEPADA (97 UNIT) RUMAH BANGLO 3 TINGKAT DAN CADANGAN JALAN CUL-DE-SEC.	31, 439, 478, 553, 908 & 942	Mukim 17 Batu Ferringi	Batu Feringgi,DTL	Jalan Sungai 1	BLOSSOM TIME SDN. BHD.	H SUN ARKITEK	Lulus	7/30/2007	JPB/KM/3613/A	77
71	MENDIRIKAN (8 UNIT) RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT.	Sbhg. 14333-14337 (Sbhg Lot Lama 11231)	Mukim 12 Bayan Lepas	Daerah Barat Daya	Jalan Kenari	PALMEX IND. SDN. BHD.	YOONG & ASSOC. CHARTERED ARCHITECTS	Lulus	8/23/2007	JPB/KM/3621/A	78
72	MENDIRIKAN PEMBANGUNAN YANG MENGANDUNGI:- a) RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT (11 UNIT) ; b) RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT (24 UNIT) ; c) RUMAH TERAS 1 TINGKAT (29 UNIT); d) RUMAH TERES 2 TINGKAT (156 UNIT); e) RUMAH TERES 3 TINGKAT (38 UNIT) DAN f) RUMAHPANGSA KOS RENDAH 5 TINGKAT (78 UNIT) DENGAN KEDAI (7 UNIT) PADA PARAS TINGKAT BAWAH.	161, 371, 372 & 509	Mukim 4 Batu Itam	Daerah Barat Daya	Bukit Batu Itam	GOLD MART DEV. SDN. BHD.	KH TAN ARKITEK	Lulus	9/25/2007	JPB/KM/3655/A	79
73	MEROBOH 72 UNIT RUMAH KEDIAMAN SEDIADA DAN MENDIRIKAN:- - 'TOWNHOUSE' 3-4 TINGKAT (116 UNIT) - 1 BLOK PANGSAPURI 20 TINGKAT YANG MENGANDUNGI:- - RUMAHPANGSA KOS SEDERHANA (133 UNIT) - RUMAHPANGSA KOS SEDERHANA RENDAH (123 UNIT) - 4 TINGKAT PODIUM TERMASUK KEMUDAHAN MASYARAKAT DAN TEMPAT LETAK KENDERAAN (KESELURUHAN PEMAJUAN DI BAWAH HAKMILIK STARATA).	2492	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Jalan Paya Terubong	JIRAN IKHLAS SDN. BHD.	KH TAN ARKITEK	Lulus	10/29/2007	JPB/KM/3705/A	80

74	MENDIRIKAN a) RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT (44 UNIT);b) 1 BLOK KONDOMINIUM 32 TINGKAT (112 UNIT) DAN 1 BLOK PODIUM TEMPAT LETAK KERETA 4 TINGKAT;c) 1 UNIT RUMAH KELAB 7 TINGKAT DAN PAVILION REHAT.	27, 31 & 32	Seksyen 2 Batu Feringgi	Batu Feringgi,DTL	Bandar Batu Feringgi	PLANITUDE HEIGHT SDN. BHD.	PERMATA AKITEK SDN. BHD.	Lulus	11/22/2007	JPB/KM/3725/A	81
75	MENDIRIKAN PEMAJUAN TERDIRI DARIPADA:- a) RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT (9 UNIT) DAN b) KEDAI/PEJABAT 2 TINGKAT 5 TINGKAT (14 UNIT).	Sbhg. 2018 (Lot Lama 760)	Mukim 6 Pondok Upih	Daerah Barat Daya	Jalan Tun Sardon	ORIENTAL UNITRONICS SDN BHD.	HD & ASSOC. ARCHITECTS	Lulus	12/6/2007	JPB/KM/3743/A	82

76	MENDIRIKAN PEMBANGUNAN TERDIRI: a) 1 BLOK 5 TINGKAT PODIUM MENGANDUNGI TEMPAT LETAK KENDERAAN DAN (30 UNIT) RUANG KOMERSIAL DENGAN i) BLOK A1: MENARA 38 TINGKAT MENGANDUNGI PANGSAPURI (216 UNIT) DAN 1 TINGKAT RUANG KEMUDAHAN; ii) BLOK A2: MENARA 38 TINGKAT MENGANDUNGI PANGSAPURI (216 UNIT) DAN 1 TINGAT RUANG KEMUDAHAN; iii) BLOK A3: MENARA 38 TINGKAT MENGANDUNGI PAONGSAPURI (216 UNIT) DAN 1 TINGKAT RUANG KEMUDAHAN; b) 1 BLOK 6 TINGKAT PODIUM MENGANDUNGI TEMPAT LETAK KENDERAAN DENGAN 2 BLOK MENARA 38 TINGKAT (B1 & B2) MENGANDUNGI PANGSAPURI (292 UNIT) c) 1 BLOK 38 TINGKAT BANGUNAN MENGANDUNGI TEMPAT LETAK KENDERAAN DAN RUMAH PANGSA KOS SEDERHANA RENDAH (564 UNIT) BESERTA RUANG KEMUDAHAN ; d) (8 UNIT) 3 DAN 4 TINGKAT KEDAI PEJABAT (20' X 65').	141	Mukim 18 Tanjong Bungah	Tanjong Bunga,DTL	Jalan Tanjong Bunga	IVORY VILLAS SDN. BHD.	G & A ARCHITECT	Lulus	2/21/2008	JPB/KM/3792/A	83

Lampiran B

SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN YANG MELIBATKAN KEJADIAN HAKISAN TANAH DAN TANAH RUNTUH

BIL	NAMA SYARIKAT/PEMAJU	TAJUK PEMAJUAN	CATATAN
1	SOLID TRIBUTE SDN. BHD.	CADANGAN PEMBANGUNAN TERDIRI DARIPADA :- 2 UNIT BANGLO(TYPE A1) - 2 TINGKAT (PLOT 27 & 28) 4 UNIT BANGLO(TYPE A2a) - 3 TINGKAT (PLOT 22 & 25) 1 UNIT BANGLO(TYPE A2b) - 3 TINGKAT (PLOT 21) 1 UNIT BANGLO(TYPE A2c) - 3 TINGKAT (PLOT 26) 3 UNIT BANGLO(TYPE A3) - 4 TINGKAT (PLOT 15, 19 & 20) 8 UNIT BANGLO(TYPE B1) - 3 TINGKAT (PLOT 6-10 & 16-18) 4 UNIT BANGLO(TYPE B2) - 2 TINGKAT (PLOT 11 -14) 5 UNIT BANGLO (TYPE B3) - 4 TINGKAT (PLOT 1 -5) DI ATAS LOT 343 & LOT 397, SEK. 2, BANDAR BATU FERINGGHI, PULAU PINANG.	HAKISAN TANAH
2	OJY SDN. BHD.	CADANGAN MEMBINA 62 UNIT LINK-HOUSE (3 TINGKAT) DI ATAS SEBAHAGIAN 370 DAN 371-373, SEK. 2, BANDAR BATU FERINGGHI, JALAN BATU FERINGGHI, DTL, PULAU PINANG.	HAKISAN TANAH
3	DMV SDN. BHD.	CADANGAN MENDIRIKAN 39 UNIT RUMAH BANGLO 3 TINGKAT (12 UNIT JENIS ‘A’, 10 UNIT JENIS ‘A1’, 13 UNIT JENIS ‘B’, 1 UNIT JENIS ‘D’ DAN 3 UNIT JENIS ‘E’ DI ATAS PLOT A, LOT 72, 73, 78, 79, 415, 416 & 417, JALAN BATU FERINGGHI, SEK. 2, BANDAR BATU FERINGGHI, DTL, PULAU PINANG.	HAKISAN TANAH

4	IVORY MEADOWS SDN. BHD.	PEMAJUAN PERUMAHAN DI ATAS LOT- LOT 35, 89, 197 DAN SEBAHAGIAN LOT- LOT 36, 196 & 293, SEK. 2, BANDAR BATU FERINGGHI, JALAN BATU FERINGGHI, PULAU PINANG.	HAKISAN TANAH
5	PLENITUDE HEIGHTS SDN. BHD.	CADANGAN MEMBINA RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT (44 UNIT), 1 BLOK KONDOMINIUM 32 TINGKAT (112) DAN 1 BLOK PODIUM TEMPAT LETAK KERETA 4 TINGKAT, 1 UNIT RUMAH KELAB 7 TINGKAT DAN PAVILION REHAT DI ATAS LOT 27, 31, 32, SEKSYEN 2, BANDAR BATU FERINGGHI, DTL, PULAU PINANG.	HAKISAN TANAH

6	IVORY CONTINENTAL SDN. BHD.	MENDIRIKAN 1 UNIT RUMAH KELAB 2 TINGKAT DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 342, 346, 347, 348, 349, 350, 351 DAN 353, SEKSYEN 2, BANDAR BATU FERINGGHI, DTL, PULAU PINANG.	HAKISAN TANAH
7	GLM DEVELOPMENT SDN. BHD.	CADANGAN UNTUK PINDAAN DAN TAMBAHAN KEPADA JPB/KM/3452/A UNTUK TAMBAHAN RUANG 2 TINGKAT TEMPAT LETAK KENDERAAN BASEMEN KEPADA 2 BLOK KONDOMINIUM 28 TINGKAT (396 UNIT) DENGAN 2 TINGKAT TEMPAT LETAK KENDERAAN BASEMEN SERTA TAMBAHAN RUANG 1 TINGKAT TEMPAT LETAK KENDERAAN/REKREASI 6 TINGKAT DENGAN KEMUDAHAN MASYARAKAT DI PARAS BUMBUNG, DI ATAS LOT 4189, BANDAR TANJUNG BUNGAH, DTL, JALAN SELARI PANTAI UTARA, PULAU PINANG.	HAKISAN TANAH
8	TAMAN RATU SDN. BHD.	CADANGAN MENDIRIKAN 45 UNIT RUMAH TERES 3 TINGKAT DI ATAS LOT 565, MUKIM 17, DTL, JALAN TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG.	HAKISAN TANAH
9	NUWATA SDN. BHD.	CADANGAN MENDIRIKAN 38 UNIT RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 7595 (LOT LAMA 3359), PERSIARAN MINDEN, MK. 13, DTL, PULAU PINANG.	HAKISAN TANAH
10	TETUAN TPPT SDN. BHD.	CADANGAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR DI ATAS LOT 202, 236, 403, 516, 711, 712, 713, 714, 761, 765, 980, 981, 982 & 983, TELUK KUMBAR, MUKIM 11, DBD,PULAU PINANG.	HAKISAN TANAH
11	LERENG WIRA SDN. BHD	CADANGAN UNTUK 1 MENDIRIKAN 1 BLOK KONDOMINIUM 19 TINGKAT (144 UNIT) : 1282 KP) DENGAN 4 TINGKAT PODIUM TEMPAT LETAK KERETA SERTA KEMUDAHAN MASYARAKAT DI ATAS LOT 10211, MK.13, PAYA TERUBONG 3, DTL, PULAU PINANG.	HAKISAN TANAH
12	STERLING RESERVES SDN. BHD.	CADANGAN PEMAJUAN YANG MENGANDUNGI: 1. RUMAH SESEBUAH 4 TINGKAT TYPE A (31 UNIT) 2. RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT TYPE B (33 UNIT) 3. RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT TYPE C (12 UNIT) 4. 1 BLOK PUSAT KOMUNITI 2 TINGKAT DI JALAN PAYA TERUBONG, DI ATAS LOT 9324, DTL, PULU PINANG.	HAKISAN TANAH

13	GEDURI SDN. BHD.	CADANGAN MENDIRIKAN 2 BUAH RUMAH KEDIAMAN 3 TINGKAT, 28 BUAH RUMAH KEDIAMAN 2 TINGKAT, 25 BUAH RUMAH KEDIAMAN 2-3 TINGKAT, 1 BUAH BANGUNAN KEMUDAHAN MASYARAKAT 3 TINGKAT, DI ATAS LOT-LOT 70 & 488, MUKIM 14, SOLOK PAYA TERUBONG 3, DTL, PULAU PINANG	HAKISAN TANAH
14	I & P DEVELOPMENT SDN. BHD.	CADANGAN MEMBINA & MENYIAPKAN 1 BLOK RUMAH PANGSA KOS RENDAH,(700 K.P), 10 TINGKAT 235 UNIT (FASA 1) DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 638, MK. 11, DBD, PULAU PINANG	HAKISAN TANAH
15	ARAH OBJEKTIF SDN. BHD.	MENDIRIKAN 1 BLOK 113 UNIT KONDOMINIUM 21 TINGKAT BERSAMBUNG DENGAN TEMPAT LETAK KENDERAAN 4 TINGKAT DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 4790(DAHULU SEBAHAGIAN LOT 68) LINTANG DELIMA 14, SEK. 5, BANDAR GEORGETOWN, DTL, PULAU PINANG.	HAKISAN TANAH
16	SEBADI CORPORATION SDN. BHD.	SKIM PERUMAHAN DI ATAS LOT 517, MK. 11, JALAN TELOK KUMBAR	HAKISAN TANAH
17	ENERLLENCE SDN. BHD.	CADANGAN MENDIRIKAN RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT (10 UNIT) DI ATAS LOT 1175, MK. 9, DBD, PULAU PINANG	HAKISAN TANAH
18	BLOSSOM TIME SDN. BHD.	CADANGAN PEMBANGUNAN SKIM PERUMAHAN YANG MENGANDUNGI 97 UNIT RUMAH BANGLO 2 TINGKAT DAN 32 UNIT RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 31, LOT 439, LOT 478, LOT 479 DAN SEBAHAGIAN LOT 533, LOT 908 DAN LOT 942, MK. 17, DTL, DTL, JALAN SUNGAI SATU, BANDAR BATU FERINGGHI, PULAU PINANG	HAKISAN TANAH
19	MTT DEVELOPMENT SDN. BHD.	CADANGAN PELAN PINDAAN KEPADA PELAN BANGUNAN NO. 37971(LB) YANG TELAH DILULUSKAN MELIBATKAN FASA 1B:- 2 TINGKAT RUMAH TERES JENIS (90 UNIT) 2 TINGKAT RUMAH BERKEMBAR (70 UNIT) 2 TINGKT RUMAH BANGLO (8 UNIT) DI ATAS LOT BARU 1311-1462 & 1465-1480 (SEBAHAGIAN LOT LAMA 255[ASAL], JALAN SUNGAI AIR PUTIH, MK. 4, DBD, PULAU PINANG.	HAKISAN TANAH

20	GEOVALLEY SDN. BHD.	CADANGAN UNTUK MEROBOHKAN 47 UNIT RUMAH SEDIADA DAN MENDIRIKAN: RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT JENIS A (20 UNIT), RUMAH BERKEMBAR3 TINGKAT JENIS B (10 UNIT), RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT JENIS C (3 UNIT), RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT JENIS D (1 UNIT), RUMAH SESEBUAH JENIS E (1 UNIT), RUMAH SESEBUAH JENIS F(1 UNIT), 1 BLOK PANGSAPURI 29 TINGKAT (BLOK G) YANG MENGANDUNGI 167 UNIT 'DUPLEX' 2 TINGKAT DENGAN 4 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA, DI ATAS LOT 5413, JALAN RAMBAI, MK. 13, DTL, PAYA TERUBONG, PULAU PINANG.	HAKISAN TANAH
21	ASSETWAY SDN. BHD.	CADANGAN MEMBINA 4 BLOK BANGUNAN 2 DAN 4 TINGKAT YANG TERDIRI DARIPADA:- 1. RUMAH JENIS 'TOWNHOUSE'- 80 UNIT BESERTA DENGAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN IAITU:- 2. 1 UNIT SURAU 1 TINGKAT 3. 1 UNIT DEWAN 1 TINGKAT 4. 1 UNIT PONDOK PENGAWAL 5. 1 UNIT PENCAWANG TNB 6. RUMAH PAM 7. LOJI KUMBAHAN DI ATAS LOT 1172, 1173, 1174, 1179 & 1180, MK. 9, DBD, PULU PINANG.	HAKISAN TANAH
22	MEGAFLOW SDN. BHD.	CADANGAN 2 BLOK PANGSAPURI KONDOMINIUM 13 TINGKAT (BLOK A-66 UNIT PANGSAPURI & 3 UNIT PENTHOUSE DAN BLOK B-50 UNIT PANGSAPURI & 3 UNIT MAISONNETTE-PENTHOUSE) DENGAN RUANG MASYARAKAT TERBUKA DAN PERKHIDMATAN DI TINGKAT BAWAH, 1 BLOK BANGUNAN LETAK KERETA 4 TINGKAT DENGAN KOLAM RENANG, GELANGGANG TENIS & TEMPAT PERMAINAN KANAK-KANAK DI PARAS BUMBUNG SEBUAH DI ATAS LOT 1575, 1576, 1661, 1663, SEBAHAGIAN LOT 1659 & 1657, SEBAHAGIAN PETAK A & B (LOT BARU PT1 & PT2) SERTA PLOT 1, 2 & 3 (TANAH KERAJAAN), MK. 16,DTL, PULAU PINANG.	HAKISAN TANAH
23	BINANUSA SDN. BHD.	CADANGAN 2 BLOK RUMAH PANGSA SEDERHANA RENDAH 10 TINGKAT JUMLAH 32 UNIT KEDAI DAN 266 UNIT RUMAH PANGSA KOS SEDERHANA	TANAH RUNTUH

		RENDAH) & 1 BLOK 4 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA DI ATAS LOT 8824, 8825, & 8826, MK. 13,DTL, TINGKAT PAYA TERUBONG 4, PULAU PINANG.	

24	MUDIK EMAS SDN. BHD	KEM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN) DI ATAS LOT 33,71,296 DAN 298, MK. 1, DAERAH BARAT DAYA, BALIK PULAU, PULAU PINANG.	TANAH RUNTUH
25	COSDA (M) SDN. BHD.	CADANGAN PEMBANGUNAN KEDIAMAN 2-3 TINGKAT (JUMLAH DARI 108 UNIT KEPADA 103 UNIT) DENGAN 1 BLOK BANGUNAN 1-2 TINGKAT KEMUDAHAN MASYARAKAT (KESELURUHAN SKIM DI BAWAH 'HAK MILIK STRATA') DI ATAS LOT 2, 3, 4, 46 & 47 (LOT BARU 59), JALAN TELOK BAHANG, SEK. 1, BANDAR BATU FERINGGHI, DTL, PULAU PINANG.	TANAH RUNTUH
26	MENSOLL CORPORATION SDN. BHD.	CADANGAN PEMBANGUNAN:- 1 BLOK 28 TINGKAT YANG TERDIRI DARIPADA: MENARA 22 TINGKAT PANGSAPURI (436 UNIT)DI ATAS PODIUM 6 TINGKAT YANG MENGANDUNGI TEMPAT LETAK KERETA DAN TEMPAT REKREASI DAN SATU TINGKAT BASEMEN YANG MENGANDUNGI TEMPAT LETAK MOTOSIKAL KEPADA 1 BLOK 28 TINGKAT YANG TERDIRI DARIPADA : 1. MENARA 'A' 22 TINGKAT PANGSAPURI (175 UNIT) 2. MENARA 'B' 22 TINGKAT PANGSAPURI (175 UNIT) DI ATAS PODIUM 6 TINGKAT YANG MENGANDUNGI TEMPAT LETAK KERETA DAN TEMPAT REKREASI DAN 1 TINGKAT BASEMEN YANG MENGANDUNGI TEMPAT LETAK MOTORSIKAL DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 4170, SEKSYEN 5, BANDAR GEORGETOWN, SOLOK TEMBAGA, DTL, PULAU PINANG	HAKISAN TANAH DAN TANAH RUNTUH

(vi) Lokasi dan kedudukan dewan komuniti dan tapak rumah ibadat agama lain tidak ditunjukkan secara jelas di atas pelan permohonan;

(vii) Cadangan banglo strata 3 tingkat di parcel 3 tidak selaras dengan korektor kawasan sekitar di Taman Jesselton yang ditetapkan ketinggian bangunan tidak melebihi 2 tingkat mengikut garis panduan Majlis;

(viii) Pemberian hak milik tanah kerajaan Lot 402, seksyen 2, Bandar George Town tidak mendapat kelulusan pihak Berkuasa Negeri; dan

(ix) Tidak mematuhi kehendak-kehendak Jabatan Teknikal seperti Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Jabatan Kesihatan Negeri.

(a) Sehingga kini, kerajaan negeri masih belum mempunyai sebarang perancangan bagi memindahkan Kelab Lumba Kuda *(Penang Turf Club)* di Jalan Batu Gantung ke Batu Kawan.

(b) Setakat ini, kerajaan negeri tidak berhasrat membuat perancangan semula setelah Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC), Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang bersidang pada 29 Julai 2008 telah menolak permohonan Kebenaran Merancang bagi projek ini.

(c) Kerajaan negeri tidak menghalang sebarang bentuk pembangunan sama ada pembangunan perumahan atau pembangunan bercampur di kawasan tapak asal PGCC. Namun begitu, sebarang bentuk pembangunan perlu mematuhi semua garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang, perakuan dari agensi-agensi teknikal yang berkaitan dan pemaju harus mengambil kira semua faktor termasuk mengenai aliran trafik dan kesan pencemaran.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Senaraikan jumlah rizab dan pendapatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk setiap tahun dari 2004 sehingga 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Perincian jumlah rizab dan pendapatan (hasil) Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari tahun 2004 sehingga 2008 adalah seperti di jadual :

JUMLAH RIZAB DAN PENDAPATAN KERAJAAN PULAU PINANG TAHUN 2004 - 2008

TAHUN PENDAPATAN	HASIL (RM)	RIZAB (RM)
2004	257,442,928.70	235,917,401.92
2005	274,889,283.70	319,111,215.65
2006	280,498,158.25	329,980,714.70
2007	295,861,901.28	373,589,754.33
2008	371,143,874.73	461,610,225.06

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Senaraikan jumlah rizab dan pendapatan kerajaan tempatan iaitu MPPP dan MPSP untuk setiap tahun dari 2004 sehingga 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Jumlah rizab dan pendapatan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dari tahun 2004 sehingga 2008 adalah seperti berikut :

MPSP

TAHUN	RIZAB (RM)	PENDAPATAN (RM)
2004	105,477,599.00	122,976,622.00
2005	55,028,771.00	130,993,325.00
2006	31,593,379.00	148,707,717.00
2007	18,256,078.00	140,773,594.00
* 2008	20,215,560.00	140,453.086.00

* Jumlah ini belum mengambil kira beberapa pelarasan untuk penutupan akaun 2008.

MPPP

TAHUN	JUMLAH RIZAB (RM)	JUMLAH PENDAPATAN (RM)
2004	216,654,000	147,907,075
2005	190,595,000	175,986,324
2006	173,950,000	181,715,526
2007	164,275,111	201,229,912
2008	182,727,055	206,663,287

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Nyatakan keperluan asas tender pengurusan PISA

(a) Siapakah yang menentukan keperluan asas tersebut.

(b) Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk mengkaji semula sesetengah keperluan asas yang tidak munasabah dan dianggap terlalu memihak kepada pihak yang tertentu?

(c) Adakah kerajaan akan terus menawarkan kontrak pengurusan PISA kepada kontraktor yang abai, cuai dan atau gagal mengurus dan menyelenggara dengan baik?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Pengurusan Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) dan keperluan asas tender PISA telah di bentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) Bil. 5/2008 pada 22.9.2008 untuk mendapatkan persetujuan jawatankuasa berkenaan.

Susulan itu, satu jawatankuasa di peringkat MPPP yang terdiri daripada pegawai–pegawai mengikut kemahiran masing-masing telah diberi tanggungjawab untuk menggariskan keperluan syarat dan spesifikasi tender perkhidmatan pengurusan harta untuk PISA.

(b) Keperluan asas yang ditetapkan adalah mengambil kira perkhidmatan pengurusan harta berkenaan yang perlu diuruskan oleh syarikat yang berdaftar sebagai Pengurus Harta di bawah Kementerian Kewangan Malaysia dan Lembaga Penilai, Penaksir dan Ejen Hartanah.

Ini mengambil kira akan kepentingan bahawa syarikat yang dipelawa adalah memenuhi kriteria sebagai pengurus harta yang bertauliah dan berpengalaman untuk mengurus, menyelenggarakan dan membaik pulih harta tersebut yang menjadi tanggungjawab utama di bawah tender ini. Pengurusan acara adalah merupakan satu elemen tambahan yang menjana pendapatan berpandukan kepada ruang-ruang tertentu yang dapat dikomersialkan. Syarikat yang berjaya hendaklah menawarkan satu *appointment fee* kepada MPPP pada setiap bulan mengikut penetapan kadar yang dikawal bagi ruang-ruang dan perbelanjaannya. Kerajaan negeri tidak berhasrat mengkaji semula keperluan asas pada masa ini tetapi sentiasa memantau keadaan dan akan membuat demikian sekiranya perlu supaya kepentingan MPPP tidak terjejas.

(c) Kerajaan negeri akan hanya melantik kontraktor yang cekap dan akauntabel dan telus selaras dengan prinsip *CAT* kerajaan negeri. Penilaian tender akan dibuat terus dengan mewujudkan satu Jawatankuasa Penilaian. Tender turut mengambil kira beberapa kriteria penilaian yang penting seperti berikut:-

(i) Kemampuan kewangan
(ii) Pengalaman dalam pengurusan
(iii) Pengalaman dalam pengurusan acara
(iv) Harga yang paling menguntungkan dalam aspek bayaran bulanan kepada MPPP.

Keputusan muktamad penawaran akan dibuat oleh Lembaga Perolehan, MPPP yang dianggotai oleh Yang Dipertua, Wakil Pegawai Kewangan Negeri, Pegawai Daerah dan Setiausaha Perbandaran.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Apakah jenis bantuan kewangan dan insentif yang telah diberikan oleh kerajaan negeri kepada kakitangan awam sejak 8 Mac 2008 sehingga masa kini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada penghujung tahun 2008 telah memberi sebulan bonus kepada kakitangan sebagai penghargaan kerajaan negeri di atas sumbangan yang diberikan. Bayaran Imbuhan Tahunan 2008 telah dibayar kepada semua kakitangan awam di bawah pentadbiran kerajaan negeri dengan kadar satu bulan gaji atau minimum RM1,000.00 bagi pegawai yang genap 1 tahun kalendar perkhidmatan bagi tahun 2008 berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2008 yang telah diluluskan oleh MMK. Kerajaan negeri juga telah meluluskan pemberian bonus ini lebih awal kepada bakal-bakal jemaah haji pada tahun tersebut.

Di samping itu, kerajaan negeri juga menyediakan insentif sama seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Insentif -insentif yang telah disediakan adalah seperti:-

(i) Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang merupakan penghargaan kerajaan kepada anggota Perkhidmatan Awam yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang. Insentif dan hadiah APC adalah seperti berikut:

(a) Sijil Perkhidmatan Cemerlang;

(b) Hadiah prestasi sebanyak RM1,000;

(c) peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja;

(d) Peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat, bintang dan darjah kebesaran Persekutuan dan negeri; dan

(e) Nama dan gambar penerima dipamerkan di pejabat di lokasi yang strategik atau yang biasa dikunjungi orang ramai.

(ii) Anjakan Gaji

Anjakan gaji iaitu pergerakan gaji dari mata gaji semasa ke mata gaji di tangga berikutnya pada satu peringkat yang lebih tinggi. Bagi anggota yang berada di mata gaji maksimum, Anjakan Gaji adalah pergerakan gaji dari mata gaji semasa ke mata gaji di tangga yang sama pada satu peringkat yang lebih tinggi. Anjakan gaji ini juga merupakan insentif yang diberikan oleh pihak kerajaan negeri kepada anggota Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang sekiranya mereka telah memenuhi syarat-syarat seperti di bawah iaitu :-

(a) Telah disahkan dalam perkhidmatan;

(b) Lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) ;

(c) Hadir Kursus Biro Tata Negara (bagi pegawai yang dilantik selepas 1 Januari 2002) ;

(d) Berkhidmat tidak kurang dari 3 tahun ;

(e) Mencapai prestasi yang baik (Laporan Nilaian Prestasi Tahunan melebihi 80%) ;

(f) Tiada tindakan tatatertib ; dan

(g) Telah mengistiharkan harta (dalam tempoh 5 tahun) selain daripada insentif di atas, kerajaan negeri juga dari semasa ke semasa telah menimbangkan pemberian elaun–elaun seperti berikut:

(i) Bayaran Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu yang berkuat kuasa mulai 1.5.2008 telah dibayar kepada kakitangan awam di bawah pentadbiran kerajaan negeri yang memenuhi syarat-syarat berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2008 yang telah diluluskan oleh MMK.

(ii) Bayaran Elaun bagi Penetapan Gred Jawatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang menjalankan tugas Pembantu Khas yang berkuat kuasa mulai 1.7.2008 telah dibayar kepada kakitangan awam di bawah pentadbiran kerajaan negeri yang memenuhi syarat-syarat berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2008 yang telah diluluskan oleh MMK.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Bilakah lebuh raya dari Teluk Kumbar ke Balik Pulau akan disiapkan?

(b) Nyatakan jumlah kos yang terlibat dan kontraktornya?

(c) Berapakah jaraknya keseluruhan lebuh raya tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Projek lebuh raya dari Teluk Kumbar ke Balik Pulau merupakan menaik taraf Laluan Persekutuan 6 telah di tender semula. Status sekarang adalah dalam peringkat Lembaga Perolehan Persekutuan untuk pemilihan kontraktor yang layak.

(b) Jumlah kos yang terlibat dan kontraktor yang baru masih belum diketahui kerana sedang ditender semula.

(c) Jarak keseluruhan lebuh raya tersebut adalah 3.3km.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Adakah kerajaan negeri mempunyai rancangan untuk menjadikan Balik Pulau sebagai satu hub pendidikan (education hub) dan tapak pelancongan yang menarik?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Setakat ini kerajaan negeri tidak mempunyai rancangan terperinci untuk menjadikan Balik Pulau sebagai satu *hub* pendidikan. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri boleh mencadangkan agar Balik Pulau dijadikan *hub* pendidikan. Cadangan ini boleh dibuat di sepanjang tempoh semakan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang iaitu dari tahun 2007 sehingga 2012.

Sekiranya kerajaan negeri bercadang mewujudkan *hub* tersebut, perancangan terperinci perlu dilaksanakan meliputi penyediaan kemudahan infrastruktur yang teratur serta penambahbaikan kemudahan awam sedia ada selain kemudahan asas yang lain bagi menarik pelabur serta pelancong dari dalam dan luar negara.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa institusi pendidikan yang telah dibina di Balik Pulau seperti Kolej Kemahiran Tinggi MARA, Pusat Giat MARA, Maktab Rendah Sains MARA dan Perbadanan Perpustakaan Cawangan Negeri Pulau Pinang. Sekiranya kerajaan negeri berhasrat menjadikan Balik Pulau sebagai *hub* pendidikan, cadangan untuk mendirikan beberapa institusi pendidikan baru atau menambah cawangan institusi sedia ada di negeri ini boleh dipertimbangkan.

Selain itu, kerajaan negeri juga mempunyai rancangan untuk menjadikan Balik Pulau sebagai salah satu tapak pelancongan yang menarik. Kerajaan negeri merancang untuk membangunkan bahagian selatan pulau sebagai zon baru pelancongan yang merangkumi kawasan Balik Pulau.

Berdasarkan kepada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020, Balik Pulau dizonkan sebagai Zon Pelancongan Agro dan Eko. Sekiranya dibangunkan secara mampan, Balik Pulau bakal menjadi tapak pelancongan yang mampu menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini berdasarkan kepada khazanah alam semula jadi yang dimilikinya.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Apakah rancangan baru kerajaan negeri untuk memperbaiki sistem trafik dan lalu lintas seluruh Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Rancangan baru kerajaan negeri untuk mengemas kini keadaan trafik dan lalu lintas seluruh pulau adalah seperti berikut:-

(a) Menambah baik sistem pengangkutan awam sedia ada serta mewujudkan sistem pengangkutan bersepadu yang efisien, berkualiti, mudah diperolehi, mesra alam dan meliputi sepelusuk pulau. Dalam soal ini, perkhidmatan Bas Central Area Transit (CAT) dalam kawasan pusat bandar George Town yang dilancarkan pada 23 Januari 2009 telah mendapat sambutan yang baik;

(b) Membina jalan-jalan baru dan menaik taraf yang sedia ada untuk mengawal kesesakan, mengagih dan menyurai aliran lalu lintas serta meningkatkan keselamatan jalan raya. Projek Pembinaan Lintasan Kedua Pulau Pinang telah bermula dan dijangka akan siap pada tahun 2012;

(c) Menguatkuasakan larangan-larangan dan mengeluarkan petak letak kenderaan di tepi jalan oleh pihak penguatkuasaan;

(d) Laluan-laluan pejalan kaki akan dibina dan dinaik taraf selaras dengan rancangan kerajaan untuk menambah baik sistem pengangkutan awam dan mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian;

(e) Memperluaskan liputan sistem kawalan CCTV dengan menambah bilangan kamera sebagai sistem yang digunakan secara berkesan untuk pemantauan lalu lintas dan mengawal kesesakan;

(f) Dari segi pengurusan sistem lalu lintas setempat *(localised traffic management plan),* sistem jalan sehala dan sistem kawalan lampu isyarat berkomputer akan diperluaskan. Melalui kaedah ini, aliran lalu lintas terurus dan mengurangkan gangguan di jalan-jalan utama yang sering mengalami kesesakan lalu lintas;

(g) Kerajaan negeri memohon bantuan kerjasama Kerajaan Pusat untuk meneruskan pembinaan Lebuh raya Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR);

(h) Cuba mewujudkan proses peralihan daripada penggunaan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas. Pihak Rapid Penang memaklumkan kepada kerajaan negeri sebanyak 200 buah bas tambahan dijangka akan beroperasi secara berperingkat mulai bulan Jun 2009. Kini, Rapid Penang mempunyai 150 buah bas yang beroperasi di Pulau Pinang. Dengan bas-bas tambahan ini, perkhidmatan yang lebih efisien dapat disediakan dan laluan-laluan sosial dapat diliputi;

(i) Mengawal pembangunan dan corak guna tanah supaya tersusun dan mempunyai infrastruktur yang berpadanan untuk mengalih dan mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan pembangunan padat sedia ada;

(j) Merancang mengadakan Sistem Transit Monorel Aliran Ringan serta Hybrid Tram System. Kerajaan Pusat dipohon untuk sama-sama menyediakan peruntukan; dan

(k) Dalam jangka masa sederhana dan panjang kerajaan negeri sentiasa meneliti bagi pengubahsuaian mengadakan kawalan, larangan dan sekatan bagi mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian (traffic restraint measures) di kawasan-kawasan yang sering mengalami kesesakan yang serius.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Apakah rancangan kerajaan negeri dalam membantu dan menggalakkan penciptaan jenama dan produk tempatan supaya dapat bersaing di pasaran antarabangsa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Untuk menjadikan produk tempatan bersaing di pasaran antarabangsa, usaha bersepadu telah dibuat oleh kerajaan negeri terutamanya dalam aspek meningkatkan kemahiran teknologi, meningkatkan kemampuan mencipta dan membangunkan produk baru berjenama sendiri serta menggalakkan penggunaan ICT secara meluas. Justeru, kerajaan negeri Pulau Pinang telah melaksanakan beberapa rancangan dalam membantu dan menggalakkan penciptaan jenama dan produk tempatan supaya dapat bersaing di pasaran antarabangsa. Antara rancangan kerajaan negeri yang dilaksanakan ialah:-

(a) Kerjasama antara Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan universiti-universiti tempatan telah dipertingkatkan dari segi penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan teknologi;

(b) Bekerjasama dengan agensi kerajaan dan pihak swasta seperti SMIDEC, SME Bank, Malaysian Debt Ventures dan MAVCAP dalam menganjurkan program berkaitan geran, pinjaman, *venture capital*, insentif dan lain-lain kemudahan kewangan. Dengan kaedah ini ia dapat membantu usahawan tempatan untuk meningkatkan penciptaan jenama dan produk tempatan memandangkan faktor kewangan menjadi salah satu punca usahawan untuk tidak mengembangkan perniagaan di pasaran antarabangsa;

(c) Kerajaan negeri melalui PSDC telah menubuhkan SME Consultancy yang bertujuan untuk membantu usahawan tempatan dalam meningkatkan kemampuan mencipta, dan membangunkan produk baru berjenama sendiri. Program ini juga membantu usahawan dalam permohonan geran dan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan;

(d) Kerajaan negeri melalui investPenang telah menganjurkan misi perdagangan dan pameran antarabangsa di mana para usahawan tempatan yang mengambil bahagian dalam aktiviti ini dapat meluaskan pengalaman tentang pasaran antarabangsa tetapi juga dapat menembusi pasaran antarabangsa dan seterusnya menguatkan asas syarikat mereka; dan

(e) investPenang juga menggalakkan kelompok industri (industry cluster) bekerjasama secara kolektif di peringkat antarabangsa melalui perkongsian aklumat teknologi, perniagaan dan pasaran. Kerjasama antara kelompok industri ini dapat meningkatkan tahap kemahiran khasnya dalam bidang seperti automasi, *precision engineering* dan kejuruteraan proses di mana ia sekaligus dapat meningkatkan daya saing dan memajukan penciptaan jenama produk masing-masing.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah langkah-langkah atau rancangan kerajaan negeri untuk membina, menggalak dan memajukan industri tempatan seperti perikanan, pelancongan, pembuatan, makanan dan sebagainya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Untuk membina, menggalak dan memajukan industri tempatan seperti perikanan, pelancongan, pembuatan, makanan dan sebagainya, Kerajaan Negeri telah merancang dan melaksanakan langkah-langkah seperti berikut;

(i) Bidang pembuatan:

(a) Menaik taraf Taman Perindustrian Bayan Lepas dan melaksanakan pembangunan Taman IKS di Bukit Minyak dan Batu Kawan bagi menampung keperluan IKS di Pulau Pinang.

(b) Mewujudkan Pusat Inkubator Penang Science Park di Bukit Minyak bagi memberi peluang kepada pengusaha IKS memberi perhatian kepada aspek R&D.

(c) Menganjurkan Misi Pelaburan dan Perdagangan dan juga penyertaan dalam pameran antarabangsa untuk membantu industri tempatan. Program ini dapat membantu syarikat tempatan mencari peluang perniagaan di samping meningkatkan daya saing di peringkat antarabangsa.

(d) Menubuhkan beberapa cluster bagi mewujudkan sinergi dan meningkatkan daya saingan industri tempatan. Antara cluster yang ditubuhkan ialah Penang Automation Cluster (PAC), Penang RF Cluster (PRFC), Sofware Consortium of Penang (SCOPE) dan Techbiz (Bumiputra ICT Cluster). Di dalam perancangan untuk menubuhkan LED Cluster dan Aerospace Cluster.

(e) Membangunkan beberapa kawasan perindustrian baru seperti Penang Science Park dan Batu Kawan Industrial Park untuk dijadikan sebagai lokasi utama bagi industri tempatan.

(f) Menganjurkan Sesi Pemadanan Perniagaan antara usahawan tempatan dengan syarikat asing yang bertujuan untuk meyakinkan para pelabur yang berpotensi atau sedia berada di Pulau Pinang untuk bekerjasama dengan syarikat Usahawan tempatan.

(ii) Bidang pelancongan:

PDC telah menubuhkan syarikat Penang Global Tourism Sdn Bhd (PGTSB) yang dipertanggungjawabkan bagi mengenai pasti, merancang dan melaksanakan program penggalakan pelancongan bagi pihak Kerajaan Negeri iaitu:

(a) pelaksanaan aktiviti promosi dan pemasaran Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan ;

(b) pengurusan dan pemantauan produk-produk pelancongan sedia ada bagi menambah nilai ke atas kemudahan-kemudahan untuk dinikmati oleh pelancong seperti Kota Konwallis, Bukit Bendera dan lain-lain;

(c) penganjuran serta pengurusan acara-acara pelancongan tahunan yang dianjurkan secara bersendirian mahupun dengan kerjasama pihak badan-badan bukan kerajaan dan persatuan-persatuan bagi memberi pengalaman dan pendedahan kepada pelancong-pelancong.

(iii) Bidang perikanan:

(a) Meneruskan subsidi diesel dan petrol kepada nelayan sejak awal tahun 2006. Harga diesel dan petrol subsidi semasa ialah RM1.20 seliter berbanding dengan harga pasaran RM1.80 seliter.

(b) Memberi elaun sara hidup sebanyak RM200 sebulan ke nelayan, pemilik bot dan pekerja berdaftar di tas bot.

(c) Membayar RM0.10 kepada nelayan bagi setiap Kilo ikan yang didaratkan sebagai initiatif pendaratan ikan. Sejumlah RM1,330,390.61 telah dibayar kepada nelayan Pulau Pinang sehingga Februari 2009.

(iv) Bidang Makanan :

(a) Membuat perancangan untuk membangunkan bidang pemprosesan makanan sejuk beku seperti di Kawasan Perindustrian Perai dan Nibong Tebal.

(b) Menggalakkan kerjasama antara institut

(c) Pengajian tinggi dan sektor industri dalam penyelidikan dan pembangunan bidang pemprosesan makanan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Apakah rancangan kerajaan negeri dalam menyelesaikan masalah kekurangan rumah kos rendah?

(b) Adakah rumah kos rendah/sederhana telah dirancang untuk dibina di Batu Feringghi?

(c) Adakah rumah kos rendah/sederhana telah dirancang untuk dibina di Tanjung Tokong?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Rancangan kerajaan negeri dalam menyelesaikan masalah kekurangan rumah kos rendah adalah seperti berikut:

(i) Mengenal pasti tanah kerajaan yang sesuai untuk pembangunan perumahan dan memberi keutamaan kepada pembinaan rumah kos rendah/sederhana rendah dan rumah mampu milik atas tanah kerajaan melalui projek penswastaan;

(ii) Menyediakan dana perumahan melalui penubuhan Jawatankuasa Teknikal Wang Sumbangan yang menyediakan formula wang sumbangan yang akan dikenakan kepada pemaju yang membina 5 unit hingga 99/149 unit mengikut kawasan pembangunan. Dana yang diperolehi akan digunakan bagi tujuan pembelian tanah, pembinaan rumah kos rendah/sederhana rendah dan penyediaan kemudahan infrastruktur asas kepada golongan yang kurang berkemampuan;

(iii) Merancang pembangunan semula bagi kawasan perumahan yang tidak sesuai lagi seperti rumah pangsa satu bilik atau dua bilik dan rumah yang telah usang. Kawasan perumahan lama ini dicadangkan dibangunkan semula secara berperingkat dan digantikan dengan perumahan yang lebih selesa dan dilengkapi dengan kemudahan asas yang lebih sempurna;

(iv) Menyediakan insentif bagi projek perumahan kos rendah/sederhana rendah yang dimajukan oleh pihak swasta;

(v) Melaksanakan penempatan semula bagi penduduk setinggan dan dalam masa yang sama menyusun serta membangunkan semula kawasan setinggan berkenaan. Dasar yang dilaksanakan adalah menyediakan perumahan di kawasan yang sama atau berdekatan kawasan setinggan tersebut bagi mengelakkan masalah sosial yang lebih besar;

(vi) Menyediakan perkhidmatan dan kemudahan perumahan yang lengkap seiring dengan kemajuan disediakan dengan menitik beratkan aspek sosial bagi mencapai kualiti hidup yang lebih sempurna;

(vii) Membuat kajian semula untuk pengawalan dan pemantauan projek, menaik taraf sistem pendaftaran secara *on-line*, melaksanakan sistem penawaran dan pengagihan rumah yang lebih tersusun bagi memastikan stok perumahan yang ada dapat diagihkan dengan lebih berkesan dan memenuhi sasaran yang ditetapkan; dan

(viii) Membuat pemantauan kemajuan projek bagi setiap projek perumahan kos rendah/sederhana rendah yang dibangunkan di Negeri Pulau Pinang bagi mengelakkan projek terbengkalai;

Kerajaan negeri sentiasa meneruskan dasar dan program sokongan bagi memastikan penyediaan perumahan mencukupi bagi penduduk Pulau Pinang, khususnya bagi golongan yang kurang berkemampuan. Pembangunan projek perumahan akan dipantau dengan lebih rapi bagi memastikan pengagihan rumah untuk setiap kaum menggambarkan komposisi kaum yang lebih adil untuk memupuk perhubungan yang lebih baik.

(b) Pihak MPPP tidak menerima sebarang permohonan merancang yang mengandungi rumah kos rendah dan sederhana rendah di kawasan Batu Feringghi dari tahun 2005 - Mac 2009.

(c) Ya, bagi tujuan pembinaan rumah kos rendah atau kos sederhana rendah di kawasan Tanjung Tokong, permohonan kebenaran merancang yang telah diluluskan oleh pihak MPPP kepada pemaju UDA Holding Berhad adalah sebanyak 466 unit rumah kos rendah. Sila rujuk Lampiran A.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Apakah rancangan kerajaan negeri dalam menggalak serta mempromosikan tapak warisan di Pulau Pinang ke seluruh dunia?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Perancangan kerajaan negeri dalam menggalakkan dan mempromosi tapak warisan di negeri ini adalah dengan menerbitkan risalah pelancongan untuk memberi pendedahan kepada pelancong dalam dan luar negara. Kerajaan negeri juga memberi fokus kepada teras warisan ini di dalam semua program penggalakan pelancongan dalam pameran-pameran pelancongan antarabangsa.

    Kerajaan negeri turut memuatkan iklan-iklan di majalah pelancongan yang menekankan ciri-ciri warisan dan sejarah demi memberi pendedahan terhadap pelancongan warisan negeri Pulau Pinang. Papan-papan iklan turut menggambarkan ciri-ciri warisan yang sama untuk memberi lebih publisiti kepada pelancongan tempatan dan luar negeri.

    Selain dari itu, kerajaan negeri telah menerbitkan video pelancongan baru yang turut memuatkan elemen-elemen warisan, kebudayaan serta sejarah bagi memperkenalkan tempat pelancongan di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Apakah rancangan kerajaan negeri untuk menaik taraf Pelabuhan Pulau Pinang?

    (b) Adakah kerajaan negeri bersedia meminta bantuan kewangan daripada kerajaan pusat untuk menggantikan feri lama dengan jetcat atau hovercraft ?

    (c) Adakah kerajaan negeri bersedia memperuntukkan satu bajet untuk menggantikan feri lama sekiranya Kerajaan Pusat enggan menghulurkan bantuan kewangan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Sebarang perancangan dan peruntukan untuk menaik taraf pelabuhan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan. Kerajaan Negeri hanya berperanan memberikan cadangan dan membuat pemantauan ke atas aktiviti-aktiviti pelabuhan .

    (b) Terdapat cadangan supaya mengasingkan penumpang pejalan kaki dengan penumpang berkenderaan. Kerajaan Persekutuan pernah mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengguna pakai “catamaran” untuk membawa penumpang pejalan kaki. Feri-feri sedia ada akan digunakan untuk membawa penumpang berkenderaan. Walaubagaimanapun disebabkan ia melibatkan kos yang terlalu tinggi untuk melaksanakannya maka cadangan tersebut tidak dapat dilaksanakan.

    (c) Buat masa ini, kerajaan negeri tidak merancang untuk menggantikan feri-feri lama kerana kos yang tinggi.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Adakah kerajaan negeri mempunyai rancangan untuk menggalakkan rakyat memasang rainwater tank atau *greywater system* untuk memelihara alam sekitar dan sumber air kita?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Kerajaan Negeri bersama Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) memang sentiasa menggalakkan pengguna air di Negeri Pulau Pinang untuk menjimatkan air dan mengelakkan pembaziran dengan mengambil langkah-langkah penggunaan yang munasabah, serta menggunakan alat/teknologi penjimatan air yang terdapat di pasaran. Cadangan untuk menggalakkan memasang *rainwater tank* atau *greywater system* adalah baik supaya dapat mengoptimumkan penggunaan air dengan cara mengitar semula air terpakai dan mengumpulkan air hujan.

    Buat masa ini, Kerajaan Negeri mahupun pihak PBAPP tidak membuat sebarang promosi penggunaan peralatan atau teknologi tertentu seperti pemasangan sistem *rainwater tank* atau *greywater system* untuk pengguna Pulau Pinang memandangkan kos permulaan yang agak tinggi. Walau bagaimanapun, kajian sedang dijalankan oleh pihak PBAPP untuk melaksanakan program penjimatan air di Negeri Pulau Pinang, melalui program bersifat pendidikan yang berkemungkinan cadangan penggunaan teknologi terkini ini boleh disyorkan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Adakah kerajaan negeri akan melaksanakan kaedah atau polisi yang lebih berkesan dan cepat dalam meluluskan permohonan bantuan kebajikan?

    (b) Sekiranya ada, sila nyatakan kaedah atau polisi yang berkenaan.

    (c) Sekiranya tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Kerajaan negeri sentiasa mengutamakan kebajikan rakyat. Melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pelbagai bantuan telah disediakan kepada mereka yang memerlukan. Namun begitu ada beberapa kekangan yang dihadapi dalam melaksanakan bantuan-bantuan walaupun pelbagai kaedah telah diusahakan.

    Setiap permohonan bantuan perlu disiasat dalam tempoh dua minggu dan kelulusan bantuan / pembayaran boleh diterima oleh pemohon dalam tempoh satu bulan. Namun begitu, keputusan kelulusan hanya boleh diberi jika dokumen sokongan yang di perlukan dari setiap permohonan lengkap. Kaedah yang akan diambil oleh kerajaan negeri melalui JKM dalam usaha untuk mempercepatkan kelulusan permohonan bantuan adalah melalui program *task force* di setiap daerah. Walau bagaimanapun tidak dinafikan bahawa terdapat sebilangan kes yang mengalami kelewatan kelulusan. Ini adalah berpunca dari pada perkara-perkara berikut:-

    (i) Tidak mengemukakan dokumen yang lengkap.

    (ii) Alamat tidak lengkap.

    (iii) Pemohon tiada di rumah semasa lawatan dilakukan oleh pekerja kes; dan

(iv) Pemohon berpindah tanpa memaklumkan jabatan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Apakah kaedah atau langkah-langkah yang lebih berkesan akan diambil oleh kerajaan negeri untuk memastikan orang yang memerlukan rumah kos rendah dapat membeli/menyewa rumah tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Di antara kaedah-kaedah lebih berkesan yang akan diambil oleh kerajaan negeri untuk memastikan orang-orang yang mempunyai keperluan dapat membeli/menyewa rumah kos rendah adalah seperti berikut:

(a) Mengadakan temu duga

(i) Proses temu duga untuk permohonan rumah sewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) telah diadakan pada awal tahun 2008 bagi memastikan mereka adalah pemohon yang betul-betul layak dan memenuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan serta memenuhi keperluan untuk ditawarkan rumah sewaan tersebut. Mulai tahun 2009, perluasan proses temu duga tersebut akan turut diaplikasikan di dalam proses penawaran rumah untuk projek-projek Penswastaan dan Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) kerajaan negeri. Melalui kaedah ini, hasrat kerajaan negeri pemilihan secara yang telus dan adil akan dapat dibuat berdasarkan maklumat-maklumat yang dibekalkan dan keterangan daripada pemohon melalui proses-proses temu duga ini.

(b) Mewujudkan Sistem Pendaftaran Perumahan online (eRumah)

(i) Bagi memudahkan proses untuk membeli rumah Kos Rendah dan Sederhana Rendah serta menyewa rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR), satu Sistem Pendaftaran Perumahan online (eRumah) telah dibangunkan dan dalam proses akhir ujian sebelum dilancarkan. Melalui sistem eRumah memudahkan proses pendaftaran permohonan perumahan sedia ada yang hanya berkonsepkan *client-server* kepada aplikasi yang berkonsepkan WEB.

(ii) Melalui sistem ini juga membolehkan pemohon mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh kerajaan negeri di mana-mana sahaja menerusi internet selaras dengan perkembangan teknologi masa kini. Ianya juga akan membolehkan pemohon membuat permohonan bagi rumah PPR, Kos Rendah dan Sederhana Rendah tanpa perlu berurusan di kaunter. Bagi pemohon sedia ada pula, pemohon boleh menyemak dan mengemas kini profil maklumat peribadi mereka di samping melihat senarai projek aktif dan seterusnya membuat pilihan ke atas projek yang diminati. Manakala bagi pemilik rumah sedia ada pula, mereka boleh menyemak profil peribadi di samping menyemak rekod pembayaran yang telah dibuat.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Adakah benar bahawa proses pendaftaran hak milik strata lambat disebabkan wujudnya kaveat persendirian?

(b) Adakah benar bahawa masih ada lebih kurang 5,000 hak milik strata yang belum didaftarkan?

(c) Adakah benar bahawa cadangan Y.A.B. Ketua Menteri bagi meringkaskan proses pendaftaran hak milik strata telah ditolak oleh PTG Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Tidak benar. Kewujudan kaveat persendirian tidak melambatkan proses pendaftaran hakmilik strata. Kaveat persendirian yang dimasukkan oleh individu / badan bertindak untuk menjaga kepentingan individu / badan ke atas tanah terbabit.

Tindakan individu / badan terbabit adalah bersesuaian dengan peruntukan Seksyen 322 Kanun Tanah Negara 1965.

(b) Tidak benar. Rekod di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang menunjukkan hanya sejumlah 2,974 perserahan urusniaga dan bukan urusniaga yang belum didaftarkan bagi tarikh berakhir 31 Mac 2009.

(c) Tidak benar. Cadangan Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang diumumkan dalam kenyataan akhbar The Star bertarikh 28 Februari 2009 untuk membantu menyelesaikan masalah urusniaga yang terhalang akibat kaveat pendaftar dalam Penyata Daftar Strata telah diteliti dan pihak Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang telah mengambil tindakan untuk melaksanakan cadangan Y.A.B. Ketua Menteri tersebut.

Bagi merealisasikan cadangan Y.A.B. Ketua Menteri, pihak Pejabat Tanah dan Galian melalui Surat Arahan PTG Bil. 6/2009 bertarikh 4 Mac 2009 telah mengeluarkan arahan bahawa semua pemilik petak yang terhalang daripada meneruskan urusniaga mereka disebabkan oleh pemasukan kaveat pendaftar dalam Borang 3, Penyata Daftar Strata meskipun petak mereka tidak terlibat langsung dengan sebab kaveat pendaftar tersebut dimasukkan, boleh menggunakan Surat Akuan Berkanun yang ditandatangani mengikut tatacara yang diperuntukkan bagi menjelaskan bahawa petak mereka tidak terlibat dengan sebab kaveat pendaftar tersebut dimasukkan.

Sehingga kini, pihak Pejabat Tanah dan Galian masih lagi mengadakan perbincangan dari masa ke semasa dengan pihak Jawatankuasa Peguam Negeri Pulau Pinang untuk membincangkan proses yang dapat mempercepatkan lagi prosedur pendaftaran urusniaga mengikut lunas undang-undang yang dibenarkan. Ini bertujuan supaya kepentingan pemilik petak, pemasuk kaveat dan kerajaan dapat sama-sama dijaga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Silakan berikan butir-butir atau jumlah cukai pintu MPPP dan MPSP yang tertunggak dari 2005 hingga 2009?

(b) Sila senaraikan nama pemilik hartanah yang masih berhutang cukai pintu lebih daripada 10 tahun?

(c) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan negeri untuk menuntut balik semua cukai pintu yang tertunggak?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Butir-butir atau jumlah cukai pintu MPSP yang tertunggak dari 2005 hingga 2009 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (RM)
2005	RM 49,815,471.48
2006	RM 51,497,363.33
2007	RM 55,768,377.09
2008	RM 50,559,781.44

(b) Terdapat 1600 akaun yang tidak membuat bayaran dari tahun 2003 hingga 2008 bernilai RM 24,197,545.33. Data sebelum 2003 telah dipindahkan ke sistem yang diguna pakai sekarang sebagai baki dibawa ke hadapan. Data untuk tahun 2002 dan sebelumnya perlu disemak secara manual untuk mendapat jumlah tahun sebenar tertunggak.

(c) Langkah-langkah / strategi yang akan diambil oleh MPSP untuk menuntut balik semua cukai pintu yang tertunggak adalah seperti berikut :

(i) Waran tahanan – Borang H (premis kosong)

(ii) Waran Tahanan – Borang G di mana inventori harta dibuat dan rampasan akan dilakukan sekiranya pemilik gagal untuk membuat bayaran. Harta rampasan tersebut pula akan dilelong dan hasil lelongan akan digunakan untuk melangsaikan tunggakan cukai.

(iii) Perbincangan bersama Pemilik tegar.

(iv) Melantik Panel peguam.

(v) Cabutan bertuah untuk pemilik yang melangsaikan semua tunggakan termasuk membayar setahun cukai semasa.

(vi) Melantik 13 bank sebagai agen kutipan MPSP.

(vii) Bayaran secara ansuran, menghantar peringatan ansuran melalui sms atau surat.

(viii) Memantau pungutan cukai melalui sistem cukai taksiran di mana keseluruhan proses kerja dari pengeluaran bil sehingga penguatkuasaan boleh didapati melalui sistem ini.

(ix) Bayaran secara on-line di portal MPSP atau portal Kerajaan Negeri menggunakan kad kredit atau MEP Fpx.

(x) Kerjasama dengan agensi kerajaan setempat seperti Pejabat Tanah dan Daerah untuk membuat pungutan bil cukai.

Agensi-agensi kerajaan lain yang telah berfungsi sebagai Agensi Setempat ialah PDC, PDC Setia Urus, PBA, TNB, TM, Pos Malaysia dan MPPP.

Bagi MPPP pula, butir-butir atau jumlah cukai pintu MPPP yang tertunggak dari 2005 hingga 2009 yang melebihi 10 tahun adalah seperti di Lampiran.

PROFIL KAWASAN

1. PARLIMEN : P47: NIBONG TEBAL Y.B. ENCIK TAN TEE BENG

2. PPKP(K) : ENCIK OMAR JAMIL B. OSMAN

   NO. TEL : 012 – 4740567

3. PPKP : ENCIK ABD. RAHMAN B. ABDULLAH

   NO. TEL : 019 – 4976352

4. PKAK : HO KUN THONG

   NO. TEL : 019 – 4528583

5. KONTRAKTOR: PPS:

   (i) SANJUNG INDAH ENT. (S11 K 3)
   NO. TEL : 019 517 2293
   TARIKH TAMAT PERJANJIAN : 07.02.2003 HINGGA DIAMBIL ALIH OLEH PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL (DARI BULAN KE BULAN)

   (ii) PERNIAGAAN UMPAN JAYA (S12 K1)
   NO. TEL : 012 284 8096
   TARIKH TAMAT PERJANJIAN : 31.03.2003 HINGGA DIAMBIL ALIH OLEH PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL (DARI BULAN KE BULAN)

   (iii) BERJAYA TARADING (S12 K2)
   NO. TEL : 012 5211549
   TARIKH TAMAT PERJANJIAN : 23.04.2002 HINGGA DIAMBIL ALIH OLEH PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL (DARI BULAN KE BULAN)

   KONTRAKTOR: KPA:

   (i) BAIDURI MEKAR ENT. (S11 KF)
   NO. TEL : 013 4746499
   TARIKH TAMAT PERJANJIAN : 01.02.2007 HINGGA 31.01.2010 (DARI BULAN KE BULAN)

   (ii) PERUSAHAAN TABAH (S11 KG)
   NO. TEL: 012 5370369
   TARIKH TAMAT PERJANJIAN : 01.02.2007 HINGGA 31.01.2010 (DARI BULAN KE BULAN)

   (iii) PERNIAGAAN UMPAN JAYA (S12 KA)
   NO. TEL : 017 -019 5506833
   TARIKH TAMAT PERJANJIAN : 01.02.2007 HINGGA 31.01.2010 (DARI BULAN KE BULAN)

   (iv) KOPERASI PEMBANGUNAN DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN (S12 KB)
   NO. TEL : 017 405 7352
   TARIKH TAMAT PERJANJIAN : 01.02.2007 HINGGA 31.01.2010 (DARI BULAN KE BULAN)

   (v) PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN TASEK SPS (S12 KC)
   NO. TEL: 012 4560786
   TARIKH TAMAT PERJANJIAN : 01.02.2007 HINGGA 31.01.2010 (DARI BULAN KE BULAN)

1	**KADUN : N19 JAWI Y.B. EN. TAN BENG HUAT**				
2	**PKA**	**NAMA**	**SUNDRAM A/L VENGADASON**		
		NO. TEL	**019 – 424 7689**		
3	**SEKTOR KONTRAKTOR**:				
	A	**SANJUNG INDAH ENT. (S11 K3)**	1	PPS (A + C)	Tmn. Jawi Jaya, Flat Jawi Jaya (2 CU), Tmn. Desa Jawi, Flat Desa Jawi (20 Chute), Tmn. Sintar.
			2	PPS (B + C)	Perkampung Jawi, Tmn. Jawi Jaya(RK), Flat Jawi Jaya (2 CU), Tmn. Desa Jawi (RK), Flat Desa Jawi (20 Chute), Tmn. Sintar (RK).
			3	PPS (A + C)	Tmn. Jawi Jaya, Flat Jawi Jaya (2 CU), Tmn. Desa Jawi, Flat Desa Jawi (20 Chute), Tmn. Sintar.
			4	PPS (B + C)	Perkampung Jawi, Tmn. Jawi Jaya(RK), Flat Jawi Jaya (2 CU), Tmn. Desa Jawi (RK), Flat Desa Jawi (20 Chute), Tmn. Sintar (RK).
			5	PPS (A + C)	Tmn. Jawi Jaya, Flat Jawi Jaya (2 CU), Tmn. Desa Jawi, Flat Desa Jawi (20 Chute), Tmn. Sintar.
			6	PPS (B + C)	Perkampung Jawi, Tmn. Jawi Jaya(RK), Flat Jawi Jaya (2 CU), Tmn. Desa Jawi (RK), Flat Desa Jawi (20 Chute), Tmn. Sintar (RK).
			7	PPS (C)	Tmn. Jawi Jaya(RK), Flat Jawi Jaya (2 CU), Tmn. Desa Jawi, Flat Desa Jawi (20 Chute), Tmn. Sintar (RK).

	B	**PERNIAGAAN UMPAN JAYA (S12 K1)**	1	PPS (A + C)	Tmn. Penting, Tmn Veerappan, Tmn, Camar, Tmn. Bersatu, Tmn. Belatuk, Tmn. Permai, Rumah Murah Lama, Rumah Kos Rendah, JKR Quarters, Tmn. Helang Jaya, Tmn, Permai, Tmn. Sentosa (RK)
			2	PPS (B + C)	Tmn. Sentosa (RK), Tmn. Permai (RK), Tmn. Penting (RK), Tmn. Camar (RK), Tmn. Belatuk (RK).
			3	PPS (A + C)	Tmn. Penting, Tmn Veerappan, Tmn, Camar, Tmn. Bersatu, Tmn. Belatuk, Tmn. Permai, Rumah Murah Lama, Rumah Kos Rendah, JKR Quarters, Tmn. Helang Jaya, Tmn, Permai, Tmn. Sentosa (RK)
			4	PPS (B + C)	Tmn. Sentosa (RK), Tmn. Permai (RK), Tmn. Penting (RK), Tmn. Camar (RK), Tmn. Belatuk (RK).
			5	PPS (A + C)	Tmn. Penting, Tmn Veerappan, Tmn, Camar, Tmn. Bersatu, Tmn. Belatuk, Tmn. Permai, Rumah Murah Lama, Rumah Kos Rendah, JKR Quarters, Tmn. Helang Jaya, Tmn, Permai, Tmn. Sentosa (RK)
			6	PPS (B + C)	Tmn. Sentosa (RK), Tmn. Permai (RK), Tmn. Penting (RK), Tmn. Camar (RK), Tmn. Belatuk (RK).
			7	PPS (C)	Tmn. Sentosa (RK), Tmn. Permai (RK), Tmn. Penting (RK), Tmn. Camar (RK), Tmn. Belatuk (RK).

	C	**BERJAYA TRADING (S 12 K 2)**	1	PPS (A + C)	Tmn. Perindustrian N. Tebal, Tmn. Cenderawasih Indah, Tmn. Cenderawasih, Tmn. Panchor Indah, Tmn. Bukit Panchor, Tmn. Merbah, Tmn. Berseri, Tmn. Nibong Indah, Kpg. Tong Hai, Kpg. Sheik Adam, Tmn. Nibong Tebal Jaya, Flat N.T. Jaya (2 CU), Tmn. Berjaya (RK), Tmn. Sri Maju, Tmn. Bahagia, Tmn, N. Tebal, Tmn, Nuri, Tmn. Bistari, Depan Lgd. Kalidonia, Sg. Daun (2 CU), Kpg. Kebun Baru (3 CU), Ldg. Byram, Jalan Byram (1 CU).
			2	PPS (B + C)	Tmn. Sentosa, Tmn. N.Tebal, Tmn. Nuri, Kpg. Pinang, Tmn. Bahagia, Tmn., Sri Maju, Tmn. Sri Nibong, Tmn. Berjaya, Kpg. Gereja, Kpg. Arjunan, Tmn, Bistari, Tmn. Cowin, Tmn Weng Tee, Tmn. N.T.Jaya(RK), Flat N.T. Jaya (2 CU), Tmn. N.Tibong Indah,Tmn. Perindustrian N. Tebal, Tmn. Cenderawasih, Tmn. Panchor Indah, Tmn. Bukit Panchor, Tmn, Merbah. Tmn. Berseri, Depan Lgd. Kalidonia, Sg. Daun (2 CU), Kpg. Kebun Baru (3 CU), Ldg. Byram, Jalan Byram (1 CU).
			3	PPS (A + C)	Tmn. Perindustrian N. Tebal, Tmn. Cenderawasih Indah, Tmn. Cenderawasih, Tmn. Panchor Indah, Tmn. Bukit Panchor, Tmn. Merbah, Tmn. Berseri, Tmn. Nibong Indah, Kpg. Tong Hai, Kpg. Sheik Adam, Tmn. Nibong Tebal Jaya, Flat N.T. Jaya (2 CU), Tmn. Berjaya (RK), Tmn. Sri Maju, Tmn. Bahagia, Tmn, N. Tebal, Tmn, Nuri, Tmn. Bistari, Depan Lgd. Kalidonia, Sg. Daun (2 CU), Kpg. Kebun Baru (3 CU), Ldg. Byram, Jalan Byram (1 CU).

			4	PPS (B + C)	Tmn. Sentosa, Tmn. N.Tebal, Tmn. Nuri, Kpg. Pinang, Tmn. Bahagia, Tmn., Sri Maju, Tmn. Sri Nibong, Tmn. Berjaya, Kpg. Gereja, Kpg. Arjunan, Tmn, Bistari, Tmn. Cowin, Tmn Weng Tee, Tmn. N.T.Jaya(RK), Flat N.T. Jaya (2 CU), Tmn. N.Tibong Indah,Tmn. Perindustrian N. Tebal, Tmn. Cenderawasih, Tmn. Panchor Indah, Tmn. Bukit Panchor, Tmn, Merbah. Tmn. Berseri, Depan Lgd. Kalidonia, Sg. Daun (2 CU), Kpg. Kebun Baru (3 CU), Ldg. Byram, Jalan Byram (1 CU).
			5	PPS (A + C)	Tmn. Perindustrian N. Tebal, Tmn. Cenderawasih Indah, Tmn. Cenderawasih, Tmn. Panchor Indah, Tmn. Bukit Panchor, Tmn. Merbah, Tmn. Berseri, Tmn. Nibong Indah, Kpg. Tong Hai, Kpg. Sheik Adam, Tmn. Nibong Tebal Jaya, Flat N.T. Jaya (2 CU), Tmn. Berjaya (RK), Tmn. Sri Maju, Tmn. Bahagia, Tmn, N. Tebal, Tmn, Nuri, Tmn. Bistari, Depan Lgd. Kalidonia, Sg. Daun (2 CU), Kpg. Kebun Baru (3 CU(, Ldg. Byram, Jalan Byram (1 CU).
			6	PPS (B + C)	Tmn. Sentosa, Tmn. N.Tebal, Tmn. Nuri, Kpg. Pinang, Tmn. Bahagia, Tmn., Sri Maju, Tmn. Sri Nibong, Tmn. Berjaya, Kpg. Gereja, Kpg. Arjunan, Tmn, Bistari, Tmn. Cowin, Tmn Weng Tee, Tmn. N.T.Jaya(RK), Flat N.T. Jaya (2 CU), Tmn. N.Tibong Indah,Tmn. Perindustrian N. Tebal, Tmn. Cenderawasih, Tmn. Panchor Indah, Tmn. Bukit Panchor, Tmn, Merbah. Tmn. Berseri, Depan Lgd. Kalidonia, Sg. Daun (2 CU), Kpg. Kebun Baru (3 CU), Ldg. Byram, Jalan Byram (1 CU).

			7	PPS (A + C)	Tmn. Perindustrian N. Tebal, Tmn. Cenderawasih Indah, Tmn. Cenderawasih, Tmn. Panchor Indah, Tmn. Bukit Panchor, Tmn. Merbah, Tmn. Berseri, Tmn. Nibong Indah, Kpg. Tong Hai, Kpg. Sheik Adam, Tmn. Nibong Tebal Jaya, Flat N.T. Jaya (2 CU), Tmn. Berjaya (RK), Tmn. Sri Maju, Tmn. Bahagia, Tmn, N. Tebal, Tmn, Nuri, Tmn. Bistari, Depan Lgd. Kalidonia, Sg. Daun (2 CU), Kpg. Kebun Baru (3 CU(, Ldg. Byram, Jalan Byram (1 CU).
	D	**BAIDURI MEKAR ENTERPRISE (S11 K F)**	1	KPA	Tmn. Jawi Jaya (A) - Jalan Jawi Jaya 1 hingga 14 - Lorong Jawi Jaya 1 hingga 14
			2	KPA	Tmn. Jawi Jaya (B) - Jalan Jawi Jaya 5 hingga 7 - Lorong Jawi Jaya 15 hingga 18
			3	KPA	Pusat Perniagaan Jawi Jaya
			4	KPA	Tiada
			5	KPA	Pusat Perniagaan Jawi Jaya
			6	KPA	Tiada
	E	**PERUSAHAAN TABAH (S11 K G)**	1	KPA	Kawasan Perniagaan Desa Jawi
			2	KPA	Tiada
			3	KPA	Kawasan Perniagaan Desa Jawi

			4	KPA	Perkampungan Jawi, Kawasan Perniagaan Desa Jawi
			5	KPA	Pekan Changkat
			6	KPA	Taman Desa Jawi (i) Kpg. Bagan Buaya sebulan (ii) Changkat Estate sekali sahaja
	F	**PERNIAGAAN UMPAN JAYA (S12 K A)**	1	KPA	Taman Bukit Panchor, Jln. Masuk Bukit Panchor, Tmn. Panchor Indah (RK), Tmn. Berseri, Tmn. Perindustrian Nibong Tebal.
			2	KPA	Tmn. Cenderawasih, Tmn. Cenderawasih Indah, Tmn. Sintar (RK), Tmn. Sintar Indah.
			3	KPA	Tmn. Cenderawasih Indah, Tmn. Perindustrian Nibong Tebal, Tmn. Panchor Indah, Tmn. Merbah,Tmn. Berseri.
			4	KPA	Tmn. Sintar, Tmn. Sintar Indah, Tmn. Cenderawasih (RK), Tmn. Cenderawasih Indah.
			5	KPA	Taman Merbah, Tmn. Berseri, Tmn. Sri Bayu, Tmn. Bukit Panchor (RK), Tmn. Panchor Indah, Tmn. Perindustrian Nibong Tebal.
			6	KPA	Taman Bukit Panchor, Jln. Masuk Panchor Indah, Tmn. Cenderawasih (RK), Taman Cenderawasih Indah, Tmn. Sintar, Tmn. Sintar Indah.

	G	**KOPERASI PEMBANGUNAN DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN (S12 K B)**	1	KPA	Taman Penting Tmn. Camar, Tmn. Bersatu, Tmn. Belatuk (RK)
			2	KPA	Taman Sri Permai, Tmn. Sri Permai 2, Tmn. Belatuk.
			3	KPA	Taman Helang, Tmn. Helang Jaya, Kpg. Che Aminah, Tmn. Camar (RK), Tmn. Belatuk, Tmn. Penting.
			4	KPA	Perindustrian Bukit Panchor
			5	KPA	Tmn. Permai, Tmn. Veerappan, Kpg. Stesen.
			6	KPA	Tmn. Camar (RK), Tmn. Belatuk, Tmn. Penting.
	H	**PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN TASEK SEBERANG PERAI SELATAN (S12 KC)**	1	KPA	Tmn. Sri Maju, Tmn. Sri Nibong, Tmn, Bahagia, Tmn. Berjaya (RK), Tmn. Bistari, Tmn. Nibong Tebal Jaya, Pusat Perniagaan Taman Sentosa, Tmn., Nibong Indah.
			2	KPA	Tmn Bistari, Kpg. Pinang, Kpg. Sheik, Adam, Tmn. Cowin, Tmn. Weng Tee, Jln. R. Arjunan.
			3	KPA	Tmn. Sentosa, Tmn. Nibong Indah, Tmn. Sri Maju (RK), , Tmn, Berjaya, Tmn. Bistari, Tmn. Nibong Tebal Jaya, Pusat Perniagaan Taman Sentosa, Tmn. Sri Nibong.
			4	KPA	Simpang Lingkaran Masuk Pekan Nibong Tebal, Kpg. Kebun Baru, Tmn, Berjaya.
			5	KPA	Simpang N.T. Jaya, Kg. Tong Hai, Tmn. Sri Maju, Tmn., Sri Nibong, Tmn, Berjaya. Tmn Bistari, Tmn. Nibong Tebal Indah, Pusat Perniagaan Tmn. Sentosa.
			6	KPA	Kpg. Teluk Ipil, Kpg. Che Isa, Kpg. Victoria, Tmn. Nuri

SP/nh
F: Kadun N9
D:Tawaran Tender(1)

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR

DUN: N19 **NAMA PKA: SUNDRAM A/L VENGADASON**

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR:

NAMA	TAMAN/KAWASAN YANG DIBERI PERKHIDMATAN	NO. TELEFON
SANJUNG INDAH ENT. (PPS S11 K3 & K3T) NO: 1-B KOMPLEKS PELADANG, JALAN KULIM, BUKIT MERTAJAM SPT.	1. TAMAN JAWI JAYA (A + C) 2. FLAT JAWI JAYA (2 TONG CU)(A+ C) 3. TAMAN DESA JAWI (A + C) 4. FLAT DESA JAWI (20 TONG CHUTE) (A + C) 5. TAMAN SINTAR (A + C) 6. PERKAMPUNG JAWI (B)	019 – 517 2293 012 – 574 7492

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR

DUN: N19 **NAMA PKA: SUNDRAM A/L VENGADASON**

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR:

NAMA	TAMAN/KAWASAN YANG DIBERI PERKHIDMATAN	NO. TELEFON
PERNIAGAAN UMPAN JAYA (PPS S12 K1 & T) NO: 40, TINGKAT 1, JALAN JAWI JAYA 1, TAMAN JAWI JAYA, 14200 SUNGAI JAWI, SPS	1. TAMAN PENTING (A + C) 2. TAMAN VEERAPPAN (A) 3. TAMAN CAMAR (A + C) 4. TAMAN BERSATU (A 5. TAMAN BELATUK (A + C) 6. TAMAN SRI PERMAI (A) 7. RUMAH MURAH LAMA (A) 8. RUMAH KOS RENDAH (A) 9. JKR QUARTERS JLN BUKIT PANCHOR (A) 10. TAMAN HELANG JAYA (A) 11. TAMAN PERMAI (A) 12. TAMAN SENTOSA (R. KEDAI 35 UNIT) (C)	019 – 584 8096 012 – 686 0490 04 – 582 6518

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR

DUN: N19 **NAMA PKA: SUNDRAM A/L VENGADASON**

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR:

NAMA		TAMAN/KAWASAN YANG DIBERI PERKHIDMATAN	NO. TELEFON
BERJAYA TRADING	1.	TMN. PERINDUSTRIAN N.TBAL (A + C)	012 521 1549
	2.	TAMAN CENDERAWASIH (A + C)	
	3.	TAMAN CENDERAWASIH INDAH (A + C)	
	4.	TAMAN PANCHOR INDAH (A + C)	
	5.	TAMAN BUKIT PANCHIR (A + C)	
(PPS S 12 K2 & T)	6.	TAMAN MERBAH (A + C)	
	7.	TAMAN BERSERI @ PING WAH (A + C)	
NO. 2243, SIMPANG	8.	TAMAN NIBONG INDAH (A + C)	
SEMBILAN	9.	TAMAN NIBONG TEBAL JAYA (A + C)	
14300 NIBONG TEBAL,10.	TAMAN SRI NIBONG (B + C)		
SPS	11.	TAMAN SRI MAJU (B + C)	
	12.	TAMAN BAHAGIA (B + C)	
	13.	TAMAN BERJAYA (B + C)	
	14.	TAMAN SENTOSA (B)	
	15.	TAMAN NIBONG TEBAL (B + C)	
	16.	TAMAN NURI (B + C)	
	17.	TAMAN BISTARI (b + C)	
	18.	TAMAN COWIN (B)	
	19.	TAMAN WENG TEE (B)	
	20.	KAMPUNG TONG HAI (A)	
	21.	KAMPUNG SHAIK ADAM (A)	
	22.	KAMPUNG PINANG (B)	
	23.	KAMPUNG GEREJA (B)	
	24.	KAMPUNG R. ARJUNAN (B)	
	25.	FLAT NIBONG TEBAL JAYA (2 TONG CU)	
	26.	LADANG KALIDONIA (2 TONG CU)	
	27.	KAMPUNG KEBUN BARU (3 TONG CU)	
	28.	LADANG BYRAM (1 TONG CU)	

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR

DUN: N19 **NAMA PKA: SUNDRAM A/L VENGADASON**

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR:

NAMA		TAMAN/KAWASAN YANG DIBERI PERKHIDMATAN	NO. TELEFON
BAIDURI MEKAR ENT	1.	TAMAN JAWI JAYA	013 – 474 6499 019 – 517 2293 04 - 538 4757
(KPA S11 KF)			
NO. 1952, KUBANG MENERONG 13300 TASEK GELUGOR SPU, P. PINANG			

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR

DUN: N19 **NAMA PKA: SUNDRAM A/L VENGADASON**

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR:

NAMA	TAMAN/KAWASAN YANG DIBERI PERKHIDMATAN	NO. TELEFON
PERUSAHAAN TABAH (KPA S11 KG)	1. TAMAN DESA JAWI	012 – 537 0369
	2. PERKAMPUNG JAWI	016- 408 9975
	3. PEKAN CHANGKAT	017 – 451 4744
NO. 9, LORONG BELATUK 5, TAMAN BELATUK, 14300 NIBONG TEBAL, SPS	JADUAL PEMBERSIHAN PARIT JALAN NEGERI (1 KALI SEBULAN)	
	4. KAMPUNG BAGAN BUAYA	
	5. JALAN KERIAN KEDAH	
	6. JALAN CHANGKAT ESTET	

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR

DUN: N19 **NAMA PKA: SUNDRAM A/L VENGADASON**

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR:

NAMA	TAMAN/KAWASAN YANG DIBERI PERKHIDMATAN	NO. TELEFON
PERNIAGAAN UMPAN JAYA (KPA S12 KA) NO. 40, TINGKAT 1, JALAN JAWI JAYA TAMAN JAWI JAYA 14200 SUNGAI JAWI, SPS	1. TAMAN BUKIT PANCHOR	012 – 584 8096
	2. JALAN MASUK TMN BUKIT PANCHOR	019 – 550 6833
	3. TAMAN CENDERAWASIH	017 – 531 7344
	4. TAMAN CENDERAWASIH INDAH	04 – 582 5331
	5. PERINDUSTIRAN NIBONG TEBAL, JALAN BESAR	
	6. TAMAN SINTAR	
	7. TAMAN SINTAR INDAH	
	8. TAMAN MERBAH	
	9. TAMAN BERSERI	
	10. TAMAN SRI BAYU	
	11. TAMAN PANCHOR INDAH	
	12. JALAN MASUK TMN. PANCHOR INDAH	

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR

DUN: N19 **NAMA PKA: SUNDRAM A/L VENGADASON**

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR:

NAMA	TAMAN/KAWASAN YANG DIBERI PERKHIDMATAN	NO. TELEFON
KOPERASI PEMBANGUNAN DAERAH SPS BERHAD (KPA S12 KB) NO. 1, MEDANIAGA PERDA, FASA 2, JALAN SERINDIT 14200 SUNGAI JAWI, SPS	1. TAMAN PENTING 2. TAMAN CAMAR 3. TAMAN BERSATU 4. TAMAN SRI PERMAI 5. TAMAN SRI PERMAI 2, 6. TAMAN HELANG / HELANG JAYA 7. KAMPUNG CHE AMINAH 8. PERINDUSTRIAN BUKIT PANCHOR 9. TAMAN PERMAI 10. TAMAN VEERAPPAN 11. KAMPUNG STESEN JADUAL PEMBERSIHAN PARIT JALAN NEGERI (1 KALI SEBULAN) 1. JALAN BUKIT PANCHOR KE KILANG HUNZA	017 – 405 7352 04 – 582 7020

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR

DUN: N19 **NAMA PKA: SUNDRAM A/L VENGADASON**

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR:

NAMA	TAMAN/KAWASAN YANG DIBERI PERKHIDMATAN	NO. TELEFON
(KPA S 12 K C) PPK TASAEK 161, LORONG SS 1 BANDAR TASEK MUTIARA SIMPANG EMPAT SEBERANG PERAI SELATAN	1. TAMAN SRI MAJU 2. TAMAN SRI NIBUNG 3. TAMAN BESTARI 4. KAMPUNG PINANG 5. KAMPUNG SHEIK ADAM 6. TAMAN COWIN 7. TAMAN SENTOSA 8. TAMAN NIBUNG TEBAL INDAH 9. KAMPUNG VICTORIA 10. SIMPANG LINGKARAN MASUK PEKAN N.T 11. TAMAN NIBUNG TEBAL JAYA 12. KAMPUNG KEBUN BARU 13. KAMPUNG TELUK IPIL 14. KAMPUNG TONG HAI 15. KAMPUNG ARJUNAN 16. KAMPUNG CHE ISA 17. TAMAN BAHAGIA 18. TAMAN BERJAYA 19. TAMAN WENG TEE 20. TAMAN NURI	04 - 5087716

Langkah-langkah yang diambil oleh MPPP adalah seperti berikut:-

(i) Memastikan permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan telah menjelaskan cukai taksiran yang terkini.

(ii) Memastikan setiap pemohon yang mengemukakan permohonan untuk apa-apa lesen mengemukakan bukti penjelasan cukai taksiran yang terkini bagi premis di mana aktiviti perniagaan dijalankan.

(iii) Memfailkan kaveat persendirian terhadap harta-harta *landed* di mana terdapat hak milik berasingan untuk memastikan cukai taksiran dijelaskan sebelum apa-apa urusan pindah milik antara penjual dan pembeli didaftarkan.

(iv) Mengeluarkan Notis Statutori pada setiap 1 Mac dan 1 September kepada pembayar kadar untuk mempertingkatkan tunggakan yang tidak dijelaskan bagi separuh tahun pertama dan separuh tahun kedua masing-masing.

(v) Menahan harta alih dengan mengeluarkan Borang 'G' dan melaksanakan tindakan jualan sekiranya didapati nilai harta alih melebihi jumlah cukai taksiran tertunggak.

(vi) Menahan harta tak alih dengan mengeluarkan Borang 'H' kepada pembayar kadar untuk tindakan jualan harta yang ditaksirkan sekiranya didapati nilai harta alih adalah kurang daripada jumlah yang tertunggak.

(vii) Mengambil kira bayaran sewa yang dibayar oleh penyewa harta yang ditaksirkan setiap bulan sehingga penyelesaian tunggakan cukai taksiran.

(viii) Mendapat Perintah Jualan harta yang ditaksirkan dengan memfailkan prosiding di Mahkamah Tinggi.

(ix) Memfailkan prosiding di Mahkamah untuk menuntut amaun yang tertunggak sebagai hutang.

(viii) Mengadakan perjumpaan dengan pembayar kadar bagi membincangkan masalah yang dihadapi dan mengaturkan bayaran secara ansuran bulanan yang munasabah supaya tunggakan cukai taksiran dapat dikurangkan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Adakah rancangan kerajaan negeri untuk melaksanakan pemilihan Ahli Majlis Perbandaran secara demokratik?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang mengambil langkah proaktif untuk melaksanakan pemilihan Ahli Majlis Perbandaran secara demokratik dan sedang berusaha mencari jalan untuk kembalikan pilihan raya bagi melantik Ahli Majlis untuk Pihak Berkuasa Tempatan selaras dengan prinsip demokrasi. Kerajaan negeri bersetuju bahawa rakyat sebagai pembayar cukai berhak untuk memilih pemimpin sendiri untuk mewakili mereka dalam menentukan dasar dan proses pengurusan Kerajaan Tempatan yang akan ada impak besar terhadap mereka. Pelbagai halangan termasuk halangan perundangan dijangka tetapi proses ke arah matlamat tersebut telah dimulakan.

Kerajaan negeri telah mengarah ditubuhkan satu "Local Government Elections Working Group" (LGEWG) untuk mengkaji kesesuaian pilihanraya bagi Kerajaan Tempatan di Pulau Pinang. LGEWG yang dipengerusikan oleh Dr. Goh Ban Lee daripada SERI diminta menggaris dan merancang satu "Road Map To Local Government Elections". Cadangan Langkah-langkah ke arahtuju Pilihanraya Tempatan oleh LGEWG adalah seperti berikut :

(i) Kerajaan negeri harus meluluskan usul menyokong untuk tujuan ini;

(ii) Kerajaan negeri harus menyediakan bajet untuk menjalankan aktiviti-aktiviti dan kempen untuk pengundian ahli majlis dan presiden PBT;

(iii) Kerajaan negeri harus membentangkan tujuan mengadakan pilihanraya tempatan kepada Majlis Negara Kerajaan Tempatan;

(iv) Kerajaan Negeri Pulau Pinang hendaklah melantik seorang peguam (pakar dalam perlembagaan) untuk mengkaji arahtuju pilihanraya tempatan dan merayu kepada Makhamah Tinggi Pulau Pinang; dan

(v) Kerajaan negeri mengkaji penstrukturan semula PBT.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Adakah kerajaan negeri bersedia untuk mengkaji semula emolumen dan elaun Ahli-ahli Majlis Perbandaran?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Kerajaan negeri pernah menerima rayuan daripada Ahli Majlis melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) untuk dipertimbangkan kenaikan elaun tetap dan elaun mesyuarat yang diberi. Rayuan adalah supaya elaun tetap dinaikkan daripada RM600 ke RM1,000 dan elaun mesyuarat daripada RM50 ke RM100 untuk satu mesyuarat (tertakluk kepada had maksima 10 kali mesyuarat). Pada masa itu, kerajaan negeri telah mengarahkan semua jabatan supaya berhemah dalam perbelanjaan dan semua elaun untuk menghadiri mesyuarat dikurangkan, sesetengah potongan sehingga 50 peratus. Surat pekeliling Kewangan Negeri Bil. 11 Tahun 2008 telah dikeluarkan untuk menggariskan langkah-langkah bagi memperketatkan kawalan perbelanjaan kerajaan negeri. Oleh itu, kerajaan negeri memutus untuk menangguhkan pertimbangan ke atas cadangan kenaikan elaun Ahli Majlis sehingga kedudukan kewangan di kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mantap.

Kerajaan negeri bersedia untuk mengkaji semula kadar elaun Ahli-ahli Majlis Perbandaran apabila kedudukan kewangan PBT bertambah baik dan stabil.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Adakah kerajaan negeri bersedia menggunakan sistem pelupusan sampah-sarap yang lebih bersih dan *environmentally friendly ?*

(a) Sekiranya ada, sila berikan butir-butirnya?

(b) Sekiranya tidak, sila berikan sebab-sebabnya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kerajaan negeri sememangnya sudah menggunakan sistem pelupusan sampah yang lebih baik dan *Environmentally Friendly*.

(a) Pelupusan sampah dijalankan secara 'Pelupusan Sanitari' di Tapak Pelupusan Pulau Burung yang berkeluasan 62 hektar di Seberang Perai Selatan. Pelupusan Sanitari ialah satu kaedah kejuruteraan di mana sampah dimampat ke ruang kecil dan ditimbus dengan bahan penutup pada setiap hari bekerja. Tapak Pelupusan Pulau Burung adalah di tahap III iaitu terdapat loji rawatan air peresapan (*leachate*) dan kaedah pelupusan ini adalah mesra alam. Sebanyak 1,200 tan sampah dari Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di lupus di tapak Pelupusan Pulau Burung setiap hari.

(b) Kerajaan negeri bercadang untuk membina dua unit *Material Recovery Facility (MRF*); satu untuk Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di Jelutong dan satu lagi di Pulau Burung, Seberang Perai Selatan untuk Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). *Concessionaire* MRF telahpun dikenalpasti oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Kaedah MRF merupakan kaedah mesra alam kerana kutipan sisa pepejal diasingkan dari punca. Hasilnya, 20 hingga 30% daripada sisa pepejal asal akan dilupus di tapak pelupusan, selebihnya dikitar semula atau dibuat kompos atau baja.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Adakah kerajaan negeri bersedia mengkaji semula kadar cukai pintu demi mengurangkan beban rakyat dan pengusaha dalam menangani kelembapan ekonomi?

(b) Adakah kerajaan bersedia memberi pengecualian atau diskaun cukai pintu kepada pemilik kedai yang tidak berniaga atau tidak dapat disewa serta diskaun cukai pintu kepada pemilik tanah yang terbiar?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Kerajaan negeri tidak bercadang untuk mengkaji semula kadar cukai pintu bagi tujuan pengurangan. Bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), kadar sedia ada tidak berubah sejak tahun 2005 bagi membolehkan MPPP memperolehi pendapatan yang mencukupi agar perkhidmatannya kepada rakyat tidak terjejas. Pengurangan peratusan kadar hanya akan dilakukan sekiranya tidak menjejaskan perkhidmatan MPPP kepada rakyat dan juga bergantung kepada kedudukan kewangan MPPP. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) juga tidak bercadang untuk menurunkan kadar cukai pintu.

(b) Bagi perkara ini, kerajaan negeri memberi sedikit kelonggaran. Cukai pintu masih lagi merupakan sumber hasil utama MPPP kecuali:-

(i) Harta yang digunakan sebagai tempat awam untuk sembahyang, tanah perkuburan, sekolah awam, khairat, sains, sastera dan seni lukis yang bukan untuk mendapatkan keuntungan (Sek. 134, Akta Kerajaan Tempatan, 1976); dan

(ii) Harta yang digunakan bagi maksud rekreasi, sosial atau kebajikan yang bukan untuk mendapatkan keuntungan.

Bagi pemilik kedai yang tidak dapat menyewa, remisi kadar diberikan kepada mereka iaitu pulangan balik kadar sebanyak 50 peratus daripada jumlah kadar yang telah dibayar kepada MPPP. Kemudahan ini diberikan untuk unit-unit yang kosong sehingga 31 Disember 2010.

Semua tanah kosong (tanah pembangunan/pertanian) atau terbiar tidak akan terus dikenakan cukai taksiran mengikut amalan sedia ada sebagaimana yang dikenakan ke atas bangunan (yang digunakan ataupun terbiar kosong). Keadaan dan jenis kegunaan tanah telah diambil kira di dalam penilaian nilai tahunannya.

MPSP boleh menimbang untuk memulangkan sehingga 50 peratus daripada cukai taksiran sekiranya syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah Seksyen 162 Akta Kerajaan Tempatan 1976 seperti berikut dipatuhi:-

(i) Tempoh kekosongan tidak kurang dari satu (1) bulan kalendar;

(ii) Cukai taksiran hendaklah dijelaskan terlebih dahulu;

(iii) Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis;

(iv) Usaha yang munasabah untuk mendapat penyewa telah dibuat; dan

(v) Sewa yang diminta adalah munasabah.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. (a) Apakah rancangan kerajaan negeri untuk *repackage* dan atau *redevelope* Taman Botani dan mempromosikannya sebagai salah satu destinasi pelancongan menarik?

(b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan kebersihan di Taman Botani dan Tandas Awam yang sedia ada?

(c) Adakah pencuci tandas dibayar gaji dan cekap dalam urusan pencucian?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. (a) Kebanyakan produk di Taman Botani dalam proses pembangunan semula bermula dengan projek menaiktaraf semua rumah pokok dan taman-taman mini sertadenai-denai hutan (*curtis trail*, laluan *arold* dan *botanicawalk*). Pada masa kini, Taman Botani telah diperuntukkan sejumlah RM7 juta bagi kerja-kerja pembangunan kemudahan pelancongan seperti Pavillion Pelancongan, Façade Baru Pintu Masuk Utama, *Eco-stream Walk* dan *Bambusetum*.

(b) Dalam jangka masa terdekat ini, pihak jabatan telah menyusun semula jadual pembersihan kawasan taman dan sekitar. Bagi jangka masa panjang, pihak jabatan akan memperkenalkan perkhidmatan penyelenggaraan swasta yang lebih efisien dan teratur termasuk kerja-kerja penyelenggaraan di tandas-tandas awam.

(c) Kerja-kerja pencucian tandas dilakukan oleh kakitangan Jabatan Botani yang terlatih. Walau bagaimanapun, mulai tahun hadapan bagi melicinkan kerja-kerja penyelenggaraan tersebut adalah dicadangkan untuk kerja-kerja pencucian ini dilaksanakan oleh pihak swasta dan pihak jabatan hanya akan melaksanakan pemantauan secara berkala.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (a) Adakah benar PDC bercadang untuk menjual tanah di Batu Kawan lebih kurang 300 ekar kepada sebuah syarikat swasta untuk tujuan Penang Turf Club? Jika benar sila beri butir-butirnya.

(b) Adakah benar PDC telah menandatangani surat perjanjian jual beli sedangkan kerajaan negeri belum lagi memberi hak milik kepada PDC? Jika benar, berikan butir-butirnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (a) Pada tahun 2004, PDC memang berhasrat untuk menjual sebidang tanah seluas 300 ekar kepada syarikat swasta untuk tujuan Pusat Ekuestrian Antarabangsa Pulau Pinang.

(b) PDC masih belum menandatangani Surat Perjanjian Jual beli dengan pembeli. PDC hanya menandatangani Surat Perjanjian Prinsipal iaitu pada 16 Januari 2004.

Pada masa ini PDC sedang mengkaji dari pelbagai aspek yang melibatkan perundangan, komersil dan pelan pembangunan Batu Kawan bagi membolehkan suatu rumusan tentang hala tuju projek Pusat Ekuestrian Antarabangsa ini dapat dibuat dengan segera.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Adakah benar kerajaan negeri masih menggunakan polisi lama dalam mengawal kegunaan atau pembangunan tanah di Daerah Barat Daya?

(b) Adakah tanah di Batu Maung dan Permatang Damar Laut masih dikawal mengikut dasar kawasan pengairan dan di Balik Pulau mengikut dasar kawasan tadahan.

(c) Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula dasar-dasar tersebut yang tidak praktikal untuk pembangunan pada masa kini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Kawalan pembangunan tanah di Daerah Barat Daya adalah berdasarkan Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang diterjemah ke dalam Pelan Rancangan Struktur MPPP yang telah diwartakan pada tahun 1987. Memandangkan terdapatnya perubahan-perubahan yang ketara, pelan rancangan struktur tersebut telah disemak semula. Hasil dari semakan dan pengubahsuaian, diwujudkan Rancangan Struktur Negeri yang telah diwartakan pada 28 Jun 2007. Dengan ini, apa jua pembangunan yang dijalankan adalah tertakluk kepada pelan rancangan tersebut. Selaras dengan itu, istilah kawalan pembangunan dengan menggunakan polisi lama tidak berbangkit.

(b) Setiap pemajuan tanah yang hendak dijalankan adalah mengikut pelan yang telah diwartakan dalam Pelan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang. Sekiranya lot-lot tanah yang hendak dibangunkan itu terlibat dengan warta kawasan pengairan ataupun warta kawasan terdahulu, permohonan untuk mengeluarkan daripada warta berkenaan hendaklah dibuat terlebih dahulu. Tanah-tanah di kawasan Batu Maung dan Permatang Damar Laut, Daerah Barat Daya tidak terkecuali dari prosedur ini.

(c) Memandangkan pembangunan di Pulau Pinang dipandu oleh Pelan Rancangan Struktur Negeri, maka sebarang perubahan atau semakan mengenainya hendaklah dibuat melalui semakan ke atas Pelan Rancangan Struktur Negeri berkenaan.

XVIII. Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah Binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B Ketua Menteri:

1. Berapa banyakkah skim projek perumahan rakyat di Pulau Pinang setakat ini?

(a) Siapakah yang layak menduduki rumah itu dan tempoh penyewaan yang dibenarkan?

(b) Apakah syarat untuk mendudukinya, bilangan unit dan lokasi. Adakah pernah berlaku penyewa melanggar syarat?

(c) Nyatakan pecahan penyewa mengikut kaum dan bilangan yang masih kosong.

Y.A.B Ketua Menteri:

1. Sehingga kini, terdapat 6 skim Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Negeri Pulau Pinang iaitu:

(i) PPR Taman Manggis, Jalan Zainal Abidin, Daerah Timur Laut;

(ii) PPR Jalan Sungai (MPPP), Daerah Timur Laut;

(iii) PPR Taman Bagan Jaya, Jalan Thamby Kecil, Seberang Perai Utara;

(iv) PPR Ampang Jajar, Jalan Permatang Pauh, Seberang Perai Utara;

(v) PPR Taman Ampangan (MPSP), Seberang Perai Utara; dan

(vi) PPR Desa Wawasan, Jalan Sungai Rambai, Seberang Perai Tengah.

(a) Bagi PPR, pemohon yang layak dipertimbangkan menduduki mestilah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti berikut:

(i) Warganegara Malaysia (Pemohon dan isteri / suami);

(ii) Bermastautin di Negeri Pulau Pinang;

(iii) Berumur 18 tahun ke atas pada tarikh permohonan;

(iv) Pendapatan suami/isteri tidak melebihi RM750.00 atau pendapatan sekeluarga kurang daripada RM1,500.00;

(v) Tidak pernah memiliki rumah (walaupun telah dijual, Pemohon Suami/ Isteri adalah tidak layak memohon);

(vi) Ahli keluarga (suami/isteri dan anak-anak) dalam tanggungan sekurang-kurangnya 5 orang; dan

(vii) Pertimbangan khas diberi kepada pemohon (isteri/suami) yang kurang upaya/ibu tunggal/balu-balu bekas anggota Pasukan Keselamatan yang terkorban semasa dalam tugas/setinggan-setinggan projek Kerajaan yang memenuhi syarat-syarat kelayakan

Tempoh penyewaan yang dibenarkan adalah selama dua (2) tahun. Penyewa boleh memohon rayuan untuk menyambung atau memperbaharui Perjanjian Penyewaan apabila ianya akan tamat tempoh dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh. Namun keputusan untuk mempertimbangkan sama ada untuk memperbaharui Perjanjian Penyewaan atau menamatkan tempoh penyewaan adalah tertakluk kepada kelayakan pemohon pada masa tersebut. Tempoh penyewaan maksimum untuk PPR adalah 5 tahun sahaja.

(b) (i) Syarat-syarat untuk mendudukinya adalah seperti di Lampiran A.

(ii) Bilangan unit dan lokasi adalah seperti berikut:

- PPR Taman Manggis, Jalan Zainal Abidin, Daerah Timur Laut (320 unit);
- PPR Jalan Sungai (MPPP), Daerah Timur Laut (503 unit);
- PPR Taman Bagan Jaya, Jalan Thamby Kecil, Seberang Perai Utara (380 unit);
- PPR Ampang Jajar, Jalan Permatang Pauh, Seberang Perai Utara (760 unit);
- PPR Taman Ampangan (MPSP), Seberang Perai Utara (250 unit); dan
- PPR Desa Wawasan, Jalan Sungai Rambai, Seberang Perai Tengah (912 unit).

(iii) Ada, penyewa yang melanggar syarat. Di antara pelanggaran syarat yang berlaku adalah seperti berikut:

- Tunggakan Bayaran sewa;
- Pemasangan astro dan penghawa dingin tanpa kebenaran;
- Tidak menjaga kebersihan dengan membuang sampah di merata-rata tempat;
- Mengganggu ketenteraman penghuni/penyewa yang lain;
- Pengubahsuaian;dan
- Menyewakan unit tersebut kepada penyewa yang lain.

(c) Pecahan penyewa mengikut kaum dan bilangan yang masih kosong adalah seperti di Lampiran B.

Lampiran A

Syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh penyewa adalah seperti berikut:

i) Pembayaran sewa.

Penyewa hendaklah membayar Kadar Sewaan yang dikenakan mengikut masa dan cara yang ditetapkan.

ii) Pembayaran sewa pada setiap kemudahan yang digunakan.

Penyewa hendaklah membayar segala dan tiap-tiap bayaran serta bil yang dikenakan ke atas penggunaan elektrik, air, perkhidmatan pembentungan (Indah Water Konsortium) serta telefon termasuk deposit pembekalan kemudahan tersebut kepada pihak berkuasa tempatan yang berkenaan.

iii) Waktu dan penggunaan premis

Penyewa hendaklah menggunakan premis tersebut sebagai premis kediaman sahaja dan tidak menggunakan premis tersebut atau sebahagian daripadanya untuk perniagaan yang bercanggah dari segi undang-undang sama ada sivil ataupun syariah.

iv) Menjaga kebersihan

Penyewa hendaklah menjamin kebersihan premis tersebut termasuk kaki lima, tangga, tangga letrik, lif dan ruang legar dan dengan perbelanjaan sendiri membekalkan bekas sampah yang disyorkan oleh pihak berkuasa tempatan yang berkenaan dan tidak menyimpan, membiarkan kekotoran, sampah sarap dan sebagainya termasuk binatang ternakan atau binatang liar berada di dalam atau di luar premis tersebut atau di mana sahaja di bangunan tersebut dan kawasan sekitarnya yang pada pandangan Tuan Punya (Kerajaan Negeri) tidak sesuai dan mendatangkan pencemaran bau ataupun pandangan kepada penghuni yang lain atau pengunjung premis tersebut.

v) Memperbaiki kerosakan

(a) Penyewa hendaklah memperbaiki dengan perbelanjaan sendiri kerosakan yang diakibatkan oleh penyewa, wakil ejen, pekerja-pekerjanya atau sesiapa sahaja yang berurusan dengannya terhadap mana-mana bahagian dan kemudahan yang terdapat pada premis atau bangunan tersebut terutamanya tingkap, lampu-lampu, dinding serta siling kecualilah kekusutan nilai biasa dan bencana alam.

(b) Penyewa hendaklah membayar balik kepada Tuan Punya terhadap apa-apa bayaran yang telah dikeluarkan untuk membaiki keadaan mana-mana bahagian atau kemudahan di premis tersebut atau bayaran yang berkaitan dengannya, setelah menerima notis tuntutan bayaran yang dibuat oleh Tuan Punya dalam tempoh yang ditetapkan oleh Tuan Punya di dalam notisnya.

vi) Kebenaran untuk memeriksa dan memperbaiki premis

Penyewa hendaklah membenarkan Tuan Punya, ejennya atau pekerja-pekerjanya pada bila-bila masa yang munasabah dan difikirkan sesuai olehnya untuk memasuki premis tersebut atau menggantikan paip air, pendawaian elektrik, kawat telefon ataupun mengawasi kerja-kerja yang sedang dijalankan.

vii) Larangan terhadap pengumuman awam

Penyewa tidak boleh memasang, melekat, menampal, mengecat, meletak atau dengan lain cara memperlihatkan, mempamerkan atau mengadakan atau seterusnya tidak akan membenar, menyuruh, atau membenarkan diperbuatkan sedemikian di tingkap, pintu, dinding atau mana-mana bahagian di dalam atau di luar premis tersebut dan di kawasan sekitarnya sebarang poster, pelekat, nama, tanda, papan tanda iklan, kenyataan, pemberitahuan di papan kenyataan, alat hawa dingin, *wireless*, aerial televisyen atau apa jua jenis benda sekalipun kecuali dengan persetujuan Tuan Punya.

viii) Pengubahsuaian struktur premis

Penyewa tidak dibenarkan membuat sebarang perubahan, pindaan serta pengubahsuaian terhadap apa-apa struktur ataupun perubahan yang besar pada premis tersebut atau sebahagian daripadanya tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Tuan Punya dan / atau pihak berkuasa yang berkenaan.

ix) Larangan tindakan kacau ganggu

Penyewa tidak dibenarkan melakukan atau membiarkan berlakunya tindakan yang difikirkan oleh Tuan Punya sebagai perbuatan ganggu kacau kepada premis tersebut atau dengan apa cara sekalipun menceroboh ketenteraman atau keselesaan penyewa-penyewa lain dan pengunjung premis dan bangunan tersebut.

x) Tindakan penyebabkan risiko kebakaran dan pembatalan insurans.

Penyewa tidak dibenarkan melakukan tindakan yang boleh membatalkan Insuran Kebakaran terhadap premis dan bangunan tersebut ataupun tindakan yang mengakibatkan Premium Insurans Kebakaran dinaikkan dan membaiki mana-mana kerosakan dan kecederaan terhadap premis dan bangunan tersebut yang ditanggung oleh dan hendaklah membayar kepada Tuan Punya selepas dituntut sebarang kenaikan Premium Insurans Kebakaran dan keseluruhan perbelanjaan yang kena dibayar oleh Tuan Punya semasa memperbaharui insuran dengan tidak menjejaskan lain-lain kepentingan Tuan Punya.

xi) Larangan menyimpan barangan yang diharamkan dan membaikinya

Penyewa tidak dibenarkan membawa masuk, menyimpan atau membenarkan bahan-bahan seperti senjata api, bahan letupan, bahan mudah terbakar, bahan yang tidak sah di segi undang-undang termasuk undang-undang syarak, dadah merbahaya atau bahan-bahan lain yang difikirkan merbahaya dan mendatangkan kemudaratan dan bertentangan dengan undang-undang Malaysia oleh Tuan Punya.

xii) Larangan menyerah hak, menyewa kecil dan sebagainya

Penyewa tidak akan melepaskan, menyewakan atau menyewa kecilkan premis tersebut ataupun memasuki apa-apa Perjanjian atau apa-apa perkiraan ke atas premis tersebut dengan mana-mana orang atau entiti tanpa kebenaran bertulis Tuan Punya.

xiii) Larangan pemasangan astro dan penghawa dingin

Pemasangan astro dan penghawa dingin tidak dibenarkan dipasang di unit sewaan sama sekali.

xiv) Mematuhi undang-undang

Penyewa hendaklah mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa sekarang dan akan datang.

Pecahan penyewa mengikut kaum dan bilangan yang masih kosong

BIL	PPR	JUMLAH UNIT	BUMI	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH DI ISI	DALAM PROSES TAWARAN	BAKI UNIT
1	TAMAN MANGGIS (LORONG SELAMAT)	320	210	75	35	0	320	0	0
2	DESA WAWASAN	912	182	204	54	33	473	13	426
3	TAMAN BAGAN JAYA (THAMBY KECIL)	382	231	86	59	4	380	0	2
4	AMPANG JAJAR	760	388	40	109	0	537	41	182
	JUMLAH	2374	1011	405	257	37	1710	54	610

BIL	PPR	JUMLAH UNIT	BUMI	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH DI ISI	DALAM PROSES TAWARAN	BAKI UNIT
1	JALAN SUNGAI (MPPP)	503	330	121	50	2	503	0	0
2	TAMAN AMPANGAN (MPSP)	250	210	7	31	1	249	0	1
	JUMLAH	753	540	128	81	3	752	0	1

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah binti Wahab):

2. Berapa ramaikah ibu tunggal yang terdapat di Pulau Pinang? Adakah bancian dilakukan untuk mengumpul data mereka?

   (a) Sila berikan pecahan mengikut kaum, jumlah tanggungan dan lokasi.

   (b) Apakah bentuk bantuan yang dihulurkan oleh kerajaan negeri?

   (c) Apakah pekerjaan atau sumber pendapatan mereka?

Y.A.B Ketua Menteri:

2. (a) Mengikut pengumpulan data yang telah dibuat oleh Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Pulau Pinang, jumlah ibu tunggal yang berdaftar dengan rumah-rumah Nur di daerah-daerah dari tahun 2004 hingga 2008 adalah seramai 3,950 orang. Pecahan mengikut lokasi/daerah adalah seperti berikut:

RUMAH NUR	**2004**	**2005**	**2006**	**2007**	**2008**	**Jumlah**
Timur Laut Utara	28	23	7	16	3	**77**
Timur Laut Selatan	50	49	27	31	6	**163**
Barat Daya	69	74	41	79	28	**291**
Seberang Perai Utara	93	176	30	63	89	**1251**
Seberang Perai Tengah	1195	91	272	68	31	**1657**
Seberang Perai Selatan	120	77	194	97	23	**511**
Jumlah :	**2355**	**490**	**571**	**354**	**180**	**3950**

Jumlah ibu tunggal mengikut kaum adalah seperti berikut:-

	2004	2005	2006	2007	2008	Jumlah
Melayu	2076	404	511	316	159	3466
Cina	139	26	32	19	14	230
India	136	58	27	18	6	245
Lain-Lain	4	2	1	1	1	9
Jumlah :	**2355**	**490**	**571**	**354**	**180**	**3950**

Memandangkan Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Pulau Pinang telah membuat bancian pengumpulan data untuk ibu tunggal, maka buat masa sekarang kerajaan negeri masih belum mempunyai jentera yang mencukupi untuk membuat pendaftaran tersebut. Buat masa sekarang masih belum ada lagi bancian dibuat tentang jumlah tanggungan.

(b) Kerajaan negeri, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak mempunyai program khas untuk membantu ibu tunggal tetapi bantuan kewangan disalurkan secara bulanan kepada ibu tunggal yang berkelayakan iaitu mereka yang berpendapatan di bawah RM400.00 sebulan. Bantuan am secara bulanan akan diberikan kepada ibu tunggal yang layak (miskin) pada kadar maksimum RM200.00 setiap bulan. Pemberian bantuan dilihat sebagai usaha untuk meringankan beban yang ditanggung untuk kelangsungan kehidupan seharian. Namun begitu ibu tunggal turut diberi peluang untuk menjana ekonomi dan tindakan diambil untuk merujuk kes-kes mereka kepada agensi-agensi berkaitan yang boleh memberi bantuan modal untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan dan akan dipantau oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat di peringkat daerah.

Golongan ibu tunggal telah menerima manfaat melalui bantuan kewangan secara bulanan khususnya mereka yang mempunyai tanggungan/anak-anak yang berumur di bawah 18 tahun. Sehingga kini kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat masih meneruskan dasar yang sedia ada dalam membantu golongan sasar termasuk ibu tunggal.

(c) Pada kebiasaannya ibu tunggal bekerja di sektor perkilangan, bekerja sendiri atau berniaga secara kecil-kecilan. Namun begitu ada di kalangan ibu tunggal yang tidak bekerja dan tiada sumber pendapatan.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah binti Wahab):

3. Apakah program yang dirangka untuk memajukan bidang sukan?

(a) Apakah acara teras yang diberikan perhatian dan jumlah atlet yang terlibat?

(b) Bagaimanakah prestasi atlet Pulau Pinang sekarang ini dan adakah ia dipantau secara berkala?

(c) Apakah program untuk mengembalikan kegemilangan sukan terutama untuk SUKMA 2010 dan sasaran pingat?

Y.A.B Ketua Menteri:

3. Program yang dirangka oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang untuk memajukan bidang sukan adalah seperti berikut:

(a) Sukan Pulau Pinang 2009 (SUKPEN 2009)

Sukan Pulau Pinang atau ringkasnya SUKPEN adalah bermaksud satu pertandingan beraneka jenis sukan *(multi sports event)* yang dipertandingkan antara daerah-daerah Negeri Pulau Pinang. SUKPEN dianjurkan bagi :

(i) melibatkan semua daerah, kelab, persatuan dan agensi-agensi sukan;

(ii) mencungkil bakat-bakat baru dalam bidang sukan;

(iii) melibatkan lebih ramai atlet secara menyeluruh;

(iv) melahirkan budaya kesukanan di kalangan rakyat;

(b) Festival Sukan Kombat 2009 (FESKOM 2009)

Festival Sukan Kombat atau ringkasnya FESKOM melibatkan semua acara yang dipertandingkan dalam sukan tempur atau *combat sports* yang melibatkan sentuhan badan. Festival ini adalah bertaraf antarabangsa yang melibatkan penyertaan dari negara-negara luar. FESCOM melibatkan lebih 100 atlet Pulau Pinang. Beberapa jenis sukan kombat seperti tinju, pencak silat, karate do, tekwando, judo, silambam, lawan pedang dan wusyu dipertandingkan. FESCOM diadakan bagi tujuan berikut :

(i) mengukur tahap/prestasi atlet Pulau Pinang dengan pasukan lawan;

(ii) mengkaji kekuatan dan kelemahan atlet negeri kita dibandingkan dengan atlet lain;

(iii) meningkatkan kemahiran dan prestasi sukan kombat; dan

(v) membuat persediaan yang lebih rapi bagi kontinjen Pulau Pinang dalam menghadapi SUKMA 2010 Melaka.

(c) Atlet Skuad Latihan SUKMA XIII 2010 Melaka

Atlet skuad latihan ini adalah merupakan atlet yang terpilih untuk menyertai SUKMA XIII 2010 Melaka. Jurulatih akan mengenal pasti atlet yang layak untuk mewakili Pulau Pinang dan atlet berkenaan boleh bersaing untuk mendapatkan pingat atau sekurang-kurangnya layak ke pusingan akhir.

Atlet berkenaan akan dilatih untuk membantu atlet elit dan sekiranya boleh memenangi pingat merupakan satu bonus kepada kontinjen Pulau Pinang. Atlet ini dijaga dari segi kebajikan dengan bayaran elaun, pakaian dan menyertai pertandingan/ujian di dalam proses penyediaan atlet SUKMA.

Program ini akan melibatkan seramai lebih kurang 400 atlet kontinjen Pulau Pinang ke SUKMA XIII Melaka 2010.

(d) Atlet Projek MUTIARA (Penyediaan ke SUKMA dan jangka panjang)

Projek Mutiara merupakan projek jangka panjang yang telah dirangka oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang berdasarkan latihan sepenuh masa sepanjang tahun. Seramai 40 atlet yang terpilih di dalam projek MUTIARA ini adalah terdiri di kalangan atlet elit dan Skuad Latihan untuk menghadapi SUKMA XIII 2010 nanti. Mereka akan menjalani latihan sepenuh masa dan tempat latihan adalah berdekatan dengan asrama yang disediakan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.

Antara sukan-sukan yang terlibat dengan projek MUTIARA ini ialah sukan angkat berat, silat, tekwando, tinju, lumba basikal dan sepak takraw. Atlet berkenaan akan tinggal di asrama yang disediakan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dan perlu menjalani latihan 2 sesi sehari. Kebajikan atlet tersebut akan dijaga dengan pihak MSNPP menyediakan 5 kali makan sehari, elaun bulanan dan pemberian *food suppliment* (makanan tambahan).

(e) Program Atlet Elit SUKMA XIII 2010 Melaka

Program Atlet elit bermaksud atlet-atlet yang meraih pingat di SUKMA yang lalu dan dipilih masuk ke skim atlet elit SUKMA XIII 2010 Melaka. Atlet ini dibahagikan kepada dua (2) kategori mengikut status kemenangan pingat di SUKMA lalu. Kategori A bagi mereka yang meraih pingat emas dan kategori B bagi mereka yang meraih pingat perak dan gangsa.

Atlet ini diberi kemudahan pakaian seragam dan pemakanan tambahan *(food supplement)* dengan bayaran insentif bulanan mengikut kategori masing-masing. Kategori A dibayar RM500.00 sebulan dan Kategori B dibayar RM300.00 sebulan.

Lain-lain atlet yang tidak menyertai SUKMA tetapi menunjukkan prestasi baik dengan kemenangan di pertandingan kebangsaan atau setaraf dengan SUKMA boleh dilantik ke program ini. Program ini melibatkan seramai 80 atlet yang berpotensi untuk menyumbangkan pingat di SUKMA 2010 Melaka.

(f) Skuad Pelapis Pulau Pinang

Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Persatuan Sukan mengenal pasti bakat-bakat baru untuk dicungkil atau diketengahkan pada SUKMA yang akan datang. MSNPP memerlukan atlet pelapis supaya kontijen Pulau Pinang tidak ketandusan atlet yang boleh menyumbangkan pingat di SUKMA yang akan datang. Atlet yang berada di dalam kategori ini juga akan diberi perhatian dan latihan yang secukupnya.

(g) Kejurulatihan

Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang akan meningkatkan kualiti bidang kejurulatihan dari segi sains sukan selaras dengan kehendak Majlis Sukan Negara dan Institut Sains Sukan. Semua jurulatih yang dilantik oleh MSNPP dikehendaki memiliki Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) tahap I, II dan III di samping meningkatkan sijil sukan spesifik masing-masing.

Periodization Plan akan dilaksanakan dan semua jurulatih mesti mempunyai program *periodization* plan jangka masa pendek dan jangka masa panjang. MSNPP akan mengenal pasti dan melantik beberapa jurulatih dari dalam dan luar negara untuk menampung sukan-sukan yang mempunyai masalah jurulatih.

(h) Program Latihan

MSNPP amat menitikberatkan program latihan untuk melatih atlet yang akan mewakili Pulau Pinang di SUKMA XIII 2010 Melaka. Jurulatih akan melatih atlet dengan mengikut *periodization plan* yang telah dibuat agar atlet mencapai tahap kemuncak semasa SUKMA XIII 2010 nanti. Majlis Sukan Negeri (MSN) juga mengadakan perbincangan dengan Persatuan Sukan berhubung dengan sesi latihan di dalam dan luar negara termasuk sistem latihan yang dijalankan. Di dalam sistem latihan terdapat empat (4) perkara asas yang diberi penekanan iaitu teknikal, taktikal, kecergasan dan mental.

(i) Penumpuan Bagi Sukan Yang Berpotensi dan Menawarkan Banyak Pingat.

MSNPP akan memberi penumpuan kepada jenis-jenis sukan yang berpotensi untuk meraih pingat di SUKMA XIII 2010 Melaka nanti seperti akuatik, olahraga, menembak dan memanah.

MSNPP mensasarkan sebanyak 40 pingat emas untuk diraih di SUKMA 2010 Melaka. Kekuatan Pulau Pinang adalah pada sukan tempur *(combat sports)* berbanding lain-lain sukan;

Ini bukan bermakna MSNPP tidak akan mengabaikan sukan yang lain terutama sukan berpasukan dan sukan yang kurang berpotensi. MSNPP juga akan memberi perhatian kepada sukan berkenaan supaya semua sukan yang akan dipertandingkan boleh meraih kejayaan.

(j) Pertandingan

MSNPP akan menghantar atlet-atlet untuk menyertai pertandingan di dalam dan luar negara mengikut pelan yang telah diaturkan oleh jurulatih untuk mengukur prestasi atlet berkenaan dan juga mengetahui *ranking* atlet tersebut dan juga *ranking* atlet pihak lawan.

(k) Peralatan

MSNPP akan membuat pembelian peralatan sukan seperti sukan menembak, memanah, lumba basikal, sukan tempur dan sukan berpasukan.

(l) Makanan Tambahan *(Food Suppliment)*

Makanan tambahan amat diperlukan oleh setiap atlet terutamanya atlet elit kerana makanan tambahan dapat meningkatkan lagi tahap kecergasan atlet, menggantikan tenaga yang keluar, meningkatkan lagi kadar metabolisme badan atlet dan membantu pertumbuhan badan atlet.

(a) Acara atau sukan teras yang diberikan perhatian oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang adalah pada sukan tempur *(combat sports)* seperti tinju (9 orang), pencak silat, (23 orang) karate do (25 orang), tekwando (17 orang), silambam (17 orang), dan wusyu (15 orang). Untuk SUKMA 2010 Melaka, MSNPP juga akan memberi penumpuan sepenuhnya di dalam sukan yang menawarkan pingat yang banyak seperti sukan akuatik (renang 15 orang dan terjun 6 orang), olahraga (25 orang), menembak (16 orang), memanah (12 orang) dan angkat berat (12 orang).

Jumlah atlit yang terlibat ialah seramai 192 orang.

(b) Prestasi atlet Pulau Pinang sekarang adalah sangat menggalakkan memandangkan MSNPP dan persatuan-persatuan sukan telah banyak menghantar atlet-atlet Pulau Pinang menyertai kejohanan di peringkat negeri dan kebangsaan sebagai pendedahan dan menilai kekuatan pasukan Pulau Pinang dan juga mengkaji kekuatan pihak lawan. Pemantauan dari pihak jurulatih dan pegawai-pegawai Sukan dari MSNPP sentiasa dibuat dari masa ke semasa dan ini diikuti oleh sesi pemantapan mental dan fizikal sains sukan yang diterapkan untuk menilai keupayaan atlet.

Sehingga hari ini, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) mempunyai seramai 56 orang atlet elit di mana seramai 23 orang adalah dari kategori A dan 33 orang dari kategori B. Kesemua prestasi atlet elit ini dipantau secara berkala oleh jurulatih sepenuh masa bagi sukan masing-masing yang mana laporan prestasi mereka akan dikemukakan kepada MSN untuk tujuan pemantauan.

(c) Sepertimana yang dinyatakan di atas, beberapa program telah pun dan sedang dirangka bagi memastikan Pulau Pinang mengembalikan kegemilangan sukan terutamanya untuk SUKMA 2010 Melaka. Sebagai rumusan program-program tersebut adalah seperti berikut :

(i) Sukan Pulau Pinang 2009 (SUKPEN 2009);
(ii) Festival Sukan Kombat (FESKOM 2009);
(iii) Atlet Skuad SUKMA XIII 2010 Melaka;
(iv) Atlet Projek MUTIARA (Penyediaan ke SUKMA dan jangka panjang);
(v) Program Atlet Elit SUKMA XIII 2010 Melaka;
(vi) Skuad Pelapis Pulau Pinang;
(vii) Program Kejurulatihan;
(viii) Program Latihan *Periodization Plan*;
(ix) Penumpuan Bagi Sukan Yang Berpotensi Dan Menawarkan Banyak Pingat;
(x) Pertandingan Di Dalam Dan Luar Negara;
(xi) Pembelian Dan Penggantian Peralatan
(xii) Makanan Tambahan *(Food Suppliment)*

Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang juga telah pun mengenal pasti *tagline* Pulau Pinang bagi SUKMA 2010 Melaka iaitu ”PULAU PINANG PASTI EMAS” atau *”PENANG GO FOR GOLD”*.

Sasaran pingat yang akan diraih oleh Pulau Pinang pada SUKMA 2010 Melaka adalah sebanyak 40 pingat emas.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah Binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B Ketua Menteri:

4. Apakah bentuk bantuan dan sumbangan kepada persatuan sukan agar ia lebih maju, berkembang dan melahirkan atlet yang lebih cemerlang?

(a) Berapa ramaikah atlet dikeluarkan setakat ini dan bilangan persatuan?

(b) Adakah mereka mendapat latihan daripada jurulatih atau pakar tertentu?

(c) Berapakah rumah persatuan sukan yang cemerlang dan merosot dan kenapa?

Y.A.B Ketua Menteri:

4. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang sentiasa membantu persatuan-persatuan sukan negeri Pulau Pinang dalam bentuk peruntukan kewangan untuk menyertai pertandingan luar dan dalam negeri serta menganjurkan aktiviti-aktiviti bersama persatuan. Di samping itu, Majlis Sukan Negeri juga memberi bantuan khidmat nasihat, bantuan kepakaran bidang sains sukan, bantuan peralatan sukan dan menyediakan kemudahan gimnasium berserta jurulatih.

(a) Pada tahun 2008, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah membelanjakan sejumlah RM327,485.00 sebagai bantuan kepada 34 persatuan sukan. Sehingga 30 Mac 2009, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah membelanjakan sebanyak RM67,114.50 bagi membantu 11 persatuan sukan yang telah memohon. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang sentiasa memberi bantuan kepada semua Persatuan Sukan di bawah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.

(b) Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah melantik seramai 9 orang jurulatih dari luar negara, 18 orang jurulatih sepenuh masa tempatan dan 28 orang jurulatih sambilan untuk melatih atlet-atlet dari Persatuan Sukan berkenaan secara berterusan.

(c) Prestasi kebanyakan Persatuan Sukan di Negeri Pulau Pinang semakin meningkat terutamanya bagi sukan skuasy, badminton, karate do, silat, tinju, memanah, menembak, olahraga dan tenpin bowling kerana sukan-sukan tersebut berjaya melahirkan atlet-atlet yang mewakili Pasukan Kebangsaan ke peringkat antarabangsa. Antaranya ialah Dato' Lee Chong Wei pemenang pingat perak sukan Olimpik, Dato' Nicol Ann David pemain skuasy No.1 dunia dan Cheng Chu Sian, atlet memanah yang berjaya melayakkan diri ke peringkat suku akhir Sukan Olimpik. Persatuan-persatuan tersebut berjaya kerana program latihan yang dijalankan oleh jurulatih telah dipantau oleh Majlis Sukan Negara dan Institut Sains Negara dari segi sains sukan selaras dengan perkembangan sukan antarabangsa.

Antara sukan-sukan yang merosot prestasinya ialah sukan gimrama dan berbasikal. Kemerosotan sukan gimrama adalah kerana pihak Majlis Gimnastik Pulau Pinang dan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang begitu sukar untuk mendapat khidmat jurulatih yang mempunyai kualiti dan kepakaran dalam sukan gimrama. Sehubungan dengan itu, pihak Majlis Gimnastik dan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang perlu berusaha mendapat khidmat jurulatih dari luar negara untuk membantu meningkatkan prestasi sukan Gimrama di Pulau Pinang.

Prestasi sukan lumba basikal, Pulau Pinang juga mengalami kemerosotan adalah kerana pihak Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai jurulatih sepenuh masa sebelum ini untuk melatih atlet-atlet lumba basikal Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, seorang jurulatih sepenuh masa bagi melatih dan memilih atlet-atlet lumba basikal Pulau Pinang akan dilantik.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah Binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B Ketua Menteri:

5. Apakah usaha untuk memajukan sukan bola sepak?

(a) Nyatakan usaha untuk menarik minat orang ramai menonton perlawanan bola sepak di stadium?

(b) Apakah punca bilangan penonton di stadium yang makin merosot dan cadangan memulihkan keadaan?

(c) Adakah kelab yang berpotensi seperti yang layak masuk ke Liga Perdana akan dibantu?

Y.A.B Ketua Menteri:

5. Usaha untuk memajukan sukan bola sepak dilakukan oleh Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) di peringkat kebangsaan dan di peringkat negeri, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) bekerjasama dengan Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) dan Jabatan Pelajaran Negeri untuk memajukan sukan tersebut. Kebanyakan program mencungkil bakat dijalankan oleh FAP dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri.

Antara program yang dianjurkan ialah Program Pencarian Bakat *'Talent ID'*, mengambil bahagian dalam Liga Sukan JPM dan juga pertandingan anjuran MSSPP dan MSSM. MSNPP juga menganjurkan Kejohanan SUKPEN yang melibatkan pertandingan antara daerah dan ini dapat mencungkil bakat dari peringkat akar umbi di setiap pelosok negeri ini.

MSNPP juga memberikan bantuan penggunaan Gimnasium di Kompleks Majlis Sukan Negeri kepada pasukan bola sepak Liga Super Pulau Pinang, membantu pasukan bola sepak SUKMA Pulau Pinang dan membantu menyediakan perkhidmatan bas dan coaster untuk memudahkan pergerakan ke sesuatu perlawanan.

Pasukan Bolasepak juga perlu diperkuatkan dengan pemain bintang yang sudah mempunyai nama yang besar di persada sukan bola sepak dan ini memerlukan belanja yang besar.

(a) Usaha untuk menarik orang ramai menonton perlawanan bola sepak di stadium ialah dengan meningkatkan prestasi pasukan dengan mengambil pemain-pemain berkaliber (pemain bintang) dan berpengalaman kerana penonton pasti akan datang jika prestasi pasukan cemerlang dan penonton hanya berminat mendampingi pasukan yang menang (*winning team*).

Selain daripada itu, sokongan padu dan kerjasama daripada Kelab Penyokong Haria Penang juga diperlukan untuk memastikan penyokong setia sentiasa berkunjung ke stadium apabila ada perlawanan yang melibatkan pasukan Pulau Pinang

(b) Punca bilangan penonton yang makin merosot ialah kerana persembahan pasukan yang tidak konsisten dan pasukan Pulau Pinang buat masa ini bukanlah sebuah pasukan yang sentiasa menang dalam setiap perlawanan.

Usaha boleh dilakukan untuk memulihkan pasukan negeri dengan mencari bakat pemain-pemain anak negeri yang berkemahiran tinggi dan terkenal.

(c) MSNPP membantu menyalurkan sumbangan daripada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. kepada Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang sebanyak RM150,000.00 setahun. Di samping itu, MSNPP juga membantu dari segi penggunaan Gimnasium yang terdapat di Kompleks Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.

XIX. Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Bolehkah kerajaan negeri memperuntukkan mana-mana tanah kerajaan di Paya Terubong untuk dibina sebuah bangunan Pasar Awam di Paya Terubong?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pada ketika ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai tanah yang sesuai untuk dibangunkan sebuah pasar awam di Paya Terubong. Namun begitu, Kerajaan Negeri sentiasa bersedia untuk membantu Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang bertanggungjawab dalam menyediakan pasar awam tersebut.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Banyak struktur antena telekomunikasi yang dibina tanpa kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di atas bumbung bangunan dan banyak bantahan diterima daripada penduduk sekitar. Adakah kerajaan negeri bersedia merobohkan struktur antena telekomunikasi yang dibina tanpa kelulusan untuk menjaga perasaan rakyat jelata?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Notis di bawah Sek. 72 Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 supaya merobohkan struktur-struktur haram akan dikeluarkan jika didapati struktur-struktur antena telekomunikasi dibina secara haram di atas bumbung bangunan. Kegagalan syarikat-syarikat telekomunikasi berkaitan untuk mematuhi kehendak notis tersebut akan disusuli dengan tindakan perobohan ataupun tindakan mahkamah oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Dalam usaha untuk mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas struktur-struktur antena haram, PBT juga mengambil perhatian terhadap saranan *Task Force* untuk proses pemutihan sebelum akhir tahun 2009. *Task Force* mencadangkan supaya semua syarikat telekomunikasi yang berkaitan mengemukakan permohonan untuk mendapatkan kelulusan sebelum 31 Disember 2009. Garis panduan masih dalam perhatian *Task Force*.

   Sehingga sekarang tidak ada bukti konklusif menunjukkan bahawa radiasi daripada antena telekomunikasi boleh memudaratkan kesihatan penduduk yang tinggal berdekatan. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri sentiasa prihatin dengan pandangan Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti *Penang Wireless Group* yang telah berdialog bersama pihak kerajaan negeri pada 26 Mac 2009. NGO tersebut turut menghantar memorandum kepada kerajaan negeri. Sekiranya ada sebarang cadangan, pihak kerajaan negeri akan mengkaji cadangan tersebut.

   Kerajaan negeri memberi jaminan sekiranya terdapat bukti konklusif bahawa radiasi daripada menara telekomunikasi boleh menjejaskan kesihatan penduduk, kerajaan negeri tidak akan teragak-agak merobohkan menara komunikasi ataupun memindanya ke tempat lebih selamat supaya kesihatan rakyat tidak dikompromi.

   Untuk makluman, dalam mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan ke-60 pada 3 Jun 2008, pihak Kementerian Kesihatan telah membentangkan satu kertas makluman bertajuk *Guidance To Safety And Health Aspects Of Base Stations And Mobile Phones*. Kementerian Kesihatan Malaysia sependirian dengan *World Health Organization* yang berpendapat bahawa tiada bukti konklusif yang ditemui menunjukkan sinaran tak mengion daripada menara telekomunikasi pada paras yang biasa boleh mendatangkan kesan buruk atau menjejaskan kesihatan penduduk.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. KADUN Paya Terubong merupakan KADUN yang mempunyai populasi penduduk yang paling tinggi di Pulau Pinang tetapi sampai hari ini masih tidak ada CCTV di KADUN ini. Adakah kerajaan negeri mempunyai apa-apa rancangan untuk memasangnya dan jika ada, bilakah CCTV boleh dipasangkan di KADUN Paya Terubong?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan negeri dengan bantuan PDRM telah mengenal pasti 12 lokasi di KADUN Paya Terubong untuk dipasangkan CCTV. Senarai lokasi pemasangan CCTV adalah seperti berikut :

   (i) Simpang Tingkat Bukit Jambul/Jalan Paya Terubong;

   (ii) Simpang Taman Rambai/Jalan Paya Terubong;

   (iii) Simpang Lebuh raya Paya Terubong/Jalan Paya Terubong;

   (iv) Kawasan rumah pangsa kos rendah Jalan Semarak Api

   (v) Simpang Jalan Bukit Kukus/Lebuh raya Thean Tek;

(vi) Taman Metropolitan, Lebuh Relau 4/Lebuh Relau 2;

(vii) Simpang Jalan Paya Terubong/Lebuh raya Thean Tek;

(viii) Jalan Lembah Ria/Jalan Paya Terubong;

(ix) Lebuh Rambai 1/Jalan Paya Terubong;

(x) Tingkat Paya Terubong 1/Jalan Paya Terubong;

(xi) Tingkat Paya Terubong 4/Tingkat Paya Terubong 5; dan

(xii) Jalan Bukit Kukus/Bukit Awana/Grandview Heights.

Kerja-kerja pemasangan CCTV akan dijalankan secara berperingkat mengikut kemampuan kerajaan negeri. Bantuan kewangan Kerajaan Pusat juga telah dipohon untuk tujuan ini. Adalah dijangka bahawa bilangan CCTV yang telah dikenal pasti untuk KADUN Paya Terubong akan dipasang mulai penghujung tahun 2009.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Dari tempoh Mac 2008 sehingga Mac 2009, berapa banyakkah projek perumahan awam baru telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri terutama bagi menyediakan rumah mampu milik untuk rakyat Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Tempoh setahun merupakan jangka masa yang terlalu pendek untuk menyiapkan sesuatu projek perumahan. Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai perancangan untuk membina lebih banyak rumah mampu milik di Negeri Pulau Pinang. Sebagai langkah permulaan, Projek Perumahan Rakyat (PPR) di sewa di Daerah Barat Daya akan dilaksanakan sebanyak 500 unit dalam tempoh terdekat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah pengurusan Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sehingga bulan Mac 2009, berapa banyakkah projek perumahan bertingkat tinggi di KADUN Paya Terubong yang telah menubuhkan Pengurusan Bersama (JMB) dan Badan Pengurusan Bersama (MC)? Sila nyatakan nama projek perumahan berkenaan yang telah menubuhkan JMB dan MC dan tarikh bila ditubuhkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sehingga bulan Mac 2009 terdapat sebanyak 13 projek perumahan dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Paya Terubong yang telah menubuhkan Badan Pengurusan Bersama (JMB). Senarai projek perumahan yang telah menubuhkan Badan Pengurusan Bersama (JMB) seperi di lampiran ’A’.

Bagi Perbadanan Pengurusan, sebanyak 26 projek di KADUN Paya Terubong telah didaftarkan di bawah Seksyen 39, Akta Hakmilik Strata 1985. Senarai projek perumahan di Kadun Paya Terubong yang telah mempunyai hak milik strata dan yang telah menubuhkan Perbadanan Pengurusan (MC) seperti di lampiran 'B'.

Jawapan kepada soalan no. 5 Y.B. Yeoh Soon Hin

PENGELUARAN SIJIL PERAKUAN BADAN PENGURUSAN BERSAMA DALAM KADUN PAYA TERUBONG SEHINGGA MAC 2009

BIL	NO. SIJIL	NO. FAIL	TARIKH TERIMA	TARIKH BERKUATKUASA	TARIKH DIKELUARKAN	NAMA PEMAJU	BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB)
1	MPPP/COB/JMB -16/2008	JNH/COB/142/2008	26.2.2008	30.10.2007	7.3.2008	Projek : Taman Sri Angsana (Blok 6) Pemaju : Team Four Sdn. Bhd.	Badan Pengurusan Bersama Taman Sri Angsana (Blok 6), (Joint Management Body of Taman Sri Angsana (Blok 6)) Taman Sri Angsana, Lebuh Relau 3, 11900 Pulau Pinang.
2	MPPP/COB/JMB -21/2008	JNH/COB/52/2007	26.2.2008	17.12.2007	7.3.2008	Projek : Sri Aman Blok 6 Pemaju : Chong Company Sdn. Bhd.	Badan Pengurusan Bersama Sri Aman Blok 6, (Joint Management Body of Sri Aman (Blok 6)) Pejabat Pengurusan Sri Aman, Blok 6, Persiaran Paya Terubong 1, 11900 Pulau Pinang.
3	MPPP/COB/JMB -57/2008	JNH/COB/78/2007	16.5.2008	20.4.2008	23.5.2008	Projek : Taman Terubong Indah Fasa 1 Pemaju : Majestic Heights Sdn. Bhd.	Badan Pengurusan Bersama Taman Terubong Indah Fasa 1 (Joint Management Body of Taman Terubong Indah Phase 1) Blok 1-G-05, Taman Terubong Indah – Fasa 1 Tingkat Paya Terubong Indah, 11600 Pulau Pinang.
4	MPPP/COB/JMB -61/2008	JNH/COB/255/2008	21.5.2008	22.3.2008	27.5.2008	Projek : Taman Terubong Jaya Apartments Blok 9, 11 & 11A Pemaju : Binanusa Sdn. Bhd.	Badan Pengurusan Bersama TTJ Apartments Blok 9, 11 & 11A (Joint Management Body of TTJ Apartment Block 9, 11 & 11A) Pejabat Pengurusan Blok 11, Grd. Floor, Ting. Paya Terubong 2, 11600 P.Pinang.
5	MPPP/COB/JMB -63/2008	JNH/COB/9/2007	15.4.2008	25.3.2008	29.5.2008	Projek : Taman Seri Sari Apartments Pemaju : Barisansari (M) Sdn. Bhd.	Badan Pengurusan Bersama Taman Seri Sari Apartments (Joint Management Body of Taman Seri Sari Apartments) Pejabat Pengurusan Blok 20-G-07, Hilir Paya Terubong 1, 11900 Pulau Pinang .
6	MPPP/COB/JMB -77/2008	JNH/COB/192/2008	20.6.2008	18.6.2008	25.6.2008	Projek : Bukit Awana Apartment Pemaju : Richvale (M) Sdn. Bhd.	Badan Pengurusan Bersama Bukit Awana (Joint Management Body of Bukit Awana) No. 11-18-02, Bukit Awana Apartment, Jalan Bukit Kukus, 11600 Pulau Pinang.
7	MPPP/COB/JMB -92/2008	JNH/COB/304/2008	24.7.2008	23.2.2008	25.8.2008	Projek : Taman Terubong Jaya Apartment Blok 18 & 20 Pemaju : Binanusa Sdn. Bhd.	Badan pengurusan Bersama TTJ Apartment Blok 18 & 20 (Joint Management Body of TTJ Apartment Blok 18 & 20) Blok 18, Ground Floor, Pejabat Pengurusan Tingkat Paya Terubong 2, 11060 Pulau Pinang.

BIL	NO. SIJIL	NO. FAIL	TARIKH TERIMA	TARIKH BERKUATKUASA	TARIKH DIKELUARKAN	NAMA PEMAJU	BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB)
8	MPPP/COB/JMB -95/2008	JNH/COB/154/2008	14.8.2008	12.7.2008	5.9.2008	Projek : Bukit Saujana Pemaju : Richvale (M) Sdn. Bhd.	Badan Pengurusan Bukit Saujana (Joint Management Body of Bukit Saujana) Blok 20, Ground Floor, Bukit Saujana Lorong Bukit Kukus, Paya Terubong, 11060 Pulau Pinang.
9	MPPP/COB/JMB -111/2008	JNH/COB/147/2008	24.11.2008	11.11.2008	17.12.2008	Projek : Victoria Heights Pemaju : Reka Indah Development Sdn. Bhd.	Badan Pengurusan Bersama Victoria Heights (Joint Management Body of Victoria Heights) No. 37-1-1, Hilir Paya Terubong 2, Paya Terubong , 11060 Pulau Pinang.
10	MPPP/COB/JMB -113/2008	JNH/COB/198/2008	18.12.2008	29.10.2008	30.12.2008	Projek : Vista Condominium Pemaju : Relau Estate Sdn. Bhd.	Badan Pengurusan Bersama Vista Condominium (Joint Management Body of Vista Condominium) Blok K-18-1, Vista Condo, Taman Desa Relau, 11900 Bayan Lepas Pulau Pinang.
11	MPPP/COB/JMB -114/2008	JNH/COB/45/2007	18.12.2008	30.10.2008	30.12.2008	Projek : Taman Desa Relau 2 Pemaju : Mechmar Relau Estates Sdn. Bhd.	Badan Pengurusan Bersama Taman Desa Relau 2 (Joint Management Body of Taman Desa Relau 2) Blok N-03-09, Taman Desa Relau 2, Lebuh Relau 4 , 11900 Bayan Lepas Pulau Pinang.
12	MPPP/COB/JMB -116/2009	JNH/COB/384/2008	30.12.2008	29.11.2008	9.1.2009	Projek : Puncak Terubong Pemaju : Geo Valley Sdn. Bhd.	Badan Pengurusan Bersama Puncak Terubong (Joint Management Body of Puncak Terubong) No. 100-G-01, (Lobby) Puncak Terubong Jalan Bukit Kukus, 11060 Pulau Pinang.
13	MPPP/COB/JMB -120/2008	JNH/COB/292/2008	8.1.2009	24.10.2008	15.1.2009	Projek : Villa Condominium Pemaju : Relau Estate Sdn. Bhd.	Badan Pengurusan Bersama Villa Condo (Joint Management Body of Villa Condo) Pejabat Pengurusan Villa Condo Blok A-G-12, Taman Desa Relau, Lebuh Relau 2, 11900 Pulau Pinang.

LAMPIRAN "B"

SENARAI PROJEK PERUMAHAN DI KADUN PAYA TERUBONG YANG TELAH MEMPUNYAI HAKMILIK STRATA

BIL	NO. BIL	NAMA PEMAJU	NAMA PERBANDANAN PENGURUSAN	NO LOT/HAKMILIK	MK	TARIKH MOHON HAKMILIK STRATA	BIL PETAK	TARIKH M.C.DITUBUHKAN	
								SEK.9	SEK.41
1	DTL/240	RICCONI (M) SDN BHD	MARINA TOWER	9284 GM HBM 30	MK13	02/09/1996	136	8/3/2000	30/04/2005
2	DTL/246	BINANUSA SDN BHD (SS1)	TAMAN TERUBONG JAYA	8818 PN HBM 35	MK13	28/10/1996	257	17/10/1998	
3	DTL/280	BINANUSA SDN BHD	TAMAN TERUBONG JAYA	8820 PN HBM 37	MK13	17/06/1997	393	28/08/1999	
4	DTL/287	RICHVALE (M) SDN BHD	SUN MOON CITY	6576 G HBM 150	MK13	05/09/1997	856	18/10/1999	21/05/2008
5	DTL/295	SUK	TAMAN TERUBONG JAYA	8822 PN HBM 38	MK13	20/10/1997	765	12/6/2001	
6	DTL/330	SUK	PAYA TERUBONG	9029 PM 247	MK13	02/04/1998	80	14/08/2002	
7	DTL/332	SERUNTUN JAYA SDN BHD	RELAU INTAN	9430 GM 2197	MK13	27/04/1998	87	27/06/2000	11/2/2003
8	DTL/345	WAYTON SDN BHD	PAYA TERUBONG FASA 1	6570 G HBM 7	MK13	04/08/1998	433	01/03/2002	

BIL	NO. BIL	NAMA PEMAJU	NAMA PERBANDANAN PENGURUSAN	NO LOT/HAKMILIK	MK	TARIKH MOHON HAKMILIK STRATA	BIL PETAK	TARIKH M.C.DITUBUHKAN	
								SEK.9	SEK.41
9	DTL/379	GUAN THYE LEONG REALTY SDN BHD	TAMAN SRI RELAU – BLOK A	8800 GM 1794	MK13	02/02/1998	224	27/08/2003	
10	DTL/380	GUAN THYE LEONG REALTY SDN BHD	TAMAN SRI RELAU – BLOK B	8802 GM 1796	MK13	02/02/1999	144	05/02/2003	
11	DTL/381	GUAN THYE LEONG REALTY SDN BHD	TAMAN SRI RELAU – BLOK C & D	8804 GM 1798	MK13	02/02/1999	288	06/08/2003	
12	DTL/417	WONDERFUL PERFECTION SDN BHD	TAMAN GAMBIER LMC BLOK	10020 G.M.2325	MK13	11/10/1999	297	08/08/2005	
13	DTL/430	SUK	TAMAN TERUBONG JAYA	8813 PN HBM 33	MK13	23/12/1999	158	28/11/2001	
14	DTL/431	LIVING DEVELOPMENT SDN BDN	SOLOK PAYA TERUBONG JAYA	9991 G.M. 2335	MK13	28/12/1999	20	21/08/2002	
15	DTL/444	WORLDWIDE VENTURE SDN BHD	JAMBUL APARTMENTS	10059 PN 2074	MK13	26/07/2000	192	14/01/2002	
16	DTL/477	WORLDWIDE VENTURE SDN BHD	LAKESIDE TOWERS	9676 PN 2247	MK13	09/04/2001	272	17/09/2002	23/01/2005
17	DTL/492	WORLDWIDE VENTURE SDN BHD	PARKVIEW TOWERS	9675 PN 2246	MK13	03/07/2001	400	17/09/2002	26/08/2005

BIL	NI0. BIL	NAMA PEMAJU	NAMA PERBADANAN PENGURUSUSAN	NO. LOT/HAK MILIK	MK	TARIKH MOHON HAK MILIK STRATA	BIL. PETAK	TARIKH M.C. DITUBUHKAN	
								SEK. 9	SEK. 41
18	DTL/538	IZN HOLDING (M) SDN BHD	DESAMAS MELOR	10075 GM 2499	MK13	02/05/2002	230	20/05/2004	
19	DTL/553	RELAU ESTATES SDN BHD	VILLA KONDO FASA 1	10221 GT 67788	MK13	11/12/2002	458	29/11/2004	
20	DTL/573	KEMAJUAN JAYATANA SDN BHD	SRI ANGSANA	9452 GM 2195	MK13	22/08/2003	33	04/10/2007	
21	DTL/576	ALOR VISTA SDN BHD	ALOR VISTA - KOS RENDAH	10131 GT 71456	MK13	01/10/2003	1202	20/10/2005	
22	DTL/577	CHONG COMPANY SDN BHD	SRI AMAN (BLOK 8)	10237 GM 2571	MK13	11/10/2004	188	12/4/2005	02/09/2008
23	DTL/583	WELLACCESS SDN BHD	VICTORIA HEIGHTS	10246 GM 2524	MK13	03/03/2004	99	11/11/2005	
24	DTL/597	BENDERA ALIRAN (M) SDN BHD	TAMAN BENDERA	10001 GM 2404	MK13	17/09/2004	656	30/12/2006	
25	DTL/605	WORLDWIDE VENTURE SDN BHD	ALPINE TOWERS	9674 PN 2248	MK13	21/12/2004	174	26/04/2006	
26	DTL/617	RELAU ESTATES SDN BHD	NANYANG VISTA	10217 GRN 67786	MK13	09/05/2005	151	16/11/2006	Jun 2008

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Banyak aduan di KADUN Paya Terubong mengenai kerosakan infrastruktur contohnya kerosakan jalan telah dirujukkan kepada pihak JKR. Tetapi kebanyakan daripada surat balasan daripada JKR menyatakan bahawa tiada peruntukkan untuk memperbaiki kerosakan infrastruktur. Adakah pihak JKR tidak diperuntukkan apa-apa peruntukan sebagai *"maintenance fund"* untuk memperbaiki mana-mana kerosakan infrastruktur?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Di KADUN Paya Terubung terdapat Jalan Negeri dan Jalan Persekutuan. Untuk makluman, Jalan-jalan Negeri di senggara dengan menggunakan Peruntukan Pembangunan P12/15 di dalam Rancangan Negeri Pulau Pinang ke2 (RNPP2) dan juga dengan menggunakan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri. Manakala bagi Jalan Persekutuan, penyenggaraan jalan dilaksanakan menggunakan peruntukan Penyenggaraan Jalan Persekutuan B27.

   JKR menjalankan penyenggaraan kedua-dua jalan iaitu Jalan Negeri dan Jalan Persekutuan mengikut program dan peruntukan yang diluluskan. JKR juga menggunakan peruntukan di atas untuk menyelesaikan semua aduan-aduan jalan di kawasan KADUN Paya Terubung.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Memandangkan Bandar George Town telah dinobatkan sebagai tapak warisan UNESCO, adakah kerajaan negeri mempunyai apa-apa rancangan untuk memulihara ciri-ciri warisan George Town?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Mesyuarat *World Heritage Committee* ke 32 yang diadakan pada 7 Julai 2008 di *Quebec City, Canada* telah memutuskan Pencalonan "Historic Cities Of The Straits Of Malacca: Melaka And George Town" Ke Senarai Warisan Dunia UNESCO diterima.

   Pencalonan Melaka dan Pulau Pinang adalah di bawah kriteria (ii), (iii) dan (iv) mengikut *Operational Guidelines* 2005, UNESCO seperti berikut :

   Criteria (ii) - *exhibit an important interchange of human values, over a span of time or within a cultural area of the world/ on developments in architecture or technology, monumental arts, town planning or landscape design.*

   Criteria (iii) - *bear a unique or at least exceptional testimony to a cultural tradition or to a civilisation which is living or which has disappeared.*

   Criteria (iv) - *be an outstanding example of a type of building architectural or technologal ensemble, or landscape landscape which illustrates significant stage in human history.*

   Tindakan segera yang dilakukan oleh kerajaan negeri berdasarkan kepada Pelan Pengurusan Pemuliharaan yang merupakan satu mekanisme ialah untuk tadbir urus dan memulihara nilai kawasan yang disenaraikan supaya nilai-nilai *Outstanding Universal Value* tapak ini terpelihara iaitu:-

(a) Penubuhan Jawatankuasa Pemandu Warisan bertujuan untuk memantau pelaksanaan perihal warisan di peringkat negeri dan kebangsaan.

(b) Penubuhan Pejabat Warisan Dunia (*World Heritage Office*) Peringkat Negeri Pulau Pinang yang berfungsi sebagai pejabat yang bertanggungjawab untuk mentadbir, mengurus dan memantau pelaksanaan projek dalam kawasan tapak warisan.

(c) Menubuhkan *State Heritage Fund* bagi menampung projek-projek fizikal dan sosial berkaitan kawasan tapak warisan.

(d) Penubuhan Jabatan Warisan di peringkat Majlis Perbandaran Pulau Pinang bagi tujuan memproses kelulusan pelan-pelan yang melibatkan kawasan warisan.

(e) Menubuhkan *Technical Review Panel* di peringkat Majlis Perbandaran Pulau Pinang sebagai badan penasihat berkaitan reka bentuk dan ciri-ciri bangunan warisan.

(f) Mengadakan beberapa siri dialog dengan pihak berkepentingan bagi memudahkan perlaksanaan Pelan Pengurusan Pemuliharaan; dan

(g) Mengadakan publisiti meluas di dalam dan luar negeri.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Terdapatnya beribu-ribu pekerja asing yang tinggal di KADUN Paya Terubong, khususnya di Paya Terubong dan Relau, adakah Kerajaan negeri mempunyai apa-apa rancangan untuk memindahkan pekerja asing daripada KADUN Paya Terubong untuk memulihkan kesejahteraan penduduk-penduduk di KADUN Paya Terubong?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan negeri tidak mempunyai rancangan untuk memindahkan pekerja asing daripada KADUN Paya Terubong ke tempat lain. Memindahkan pekerja asing dari satu KADUN ke KADUN yang lain tidak akan menyelesaikan masalah. Tambahan pula, penempatan bagi pekerja asing disediakan oleh pihak majikan sendiri. Kerajaan negeri melalui agensi-agensi kerajaan termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa menjalankan kempen-kempen dan program dalam menangani gejala sosial yang ditimbulkan oleh pekerja asing.

Pihak Polis juga telah menyedari masalah penempatan pekerja asing di KADUN tersebut yang terlalu ramai dan sering menimbulkan pelbagai masalah dan rasa tidak senang di kalangan penduduk tempatan. Demi memulihkan kesejahteraan penduduk-penduduk di KADUN Paya Terubong, pihak polis telah meningkatkan kawalan keselamatan dan pencegahan jenayah dengan mengaturkan rondaan dan juga operasi dari pelbagai unit dan cawangan dikawasan tersebut seperti :-

(i) Rondaan Anggota Balai

(ii) Rondaan Anggota Jabatan Siasatan Jenayah

(iii) Rondaan Cawangan Kereta Peronda

Selain itu, Jabatan Imigresen hanya mengeluarkan dokumen pas yang sah bagi pekerja asing yang datang bekerja di Malaysia.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Adakah kerajaan negeri mempunyai apa-apa rancangan atau penyelesaian untuk menempatkan kilang getah di Paya Terubong ke tempat lain untuk menjaga kesihatan penduduk di Paya Terubong?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerajaan Negeri belum mempunyai rancangan untuk menempatkan semula kilang getah di Paya Terubong yang telah beroperasi sejak sekian lama dan aktiviti kilang seperti ini sememangnya mempunyai masalah bau getah. Walau bagaimanapun usaha telah diambil untuk mengurangkan kesan-kesan negatif kilang getah tersebut.

   Kebiasaannya penempatan kilang getah memerlukan zon penampan (*buffer zone*) sekurang-kurangnya 500 meter dari kawasan penempatan/kediaman. Kepesatan pembangunan dan peningkatan pembinaan bilangan rumah kediaman di kawasan Paya Terubong berhampiran kilang getah ini telah menyebabkan zon penampan 500 meter semakin berkurangan.

   Usaha telah diambil oleh pemilik kilang untuk menempatkan semula kilang tersebut di tempat yang lebih sesuai. Walau bagaimanapun pencarian tapak yang sesuai dan kelulusan dari pihak berkuasa akan mengambil masa. Oleh itu langkah telah diambil oleh pemilik kilang bagi mengurangkan masalah bau, iaitu dengan menempatkan getah skrap (cup lump) di dalam bangunan yang dilengkapi dengan penyembur air (*water sprinkler*) dan bahan pewangi. Sebelum ini getah skrap (*cup lump*) ditempatkan di kawasan terbuka dan telah menyebabkan masalah bau.

   Langkah yang diambil ini telah dapat meminimumkan masalah bau busuk. Sejak Januari 2007 hingga Mac 2009, Kerajaan Negeri tiada menerima sebarang aduan bau busuk yang berpunca daripada operasi kilang getah tersebut daripada orang ramai.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Bagi menyelesaikan masalah trafik di Pulau Pinang, adakah kerajaan negeri mempunyai apa-apa cadangan untuk membina monorel atau LRT ataupun tramp di Pulau Pinang? Sekiranya ada, bilakah cadangan ini boleh dilaksanakan untuk kebaikan rakyat jelata?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk membina sistem pengangkutan multi-modal yang merangkumi antara lain monorel, tram, bas dan aerobus mengikut keperluan teknikal dan sumber kewangan bagi menyelesaikan masalah trafik di Pulau Pinang. Pembinaan Monorel ini adalah projek penswastaan. Seperti mana peraturan, projek penswastaan kerajaan negeri harus diselaraskan oleh Jawatankuasa Penswastaan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Penilaian akan dilakukan oleh Jawatankuasa Penswastaan, UPE, JPM sebelum keputusan pelaksanaan dibuat. Walau bagaimanapun, usaha ini terpaksa ditangguhkan disebabkan oleh kekangan peruntukan. Akan tetapi kerajaan negeri telah memohon kepada kerajaan pusat untuk memulihkan projek ini di bawah pakej Rangsangan Ekonomi Kedua sebanyak RM 60 bilion yang masih dalam tahap rundingan berkaitan dengan syarat-syarat pembinaan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Sila nyatakan apakah usaha yang telah dilakukan oleh Ahli EXCO Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti untuk membantu pekerja wanita yang terjejas atau hilang pekerjaan ekoran kegawatan ekonomi kini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan negeri di bawah Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti telah menubuhkan Pusat Perkhidmatan Wanita Seberang Perai, di Daerah Seberang Perai Tengah dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak di Daerah Timur Laut iaitu di Dewan Komuniti Padang Tembak, Air Itam. Pusat ini selain daripada mengambil khidmat petugas yang profesional, ia juga memberi peluang kepada ibu-ibu tunggal dan wanita yang tidak bekerja untuk memohon pekerjaan bagi membantu memperkasakan pusat tersebut. Pusat Perkhidmatan Wanita juga ada menyediakan sesi latihan bagi mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk mencari peluang pekerjaan dengan agensi lain.

    Selain daripada kedua-dua pusat ini, kerajaan negeri juga telah mewujudkan program *Career Assistance and Training* (CAT) dan investPenang merupakan agensi pelaksana bagi program tersebut. Program CAT ini bertujuan membantu memadankan mereka yang hilang pekerjaan sama ada melalui proses *Voluntary Separation Scheme* (VSS) atau diberhentikan kerja dan juga mereka yang tiada pekerjaan dengan program-program latihan atau peluang-peluang pekerjaan yang lain.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Sila nyatakan jumlah wang peruntukkan yang telah dihulurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri untuk pembangunan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Di samping peruntukan Rancangan Malaysia Lima Tahun yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan di negeri, Kerajaan Persekutuan juga meluluskan peruntukan tahunan kepada negeri di bawah maksud Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup yang diperakaunkan dalam Kumpulan wang Pembangunan. Peruntukan di bawah maksud ini yang telah diluluskan kepada negeri pada tahun 2007 dan 2008 adalah sebanyak RM12,781.368.00 dan RM13,460,820.00 masing-masing. Setakat ini peruntukan tahun 2009 belum diterima lagi.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Berapa ramaikah pelancong luar negara yang telah melawat ke Negeri Pulau Pinang dari tempoh bulan Mac 2008 sehingga Mac 2009? Sila nyatakan negara asal pelancong dan jumlah pelancong negara asal masing-masing?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Bilangan pelancong luar negara yang melawat Pulau Pinang mengikut negara asal masing-masing seperti di lampiran.

Bagi tahun 2008, negeri Pulau Pinang telah menerima ketibaan pelancongan melalui lapangan terbang dan pelabuhan seperti berikut :

LAMPIRAN

BIL	NEGARA	KETIBAAN PELANCONG	
		LAPANGAN TERBANG	PELABUHAN
1	Singapore	56,386	23,856
2	Australia	14,056	11,161
3	New Zealand	1,771	564
4	Canada	4,056	825
5	United Kingdom	16,602	6,595
6	Hong Kong (British)	407	288
7	Hong Kong (C.I)	74	12
8	Sri Lanka	406	327
9	Bangladesh	858	62
10	India	6,425	16,198
11	Brunei Darulsalam	148	839
12	Others Commonwealth Countries	3,613	1,086
13	United State	20,298	3,259
14	China	22,854	4,896
15	Russia	606	121
16	America Latin	1,801	284
17	Arabia Countries	2,058	980
18	West Germany	6,888	907
19	France	2,271	703
20	Norway, Sweden Denmark	2,905	619
21	Belgium, Luxemburg & Netherland	744	397
22	Other West Europe Countries	4,399	438
23	East Europe	1,249	158
24	Philippines	3,926	3,025
25	Thailand	21,069	1,249
26	Taiwan	29,248	449
27	Indonesia	198,352	26,194
28	Pakistan	929	472
29	Jepan	26,772	7,608
30	South Korea	5,519	901
31	Others	3,945	1,043
	Jumlah	**460,635**	**115,516**

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Dari tempoh bulan Disember 2008 sehingga bulan Mac 2009, berapa banyakkah kilang di Negeri Pulau Pinang telah memberhentikan operasi dan berapakah jumlah pekerja telah hilang pekerjaan? Bagaimanakah kerajaan negeri membantu pekerja-pekerja yang hilang pekerjaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (i) Menurut data yang diperolehi dari Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang, tiada kilang yang memberhentikan operasi bagi tempoh Januari hingga bulan Mac 2009. Akan tetapi, terdapat 9 buah kilang yang telah menghentikan operasi sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2008. Manakala seramai 4,817 orang pekerja telah diberhentikan ekoran dari kemelesetan ekonomi.

(ii) Dalam menghadapi krisis kemelesetan ekonomi, kerajaan negeri telah mengambil langkah pro-aktif untuk mengurangkan kesan pengangguran dan meringankan beban ekonomi Negeri Pulau Pinang. Justeru itu, semasa pembentangan Bajet 2009 pada Persidangan Dewan Undangan Negeri yang lalu, kerajaan negeri telah meluluskan dana sejumlah RM10 juta bagi mengurangkan kesan krisis ekonomi dengan menyediakan penempatan pekerjaan sementara serta latihan dan peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur.

Pada bulan Januari 2009, kerajaan negeri telah mengumumkan penubuhan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang (Penang Career Assistance and Training Centre [CAT]) yang telah dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri pada bulan Mac 2009. Pusat CAT ini bertanggungjawab untuk menghubungkan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari pekerjaan dengan peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan pusat CAT, mengenal pasti program latihan yang bersesuaian dan bekerjasama dengan ahli-ahli pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan.

Pusat CAT ini diuruskan oleh investPenang dengan mendapat sokongan padu daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Sehingga 24 Mac 2009, seramai 851 orang telah berdaftar dengan pusat CAT. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 2,683 kekosongan jawatan turut didaftarkan dengan pusat ini. Kebanyakan jawatan-jawatan kosong ini adalah untuk sektor perkilangan. Lanjutan dari itu, seramai 471 pendaftar yang berkelayakan telah dihubungkan ke syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Berapakah pekerja warga asing yang sedang berada di Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Mengikut data yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Negeri Pulau Pinang, pekerja warga asing yang berada di negeri ini yang mendapat kelulusan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) bagi tahun 2008 adalah seramai 107,418 orang dari pelbagai sektor. Butiran kelulusan Pas Lawatan Kerja Sementara 2008 adalah seperti berikut:

Jumlah Kelulusan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) Bagi Tahun 2008

SEKTOR	JUMLAH (orang)
Barangan Logam	453
Dobi	35
Padang Golf	7
Gunting Rambut	264
Pembantu Rumah	23,885
Pembinaan	9,937
Pembuatan	57,726
Pencucian	1,879
Peng. Kargo	32
Perkhidmatan	2,505
Industri SPA	170
Perladangan	1,007
P.Runcit & Borong	653
Perniagaan Tekstil	64
Pertanian	3,897
Restoran	4,869
Kebajikan	0
Hotel	17
Rumah Kebajikan	10
Lain-lain	1
Kedi	7

JUMLAH	**107,418**

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Adakah kerajaan negeri mempunyai apa-apa rancangan untuk menggunakan stadium di Balik Pulau dan Batu Kawan bagi mengelakkan stadium berkenaan menjadi "gajah putih" (white elephant)?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah merancang untuk memperbanyakkan lagi program-program dan aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi di Kompleks Sukan Balik Pulau dan Stadium Negeri Batu Kawan, Pulau Pinang. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang akan menjadikan Kompleks Sukan Balik Pulau sebagai *venue* untuk pertandingan sepak takraw bagi Sukan Pulau Pinang 2009 [SUKPEN 2009] pada 3 – 5 Jun 2009. Di samping itu, beberapa sukan berbentuk rekreasi seperti “Penang Interstate Fellowship Ride 2009” akan menjadikan Kompleks Sukan Balik Pulau sebagai tempat untuk jamuan makan tengah hari dan sesi penyampaian hadiah dan cenderamata pada 1 Januari 2010.

    Stadium Negeri Batu Kawan, Pulau Pinang akan menjadi *venue* untuk sesi latihan dan kejohanan olahraga yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, Persatuan Olahraga Amatur Pulau Pinang dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Perlawanan bola sepak Liga Super dan Liga Perdana juga akan diadakan di Stadium Negeri Batu Kawan, Pulau Pinang secara alternatif dengan Stadium Bandaraya Pulau Pinang.

    Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga bercadang untuk menganjurkan beberapa program sukan bermotor seperti *cub prix, motor cross*, perlumbaan kereta kawalan radio (radio control) dan go-kart di Stadium Negeri Batu Kawan, Pulau Pinang. Acara-acara mingguan seperti *”car booth sale”*, promosi dan pesta penjualan barang-barang makanan dan sukan, program-program berbentuk hiburan dan sukan massa juga sedang dirancang untuk diadakan di stadium tersebut. Stadium ini juga akan digunakan oleh pihak swasta bagi menganjurkan program seperti Karnival Astro Ceria yang menjadi program tarikan kanak-kanak.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Sila nyatakan jumlah permohonan penukaran hak milik pajakan kepada hak milik kekal yang telah diterima oleh kerajaan negeri dan berapa banyakkah permohonan yang telah diluluskan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Sehingga 30.3.2009 sebanyak 122 permohonan telah diterima di semua daerah untuk penukaran hak milik kepada pegangan kekal seperti berikut:-

Bil.	Daerah	Jumlah Permohonan
1	Seberang Perai Selatan	0
2.	Seberang Perai Tengah	43
3.	Seberang Perai Utara	10
4.	Daerah Timur Laut	61
5.	Daerah Barat Daya	8
	Jumlah	**122**

Pihak Berkuasa Negeri masih belum meluluskan sebarang permohonan kerana terdapat isu dari segi perundangan yang perlu diselesaikan dengan Kerajaan Persekutuan. Isu yang perlu diselesaikan terlebih dahulu adalah berkaitan dengan kuasa, iaitu sama ada kerajaan negeri mempunyai kuasa atau tidak meluluskan permohonan pemberian milik tanah atas status pegangan kekal sedangkan dalam Kanun Tanah Negara menjelaskan bahawa status pemilikan kekal hanya boleh diberikan dalam keadaan-keadaan tertentu dan khas sahaja.

Setakat ini, kerajaan negeri belum lagi membuat apa-apa keputusan ke atas permohonan-permohonan milik kekal untuk rumah/rumah pangsa kos rendah dan sederhana yang diterima kerana ada bantahan daripada Kerajaan Pusat. Perkara ini harus dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tanah Negara tahun ini. Oleh yang demikian, isu mengenai permohonan rayuan tidak berbangkit. Daripada rekod didapati sebanyak 122 permohonan telah diterima.

Kerajaan negeri tidak berganjak memberikan hak milik kekal kepada kediaman rumah pangsa kos rendah dan sederhana demi memastikan tanah kerajaan adalah tanah milik rakyat dan rumah kediaman adalah milikan mereka dahulu, kini dan selama-lamanya. Isu ini akan dibawa semula kepada Majlis Tanah Negara. Buat masa ini pihak Kerajaan Persekutuan sedang mengumpul maklum balas dari negeri-negeri bagi menyediakan dan melengkapkan kertas berkenaan. Siri-siri mesyuarat di peringkat pegawai di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri juga sedang dijalankan.

Kerajaan negeri masih berpendapat bahawa kuasa menentukan semua geran hak milik kekal untuk rumah/rumah pangsa kos rendah dan sederhana terletak di bawah hak mutlak kerajaan negeri. Majlis Tanah Negeri (MTN) hanya memainkan peranan perundingan sahaja. Sebaik sahaja MTN dirundingkan semula sepertimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan, maka kerajaan negeri akan melaksanakan keputusan muktamad mengeluarkan hak milik kekal kepada pemilik rumah kos rendah dan sederhana tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Berapa banyakkah projek perumahan yang terbengkalai di KADUN Paya Terubong? Apakah usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri untuk memulihkan projek berkenaan dan apakah status terkini mengenai projek terbengkalai berkenaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Terdapat tiga (3) projek terbengkalai yang disahkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di KADUN Paya Terubong.

Projek- projek tersebut ialah:-

(i) Desa Aman oleh pemaju Binanusa Sdn. Bhd

Bagi projek Desa Aman, pemaju Binanusa Sdn. Bhd. memohon pihak Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) mengambil alih projek tersebut. Pihak SPNB memaklumkan masih dalam kajian awal untuk tindakan pengambilalihan.

(ii) Taman Terubong Indah oleh pemaju Majestic Heights Sdn. Bhd.

Bagi projek Taman Terubong Indah, terdapat sebuah syarikat pemaju yang menyatakan hasrat untuk mengambil alih projek tersebut dari pihak likuidator. Beberapa perbincangan telah dijalankan antara likuidator, pemaju, pembeli-pembeli, ADUN dan kerajaan negeri, namun pemaju belum memuktamadkan pelan penyelamat.

(iii) Taman Cemerlang oleh pemaju Penangan Maju Holdings Sdn. Bhd. (Pemaju baru ialah Lembaman Development Sdn. Bhd.)

Projek Taman Cemerlang yang diambil alih oleh pemaju Lembaman Development Sdn. Bhd. telah diluluskan pelan bangunan pada 5 Februari 2009.

Antara usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah projek terbengkalai adalah :

(i) Mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat seperti pihak pemaju, pihak bank, atau pihak berkepentingan dan juga penduduk dalam mencari jalan penyelesaian walaupun projek terbengkalai ini adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Mesyuarat penyelarasan merupakan pendekatan yang dijalankan oleh kerajaan negeri di dalam mengadakan perbincangan dan perundingan di antara pemaju atau syarikat penyelamat *white knight* bersama agensi-agensi teknikal berkaitan bagi mempercepatkan proses pemulihan sesuatu projek dan menyegerakan proses kelulusan untuk mendapatkan Sijil Layak Menduduki (O.C).

(ii) Atas inisiatif dan usaha proaktif, kerajaan negeri sentiasa memantau projek-projek terbengkalai tersebut dengan menghubungi pihak KPKT, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan pemaju asal/ambil alih untuk mengetahui status terkini projek.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Apakah usaha yang telah dan boleh dilakukan oleh kerajaan negeri dalam membantu pemulihan pembinaan lebuh raya dari Teluk Kumbar ke Balik Pulau yang telah terbengkalai?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Projek menaik taraf laluan Persekutuan 6 dari Teluk Kumbar ke Pekan Genting (Balik Pulau) yang merupakan projek Kerajaan Pusat telah ditender semula, dan dalam peringkat pertimbangan oleh Lembaga Perolehan Persekutuan untuk memilih kontraktor yang layak.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Sila nyatakan jumlah hotel atau rumah penginapan pelancong bertaraf 3 bintang ke atas di Pulau Pinang? Adakah kerajaan negeri mempunyai apa-apa pelan untuk menggalakkan lebih banyak hotel dibina di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Berdasarkan laman web Kementerian Pelancongan, hotel/rumah penginapan bertaraf tiga bintang ke atas adalah seperti di lampiran.

    Kerajaan negeri sememangnya menggalakkan pembinaan hotel tetapi tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Hotel terbaru yang beroperasi kini ialah Tune Hotel di George Town. Manakala hotel yang dijangka dibuka pada tahun ini adalah Hard Rock Hotel di Batu Ferringhi dan Hotel Eastin iaitu bersebelahan Queensbay Mall.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Apakah cadangan Muzium Negeri untuk mempromosikan muzium kepada pelancong bagi menarik pelancong yang datang ke Pulau Pinang berdasarkan pengiktirafan George Town sebagai tapak warisan oleh UNESCO?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Muzium Negeri Pulau Pinang sedang dan akan mengadakan pameran-pameran dan aktiviti seni, warisan dan sejarah bagi tahun 2009 dan 2010. Pengkhususan diberi kepada pameran-pameran dan aktiviti-aktiviti yang menonjolkan seni, warisan dan sejarah Negeri Pulau Pinang untuk tatapan pengunjung seperti pameran Numismatik (mata wang) yang mempamerkan artifak (*coins*/syiling) pra sejarah yang telah digunakan di Pulau Pinang sebelum kedatangan Francis Light lagi. Muzium & Balai Seni Lukis Pulau Pinang juga akan mengadakan 15 pameran seni tampak dengan menjemput pelukis-pelukis tempatan untuk turut serta. Muzium & Balai Seni Lukis Pulau Pinang merancang mempromosi produk-produk pelancongan melalui penerbitan media massa, khidmat penerangan, pertunjukan-pertunjukan terutama bagi warisan budaya dan juga melalui khidmat pameran.

    Selain itu, pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah bersetuju untuk menyewakan Bangunan No. 57, Jalan Macalister sebagai premis lanjutan Muzium Negeri yang baru. Perolehan bangunan ini akan memberi peluang kepada Muzium Negeri untuk memperkembangkan aktiviti dan memberi keselesaan serta kepuasan kepada pelancong dari dalam dan luar negara. Contohnya: mempamerkan koleksi persembahan Boria yang diiktiraf oleh UNESCO sebagai salah satu seni warisan kebangsaan.

    Pada masa yang sama premis Muzium yang sedia ada akan dikekalkan sebagai Muzium Negeri yang akan mempamerkan sejarah awal Pulau Pinang secara terperinci iaitu sejarah Pulau Pinang yang dahulunya adalah di bawah Kerajaan Negeri Kedah dan perkembangan Negeri Pulau Pinang hingga mencapai Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Muzium & Balai Seni Lukis Pulau Pinang juga merupakan agensi yang menjadi ”pusat sumber” dan salah satu “gedung ilmu” yang terpenting bagi mengetahui dan mempelajari secara langsung aspek-aspek warisan budaya, sejarah, seni, alam kemanusiaan, alam semula jadi dan yang berkaitan dengannya. Oleh itu Muzium & Balai Seni berperanan menggalakkan ahli - ahli akademik, para pelajar dan orang awam menggunakannya untuk menyelidik dan menimba ilmu melalui aktiviti-aktiviti seperti Forum, Bengkel dan Seminar yang berkaitan sejarah dan budaya.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Apakah pendirian dan langkah yang diambil oleh kerajaan negeri dalam isu ketinggian empat (4) buah hotel di Zon Warisan Bandar George Town yang telah menimbulkan banyak kontroversi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bersama kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan iaitu Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KEKWA) akan memastikan isu ketinggian 4 buah hotel di Zon Warisan Bandar George Town, Pulau Pinang ditangani dengan sebaik-baiknya supaya tidak menjejaskan status George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

    Setelah isu ketinggian 4 buah hotel ini dibangkitkan, pihak kerajaan negeri dan MPPP telah mengambil langkah berbincang dengan pemaju-pemaju hotel yang terlibat dari segi cadangan menurunkan ketinggian bangunan hotel yang diluluskan.

    Selain itu, kerajaan negeri dan MPPP juga terlibat dalam perbincangan-perbincangan dengan Jabatan Warisan Negara serta lawatan-lawatan oleh dua pakar warisan daripada International Council On Monuments And Sites (ICOMOS) ke kawasan Warisan George Town.

    Sehingga kini, kerajaan negeri masih menunggu arahan dan ulasan lanjut daripada Jabatan Warisan Negara mengenai status projek pemajuan 4 projek hotel ini.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Kesesakan trafik sering berlaku di Jalan Dato’ Ismail Hashim khususnya di bahagian Pekan Relau. Adakah kerajaan negeri mempunyai apa-apa pelan untuk mempertingkatkan taraf jalan tersebut ataupun membina sebuah jambatan dari Jalan Dato’ Ismail Hashim yang menyambung ke Jalan Tun Dr Awang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Kerajaan negeri memang mempunyai pelan tindakan untuk mengawal kesesakan trafik yang sering berlaku di Jalan Dato’ Ismail Hashim khususnya di Pekan Relau dengan menaik taraf lampu isyarat di Jalan berkenaan.

    (b) Selain itu, langkah-langkah yang diusahakan oleh kerajaan negeri ialah pelebaran jalan di persimpangan berkenaan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas.

    (c) Pihak JKR juga mempunyai perancangan strategik yang segera untuk menaik taraf persimpangan Jalan Ismail Hashim dan Jalan Paya Terubong di Pekan Relau serta menggantikan jambatan sedia ada dengan jambatan baru di Jalan Ismail Hashim. Kini, kerja-kerja reka bentuk bagi projek ini telah siap sepenuhnya. Walaupun kerja-kerja reka bentuk telah sempurna, masalah-

masalah teknikal juga perlu diambil perhatian sebelum projek ini dapat dilaksanakan. Antaranya ialah:-

(i) Pengalihan surau di persimpangan tersebut.

(ii) Bagi proses pengambilan balik tanah dengan pemaju di kawasan; dan

(iii) Pihak pemaju disyaratkan menyerah tanah kepada kerajaan untuk menaik taraf persimpangan dan menyediakan kawasan baru untuk surau yang terlibat.

(d) Sekiranya masalah-masalah ini dapat diatasi, pelaksanaan yang dirancang pasti dapat menyelesaikan masalah kesesakan tersebut.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Adakah kerajaan negeri mempunyai apa-apa pelan untuk menaiktarafkan PSDC sebagai sebuah universiti yang dikawal oleh kerajaan negeri seperti Universiti Industrial Selangor?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang rancangan untuk menaiktarafkan PSDC kepada sebuah universiti. PSDC beroperasi berdasarkan model kerjasama dengan syarikat-syarikat Multinasional dan syarikat tempatan dalam menyediakan latihan-latihan dan kursus-kursus yang berkenaan. Sejak penubuhannya pada tahun 1989, PSDC telah berjaya menyediakan pelbagai kursus dan latihan yang relevan dengan industri. Justeru itu, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk membuat sebarang perubahan dalam masa terdekat dan akan mengekalkan model operasi yang sedia ada.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Sila nyatakan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh InvestPenang untuk mengatasi masalah kehilangan pekerjaan di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Dalam menghadapi krisis kemelesetan ekonomi, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah pro-aktif untuk mengurangkan kesan penganguran yang akan berlaku dan meringankan beban ekonomi Negeri Pulau Pinang.

Sehubungan itu, semasa pembentangan Bajet 2009 pada Persidangan Dewan Undangan Negeri yang lalu, Kerajaan Negeri telah meluluskan dana sejumlah RM10 juta bagi mengurangkan kesan krisis ekonomi dengan menyediakan penempatan pekerjaan sementara serta latihan dan peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur.

Pada bulan Januari 2009, Kerajaan Negeri telah mengumumkan penubuhan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang (Penang Career Assistance and Training Centre [CAT]) yang telah dirasmikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada bulan Mac 2009. Pusat CAT ini bertanggungjawab untuk menghubungkan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari pekerjaan dengan peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan

pusat CAT, mengenal pasti program latihan yang bersesuaian dan bekerjasama dengan ahli-ahli pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan.

Pusat CAT ini diuruskan oleh investPenang dengan mendapat sokongan padu daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPPP), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Sehingga 24 Mac 2009 seramai 851 orang telah berdaftar dengan pusat CAT. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 2,683 kekosongan jawatan turut didaftarkan dengan pusat ini. Kebanyakan jawatan-jawatan kosong ini adalah untuk sektor perkilangan. Lanjutan dari itu, seramai 471 pendaftar yang berkelayakan telah dihubungkan ke syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Terdapatnya banyak bantahan daripada kalangan rakyat terhadap struktur antena telekomunikasi yang didirikan di atas bumbung bangunan komersial yang didirikan tanpa keperluan permohonan merancang. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa langkah untuk menambah baik garis panduan mengenai struktur antena telekomunikasi ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Kerajaan negeri mengguna pakai Garis Panduan Pembinaan Menara & Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi, Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam memproses permohonan-permohonan pembinaan menara dan struktur pemancar telekomunikasi di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri melalui Unit Kerajaan Tempatan sedang membuat kajian ke atas garis panduan sedia ada berhubung dengan keperluan Permohonan Kebenaran Merancang bagi permohonan-permohonan sedemikian. Garis Panduan sedang digariskan dan dalam peringkat akhir penyediaan. Satu mesyuarat Menara Telekomunikasi dipengerusikan YB Exco Kerajaan Tempatan telah diadakan pada 14 April 2009 untuk meneliti draf garis panduan. Didapati draf akhir itu perlu diperbaiki. Task Force di bawah YB Jeff Ooi diminta bermesyuarat untuk memperbaiki draf garis panduan. Cadangan garis panduan ini juga mengambil kira pandangan NGO seperti Penang EMF Alliance apabila menyediakan garis panduan tersebut. Pandangan Kementerian dan Kerajaan Tempatan akan dipohon sebelum dikemukakan ke MMK untuk kelulusan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Pihak SJK (C) Kong Min Cawangan Kedua Paya Terubong telah memohon supaya lampu isyarat dipasangkan di hadapan sekolah tetapi telah ditolak oleh JKR atas alasan tiada peruntukkan. Memandangkan keselamatan seramai 1,200 orang guru dan pelajar adalah terlibat, apakah usaha kerajaan negeri dalam membantu dalam perkara ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Pemasangan lintasan pejalan kaki berlampu isyarat di kawasan luar George Town adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya (JKR). Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) hanya bertanggungjawab untuk menyelenggarakan lampu-lampu isyarat di kawasan luar George Town.

JKR telah menerima permohonan pemasangan lampu isyarat lintasan pejalan kaki daripada pihak SJK (C) Kong Min Cawangan Kedua Paya Terubong di hadapan sekolah. Oleh kerana Jalan Paya Terubung merupakan Jalan Persekutuan, JKR telah memohon peruntukan kepada JKR Ibu Pejabat Kuala Lumpur pada tahun 2007 dan 2008. Namun

permohonan tersebut tidak diluluskan. Walau bagaimanapun, JKR telah memohon peruntukan semula bagi tahun 2009. Sehingga kini tiada kelulusan peruntukan diperolehi. Kerajaan negeri akan mempertimbangkan permintaan apabila kerajaan negeri ada peruntukan berbuat demikian.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Sila nyatakan jumlah dan tempat CCTV yang telah dipasang di seluruh Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Terdapat sebanyak 31 buah CCTV dipasang oleh kerajaan negeri di bahagian pulau, yang telah beroperasi mulai 14 Februari 2008. Senarai lokasi penempatan CCTV adalah di Lampiran A.

Pada masa kini, MPSP tidak mempunyai peruntukan bagi pemasangan CCTV di semua DUN. Walau bagaimanapun, pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mengemukakan permohonan pemasangan CCTV bagi 24 lokasi CCTV kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan telah mencadangkan 46 lokasi tambahan kepada kerajaan negeri untuk pemasangan CCTV.

Lampiran A

Bil.	Lokasi	Bil. Kamera
1.	Jalan Penang Bersebelahan Jejantas Jalan Penang / Jalan Burma / Jalan Dr Lim Chwee Leong	1
2.	Simpangan Jalan Dr Lim Chwee Leong / Lebuh Lintang	1
3.	Jalan Burma Bersebelahan Jejantas Jalan Penang / Jalan Burma / Jalan Dr Lim Chwee Leong	1
4.	Simpang Enam Komtar	1
5.	Simpang Jalan Penang / Lebuh Tek Soon	1
6.	Simpang Jalan Magazine / Jalan Ria	1
7.	Simpang Jalan Macalister / New Lane	1
8.	Upper Penang Road	1
9.	Simpang Jalan Penang / Lebuh Chulia	1
10.	Simpang Lebuh Pantai / Lebuh China	1
11.	Lebuh Farquhar - Depan Hotel E&O	1
12.	Gold Bazaar - Simpang Lebuh Campbell / Jalan Pintal Tali	1
13.	Gold Bazaar - Simpang Carnarvon / Lebuh Buckingham	1
14.	Gold Bazaar - Simpang Jalan Masjid Kapitan Keling / Lebuh Buckingham	1
15.	Gold Bazaar - Simpang Jalan Masjid Kapitan Keling / Lebuh Chulia	1
16.	Jejantas Citibank Jalan Sultan Ahmad Shah	1
17.	Simpang Persiaran Midlands / Lebuh Raya Maktab	1

18.	Simpang Persiaran Gurney / Jalan Lim Chin Guan	1
19.	Bulatan Persiaran Gurney - Hawker Center	1
20	Persiaran Gurney - Hawker Center / Gurney Plaza	1
21.	Simpang Jalan Masjid Negeri / Lebuh Raya Batu Lancang	1
22.	Pintu Masuk Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong	1
23.	Pintu Keluar Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong	1
24.	Bukit Jambul, Simpang Jalan Bukit Gambir / Jalan Rumbia	1
25.	Bukit Jambul, Simpang Jalan Tun Dr Awang / Jalan Bukit Gambir	1
26.	Bukit Jambul, Simpang Jalan Rumbia / Lorong Relau 2	1
27.	Bukit Jambul, Simpang Jalan Tun Dr Awang / Jalan Kampong Relau	1
28.	Air Hitam, Simpang Air Hitam / Jalan Kampung Melayu	1
29.	Air Hitam, Simpang Jalan Air Hitam / Jalan Stesen Keretapi Bukit Bendera	1
30.	Air Hitam, Simpang Jalan Air Hitam / Jalan Rambutan	1
31.	Air Hitam, Simpang Jalan Pasar / Laluan Ke Kuil Kek Lok Si	1

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Memandangkan KADUN Paya Terubong merupakan KADUN yang mempunyai paling banyak populasi, adakah kerajaan negeri mempunyai apa-apa rancangan untuk menubuhkan Pusat Jagaan Kanak-kanak di KADUN Paya Terubong?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Kerajaan Negeri tiada rancangan untuk menubuhkan Pusat Jagaan kanak-kanak di KADUN Paya Terubong dalam Negeri Pulau Pinang. Namun begitu Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang sentiasa memberikan galakkan kepada mana-mana pertubuhan untuk menyediakan kemudahan tersebut dengan syarat mematuhi peraturan-peraturan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993.

XX. Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah perkembangan permohonan pertukaran hak milik tanah sementara kepada hak milik kekal untuk pangsapuri-pangsapuri kerajaan dan PDC. Berapakah jumlah permohonan yang telah dikemukakan? Apakah status permohonan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Soalan ini adalah tidak jelas, sama ada ianya bermaksud pertukaran hak milik kepada hak milik muktamad (Final Title) atau penukaran kepada hak milik kekal *(in perpetuity)* bagi pangsapuri kerajaan dan PDC. Sekiranya soalan bermaksud untuk mendapatkan hak milik muktamad (Final Title), ianya tiada masalah kerana kerja-kerja ukur tanah untuk menyediakan pelan skim dibuat dari masa ke semasa oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan ataupun oleh Juru Ukur Berlesen yang dilantik. Banyak skim perumahan kerajaan dan PDC telah pun memperoleh hak milik muktamad.

   Jika soalan ini bermaksud untuk mendapatkan hak milik kekal bagi pangsapuri kerajaan dan PDC, ianya belum lagi terlaksana. Ini adalah kerana ia menimbulkan isu perundangan yang rumit dan melibatkan banyak pihak. Sekiranya hak milik tanah bagi

sesuatu skim pangsapuri hendak ditukarkan kepada hak milik pegangan kekal, ia perlu melalui proses penyerahan tanah tersebut kepada kerajaan, di mana kemudiannya kerajaan memberi milikan semula tanah tersebut atas pegangan kekal. Tetapi proses tersebut bukanlah merupakan satu proses yang mudah. Beberapa pra-syarat lain perlu ditunaikan terlebih dahulu seperti Pembubaran Perbadanan Pengurusan, dan masalah gadaian unit-unit pangsapuri kepada bank-bank perlu diselesaikan. Memandangkan kepada kerumitan tersebut, dan beberapa isu perundangan yang belum diselesaikan, maka langkah untuk memberikan pegangan kekal ke atas lot-lot tanah pangsapuri tidak diteruskan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah status rayuan pertukaran hak milik tanah kepada Majlis Tanah Negara? Berapakah tandatangan rayuan yang telah diterima kerajaan negeri? Apakah tindakan susulan yang akan dijalankan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Perkara mengenai penukaran hak milik tanah secara pajakan kepada pegangan kekal telah dirujuk ke Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) yang diadakan pada bulan Disember 2008, di mana pandangan dari negeri-negeri lain seperti Negeri Perak juga telah diambil kira.

   Setakat ini, Kerajaan Negeri belum lagi membuat apa-apa keputusan ke atas permohonan-permohonan milik kekal yang diterima kerana ada bantahan oleh kerajaan pusat. Perkara ini harus dibincangkan dan diputuskan dalam mesyuarat Majlis Tanah Negara tahun ini. Dengan hal yang demikian, isu mengenai permohonan rayuan tidak berbangkit. Daripada rekod didapati sebanyak 123 permohonan telah diterima.

   Isu ini akan dibawa semula kepada Majlis Tanah Negara. Buat masa ini pihak Kerajaan Persekutuan sedang mengumpul maklum balas dari negeri-negeri bagi menyediakan dan melengkapkan kertas berkenaan. Siri-siri mesyuarat di peringkat pegawai di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri juga sedang dijalankan.

   Kerajaan negeri masih berpendapat bahawa kuasa menentukan semua geran hak milik kekal boleh diberikan kepada pemilik hartanah kediaman rasmi terletak di bawah hak mutlak kerajaan negeri. Majlis Tanah Negeri (MTN) hanya memainkan peranan perundingan sahaja. Sebaik sahaja MTN dirundingkan semula sepertimana yang diperlukan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Maka kerajaan negeri akan melaksanakan keputusan muktamad mengeluarkan hak milik kekal kepada pemilik rumah kos rendah dan sederhana.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Apakah rancangan kerajaan negeri untuk mengecat semula bangunan usang? Apakah status untuk mengecat bangunan PDC untuk M1-M5 di KADUN Pantai Jerejak. Bilakah rancangan untuk mengecat akan dilaksanakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (i) Penang Development Corporation (PDC) memang berhasrat untuk mengecat semula bangunan usang dan projek-projek perumahan PDC. Pangsapuri Mayang (M1 & M2) dan Pangsapuri Mahsuri (M3 – M5) merupakan antara projek yang telah PDC kenal pasti untuk kerja-kerja pengecatan semula. Untuk itu, PDC telah mendapatkan tender dari beberapa syarikat. Proses ini telah sampai ke tahap untuk ditawarkan kerja-kerja mengecat semula bangunan kepada penender yang berjaya.

(ii) Memandangkan pada ketika ini keadaan ekonomi sedunia telah mengalami kemelesetan, maka pihak Kerajaan Negeri telah memutuskan supaya langkah berhati-hati perlu diamalkan demi tidak terperangkap dalam keadaan ekonomi yang tidak meyakinkan ini. Tindakan proaktif Kerajaan Negeri untuk menilai semula perbelanjaannya adalah semata-mata untuk memastikan rakyat negeri ini tidak akan terjejas apabila kesan kemelesetan ekonomi menjadi kenyataan.

(iii) Oleh itu, PDC tiada pilihan lain selain daripada menangguhkan kerja-kerja mengecat semula bangunan-bangunan PDC buat sementara waktu sehingga keadaan ekonomi pulih. Keputusan ini adalah berdasarkan hasrat Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa ianya mempunyai dana yang mencukupi kelak untuk memberi bantuan kepada golongan-golongan yang lebih memerlukannya semasa keadaan ekonomi meleset.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah status pembinaan tangki air PBA di Pulau Jerejak. Mengapakah pembinaan diberhentikan. Bilakah pembinaan akan dijalankan semula dan jangka masa siap kerja.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Status Projek Pembinaan Tangki Air PBAPP adalah 10%. Pembinaan ini telah dimulakan sejak Mac 2009 dan dijangka siap pada akhir 2010. Dengan itu, tidak timbul projek itu diberhentikan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Bagaimanakah Pihak PBA mengurangkan kesan impak alam sekitar ke atas tapak bina tangki air di Pulau Jerejak. Sila kepilkan Laporan EIA projek. Akibat henti kerja, tapak pembinaan sudah menjadi “sore thumb” dan botak. Sila laporkan kerja-kerja pemulihan PBA ke atas alam sekitar akibat kerja diberhentikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Pembinaan diberhentikan seketika kerana masalah kenaikan harga bahan-bahan binaan yang mendadak pada tahun yang lepas. Perbincangan telah diadakan bersama-sama dengan pihak kontraktor dan juru perunding untuk menyelesaikan isu kenaikan harga.

Walau bagaimanapun, pihak kontraktor telah bersetuju untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan tangki air konkrit ini dan kerja-kerja tanah telah dimulakan pada bulan yang lepas. Dijangka pembinaan tangki air konkrit akan dapat disiapkan pada akhir tahun 2010.

Aktiviti pembinaan tangki air ini tidak tertakluk kepada Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987. Oleh itu, penggerak projek tidak dikehendaki menjalankan kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) untuk projek tersebut. Pembinaan tangki air tersebut juga tidak tertakluk di bawah Garis Panduan Pembangunan Tanah Bukit, yang tidak membenarkan sebarang pembangunan dilakukan pada tanah berketinggian 76 meter atau lebih.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah usaha kerajaan untuk mengurangkan kesan pembuangan kerja di Kawasan Industri Bebas? Sila nyatakan program-program dan usaha kerajaan negeri yang sedang dan akan dilaksanakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Usaha kerajaan untuk mengurangkan kesan pembuangan kerja di Kawasan Industri Bebas adalah seperti berikut:-

(a) Kerajaan negeri telah meluluskan dana berjumlah RM10 juta bagi mengurangkan kesan krisis ekonomi.

(b) Kerajaan negeri akan menyediakan penempatan pekerjaan sementara serta latihan dan peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur.

(c) Pada bulan Januari yang lalu, kerajaan negeri telah mengumumkan penubuhan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang (*Penang Career Assistance and Training Centre* [CAT]) yang telah dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri pada 4 Mac 2009. Pusat CAT ini bertanggungjawab untuk menghubungkan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari pekerjaan dengan peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan pusat CAT, mengenal pasti program latihan yang bersesuaian dan bekerjasama dengan ahli-ahli pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan.

Pusat CAT ini diuruskan oleh investPenang dengan mendapat sokongan padu daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Sehingga 24 Mac 2009, seramai 851 orang telah berdaftar dengan pusat CAT. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 2,683 buah kekosongan jawatan telah didaftarkan dengan pusat ini. Kebanyakan jawatan kosong yang didaftarkan ialah bagi sektor perkilangan. Lanjutan dari itu, seramai 471 orang pendaftar yang berkelayakan telah dihubungkan ke syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan.

Selain itu, kerajaan negeri juga telah mengambil langkah-langkah berikut bagi mengatasi masalah pembuangan kerja akibat dari kemelesetan ekonomi:

(i) Fleksibiliti dalam skim pembayaran bagi tanah perindustrian PDC bagi membantu pekerja industri untuk memulakan serta membantu dalam pemasaran dan operasi perniagaan mereka.

(ii) Menawarkan Program Bimbingan Enterprise Kecil dan Sederhana (EKS). Program ini disokong oleh SMIDEC dan dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC). Program ini memberi bimbingan dan pementoran perniagaan kepada mereka yang ingin memulakan syarikat EKS di samping meningkatkan daya saing syarikat-syarikat EKS ini.

(iii) Menawarkan Program Intervensi EKS di mana kemahiran teknologi maklumat, penekanan kepada budaya berdaya kualiti dan pengurusan perniagaan yang berkesan diberi fokus di bawah program ini untuk memperkembangkan EKS tempatan.

(iv) Menubuhkan Pusat Latihan dan Reka Bentuk Barangan Kemas untuk meningkatkan kualiti pembuatan barangan kemas bagi mereka yang berminat melalui infrastruktur perisian.

(v) Mengadakan seminar dan dialog kepada EKS yang memberi fokus kepada strategi dan langkah-langkah untuk maju dalam perniagaan.

(vi) Selain itu, kerajaan negeri juga telah mengambil inisiatif untuk mengadakan dialog antara institusi-institusi kewangan, badan-badan

kerajaan dan EKS untuk membuka jalan perundingan bagi mereka yang memerlukan bantuan kewangan dan modal perniagaan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sila nyatakan jangkaan sumbangan dari segi “tax revenue” Pulau Pinang kepada kerajaan Pusat. Sila nyatakan sumbangan kerajaan pusat kepada negeri dari segi “grant”, projek dan lain-lain bantuan kewangan kepada negeri pada tahun 2007 dan 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kutipan cukai seperti cukai perkhidmatan, pendapatan, jualan dan sebagainya disalurkan terus kepada Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, sumbangan dari segi "tax revenue" di Pulau Pinang kepada Kerajaan Persekutuan sukar dipastikan.

Sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri dari segi geran dan bantuan-bantuan lain pada tahun 2007 dan 2008 adalah seperti perincian di jadual :

Jenis Pemberian	**Tahun**	
	2007 (RM)	**2008(RM)**
i. Pemberian Mengikut Kiraan kepala	22,417,694.00	22,780,106.00
ii. Pemberian penyelenggaraan Jalan Raya Negeri	45,832,623.00	35,642,885.00
iii. Bayaran Perkhidmatan 5% kerana Pelaksanaan Projek-Projek Persekutuan.	6,476,980.00	8,799,304.00
iv. Bayaran Pertambahan Hasil	13,553,074.00	12,277,531.00
v. Pemberian Membiayai Perbelanjaan Mengurus di Bawah Senarai Bersama Jabatan.	11,169,350.00	11,707,125.00
vi. Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup.	12,781,368.00	13,460,820.00
JUMLAH	**112,231,089.00**	**104,667,771.00**

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Apakah sebab gerai-gerai penjaja di pasar Bayan Baru tidak diisi penuh. Sejak bilakah keadaan ini berlarutan? Apakah langkah-langkah untuk menarik minat penjaja-penjaja untuk menjaja di pasar tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sehingga kini sebanyak 17 gerai masih kosong di Pasar Awam Bayan Baru dan kekosongan ini berlaku kerana pembatalan gerai. Oleh itu, untuk mengisi gerai-gerai berkenaan satu temu duga dijadualkan pada 21 April 2009 untuk mengisi kekosongan di Pasar Awam Bayan Baru dan jumlah permohonan adalah sebanyak 45 orang.

Bagi kekosongan di Kompleks Penjaja Bayan Baru, walaupun beberapa gerai telah ditawarkan, namun individu-individu ini gagal untuk beroperasi dan ada yang menyerahkan kembali. Oleh itu, peruntukan gerai-gerai ini dalam proses pembatalan lesen. Langkah yang diambil untuk mengisi kekosongan berkenaan ialah dengan mengadakan temu duga untuk mengisi kekosongan di kompleks dan dijangka akan diadakan pada bulan Mei 2009. Jumlah permohonan untuk temu duga setakat 21 April 2009 adalah seramai 45 orang.

Untuk menarik lebih ramai penjaja mengisi kekosongan gerai-gerai berkenaan ialah dengan mengkaji semula kadar sewa tapak / gerai yang terletak di lokasi yang kurang strategik.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah kekurangan petak letak kereta di pangsapuri-pangsapuri? Adakah pihak PBT bercadang untuk menyemak semula terhadap syarat *parking requirements* dalam permohonan pelan bangunan? Adakah cadangan lain untuk menyelesaikan masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Pangsapuri kos rendah dan kos sederhana rendah adalah isu yang sentiasa dibangkitkan dan perlu dikaji dan diatasi secara menyeluruh. Pada masa ini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masih mengguna pakai Garis Panduan Tempat Letak Kenderaan sedia ada. Pada masa yang sama, sistem pengangkutan awam haruslah dinaiktarafkan untuk membantu sedikit sebanyak dalam hal ini.

Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang boleh menyemak semula garis panduan keperluan tempat letak kereta sedia ada bagi pangsapuri dan menyediakan garis panduan baru untuk dibentangkan dalam Jawatankuasa Perancangan Negeri (SPC). Dengan garis panduan baru yang dipersetujui di peringkat kerajaan negeri ini, ia boleh diguna pakai oleh PBT.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kebelakangan ini, Pulau Pinang diiktiraf sebagai bandar hijau oleh Kerajaan Pusat. Adakah rancangan untuk menanam lebih banyak pokok-pokok teduh? Bagaimanakah pihak kerajaan negeri memelihara pokok-pokok teduh sedia ada? Apakah larangan dan penguatkuasaan terhadap pemotongan pokok-pokok teduh?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah pun mengadakan Kempen Menanam Pokok sebagai langkah menggantikan pokok hijau yang telah mati di samping menambah bilangan pokok-pokok teduh yang sedia ada. Selain itu, sebagai langkah-langkah memelihara pokok-pokok teduh sedia ada kerja-kerja penyelenggaraan berkala seperti pemangkasan, rawatan kimia, (racun serangga/kulat), dan pembajaan tetap dilaksanakan. Kerja-kerja pemangkasan bulanan dilakukan setiap bulan termasuk kerja pembersihan pokok-pokok tumpangan yang hidup pada dahan-dahan pokok begitu juga rawatan kimia. Bagi kerja-kerja pemuliharaan (konservasi) pula pada pokok teduhan, sistem inventori khas Taman yang dikenali sebagai BRAHMS (Botanical Research and Herbarium Management System) telah diguna pakai. Melalui sistem ini,

setiap spesies pokok teduhan, akan melalui proses pembiakan di nurseri. Setakat ini, tiada enakmen khas bagi melarang pemotongan pokok-pokok teduhan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Apakah *capital investment* yang diperuntukkan untuk Halal Development Corporation. Berapakah bantuan daripada Kerajaan Pusat? Apakah rancangan yang akan dijalankan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Halal Industry Development Corporation (HDC) adalah satu agensi Kerajaan Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Oleh itu, Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat berkenaan peruntukan *capital investment* untuk HDC.

Dari segi hubungan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, pihak HDC telah memberikan komitmen yang berterusan serta sentiasa bekerjasama untuk membangunkan Industri Halal di Negeri Pulau Pinang.

Dari segi perancangan, pihak HDC telah bersetuju untuk membuka satu cawangan pejabat wilayah di Pulau Pinang. Majlis pelancaran pejabat ini telah diadakan pada 4 Mac 2009. Ini merupakan pejabat wilayah yang pertama di buka oleh HDC. Pejabat wilayah ini akan memberi fokus kepada pengurusan proses pensijilan dan integriti halal dan mula beroperasi pada bulan Julai 2009.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Berapakah jumlah penduduk yang telah menyertai program “Malaysia My Second Home” di Pulau Pinang. Berapakah jumlah syarikat yang mengusahakan program ini? Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pengusaha program ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (i) Sejak diperkenalkan pada tahun 2002, program ini telah menarik minat lebih 12,000 orang warga negara asing menyertai program ini di seluruh negara. Statistik disediakan berdasarkan bilangan warganegara yang menyertai program ini iaitu penyertaan tertinggi daripada United Kingdom, Jepun, Bangladesh, Korea dan China. Rekod menunjukkan peserta yang terlibat kebanyakannya terlibat dalam aktiviti perniagaan dan melabur di dalam pelbagai sektor di Malaysia.

Jumlah syarikat yang mengusahakan dan yang telah diberi kebenaran dan kelulusan lesen Kementerian Pelancongan Bagi menjalankan program Malaysia My Second Home di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

(a) Alter Domus (MM2H) Sdn Bhd;
(b) Aubella (MM2H) Sdn Bhd;
(c) Corporate Transcend (MM2H) Sdn Bhd;
(d) Long Stay & Holidays (MM2H) Sdn Bhd;
(e) Networld Holidays (MM2H) Sdn Bhd;
(f) Planner Scene (MM2H) Sdn Bhd;
(g) Promotevest (MM2H) Sdn Bhd;
(h) Saujana Merpati (MM2H) Sdn Bhd;
(i) Tropical Resorts Lifestyle (MM2H) Sdn Bhd; dan
(j) Vosta Hrd (Mm2h) Sdn Bhd.
(k) EZ Second Home (MM2H) Sdn Bhd
(l) Influx Line Holidays (MM2H) Sdn Bhd
(m) Mega Home (MM2H) Sdn Bhd

(n) My Next Home (MM2H) Sdn Bhd
(o) My Secong Life (MM2H) Sdn Bhd
(p) New Macao (MM2H) Sdn Bhd
(q) Oriental Stay (MM2H) Sdn Bhd
(r) Overseas Living (MM2H) Sdn Bhd
(s) SHL International (MM2H) Sdn Bhd
(t) Tanjung Homes (MM2H) Sdn Bhd

(ii) Cabaran yang dihadapi ialah:-

(a) Perlu memenuhi kehendak syarikat yang berbagai-bagai bentuk;

(b) Perlu memahami budaya tempatan yang kadang-kadang terpaksa mengambil masa; dan

(c) Pemilihan tempat yang tidak memenuhi kehendak syarikat.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sila nyatakan program-program kitar semula yang akan dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)? Berapakah peruntukan yang diberikan oleh PBT dalam program kitar semula? Berapakah tong-tong kitar semula akan dibekalkan oleh PBT bagi tahun 2009?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Program-program kitar semula yang sedang dan akan dijalankan oleh MPPP adalah seperti berikut:-

(i) Program kutipan komputer terpakai (E-waste) bersama Dell Asia Pacific, Sunshine Group (Sunshine Departmental Store), PEWOG, IKR Industries dan Kerajaan Negeri. Program ini telah diperluaskan ke seluruh pulau;

(ii) Memperkenalkan program Bank Kitar Semula ke sekolah-sekolah rendah;

(iii) Menganjurkan ceramah kesedaran kitar semula kepada institusi-institusi yang memohon kerjasama;

(iv) Mengkaji semula program kitar semula dan membuat formulasi strategi baru untuk tahun 2010;

(v) Mengendalikan kutipan E-waste di Stor MPPP, Jalan Kampung Jawa Baru dan Jalan Oldham, Pulau Pinang, dan

(vi) Program kempen berterusan melalui kaedah ceramah, pameran, pameran di karnival TV3 dan latihan kepada sekolah-sekolah, pusat-pusat pengajian, sektor swasta dan sektor awam.

Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak memperuntukkan peruntukan baru untuk membeli tong-tong kitar semula bagi tahun 2009. Namun sebanyak 13 set tong kitar semula telah diedarkan pada tahun 2008 dan masih terdapat 9 set tong kitar semula dari stok sedia ada untuk tujuan edaran kepada pihak yang berminat untuk menjalankan aktiviti kitar semula.

(b) MPSP telah mewujudkan 30 pusat pengumpulan kitar semula di seluruh Seberang Perai dengan digerakkan oleh masyarakat melalui Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga dan lain-lain. Di samping itu, pihak MPSP juga telah membekalkan tong kitar semula kepada 108 buah sekolah. Di antara program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti yang berikut :

(i) Pengumpulan barangan terpakai.
(ii) Pengumpulan barangan elektrik dan elektronik.
(iii) Pengkomposan sisa dapur.
(iv) Penghasilan Effective Microorganisme (EM).
(v) Pendidikan Berterusan Kepada Masyarakat (pamer, risalah, ceramah dan lain-lain).
(vi) Khidmat Nasihat.

MPSP juga memperuntukkan sejumlah bayaran seperti di bawah sebagai insentif kepada pusat pengumpulan dan pusat pengajia bermula dari tahun 2005.

2005	-	RM 12,770.00
2006	-	RM 24,260.00
2007	-	RM 19,140.00
2008	-	RM 22,130.00
2009	-	RM 25,000.00 (Anggaran)

Pada masa kini, MPSP mempunyai bilangan tong yang terhad dan diberi kepada pihak yang berminat untuk melaksanakannya.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Adakah kontraktor-kontraktor pengutip sampah di Pulau Pinang dikehendaki menjalankan program kitar semula? Adakah kontraktor-kontraktor mengutip sampah mengikut jenis sampah *(garbage separation program).* Adakah PBT merancang untuk mengutip sampah mengikut jenis dalam program kitar semula?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Mengikut perjanjian sedia ada kontraktor-kontraktor pengutip sampah di Pulau Pinang tidak diwajibkan menjalankan program kitar semula.

Pada masa sekarang, kontraktor-kontraktor sampah memungut sampah menjikut jenis sampah seperti berikut:

(i) Sampah domestik;
(ii) Sampah pukal ('bulk waste' dan 'garden waste'); dan
(iii) Sampah pasar, jalan dan parit/laut dan pantai.

Pihak Berkuasa Tempatan tidak bercadang untuk mengutip sampah mengikut jenis sampah *(garbage separation program)* dan melaksanakan program kitar semula sehinggalah pengambilalihan dibuat oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara yang dijangka bermula pada Jun 2009.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sejauh manakah kejayaan *medical tourism* di Negeri Pulau Pinang dari aspek bilangan pesakit setiap tahun dan pertumbuhan? Apakah rancangan kerajaan negeri untuk menarik lebih ramai pesakit dan pelancong?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Pelancongan Perubatan merupakan produk pelancongan yang pesat berkembang dalam tempoh terdekat ini. Malaysia telah dipilih antara 5 destinasi paling berpotensi di dunia

untuk pelancongan perubatan dimajukan. Untuk tahun 2008 terdapat lebih 300,000 pesakit dari luar negara memilih Malaysia untuk mendapatkan rawatan kesihatan dan sebahagian besarnya memilih Pulau Pinang. Mengikut rekod 72 peratus daripada jumlah tersebut merupakan dari Indonesia, 10 peratus dari Singapura, 5 peratus dari Jepun dan masing-masih 3 peratus dari Eropah dan India serta 7 peratus dari lain-lain negara. Kerajaan negeri akan terus memberikan perhatian bagi mempertingkatkan Pelancongan Kesihatan (*Health Tourism*) dengan memberi tumpuan kepada perkara-perkara berikut:

(a) Mempromosi produk pelancongan kesihatan di Negeri Pulau Pinang dengan mengadakan kerjasama erat dengan pelbagai agensi seperti MATTA, Kementerian Pelancongan Malaysia, MATRADE, Kementerian Kesihatan Malaysia, Persatuan Hospital Swasta Malaysia dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

(b) Memberi tumpuan untuk meluaskan pasaran pelancong-pelancong kesihatan dari negara-negara seperti Timur Tengah, Brunei dan Indochina dengan mengambil kira potensi Malaysia sebagai Negara Islam.

(c) Mengambil peluang kerjasama IMT-GT untuk menarik lebih ramai pelancong kesihatan daripada Indonesia terutama sekali daripada Jakarta dengan mengadakan penerbangan terus dari Jakarta ke Pulau Pinang.

(d) Mengekalkan kos perubatan yang berpatutan supaya menjadi pilihan utama berbanding pesaing seperti Singapura dan Thailand.

(e) Menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dengan mendapatkan persijilan atau akreditasi daripada pertubuhan-pertubuhan kesihatan antarabangsa serta Malaysia *Society For Health Accreditation (MSHQ).*

(f) Mengoptimumkan kemudahan pelancongan sedia ada dengan menyediakan kemudahan Spa dan Kesihatan di hotel dan resort di Negeri Pulau Pinang.

(g) Mengadakan kerjasama yang erat dengan hospital swasta negeri seperti Gleaneagle Medical Centre, Hospital Pantai Mutiara, Island Hospital, Lam Wah Ee Hospital, Loh Guan Lye Specialist Centre, Penang Adventist Hospital, Mount Miriam Hospital, Metro Specialist Hospital dan Hospital Pakar Bagan untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dengan kos yang berpatutan.

(h) Menyediakan satu rangkaian perhubungan maklumat melalui pelancongan kesihatan negeri melalui laman web yang mengandungi maklumat pelancongan kesihatan negeri dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Apakah program-program untuk menggalakkan usahawan-usahawan membuka perniagaan? Nyatakan bagaimana proses permohonan dan apakah kriteria untuk menyertai program tersebut? Setakat ini, apakah kejayaan program-program tersebut iaitu dari segi jumlah penyertaan dan kejayaan/ kegagalan perniagaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Untuk menggalakkan usahawan-usahawan menubuhkan perniagaan, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah melaksanakan program berikut :-

(i) Program Inkubator Penang Cybercity

Program ini diadakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan Multimedia Development Corporation (MDeC) yang bermatlamat untuk mewujudkan

usahawan tekno berstatus MSC. Usahawan ICT yang berminat perlu mendaftar di PDC dan menyertai program pemilihan oleh MDeC. PDC menyediakan sebuah Enterprise Lab di Kompleks Mayang Mall Bandar Bayan Baru yang akan berperanan sebagai pusat inkubator untuk memberi peluang kepada usahawan tekno baru memulakan perniagaan mereka di dalam Bandar Siber Pulau Pinang. Seramai 4 usahawan ICT telah mendapat pembiayaan daripada MDeC, SMIDEC dan USM serta berjaya menubuhkan syarikat masing-masing.

(ii) Bengkel Peluang Perniagaan Francais / Program Francais Wanita dan Siswazah

PDC dan MECD bekerjasama dengan Francais Nasional melaksanakan program ini bertujuan untuk melahirkan usahawan baru. Peserta yang berminat perlu mengikuti seminar yang dianjurkan dan mengambil ujian sebelum dipilih untuk mengikuti program latihan dan bimbingan selama 1 minggu. Peserta yang terpilih ini kemudiannya akan mengikuti program sangkut kerja industri untuk membolehkan mereka mendapat kemudahan kewangan sehingga berupaya menjalankan perniagaan sebagai Francaisee. Seramai 2 usahawan telah terpilih untuk menjalankan perniagaan di lokasi strategik.

(iii) Program Penyediaan Premis Komersil

Premis komersil ini disediakan untuk tujuan dijual dan disewa bagi memberi peluang kepada usahawan menubuhkan perniagaan. Program ini dijalankan di kawasan pembangunan PDC iaitu di Bandar Bayan Baru, Georgetown dan Seberang Perai. Satu projek premis komersil telah dilaksanakan di Jalan Chow Thye dan Jalan Burma bagi memberi peluang kepada usahawan berniaga di lokasi strategik di Bandar Georgetown. Selain itu, PDC juga membangunkan 276 unit kilang Industri Kecil dan Sederhana di Taman Perindustrian Bayan Lepas, Sungai Pinang, Bukit Tengah dan Bukit Minyak. Usahawan yang berminat boleh memohon terus kepada PDC.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Berapakah jumlah “Suara Rakyat” yang diterbitkan oleh kerajaan negeri? Berapakah kos yang dibiayai oleh kerajaan negeri? Adakah rancangan untuk menambah baik saluran pengedar seperti melalui pengedaran komersial akan dijalankan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Pada tahun 2008 kerajaan negeri telah menerbitkan dua (2) edisi Tabloid Suara Rakyat iaitu 20,000 naskah bagi setiap edisi dengan kos sebanyak RM85,000.00 untuk edisi pertama dan RM81,000.00 untuk edisi kedua. Untuk tahun 2009, kerajaan negeri bercadang untuk menerbitkan sebanyak enam (6) edisi dan kos penerbitan serta jumlah naskah yang akan diterbitkan akan ditentukan melalui proses tender yang mana tarikh tutup tender tersebut adalah pada 6 April 2009.

Kerajaan negeri sentiasa berusaha supaya agihan Tabloid Suara Rakyat dapat disampaikan hingga ke peringkat akar umbi. Oleh yang demikian, selain daripada pengagihan yang dibuat kepada Jabatan-Jabatan kerajaan seperti Pejabat Daerah, Tabloid Suara Rakyat juga diedarkan kepada pejabat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung serta ”Consumer Watch”. Antara

lain, terdapat juga rancangan supaya versi digital tabloid ini dimuat naik ke dalam Portal Kerajaan Negeri Pulau Pinang agar mereka yang tidak berpeluang untuk memperolehi tabloid tersebut masih dapat membacanya melalui portal tersebut. Kerajaan negeri akan sentiasa berusaha untuk memperbaiki medium pengedaran tabloid tersebut dari semasa ke semasa agar pengedaran dapat sampai hingga ke peringkat akar umbi.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Berapakah jumlah mesyuarat Tindakan Daerah yang telah dijalankan mengikut daerah dalam tahun 2008?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Mesyuarat Tindakan Daerah yang telah dijalankan mengikut daerah dalam tahun 2008 adalah seperti dilampiran.

LAMPIRAN

Berapakah mesyuarat Tindakan Daerah yang telah dijalankan mengikut daerah dalam tahun 2008.

BIL	DAERAH	BILANGAN MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT
1.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH TIMUR LAUT	9	Bil. 1/2008 – 25 Januari 2008 Bil. 2/2008 - Dibatalkan (22.02) Bil. 3/2008 – 21 Mei 2008 Bil. 4/2008 – 24 Jun 2008 Bil. 5/2008 – 17 Julai 2008 Bil. 6/2008 – 28 Ogos 2008 Bil. 7/2008 – 18 September 2008 Bil. 8/2008 – 29 Oktober 2008 Bil. 9/2008 – 25 November 2008 Bil 10/2008 – 24 Disember 2008
2.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH BARAT DAYA	5	Bil. 1/2008 - 24 Januari 2008 Bil. 2/2008 – 7 Ogos 2008 Bil. 3/2008 – 11 September 2008 Bil. 4/2008 – 24 Oktober 2008 Bil. 5/2008 – 5 Disember 2008
3.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA	9	Bil. 1/2008 – 18 Januari 2008 Bil. 2/2008 – 14 Februari 2008 Bil. 3/2008 – 15 Mei 2008 Bil. 4/2008 – 19 Jun 2008 Bil. 5/2008 – 10 Julai 2008 Bil. 6/2008 – 07 Ogos 2008 Bil. 7/2008 – 11 September 2008 Bil. 8/2008 – 27 November 2008 Bil. 9/2008 – 23 Disember 2008
4.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH	5	Bil. 1/2008 – 04 Februari 2008 Bil. 2/2008 – 10 Julai 2008 Bil. 3/2008 – 11 September 2008 Bil. 4/2008 – 30 Oktober 2008

			Bil. 5/2008 – 05 Disember 2008
5.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI SELATAN	6	Bil. 1/2008 - 14 Mei 2008 Bil. 2/2008 - 18 Jun 2008 Bil. 3/2008 - 07 Ogos 2008 Bil. 4/2008 - 18 September 2008 Bil. 5/2008 - 06 November 2008 Bil. 6/2008 - 11 Disember 2008

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Berapakah jumlah lesen pemindahan tanah merah (Form 4C) yang telah diluluskan oleh semua Pejabat Tanah dalam tahun 2008? Berikan senarai lengkap mengikut nama pemohon dan alamat, lot dan mukim, keluasan kawasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Lesen mengeluarkan tanah merah yang diluluskan oleh semua Pejabat Tanah secara terperinci dalam tahun 2008 adalah seperti di Lampiran A.

LAMPIRAN A

SENARAI LESEN MENGELUARKAN TANAH MERAH (PERMIT 4C) PADA TAHUN 2008

1) SEBERANG PERAI UTARA

Bil.	Nama Kuari/ Status	Tuanpunya Tanah/Operator	Keluasan	No.Lot / Mukim	Anggaran Baki Jangka Hayat	Catatan / Isu
1.	Nama Kuari : (Tanah Merah)	Tuanpunya Tanah : Koperasi Mahadaya Sdn. Bhd. No: 26-A Jalan Scott, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.	198 Ekar	Lot 1285 Mukim 13 (Bukan Geran First Grade)	10 tahun	Telah diluluskan permohonan pada 3 Disember 2008 dan belum dikeluarkan permit.
2.	Tanah Merah	PMC Sdn.Bhd No.24 Lorong Perda Utama,Bandar Perda,14000Bukit Mertajam	21.6562 Ekar	Lot 1811,1812 Mukim 13		Telah diluluskan permohonan pada 3 Disember 2008 dan belum dikeluarkan permit.
3.	Tanah Merah	Tetuan Lock Huat Holdings		1253 Mukim 13, Geran jenis A		Dalam proses

SENARAI LESEN MENGELUARKAN TANAH MERAH (PERMIT 4C) PADA TAHUN 2008

2) SEBERANG PERAI TENGAH

Bil.	Nama Kuari / Status	Tuanpunya Tanah/Operator	Keluasan	No.Lot / Mukim	Anggaran Baki Jangka Hayat	Catatan / Isu
1.	Tanah Merah	E-Approach Sdn.Bhd 305-306 Blok A,Kelana Business Center, 97,Jalan SS7/2, Kelana Jaya,Selangor.	8.36 ekar (3.383hektar)	925,926,927, 928,961,364, Mukim 11 Daerah Seberang Perai Tengah		Telah dikeluarkan permit pada 28/10/2008.Royalti sebanyak RM 19,516.85

SENARAI LESEN MENGELUARKAN TANAH MERAH (PERMIT 4C) PADA TAHUN 2008

3) SEBERANG PERAI SELATAN

Bil.	Nama Kuari/ Status	Tuanpunya Tanah/Operator	Keluasan	No.Lot/ Mukim	Anggaran Baki Jangka Hayat	Catatan / Isu
1	Tanah Merah	Chua Kok Hian		Lot 839,904&905 Mk 4		Tanah First Grade dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/28
2.	Tanah Merah	Loh Thow Yoong Sdn.Bhd		Lot 343 (Plot B) Mukim 6		Tanah Pertanian dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/49
3	Tanah Merah	Khor Kim Sneah		Lot 1838, 2568&2569 Mukim 11		Tanah Pertanian dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/82
4	Tanah Merah	Motif Unik Sdn.Bhd		Lot 331,332,336,33 9 &340 Mukim 6		Tanah Pertanian dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/25
5	Tanah Merah	Ong See Huat		Lot 40,41,129,134		Tanah Pertanian dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/12
6	Tanah Merah	Asas Dunia Berhad		135,169,170,17 1,213, 267 Mukim 3		Tanah Pertanian dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/50

SENARAI LESEN MENGELUARKAN TANAH MERAH (PERMIT 4C) PADA TAHUN 2008

4) DAERAH TIMUR LAUT

Bil.	Nama Kuari / Status	Tuanpunya Tanah/Operator	Keluasan	No.Lot / Mukim	Anggaran Baki Jangka Hayat	Catatan / Isu
			-T I A	D A -		

SENARAI LESEN MENGELUARKAN TANAH MERAH (PERMIT 4C) PADA TAHUN 2008

5) DAERAH BARAT DAYA

Bil :	Nama Kuari / Status	Tuanpunya Tanah/Operator	Keluasan	No.Lot / Mukim	Anggaran Baki Jangka Hayat	Catatan / Isu
1.	Tanah Merah	Sofinaz Holdings Sdn.Bhd		Lot 628 Mukim 12		Kelulusan oleh PTD Bth:19/02/2008 dan telah dikeluarkan permit.
2.	Tanah Merah	MTT Properties & Development Sdn.Bhd. Suite 7a, 7th floor Wisma MTT, 26 Pengkalan Weld		Sebahagian Lot 255 Mukim 4		Kelulusan oleh PTD Bth:30/04/2008 dan belum menjelaskan bayaran royalti.

3.	Tanah Merah	Assetway Development (m) Sdn.Bhd		Lot 1172,1173-1174, 1179,1180 Mukim 12		Kelulusan oleh PTD Bth :17/11/2008 dan belum menjelaskan bayaran royalti.
4.	Tanah Merah	Shanor Enterprise (m) Sdn.Bhd		Jalan Pintas Bayan Lepas (bypass) dari Jalan Dato' Ismail Hashim ke simpang Batu Maung Mukim 11		Kelulusan oleh PTD Bth:19/01/2009 dan belum menjelaskan bayaran royalti.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Berapakah jumlah permit "Permohonan Kebenaran Mengeluarkan Lebihan Tanah untuk Tujuan Penanaman Semula Pokok Buah-buahan" yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri dalam tahun 2008? Berapakah royalti yang telah dikutip? Sila senaraikan dengan lengkap mengikut nama pemohon dan alamat, lot dan mukim, keluasan kawasan dan jumlah premium dan royalti yang dibayar dalam tahun 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Pengeluaran permit ini adalah di bawah bidang kuasa Pejabat Tanah dan Daerah. Di sepanjang tahun 2008, hanya satu kelulusan Permit 4C dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Seberang Perai Tengah iaitu kepada Lim On Siah beralamat No. 18 Mukim 8, Jalan Tanah Liat, Bukit Mertajam pada 29 Julai 2008. Walau bagaimanapun, kelulusan tersebut telah dibatalkan pada 23 Februari 2009. Bagi daerah-daerah lain, tiada permit seperti ini dikeluarkan pada tahun 2008.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Berapakah jumlah permit kuari dan senaraikan semua jenis kuari yang telah dikeluarkan oleh kerajaan negeri mengikut jenis kuari dalam tahun 2008? Sila senaraikan dengan lengkap mengikut nama pemohon dan alamat, lot, mukim, keluasan kawasan, jumlah premium dan royalti yang dibayar dalam tahun 2008?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Permit kuari yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri mengikut jenis kuari dalam tahun 2008 secara terperinci adalah seperti di Lampiran.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Berapakah jumlah kuari haram dan senaraikan semua jenis kuari yang sedang beroperasi dalam negeri. Nyatakan sebab-sebab tindakan tidak diambil. Nyatakan jumlah premium dan royalti yang kerajaan negeri rugi akibat aktiviti-aktiviti kuari haram?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Terdapat 1 Kuari haram yang sedang beroperasi di Pulau Pinang iaitu Saw Chong Teok Kuari terletak di sebahagian Lot 834 Mukim 12. Tempoh permit kuari tersebut telah tamat tempoh pada 30.1.2006 dan Pejabat Tanah Seberang Perai Tengah telah mengenakan kompaun sebanyak RM500.00

Kuari ini didapati mula beroperasi secara haram sejak tahun 2006 iaitu selepas tamat tempoh sah Permit 4C yang dikeluarkan terdahulu. Bagi tempoh 2006 – 2008, jumlah royalti yang sepatutnya dikutip ialah sebanyak RM197,000.00. Hadil daripada tindakan penguatkuasaan, jumlah royalti tersebut telah berjaya dikutip sepenuhnya oleh Pentadbir Tanah, Daerah Seberang Perai Tengah.

Tentang perkara pengurungan royalti ini sedang disiasat oleh satu Jawatankuasa Khas yang diketuai oleh Y.B. Law Choo Kiang dan operasi kuari ini dihentikan sehingga siasatan siap.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Apakah rancangan komprehensif untuk menghentikan "loopholes" dalam perusahaan kuari? Nyatakan dari segi dasar, proses / prosedur pemberian permit dan undang-undang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pengeluaran Bahan Batuan Negeri Pulau Pinang untuk membincangkan isu-isu kuari dari pelbagai aspek.

Jawatankuasa diberi kuasa membincangkan Peraturan Kuari Negeri Pulau Pinang (PQR) termasuk menyediakan Draf PQR. Draf tersebut telah pun siap dan sedang dalam penelitian jawatankuasa tersebut sebelum dikemukakan semula kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri untuk dirumuskan.

Dengan pewartaan PQR ini kelak, sebahagian besar daripada *loopholes* dalam perusahaan kuari yang berkaitan dengan urusan tanah dapat diatasi.

(b) Ringkasan Proses Kerja Pemberian Permit Kuari seperti di Lampiran A.

LAMPIRAN A

SENARAI SEMAK DAN GARIS PANDUAN BAGI PERMOHONAN PENGELUARAN BAHAN BATUAN DI BAWAH SEKSYEN 72, KANUN TANAH NEGARA 1965

(a) Permohonan diterima daripada permohonan (Form 6 (Rule 17), Jadual 1, Penang Land Rules 2005) Berserta perkara-perkara berikut:

(i) Salinan kad Pengenalan
(ii) Pelan tapak dan pelan lokasi (AI dan A4)
(iii) Salinan Hak milik
(iv) Bil Hasil Semasa
(v) Surat Kuasa Wakil (sekiranya berkaitan)
(vi) Memorandum & Artikel
(viii) Salinan Kelulusan Pelan Kerja Tanah (Sekiranya telah di luluskan)

(b) Permohonan menjelaskan bayaran sebanyak RM500.00 bagi setiap permohonan.

(c) Penolong Pengarah Tanah Daerah menyediakan laporan tanah.

(d) Pentadbiran Tanah mendapatkan ulasan daripada jabatan-jabatan teknikal berikut:-

(i) Jabatan Kerja Raya
(ii) Jabatan Alam Sekitar
(iii) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
(iv) Majlis Perbandaran Seberang Perai/Majlis Perbandaran Pulau Pinang
(v) Jabatan Keselamatan dan kesihatan Pekerja (DOSH)
(vi) Jabatan Mineral dan Geosains

(vii) Pejabat Polis Daerah.

(e) Pentadbir Tanah menyediakan Kertas Jawatankuasa Tanah Negeri dan dikemukakan ke Pejabat Tanah dan Galian (PTG).

(f) Permohonan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengeluaran BahBatuan dan Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri sebelum diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

(g) PTG memaklumkan kelulusan kepada Pentadbir Tanah.

(h) Pentadbir Tanah mengeluarkan kelulusan sekiranya bersesuaian beserta starat syarat Jabatan Teknikal.

- Salinan kelulusan perlulan disalin kepada Jabatan-jabatan teknikal tersebut diatas.

(i) Permohon mengemukakan kelulusan EIA dan kelulusan Pelan Kerja Tanah serta menjelaskan bayaran deposit RM10,000.00 beserta bayaran royalty. Bayaran royalty dikra menggunakan formula berikut:

Keupayaan mesin X 60% x 8 jam sehari X 26 hari x 10 bulan Setahun – 10 % over burden = RM_____ bayaran royalti setahun bahagi 12 bulan berdasarkan bulan ke bulan x *RM3.00 semeter padu.

(bagi tanah-tanah berstatus 1st Grade, bayaran royalty adalah dikecualikan)

(j) Pentadbiran Tanah mengeluarkan Permit 4C.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Berapakah jumlah kes tindakan tatatertib yang dikenakan ke atas kakitangan kerajaan negeri dan PBT dalam tahun 2008? Nyatakan sebab-sebab tindakan dikenakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Pada tahun 2008, sejumlah 24 kes tatatertib dikesan di pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) manakala 40 kes tatatertib direkodkan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Jenis-jenis kesalahan yang dilakukan termasuklah ketidakhadiran bertugas, tidak mengetip kad perakam waktu, datang lewat, cuai dalam melaksanakan tugas dan kesalahan-kesalahan lain di bawah Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Pulau Pinang 1997.

Sebanyak 24 kes bagi PBT telah diselesaikan pada tahun 2008 dan bagi PSUKPP, Jabatan Negeri serta Badan Berkanun Negeri, sebanyak 7 kes telah diselesaikan pada tahun yang sama.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Berapakah jumlah bayaran Over Time yang dibayar oleh kerajaan negeri kepada kakitangan kerajaan negeri dan PBT pada tahun 2007 dan 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Jumlah elaun lebih masa yang telah dibayar kepada kakitangan kerajaan negeri pada tahun 2007 dan 2008 ialah sebanyak RM3,359,881.86 dan RM3,452,117.41 masing-masing.

Perincian berkaitan pembayaran elaun-elaun lebih masa mengikut jabatan adalah seperti berikut :-

BAYARAN ELAUN LEBIH MASA BAGI JABATAN NEGERI
TAHUN 2007 DAN 2008

Jabatan	**Tahun**	
	2007	**2008**
T.01	51,334.88	84,099.90
B.01	1,109,915.83	1,270,686.03
B.02	30,342.08	26,839.06
B.03	44,592.06	47,013.07
B.04	45,793.00	48,287.19
B.05	74,251.20	38,983.13
B.06	79,190.44	65,863.84
B.07	22,360.91	21,748.23
B.08	443,053.97	482,274,05
B.09	40,569.99	47,929.82
B.10	68,978.74	75,315.72
B.11	4,994.74	-
B.12	1,084,532.18	945,824.33
B.13	57,935.08	54,553.45
B.14	10,230.79	9,820.65
B.15	2,853.08	4,528.48
B.16	17,280.19	28,609.68
B.17	20,416.73	21,631.06
B.18	132,764.36	155,358.10
B.19	14,909.01	14,458.85
B.20	3,582.41	8,292.77
JUMLAH	**3,359,881.86**	**3,452,117.41**

Jabatan	Tahun	
	2007 (RM)	2008 (RM)
MPPP	9,946,813.00	11,378,762.00
MPSP	4,200,334.81	4,109,750.91

Bagi MPPP terdapat tiga (3) sebab yang mungkin menyebabkan peningkatan bayaran lebih masa iaitu :

(i) Kenaikan gaji pada pertengahan tahun 2007 yang mengakibatkan kenaikan lebih maa, di mana kiraan lebih masa dibuat atas gaji pokok;

(ii) Permintaan jam lebih masa telah bertambah di jabatan-jabatan MPPP kerana mempunyai jawatan kosong yang tidak dapat diisikan; dan

(iii) Pihak MPPP perlu memberi perkhidmatan asas pada hari cuti awam dan luar waktu pejabat.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Nyatakan kaedah sukatan kuari yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Senaraikan mengikut jenis kuari. Nyatakan apakah rancangan untuk menambah baik kaedah sukatan baru untuk menambah jumlah royalti yang akan dikutip?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. (a) Pihak Berkuasa Negeri di mesyuaratnya pada 21.9.1994 dan disahkan pada 28.1.1994 telah meluluskan kiraan royalti permit bahan batuan berdasarkan formula berikut:-

Keupayaan mesin x 60% x 8 jam sehari x 26 hari x 10 bulan
Setahun – 10% overburden = RM _____ bayaran royalty setahun bahagi 12 bulan ke bulan x RM 3.00 semeter padu.

Formula kiraan tersebut masih diguna pakai sehingga sekarang.

(b) Senarai jenis kuari di Negeri Pulau Pinang seperti di Lampiran A.

(c) Kerajaan Negeri kini sedang memperkemaskan pengurusan pengeluaran permit kuari, termasuk mengkaji semula formula yang diguna pakai bagi kutipan bayaran royalti. Bagi tujuan tersebut satu Jawatankuasa telah pun dibentuk dan beberapa siri mesyuarat telah pun diadakan. Penubuhan Jawatankuasa ini bertujuan untuk membuat penilaian ke atas dasar kuari yang sedia ada, dan membentuk formula yang sesuai bagi meningkatkan kutipan bayaran royalti. Di samping itu, Jawatankuasa ini juga merangka beberapa dasar baru, di antaranya ialah memperkenalkan Peraturan Kuari (Quarry Rules) di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Berapakah jumlah penonton sidang Dewan Undangan Negeri secara online live?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Sepanjang tempoh persidangan DUN yang lalu, sebanyak 62,787 akses oleh orang ramai telah dicatat menonton secara 'live'. Di samping itu, sebanyak 179,932 akses bagi capaian arkib sidang DUN secara 'Video On Demand'. Kemudahan VOD hanya disediakan untuk tempoh sebulan.

SENARAI PERMIT KUARI TAHUN 2008

1) SEBERANG PERAI UTARA

Bil :	Nama Kuari / Status	Tuanpunya Tanah/Operator	Keluasan	No.Lot / Mukim	Anggaran Baki Jangka Hayat	Jumlah Royalti/Catatan (RM)
1.	Nama Kuari : (Tanah Merah)	Tuanpunya Tanah : Ismail Trading & Transport No.16 Jalan 3/3, Taman Seri Indah, B.T 11,Cheras,43200 Selangor. (Koperasi Mahadaya)	198 Ekar	Lot 1285 Mukim 13 (Bukan Geran First Grade)	10 tahun	Telah diluluskan permohonan pada 21 November 2008 dan belum dikeluarkan permit kerana pemohon perlu mematuhi beberapa syarat seperti bayaran deposi ,jalan dan pelan kerja tanah.
2.	Tanah Merah	PMC Sdn.Bhd No.24 Lorong Perda Utama,Bandar Perda,14000Bukit Mertajam	21.6562 Ekar	Lot 1811,1812 Mukim 13		Telah diluluskan permohonan pada 21 November 2008 dan belum dikeluarkan permit kerana pemohon perlu mematuhi beberapa syarat seperti bayaran deposit,jalan dan pelan kerja tanah..

2) SEBERANG PERAI TENGAH

Bil :	Nama Kuari / Status	Tuanpunya Tanah/Operator	Keluasan	No.Lot / Mukim	Anggaran Baki Jangka Hayat	Jumlah Royalti/Catatan (RM)
1.	Boon Sun Seraksi Sdn. Bhd (Granite)	Hanson Kuari Sdn. Bhd.	24,287.00m2	Lot 908, Mukim 20, S.P.T, HS (M)604	5 tahun	10,929.45 sb. (131,153.40 thn)
2.	Kuad Sdn. Bhd. (Granite)	Kuad Sdn. Bhd	201,552.449 m2	PT. 44, Mukim 20, S.P.T HS(D) 1116	14 tahun	42,937.13 sb. (515,245.56 thn)
3.	Batu Tiga Kuari (Granite)	Batu Tiga Kuari	4.677 H	Lot 1509, Mukim 20, S.P.T. HS (D) 1	5 tahun	27,323.77 sb. (327,885.24 thn)
4.	Tar San Kuari (Granite)	Hanson Kuari Sdn. Bhd.	70,487.3284 M2	PT.43, Mukim 20, S.P.T HS(D) 1115	14 tahun	Tidak beroperasi
5.	Teik Granite Kuari Sdn. Bhd. (Granite)	Teik Granite Kuari Sdn. Bhd	707= 2.028A 411= 5.681A	Lot 707,411, Mukim 20		29,275.30 sb. (351,303.60 thn)
6.	Weng Lee Kuari Sdn. Bhd. (Granite)	Weng Lee Kuari Sdn. Bhd.	229= 10.344A; 237=2099.2193 M2; 248= 1.474A; 1488= 5.837 A; 1491= 3.994 A.	Lot 229, 237, 248, 1488 – 1491. Mukim 17		29,275.30 sb. (351,303.60 thn)

7.	Tar San Kuari Sdn. Bhd. (Granite)	Tar San Kuari Sdn. Bhd.	6.81 A	Lot 1263, Mukim 20,		43,912.95 sb. (526,955.40 thn)
8.	Ban Seng Huat Sdn.Bhd (Granite)	Batu Tiga Kuari Sdn.Bhd	1484= 2.356 A; 1475= 2.919 A; 1477= 0.147 A; 238= 1.451 A; 1486= 2.487A.	Lot 1484,1475,1477,238 dan 1486 Mukim 17	5 tahun	27,323..60 sb. (327,883.20 thn)
9.	Saw Chong Teok Kuari Sdn.Bhd (Granite)	Kuari Utama Sdn.Bhd	229.000M2	Sebahagian Lot 834,Mukim 12		39,033.74 sb. (390,337.40) Jan.- Okt.2008
10.	Fuji Strata Sdn.Bhd (dahulu P.W.Mix) (Granite)	Hunza Distripak Sdn.Bhd	19.325 A	Lot 1022,1023, Mukim12		(Dikecualikan bayaran royalti) Tanah First Grade
11.	Foo Yen Soo & Sons Sdn.Bhd (Granite)	Foo Yen Soo & Sons Sdn.Bhd	168= 2.356 A; 177= 1.089 H; 178= 1.446 H; 179= 1.028 H; 1936= 138.00 M2.	Lot167,168,177,178, 179,180 dan 1936 Mukim 20		(Dikecualikan bayaran royalty) Tanah First Grade
12.	Lean Seng Chan Sdn.Bhd (Granite)	Lean Seng Chan Sdn.Bhd	14.012 A	Lot 1019 Mukim 12		(Dikecualikan bayaran royalty) Tanah First Grade
13.	E.Approach Sdn. Bhd.	E.Approach Sdn. Bhd.	8.36 ekar (3.383 hektar)	925,926,927, 928, 961, 365 Mk 11		49,843.90 (Sept-Dis 2008)

14.	Sasmax Quarry Sdn. Bhd.	PBA	9.858 hektar	1010, 1023, 1024 dan 1344 Mk.12		133,000.00(Sejumlah RM800,000 bayaran royalty dikira pada kadar RM1.00 per cubic meter bagi sejumlah 800,000 cubic meter yang dipohon bagi peringkat pertama pelaksanaan projek. Merupakan projek awam untuk maksud membina takungan air. RM133,000.00 adalah bayaran pertama daripada sejumlah 6 kali ansuran .

3) SEBERANG PERAI SELATAN

Bil :	Nama Kuari / Status	Tuanpunya Tanah/Operator	Keluasan	No.Lot / Mukim	Anggaran Baki Jangka Hayat	Jumlah Royalti/Catatan (RM)
1.	Tanah Merah	Chua Kok Hian		Lot 459 Mukim 1	2011	Tanah First Grade dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/28
2.	Tanah Merah	Loh Thow Yoong Sdn.Bhd		Lot 400 &401 Mukim 14	2016	Tanah First Grade dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/68
3.	Tanah Merah	Khor Kim Sneah	3.156 ekar	Lot 839,904&905 Mukim 4	2013	Tanah Pertanian dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/49

4.	Tanah Merah	Motif Unik Sdn.Bhd		Lot 434 (Plot A) Mukim 6	2009	Tanah Pertanian dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/82
5.	Tanah Merah	Ong See Huat	14.608 ekar	Lot 1838, 2568&2569 Mukim 11	2013	Tanah Pertanian dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/25
6.	Tanah Merah	Asas Dunia Berhad	28.418 ekar	Lot 331,332,336,339 &340 Mukim 6	2009	Tanah Pertanian dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/12
7.	Bahan Batuan	Welepeq Sdn.Bhd	81.28 ekar	Lot 40,41,129,134, 135,169,170,171,213,267 Mukim 3	2015	Tanah Pertanian dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/50
8.	Bahan Batuan (Granit)	Pakatan Protim Properties Sdn.Bhd		Lot 407,408 dan 409 Mukim 14	2015	Belum ada permit PTSPS/HG/A/10
9.	Tanah Merah	Motif Unik Sdn.Bhd		Lot 434 (Plot B) Mukim 6	2014	
10.	PDC Nusabina Sdn.Bhd	PDC Nusabina Sdn.Bhd		Lot 176,248,1449 Mukim13	2012	
11.	Zambina Wawasan Sdn.Bhd	PDC Nusabina Sdn.Bhd		Lot 144,275,276,277dan 278 Mukim 13	2011	

4) DAERAH TIMUR LAUT

Bil :	Nama Kuari / Status	Tuanpunya Tanah/Operator	Keluasan	No.Lot / Mukim	Anggaran Baki Jangka Hayat	Jumlah Royalti/Catatan (RM))
1.	Kuari Sementara Wee Lian Construction,Jalan Bukit Dumbar (Granit)	Boon Siew Sdn.Bhd	4.19 Ha	Lot 7595,Mukim 13 Daerah Timur Laut		Dalam proses permohonan borang 4C No Fail: PTTL/PP/G/3267

5) DAERAH BARAT DAYA

Bil :	Nama Kuari / Status	Tuanpunya Tanah/Operator	Keluasan	No.Lot / Mukim	Anggaran Baki Jangka Hayat	Jumlah Royalti/Catatan (RM))
1.	Bahan Batuan (Granit)	Sofinaz Holdings Sdn.Bhd	34.1316 Ekar RM 408,436.00	Lot 277,625,627,628, 629,2342, Mukim 12		Kelulusan melalui PTG/PP/811/JLD 1 (26) Bth. 05/01/1993 dan telah dikeluarkan permit.
2.	Tanah Merah	Sofinaz Holdings Sdn.Bhd	3.2870 Ekar	Lot 628 Mukim 12		Kelulusan oleh PTD Bth:19/02/2008 dan telah dikeluarkan permit.

3.	Bahan batuan (Granit)	MTT Properties & Development Sdn.Bhd. Suite 7a, 7th floor Wisma MTT, 26 Pengkalan Weld	35000 meter padu RM105,000.00	Sebahagian Lot 255 Mukim 4		Kelulusan oleh PTD Bth:30/04/2008 dan belum menjelaskan bayaran royalti.
4.	Tanah Merah	MTT Properties & Development Sdn.Bhd. Suite 7a, 7th floor Wisma MTT, 26 Pengkalan Weld	33600 meter padu RM 33,600.00	Sebahagian Lot 255 Mukim 4		Kelulusan oleh PTD Bth:30/04/2008 dan belum menjelaskan bayaran royalti.
5.	Bahan batuan (Granit)	Minetech Construction Sdn. Bhd.	70.8405 Ekar RM 55,103.37	Lot 202, 236, 403, 516, 711-715, 761,765, 980-983 Mk.11 DBD		Kelulusan oleh PTD Bth:30/04/2008 dan belum menjelaskan bayaran royalti.
6.	Tanah Merah	Assetway Development (m) Sdn.Bhd	3.5697 Ekar	Lot 1172,1173-1174, 1179,1180 Mukim 12		Kelulusan oleh PTD Bth:17/11/2008 dan belum menjelaskan bayaran royalti.
7.	Tanah Merah	Shanor Enterprise (m) Sdn.Bhd	18000 meter padu RM54,000.00	Jalan Pintas Bayan Lepas (bypass) dari Jalan Dato' Ismail Hashim ke simpang Batu Maung Mukim 11		Kelulusan oleh PTD Bth:19/01/2009 dan belum menjelaskan bayaran royalti.

(b) Menjadi Georgetown sebagai salah satu warisan yang disenaraikan oleh UNESCO;

(c) Menaik taraf dan memulihara tempat-tempat pelancongan dengan mengadakan pelbagai program yang melibatkan peringkat antarabangsa;

(d) Meningkatkan tahap kebersihan dan juga keselamatan terutamanya di kawasan pelancongan. Kerajaan negeri dengan kerjasama Polis Pelancong juga bercadang untuk menubuhkan satu jawatankuasa yang berteraskan keselamatan pelancong bagi meningkatkan keyakinan pelancong untuk terus melawat Pulau Pinang; dan

(e) Menghebahkan 10 teras pelancongan yang ada di Pulau Pinang sebagai panduan kepada pelancong. 10 teras berkenaan adalah:

(i) Pelancongan Perubatan

(ii) Pelancongan Kebudayaan, Warisan & Bersejarah

(iii) Pelancongan Pendidikan

(iv) Ibu Pejabat Wilayah bagi MNCs

(v) Pusat MICE

(vi) Eko pelancongan

(vii) Dataran Kulinari

(viii) Pusat Filem, Kebudayaan & Kesenian

(ix) Syurga Membeli-Belah

(x) Pelancongan Sukan

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

30. Berapakah kadar pengangguran di Negeri Pulau Pinang sejak krisis ekonomi kewangan sedunia melanda? Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menambahkan peluang pekerjaan di Pulau Pinang dan nyatakan dalam bentuk statistik mengenai jumlah pekerjaan yang telah hilang dan pekerjaan baru yang diwujudkan dalam tempoh satu tahun fiskal yang lepas?

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Kadar pengangguran di Negeri Pulau Pinang ialah 1.6% bagi tempoh suku tahun ketiga 2008. Rekod terkini bagi tahun 2009 masih belum dikeluarkan oleh Jabatan berkaitan.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menambahkan peluang pekerjaan di Pulau Pinang ialah dengan penubuhan Career Assistance & Training (CAT) Centre. Pihak PDC bekerjasama dengan *invest*Penang dalam mengendalikan CAT Centre ini bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan latihan kepada mereka yang hilang pekerjaan.

Kesan kemerosotan ekonomi global ke atas ekonomi Pulau Pinang adalah sukar untuk dihalang terutamanya apabila sektor pembuatan yang merupakan penggerak utama ekonomi Pulau Pinang turut terjejas. Namun begitu, kerajaan negeri akan terus berusaha untuk menarik pelaburan asing melabur ke Pulau Pinang kerana terdapat juga syarikat-syarikat luar negara yang mencari lokasi yang strategik untuk menempatkan operasi mereka di sini. Di samping itu, kerajaan negeri juga telah mengenal pasti Industri Halal sebagai salah satu sektor berpotensi untuk digalakkan kerana pasarannya yang luas dan sektor ini dilihat sebagai lebih kalis terhadap kegawatan ekonomi.

Berikut adalah statistik yang diberikan oleh Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang berhubung jumlah pekerjaan yang hilang bagi tempoh satu tahun yang lepas:-

JANUARI – DISEMBER 2008

Sektor	Bil. Majikan	Tempatan		Asing		Jumlah	
		L	P	L	P	TEMPATAN	ASING
Pembuatan	64	1363	1774	109	24	3137	133
Perniagaan	31	239	193	31	0	432	31
Perkhidmatan	30	268	108	0	3	376	3
Pembinaan	5	27	2	5	0	29	5
Pengangkutan	2	7	0	0	0	7	0
Jumlah	**132**	**1904**	**2077**	**145**	**27**	**3981**	**172**

Jumlah keseluruhan pekerja yang diberhentikan bagi tahun 2008 adalah seramai 4,153 orang.

Jumlah pekerjaan baru yang diwujudkan pada tahun lalu mengikut data yang diperolehi daripada pihak MIDA adalah sebanyak 22,215 orang.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):

31. (a) Apakah hasil kajian jawatankuasa yang ditubuhkan semasa forum perundingan kerajaan tempatan tentang pilihan raya kerajaan tempatan dan penstrukturan semula kerajaan tempatan?

(b) Setakat manakah cadangan mereka diterima dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

31. (a) Pada 16 Jun 2008, semasa perbincangan di Forum Perundingan Kerajaan Tempatan Pulau Pinang Yang Pertama untuk tahun 2008, isu ini telah dibincangkan. Hasilnya, satu Jawatankuasa Kerja Kerajaan Tempatan telah diwujudkan dan Jawatankuasa ini diminta untuk meneliti sama ada pilihan raya Kerajaan Tempatan perlu diadakan atau sebaliknya berserta penstrukturan semula Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Jawatankuasa ini telah dipengerusikan oleh Dato' Dr. Anwar Faisal.

Hasil kajian daripada Laporan Jawatankuasa Kerja tersebut mencadangkan supaya PBT distruktur semula secara pentadbiran dengan menubuhkan *community councils* di seluruh negeri. Dicadangkan 30 *community council* ditubuhkan untuk Pulau dan 45 lagi untuk Seberang Perai. Setiap *community council* akan dianggotai oleh 7 orang yang dipilih melalui proses pilihan raya. Ahli *community council* terdiri daripada profesional yang pakar dalam bidang tertentu dan bukan ahli politik. Proses pilihan raya akan dikendalikan secara kos rendah oleh PBT dengan nasihat daripada badan pilihan raya persekutuan.

Pihak Berkuasa Negeri juga sedang meneliti apakah yang dinyatakan oleh Perlembagaan Persekutuan dan perundangan lain seperti berikut:-

(i) Akta Pilihan raya Kerajaan Tempatan 1960;

(ii) Akta Darurat (Kuasa-kuasa Esensial) 1964 - Emergency (*Essential Powers*) Act 1964;

(iii) Akta Darurat (Kuasa-kuasa Esensial) 1979 - Emergency (*Essential Powers*) Act 1979;

(iv) Akta Kerajaan Tempatan 1976 - Seksyen 1(4), Seksyen 10, Seksyen 15(1); dan

(v) Perlembagaan Persekutuan - Artikel 75; Artikel 113(4), Senarai Negeri (State List).

Terdapat dua pandangan perundangan mengenai perkara ini. Satu pandangan menyatakan pilihan raya Kerajaan Tempatan boleh dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Negeri tanpa pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan atau Akta Kerajaan Tempatan, 1976. Pandangan yang lain menyatakan Pihak Berkuasa Negeri dilarang melaksanakan pilihan raya Kerajaan Tempatan sehingga Kerajaan Persekutuan meminda Seksyen 15, Akta Kerajaan Tempatan 1976. Akta Kerajaan Tempatan dan memansuhkan Peraturan-peraturan Darurat.

(b) Secara keseluruhan, cadangan Jawatankuasa ini diterima baik oleh ahli-ahli Forum Perundingan Kerajaan Tempatan Pulau Pinang dan orang ramai di Pulau Pinang.

Local Government Elections Working Group (LGEWG) yang ditubuhkan atas arahan kerajaan negeri mencadangkan beberapa langkah untuk *Road Map To Local Government Elections* seperti berikut :

- Kerajaan negeri harus meluluskan usul menyokong untuk tujuan ini;
- Kerajaan negeri harus menyediakan bajet untuk menjalankan aktiviti-aktiviti dan kempen untuk pengundian ahli majlis dan presiden PBT;
- Kerajaan negeri harus membentangkan tujuan mengadakan pilihan raya tempatan kepada Majlis Negara Kerajaan Tempatan;
- Kerajaan Negeri Pulau Pinang hendaklah melantik seorang peguam (pakar dalam perlembagaan) untuk mengkaji arah tuju pilihan raya tempatan dan merayu kepada Mahkamah Tinggi Pulau Pinang; dan
- Kerajaan negeri mengkaji penstrukturan semula PBT.

Kerajaan negeri akan mempertimbangkan cadangan LGEWG di atas untuk dilaksanakan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

32. Apakah rasional Pegawai-Pegawai Daerah digugurkan daripada menjadi Ahli Majlis Perbandaran oleh kerajaan negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

32. Peraturan pemilihan Ahli Majlis terkandung dalam Seksyen 10 Akta Kerajaan Tempatan yang memperuntukkan bahawa Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri. Bilangan maksima Ahli Majlis sesebuah Majlis Perbandaran ialah dua puluh empat (24) dan manakala minima ialah lapan (8).

Akta Kerajaan Tempatan tidak mewajibkan Pegawai Daerah dilantik sebagai Ahli Majlis. Tujuan seksyen 10(2) Akta Kerajaan Tempatan diguna pakai bagi pelantikan Ahli Majlis yang berbunyi seperti berikut:

Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dilantik dari antara orang-orang yang bilangan terbesar daripada mereka hendaklah orang-orang yang biasanya bermastautin dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu dan yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal Kerajaan Tempatan atau yang telah memperoleh kejayaan terpuji dalam sesuatu profesion, perdagangan atau perindustrian, atau pun yang mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan-kepentingan kaum-kaum mereka dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu.

Rasional kerajaan negeri dalam pemilihan Ahli Majlis baru untuk menggantikan jawatan yang dikosongkan Pegawai Daerah bagi memberi peluang kepada calon tempatan yang memahami isu tempatan. Dengan memahami isu tempatan, ini memudahkan mereka untuk mewakili kepentingan penduduk setempat.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

33. Apakah tindakan yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri untuk menangani masalah kegawatan ekonomi global kali ini? Sila huraikan secara terperinci rancangan kontingensi yang telah diatur oleh kerajaan negeri untuk menghadapi sebarang kemungkinan dalam masa beberapa tahun akan datang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

33. Saya memohon izin Tuan Speaker untuk mencantumkan kedua-dua soalan ini, iaitu ID 20, Rujukan Fail 2-1 dan ID 49, Rujukan Fail 8-2 kerana jawapan bagi soalan-soalan ini berkaitan.

(a) Di dalam usaha untuk menghadapi kemelesetan ekonomi dunia, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil beberapa langkah-langkah seperti berikut:

(i) Menawarkan insentif-insentif untuk menggalakkan pelaburan asing kerajaan negeri juga sedang mempertimbangkan beberapa insentif lain untuk ditawarkan kepada pelabur asing iaitu:-

(ii) Skim harga tanah perindustrian Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang kompetitif ditawarkan kepada pelabur asing yang ingin melabur dalam projek-projek yang strategik.

(ii) Fleksibiliti dalam skim pembayaran bagi tanah perindustrian PDC untuk membantu industri tempatan yang sedang menghadapi masalah dalam pemasaran dan operasi perniagaan mereka.

(iii) Pemberian diskaun untuk pembayaran cukai tanah dan caj air sepanjang tempoh kemelesetan ekonomi.

(iv) Bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan pakej insentif istimewa seperti “Matching Grant”, “Soft Loan” dan “Industrial Building Subsidy” untuk terus menggalakkan pelaburan asing.

(v) Membolehkan pihak ketiga membeli tanah industri dan membangunkan bangunan industri.

(b) Menggalakkan pembangunan EKS tempatan

Pada masa yang sama Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga mengambil beberapa usaha untuk memastikan pembangunan Enterprise Kecil dan Sederhana (EKS) tempatan tidak terjejas dengan kemelesetan ekonomi yang melanda dunia. Antara usaha-usaha kerajaan negeri ialah:

(i) Program Bimbingan EKS

Program ini disokong oleh SMIDEC dan dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC). Program ini memberi bimbingan dan pementoran perniagaan kepada syarikat-syarikat EKS yang dikenal pasti bagi meningkatkan daya saing syarikat-syarikat EKS ini.

(ii) Program Intervensi EKS

Kemahiran teknologi maklumat, penekanan kepada budaya berdaya kualiti dan pengurusan perniagaan yang berkesan merupakan bidang yang diberi fokus di bawah program ini untuk memperkembangkan EKS tempatan.

(iii) Penubuhan Pusat Kemudahan Kongsi Sepunya

Pusat Latihan dan Reka Bentuk Barangan Kemas telah berjaya ditubuhkan khas untuk meningkatkan kualiti industri pembuatan barangan kemas melalui infrastruktur perisian.

(iv) Mengadakan seminar dan dialog kepada EKS

Seminar dan dialog yang dilaksanakan memberi fokus kepada strategi dan langkah-langkah untuk mengatasi krisis kemelesetan ekonomi.

(v) Memulihkan klaster-klaster industri yang sedia ada

Klaster-klaster industri yang sedia ada seperti PAC (*Penang Automation Cluster*), SCoPe (*Software Consortium of Penang*), PRFC (*Penang Radio Frequency Cluster*) dan techBiz Penang akan dipulihkan dan diperkembangkan peranan mereka bagi merealisaikan hasrat kerajaan negeri untuk mewujudkan ekonomi mampan bagi Pulau Pinang.

(vi) Mengadakan dialog dengan institusi-institusi kewangan, badan-badan kerajaan dan EKS

Memandangkan kesulitan beberapa EKS untuk memperoleh bantuan kewangan, pihak kerajaan negeri telah mengambil inisiatif untuk mengadakan dialog antara institusi-institusi kewangan, badan-badan kerajaan dan EKS untuk membuka jalan perundingan bagi menjamin dana.

(c) Mengurangkan kesan pengangguran

Dalam menghadapi krisis ekonomi, kerajaan negeri telah mengambil langkah pro-aktif untuk mengurangkan kesan pengangguran yang akan berlaku di Negeri ini. Semasa pembentangan Bajet 2009 dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada bulan November lalu, kerajaan negeri telah mencadangkan dana sejumlah RM10 juta bagi tujuan mengurangkan kesan krisis ekonomi dengan menyediakan pekerjaan, pekerjaan sementara, peluang latihan serta peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur.

Kerajaan negeri turut mengambil langkah pro-aktif untuk mengurangkan kesan pengangguran ekoran krisis ekonomi yang melanda. Semasa pembentangan Bajet 2009 dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada bulan November lalu, kerajaan negeri telah mencadangkan dana sejumlah RM10 juta bagi tujuan mengurangkan kesan krisis ekonomi dengan menyediakan pekerjaan, pekerjaan sementara, peluang latihan serta peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur.

Seterusnya pada bulan Januari yang lalu, kerajaan negeri telah mengumumkan penubuhan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang (*Penang Career Assistance and Training Centre* [CAT]) yang telah dirasmikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada bulan Mac 2009.

Pusat CAT ini bertanggungjawab untuk:-

- Memadankan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta para penganggur dengan peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan pusat CAT;

- Memadankan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta para penganggur dengan program latihan yang telah dikenal pasti;

- Dan bekerjasama dengan ahli-ahli pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan.

Pusat CAT diuruskan oleh *invest*Penang dengan sokongan daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Sehingga 24 Mac 2009 seramai 851 orang telah berdaftar dengan pusat CAT. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 2,683 jawatan kosong telah didaftar dengan pusat ini. Kebanyakan jawatan kosong ini ialah untuk sektor perkilangan. Lanjutan dari itu, seramai 471 pendaftar yang berkelayakan telah dipadankan dengan jawatan-jawatan kosong daripada syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

34. Berapakah jumlah permohonan pertukaran syarat tanah dari *leasehold* ke *freehold* yang diterima oleh PTG? Berapakah jumlah yang telah diluluskan, sedang diproses dan ditolak. Secara purata, berapa lamakah masa untuk memproses permohonan tersebut diambil?

Y.A.B. Ketua Menteri:

34. Sehingga 30 Mac 2009, pentadbiran tanah telah menerima sebanyak 123 permohonan untuk penukaran syarat pegangan tanah kepada status *freehold* seperti berikut:-

Daerah	Jumlah Permohonan
Seberang Perai Selatan	0
Seberang Perai Tengah	43
Seberang Perai Utara	10
Daerah Timur Laut	61
Daerah Barat Daya	9
JUMLAH	**123**

Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Negeri masih belum meluluskan sebarang permohonan tersebut memandangkan masih terdapat isu dari segi perundangan yang perlu diselesaikan dengan Kerajaan Persekutuan. Perbincangan lanjut dengan Kerajaan Persekutuan akan diadakan di dalam Majlis Tanah Negara.

Secara purata, tempoh masa untuk memproses satu permohonan iaitu bermula dari permohonan diterima sehingga diangkat ke Pejabat Tanah dan Galian (PTG) adalah 2 bulan.

Jadual 1 : Sumber, Prosedur dan KPI dalam pengurusan pengaduan awam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Sumber Aduan	Prosedur	KPI (norma masa)
Sistem PINTAS	i Terima dan agih aduan kepada jabatan/agensi negeri	1 hari bekerja
	ii Jabatan mengemukakan maklumbalas yang dipaparkan dalam sistem PINTAS	14 hari bekerja
	iii Maklumbalas dipaparkan dalam sistem PINTAS bagi jabatan/agensi yang tidak mempunyai akses kepada sistem PINTAS, contohnya jabatan/agensi persekutuan	1 hari bekerja
Saluran alternatif (surat, telefon, faks, emel)	i Terima dan agih aduan kepada jabatan/agensi persekutuan atau badan swasta/korporat	1 hari bekerja
	ii Jabatan dikehendaki mengemukakan maklumbalas dalam tempoh masa yang ditetapkan	10 hari bekerja
	iii Maklumbalas dipanjangkan kepada pengadu melalui surat, emel, telefon atau faks	< 2 hari bekerja
Warkah untuk Perdana Menteri	i Aduan dipanjangkan melalui emel oleh pihak Biro Pengaduan Awam cawangan negeri atau ibu pejabat yang kemudiannya diagihkan kepada jabatan/agensi negeri.	1 hari bekerja
	ii Jabatan dikehendaki mengemukakan maklumbalas dalam tempoh yang ditetapkan	3 hari bekerja
	iii Maklumbalas dipanjangkan terus kepada pengadu oleh jabatan/agensi berkaitan melalui emel dan disalinkan kepada pihak PSUKPP dan BPA	< 1 hari bekerja
Aduan Biro Pengaduan Awam	i Terima dan agih aduan kepada jabatan/agensi negeri	1 hari bekerja
	ii Jabatan dikehendaki mengemukakan maklumbalas / status kes aduan kepada pihak BPA	5 hari bekerja

Jadual 2 : Data Pengaduan Awam Negeri bagi tahun 2007 dan 2008 mengikut Sumber Aduan

Sumber	Tahun	Jumlah Aduan Yang Diterima	Bilangan aduan diselesaikan / Peratus Penyelesaian
Sistem PINTAS	2007	230	225 (98%)
	2008	362	351 (97%)
Saluran alternatif (surat, faks, emel, telefon dan sistem aduan jabatan/agensi e.g. MPPP dan MPSP	2007	9396	9396 (100%)
	2008	9930	9136 (92%)

Aduan Biro Pengaduan Awam	2007	88	88 (100%)
	2008	211	211 (100%)
Warkah untuk Perdana Menteri	2007	0 (WUPM hanya diwujudkan mulai Mac 2008)	0 (0%)
	2008	107	107 (100%)

Jadual 3 : Kadar penyelesaian aduan bagi tahun 2007 dan 2008

Tahun	**Bilangan aduan diterima**	**Bilangan aduan / Peratus Penyelesaian**
2007	9,714	9,709 (99.9%)
2008	10,610	9,805 (92.4%)

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

35. Kelembapan pertumbuhan ekonomi dunia merupakan penyebab utama kebanyakan kilang dan industri terjejas. Adakah kerajaan negeri mempunyai pelan tindakan bagi meringankan beban ekonomi Negeri Pulau Pinang? Senaraikan kilang yang telah ditutup dan diramalkan akan ditutup. Sila nyatakan jumlah pekerja yang menganggur dan jumlah pekerja asing yang telah dihantar balik ke negara mereka.

Y.A.B. Ketua Menteri:

35. (a) Pelan tindakan kerajaan negeri bagi meringankan beban ekonomi yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-

(i) Meluluskan dana berjumlah RM10 juta bagi mengurangkan kesan krisis ekonomi dengan menyediakan penempatan pekerjaan sementara serta latihan dan peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur.

(ii) Menubuhkan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang (*Penang Career Assistance and Training Centre* [CAT]). Pusat CAT ini telah dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri pada bulan Mac 2009.

(iii) Menghubungkan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari pekerjaan dengan peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan pusat CAT.

(iv) Mengenal pasti program latihan yang bersesuaian untuk ditawarkan kepada pekerja yang telah diberhentikan.

(v) Bekerjasama dengan ahli-ahli pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan juga peluang perniagaan.

Pusat CAT diuruskan oleh *invest*Penang dengan mendapat sokongan padu daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPPP), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Untuk makluman, sehingga 24 Mac 2009 seramai 851 orang telah berdaftar dengan pusat CAT. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 2,683 buah kekosongan jawatan turut didaftarkan dengan pusat ini. Kebanyakan jawatan-jawatan kosong ini adalah untuk sektor perkilangan. Lanjutan dari itu, seramai 471 pendaftar yang berkelayakan telah dihubungkan ke syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka.

Selain itu, kerajaan negeri juga telah mengambil langkah-langkah berikut bagi mengatasi kesan kemelesetan ekonomi:

(i) Fleksibiliti dalam skim pembayaran bagi tanah perindustrian PDC bagi membantu pekerja industri untuk memulakan serta membantu dalam pemasaran dan operasi perniagaan mereka.

(ii) Menawarkan Program Bimbingan EKS. Program ini disokong oleh SMIDEC dan dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC). Program ini memberi bimbingan dan pementoran perniagaan kepada mereka yang ingin memulakan syarikat Enterprise Kecil Sederhana (EKS) di samping meningkatkan daya saing syarikat-syarikat EKS ini.

(iii) Menawarkan Program Intervensi EKS di mana kemahiran teknologi maklumat diberikan agar budaya berdaya kualiti dan pengurusan perniagaan yang berkesan dapat memperkembangkan perniagaan mereka.

(iv) Menubuhkan Pusat Latihan dan Reka Bentuk Barangan Kemas untuk meningkatkan kualiti pembuatan barangan kemas bagi mereka yang berminat melalui infrastruktur perisian.

(v) Mengadakan seminar dan dialog kepada EKS yang memberi fokus kepada strategi dan langkah-langkah untuk maju dalam perniagaan.

(vi) Selain itu, kerajaan negeri juga telah mengambil inisiatif untuk mengadakan dialog antara institusi-institusi kewangan, badan-badan kerajaan dan EKS untuk membuka jalan perundingan bagi mereka yang memerlukan bantuan kewangan dan modal perniagaan.

(b) Kesan dari kemelesetan ekonomi, sebanyak 9 buah kilang telah ditutup. Mengikut data yang diperoleh dari Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang, kilang-kilang yang terlibat ialah Lednium Sdn Bhd, Sincere Apparel (MFG) Co. Sdn Bhd., BCL Packaging S/B, Sunrock Steel Centre (M) Sdn. Bhd, Seapack Food Sdn Bhd, E-Green Technology Sdn Bhd, BM Trans Services, Trim Technologies (M) Sdn Bhd dan Sadasanwa Engineering (M) Sdn Bhd. Data berhubung kilang yang diramal akan ditutup tidak dapat disediakan memandangkan ia bergantung kepada kemampuan kilang tersebut untuk beroperasi di dalam kegawatan ekonomi.

(c) Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Suku Ketiga 2008, Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran di Pulau Pinang adalah sebanyak 1.6 peratus, bersamaan dengan 11,100 orang penganggur. Jumlah pekerja asing yang berada di Pulau Pinang yang telah dihantar balik ke negara masing-masing pada tahun 2008 adalah seramai 3,028 orang manakala seramai 741 orang telah dihantar pulang sepanjang tempoh Januari hingga Mac 2009.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):

36. Apakah insentif-insentif baru yang akan disediakan oleh Kerajaan Pulau Pinang dalam tempoh masa lima tahun ini untuk menarik dan mengekalkan pelaburan asing?

(a) Nyatakan insentif-insentif dan pakej yang berkenaan.

(b) Nyatakan kelebihan-kelebihan insentif dan pakej yang sedia ada

Y.A.B. Ketua Menteri:

36. (a) Insentif-insentif baru pelaburan diberikan oleh kerajaan negeri dalam masa lima tahun untuk menarik dan mengekalkan pada pelabur asing ialah:-

(i) Skim harga tanah yang kompetitif ditawarkan kepada pelabur asing yang ingin melabur dalam projek-projek yang strategik;

(ii) Fleksibiliti di dalam skim pembayaran untuk membantu industri tempatan yang sedang menghadapi masalah dalam pemasaran dan operasi perniagaan mereka;

(iii) Pemberian diskaun untuk pembayaran cukai tanah dan caj air sepanjang tempoh kemelesetan ekonomi;

(iv) Bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan pakej insentif istimewa seperti Matching Grant, Soft Loan dan Industrial Building Subsidy untuk terus menggalakkan pelaburan asing; dan

(v) Membolehkan pihak ketiga membeli tanah industri dan membangunkan bangunan industri.

(b) Berdasarkan keadaan ekonomi dan keperluan semasa pelabur asing, insentif-insentif yang telah disediakan pada ketika ini dapat menepati kehendak dan permintaan pelabur-pelabur. Insentif-insentif ini adalah fleksibel berdasarkan persetujuan di antara kerajaan negeri dan pelabur supaya ia lebih kompetitif.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman):

37. Apakah pendirian dan tindakan kerajaan negeri berhubung dengan isu pemberhentian pekerja kontrak di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang baru-baru ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

37. Pada 31 Disember 2008, Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) telah menamatkan perkhidmatan 13 orang kakitangan yang berjawatan kontrak dengan memberi satu bulan notis sebagaimana yang diperuntukkan dalam PERJANJIAN PEGAWAI-PEGAWAI KONTRAK Klausa 9. Penamatan kontrak kakitangan yang terlibat adalah disebabkan oleh prestasi yang rendah dan kes tatatertib.

Daripada 13 orang kakitangan kontrak yang telah ditamatkan perkhidmatan, hanya dua (2) orang sahaja yang membuat rayuan. Atas dasar keprihatinan, pihak PPAPP telah pun menawarkan balik jawatan Pembantu Perpustakaan di Perpustakaan Desa Telok Tempoyak mulai 3 Februari 2009 di mana petugasnya telah meletak jawatan. Walau bagaimanapun, tawaran tersebut telah ditolak.

Pihak PPAPP juga telah memohon kerjasama Jabatan Tenaga Kerja untuk memberi keutamaan kepada kakitangan yang terlibat untuk mendapatkan pekerjaan. Pada masa yang sama, kes ini telah dirujuk kepada pihak Biro Pengaduan Awam (BPA). Pihak BPA telah mencadangkan agar kes tersebut ditutup. Ini adalah kerana, penamatan sesuatu kontrak adalah di bawah bidang kuasa Ketua Jabatan maka tindakan penamatan yang diambil tidak menyalahi mana-mana peraturan. Berdasarkan maklumat semasa, pihak PPAPP telah dimaklumkan bahawa lapan (8) daripada kakitangan yang terlibat telah pun bekerja dengan pelbagai agensi yang lain.

Senarai Kakitangan Yang Ditamatkan Perkhidmatan Pada 31 Disember 2008
Kakitangan Yang Tamat Kontrak Pada 31 Januari 2009 Dan Tidak Disambung

Bil	BUTIR-BUTIR KAKITANGAN
1	Nama : En. Mohd Anizam Bin Ahmad Jawatan : Penolong Pegawai Tadbir Bahagian : Perancang Dan Pembangunan Tarikh Lantikan : 1 Februari 2007 Status Jawatan : Kontrak Kelulusan : Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (K) Tempat Bertugas Sekarang : Penolong Pegawai Perpustakaan Di Perpustakaan Desa Siber Ilmu Permatang Pauh.
2	Nama : Puan Ruzita Binti Ahmad Jawatan : Pembantu Perpustakaan Unit : Pendokumentasian Dan Teknikal Tarikh Lantikan : 1 Februari 2002 Status Jawatan : Kontrak Kelulusan :STPM (1P, 3R) Tempat Bertugas Sekarang : Guru KAFA
3	Nama : Puan Nor Haniza Binti Zulkifli Jawatan : Pembantu Perpustakaan Cawangan : George Town Tarikh Lantikan : 1 Februari 2002 Status Jawatan : Kontrak Kelulusan :SPM (A2, C3, C4-2, C5-2,C6-2, G9) Tempat Bertugas Sekarang : Butik Pakaian

4	Nama : Encik Mohd Sanusi Bin Ayub Jawatan : Pembantu Perpustakaan Unit : Perolehan Koleksi Tarikh Lantikan : 1 Februari 1996 Status Jawatan : Kontrak Kelulusan : SPM – Gred 3 Tempat Bertugas Sekarang : Syarikat Jualan Kereta Proton.
5	Nama : Cik Norfariza Bte Rahim Jawatan : Pembantu Am Pejabat Unit : Pendokumentasian Dan Teknikal Tarikh Lantikan : 1 Februari 2002 Status Jawatan : Kontrak Keputusan Peperiksaan : SPM (Gred 3) Tempat Bertugas Sekarang : Berpindah ke Kuala Lumpur
6	Nama : Puan Rehan Azila Binti Che Mat Jawatan : Pembantu Am Pejabat Unit : Pendokumentasian Dan Teknikal Tarikh Lantikan : 1 Februari 2008 Status Jawatan : Kontrak Keputusan Peperiksaan : SPM (C6-2, 7D dan 8E-2) Tempat Bertugas Sekarang : Bank Rakyat

Senarai Kakitangan Di Mana Kontrak Tamat Antara April – Oktober 2009 Ditamatkan Kontrak Pada 31 Januari 2009

Bil	BUTIR-BUTIR KAKITANGAN
1	Nama : En. Muhammad Shah Bin Ismail Jawatan : Pembantu Perpustakaan Cawangan : Bukit Mertajam Tarikh Lantikan : 1 Mei 2002 Status Jawatan : Kontrak Keputusan Peperiksaan : SPM (A2, C3-4,C6-2,P7-2) Tempat Bertugas Sekarang : Pos Laju, Pos Malaysia
2	Nama : Puan Norlela Binti Abdul Hamid Jawatan : Pembantu Perpustakaan Unit : Perolehan Koleksi Tarikh Lantikan : 1 Jun 2002 Status Jawatan : Kontrak Keputusan Peperiksaan : SPM Gred 2 Tempat Bertugas Sekarang : Tiada Maklumat
3	Nama : Puan Rohaiza Binti Othman Jawatan : Pembantu Perpustakaan Unit : Perolehan Koleksi Tarikh Lantikan : 1 November 2008 Status Jawatan : Kontrak Keputusan Peperiksaan : SPM Gred 1 Tempat Bertugas Sekarang : Tiada Maklumat
4	Nama : Puan Norhafizah Binti Ani Jawatan : Pembantu Perpustakaan Bahagian : Teknologi Maklumat Tarikh Lantikan : 1 September 2003 Status Jawatan : Kontrak Keputusan Peperiksaan : Diploma Sains Komputer Tempat Bertugas Sekarang : Tiada Maklumat

5	Nama : Puan Amelia Binti Che Rus Jawatan : Pembantu Perpustakaan Cawangan : George Town Tarikh Lantikan : 1 Julai 2007 Status Jawatan : Kontrak Keputusan Peperiksaan : SPM Gred 3 (A2, C6, P7 & P8) Tempat Bertugas Sekarang : Tiada Maklumat
6	Nama : Encik Ibrahim Bin Ismail Jawatan : Pembantu Am Pejabat Unit : Perolehan Koleksi Tarikh Lantikan : 1 Jun 2001 Status Jawatan : Kontrak Keputusan Peperiksaan : SPVM (C6, P7-2, P8) Tempat Bertugas Sekarang : Kontraktor
7	Nama : Encik Mohd Shariff Bin Ahmad Jawatan : Pembantu Am Pejabat Unit : Perpustakaan Bergerak Tarikh Lantikan : 1 November 1995 Status Jawatan : Kontrak Keputusan Peperiksaan : SPM (SAP) Tempat Bertugas Sekarang : Berniaga

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

38. Kes jenayah seperti pecah rumah, pecah cermin kereta, meragut, menyamun sering berlaku. Adakah PDRM mempunyai langkah-langkah yang positif untuk menangani masalah keselamatan yang dihadapi oleh orang awam di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

38. Kerajaan dengan kerjasama pihak polis dan pihak berkuasa tempatan telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk menangani masalah keselamatan yang dihadapi oleh orang awam. Di antara langkah-langkah yang diambil adalah :

(i) Pemasangan CCTV bertujuan untuk memudahkan pemantauan kes-kes ragut, samun dan jenayah yang lain;

(ii) Pemasangan lampu jalan bertujuan untuk menerangi kawasan yang menjadi tumpuan penjenayah;

(iii) Pertingkatkan masyarakat dalam membantu pihak polis dari masa ke semasa. Ini termasuk mengadakan kempen, ceramah dan pelancaran semula Rakan Cop untuk menyedarkan masyarakat betapa pentingnya mengawal harta benda dan nyawa sendiri;

(iv) Pelaksanaan strategi pencegahan jenayah yang berkesan melalui operasi-operasi berkala yang berterusan di semua peringkat daerah dengan mensasarkan jenayah yang menjadi penyumbang utama indeks;

(v) Penambahan anggota polis beruniform, membuat rondaan bit jalan kaki dan bermotosikal dan rondaan kereta peronda yang ada di setiap zon dalam usaha pencegahan jenayah terutamanya di kawasan-kawasan perumahan dan kawasan tumpuan orang ramai; dan

(vi) Pendekatan bersama masyarakat (antaranya polis bersama pelanggan, hebahan media masa dan media cetak) dalam usaha memerangi jenayah terutamanya menerusi maklumat yang disalurkan dan terus dikaji serta diambil tindakan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

39. Kerajaan Pakatan Rakyat berjanji akan memastikan bahawa Tol Sungai Nyiur akan dimansuhkan tetapi sehingga kini masih menjadi tanda tanya. Kerajaan negeri yang dahulu telah berjanji bahawa jalan-jalan alternatif akan dibina. Oleh itu bilakah baki jalan-jalan alternatif itu akan disiapkan oleh kerajaan negeri sekarang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

39. Pembinaan Plaza Tol Sungai Nyior merupakan salah satu dari 4 pakej BORR. Kutipan tol telah berkuat kuasa pada 1 September 2007 pada kadar RM0.90. Disebabkan bantahan penduduk, kutipan tol tidak dimansuhkan tetapi ditangguhkan sehingga 15 Februari 2008 dengan pemberian subsidi sebanyak RM0.40. Kadar baru yang dikenakan ialah RM0.50 sahaja.

Pengurangan kadar ini telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri dan tidak akan melibatkan pindaan kepada perjanjian memandangkan Syarikat Lingkaran Luar Butterworth (Penang) Sdn. Bhd. (LLBPSB) akan mendapat balik jumlah sebenar melalui bayaran subsidi oleh Kerajaan Persekutuan yang dianggarkan berjumlah RM7.8 juta setahun.

Hal berkaitan tol telah termaktub di dalam Perkara 17 Perjanjian Konsesi antara Kerajaan Persekutuan dengan Syarikat Lingkaran Luar Butterworth (Penang) Sdn. Bhd. (LLBPSB) telah ditandatangani pada bulan April 1997 dan ianya di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Penghapusan tol perlulah mendapat kelulusan dari Kabinet.

Sebagai jalan alternatif kepada penduduk, kerajaan negeri telah membina sambungan jalan sepanjang 300 meter dari Jalan Todak ke Jalan Chain Ferry dan telah disiapkan sepenuhnya pada 30 April, 2007 dengan kos RM 1, 947,000.00 dan dibuka pada 16 Mei 2007.

Cadangan untuk membina jalan baru untuk menyambungkan Jalan Bagan 29 ke Jalan Siram, Seberang Perai Utara. Projek ini masih dalam perancangan iaitu pada masa ini sedang menentukan jajaran dan kaedah pelaksanaannya.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

40. Berapakah jumlah projek-projek yang telah diluluskan di KADUN Tanjong Bungah di kawasan lereng bukit. Berapakah jumlah pokok yang telah ditebang dalam setiap projek itu di bawah 35H " Town and Country Planning Act 1976?

Y.A.B. Ketua Menteri:

40. Sejumlah sembilan (9) buah projek di kawasan lereng bukit yang telah diluluskan di KADUN Tanjung Bungah di mana pokok-pokok yang melebihi 0.8m ukur lilit adalah dibenarkan untuk ditebang. Senarai nama projek tersebut adalah seperti di Lampiran.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

41. Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memberi pampasan bulanan iaitu dalam bentuk wang tunai kepada nelayan yang mengalami kemerosotan pendapatan akibat aktiviti pembuangan selut (mud) yang terlibat dengan Projek Pembinaan Jambatan Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

41. Kerajaan negeri tidak bercadang untuk memberi pampasan bulanan kepada nelayan yang mengalami kemerosotan pendapatan akibat pembuangan selut dari kerja-kerja pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

42. Bagi mengatasi masalah rumah atau tempat tinggal orang-orang miskin, bolehkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang menggunakan wang zakat atau Baitul Mal untuk membeli tanah, kemudian dibuat lot-lot untuk disewa tapak kepada orang miskin di sekitar komuniti tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

42. Setelah dirujuk kepada Sahibus Samahah Mufti Pulau Pinang, beliau berpendapat bahawa wang zakat boleh digunakan untuk membeli tanah bagi tujuan membantu golongan miskin seperti menyediakan tapak lot rumah atau membina rumah untuk mereka di bawah asnaf fakir dan miskin. Walau bagaimanapun, cadangan ini mestilah sesuai dan praktikal mengikut keadaan dan tempat. Misalnya, jika harga tanah di kawasan tersebut tinggi, adalah tidak praktikal untuk melaksanakan cadangan ini. Kerajaan negeri melalui Majlis Agama Islam Pulau Pinang sangat mengalu-alukan sekiranya Y.B. dapat mencadangkan mana-mana tanah yang dikenal pasti dan sesuai untuk melaksanakan cadangan ini.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah bnti Wahab):

43. Berapa ramai atlet Orang Kurang Upaya (OKU) di Pulau Pinang? Sila nyatakan pecahan mengikut jantina, keturunan, umur dan jenis sukan. Apakah kejohanan yang mereka sertai dan kejayaan yang diperolehi serta insentif daripada kerajaan negeri? Apakah kemudahan yang disediakan kepada mereka untuk menjalani latihan dan untuk menyertai kejohanan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

43. Terdapat seramai 109 atlet orang kurang upaya di Pulau Pinang. 76 atlet lelaki dan 33 atlet wanita. Dari segi komposisi kaum pula terdapat 60 atlet Melayu, 38 Cina dan 11 India. Sembilan jenis sukan dipertandingkan iaitu, olahraga, renang, tenpin *bowling*, *bowling* padang, badminton, boccia, *powerlifting*, *goalball* dan tenis kereta roda. Sementara itu dari segi had umur pula seramai 30 atlet bagi kategori 10 – 20 tahun; 38 atlet yang umur 21 – 30 tahun; 26 atlet yang berumur 31 – 40 tahun, 8 atlet berumur 41 – 50 tahun manakala 7 atlet melebihi umur 51 – 60 tahun.

Kejohanan yang disertai ialah Kejohanan Sukan Paralimpiad Malaysia ke 14 pada 3 hingga 9 Mei 2008 di Kuala Lumpur dengan mendapat 49 pingat emas, 21 pingat perak dan 24 pingat gangsa dengan menduduki tempat ke 2 bagi keseluruhan kontinjen.

Untuk memastikan para atlet orang kurang upaya ini terus maju dalam bidang sukan, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah pun menubuhkan satu unit khas bagi menjaga kebajikan para atlet ini. Seorang Penyelaras telah ditugaskan untuk menyelaras segala bantuan, penyertaan serta keperluan atlet orang kurang upaya ini.

Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah memberi pengiktirafan dan sumbangan kepada atlet kurang upaya di dalam Majlis Anugerah Sukan, Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 18 November 2008. Anugerah Khas Paralimpiad telah diberikan untuk memberi pengiktirafan dan sokongan kepada atlet orang kurang upaya. Atlet renang bagi acara paralimpiad iaitu Encik Kwong Kong Thye telah memenangi anugerah ini dan beliau memenangi wang tunai sebanyak RM1,000.00, kalung pemenang dan sijil penghargaan dari TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Di samping itu juga, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan Jamuan Makan Malam untuk atlet orang kurang upaya di Tanjong Bunga Beach Hotel pada 24 Oktober 2009 bagi meraikan kejayaan Kontinjen Pulau Pinang menduduki tempat kedua [2] secara keseluruhan di Kejohanan Sukan Paralimpiad Malaysia Ke 14. Pada majlis tersebut semua atlit yang berjaya telah diberi sijil penghargaan di atas kejayaan mereka.

Kemudahan latihan yang disediakan untuk kegunaan atlet orang kurang upaya adalah pusat gimnasium dan dewan-dewan serba guna yang terdapat di Kompleks Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan Kompleks Belia & Sukan Batu Uban. Selain daripada itu, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang juga menyediakan kenderaan Majlis untuk kegunaan atlit orang kurang upaya bagi mereka menyertai pertandingan dan kejohanan peringkat negeri dan kebangsaan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin):

44. Selain Tiger Park yang dicadangkan di Relau, adakah kerajaan negeri mempunyai apa-apa cadangan lain untuk menambahkan lokasi eko-pelancongan (*eco tourism*) di KADUN Paya Terubong secara spesifik dan di Pulau Pinang secara amnya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

44. Ekopelancongan merupakan sektor penyumbang kepada ekonomi negeri. Justeru kerajaan negeri sentiasa berusaha untuk menambah baik dan juga mewujudkan tempat-tempat pelancongan baru di negeri ini bagi menarik lebih ramai pelancong luar melawat negeri ini.

Salah satu daripadanya adalah cadangan untuk menubuhkan Tiger Park di Relau. Cadangan penubuhan ini dijangka akan menjadi produk pelancongan terbaru di Pulau Pinang. Namun begitu, penubuhan taman ini memerlukan penelitian yang terperinci memandangkan ia melibatkan keselamatan dan juga ekosistem hidupan berkenaan. Justeru, kerjasama daripada jabatan-jabatan kerajaan seperti PERHILITAN, Jabatan Hutan, MPPP dan juga Pejabat Daerah amat penting bagi merealisasikannya. Kawasan-kawasan menarik di KADUN Paya Terubong adalah seperti Taman Metropolitan, Hutan Lipur dan juga Taman Negara.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

45. Berapakah jumlah pekerja di Pulau Pinang yang kehilangan pekerjaan di Negeri Pulau Pinang sejak Januari 2008 hingga sekarang mengikut sektor dan apakah langkah-langkah yang telah dibuat untuk membantu mereka?

Y.A.B. Ketua Menteri:

45. Mengikut maklumat yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang bagi tempoh Januari 2008 sehingga Mac 2009, terdapat seramai 5,826 orang telah diberhentikan kerja yang melibatkan lima (5) sektor utama iaitu sektor pembuatan, perniagaan, perkhidmatan, pembinaan dan pengangkutan.

Daripada jumlah ini, seramai 4,153 orang pekerja telah diberhentikan kerja pada tahun 2008. Manakala, 1,673 orang pula telah diberhentikan kerja pada tahun 2009 sehingga bulan Mac.

Dalam menghadapi krisis kemelesetan ekonomi, kerajaan negeri telah mengambil beberapa langkah bagi membantu mereka yang terlibat dalam pembuangan kerja kesan daripada kemelesetan ekonomi global. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri ialah:-

(a) Meluluskan dana berjumlah RM10 juta bagi mengurangkan kesan krisis ekonomi dengan menyediakan penempatan pekerjaan sementara serta latihan dan peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur.

(b) Menubuhkan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang *(Penang Career Assistance and Training Centre [CAT])*. Pusat CAT ini telah dirasmikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada bulan Mac 2009.

(c) Pusat CAT ini bertanggungjawab untuk menghubungkan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari pekerjaan melalui peluang pekerjaan yang disediakan oleh syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan pusat CAT, mengenal pasti program latihan yang bersesuaian dan bekerjasama dengan ahli-ahli pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan.

Sehingga 24 Mac 2009, seramai 851 orang telah berdaftar dengan pusat CAT. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 2,683 kekosongan jawatan turut didaftarkan dengan pusat ini. Kebanyakan jawatan-jawatan kosong ini adalah untuk sektor perkilangan. Lanjutan dari itu, seramai 471 pendaftar yang berkelayakan telah dihubungkan ke syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka.

Selain itu, kerajaan negeri juga telah mengambil langkah-langkah berikut bagi membantu mereka yang kehilangan pekerjaan:-

(a) Menawarkan Program Bimbingan EKS. Program ini disokong oleh SMIDEC dan dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC). Program ini memberi bimbingan dan bertindak sebagai mentor perniagaan kepada mereka yang ingin memulakan syarikat Enterprise Kecil Sederhana (EKS) di samping meningkatkan daya saing syarikat-syarikat EKS ini.

(b) Menawarkan Program Intervensi EKS di mana kemahiran teknologi maklumat, penekanan kepada budaya berdaya kualiti dan pengurusan perniagaan yang berkesan diberi fokus di bawah program ini untuk memperkembangkan EKS tempatan.

(c) Menubuhkan Pusat Latihan dan Reka Bentuk Barangan Kemas untuk meningkatkan kualiti pembuatan barangan kemas bagi mereka yang berminat untuk menyertai bidang ini melalui infrastruktur perisian.

(d) Mengadakan seminar dan dialog kepada mereka yang ingin memulakan syarikat EKS yang memberi fokus kepada strategi dan langkah-langkah untuk maju dalam perniagaan.

(e) Selain itu, kerajaan negeri juga telah mengambil inisiatif untuk mengadakan dialog antara institusi-institusi kewangan, badan-badan kerajaan dan syarikat-syarikat EKS untuk membuka jalan perundingan bagi mereka yang memerlukan bantuan kewangan dan modal perniagaan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

46. (a) Lesen pasar malam Sungai Acheh dikeluarkan kepada JKKKN Sungai Acheh tetapi ianya dikelolakan oleh JKKKN Sungai Chenaam. Bagaimana perkara ini boleh berlaku?

(b) Sebahagian dari tapak pasar malam tersebut adalah tanah milik PERDA. Adakah pihak penganjur mendapat kebenaran dari pihak PERDA?

Y.A.B. Ketua Menteri:

46. (a) Lesen pasar malam Sungai Acheh tidak dikeluarkan kepada mana-mana pihak termasuk JKKK Sungai Acheh ataupun JKKK Sungai Chenaam. Pihak MPSP hanya memberikan kebenaran sementara kepada JKKK Sungai Chenaam untuk menguruskan pasar malam berkenaan. Pertimbangan ini diberi berdasarkan kepada permohonan JKKK Sungai Chenaam untuk menguruskan tapak tersebut kerana JKKK Sungai Acheh tidak mengemukakan permohonan berkenaan. Adalah menjadi dasar kerajaan negeri untuk memberikan keutamaan kepada JKKK yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk menguruskan pasar malam.

(b) Pihak penganjur tidak mendapat kebenaran daripada pihak PERDA kerana kebenaran yang diberi adalah bagi menguruskan pasar malam tersebut di atas tanah kerajaan dan tidak melibatkan tanah PERDA. Walau bagaimanapun, oleh kerana terdapat juga tanah PERDA yang digunakan oleh peniaga untuk mengusahakan pasar malam, kerajaan negeri telah mengambil daya usaha dengan mengadakan perbincangan dengan JKKK Sungai Chenaam serta Komuniti Bestari yang diberi kebenaran oleh PERDA untuk menggunakan tapak tersebut bagi tujuan pasar malam. Hasil perbincangan tersebut telah dipersetujui bahawa JKKK Sungai Chenaam akan memberikan sebahagian kutipan kepada Komuniti Bestari yang melibatkan peniaga-peniaga yang berniaga di pasar malam di tanah PERDA. Persetujuan kedua-dua pihak telah membolehkan peniaga-peniaga pasar malam sedia ada di kawasan berkenaan meneruskan perniagaan walaupun terdapat perubahan petak bagi menguruskan pasar malam sebagaimana yang dibenarkan oleh kerajaan negeri.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

47. Sejak bilakah YAB Ketua Menteri mendiami kediaman rasmi Ketua Menteri Pulau Pinang?

(a) Sila nyatakan butir lengkap kediaman tersebut?

(b) Berapakah kos yang terlibat untuk baik pulih dan penyediaan kelengkapan yang telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut? (Sila nyatakan butir-butir terperinci).

Y.A.B. Ketua Menteri:

47. Y.A.B Ketua Menteri mula mendiami di Kediaman Rasmi Y.A.B Ketua Menteri Pulau Pinang pada 21 Jun 2008. Kediaman tersebut berada dalam keadaan baik, namun terdapat beberapa pembaikan dan kerja tambahan yang dilakukan untuk memastikan keselesaan dan keselamatan penghuni. Butiran kuarters tersebut adalah seperti berikut.

Annex	- 1 unit
Ruang Tamu	- 2 (bawah dan atas)
Dapur	- 2 (dapur keluarga dan dapur penyediaan sajian majlis)
Bilik Mesyuarat	- 1 bilik
Bilik Kunjungan Hormat	- 1 bilik
Ruang Makan	- 1 ruang
Tandas/Bilik Mandi	- 3 (bahagian atas), 2 (bahagian bawah)
Bilik Komputer	- 1 bilik
Bilik Tidur	- 3 unit
Padang	- Di hadapan kuarters
Garaj Kereta	- 6 lot
Tapak Semaian	- 1 ruang
Rumah Penjaga Kuarters	- 4 unit

Senarai pembaikan dan kerja naik taraf yang telah dilaksanakan dari tempoh Kediaman Rasmi Y.A.B Ketua Menteri Pulau Pinang diduduki adalah seperti di Lampiran yang akan di letakan di atas meja Yang Berhormat.

KERJA-KERJA MEMBEKAL, MEMBAIKI DAN MENAIK TARAF SERTA YANG BERKAITAN DI KEDIAMAN RASMI KETUA MENTERI PULAU PINANG. RUMAH SRI TERATAI, JALAN MACALISTER TAHUN 2008 & 2009

No.	Butir-butir	Jabatan	Tahun	Kos (RM)
1.	Menyelenggara kebersihan di Rumah Tetamu	PSUKPP	2008	5,013.60
2.	Memasang Palang Besi dan Name Plate Rumah KM Seri Teratai	PSUKPP	2008	2,900.90
3.	Water Filter dan Water Dispenser	PSUKPP	2008	5,800.00
4.	Kerja-kerja mengecat bangunan kediaman rasmi Ketua Menteri	JKR(DTL)	2008	44,333.21
5.	Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan	JKR (DTL)	2008	6,142.15
6.	Kerja-kerja membekal perabut, alatan elektronik, permaidani dan langsir serta yang berkaitan	PSUKPP	2008	52,414.07
7.	Membina tandas di pondok polis	PSUKPP	2009	6,000.00
	JUMLAH KESELURUHAN			**122,603.03**

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

48. Sila beritahu Dewan ini mengenai rancangan kerajaan negeri untuk melatih semula mereka yang diberhentikan kerja. Sila beri butir-butir terperinci mengenai sektor-sektor yang telah mendapat latihan dan kos yang telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

48. Rancangan kerajaan negeri dalam melatih semula mereka yang diberhentikan kerja merupakan salah satu daripada objektif Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang (*Penang Career Assistance and Training Centre* [CAT]). Pusat latihan yang baru berusia 1 bulan ini telah dirasmikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 4 Mac 2009.

    Pusat CAT ini bertanggungjawab untuk menghubungkan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari pekerjaan dengan menyediakan peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan pusat CAT. Selain itu, pusat CAT ini juga akan mengenal pasti program latihan yang bersesuaian di samping bekerjasama dengan ahli-ahli pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan yang bersesuaian.

    Pusat CAT ini diuruskan oleh investPenang dengan mendapat sokongan padu daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi memudahkan individu untuk mendaftar dengan pusat CAT adalah dengan menyediakan 4 talian telefon bimbit bagi memudahkan mereka untuk membuat pertanyaan atau mendaftar dengan pusat ini selain daripada talian tetap yang telah disediakan di pejabat CAT di KOMTAR.

Pusat ini turut bekerjasama dengan *JobStreet*, di mana *JobStreet* telah memberikan perkhidmatan Tanggungjawab Sosial Korporat *(Corporate Social Responsibilities)* dengan menyediakan laman web khas kepada pusat CAT bagi memudahkan individu mendaftar secara *on-line*.

Borang-borang pendaftaran boleh diperolehi dari laman-laman web dan kaunter-kaunter PDC, MPPP, MPSP, PBAPP, PSDC dan investPenang selain daripada pusat CAT sendiri.

Lanjutan dari itu, sehingga 24 Mac 2009 seramai 851 orang telah berdaftar dengan pusat CAT. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 2,683 kekosongan jawatan telah didaftarkan dengan pusat ini. Kebanyakan jawatan kosong ini adalah untuk pekerja kilang. Sehingga kini, seramai 471 orang pendaftar yang berkelayakan telah dihubungkan ke syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan. Untuk makluman, Pusat CAT bekerjasama dengan agensi kerajaan dan juga agensi swasta untuk mengenalpasti program-program latihan yang bersesuaian untuk ditawarkan. Ini adalah untuk memastikan bahawa calon-calon yang menjalani program latihan tersebut akan turut ditawarkan dengan peluang pekerjaan atau peluang perniagaan yang bersesuaian.

Pada 21 Mac yang lalu, Pusat CAT dengan kerjasama daripada *JobStreet* telah menganjurkan *'Resume & Career Clinic'*. Melalui program ini, peserta berpeluang mendapatkan tip serta garis panduan untuk menyediakan '*resume*' yang berkualiti. Selain itu, peserta juga mendapat maklumat mengenai kerjaya pilihan, bagaimana untuk menonjolkan kebolehan yang ada dan yang paling penting peserta juga berpeluang untuk mengadakan perbincangan secara *one-to-one* dengan perunding-perunding *JobStreet*. Program tersebut telah dihadiri oleh 148 orang peserta.

Bersempena dengan acara tersebut juga, Agensi Pekerjaan Select Appointments telah mengadakan Temuduga Terbuka untuk jawatan operator pengeluaran. Hasilnya, seramai 350 orang telah ditemuduga pada hari tersebut. Kedua-dua program ini tidak melibatkan sebarang kos memandangkan ianya adalah sebahagian daripada program Tanggungjawab Sosial Korporat kedua-dua syarikat tersebut.

Pusat CAT turut bekerjasama dengan ahli-ahlinya dalam usaha untuk menyediakan peluang pekerjaan, peluang perniagaan dan keusahawanan yang bersesuaian. MPPP umpamanya telah menyediakan sebanyak 76 peluang pekerjaan bagi jawatan penjaga tempat letak kereta. Daripada jumlah yang telah ditawarkan itu, 24 kekosongan telah pun berjaya ditawarkan. Setakat ini, pusat CAT belum lagi memulakan sebarang program latihan untuk mana-mana sektor pekerjaan. Manakala sebanyak RM18,732.25 telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri yang merupakan kos permulaan bagi penubuhan pusat CAT.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

49. George Town sebagai Tapak Warisan Dunia. Apakah hasrat kerajaan negeri untuk George Town menjadi Kota Antarabangsa? Apakah strategi kerajaan negeri untuk mengimbangi kemajuan kedua-dua objektif ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

49. George Town telah diisytiharkan sebagai Kota Warisan oleh UNESCO, dengan itu Kerajaan Negeri perlu mengekalkan bangunan-bangunan di kawasan warisan selaras dengan kehendak tapak Warisan Dunia itu. Usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk menjadikan George Town sebagai Kota Antarabangsa adalah dengan memperkasakan

Pulau Pinang sebagai pusat perdagangan, perkhidmatan, membeli belah, hab pengangkutan, pusat pelancongan dan pendidikan. Strategi Kerajaan Negeri untuk memperseimbangkan kemajuan serta mengekalkan warisan budaya adalah melalui:-

(a) Mewujudkan pembangunan bersepadu di kawasan pengekalan warisan.

(b) Penggunaan semula bangunan warisan di kawasan pusat bandar digalakkan diperbaiki.

(c) Mematuhi Rancangan Tempatan Pulau Pinang yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang menggariskan dengan jelas bahawa pembangunan di kawasan berkenaan akan terkawal dengan pemuliharaan bangunan-bangunan warisan.

Ini bermakna pembangunan moden di persekitaran warisan di Bandar George Town yang seimbang adalah diutamakan oleh Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

50. Adakah kerajaan negeri mempunyai sebarang garis panduan yang jelas dan lengkap ataupun sebarang cadangan yang menarik pelancong asing supaya dapat merancang dan memilih Pulau Pinang sebagai tempat pilihan kediaman kedua (*Penang 2nd Home*) mereka? Jika ada, sila huraikan. Jika tiada, mengapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

50. Kerajaan negeri tidak mempunyai sebarang garis panduan khusus dalam mempromosikan "*Penang 2nd Home*". Ini adalah kerana program Malaysia My 2nd Home (MMH2) ini adalah di bawah kawal selia Kementerian Pelancongan Malaysia (*Tourism Malaysia*)

Walau bagaimanapun, kerajaan negeri begitu yakin bahawa dengan tarikan-tarikan pelancongan, ciri-ciri kebudayaan berbagai kaum yang kaya serta keunikan warisan dan sejarah Pulau Pinang dapat menarik ramai warga asing untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai rumah kedua mereka.

Selain daripada itu, Pulau Pinang juga telah dinamakan sebagai "*10 most liveable city in Asia*" baru-baru ini. Ini memberikan petanda baik kepada kerajaan negeri untuk terus membangunkan prasarana dalam menjadikannya sebagai sebuah bandar yang setaraf dengan bandar-bandar lain di negara maju. Kerajaan negeri akan mempertingkatkan kemudahan seperti perubatan, perbankan serta pengangkutan udara dan laut bagi memberi keselesaaan kepada penduduk asing ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

51. YAB Ketua Menteri telah membuat kenyataan bahawa Kerajaan Negeri telah berjaya menarik pelaburan berjumlah RM10 bilion. Nyatakan :

(a) Nama syarikat, negara asal, jenis dan jumlah pelaburan.

(b) Jenis-jenis perjanjian yang telah dimeterai di antara kerajaan dengan pelabur dan tarikh menandatangani perjanjian.

(c) Status pelaburan dan pembinaan kilang sehingga bulan Mac 2009.

Y.A.B. Ketua Menteri:

51. Kerajaan Negeri telah berjaya menarik pelaburan asing dan domestik sebanyak RM10.2 bilion. Negara-negara yang terlibat dalam pelaburan langsung asing yang telah diluluskan pada tahun 2008 adalah Australia, Brunei, Denmark, France, Netherlands, India, Japan, Korea, Singapore, Sweden, Switzerland, Taiwan, Thailand, USA, Germany, China, Luxembourg, Saudi Arabia dan lain-lain yang berjumlah RM5.088 bilion.

(a) Di antara nama syarikat, negara asal, jenis dan jumlah pelaburan adalah seperti berikut:-

(i) Honeywell, USA: Jumlah pelaburan RM130.0 juta, tarikh pengumuman 12 Mac 2008

(ii) Ibiden, Jepun: Jumlah pelaburan RM1.2 bilion, tarikh pengumuman 22 Mei 2008

(iii) National Instrument, USA: Jumlah pelaburan RM270juta, tarikh pengumuman 4 November 2008

(iv) Braun Medical Industries, Jerman: Jumlah pelaburan RM450 juta, tarikh pengumuman Mac 2008.

Pelaburan domestik yang telah diluluskan oleh MIDA pada tahun 2008 berjumlah RM5.069 bilion. Sektor-sektor industri utama dalam pelaburan domestik ialah:-

(i) Keluaran logam asas: jumlah pelaburan domestik RM3.293billion

(ii) Kelengkapan pengangkutan: jumlah pelaburan domestik RM1.153 bilion

(iii) Pembuatan mesin: jumlah pelaburan domestik RM164.692 juta

(iv) Keluaran elektrik dan elektronik: jumlah pelaburan RM142.777 juta

(v) Peralatan sains dan pengukuran: jumlah pelaburan domestik RM95.915 juta

Jumlah keseluruhan pelaburan yang merangkumi pelaburan langsung asing dan domestik yang diluluskan pada tahun 2008 ialah RM10.156 bilion melalui 151 projek.

(b) Mengikut Perjanjian Jual Beli tanah industri di antara PDC dan pelabur, tempoh yang diberi kepada syarikat-syarikat untuk menjelaskan kesemua bayaran (100 peratus) adalah selama 6 bulan. Pada masa ini, syarikat-syarikat tersebut berada di pelbagai peringkat pembayaran dan hanya beberapa buah syarikat sahaja yang telah memulakan pembinaan kilang.

(c) Status pelaburan dan pembinaan kilang sehingga Mac 2009, seperti di Jadual di bawah:-

JADUAL 1

Projek-Projek Yang Diluluskan Dengan Penglibatan Negara Asing Di Pulau Pinang, 2008

Negara	Bilangan	Pelaburan Langsung Asing (RM)
Australia	1	1,430,000
Brunei	1	960,000
Denmark	1	3,833,967
France	2	4,647,654
Netherlands	7	864,203,480
India	1	1,916,400
Japan	10	1,531,904,644
Korea,Republic	3	60,900,000
Singapore	11	258,216,705
Sweden	1	1,999,800
Switzerland	1	14,500,000
Taiwan	11	254,072,225
Thailand	2	46,658,709
USA	10	711,212,061
F.R Germany	6	1,104,712,863
China	1	2,254,000
Luxembourg	1	214,000,000
Saudi Arabia	1	2,000,000
Lain-lain	12	8,158,376
Jumlah	**83**	**5,087,580,884**

Sumber: MIDA

JADUAL II

Projek-Projek Yang Diluluskan Di Pulau Pinang Berdasarkan Status, 2008

STATUS	Bilangan	Pelaburan Domestik (RM)	Pelaburan Langsung Asing (RM)	Jumlah Pelaburan (RM)
Baru	84	539,396,540	2,886,285,371	3,425,681,911
Pembesaran / Pelbagaian	67	4,529,323,990	2,201,295,512	6,730,619,502
Jumlah	**151**	**5,068,720,530**	**5,087,580,883**	**10,156,301,413**

Sumber: MIDA

JADUAL III

Projek-Projek Yang Diluluskan Di Pulau Pinang Mengikut Industri, 2008

Industri	Bilangan	Pelaburan Domestik (RM)	Pelaburan Langsung Asing (RM)	Jumlah Pelaburan (RM)
Pembuatan Makanan	6	24,196,710	108,183,968	132,380,678
Minuman & Tembakau	1	3,833,967	3,833,967	7,667,934
Tekstil dan Keluaran Tekstil	5	17,000	232,160,000	232,177,000
Kayu dan Keluaran Kayu	1	17,272,038	0	17,272,038
Perabot & Kelengkapan	5	5,754,706	1,396,680	7,151,386
Kertas, Percetakan & Penerbitan	4	30,434,678	480,665	30,915,343
Kimia & Keluaran Kimia	5	7,416,000	110,741,335	118,157,335
Keluaran Petroleum (termasuk Petrokima)	1	46,739,000	0	46,739,000
Keluaran Getah	2	1,557,500	41,200,000	42,757,500
Keluaran Plastik	3	22,204	9,516	31,720
Keluaran Logam Asas	12	3,293,460,122	7,083,930	3,300,544,052
Keluaran Logam Dibentuk	20	59,735,678	13,744,800	73,480,478
Pembuatan mesin	18	164,692,405	197,625,727	362,318,132
Keluaran elektrik dan elektronik	45	142,777,361	3,726,404,078	3,869,181,439
Kelengkapan Pengangkutan	7	1,153,318,036	332,437,301	1,485,755,337
Peralatan Sains & Pengukuran	10	95,915,388	270,312,207	366,227,595
Lain-lain	6	21,577,737	41,966,709	63,544,446
Jumlah	**151**	**5,068,720,530**	**5,087,580,883**	**10,156,301,413**

Sumber: MIDA

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam):

52. (a) Apakah garis panduan bagi membina *Multi Storey Car Park* di sebelah Blok 31A, 31B dan 31C, Taman Pekaka?

(b) Apabila sesuatu rumah pangsa dibina, berapakah jumlah petak letak kereta wajib yang perlu disediakan oleh pemaju?

(c) Apakah peranan kerajaan negeri dalam menyediakan petak-petak letak kereta?

Y.A.B. Ketua Menteri:

52. (a) Mengikut rekod statistik Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), cadangan pemajuan melalui Permohonan Kebenaran Merancang JPB/PM/316(LB) (JPB/KM/K(0163/A) yang diluluskan pada 11 Jun 1987 adalah untuk mendirikan 317 unit rumah pangsa kos rendah lima (5) tingkat, 544 unit rumah pangsa kos sederhana 18 tingkat dan rumah berkembar dua (2) tingkat 18 unit.

Penyediaan tempat letak kereta dan motosikal untuk Blok31A, 31B dan 31C, Taman Pekaka adalah berdasarkan garis panduan MPPP terdahulu iaitu *By Law* 120A di mana, setiap unit rumah yang dicadangkan perlu menyediakan keluasan 200 kaki persegi untuk tempat letak kereta. Mengikut garis panduan

ini, tiada pecahan secara petak perlu disediakan. Penyediaan tempat letak kereta dan motosikal adalah 10 peratus daripada keluasan lantai penyediaan tempat letak kereta.

(b) Mengikut prosedur MPPP sekarang, semua permohonan Kebenaran Merancang perlu mematuhi garis panduan tempat letak kereta sedia ada sebelum permohonan Kebenaran Merancang dipertimbangkan oleh MPPP. Untuk makluman, pengiraan keperluan tempat letak kereta adalah seperti berikut:-

KEDIAMAN	TEMPAT LETAK KERETA/TEMPAT LETAK MOTOSIKAL (TLK/TLM)
Rumah Kos Rendah	1 petak TLK : 4 unit rumah 1 petak TLM : 1 unit rumah
Rumah Kos Sederhana Rendah	3 petak TLK : 5 unit rumah 1 petak TLM : 1 unit rumah
Pangsapuri/ Kondominium	1 petak TLK : 1 unit rumah + 10% pelawat 1.1 petak TLM atau sebahagian daripada untuk setiap unit
Lain-Lain Kediaman (Landed)	1 petak TLK : 1 unit rumah

Bagi Blok 31A, 31B dan 31C, Taman Pekaka, pengiraan penyediaan tempat letak kereta dan motosikal adalah seperti berikut:-

Tempat Letak Kereta	544 unit x 200 kaki persegi = 108,800 kaki persegi diperlukan Pihak pemaju telah menyediakan 157,381 kaki persegi
Tempat Letak Motosikal	Keluasan diperlukan ialah 10,880 kaki persegi Pihak pemaju telah menyediakan 21,877 kaki persegi

(c) Bagi skim perumahan baru, kerajaan negeri meletakkan syarat dalam kelulusan kebenaran merancang dan pelan bangunan untuk pemaju mematuhi garis panduan peruntukan tempat letak kereta. Selain daripada kehendak garis panduan, pihak PBT juga menambah bilangan petak kereta di bahu jalan yang sesuai. Apabila terdapat tekanan permintaan tempat letak kereta, pihak PBT akan membuat kajian semula sama ada jalan-jalan di persekitaran boleh ditukar kepada pengaliran sehala dan membenarkan kereta diletak di dua belah bahu jalan. Pihak PBT juga mengenal pasti tanah lapang awam yang sesuai untuk dibenarkan meletak kereta di sekeliling sempadan tanah lapang awam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan A/L Autherapady):

53. Berapakah jumlah kediaman kos rendah atau kos rendah sederhana akan dibina di Pulau Pinang untuk rakyat miskin dan nyatakan di kawasan manakah kediaman tersebut akan didirikan pada tahun 2009?

Y.A.B. Ketua Menteri:

53. Kerajaan negeri memang berhasrat untuk memenuhi keperluan perumahan rakyat miskin dan yang berpendapatan rendah. Ini adalah sejajar dengan sasaran perumahan kerajaan negeri iaitu "Satu Keluarga, Satu Rumah" samada melalui sewaan atau pembelian.

Mengikut perancangan, sebanyak 750 unit rumah kos rendah dan 864 unit rumah kos sederhana rendah akan dibina dalam tahun 2009, dengan pembahagian kawasan seperti berikut:-

(a) Kawasan MPPP sebanyak 439 unit rumah kos rendah dan 864 unit rumah kos sederhana rendah.

(b) Kawasan MPSP sebanyak 311 unit rumah kos rendah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):

54. (a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi merealisasikan semua dasar yang telah digubal dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020?

(b) Bagaimanakah caranya Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai *global city* supaya dapat diselaraskan dengan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020?

Y.A.B. Ketua Menteri:

54. (a) Kerajaan negeri telah menetapkan satu mekanisme pemantauan dan pelaksanaan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP 2020) melalui kaedah seperti berikut:

(i) Penubuhan Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan RSNPP 2020. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri dan dianggotai oleh semua jabatan-jabatan teknikal yang terlibat dengan pelaksanaan RSNPP 2020. Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri (JPBD) bertindak sebagai urus setia kepada jawatankuasa ini yang antara lainnya berfungsi seperti berikut:

- Memantau pelaksanaan dasar, program dan projek-projek yang dikenal pasti dalam RSNPP 2020;

- Jawatankuasa ini kelak akan memaklumkan keputusan/ pelaporan dari pemantauan ini kepada JPN khususnya perkara-perkara yang menyimpang dari dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh RSNPP 2020; dan

- Menyediakan laporan berkala mengenai status pelaksanaan dasar-dasar atau projek-projek yang ditetapkan, isu-isu yang berbangkit termasuk isu-isu atau masalah-masalah sekiranya sesuatu dasar tidak dapat dilaksanakan.

(ii) JPBD telah pun melaksanakan proses pemantauan ini melalui maklum balas yang diperolehi dari semua agensi yang terlibat dengan pelaksanaan dasar RSNPP 2020, meliputi semua jabatan/agensi negeri dan persekutuan.

(iii) Di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dicadangkan satu Jawatankuasa kecil pemantauan dan pelaksanaan yang sama ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Yang Di Pertua PBT yang berkenaan dan mempunyai fungsi yang hampir sama dengan Jawatankuasa Pemantauan di peringkat negeri. Di peringkat PBT, Yang Di Pertua akan membuat pelaporan kepada Jawatankuasa Pemantauan di peringkat negeri berhubung status pelaksanaan dasar RSNPP 2020 di peringkat PBT khususnya penterjemahan dasar-dasar RSNPP 2020 di dalam Rancangan-rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas pelaksanaan dasar-dasar RSNPP 2020 di peringkat mikro.

(iv) Kerajaan juga dari semasa ke semasa akan memaklumkan kepada orang ramai tentang dasar-dasar RSNPP 2020 melalui taklimat, sesi penerangan, publisiti dan dialog dengan orang ramai dan NGO bagi memastikan dasar-dasar kerajaan dapat direalisasikan dengan efisyien dan efektif dengan gandingan usaha semua pihak.

(b) Arah tuju pembangunan Negeri Pulau Pinang dalam RSNPP 2020 telah menyatakan kepentingan Negeri Pulau Pinang dalam konteks peranan, kerjasama serantau dan antarabangsa. Sehubungan itu, dasar-dasar tersebut digubal untuk mengukuhkan Pulau Pinang sebagai pusat pertumbuhan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia yang juga diserlahkan oleh Pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) serta juga pelaksanaan program-program kerjasama di bawah Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT).

Pengukuhan peranan Pulau Pinang juga boleh dilihat melalui dasar-dasar RSNPP 2020 bagi meningkatkan dan mempelbagaikan sektor pembuatan, memperkasakan peranan Pulau Pinang sebagai pusat perdagangan utama dan mengukuhkan sektor pelancongan. Di samping itu, sistem perhubungan dan pengangkutan juga dipertingkatkan untuk menjadi Pulau Pinang sebagai *Integrated Transport Hub* bagi rantau ini.

Dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai global city pelbagai aspek telah dan sedang difokuskan oleh kerajaan negeri seperti institusi pelajaran tinggi, penyelidikan dan *medical tourism*. Selain itu kemudahan-kemudahan MICE - *Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions* dibuat penambahbaikan baik bagi memastikan perkhidmatan yang ditawarkan bertaraf antarabangsa.

Pada 7 Julai 2008 George Town telah diiktiraf oleh UNESCO sebagai Tapak Warisan Dunia dan ini dengan sendirinya menjadikan Pulau Pinang terkenal di peringkat antarabangsa. Hasil daripada langkah-langkah yang dinyatakan dalam RSNPP 2020, Pulau Pinang dapat memberikan satu imej bandar global yang menarik sehingga ia telah dikurniakan kedudukan ke-10 dalam *Location Ratings Survey* oleh ECA International (di mana orang barat suka bekerja dan tinggal di Asia) seperti mana yang diterbitkan di dalam surat khabar The Star pada 11 Mac 2009.

Bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai '*global city*', pengukuhan sistem penyampaian perkhidmatan awam turut dikukuhkan dan ditingkat. Kerajaan negeri sentiasa komited untuk melengkapkan kakitangan awam dengan pengetahuan dan kemahiran terkini terutamanya di dalam teknologi maklumat supaya satu kaedah yang sistematik dan konsisten dapat diaplikasikan di dalam pemantauan dan pelaksanaan dasar-dasar negeri. Antara kaedah tersebut penggunaan aplikasi Kerajaan Elektronik (*e-Government*) bagi beberapa urusan kerajaan dalam memastikan pelaksanaan dasar kerajaan dapat dipercepatkan dan mesra pengguna.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

55. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Berkuasa Tempatan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas disebabkan oleh bas-bas Rapid yang berhenti secara sesuka hati di perhentian bas tepi jalan dalam pekan Nibong Tebal? Siapakah yang akan bertanggungjawab jika terjadinya kemalangan jiwa yang disebabkan oleh bas-bas tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

55. Tindakan yang telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengatasi masalah tersebut adalah seperti berikut:

(i) MPSP memaklumkan bahawa Jawatankuasa Pemandu (JKP) mempunyai cadangan untuk membina sebuah pusat perniagaan ala Pekan Rabu serta terminal bas di Pekan Nibong Tebal bagi kegunaan penduduk di Nibong Tebal. Lot yang terlibat untuk tujuan berkenaan adalah Lot 5707 Mukim 11, SPS yang didaftarkan atas nama UDA;

(ii) Pihak Rapid telah merancang untuk mengadakan cadangan depo sementara di atas Lot 1005, Mukim 11, SPS; dan

(iii) Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdangangan (LPKP) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa mengambil berat terhadap kesalahan jalan raya oleh kenderaaan awam dan mengambil tindakan tegas untuk mengelak tragedi yang boleh berlaku.

Sekiranya terjadi kemalangan jiwa disebabkan ketidak patuhan undang-undang, maka pengurusan Rapid Penang akan bertanggungjawab dan tindakan boleh diambil oleh LPKP dan JPJ.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

56. Apakah kriteria-kriteria pemilihan dan pelantikan seorang ahli majlis. Apakah rancangan masa depan untuk menjadikan sistem pelantikan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) lebih Cekap, Akauntabiliti Telus?

Y.A.B. Ketua Menteri:

56. (a) Kriteria pemilihan dan pelantikan seorang Ahli Majlis adalah mengikut Seksyen 10(2) Akta Kerajaan Tempatan, 1976 yang berbunyi :

"Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dilantik dari antara orang-orang yang bilangan terbesar daripada mereka hendaklah orang-orang yang biasanya bermastautin dalam kawasan pihak berkuasa tempatan itu dan yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal kerajaan tempatan atau yang telah memperolehi kejayaan terpuji dalam sesuatu profesion, perdagangan atau perindustrian, ataupun yang mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan-kepentingan kaum-kaum mereka dalam kawasan pihak berkuasa tempatan itu."

Di samping itu, kerajaan negeri telah mengenakan kriteria tambahan dalam pemilihan dan pelantikan Ahli Majlis seperti berikut :

(i) Bekas pegawai kerajaan hendaklah mereka yang bebas dari sebarang tindakan disiplin dan tatatertib hukuman berat;

(ii) Calon tidak mempunyai rekod keselamatan/jenayah (rujukan kepada Polis); dan

(iii) Calon tidak seorang muflis (rujukan kepada Jabatan Insolvensi).

(b) Di antara Rancangan masa depan yang sedang dipertimbangkan oleh kerajaan negeri untuk menjadikan sistem pelantikan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) lebih Cekap, Akauntabiliti dan Telus serta selaras dengan prinsip demokrasi ialah dengan mengadakan pemilihan Ahli Majlis melalui sistem pilihan raya. Di samping itu, kerajaan negeri menyokong prinsip *No Taxation Without Representation*.

Pelantikan Ahli Majlis di bawah kuasa kerajaan negeri.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

57. Berapakah jumlah kadar jenayah yang berlaku di Negeri Pulau Pinang dalam tempoh enam bulan yang lepas. Apakah kaedah-kaedah yang digunakan oleh pihak polis untuk mengurangkan kadar jenayah di Negeri Pulau Pinang. Sila nyatakan status kadar jenayah di Negeri Pulau Pinang berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Y.A.B. Ketua Menteri:

57. Jumlah kejadian jenayah yang berlaku di Negeri Pulau Pinang dalam tempoh enam bulan lepas adalah seperti berikut:-

Tahun (Sept 08 – Feb 09)	**Jumlah Kadar Jenayah**
Jenayah Kekerasan	1,521
Jenayah Harta benda	7,000
Jumlah Jenayah Indeks	8,521

Pihak polis Kontinjen Pulau Pinang telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk membendung dan mengurangkan jenayah. Di antara tindakan yang diambil adalah seperti berikut :-

(i) Mengadakan operasi-operasi berkala yang berterusan di semua peringkat daerah dengan mensasarkan jenayah yang menjadi penyumbang utama indeks;

(ii) Menambahkan anggota polis beruniform, membuat rondaan bit jalan kaki dan bermotosikal dan rondaan kereta peronda yang ada di setiap zon dalam usaha pencegahan jenayah terutamanya di kawasan-kawasan perumahan dan kawasan tumpuan orang ramai;

(iii) Mempertingkatkan pendekatan bersama masyarakat (antaranya Polis bersama pelanggan, hebahan media massa dan media cetak) dalam usaha memerangi jenayah terutamanya menerusi maklumat yang disalurkan dan terus dikaji serta mengambil tindakan segera; dan

(iv) Memperluaskan peranan masyarakat dalam membantu pihak polis dari semasa ke semasa akan dipertingkatkan. Pertubuhan-pertubuhan NGO, Yayasan, Majlis-majlis Perbandaran, JKKK dan sekolah-sekolah adalah kumpulan yang harus dirapati, dididik dan dipertanggungjawabkan bersama ke arah mewujudkan masyarakat bebas dari jenayah. Ini termasuklah mengadakan kempen, ceramah dan penubuhan Rakan Cops untuk menyedarkan masyarakat betapa pentingnya mengawal harta benda dan nyawa sendiri.

Kadar jenayah indeks di negeri Pulau Pinang berada di tangga yang ke lapan berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia bagi tempoh Januari hingga Februari 2008 berbanding tempoh yang sama tahun 2009, manakala kadar penyelesaian kes negeri Pulau Pinang merupakan yang tertinggi berbanding negeri lain tahun 2009.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman):

58. Nyatakan perancangan dan penyelesaian terhadap masalah miskin tegar yang disasarkan oleh kerajaan negeri menjelang Mac 2009 atau pada ketetapan masa yang ditentukan oleh kerajaan negeri mengikut kaum di Negeri Pulau Pinang

Y.A.B. Ketua Menteri:

58. Kerajaan negeri berhasrat untuk menghapuskan miskin tegar dalam tempoh setahun yang berakhir pada bulan Mac 2009. Peringkat awal mereka dibantu dari segi kewangan agar dapat keluar dari garis kemiskinan tegar yang di tetapkan iaitu pendapatan keluarga kurang dari RM500.00 dan pendapatan perkapita RM100.00 setiap bulan. Sehingga Mac 2009 seramai 728 keluarga telah menikmati sumbangan bantuan yang telah diagihkan melalui daerah masing-masing. ADUN-ADUN dan JKM juga turut memainkan peranan penting dalam menjayakannya.

Kerajaan negeri turut mempunyai perancangan supaya golongan miskin tegar mampu berdikari dengan menyediakan peluang pekerjaan, perniagaan dan pertanian. Usaha awal yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri adalah seperti berikut:

(i) Mengadakan Program Perubahan Minda supaya golongan miskin tegar mendapat pendedahan peluang pekerjaan, perniagaan dan pertanian yang ditawarkan oleh kerajaan dan swasta.

(ii) Mendapat kerjasama daripada agensi-agensi lain seperti Jabatan Pertanian, Amanah Ikhtiar Malaysia, Pusat Giatmara dan sebagainya dalam melaksanakan program-program ini.

(iii) Golongan miskin juga akan diberi latihan yang bersesuaian dan modal untuk menjalankan perniagaan bagi menjana ekonomi keluarga dan seterusnya berjaya keluar dari senarai miskin/miskin tegar.

Walau bagaimanapun, kerajaan negeri mengambil pendekatan membantu miskin tegar kepada semua golongan tanpa mengira kaum mengikut jangka masa yang ditetapkan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

59. Bilakah Akta Pelupusan Sampah Pepejal akan dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang? Adakah Kerajaan Negeri mempunyai mekanisme untuk menjaga kepentingan orang awam?

Y.A.B. Ketua Menteri:

59. Tarikh pelaksanaan Akta Pelupusan Sampah Sisa Pepejal telah beberapa kali ditunda. Tarikh baru pelaksanaan akta itu termasuk di Pulau Pinang adalah pada Jun 2009. Perkara ini diumumkan oleh YB Dato' Hamzah bin Zainudin, Timbalan Menteri, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) semasa mesyuarat Menteri Bersama EXCO Kerajaan Tempatan Negeri di Johor Bahru pada 18 Mac 2009. Kerajaan negeri telah menjemput Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk memberikan taklimat mengenai pengambil alihan pengurusan sisa pepejal PBT oleh Kerajaan Pusat tetapi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) masih belum memberi tarikh perlaksanaannya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

60. Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan dari peruntukan untuk sekolah-sekolah Agama, sekolah Cina, sekolah Tamil dan lain-lain mulai Mac 2008 hingga Mac 2009? Sila senaraikan secara terperinci nama sekolah dan jenis perbelanjaan serta nilainya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

60. Mulai Mac 2008 sehingga Mac 2009, sejumlah RM1,134,300.00 telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri untuk Sekolah-sekolah Agama, Cina dan Tamil mengikut perincian seperti berikut :

Sekolah	Bil	Perbelanjaan (RM)
Agama	13	119,250.00
Cina	10	951,000.00
Tamil	6	64,050.00
JUMLAH	**29**	**1,134,300.00**

Butiran terperinci pengagihan adalah seperti di Lampiran.

Pada tahun 2009 ini, akan diagihkan peruntukan sejumlah RM7,120,000.00 yang akan diterima oleh 17 Sekolah Agama, 100 Sekolah Cina (kerajaan), 5 sekolah Cina (swasta) dan 28 Sekolah Tamil mengikut agihan berikut:

(i)	Sekolah Agama	-	RM1.5 juta
(ii)	Sekolah Cina	-	RM4.23 juta
(iii)	Sekolah Tamil	-	RM1.5 juta
		JUMLAH =	**RM7.12 JUTA**

PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI KEPADA SEKOLAH AGAMA, SEKOLAH CINA DAN SEKOLAH TAMIL DARI MAC 2008 HINGGA MAC 2009

Bil.	Senarai Nama Sekolah	Jenis Perbelanjaan	Nilai
1	S.M.A. Tarbiah Islamiah	Sumb. Utk Sekolah Agama Tarbiah Islamiah (SRATI) Sempena Program Kem Ibadah 2008.	1,150.00
2	Sekolah Rendah Islam Tuan Abdullah	Sumb. Utk Sekolah Rendah Islam Tuan Abdullah Bagi Karnival Keluarga & Sukaneka Srita Ketujuh 2008.	100.00
3	Sekolah Rendah Islam Ad Diniah	Sumb. Utk Peralatan Sekolah (*Show P.A. Amplifier*).	1,000.00
4	Sekolah Menengah Agama Daeratul Maarifil Wataniah 2.	Sumb. Utk Lawatan Sambil Belajar Sempena 51 Thn Kemerdekaan Negara & Cuti-Cuti Malaysia 2008.	2,500.00
5	Tetuan Madrasah Irshad Al Ashraf Al Wataniyah	Sumb. Utk Pembaikan Kecil Sekolah & Pembelian Perabot.	15,000.00
6	Madrasah Manabil Ul-Ulum	Sumb. Utk Sekolah Menengah Agama Manabil Ul-Ulum.	20,000.00
7	Madrasah Al-Aminiah	Sumb. Utk Membaikpulih Bangunan Sekolah madrasah Al-Aminiah, Kg. Pertama, Permatang Pauh, Seberang Perai.	20,000.00
8	Madrasah Nurul Iman	Sumb. Utk Pembangunan Fizikal Dan Kemudahan Asas.	20,000.00
9	Madrasah Nurul Islam Padang Ibu B. Mertajam	Sumb. Utk Madrasah Nurul Islam Padang Ibu Sempena Majlis Ihtifal (Hari Kecemerlangan Pelajaran)	3,500.00
10	Bendahari Madrasah Tarbiyyah Dunniyah	Sumb. Kpd Madrasah Tarbiyyah Dunniyah Sempena Majlis Ihtifal Penyampaian Sijil Dan Hadiah Tahun 2008.	1,000.00
11	SAR Taman Alma Jaya	Sumb. Utk Sekolah Agama Rakyat Taman Alma Jaya Utk Pendawaian Elektrik.	15,000.00
12	Sekolah Ugama Rakyat Misbahul Falah	Sumb. Kpd Sek. Ren. Agama Rakyat Misbahul Falah Utk Membiayai Program Bersama Jawatankuasa-Jawatankuasa Persatuan / Pertubuhan Yang Sedia Ada.	10,000.00
13	Sek Agama Rakyat Saidina Abu Bakar As-Sidek	Sumb. Kpd Sekolah Agama Rakyat Saidina Abu Bakar As-Sidiq Utk Keperluan Sekolah.	10,000.00
	Jumlah		**119,250.00**

Bil.	Senarai Nama Sekolah	Jenis Perbelanjaan	Nilai (RM)
1	SJK (T) Bayan Lepas.	Sumbangan untuk SJK (T) Bayan Lepas Pulau Pinang.	10,000.00
2	SJK (T) Kg. Valdor	Sumbangan untuk SJK (T) Kg. Valdor, Simpang Ampat Batu Kawan, P. Pinang.	10,000.00
3	PIBG SJK(T) Tasek Permai SPS	Sumb. Utk Klinik Dana Pelajar UPSR 2008, SJK(T) Tsek Permai.	8,450.00
4	PIBG Sek Tamil Jln Sungai.	Sumb. Utk Menjalankan Program Pembelajaran Selapas Waktu Sekolah.	1,100.00
5	Jawatankuasa Bangunan Tabung SJK(T) Subramaniya Barathee	Sumb. Utk Pembinaan Bangunan Baru, SJK(T), Subramaniya Barathee, Gelugor, Pulau Pinang.	19,500.00
6	PIBG Sekolah Tamil Jalan Sungai	Sumbangan untuk menjalankan program pembelajaran selepas waktu persekolahan	15,000.00
	Jumlah		**64,050.00**

Bil.	Senarai Nama Sekolah	Jenis Perbelanjaan	Nilai (RM)
1	PIBG SJK(C) Chung Hwa (1) Butterworth	Sumb. Utk Bantuan Peralatan Kegunaan Sekolah SJK(C) Chung Hwa (1) Butterworth.	6,000.00
2	SJK (C) Kwang Hwa	Sumb. Utk SJK (C) Kwang Hwa, Sg. Nibong, 11900, P.Pinang.	10,000.00
3	SJK (C) Chong Teik	Sumb. Utk SJK (C) Chong Teik, Balik Pulau.	20,000.00
4	Jemaah Pengurus SJK (C) Li Hwa	Sumb. Utk SJK (C) Li Hwa, Permatang Tengah, 13000 Butterworth.	20,000.00
5	PIBG SJK (C) Kwang Hwa	Sumb. Utk SJK (C) Kwang Hwa, Jalan Raja Uda, 12300, Butterworth.	10,000.00
6	Lembaga Pengurus SJK (C) Kong Ming Pusat	Sumb. Utk SJK (C) Kong Ming Pusat, Jalan Air Hitam, 10460 P.Pinang.	5,000.00
	Jumlah		**71,000.00**

PERUNTUKAN KHAS Y.B. TIMBALAN KETUA MENTERI DI BAWAH B16 OS 42000 TAHUN 2008 (SEHINGGA 17 MAC 2008) PERUNTUKAN RM 500,000.00

Projek	Jumlah Perbelanjaan (RM)	% Perbelanjaan	Baki Semasa (RM)	
12 Projek	193,000.00	38.6	307,000.00	500,000.00

PERUNTUKAN KHAS Y.A.B. KETUA MENTERI DI BAWAH B16 OS 42000 TAHUN 2008 SEHINGGA 17 MAC 2008
PERUNTUKAN RM 1,000,000.00

Projek	Jumlah Perbelanjaan (RM)	% Perbelanjaan	Baki Semasa (RM)
97 Projek	1,000,000.00	100	-

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

61. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan isu-isu struktur telco haram dan bantahan terhadap WIFI di seluruh negeri atas alasan bahawa *"radio magnetic field"* boleh menjejaskan kesihatan orang awam *(public health)*?

Y.A.B. Ketua Menteri:

61. Antara langkah yang diambil kerajaan negeri untuk menyelesaikan isu-isu struktur telco haram dan bantahan terhadap WIFI ialah menubuhkan satu jawatankuasa Task Force (PANITA) yang dianggotai jabatan-jabatan kerajaan negeri dan Persekutuan untuk menyediakan garis panduan baru berkaitan dengan struktur menara telekomunikasi dan WIFI di Pulau Pinang.

Garis panduan ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat EXCO dan seterusnya dijangka mendapat kelulusan pada bulan Mei. Garis panduan ini mengambil kira pelbagai maklum balas semua pihak yang terlibat supaya ianya menjadi panduan yang praktikal dan dipatuhi. Selepas itu, tempoh tertentu akan diberi kepada tuan menara telekomunikasi untuk membuat permohonan. Jika masih ada yang belum mendapat kelulusan setelah tempoh masa yang ditetapkan, pihak PBT akan mengambil tindakan yang sewajarnya seperti mengenakan denda atau merobohkan menara.

Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan sentiasa bekerjasama dengan kerajaan negeri dan jabatan di bawahnya untuk mengadakan aktiviti-aktiviti dan program pendidikan yang dapat memberi fakta yang betul dan tepat kepada orang ramai tentang radiasi gelombang radio melalui seminar, dialog, taklimat serta membuat ujian untuk mengetahui tahap radiasi sesuatu sumber sama ada daripada perkhidmatan selular atau menara telekomunikasi.

Bagi struktur-struktur telekomunikasi yang dibina tanpa kebenaran (haram) serta tiada pelan dikemukakan dan diluluskan oleh MPPP, maka notis di bawah Akta Jalan, Parit Dan Bangunan, 1974 dikeluarkan kepada pemunya tanah/pemilik struktur telekomunikasi supaya merobohkan/menurunkan struktur tersebut. Sekiranya notis tidak dipatuhi dan masih tiada kebenaran/kelulusan diberi oleh Majlis, tindakan penguatkuasaan akan diambil sama ada dengan menurunkan struktur terbabit dan/atau mendakwa pemunya/pemilik di mahkamah. Isu berkaitan dengan telco ini sedang dibincangkan di peringkat Kerajaan Negeri untuk memberi satu arahan dan keputusan yang jelas sebelum sebarang tindakan diambil. Kerajaan Negeri juga sedia mengambil kira pandangan, maklumat serta bantahan daripada NGO seperti Penang EMFs Alliance mengenai kesan-kesan negatif radiasi daripada menara telekomunikasi.

Satu kertas makluman *Guidance To Safety And Health Aspects Of Base Stations And Mobile Phones* yang dibentangkan dalam Majlis Negara Kerajaan Tempatan ke-60 pada 3 Jun 2008 oleh Kementerian Kesihatan telah memaklumkan mengikut World Health Organization (WHO) bahawa tidak ada bukti konklusif yang ditemui bahawa sinaran tak mengion pada paras yang biasa daripada menara telekomunikasi menjejaskan kesihatan penduduk.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

62. (a) Berapakah jumlah kampung dan rumah yang terlibat dalam proses pengambilan tanah bagi Projek Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang?

(b) Berapakah bayaran pampasan yang akan diberi kepada mereka yang terlibat dan apakah bentuk pampasan tersebut?

(c) Bilakah projek itu akan bermula?

Y.A.B. Ketua Menteri:

62. Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang tertakluk kepada keputusan Kementerian Pengangkutan. Buat masa ini, perkara berhubung jumlah rumah dan kampung yang terlibat serta proses pengambilan tanah untuk projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang belum lagi diputuskan. Dengan hal yang demikian, persoalan-persoalan di atas masih belum berbangkit.

Seperti yang semua sedia maklum, Pakej Rangsangan Ekonomi yang diumumkan oleh Y.A.B. Dato' Seri Najib Tun Razak telah memperuntukkan sebanyak RM250 juta untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Kerajaan Negeri telah dimaklumkan oleh Malaysia Airport Berhad bahawa projek pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dijangka akan bermula pada bulan Jun 2009 melibatkan kawasan lapangan sedia ada. Antara komponen-komponen pembangunan adalah proses menaik taraf lapangan seperti pembesaran dan menaik taraf bangunan terminal, tempat letak kereta bertingkat, bangunan utiliti pusat baru, pagar keselamatan baru, pembesaran tempat pemakiran pesawat dan kerja-kerja infrastruktur yang berkaitan. Namun keputusan muktamad adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

63. Apa yang telah terjadi kepada cadangan YAB Ketua Menteri untuk membangunkan sebuah Pusat Pengajian Tinggi bertaraf Kolej Islam di bawah pentadbiran Kerajaan negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

63. Cadangan membangunkan sebuah pusat pengajian tinggi bertaraf kolej Islam merupakan hasrat Kerajaan negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Hab Pendidikan selari dengan rancangan Kerajaan negeri untuk mewujudkan Hab Halal Antarabangsa Pulau Pinang. Antara cadangan yang boleh dipertimbangkan ialah membina universiti Islam bertaraf dunia di Pulau Pinang. Sehubungan itu, Kerajaan negeri amat menggalak dan mengalu-alukan semua pihak yang berminat sama ada daripada badan/agensi kerajaan mahupun swasta untuk mendirikan pusat pengajian tinggi di negeri ini. Setakat ini hanya sebuah kolej yang mempunyai visi sedemikian dibangunkan di Pulau Pinang oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang iaitu Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah binti Wahab):

64. Berapa ramaikah golongan belia atau remaja di Pulau Pinang mengikut jantina, kaum dan lokasi. Apakah usaha kerajaan negeri membantu remaja mengisi masa lapang, apakah program yang dilaksanakan untuk remaja dan impak serta keberkesanannya. Adakah gejala sosial yang melanda belia adalah serius dan apakah usaha yang diambil untuk membendungnya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

64. Mengikut maklumat daripada Majlis Belia Negeri Pulau Pinang, setakat tahun 2008, jumlah golongan belia di negeri ini ialah sebanyak 41% atau seramai 587,800 orang iaitu 204,805 di Daerah Timur Laut, 89,600 orang di Daerah Barat Daya, 100,008 orang di Daerah Seberang Perai Utara, 78,585 orang di Daerah Seberang Perai Selatan dan 114,802 orang di Daerah Seberang Perai Tengah. Daripada jumlah tersebut, seramai 292,150 orang adalah lelaki dan 295,650 orang adalah perempuan. Sementara pecahan mengikut kaum pula, belia Melayu adalah seramai 280,400 orang , diikuti dengan belia Cina seramai 246,100 orang, belia India seramai 59,100 orang dan seramai 2,200 orang adalah daripada bangsa-bangsa lain.

Pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan negeri sepanjang tahun 2008 sehingga Mac 2009. Program-program yang diadakan sebagai langkah untuk membendung budaya yang tidak sihat di kalangan remaja dan belia di negeri ini adalah seperti berikut:

(i) Program X-Flow.

Program X-Flow merupakan program sukan dan rekreasi yang melibatkan pelbagai jenis sukan di negeri ini iaitu paintball, Penang Open RC Car Race, futsal dan sebagainya. Program-program ini dirancang khusus untuk remaja dan belia agar mereka tidak terjebak dengan gejala sosial.

(ii) Program Hari Minggu Di Padang Kota Lama

Program ini diadakan pada setiap hari Sabtu dan Ahad sepanjang tahun. Antara pengisian yang telah dan bakal dibuat termasuklah senaman aerobik, wayang pacak, sembang-sembang ikan, permainan layang-layang dan sebagainya. Kumpulan sasar adalah golongan belia dan juga seluruh warga Pulau Pinang.

(iii) Karnival Hari Belia Negeri Pulau Pinang 2009

Karnival Hari Belia Negeri Pulau Pinang merupakan aktiviti tahunan yang diadakan khusus untuk mengiktiraf belia di Negeri Pulau Pinang. Program tersebut akan melibatkan pelbagai pertubuhan belia di negeri ini termasuklah badan-badan beruniform.

(iv) Pertandingan Memancing Antarabangsa Pulau Pinang 2009

Pertandingan memancing Antarabangsa Pulau Pinang 2009 merupakan pertandingan memancing yang bakal diadakan selepas kejayaan penganjuran program yang sama pada tahun lepas. Program ini berjaya menarik penyertaan dari pelbagai lapisan masyarakat dan merupakan salah satu kejayaan Kerajaan Negeri yang boleh dibanggakan.

(v) Kayuh Lasak

Program berbasikal bukit lasak tahunan merentas desa dan hutan menggalakkan sukan pelancongan dan pelancongan-eko.

(vi) I- Dance

Program mendekati belia yang gemarkan tarian moden dengan pergerakan rancak. Pertandingan tarian moden untuk belia. menggalakkan gaya hidup penari sihat tanpa pengaruh dadah dan alkohol. Kempen "*Be A Healthy Dancer - No Drugs and Alcohol*" dijalankan serentak.

(vii) Pertandingan Kugiran

Pentas pertandingan untuk kugiran-kugiran tempatan bagi menonjolkan bakat mereka. Platform untuk menggalakkan kreativiti dalam bidang muzik dan seni bagi belia.

(viii) Sukan Pulau Pinang (SUKPEN) IV 2009

SUKPEN merupakan platform kepada para belia untuk mengenengahkan bakat mereka dalam bidang sukan. Program ini diadakan bertujuan untuk mencungkil bakat baru untuk SUKMA yang akan datang selain untuk mengaktifkan aktiviti sukan di peringkat daerah. Sebanyak 36 acara sukan akan dipertandingkan.

(ix) Festival Sukan Kombat (FESKOM) 2009

Acara sukan ini melibatkan belia yang aktif di dalam sukan kombat seperti pencak silat, karate-do, wushu dan taekwando. Penganjuran sukan ini bertujuan untuk menilai tahap sebenar atlet Pulau Pinang sebelum menghadapi SUKMA XII 2010 di samping untuk mengenal pasti kelemahan dan kekuatan atlet Pulau Pinang dan atlet dari negeri-negeri yang menyertai kejohanan ini.

(x) Majlis Bersama Angkasawan Negara

Program ini telah melibatkan 40 orang peserta bagi mendengar pengalaman Dr. Syed Muzaffar, angkasawan negara, berkenaan pengalaman beliau semasa berada di angkasa. Majlis tersebut telah berlangsung di dewan DSTP, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

(xi) Kem Motivasi Remaja

Kerajaan negeri melalui Majlis Belia Negeri Pulau Pinang (MENPP) telah bekerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) bagi mengadakan Kem Motivasi Remaja pada 28 Mac hingga 30 Mac 2008. Kem ini bertempat di Hotel Harvard, Sungai Petani, Kedah Darul Aman. Seramai 60 orang peserta telah mengikuti kem ini. Kem ini menekankan aspek pembentukan diri dan sikap remaja masa kini melalui pendekatan kerohanian.

(xii) Klinik Paintball

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan Klinik Paintball bersama pemimpin-pemimpin belia Negeri Pulau Pinang di tapak Paintball Combat Centre, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan pada 1 Mei 2008. Seramai 120 orang peserta yang mewakili Badan Gabungan Majlis Belia Negeri Pulau Pinang. Ia merupakan sukan yang baik dan dapat merapatkan hubungan Badan-Badan Gabungan Majlis Belia Negeri Pulau Pinang.

(xiii) Kem Jati Diri Remaja

MBNPP dengan kerjasama ABIM Negeri Pulau Pinang telah mengadakan Kem Jati Diri Remaja pada 20 Jun hingga 22 Jun 2008 di Kem Kuala Gula, Perak Darul Ridzuan. Seramai 60 orang peserta telah mengikuti kem ini. Perkhemahan ini bertujuan membentuk sahsiah dan jati diri para peserta agar lebih bersedia untuk menghadapi cabaran di masa hadapan.

(xiv) Mini Pameran Karnival Belia

Pada 22 Jun 2008, MBNPP telah mengadakan Mini Pameran Karnival Belia bertempat di Autocity, Juru. Pameran ini diadakan sebagai salah satu usaha untuk menarik golongan belia menjadi ahli pertubuhan belia.

(xv) I "M" The Survivor

Program I "M" The Survivor disertai seramai 600 orang peserta. Program ini telah diadakan di sekitar Padang Kota Lama dan New World Park, Penang. Matlamat utama program ini ialah untuk memberi pendedahan kepada anak-anak muda tentang halangan-halangan yang perlu ditempuhi oleh mereka, seterusnya mencari jalan penyelesaian yang terbaik bagi masalah yang dihadapi dengan mudah.

(xvi) Telematch Belia Dan Gaya Hidup Sihat

Kerajaan negeri turut mengadakan Telematch Belia Dan Gaya Hidup Sihat di Taman Belia Perbandaran Pulau Pinang yang disertai oleh 500 orang peserta. Program tersebut merupakan platform untuk mengeratkan lagi hubungan di antara pertubuhan belia yang terdapat di Negeri Pulau Pinang.

(xvii) Pertandingan Kejohanan Bowling Remaja

Kerajaan negeri dengan kerjasama MBNPP telah menganjurkan Kejohanan Bowling Remaja bertempat di Penang Bowl, Georgetown pada 27 September 2008. Seramai 200 orang peserta telah mengambil bahagian dalam kejohanan ini.

Kerajaan negeri sedar bahawa usaha untuk mencegah gejala sosial seharusnya bermula di peringkat sekolah. Dengan itu, pendedahan dan penerangan tentang gejala sosial kepada pelajar perlu diteruskan. Kerajaan negeri dengan kerjasama Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menempatkan pegawai polis di semua sekolah menengah dan sekolah rendah yang dikenali sebagai Pegawai Perhubungan Sekolah bagi mengawal selia serta mendidik para pelajar. Pegawai yang dilantik sentiasa mendampingi, bekerjasama dan berinteraksi dengan pihak sekolah dan murid-murid sebagai langkah awal pencegahan jenayah bagi menyemai perasaan negatif dan benci kepada perlakuan yang melanggar undang-undang.

Bagi mencegah murid-murid sekolah terlibat dalam kegiatan jenayah dan perlakuan menyalahi undang-undang dan tidak bermoral sama ada di dalam ataupun di luar sekolah, PDRM Pulau Pinang telah mengadakan 145 kali ceramah, 98 kali sesi dialog sepanjang tahun 2008. Selain itu, sebanyak 130 kali program pameran telah dijalankan termasuklah pameran pencegahan jenayah, penyalahgunaan dadah, keselamatan jalanraya dan subjek-subjek lain yang boleh membantu mempertingkatkan tahap keselamatan diri dan kesedaran sosial mereka.

Gejala-gejala sosial yang melanda belia tidaklah serius. Dengan itu, kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menganjurkan beberapa program seperti Kelab Pencegahan Jenayah di semua sekolah menengah dan rendah. Pelbagai seminar PIBG telah diadakan di setiap daerah bagi menimbulkan kesedaran mengenai isu-isu remaja dan belia pada masa kini seperti jenayah, lumba haram dan sebagainya. Bagi remaja-remaja bermasalah pula, Program Jati Diri Sekolah Menengah telah dilaksanakan dan begitu juga dengan Program Rancangan Integrasi Murid Perpaduan (RIMUP) untuk meningkatkan semangat perpaduan di kalangan remaja. Kumpulan sasar JKM adalah terdiri daripada belia berumur 18 tahun. Berdasarkan kepada kumpulan sasar ini, JKM melalui Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) telah menubuhkan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) bagi tujuan mengisi masa lapang dan membendung gejala sosial. Terdapat 9 buah PAKK di negeri ini yang menjalankan aktiviti bercorak harian, bulanan dan tahunan. Seramai 484 orang kanak-kanak dari seluruh negeri Pulau Pinang telah berdaftar di PAKK. Antara usaha PAKK untuk membendung gejala sosial adalah melalui aktiviti-aktiviti secara berterusan iaitu:

(i) Kelas mengaji

Kelas mengaji ini diwujudkan di PAKK yang mempunyai kanak-kanak Islam sebagai ahlinya. Kebiasaannya, kelas mengaji diadakan pada sebelah petang untuk mengajar kanak-kanak mengaji dan tajwid.

(ii) Kelas tuisyen

Kelas tuisyen diadakan khusus untuk membimbing kanak-kanak dari segi pelajaran. Kebiasaannya, kelas tuisyen diadakan pada sebelah petang atau malam mengikut kesesuaian dan kelapangan kanak-kanak.

(iii) Kompang

Aktiviti kompang ini diadakan untuk mengajar kanak-kanak teknik bermain kompang. Selain daripada itu, aktiviti bermain kompang ini juga dapat mengisi lapang kanak-kanak dengan aktiviti yang berfaedah.

(iv) Kelas komputer

Kelas komputer kebiasaannya diadakan pada sebelah petang dan pada hujung-hujung minggu. Kelas komputer ini adalah untuk membimbing kanak-kanak dengan penggunaan teknologi komputer dan melatih kanak-kanak untuk mahir menggunakan komputer.

(v) Kelas membaca dan bercerita

Kelas ini diwujudkan untuk menarik minat kanak-kanak untuk gemar membaca. Kelas ini juga diharapkan dapat mengurangkan bilangan kanak-kanak yang tidak tahu membaca dan sekaligus mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti yang berfaedah; dan

(vi) Kelas kebudayaan

Kelas kebudayaan ini diadakan untuk melatih kanak-kanak dengan aktiviti-aktiviti kesenian dan kebudayaan. Selain itu, aktiviti ini juga dapat menarik minat kanak-kanak untuk mencintai kesenian warisan kita.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

65. Apakah alasan kerajaan negeri tidak melantik Pegawai Daerah menjadi Ahli Majlis sedangkan mereka lebih arif dalam hal-hal tanah dan pembangunan daerah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

65. Peraturan pemilihan Ahli Majlis diperuntukkan dalam Seksyen 10 Akta Kerajaan Tempatan. Bilangan maksima Ahli Majlis sesebuah Majlis Perbandaran ialah 24 dan manakala minima ialah 8.

Akta Kerajaan Tempatan tidak mewajibkan Pegawai Daerah dilantik sebagai Ahli Majlis. Seksyen 10(2) Akta Kerajaan Tempatan memperuntukkan supaya calon pilihan Ahli Majlis adalah dari yang terbaik supaya dapat membantu Majlis. Kelayakan Ahli Majlis digariskan dalam Seksyen 10(2) Akta Kerajaan Tempatan yang berbunyi:

> ”Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dilantik dari antara orang-orang yang bilangan terbesar daripada mereka hendaklah orang-orang yang biasanya bermastautin dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu dan yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal Kerajaan Tempatan atau yang telah memperolehi kejayaan terpuji dalam sesuatu profesion, perdagangan atau perindustrian, atau pun yang mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan-kepentingan kaum-kaum mereka dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu. ”

Rasional Kerajaan Negeri dalam pemilihan Ahli Majlis baru untuk menggantikan jawatan yang dikosongkan Pegawai Daerah adalah untuk memberi peluang kepada orang tempatan lain yang memahami isu tempatan. Dengan itu, mereka boleh memberi cadangan kepada masalah yang dihadapi penduduk secara berkesan serta mewakili kepentingan penduduk tempatan.

Walaupun kini tidak ada Pegawai Daerah dalam mesyuarat Majlis kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan namun, Yang DiPertua MPPP dan MPSP sebagai pengerusi mesyuarat Majlis masih terdiri daripada pegawai kerajaan yang mempunyai pengalaman luas dalam hal pentadbiran termasuk isu tanah dan undang-undang. Mereka berupaya menasihati Majlis dalam pelbagai isu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

66. Sila nyatakan keadaan sebenar status Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas sama ada akan di naik taraf atau sebaliknya. Jika ya, nyatakan kerja-kerja yang akan dilaksanakan dan kosnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

66. Kerajaan Negeri telah dimaklumkan oleh Malaysia Airport Berhad dan Kementerian Pengangkutan bahawa projek pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dijangka akan bermula pada bulan Jun 2009 melibatkan kawasan lapangan sedia ada. Antara komponen-komponen pembangunan adalah proses menaik taraf lapangan seperti pembesaran dan menaik taraf bangunan terminal, tempat letak kereta bertingkat, bangunan utiliti pusat baru, pagar keselamatan baru, pembesaran tempat pemakiran pesawat dan kerja-kerja infrastruktur yang berkaitan. Sejumlah RM250 juta diperuntukkan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi yang telah diumumkan oleh Y.A.B. Dato' Seri Najib Tun Razak.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

67. Apakah rancangan kerajaan negeri untuk mendorong belia-belia supaya menjalankan perniagaan dengan lebih kreatif? Bolehkah kerajaan negeri menimbangkan satu tapak pasar malam/perniagaan kecil yang hanya untuk golongan belia supaya langkah tersebut dapat meningkatkan minat dan menggalakkan perniagaan kreatif di kalangan golongan belia?

Y.A.B. Ketua Menteri:

67. Untuk mendorong belia-belia supaya menjalankan perniagaan dengan lebih kreatif, kerajaan negeri melalui Majlis Belia Negeri akan menganjurkan Seminar Motivasi Keusahawanan Belia. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada golongan belia mengenai peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi belia. Melalui program ini juga belia berupaya untuk menentukan peluang-peluang kerjaya dalam bidang keusahawanan. Pengalaman sebenar *(success story*) usahawan turut dikongsikan untuk memudahkan pemahaman dan penerimaan belia. Belia juga akan didedahkan dengan teknologi ICT yang boleh diaplikasikan dalam perniagaan dalam usaha untuk meningkatkan bilangan usahawan yang lebih kreatif.

Selain itu, kerajaan negeri juga telah melaksanakan rancangan-rancangan bagi menggalakkan belia untuk menjalankan perniagaan dengan lebih kreatif melalui:-

(i) Menerapkan budaya keusahawanan di kalangan generasi muda melalui pelaksanaan program Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi iaitu Program Usahawan Muda. Program yang dilaksanakan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah semenjak tahun 1998 melibatkan 7,400 pelajar akan terus dipertingkatkan. Melalui kiosk yang dibina Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), pelajar berpeluang untuk menjalankan aktiviti perniagaan secara *hands-on* di sekolah masing-masing di samping mengikuti program-program seperti kursus, konvensyen, kem keusahawan dan lawatan usahawan. PDC berharap program ini akan melahirkan golongan belia yang kreatif untuk menjalankan perniagaan di masa akan datang;

(ii) Bekerjasama dengan Multimedia Development Corporation (MDeC) dalam melaksanakan Program MSC Malaysia Inno Tech yang bermatlamat untuk menyediakan ruang kepada usahawan ICT terutamanya daripada golongan belia yang kreatif untuk diketemukan dengan syarikat-syarikat modal teroka tempatan supaya dapat bekerjasama dan berkongsi kreativiti dan inovasi ke arah mewujudkan lebih ramai bilangan usahawan tekno yang kreatif dan berstatus MSC;

(iii) Menyediakan sebuah *Enterprise Lab* di Kompleks Mayang Mall, Bandar Bayan Baru yang akan berperanan sebagai pusat inkubator dengan kerjasama MDeC untuk memberi peluang kepada usahawan tekno baru terutamanya dari golongan belia yang kreatif untuk memulakan perniagaan mereka di dalam Bandar Siber Pulau Pinang;

(iv) Melaksanakan program Pembangunan Pertanian bagi mendorong belia menceburi bidang pertanian sebagai perniagaan dengan lebih kreatif. Antara program Pembangunan Pertanian yang boleh diceburi oleh belia ialah Pembangunan Industri Tanaman Makanan, Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan (Industri Asas Tani), Pembangunan Lain-lain Tanaman Ekonomi, Pembangunan Kawasan Kelapa, Pembangunan Sumber Manusia, Pembangunan Kelompok Tani, Pembangunan Petani Pelapis dan Pembangunan Aktiviti Jualan Terus;

(v) Menyediakan Insentif Galakan Teknologi, di mana insentif ini meliputi Infrastruktur Ladang seperti pembersihan dan perparitan, Input Pertanian seperti baja dan racun serta Mekanisme Ladang seperti pam air, *cultivator* dan lain-lain dalam bentuk pinjaman;

(vi) Mengadakan Program Pembangunan Projek Industri Asas Tani, di mana program ini melibatkan pembinaan bengkel baru dan menaik taraf bengkel, peralatan atau mesin dalam bentuk pinjaman dan pembangunan produk seperti pembungkusan; dan

(vii) Menyediakan Perkhidmatan Pengembangan Perladangan Kelompok iaitu termasuk Khidmat Nasihat Teknikal dan Pengurusan Projek, Latihan Teknikal, Petak Demontrasi, Lawatan Belajar ke Projek Yang Berjaya, Insentif Amalan Teknologi Pertanian, Bimbingan Pemasaran Hasil Pertanian, Diagnostik Tanaman, Klinik Pengembangan (Dr. Pokok), Pameran dan Promosi dan Media Pengembangan.

Sehingga kini, kerajaan negeri tidak mempunyai cadangan untuk mewujudkan tapak pasar malam atau perniagaan kecil khusus untuk belia. Walau bagaimanapun, belia-belia adalah digalakkan menjalankan perniagaan di pasar malam yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dengan mematuhi syarat pelesenan sedia ada. Namun begitu, kerajaan negeri melalui PDC juga bersedia untuk menimbangkan cadangan mewujudkan tapak perniagaan bagi menggalakkan perniagaan kreatif di kalangan belia dalam perancangan bandar baru di Batu Kawan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Nak bahas tidak boleh dah, masa tidak ada.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, 3 jam untuk soalan lisan sudah tamat. Bagi soalan yang tidak sempat dijawab diminta Y.A.B. Ketua Menteri memberi jawapan secara bertulis kepada Ahli yang bertanya selaras dengan sub peraturan 26(7) peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Setiausaha:

Soalan Bertulis

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Tuan Speaker, jawapan-jawapan kepada soalan-soalan bertulis akan dibentangkan atas meja Ahli-ahli yang bertanya dan akan dimasukkan dalam penyata rasmi persidangan.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula pada hari Selasa 21 April jam 9.30 pagi.

Dewan Ditangguhkan Pada Jam 5.30 Petang.

SENARAI PERMIT KUARI TAHUN 2008

1) SEBERANG PERAI UTARA

Bil :	Nama Kuari / Status	Tuanpunya Tanah/Operator	Keluasan	No.Lot / Mukim	Anggaran Baki Jangka Hayat	Jumlah Royalti/Catatan (RM)
1.	Nama Kuari : (Tanah Merah)	Tuanpunya Tanah : Ismail Trading & Transport No.16 Jalan 3/3, Taman Seri Indah, B.T 11,Cheras,43200 Selangor. (Koperasi Mahadaya)	198 Ekar	Lot 1285 Mukim 13 (Bukan Geran First Grade)	10 tahun	Telah diluluskan permohonan pada 21 November 2008 dan belum dikeluarkan permit kerana pemohon perlu mematuhi beberapa syarat seperti bayaran deposi ,jalan dan pelan kerja tanah.
2.	Tanah Merah	PMC Sdn.Bhd No.24 Lorong Perda Utama,Bandar Perda,14000Bukit Mertajam	21.6562 Ekar	Lot 1811,1812 Mukim 13		Telah diluluskan permohonan pada 21 November 2008 dan belum dikeluarkan permit kerana pemohon perlu mematuhi beberapa syarat seperti bayaran deposit,jalan dan pelan kerja tanah..

2) SEBERANG PERAI TENGAH

Bil :	Nama Kuari / Status	Tuanpunya Tanah/Operator	Keluasan	No.Lot / Mukim	Anggaran Baki Jangka Hayat	Jumlah Royalti/Catatan (RM)
1.	Boon Sun Seraksi Sdn. Bhd (Granite)	Hanson Kuari Sdn. Bhd.	24,287.00m2	Lot 908, Mukim 20, S.P.T, HS (M)604	5 tahun	10,929.45 sb. (131,153.40 thn)
2.	Kuad Sdn. Bhd. (Granite)	Kuad Sdn. Bhd	201,552.449 m2	PT. 44, Mukim 20, S.P.T HS(D) 1116	14 tahun	42,937.13 sb. (515,245.56 thn)
3.	Batu Tiga Kuari (Granite)	Batu Tiga Kuari	4.677 H	Lot 1509, Mukim 20, S.P.T. HS (D) 1	5 tahun	27,323.77 sb. (327,885.24 thn)
4.	Tar San Kuari (Granite)	Hanson Kuari Sdn. Bhd.	70,487.3284 M2	PT.43, Mukim 20, S.P.T HS(D) 1115	14 tahun	Tidak beroperasi
5.	Teik Granite Kuari Sdn. Bhd. (Granite)	Teik Granite Kuari Sdn. Bhd	707= 2.028A 411= 5.681A	Lot 707,411, Mukim 20		29,275.30 sb. (351,303.60 thn)
6.	Weng Lee Kuari Sdn. Bhd. (Granite)	Weng Lee Kuari Sdn. Bhd.	229= 10.344A; 237=2099.2193 M2; 248= 1.474A; 1488= 5.837 A; 1491= 3.994 A.	Lot 229, 237, 248, 1488 – 1491. Mukim 17		29,275.30 sb. (351,303.60 thn)

7.	Tar San Kuari Sdn. Bhd. (Granite)	Tar San Kuari Sdn. Bhd.	6.81 A	Lot 1263, Mukim 20,		43,912.95 sb. (526,955.40 thn)
8.	Ban Seng Huat Sdn.Bhd (Granite)	Batu Tiga Kuari Sdn.Bhd	1484= 2.356 A; 1475= 2.919 A; 1477= 0.147 A; 238= 1.451 A; 1486= 2.487A.	Lot 1484,1475,1477,238 dan 1486 Mukim 17	5 tahun	27,323..60 sb. (327,883.20 thn)
9.	Saw Chong Teok Kuari Sdn.Bhd (Granite)	Kuari Utama Sdn.Bhd	229.000M2	Sebahagian Lot 834,Mukim 12		39,033.74 sb. (390,337.40) Jan.- Okt.2008
10.	Fuji Strata Sdn.Bhd (dahulu P.W.Mix) (Granite)	Hunza Distripak Sdn.Bhd	19.325 A	Lot 1022,1023, Mukim12		(Dikecualikan bayaran royalti) Tanah First Grade
11.	Foo Yen Soo & Sons Sdn.Bhd (Granite)	Foo Yen Soo & Sons Sdn.Bhd	168= 2.356 A; 177= 1.089 H; 178= 1.446 H; 179= 1.028 H; 1936= 138.00 M2.	Lot167,168,177,178, 179,180 dan 1936 Mukim 20		(Dikecualikan bayaran royalty) Tanah First Grade
12.	Lean Seng Chan Sdn.Bhd (Granite)	Lean Seng Chan Sdn.Bhd	14.012 A	Lot 1019 Mukim 12		(Dikecualikan bayaran royalty) Tanah First Grade
13.	E.Approach Sdn. Bhd.	E.Approach Sdn. Bhd.	8.36 ekar (3.383 hektar)	925,926,927, 928, 961, 365 Mk 11		49,843.90 (Sept-Dis 2008)

14.	Sasmax Quarry Sdn. Bhd.	PBA	9.858 hektar	1010, 1023, 1024 dan 1344 Mk.12		133,000.00(Sejumlah RM800,000 bayaran royalty dikira pada kadar RM1.00 per cubic meter bagi sejumlah 800,000 cubic meter yang dipohon bagi peringkat pertama pelaksanaan projek. Merupakan projek awam untuk maksud membina takungan air. RM133,000.00 adalah bayaran pertama daripada sejumlah 6 kali ansuran .

3) SEBERANG PERAI SELATAN

Bil :	Nama Kuari / Status	Tuanpunya Tanah/Operator	Keluasan	No.Lot / Mukim	Anggaran Baki Jangka Hayat	Jumlah Royalti/Catatan (RM)
1.	Tanah Merah	Chua Kok Hian		Lot 459 Mukim 1	2011	Tanah First Grade dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/28
2.	Tanah Merah	Loh Thow Yoong Sdn.Bhd		Lot 400 &401 Mukim 14	2016	Tanah First Grade dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/68
3.	Tanah Merah	Khor Kim Sneah	3.156 ekar	Lot 839,904&905 Mukim 4	2013	Tanah Pertanian dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/49

4.	Tanah Merah	Motif Unik Sdn.Bhd		Lot 434 (Plot A) Mukim 6	2009	Tanah Pertanian dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/82
5.	Tanah Merah	Ong See Huat	14.608 ekar	Lot 1838, 2568&2569 Mukim 11	2013	Tanah Pertanian dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/25
6.	Tanah Merah	Asas Dunia Berhad	28.418 ekar	Lot 331,332,336,339 &340 Mukim 6	2009	Tanah Pertanian dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/12
7.	Bahan Batuan	Welepeq Sdn.Bhd	81.28 ekar	Lot 40,41,129,134, 135,169,170,171,213,267 Mukim 3	2015	Tanah Pertanian dan telah dikeluarkan permit.No.Fail: PTSPS/H/A/50
8.	Bahan Batuan (Granit)	Pakatan Protim Properties Sdn.Bhd		Lot 407,408 dan 409 Mukim 14	2015	Belum ada permit PTSPS/HG/A/10
9.	Tanah Merah	Motif Unik Sdn.Bhd		Lot 434 (Plot B) Mukim 6	2014	
10.	PDC Nusabina Sdn.Bhd	PDC Nusabina Sdn.Bhd		Lot 176,248,1449 Mukim13	2012	
11.	Zambina Wawasan Sdn.Bhd	PDC Nusabina Sdn.Bhd		Lot 144,275,276,277dan 278 Mukim 13	2011	

4) DAERAH TIMUR LAUT

Bil :	Nama Kuari / Status	Tuanpunya Tanah/Operator	Keluasan	No.Lot / Mukim	Anggaran Baki Jangka Hayat	Jumlah Royalti/Catatan (RM))
1.	Kuari Sementara Wee Lian Construction,Jalan Bukit Dumbar (Granit)	Boon Siew Sdn.Bhd	4.19 Ha	Lot 7595,Mukim 13 Daerah Timur Laut		Dalam proses permohonan borang 4C No Fail: PTTL/PP/G/3267

5) DAERAH BARAT DAYA

Bil :	Nama Kuari / Status	Tuanpunya Tanah/Operator	Keluasan	No.Lot / Mukim	Anggaran Baki Jangka Hayat	Jumlah Royalti/Catatan (RM))
1.	Bahan Batuan (Granit)	Sofinaz Holdings Sdn.Bhd	34.1316 Ekar RM 408,436.00	Lot 277,625,627,628, 629,2342, Mukim 12		Kelulusan melalui PTG/PP/811/JLD 1 (26) Bth. 05/01/1993 dan telah dikeluarkan permit.
2.	Tanah Merah	Sofinaz Holdings Sdn.Bhd	3.2870 Ekar	Lot 628 Mukim 12		Kelulusan oleh PTD Bth:19/02/2008 dan telah dikeluarkan permit.

3.	Bahan batuan (Granit)	MTT Properties & Development Sdn.Bhd. Suite 7a, 7th floor Wisma MTT, 26 Pengkalan Weld	35000 meter padu RM105,000.00	Sebahagian Lot 255 Mukim 4		Kelulusan oleh PTD Bth:30/04/2008 dan belum menjelaskan bayaran royalti.
4.	Tanah Merah	MTT Properties & Development Sdn.Bhd. Suite 7a, 7th floor Wisma MTT, 26 Pengkalan Weld	33600 meter padu RM 33,600.00	Sebahagian Lot 255 Mukim 4		Kelulusan oleh PTD Bth:30/04/2008 dan belum menjelaskan bayaran royalti.
5.	Bahan batuan (Granit)	Minetech Construction Sdn. Bhd.	70.8405 Ekar RM 55,103.37	Lot 202, 236, 403, 516, 711-715, 761,765, 980-983 Mk.11 DBD		Kelulusan oleh PTD Bth:30/04/2008 dan belum menjelaskan bayaran royalti.
6.	Tanah Merah	Assetway Development (m) Sdn.Bhd	3.5697 Ekar	Lot 1172,1173-1174, 1179,1180 Mukim 12		Kelulusan oleh PTD Bth:17/11/2008 dan belum menjelaskan bayaran royalti.
7.	Tanah Merah	Shanor Enterprise (m) Sdn.Bhd	18000 meter padu RM54,000.00	Jalan Pintas Bayan Lepas (bypass) dari Jalan Dato' Ismail Hashim ke simpang Batu Maung Mukim 11		Kelulusan oleh PTD Bth:19/01/2009 dan belum menjelaskan bayaran royalti.